


PENYATA RASMI
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR KE-13

Pada
12 HINGGA 20 NOVEMBER 2014

Disediakan oleh
PEJABAT DEWAN NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

PENYATA RASMI

PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

PADA
12 HINGGA 20 NOVEMBER 2014

DISEDIAKAN OLEH
PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI PERTAMA, RABU, 12 NOVEMBER 2014	
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.	6
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	6
5.	Soalan-Soalan Lisan.	7
6.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2014.	25
7.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2014.	38
8.	Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (Pindaan) 2014.	40
9.	Penangguhan.	55

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KEDUA, KHAMIS, 13 NOVEMBER 2014	
1.	Kehadiran.	56
2.	Doa.	61
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.	61
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	61
5.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014.	61
6.	Penangguhan.	90
	HARI KETIGA, AHAD, 16 NOVEMBER 2014	
1.	Kehadiran.	91
2.	Doa.	96
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.	96
4.	Soalan-Soalan Lisan.	96
5.	Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014.	111
6.	Penangguhan.	174

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KEEMPAT, ISNIN, 17 NOVEMBER 2014	
1.	Kehadiran.	175
2.	Doa.	180
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.	180
4.	Soalan-Soalan Lisan.	180
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014.	196
6.	Penangguhan.	258
	HARI KELIMA, SELASA, 18 NOVEMBER 2014	
1.	Kehadiran.	259
2.	Doa.	264
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.	264
4.	Soalan-Soalan Lisan.	264
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014.	279
6.	Penangguhan.	358

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KEENAM, RABU, 19 NOVEMBER 2014	
1.	Kehadiran.	359
2.	Doa.	364
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.	364
4.	Soalan-Soalan Lisan.	364
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014.	381
6.	Penangguhan.	462
	HARI KETUJUH, KHAMIS, 20 NOVEMBER 2014	
1.	Kehadiran.	463
2.	Doa.	468
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.	468
4.	Soalan-Soalan Lisan.	468
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014.	485
6.	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2015.	501

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
7.	Rundingan- Rundingan Dengan Tidak Payah Diberitahu.	507
8.	Rundingan Mengenai Ahli Dewan Negara.	507
9.	Penangguhan.	508
10.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	509

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI PERTAMA	RABU, 12 NOVEMBER 2014	BIL. 6 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaratuh. Salam sejahtera dan selamat pagi. Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan Selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini, kita akan menyambung Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. Persidangan kali ini akan mengambil masa selama 7 hari mulai hari ini sehingga 20 November 2014.

Sebelum kita meneruskan sesi Persidangan, sukacita saya dan Ahli-Ahli Dewan Negeri merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan pasangannya Cik Khaleeda binti Bustamam yang telah melangsungkan perkahwinan pada 8 November 2014 yang lalu. Dewan ini seterusnya mendoakan perkahwinan ini berkekalan hingga ke akhir hayat, insya-Allah.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 25, 26 dan 29 Tahun 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 32 dan 33 Tahun 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 34 hingga 47 Tahun 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 48 Tahun 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 49 Tahun 2014.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 50 dan 51 Tahun 2014.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. Soalan saya, soalan pertama.

Minta penjelasan status hutang Kerajaan Negeri Johor berakhir pada 30 September 2014. Nyatakan kepada pihak mana Kerajaan Negeri Johor berhutang. Apakah pelan yang dirangka dalam mengurangkan atau menyelesaikan hutang-hutang tersebut?

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, baki hutang awam Kerajaan Negeri setakat 30 September 2014 adalah berjumlah RM528.18 juta. Pecahan daripada jumlah tersebut menunjukkan sebanyak RM25.89 juta adalah pinjaman bagi projek rumah awam kos rendah. Sebanyak RM76.86 juta untuk pinjaman projek-projek Perbadanan Johor. Sejumlah RM334.51 juta untuk pinjaman projek bekalan air dan baki sebanyak RM90.92 juta adalah untuk lain-lain pinjaman. Semua pinjaman-pinjaman ini dibuat dan diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan.

Tindakan yang berterusan telah dan akan diambil bagi menyelesaikan baki hutang dan tunggakan sedia ada dengan mensasarkan pengurangan baki hutang sehingga ke paras 50% daripada baki hutang sedia ada di samping membayar balik pinjaman mengikut jadual sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Untuk itu, langkah pertama Kerajaan Negeri adalah berbincang bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk melupuskan baki pinjaman bagi projek bekalan air berjumlah RM334.51 juta yang terlibat dengan migrasi perkhidmatan bekalan air. Sekiranya pinjaman berkenaan dipersetujui untuk dilupuskan mengikut tempoh yang ditetapkan, maka baki pinjaman tersebut akan dikeluarkan daripada rekod pinjaman Kerajaan Negeri dan kesannya akan mengurangkan baki pinjaman dengan ketara.

Selain itu, tumpuan juga diberi kepada penyelesaian pinjaman bagi projek Perbadanan Johor berjumlah RM76.86 juta. Di mana perbincangan telah dibuat dengan Kementerian Kewangan untuk menjadual semula pinjaman dan tunggakan yang terlibat mengikut keupayaan tunai Perbadanan Johor. Selaras dengan perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri sedang menunggu surat kelulusan dan jadual bayaran balik baru yang dipersetujui. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan kepada menyelesaikan tunggakan bayaran balik bagi lain-lain pinjaman dengan membuat bayaran berjumlah RM14.46 juta bagi tempoh Januari sehingga September 2014 ke atas tunggakan yang terlibat.

Untuk yang terkini, terdapat tunggakan bagi lain-lain pinjaman berjumlah RM2.42 juta dan akan diselesaikan selepas tambah peruntukan pada Persidangan ini diluluskan.

Kesimpulannya dengan tindakan di atas, maka adalah diharapkan baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan akan dikurangkan dengan ketara dana masalah tunggakan bayaran balik tidak berlaku lagi. Oleh yang demikian, mulai tahun 2015, Kerajaan Negeri hanya perlu membayar anuiti pinjaman semasa mengikut jadual pembayaran pinjaman sebagaimana di dalam perjanjian dengan Kementerian Kewangan iaitu lebih kurang hanya bayar RM12 juta setahun sahaja.

YB Tan Sri Speaker : Jemput awak Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang merangka pelan komprehensif dan konkrit dalam menyelesaikan dan mengurangkan hutang Negeri Johor. Inilah bukti Kerajaan BN sentiasa peka masa depan dan sekitaran ekonomi dunia masa kini.

Cuma yang saya tertarik, yang saya ingin kemukakan ialah soal hutang berkaitan dengan air ini. Ia mengambil *portion* yang cukup besar kepada hutang Johor, tempoh, status, jangkaan boleh selesai, perbincangan dengan pihak Kementerian Teknologi di peringkat Persekutuan, bila tempohnya agak dapat diselesaikan. Kalau ini dapat dikurangkan, maka jumlah besar hutang Johor ini dapat kita selesaikan. Itu soalan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Ok, Yang Berhormat daripada Rengit. Hutang yang terlibat yang berkaitan dengan projek bekalan air ini merupakan hutang yang terlepas pandang semasa rundingan dibuat untuk melakukan migrasi dalam soal pengurusan air yang telah dilakukan dahulu. Dan, apabila didapati bahawa ini antara yang perlu untuk dibawa perundingan dan persetujuan oleh Kerajaan Pusat, maka pihak Kerajaan Negeri telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Pusat dan sebenarnya kita telah pun berada di peringkat akhir dan hanya menunggu keputusan daripada Kerajaan Pusat sama ada mereka bersetuju untuk masukkan ini sebagai sebahagian daripada jumlah wang yang perlu dilakukan migrasi.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memandangkan cukai tanah merupakan hasil yang sulungnya ataupun yang paling utamalah dalam pendapatan Kerajaan Negeri, tetapi cukai tanah ini pun dia amat terhad. Di mana dia ada satu *limit* dia, dengan izin. Jadi adakah Kerajaan ada rancangan ataupun ada cadangan untuk menerokai hasil sumber pendapatan yang....

YB Tan Sri Speaker : Ini soal hutang Kerajaan Negeri kepada Persekutuan, jangan soal lain pulak?

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ya, ya, selain daripada kita kurangkan tunggakan dengan permohonan dengan Kerajaan Persekutuan, maka menambahkan hasil sumber juga adalah satu langkah yang penting. Jadi adakah Kerajaan Negeri ada cadangan sebegini?

YB Tan Sri Speaker : Jemput Tok.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertamanya, dari segi soal untuk menambah hasil, kita tertakluk kepada beberapa perkara. Antaranya perkara-perkara yang terdapat dalam Perlembagaan, ada yang merupakan tanggungjawab Kerajaan Pusat yang sudah tentulah negeri tak dapat lakukan, maka dengan demikian ianya tak memungkinkan Negeri untuk mendapat hasil. Tetapi dari semasa ke semasa memang Kerajaan Negeri sentiasa beri perhatian bukan sahaja kepada hutang tetapi perkara-perkara lain seperti hasil negeri untuk tentukan pada setiap masa, prestasi hasil negeri mesti dalam keadaan yang baik. Dan begitu juga negeri beri perhatian kepada soal kedudukan rizab Kerajaan Negeri. So, ini 3 perkara yang ada hubung kait. Soal hutang, prestasi hasil dan juga dari segi rizab.

Terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana beri peluang untuk saya masuk kat situ. Soal hutang saya dah jawab tadi bagaimana Kerajaan Negeri menguruskan hutang. Prestasi hasil saya ingin beritahu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa prestasi kewangan Kerajaan Negeri setakat 10 November 2014 menunjukkan kutipan hasil negeri adalah berjumlah RM1.319 billion. (Dewan bertepuk). Manakala semasa kita buat anggaran bajet 2014, kita menganggarkan hasil kita sebanyak RM1.064.59 juta. Jadi, maknanya ada lebihan. Dan kita menjangkakan menjelang akhir tahun, hasil kita boleh meningkat kepada lebih kurang RM1.5 bilion. Dan berasaskan kepada perbelanjaan, kita akan mempunyai lebihan ataupun surplus semasa dalam akaun hasil yang disatukan, lebih kurang dalam RM400 juta. (Dewan bertepuk).

Dan, beralih kepada soal rizab, beralih kepada soal rizab, rizab yang banyak sudah tentulah meningkatkan keinginan Yang Berhormat untuk mengambil alih kerajaan yang ada sekarang. (YB Dato' Speaker ketawa). Dari segi rizab tunai pula, pegangan tunai Kerajaan Negeri adalah kukuh, di mana jumlahnya adalah sebanyak RM2.763.85 juta. RM2.7 billion, berbanding RM1.7 billion pada 31 Disember 2013. Daripada jumlah tersebut, Simpanan Tetap di bank adalah berjumlah RM2.4 billion dan bakinya RM343 juta adalah Baki Tunai di bank. Itulah kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengikut angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Besar tadi bahawa baki hutang untuk perumahan rakyat hanya RM25 juta, sikit sangat sebab itulah masalah perumahan di Johor ini tak pernah selesai daripada dulu sehingga sekarang. Dan, memandangkan bahawa hasrat kerajaan untuk menyediakan 18,000 unit ataupun 17,000 unit rumah-rumah rakyat bagi tempoh empat tahun akan datang ini, adakah kerajaan bercadang untuk menambah hutang bagi perumahan rakyat?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat. Pendekatan kita untuk menyediakan rumah bukannyalah semata-mata dilakukan oleh Kerajaan Negeri sahaja. Kita juga mendapat kerjasama dan memang menjadi syarat Kerajaan Negeri Johor untuk menentukan semua projek perumahan yang dilakukan oleh pelbagai pihak khususnya swasta, mesti juga menyediakan rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah mampu milik. Rumah-rumah yang dilaksanakan sendiri oleh pihak kerajaan

merupakan rumah-rumah yang biasanya terlibat dalam projek-projek pembangunan yang melibatkan soal perpindahan setinggan dan sebagainya, yang menyebabkan kerajaan sendiri kena menyediakan rumah-rumah untuk menampung perpindahan dan sebagainya. Dan, di sinilah kerajaan mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat sama ada secara geran atau pun secara pinjaman Dan, itulah yang merujuk kepada pinjaman-pinjaman Kerajaan Negeri dalam soal perumahan. Dan kita akan, sudah tentulah untuk kita tentukan berkesan dalam kita memenuhi kehendak dan keperluan rakyat. Jika ada keperluan, jika kita perlu untuk meminjam daripada Kerajaan Pusat, jika Kerajaan Negeri sendiri perlu terlibat secara langsung dalam soal membina, menyiapkan rumah-rumah mampu milik, maka mungkin kita perlu pinjam. Tapi pada hari ini dengan kerjasama daripada pihak swasta, Kerajaan Negeri yakin jumlah rumah yang perlu kita sediakan untuk menampung keperluan rakyat supaya mereka dapat memiliki rumah mampu milik, insya-Allah kita akan dapat capai dan laksanakan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Semerah, jemput.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Peperiksaan Pentafsiran Tahap Tiga (PT3) berasaskan sekolah yang dilaksanakan kini di selenggara sepenuhnya oleh guru-guru yang mengajar di sekolah. Apakah SOP yang digunakan serta jaminan tidak berlaku ketirisan dalam pemilihan soalan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pengetua di sekolah merupakan personal pentadbiran yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya bagi pengurusan, pengendalian dan keselamatan Pentaksiran Tingkatan Tiga di sekolah mereka. Pengetua bertanggungjawab menjalankan penjaminan kualiti bagi memastikan PT3 ditadbir mengikut tempoh dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. Oleh itu bagi menjamin tidak berlakunya ketirisan dalam pemilihan soalan di sekolah, Lembaga Peperiksaan menetapkan *standard operation procedure*, dengan izin, yang mesti dipatuhi oleh sekolah iaitu :

1. Semua personal pentadbiran dan semua personal pentaksiran yang menguruskan instrumen pentaksiran hendaklah dilantik oleh pengetua dan menandatangani Akta Rahsia Rasmi 1972.

2. Akta Rahsia Rasmi yang telah ditandatangani hendaklah disimpan oleh Pengetua sehingga enam bulan dari tarikh pengeluaran pelaporan PT3.

3. Semua instrumen PT3 adalah dokumen terperingkat yang terhad. Semua personal pentadbiran dan personel pentaksiran iaitu mereka yang terlibat dan bertanggungjawab terhadap kerahsiaan instrumen PT3. Mereka ini terlibat secara langsung di peringkat sekolah, semasa menyediakan instrumen, memperbanyakkan instrumen, pengurusan peperiksaan dan pemeriksaan skrip calon. Pengetua bertanggungjawab memberi taklimat secara khusus kepada semua personal yang terlibat bermula daripada muat turun instrumen, memperbanyakkan instrumen, menyimpan instrumen, mengurus ujian bertulis PT3,

membuat penandaan berdasarkan panduan penskoran yang dikeluarkan Lembaga Peperiksaan, kemasukan markah dalam *online* aplikasi PT3 dan pelaporan PT3 secara terperinci.

4. Lembaga Peperiksaan menyediakan item instrumen yakni soalan bagi semua ujian bertulis PT3. Setiausaha Peperiksaan akan memuat turun item ujian bertulis daripada aplikasi PT3 secara *online*. Setiausaha Peperiksaan hanya boleh memuat turun item dalam tempoh masa yang singkat bagi tujuan kawalan. Sebagai contoh, PT3 tahun 2014, Lembaga Peperiksaan hanya membenarkan sekolah memuat turun instrumen PT3 ini mulai 22 September hingga 24 September 2014 iaitu selama 3 hari.

5. Setiausaha Peperiksaan memuat turun item mengikut mata pelajaran menggunakan komputer yang dikhaskan di premis sekolah atau kerajaan serta menyimpannya dalam media storan yang dikhaskan.

6. Hanya Ketua Panitia dan Ketua Peperiksaan sahaja dibenarkan memasang instrumen dan membuat verifikasi instrumen. Ketua Panitia akan menyerahkan instrumen ujian bertulis kepada pengetua untuk diverifikasi dan disahkan oleh pengetua. Pengetua kan menyimpan instrumen yang telah disahkan dalam almari berkunci di dalam bilik pengetua. Penolong Kanan Pentadbiran akan menyediakan jadual kerja bagi memastikan semua instrumen ujian bertulis PT3 dapat diperbanyakkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

7. Sektor penilaian dan peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan Unit Penilaian dan Peperiksaan, Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh Negeri Johor bertanggungjawab memberi taklimat kepada semua pentaksir kawasan iaini pentaksir luar yang akan ke sekolah untuk membuat verifikasi instrumen sebelum instrumen diperbanyakkan dan sebelum ujian bertulis PT3 dilaksanakan bagi memastikan sekolah mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

8. Mencetak dan memperbanyakkan instrumen pentaksiran serta menyimpan mengikut mata pelajaran di premis sekolah dengan kawalan keselamatan bagi mengelakkan sebarang insiden ketirisan maklumat. Hanya guru mata pelajaran atau personal yang dilantik oleh pengetua sahaja boleh menjalankan urusan mencetak dan memperbanyakkan instrumen.

9. Melupuskan maklumat pada media storan, mesin fotostat dan mesin *risograft* dengan serta-merta selepas percetakan instrumen pentaksiran selesai diperbanyakkan.

10. Menyediakan almari berkunci atau bilik berkunci di premis sekolah dan menyimpan instrumen ujian bertulis dalam almari berkunci atau bilik berkunci.

11. Menyerahkan instrumen ujian bertulis kepada Ketua Pengawas 30 minit sebelum ujian bertulis PT3 berlongsung.

YB Tan Sri Speaker : Jemput. Yang Berhormat Parit Raja.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Sejajar usaha Kerajaan Persekutuan menaikkan kadar bantuan OKU bekerja dinaikkan dari RM300.00 kepada RM350.00 dan OKU tidak bekerja dinaikkan dari RM150.00 kepada RM200.00. Mohon agar bantuan OKU terlantar juga wajar dinaikkan dari RM50.00 kepada RM150.00. Ini memandangkan bantuan RM50.00 dilihat sudah tidak bersesuaian dengan keadaan semasa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Raja di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap golongan-golongan OKU. Dan untuk makluman Yang Berhormat, kadar bantuan kewangan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah beberapa kali dinaikkan dan juga beberapa skim bantuan baru diperkenalkan supaya dapat membantu kumpulan sasar termasuk golongan Orang Kurang Upaya. Dan bantuan Orang Kurang Upaya terlantar adalah berjumlah sebenarnya RM300.00 sebulan diberikan kepada keluarga yang menguruskan atau menjaga Orang Kurang Upaya di rumah. Dan, bantuan RM50.00 sebulan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Raja adalah merupakan bantuan yang disediakan kepada pelatih PDK di rumah. Dan, bantuan ini diambil kira kunjungan petugas-petugas PDK yang hadir ke rumah-rumah bagi melakukan intervensi dan latihan kepada pelatih-pelatih terlibat mengikut jadual yang telah ditetapkan dan kadar bantuan tersebut adalah tidak termasuk bantuan Orang Kurang Upaya terlantar yang berjumlah RM300.00 sebulan yang boleh disediakan kepada keluarga yang menjaga OKU berdasarkan kepada syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Soalan tambahan Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat, ada keluarga-keluarga yang pendapatan tidak layak untuk memohon bantuan. Tapi saya berharap, adakah kerajaan bercadang untuk memberi bantuan selain daripada kewangan tu, bantuan berbentuk barang seperti *pampers* ke keperluan-keperluan lain. Kerana tanggungan keluarga itu berat. Jadi, adakah kerajaan bercadang seperti itu dan saya harap kerajaan memberi kelonggaran kepada keluarga-keluarga yang berpendapatan yang tak layak, tapi sebenarnya dia memerlukan bantuan tersebut. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Parit Raja. Sebenarnya untuk bantuan OKU atau pun pesakit yang terlantar berjumlah RM300.00 sebulan itu, adalah bagi mereka-mereka yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah. Dan, sebenarnya itu termasuklah pembelian untuk *pampers*, perubatan dan sebagainya. Itu yang telah diberikan dan bagi baki yang lain itu adalah terpulang kepada kita selaku Wakil-Wakil Rakyat, yang insya-Allah yang akan kita agih-agihkan kepada mereka. Daripada saya, RM3,000.00 sebulan dengan pendapatan keluarga untuk RM300.00 bagi pendapatan Orang Kurang Upaya yang terlantar.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, tak, tak, tak... belakang, wanita.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan saya. Untuk membantu keluarga Orang Kurang Upaya atau pun orang yang perlu bantuan dari JKM, satu cara yang amat penting untuk Senai, adalah pengangkutan untuk OKU atau pun keluarga mereka pergi ke hospital. Nampaknya sekarang di seluruh Johor, banyak hospital yang terletak di lokasi jauh dari kawasan perumahan atau pun jauh dari perhentian bas atau pun perhentian pengangkutan awam lain. Oleh itu, saya cadangkan atau pun saya harap adakah Kerajaan Negeri Johor akan merancang untuk satu perkhidmatan pengangkutan untuk keluarga-keluarga yang kurang upaya pergi ke hospital atau pun klinik-klinik kerajaan atau bila perlu perkhidmatan kesihatan. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Senai. Sebenarnya tentang pengangkutan dan sebagainya, ianya kita boleh berhubung dengan pihak hospital atau pun pihak kesihatan sendiri. Mereka-mereka ini juga ada menyediakan dari segi pengangkutan kepada golongan-golongan OKU atau pun pesakit-pesakit terlantar ini dan pihak Yang Berhormat juga boleh berbincang dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat di daerah masing-masing di atas permasalahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senai tadi.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Penawar, jemput.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya nombor 4.

Bilangan hotel di negeri Johor terutamanya di Iskandar Malaysia semakin meningkat. Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan peratusan penginapan juga meningkat dan sektor perhotelan mendapat hasil dari perkembangan ini?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Nusajaya, jemput.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusasjaya) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 5.
Di manakah pencapaian program terhadap langkah kreatif dan inovatif bagi merancakkan dan meningkatkan kehadiran pelancong-pelancong ke negeri Johor berbanding negeri lain di Malaysia? Mohon ulasan.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Salam sejahtera Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab soalan 4 dan soalan 5 secara serentak. Untuk makluman Yang Berhormat Penawar dan Nusajaya, berdasarkan data penginapan hotel yang dijalankan oleh pihak *Tourism Malaysia* jumlah pelancong yang bermalam di Negeri Johor bagi tahun 2010 adalah seramai 3.62 juta orang meningkat kepada 3.78 juta orang pada tahun 2011. Seterusnya peningkatan kepada 3.95 juta orang pada tahun 2012. Pada tahun lepas iaitu tahun 2013 Negeri Johor mencatatkan peningkatan sebanyak 45.84% kepada 5.77 juta orang pelancong.

Manakala bagi jumlah bilik hotel di Negeri Johor setakat ini jumlah bilik hotel bertaraf 3 bintang dan ke atas yang terdapat di Negeri Johor adalah sebanyak 12,500 buah bilik di mana dijangkakan pada tahun hadapan sekiranya digabungkan dengan jumlah hotel yang masih dalam pembangunan pada tahun ini dan tahun hadapan penawaran jumlah bilik di Negeri Johor dijangka akan meningkat inventorinya kepada 13,360 bilik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah yang komprehensif dalam memastikan peratusan penginapan di Negeri Johor ini terus meningkat dari semasa ke semasa seperti mana berikut:-

1. Menggalakkan pelaburan bagi pembinaan yang mempunyai enakmen pelancongan di Negeri Johor.

2. Menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor kita telah merangkakan pelbagai program dan penganjuran acara-acara yang bertaraf antarabangsa bersama-sama pihak swasta dan NGO bagi menarik para pelancong sama ada domestik dan antarabangsa untuk menginap lebih malam di Negeri Johor.

3. Kerajaan Negeri sentiasa akan menyertai program-program promosi yang berunsurkan *travel mart* dengan izin, seperti mana baru-baru ini kita ada mempunyai program pameran pelancongan di *International Tourism Board, IDB ASIA* di Singapura. Di mana ianya mempunyai sesi bagi *business to business* dengan izin, di mana peluang inilah yang akan digunakan oleh industri perhotelan untuk mendapatkan peluang memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada agensi-agensi pelancongan dari luar negara ke Negeri Johor.

4. Kerajaan Negeri telah memfokuskan untuk memperkembangkan dan menggalakkan lagi penganjuran MICE iaitu *Meeting, Incentive, Convention, Exhibition* dengan izin, ke Negeri Johor dengan memberikan insentif yang menarik. Ini akan menggalakkan kedatangan pelawat di luar musim percutian dan juga menarik pelawat yang mempunyai daya berbelanja yang lebih.

5. Menggalakkan program atau penganjuran penerbangan sewa khas kepada agensi-agensi pelancongan dari dalam dan luar negara ke Negeri Johor. Menerusi kerjasama bersama pihak swasta dan NGO seperti Senai Airport, Firefly dan *Persatuan Malaysia Hotel Association* dengan izin, bagi memberikan kemudahan kepada agensi-agensi yang berminat untuk menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi pilihan percutian.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Apakah sumbangan sektor MICE mohon izin *Meeting Incentives Convention Exhibition* kepada kadar penginapan pelancongan ke Negeri Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, oleh kerana

pengunjung kategori ini adalah daripada golongan profesional dan peniaga di dalam bidang masing-masing, mereka selalunya menginap di hotel-hotel berkualiti terutamanya hotel bertaraf 3 bintang dan ke atas, dan mempunyai daya perbelanjaan yang lebih tinggi. Ini bukan sahaja akan membantu aktiviti di dalam sektor pelancongan malah sektor sokongan seperti industri makanan, pengangkutan dan lain-lain. Penganjuran satu-satu MICE juga seharusnya diadakan untuk tempoh beberapa hari dan ada yang mungkin seminggu. Ia akan meningkatkan lagi tempoh bermalam atau *length of stay* dengan izin, di Negeri Johor dan tidak tertumpu ke hujung minggu sahaja.

Semua usaha ini akan dapat meningkatkan tempoh bermalam di Negeri Johor dari 1 hari pada tahun 2010 ke sasaran 3 hari pada tahun 2021, seperti yang diunjurkan di dalam pelan induk pelancongan Negeri Johor. Dan, beberapa pusat konvensyen dan pameran sedang dibina di Negeri Johor terutamanya di Iskandar Malaysia bagi mencapai hasrat ini. Contohnya Pusat Persidangan Puteri Habour, IRDA dan Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk menubuhkan biro persidangan dan pameran bagi memberikan perhatian kepada pelancong MICE.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Nampaknya statistik yang diberi cuma sehingga tahun 2013 tahun lepas, berkaitan dengan bilangan pelancong yang masuk ke Iskandar Malaysia. Soalan tambahan saya adalah dari bulan Januari hingga sekarang tahun ini, sama ada bilangan pengunjung telah bertambah ke Iskandar Malaysia berbanding untuk dengan tahun lepas, bagi tempoh tahunan yang sama khasnya selepas 1 Ogos di mana tol di KIK Iskandar yang di naikkan kepada 5 kali ganda.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Skudai. Statistik yang ada pada saya bagi tahun ini sehingga bulan Januari sampai Mac sahaja. Begitu juga kita bagi pencapaian suku pertama iaitu bulan Januari sehingga Mac tahun 2014. *Tourism Malaysia mencatatkan* jumlah pelancong yang melancong di Negeri Johor adalah seramai 1.5 juta orang berbanding dengan 1.2 juta orang jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2013. Selepas bulan 4 itu statistik belum kita dapatkan lagi, tapi kita pelancong dari Negeri Johor bukan sekadar melalui tambak atau *Second Link*, Singapore sahaja.

Kita juga melalui *Senai Airport*, berbagai tempat kerana *advented* dengan izin. Negeri Johor mempunyai 14 pintu masuk ke Negeri Johor. Kita mempunyai jeti-jeti, kita mempunyai *Senai Airport* bertaraf antarabangsa dan *second link* dan tambak Johor. Dengan ini kerjasama semua agensi kita haraplah matlamat atau pun sasaran yang kita tetapkan akan dicapaikan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tan Sri Speaker, jawapan kurang memuaskan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat.
YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jawapan ke suku ketiga, Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan ini.

YB Tan Sri Speaker : EXCO berkenaan dah jawab soalan Yang Berhormat. Puas tak puas tu bukan masalah kita, dia dah jawab dah.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan ini untuk, Kerajaan Negeri Johor . Kita harapkan EXCO kita buat kerja rumah...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat boleh ambil ucapan nantilah, Bajet.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sekarang sudah bulan 11. Suku ketiga belum keluar lagi.

YB Tan Sri Speaker : Sekarang Yang Berhormat. Ini bukan soal jawab macam itu Yang Berhormat. Ini bukan kedai kopi, dia dah jawab sudahlah. Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan saya nombor 6.

Berdasarkan capaian maklumat terkini yang ada pada Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, Polis, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya, berapakah bilangan pusat perjudian haram yang ada di seluruh Negeri Johor sekarang?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

YB Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Berapakan bilangan lesen pusat hiburan keluarga dan pusat perjudian yang telah dikeluarkan sejak 2013 hingga kini di setiap daerah di Negeri Johor?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Bentayan, jemput.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 8.

Berapakah jumlah lesen hiburan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Muar sejak 2008 dan akan dikeluarkan dengan kewujudan Zon Hiburan di Muar?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pengkalan Rinting, jemput.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 9.

Kemukakan semua butir-butir berkenaan dengan mesin kuda perjudian haram, termasuk bilangan premis mesin kuda yang buka, aduan berkenaan yang diterima, tindakan pihak berkuasa terhadap aktiviti haram ini.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Muafakat Johor. Tan Sri Speaker, mohon saya untuk menjawab keempat-empat soalan daripada ADUN Bentayan, Sungai Abong, daripada Stulang dan Pengkalan Rinting secara sekali dan menerangkan serba sedikit mengenai isu ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman hadirin Dewan yang mulia ini, Lesen Hiburan dan keluarga LHK adalah termaktub di dalam Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1988. Di dalam Enakmen ini Perkara 2 (A) hiburan adalah termasuk lakonan, persembahan, pertunjukan bunga api, sarkas dan pameran binatang, pameran model, pameran filem, reproduksi atau siaran, mesin dan peranti, meja pin, pesta perdagangan dan apa-apa komunikasi mana-mana bentuk hiburan seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi.

Berdasarkan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Berhormat Sungai Abong, Stulang dan Pengkalan Rinting. Istilah-istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat seperti mesin kuda, perjudian, premis kuda dan pusat perjudian tidak ada termaktub di dalam senarai lesen hiburan di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Dan, kita tidak pernah meluluskan pusat perjudian selama ini. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sejak dari tahun 2013 banyak arahan oleh kerajaan telah dikeluarkan yang berkaitan dengan aktiviti pusat hiburan keluarga.

Antaranya sebagaimana kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) bertarikh 19 Jun 2013 menyatakan, Majlis bersetuju supaya Pejabat Daerah, PBT tidak lagi memberi lesen Pusat Hiburan Keluarga dan permohonan-permohonan baru hendaklah dibekukan. Manakala lesen premis-premis hiburan keluarga yang melanggar syarat hendaklah dibatalkan dan pusat ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Selain itu juga pada 12 Jun 2013, Majlis Mesyuarat Kerajaan bersetuju diambil tindakan penguatkuasaan bersepadu ke atas premis-premis hiburan keluarga yang melanggar syarat-syarat lesen dan berunsurkan perjudian oleh agensi-agensi seperti Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Polis bagi menangani masalah sosial yang timbul. Begitu juga bagi Majlis Perbandaran Muar mengenai pelaksanaan zon hiburan secara pentadbiran sebagaimana peruntukan Perenggan 2(2)(B) Akta Perancang Bandar dan Desa Akta 172, pusat-pusat hiburan tidak lagi dibenarkan beroperasi dalam lingkungan 3 kilometer radius dari pusat bandar.

Berdasarkan daripada arahan kerajaan tiada lesen hiburan baru akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa dan mana-mana permohonan penyambungan lesen hiburan ini tidak akan diluluskan. Walau bagaimanapun terdapat sejumlah 102 lesen hiburan keluarga yang telah dilanjutkan tempoh lesen tersebut dan tidak akan lagi disambung pada tahun-tahun yang akan datang, bermakna berakhirnya pada tahun ini.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan daripada pemerhatian Pihak Berkuasa, premis-premis yang masih lagi menjalankan aktiviti pusat hiburan berunsurkan perjudian adalah tidak sah dalam erti kata lain, haram dari segi undang-undang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, usaha pembanteras kegiatan judi haram ini

bukanlah satu yang mudah kerana sehingga kini ia masih gagal dilumpuhkan sepenuhnya. Ia memerlukan kerjasama semua pihak bagi melumpuhkan terus sedikit perjudian haram ini dari terus berleluasa.

Kerajaan Negeri amat peka dan sensitif pada isu-isu berkaitan perjudian yang berleluasa di seluruh negeri. Oleh itu pemantauan dan operasi secara terancang dan berterusan hendaklah dilaksanakan secara bersepadu oleh Pihak Pejabat Daerah, Polis DiRaja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan serta lain-lain agensi yang berkaitan bagi mengesan dan membanteras kegiatan judi haram yang menimbulkan keresahan kepada masyarakat. Tindakan penguatkuasaan bersepadu ini juga melibatkan Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Air Johor bagi memotong bekalan api dan air bagi premis yang didapati melanggar syarat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada tahun 2013, operasi pembanterasan kegiatan mesin perjudian berkomputer yang diadakan oleh PDRM telah berjaya membuat sebanyak 3,387 serbuan dan 1,398 tangkapan ke atas premis yang menjalankan aktiviti berunsurkan perjudian. Manakala operasi yang dijalankan dari bulan Januari hingga bulan Oktober 2014, jumlah serbuan telah meningkat kepada 4,906 serbuan dan peningkatan sebanyak 2,636 tangkapan dan sejumlah 5,423 buah komputer dan mesin PHK berunsurkan perjudian telah pun dirampas. Serbuan dan mencatitkan sebanyak 1,238, 89% dari segi tangkapan. Manakala penurunan sebanyak 3,648 rampasan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Kejayaan Polis Johor dalam membanteras sepenuhnya bersama dengan pihak PBT dalam kegiatan mesin perjudian bermula bulan Ogos 2013, telah menyebabkan penurunan di dalam bilangan serbuan dan rampasan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Polis dan juga Pihak Berkuasa Tempatan tiada perangkaan yang tepat bilangan premis perjudian haram kerana ia adalah haram. Jadi di seluruh Negeri Johor, walau bagaimanapun, sepanjang tahun 2014, Januari hingga Oktober, pihak Polis telah mengambil tindakan terhadap 23 buah premis mesin perjudian di seluruh negeri Johor dengan menangkap seramai 79 individu dan merampas 280 buah komputer perjudian serta wang tunai berjumlah RM12,132.00.

Selain daripada masalah mesin perjudian berkomputer terdapat juga kegiatan perjudian yang dianjurkan oleh segelintir operator premis pusat hiburan keluarga. Operator yang tidak bertanggungjawab telah menjalankan kegiatan perjudian secara sulit dan licik di sebalik kewujudan premis-premis PHK dengan melepasi nilai mata atau hadiah kemenangan kepada wang tunai.

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 332 serbuan telah dijalankan terhadap premis PHK yang mana 158 serbuan ke atas kegiatan perjudian PHK, 46 serbuan ke atas premis PHK yang beroperasi tanpa lesen dan 128 serbuan kerana premis PHK melanggar syarat lesen atau beroperasi lebih masa. 177 kes telah dituduh ke mahkamah dan 155 kes masih dalam siasatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penganjur kegiatan mesin judi berkomputer ini menjalankan kegiatan mereka dengan cara yang sulit dan licik. Mereka beroperasi secara *mobile* dan sering memindahkan lokasi operasi di pusat snooker, premis mencuci kereta, malahan beroperasi di dalam bilik sewa atau bilik hotel. Operasi Polis Johor dan juga PBT sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara berterusan

untuk membanteras kegiatan ini. Sebahagian daripada kejayaan Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Polis di dalam serbuan ke atas kegiatan perjudian ini adalah hasil aduan dan maklumat orang ramai.

Sepanjang tahun 2014, pihak Polis dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menerima 154 aduan daripada orang ramai berkaitan dengan kegiatan perjudian. 154 aduan adalah berkenaan kegiatan mesin berunsurkan perjudian. Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Tempatan sangat mengalu-alukan kerjasama masyarakat untuk membanteras gejala perjudian ini dengan menyalurkan maklumat kepada Pihak Berkuasa Tempatan melalui *facebook, twitter, email* dan juga telefon Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Pihak berkuasa akan memberi jaminan identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan. Maklumat yang sahih, tepat akan diambil tindakan serta merta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan akan terus komited dan bekerjasama dengan agensi yang berkenaan untuk memerangi gejala judi haram ini secara holistik dan menyeluruh. Walau bagaimanapun, aspek penguatkuasaan undang-undang saja tidak mencukupi untuk menghapuskan kegiatan perjudian haram ini. Apa yang penting adalah peranan dan kesedaran masyarakat mengenai keburukan aktiviti perjudian dan masyarakat juga diharap dapat bersama-sama berganding bahu membanteras gejala perjudian ini.

YB Tan Sri Speaker : Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker, seperti yang kita sedia maklum masalah perjudian ini telah menimbulkan masalah sosial dan juga keluarga, baik setiap kaum dan bukan kaum Cina sahaja, kaum Melayu, kaum India pun semua terlibat. Di sini saya juga berharap, kerajaan akan lebih tegas, mengambil sikap yang lebih tegas dan berterusan maksudnya berterusan dalam menangani isu ini kerana kita tidak, mesin perjudian, tempat hiburan mesin perjudian ini yang tumbuh selepas tumbuh seperti cendawan tumbuh selepas hujan ini akan sentiasa berterusan, ia berterusan kalau tindakan yang tidak berterusan maka kita susah menangani masalah ini. Kemudian, saya juga di sini mencadangkan agar satu unit khas dalam semua peringkat daripada kerajaan negeri, PBT, Polis, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya satu unit khas untuk membanteras mesin judi ini ditubuhkan. Dan, di sini akhirnya dari segi pendidikan juga saya rasa, usaha mendidik awam, usaha pendidikan awam amat penting dalam usaha ini, adakah kerajaan bersedia membantu dalam proses ini?

Dan dalam Persidangan Dewan Negeri yang lepas, Menteri Besar juga pernah menjanjikan bahawa selagi Menteri Besar ada, tiada kasino akan ditubuhkan di negeri Johor. Jadi, kalau mesin perjudian haram melambak-lambak ini, banyak ini, saya rasa tak ada bezanya kasino dengan pusat perjudian haram. Maksudnya, kita nampaknya ada kasino juga. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi saya jelas secara panjang lebar, bagaimana tindakan yang kita laksanakan. Selain daripada pihak *federal* di bawah pihak Kementerian dan juga

pihak keselamatan sendiri melakukan beberapa mesyuarat khusus kita memikirkan isu-isu gejala sosial disebabkan oleh mesin judi yang dimanipulasikan oleh mesin-mesin hiburan.

Isu ini perlu kita ganding secara bersama. Kita tahu dan telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri, Johor tidak akan jadi pusat judi dan kita tak akan mengeluarkan langsung lesen-lesen perjudian (Dewan bertepuk). Tapi apa yang berlaku ini adalah masalah peniaga. Peniaga yang salah menggunakan etika yang kita benarkan. Dan, kalau kita lihat di kalangan peniaga-peniaga, siapa yang peniaga dan mungkin juga siapa yang menggunakannya terdiri dari pelbagai bangsa, pelbagai kaum, kita baik dalam Malaysia ini dan di Johor tetapi kaedah pemantauan kita, kaedah berganding bahu kita secara bersama, kita tidak boleh mengelakkan perkara ini berlaku jika tanpa kerjasama ini, pihak Polis sentiasa melakukan perkara yang terbaik, pihak berkuasa begitu juga dan tidak ada unsur cuba kita melindungi perkara-perkara begini.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menyarankan supaya kita saling memahami masalah ini, kerana ini adalah masalah sosial, yang digerak secara bersama, pihak berkuasa, pihak Polis menjalankan tanggungjawab secara berkesan. Dan itulah laporan yang kita tunjukkan dalam bentuk tangkapan-tangkapan dan serbuan-serbuan. Dan kita harap pada akhir tahun ini, semua lesen-lesen hiburan keluarga akan ditamatkan dan tahun hadapan tiada lesen-lesen hiburan keluarga yang sah dan mana-mana yang telah beroperasi adalah secara haram dan pihak-pihak Wakil-Wakil Rakyat sebelah sana laporkanlah, saya ada *Tweeter*, Pihak Berkuasa Tempatan ada *Tweeter*, Menteri Besar ada *Tweeter*, maklumkan. Kita akan ambil tindakan supaya benda ini boleh digerakkan secara bersama.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Soalan tambahan.

YB Tan Sri Speaker : Bentayan, jemput.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Adakah premis hiburan di zon hiburan ini dijamin akan diluluskan permohonan lesen jika mengikut semua undang-undang dan syarat-syarat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Saya dah maklumkan tadi, kita takkan meluluskan apa pun lesen hiburan keluarga. Jadi hingga berakhir 2014, dan kerajaan negeri telah pun membekukan apa-apa permohonan. Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, tak ada lesen akan diluluskan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tenang, jemput.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 10.

Bagaimana kerajaan mencari mekanisme jalan penyelesaian untuk petani atau pekebun kecil dalam menangani kejatuhan harga getah dan sawit yang agak ketara sekarang.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 11.

Adakah kerajaan merancang untuk membantu pekebun-pekebun kecil kelapa sawit (kebun bawah 10 ekar) dengan memberikan elaun sara hidup jika harga komoditi itu jatuh di bawah harga pasaran seperti yang dinikmati oleh nelayan dan pekebun getah?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 12.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menolong pekebun-pekebun tanaman getah dan kelapa sawit untuk menghadapi masalah penurunan harga getah dan minyak sawit yang semakin serius?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan berkaitan yang ditanya oleh Wakil Rakyat Tenang, DUN Sungai Balang dan Pekan Nenas hampir serupa iaitu berkaitan dengan kerajaan mencari mekanisme jalan penyelesaian untuk petani atau pekebun kecil dalam menangani kejatuhan harga getah dan sawit yang agak ketara sekarang. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita sentiasa mengambil berat tentang permasalahan yang berlaku kepada rakyat. Di antara mekanisme jalan penyelesaian untuk pekebun kecil getah dalam menangani kejatuhan harga getah yang agak ketara sekarang ini, RISDA telah melaksanakan beberapa program seperti berikut:

1. Bantuan Khas Akibat Kejatuhan Harga Getah. Peruntukan tahun 2014, yang disalurkan sebanyak RM8,980,500.00. Pemberian bantuan *One Off* RM500.00 pekebun kecil bagi membantu pekebun kecil yang layak dan memenuhi syarat yang mana terjejas pendapatannya akibat kejatuhan harga getah yang ketara.

2. Bantuan Akibat Kejatuhan Harga Getah Kepada Penoreh Bukan Pemilik. Peruntukan pada tahun 2014, sebanyak RM1,520,500.00 telah, iaitu pemberian bantuan *One Off* RM500.00 per pekebun bukan pemilik yang layak dan memenuhi syarat yang mana terjejas pendapatannya akibat kejatuhan harga getah yang ketara.

3. Peningkatan Produktiviti Getah. Peruntukan tahun 2014, yang disalurkan sebanyak RM436,000.00. Insentif awal penorehan berjumlah RM500.00 per hektar per kebun kecil dengan pembelian peralatan penorehan seperti pisau toreh, batu asah, mangkuk, sudu, spring serta alat pelindung hujan dan racun rumpai supaya penorehan dapat dilaksanakan bagi kebun-kebun yang telah mencapai

tempoh 4 tahun setengah dengan mengurangkan kos pengeluaran pekebun kecil.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

4. Skim yang seterusnya adalah Skim Insentif Produktiviti Getah. Peruntukan tahun 2014, disalurkan sebanyak RM1,294,800.00.

5. Insentif pembelian baja, bahan rangsangan, cuka getah kepada kebun-kebun getah matang bagi membantu peningkatan produktiviti kebun.

6. Program Infrastruktur Pemasaran. Peruntukan tahun 2014, sebanyak RM350,000.00. iaitu menyediakan infrastruktur pemasaran seperti depoh pengumpulan skrap dan latek serta pusat timbang dan stor bagi memastikan pekebun kecil membuat jualan secara berkelompok dan mencapai hasil jualan, harga jualan hasil yang terbaik.

7. Aktiviti Ekonomi. Peruntukan tahun 2014, RM1,140,000.00. Iaitu dengan menyediakan kemudahan bantuan modal sebanyak RM10,000.00 per projek bagi menjalankan aktiviti ekonomi yang berdaya maju.

8. Bantuan Biasiswa Anak Pekebun Kecil. Ini juga kita bagi peruntukan pada tahun 2014, sebanyak RM31,500.00. Pemberian bantuan RM500.00 per orang per tahun kepada anak-anak pekebun kecil sebagai galakan dan rangsangan kepada mereka yang berpotensi dalam bidang akademik bagi meningkatkan prestasi pelajaran mereka ke arah kemiskinan generasi pekebun kecil yang berkemahiran tinggi ke berkemahiran dan berpendidikan tinggi.

Manakala bagi kelapa sawit pula, kerajaan telah melakukan beberapa langkah untuk menangani kejatuhan harga sawit tempatan bagi membantu meringankan beban kejatuhan harga sawit kepada pekebun kecil. Di antara langkah-langkahnya seperti berikut:

1. Skim Insentif Tanam Semula Sawit. Pada tahun 2014, bagi mengawal pengeluaran minyak sawit tempatan, kerajaan telah memberi insentif sebanyak RM1,000.00 per ekar, per hektar bagi tanaman semula pokok sawit yang berusia lebih 25 tahun dan tidak produktif. Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta untuk menanam semula 100,000 hektar kawasan sawit. Skim ini dapat mengurangkan beban, skim ini dapat mengurangkan bekalan minyak sawit sebanyak 300 tan di pasaran tempatan. Pengeluaran yang kurang akan membantu memantapkan harga minyak sawit di pasaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 dan 2014 Negeri Johor telah mendapat peruntukan sebanyak RM8,185,681.00 dengan keluasan sebanyak 8,185 hektar. Pada tahun 2015, kerajaan telah menyediakan bajet sebanyak RM44 juta lagi bagi skim ini. Ini adalah bertujuan membantu pekebun kecil ataupun membantu pekebun menanam semula pokok-pokok sawit yang tidak ekonomi.

Manakala skim yang kedua, Skim Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil. Kerajaan telah menyediakan dua skim yang berbeza

bagi tujuan membantu pekebun kecil serta meningkatkan produktiviti sawit dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Skim TSSPK adalah skim membantu pekebun-pekebun kecil sawit dari menyediakan pembersihan kebun, mendapatkan benih sawit, baja serta khidmat nasihat. Manakala skim TBSPK adalah skim membantu pekebun kecil yang ingin menanam sawit, MPOB akan membantu pekebun-pekebun kecil ini sebagaimana skim TSSPK di atas. Bantuan kedua-dua skim ini dibayar sebanyak RM7,500.00 per hektar. Pada tahun 2014 sebanyak RM28 juta telah diperuntukkan bagi kedua-dua skim ini dengan sasaran keluasan 35,000 hektar.

Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014 Negeri Johor setakat ini permohonan yang diluluskan sehingga Julai 2014 sebanyak 2,206.95 hektar dengan peruntukan RM16.552 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk skim yang seterusnya iaitu Cantas. Sejenis alat penuai yang efisien dan murah. Ia bertujuan mengurangkan kos buruh penuaian di ladang dan dapat mengurangkan buruh di ladang. Kecekapan alat penuaian ini terbukti apabila ia dapat mengurangkan kos-kos penuaian traktor. MPOB kini sedang melakukan promosi peralatan ini dengan memberi subsidi harga sebanyak RM1,000.00 per unit dan dijual RM1,500.00 ke RM1,300.00 per unit bergantung kepada jenama yang dipilih. Dengan mengurangkan kos penuaian ini akan meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Soalan tambahan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Memandangkan harga pasaran untuk tanaman getah dan kelapa sawit semakin menurun dan sudah sampai satu keadaan bahawa pekebun-pekebun kecil mereka menghadapi masalah yang sangat serius. Adakah Jabatan Pertanian ada menyediakan peruntukan untuk mengkaji mekanisme memberi hasil tanaman dengan harga pasaran yang lebih tinggi daripada pekebun-pekebun kecil dan pada harga pasaran lebih tinggi, menjual balik ke pasaran supaya pendapatan pekebun-pekebun kecil lebih stabil dan lebih terjamin? Dan, sebab itu saya ingin tanya adakah Kerajaan dapat menyediakan peruntukan dan mengkaji mekanisme untuk memberi hasil-hasil tanaman bila harganya terlalu rendah dan menjual balik pada masa yang akan datang dan pada mekanisme ini mungkin kerajaan pun tidak perlu menggunakan duit yang terlalu banyak kerana dia tidak akan menghadapi masalah kerugian. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setakat ini kita tidak ada skim untuk pembelian hasil getah berkenaan. Walau bagaimanapun, dari segi Jabatan Pertanian kita ada menyediakan skim-skim yang bersesuaian untuk pekebun kecil ini di mana beberapa tahun yang lepas kita telah memperkenalkan untuk pihak-pihak pekebun kecil mengenal pasti ataupun membuat tanaman secara selingan di kebun-kebun mereka ini.

Selain daripada tanaman, mereka juga boleh membuat ataupun mengusahakan ternakan. Di mana apabila mereka mengusahakan ataupun menjalankan aktiviti selingan ini, kita akan memberi insentif mengikut kesesuaian secara *Oneoff* sama ada RM1,000.00, RM800.00 mengikut kesesuaian. Ini adalah skim di bawah Kerajaan Negeri Johor. Itu sebab di Kerajaan Negeri Johor kita tidak pernah meninggalkan ataupun kita amat mengambil berat tentang petani-petani kita dan kita nak menggalakkan petani-petani kita membuat program-program ataupun meningkatkan pengeluaran.

Walaupun kita tahu apabila berlaku kejatuhan harga getah, tetapi mereka ini mempunyai aktiviti-aktiviti lain yang boleh meningkatkan lagi pendapatan.

YB Tan Sri Speaker : Sungai Balang. Yang Berhormat Sungai Balang, soalan lisan.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang Di maklumkan tadi, terdapat Skim Tanam Baru bagi kelapa sawit, Tanam Semula Kelapa Sawit, adakah ini termasuk di bawah pekebun-pekebun kecil yang ditimpa musibah seperti kebakaran seperti yang berlaku baru-baru ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat apabila berlaku musibah atau bencana alam yang dihadapi oleh pekebun kecil kita ataupun petani kita, kita mohon jasa baik pekebun kecil kita membuat laporan polis dan memaklumkan kepada Jabatan Pertanian kerana kita boleh membuat tuntutan dengan Majlis Keselamatan Negara untuk membantu meringankan beban petani-petani yang terlibat dengan bencana alam. Walau bagaimanapun, jika khususnya pengusaha kelapa sawit ini menghadapi untuk membuat tanaman semula, kita boleh memohon melalui MPOB untuk menikmati Skim Bantuan Tanam Semula untuk baik pulih pokok-pokok mereka.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 13.

Apakah kos pembinaan dan penyelenggaraan Lebuh Raya Persisiran Timur (EDL), Lebuh Raya Persisiran Pantai dan Lingkaran Dalaman Johor Bahru?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Lebuh Raya Persisiran Pantai Timur (EDL), kos pembinaan untuk lebuh raya tersebut ialah sebanyak RM223 juta, yang mana kos bagi pengambilan balik tanah dan kos kewangan semasa pembinaan ialah RM254 juta dan RM285 juta. Oleh itu, kos keseluruhan ialah RM1.262 juta. Memandangkan Negeri Johor melalui fasa pembangunan yang pesat menjadikan penyelenggaraan lebih mencabar. Kos bagi penyelenggaraan dan operasi bagi sepanjang tahun tempoh konsesi 30 tahun ialah sebanyak RM647 juta dan tempoh untuk setahun ialah RM21.57 juta.

Bagi Lebuh Raya Persisiran Pantai, kos pembinaan untuk lebuh raya tersebut ialah sebanyak RM946 juta, yang mana kos penyelenggaraan sekadar *routine maintenance*, dengan izin, untuk projek Lebuh Raya Pesisiran Pantai ialah sebanyak RM523,000.00 setahun. Lingkaran Dalaman Johor Bahru, kos pembinaan untuk Jalan Lingkaran Dalam, Johor Bahru adalah sebanyak RM20 juta, manakala kos penyelenggaraan biasa adalah sebanyak RM98,816.00 setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembinaan Lingkaran Dalaman Johor Bahru juga melibatkan kos pembinaan untuk persimpangan bertingkat di Jalan Yahya Awal sebanyak RM30.1 juta dan kos pembinaan persimpangan bertingkat Jalan Abu Bakar dengan kos sebanyak RM140 juta. Manakala kos penyelenggaraan bagi kedua-dua persimpangan bertingkat ialah sebanyak RM99,000.00 bagi setiap tahun.

YB Tan Sri Speaker : Jemput. Skudai

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Memandangkan kos yang begitu rendah oleh tiga lebuh raya ini, apa isi konsesi yang diberikan kepada MRCB dan juga kelas untuk mengutip tol khasnya untuk penyelenggaraan Lingkaran Dalaman dan juga Lebuh Raya Persisiran Pantai? Kenapa lagi PLUS diberikan konsesi untuk mengutip tol di KIK, Iskandar?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tujuan Kerajaan Persekutuan untuk mengenakan ataupun menaikkan kadar tol di CIQ lanjutan daripada pembinaan lebuh raya EDL ini ialah untuk memastikan supaya; terlebih dahulu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bahawa Kerajaan Persekutuan telah membuat kajian bukan mengenakan tol tanpa membuat kajian yang terperinci. Selama dua tahun dan jalan yang terbaik difikirkan adalah untuk mengambil alih EDL ini kerana EDL tidak ekonomikal dan tidak menjana pertumbuhan negara dari segi kos. Maka itu, kerajaan tidak boleh berterusan untuk memberi subsidi dan membayar pampasan kepada syarikat konsesi dengan menggunakan dana pembayar cukai walaupun kos pembinaan seperti mana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat adalah lebih rendah. Maka, perlaksanaan tol adalah yang terbaik. Yang penting rakyat Johor sebilangan besar menikmati infrastruktur yang baik dan percuma.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan...

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan lisan kita pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10:45 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:15 pagi.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 2) TAHUN 2014.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2014 dibacakan kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2014 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Maksud-Maksud Yang Tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, saya memohon untuk memberi pandangan berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 112. Tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak menyatakan menggunakan mana satu Peraturan Mesyuarat untuk menangguhkan Peraturan Mesyuarat 112 dan saya memohon supaya Peraturan Mesyuarat tersebut disebutkan, mana satu Peraturan Mesyuarat yang telah digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menangguhkan Peraturan Mesyuarat 112.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu Yang Berhormat, kita tangguhkan 112(2) itu untuk membolehkan kita berbahas terus dalam Persidangan ini. Jadi tidak ada apa-apa masalah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, ini berkenaan dengan mesyuarat-mesyuarat tetap dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor dan ini bukan pertama kalinya saya membangkitkan perkara ini. Kalau 112 perlu ditangguhkan saya ingin tahu mana satu peraturan mesyuarat yang digunakan untuk menangguhkan Peraturan Mesyuarat 112. Saya memohon satu jawapan.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengeluarkan pertanyaan dan meminta penerangan tentang perbelanjaan tambahan yang dikeluarkan dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan sebanyak RM27,555,000.00 dan kalau mengikut ...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat... duduk dulu.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Perbelanjaan tambahan yang dikeluarkan...

YB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai cadangan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara atas sebab itulah, selepas dikemukakan itu, Yang Berhormat Speaker akan minta sama ada, ada sokongan daripada Ahli-Ahli Dewan dan jika Ahli-Ahli Dewan bersetuju untuk ditangguhkan, maka 112(2) ditangguhkan dan kita boleh teruskan usul yang di bawa untuk bahas peruntukan tambahan ini.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, you duduk. You baca perkara 112...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya baca dengan teliti bahawa...

YB Tan Sri Speaker : Jadi ditangguhkan, untuk kita teruskan...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Mana satu rundingan, mana satu rundingan berkenaan dengan peraturan mesyuarat yang telah digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menangguhkan Peraturan Mesyuarat 112. Saya memohon...

YB Tan Sri Speaker : 112(2) dia tangguhkan, dia mohon ditangguhkan perkara itu...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : YB Tan Sri Speaker juga perlu mematuhi peraturan-peraturan...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, kita ikut peraturan...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Peraturan Dewan Undangan Negeri. Saya memohon satu rundingan. Kalau ada rundingan Yang Berhormat Menteri Besar harus membaca manakah satu rundingan, manakah satu rundingan peraturan mesyuarat yang telah digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menangguhkan Peraturan Mesyuarat 112, saya memohon satu jawapan. Tan Sri Speaker saya memohon satu jawapan.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tan Sri Speaker...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker saya memohon satu jawapan. Ini bukan pertama kali saya membawa isu ini dan saya memohon satu jawapan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar mana satu rundingan atau Peraturan Mesyuarat yang digunakan untuk menangguhkan Peraturan Tetap 112, saya memohon satu jawapan, Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita semua dan kita semua berfikiran bahawa kita faham tentang perkara-perkara dalam peraturan ya. 12) 'Memberhentikan Sementara Perintah-Perintah Tetap', ini yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi, perkara ini kita 112(2) tu bagi membolehkan perbahasaan ini kita teruskan mengikut peraturan-peraturan ini. Jadi, kita tidak lari daripada peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan dalam peraturan-peraturan kita. Jadi, saya minta teruskan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Menteri Besar. Saya minta Yang Berhormat...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Peraturan Mesyuarat 112 tidak menyatakan bahawa peraturan mesyuarat tersebut boleh ditangguhkan. Saya meminta satu jawapan. Mana satu peraturan mesyuarat yang digunakan untuk menangguhkan 112...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat itu bukan kuasa.... saya punya kuasa, saya akan minta keputusan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker ada kuasa, tapi kita mesti menghormati peraturan-peraturan mesyuarat yang telah ditetapkan, yang telah

dicatatkan dalam, mana satu? Mana satu Rengit? Mana satu? Mana satu peraturan mesyuarat yang digunakan?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : 112 tu Peraturan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Baca, baca. Baca Peraturan Mesyuarat tersebut Speaker, baca, baca. Peraturan mesyuarat tersebut, baca, bacakan Peraturan Mesyuarat tersebut. Saya bukan pertama kali. Ini bukan pertama kali pertama saya membangkitkan isu ini.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat tidak faham Peraturan Dewan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Mana satu peraturan mesyuarat yang digunakan?

YB Tan Sri Speaker : Peraturan mesyuarat itu adalah Peraturan Dewan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Mana?, mana?, Mana. Baca, baca, baca.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat bacalah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Mana satu Peraturan Mesyuarat? Bacakan?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat bacalah Peraturan Dewan 112 tu.

YAB Menteri Besar : Saya bacalah Yang Berhormat.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Saya baca 112 tidak ada satu peraturan...

YAB Menteri Besar : 121. 'Memberhentikan Sementara Perintah-Perintah Tetap Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Negeri boleh diberhentikan sementara dengan suara yang lebih ramai daripada Ahli-Ahli yang hadir', saya tak boleh baca habis...

YB Tan Sri Speaker : Yang berhormat...

YAB Menteri Besar : Kemudian 121(3) sesuatu rundingan yang demikian itu tidak boleh dibahas, tak boleh dibahas, so kalau kita dah putuskan setuju, *that's it.*

YB Tan Sri Speaker : Sebab itu saya akan... Yang Berhormat yang tak faham peruntukan ini.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membacakan Peraturan Mesyuarat tersebut.

YB Tan Sri Speaker : Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Pada mulanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak menyatakan mana satu Peraturan Mesyuarat yang digunakan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduklah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Dan, sekarang beliau telah membaca peraturan mesyuarat tersebut. Tan Sri Speaker, saya berpendapat bahawa, Tan Sri Speaker saya berpendapat bahawa ...

YB Tan Sri Speaker : Duduk, duduk. Yang Berhormat.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Berpendapat bahawa, Peraturan Mesyuarat 121 tidak di harus menggunakan dengan secara sewenang-wenangnya.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat,

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Saya berpendapat bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar harus menggunakan Peraturan Mesyuarat itu dengan berhemah. Jangan sekali kali menggunakan...

YB Tan Sri Speaker : Tapi saya akan minta keputusan Yang Berhormat itu cadangan. Yang Berhormat, Yang Berhormat...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, Tan Sri Speaker,

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jementah ni, boleh hormat Speaker tak, Yang Berhormat Speaker cakap duduk, you kena duduk.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat,

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ini Dewan, ini bukan apa, ini Dewan Undangan Negeri. Kita dipilih oleh rakyat...

YB Dato' Adham bin Baba (Pasir Raja) : Jementah, Jementah jangan cari publisiti.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Wang tambahan dengan secara berhati-hati.

YB Tan Sri Speaker : Kalau Yang Berhormat hormat dengan Dewan,

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Bukan Kita bukan tidak menghormati Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Bila Speaker bercakap, Yang Berhormat duduk.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Untuk membuat... rundingan atau pun...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat duduk.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya terima kasih dan menghormati di atas peluang yang diberikan kepada semua

untuk memberikan dan kita telah mendengar apa yang dinyatakan oleh Jementah. Tetapi pada masa yang sama kita harus beri juga keadilan kepada pihak yang lain untuk memberi penjelasan. Inilah cara kita menghormati Dewan kita ini. Cakaplah apa nak cakap, lepas tu dengarlah penjelasan.

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat, Yang Berhormat.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Speaker, Yang Berhormat.

YB Tan Sri Speaker : Skudai, Skudai duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat gunakan perkara Peraturan 112(2), dia mencadangkan begitu, saya yang akan minta keputusan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju, majoriti bersetuju, barulah boleh kita tangguhkan Perkara 112 bagi membolehkan perbahasan kita, kita teruskan untuk menentukan Perbekalan kita ini disahkan. Itu sahaja masalahnya, bukan ada apa-apa. Sila kita sambung tadi kat mana. Yang Berhormat menyokong, Yang Berhormat Jais.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukkan ini merupakan tambahan yang kedua bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2014. Tambahan Peruntukkan yang diperlukan adalah sebanyak RM39,534,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah tujuh jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM30,008,000.00.

2. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, RM187,000.00.

3. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM6,697,000.00.

4. Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor, RM207,000.00.

5. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, RM729,000.00.

6. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, RM1,007,000.00.

7. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM699,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YB Tan Sri Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM15,000.00 Bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor dan RM6,771,000.00 Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan; dan RM18,000,000.00 Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan; RM533,000.00 Bagi Maksud B.03, Pejabat Menteri Besar Johor; RM626,000.00 Bagi Maksud B.03, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor; RM887,000.00 Bagi Maksud B.03, Pejabat Jurutulis Dewan Undangan Negeri Johor; RM23,000.00 Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Audit Dalam; jadi sebahagian Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi. Di bawah Maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor, diperuntukkan sebanyak RM15,000.00 bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan ikhtisas, perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan diperuntukkan sebanyak RM6,771,000.00 bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di Bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan diperuntukkan sebanyak RM18,000,000.00. Sebanyak RM9,000,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan Jabatan manakala selebihnya sebanyak RM9,000,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah harta modal-harta modal Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Menteri Besar Johor diperuntukkan sebanyak RM533,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Johor diperuntukkan sebanyak RM626,000.00 bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Jurutulis Dewan Undangan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM887,000.00. Sebanyak RM878,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM9,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Audit Dalam diperuntukkan sebanyak RM23,000.00 di mana sebanyak RM15,000.00 diperlukan bagi menampung elaun perjalanan anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM8,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian bekalan jabatan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM354,000.00 Bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan, RM154,000.00 Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Landskap, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan, diperuntukkan sebanyak RM354,000.00. Sebanyak RM57,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM297,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Landskap diperuntukkan sebanyak RM154,000.00. Sebanyak RM14,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM140,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM207,000.00 Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelancongan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelancongan, diperuntukkan sebanyak RM207,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM352,000.00 Bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri, Johor; RM347,000.00 Bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM 352,000.00 bagi menampung bayaran emolumen bagi anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM347,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM127,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. Sebanyak RM200,000.00 pula diperuntukkan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota yang bersara pada tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu persetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM221,000.00 bagi Maksud B.13, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : YB Tan Sri Speaker, Di bawah Maksud Bekalan B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM221,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan pada tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu persetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,732,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Negeri Johor. RM920,000.00 bagi Maksud B.22 Pendidikan Agama Islam Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : YB Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Johor, diperuntukkan sebanyak RM5,732,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,742,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan pada tahun 2014 dan manakala selebihnya sebanyak RM990,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan juga hospitaliti.

Di bawah Maksud Bekalan B.22, Pendidikan Agama Islam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM920,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah Pemberian dan juga Kenaan Bayaran Tetap.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu persetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM187,000.00 bagi Maksud B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM187,000.00 bagi menampung bayaran di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : YB Tan Sri Pengerusi, Mengkibol mohon untuk menyertai perbahasan dalam fasa ini.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok, tapi dia punya dasar aje ye.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih, YB Tan Sri Pengerusi. YB Tan Sri Pengerusi, selalunya peruntukkan Jabatan Kebajikan kebanyakan dalam bentuk pemberian kepada warga-warga yang kurang bernasib baik tapi selama ini kita terlepas pandang ada segelintir golongan yang perlukan bantuan kita tetapi bantuan itu tak sampai. Perkara ini walaupun nampaknya lebih kepada pengangkutan tapi buat jangka masa pendek, Mengkibol berpendapat bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh memainkan peranan di mana....

YB Tan Sri Pengerusi : Ok YB, faham-faham, mencelah begini aje, pendek aje. Jemput YB..

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Belum habis lagi, Tan Sri.

YB Tan Sri Pengerusi : Cukuplah, cukup-cukup, pasal ini, benda ini dah dibelanjakan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Minta dua ayat, minta boleh sebut dua ayat. Maka adalah cadangan Mengkibol supaya...

YB Tan Sri Pengerusi : YB, ini yang boleh dibahaskan hanya butir-butir sahaja, bukan dasar. Jika dasar yang nak bawa cerita lain, cerita ini tak kan boleh habis, ini butir-butir sahaja. Butir yang dikemukan oleh Yang Berhormat Kebajikan Masyarakat ini tadi ialah RM187,000.00 bagi Maksud B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat, itu sahaja butir dia. Kalau nak bawa perbahasan lain, saya tak benarkan. Jadi saya teruskanlah.

Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu persetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,007,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM1,007,000.00. Sebanyak RM479,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen anggota-anggota jabatan. Sebanyak RM220,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran sewaan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM308,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu persetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM880,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Johor diperuntukkan sebanyak RM880,000.00. Sebanyak RM372,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM508,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu persetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM45,000.00 bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM45,000.00 bagi menampung bayaran-bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan bagi tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM119,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM58,000.00 bagi Maksud B.42 Pejabat Daerah Muar; RM207,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM30,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM157,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM143,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : YB Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM119,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM58,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM207,000.00. Sebanyak RM107,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM100,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM30,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM157,000.00. Sebanyak RM123,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM34,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM143,000.00. Sebanyak RM73,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM70,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu persetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM309,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor; RM393,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM199,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM114,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM97,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM67,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM167,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM94,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM6,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya; RM113,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM309,000.00. Sebanyak RM155,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. Sebanyak RM139,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan. Sebanyak RM7,000.00 pula diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan manakala selebihnya sebanyak RM8,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran

Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2014.

Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM393,000.00 bagi menampung bayaran-bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM199,000.00. Sebanyak RM175,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen manakala selebihnya sebanyak RM24,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM114,000.00 bagi menampung bayaran-bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM97,000.00 bagi menampung bayaran-bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM67,000.00. Sebanyak RM6,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen manakala selebihnya sebanyak RM61,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM167,000.00. Sebanyak RM147,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen manakala selebihnya sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan. Di bawah maksud Bekalan B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM94,000.00. Sebanyak RM8,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2014, manakala selebihnya sebanyak RM86,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan. Di bawah maksud Bekalan B.60 Pejabat Tanah Kulaijaya, diperuntukkan sebanyak RM6,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2014. Di bawah maksud Bekalan B.61 Pejabat Tanah Ledang, diperuntukkan sebanyak RM113,000.00. Sebanyak RM72,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan bagi tahun 2014 manakala selebihnya sebanyak RM41,000.00 diperlukan bagi menampung gantian cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara pada tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Jadi jadual, Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput

angkat tangan. Yang tidak bersetuju. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Fasal Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Koperasi dan Usahawan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan daripada Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) Tahun 2014 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rang Undang-Undang itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2014.

PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2014.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2014 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 26 tahun 2014 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Koperasi dan Usahawan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan. Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara dalam Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan berjumlah RM1,500,000.00 bagi maksud PSI Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud pembangunan P.51 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM1,500,000.00 bagi menampung pembinaan dan menyiapkan struktur kestabilan tebing Sungai Segamat di Kampung Tengah, Segamat Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara tu dipersetujukan. Perkara di dalam Jawatankuasa ini adalah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,000,000.00 bagi maksud P.56 Pejabat Menteri Besar Johor dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.56 Pejabat Menteri Besar Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM2,000,000.00 bagi menampung perbelanjaan Pembangunan Usahawan Negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini supaya peruntukan wang berjumlah RM9,346,000.00.00 bagi maksud P60 Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Pembangunan P.60 Jabatan Kerja Raya Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM9,346,000.00, di mana sebanyak RM646,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran kerja-kerja penukaran sistem talian voltan di sepanjang Jalan Pasir Pelangi bersebelahan Istana Pasir Pelangi dan sistem talian *overhead* TNB ke sistem bawah tanah di sepanjang Jalan Ayer Molek dan Perkarangan Istana Besar Johor. Manakala selebihnya sebanyak RM8,700,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja pembinaan membaik pulih dan menaik taraf bangunan-bangunan negeri yang dilaksanakan di setiap daerah seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2014 itu telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa Rundingan supaya ketetapan-ketetapan itu Di maklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat bilangan 26 Tahun 2014. Dari itu, saya membawa Rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu, iaitu peruntukan wang berjumlah RM12,846,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2014 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM12,846,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2014 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat yang tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) (PINDAAN) 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (Pindaan) 2014 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang Ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003. [Enakmen No. 16/2003].

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon membawa Rundingan di bawah Peraturan Tetap 58 agar Rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemukakan untuk mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan ini supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Bismillahirrahmaanirrahim. *(Doa)*. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor tahun 2003 telah diwujudkan bagi menggantikan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978 adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran Agama Islam, penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Negeri Johor dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun, setelah semakan dan penelitian dibuat, didapati beberapa Peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003 ini perlu dipinda semula bersesuaian dengan perkembangan pembangunan sosioekonomi dan juga masyarakat Islam masa kini. Dengan ini, dibentangkan Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 Pindaan 2014.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Rang Undang-Undang yang dicadangkan bertujuan untuk meminda beberapa peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), [Enakmen No. 16/2003].

Fasal 2, bertujuan meminda tajuk susunan fasal-fasal 16, Enakmen No. 16/2003 daripada Setiausaha kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

Fasal 3, bertujuan meminda Seksyen 2 Enakmen No.16/2003 dengan memasukkan tafsiran bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan memotong tafsiran Setiausaha dan juga meminda tafsiran hukum syarak dengan memotong tafsiran yang sedia ada kepada tafsiran yang baru.

Fasal 4, bertujuan meminda Seksyen 11 Enakmen No.16/2003 dengan meminda keanggotaan Majlis Agama Islam Negeri Johor yakni Majlis, iaitu dengan memasukkan Setiausaha Kerajaan Johor dan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebagai Ahli Majlis. Fasal ini juga bertujuan melantik sembilan orang Ahli lain yang terdiri daripada golongan profesional dan sekurang-kurangnya dua orang daripadanya hendaklah arif ataupun pakar dalam hukum syarak dan termasuk Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor. Fasal ini juga bertujuan menggantikan Timbalan Pengerusi bagi Majlis adalah orang yang pada itu memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor.

Fasal 5, bertujuan meminda Seksyen 16, Enakmen No. 16/2003 dengan menggantikan peruntukan berkenaan Setiausaha kepada peruntukan berkenaan Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab dalam menjalankan dasar-dasar dan ketetapan Majlis serta bertanggungjawab terhadap apa-apa arahan yang diberikan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

Fasal 6,7,8 dan 10 bertujuan meminda Seksyen 21, 22, 24 dan 118, Enakmen No.16/2003, dengan menggantikan perkataan Setiausaha di mana jua terdapat dengan perkataan Ketua Pegawai Eksekutif selaras dengan pindaan dalam Fasal 5.

Pindaan lain yang tidak diperuntukkan secara khusus dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 59 maka bolehlah dibahaskan akan Rundingan itu, tetapi hendaklah dihadkan perbahasan itu kepada dasar-dasar dan faedah-faedah Rang Undang-Undang itu sahaja. Perbahasan atas Rundingan bagi bacaan kali kedua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Pindaan 2014 dimulakan sekarang. Saya membenarkan tidak lebih empat orang daripada BN dan tidak lebih dua orang daripada Parti Pembangkang dengan tempoh tidak lebih 10 minit seorang, 10 minit sahaja.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirahmaanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam Muafakat Johor, salam Segamat selamat. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tahu peranan dan tanggungjawab sebuah kerajaan pemerintah adalah untuk memastikan kesejahteraan sosial rakyatnya terutama dalam sudut aturan hidup yang melibatkan hukum hakam agama. Selain daripada ini, lanya juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua Enakmen boleh diguna pakai dan menjadi satu sumber rujukan yang dilaksanakan mampu memperkukuhkan pegangan akidah umat Islam di bumi Darul Takzim.

Antara pindaan yang kita nampak dilakukan, Enakmen ini ialah merujuk kepada pindaan Seksyen 2 yang menggantikan tafsiran hukum syarak dengan tafsiran yang saya kira lebih luas. Jika sebelum ini, tafsiran hukum syarak ertinya hukum syarak mengikut Mazhab Syafie atau mana-mana salah satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali. Tetapi, di dalam pindaan yang baru ini, hukum syarak di tafsirkan dari segi pegangan akidah hendaklah berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersumber aliran Al Syairah atau Al Matulridiah. Dari segi syariah, mengikut mazhab Syafie atau keadaan tertentu mengikut mana-mana salah satu mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali atau melalui isytihad hukum yang telah diputuskan dalam Jawatankuasa Fatwa atas syor Majlis yang diperkenankan oleh Raja dan diwartakan.

Saya kira pindaan tafsiran ini adalah luas dan jelas. Tafsiran ini sebenarnya dapat membangunkan masyarakat kita tidak akan disekat dan jumud dalam satu aspek hukum kerana Islam merupakan agama yang cukup murni dan indah. Kita menyedari pada masa kini kita dihimpit dengan pelbagai isu yang baru. Malah kita juga dihadapkan dengan ancaman ajaran Syiah misalnya yang mampu menggugat pegangan akidah umat Islam kerana ajaran mereka yang bertentang dengan ajaran Islam serta Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sememangnya telah menjadi pegangan kita dan kita juga dihadapkan dengan persoalan-persoalan berkenaan dengan Fikah yang sentiasa berkembang dengan pertambahan bilangan manusia dalam kehidupan yang semakin moden ini.

Oleh itu, pindaan Fasal ini saya lihat diperlukan dalam masa kini kerana munculnya pelbagai masalah dan persoalan-persoalan yang baru yang tiada dalam Nas dan tidak berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Perkembangan fikah membuka ruang yang lebih luas dan memerlukan para Mufti bagi mengeluarkan fatwa masyarakat dalam permasalahan yang berkaitan dengan perkara-perkara baru kerana perubahan kehidupan masyarakat Islam yang memerlukan penyelesaian hukum yang konkrit dan menyeluruh. Seperkara lagi yang kita perlu akui bersama adalah keperluan

masyarakat Islam pada hukum Islam yang sentiasa wujud mengikut perubahan. Kegagalan menuntut tuntutan ini akan menyebabkan pengaruh Islam akan menjadi pudar. Era pembangunan yang di alami oleh masyarakat Islam telah menimbulkan pelbagai persoalan yang baru dalam kehidupan dan persoalan inilah dijawab berasaskan kepada masyarakat yang ada pada masa sekarang.

Maka, adalah menjadi tanggungjawab kita kepada umat Islam terutamanya kepada pemerintah seluruhnya untuk mencari jawapan yang baru kepada persoalan-persoalan yang baru bersesuaian dengan keadaan setempat tanpa membelakangkan hukum-hukum Fikah berdasarkan sumber Al-Quran dan Hadis sebagai mengisbatkan hukum. Pindaan Enakmen ini amatlah perlu dilakukan demi memastikan rakyat Islam tidak hidup dalam kejumudan ilmu dan hukum.

Seterusnya, saya melihat kepada Seksyen 11, yang merujuk kepada keanggotaan Majlis. Pindaan yang baru ini memberikan kuasa yang lebih luas terhadap lantikan Ahli Majlis itu sendiri dan perkara ini lebih baik lagi apabila ia melibatkan golongan profesional yang saya kira pasti terdiri daripada mereka yang dapat menyelesaikan persoalan-persoalan semasa bagi memenuhi keperluan masyarakat pada hari ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa cadangan pindaan ini menggambarkan salah satu langkah yang bijak dan tepat. Langkah ini bukan sahaja satu keperluan, malah ia tidak boleh tidak untuk kemaslahatan umat Islam. Dengan itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menyokong. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat. Jemput, Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Tan Sri Speaker, Parit Yaani ingin membahaskan pindaan Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 Enakmen 16, 2003 berdasarkan beberapa perkara:

Pertama, firman Allah SWT di dalam Al-Quran (Bacaan potongan ayat Al Quran) Sesungguhnya Din di sisi Allah adalah Islam. Islam sebagai agama rasmi Negara Malaysia. Amat wajar umatnya atau penganutnya memperlihatkan dan mengamalkan Islam dengan penuh tanggungjawab dan amanah. Amalan yang bertepatan dengan apa yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat serta Ulama Muktabar yang merangkumi akidah, ibadah, muamalah, munakahat dan jenayah akan menyerlahkan keindahannya Islam yang pernah diamalkan oleh para sahabat para Nabi Muhammad SAW sehingga membawa pembukaan wilayah-wilayah baru Islam kerana perwatakan penganutnya terutamanya para pemimpin di zaman tersebut.

Dalam firman yang lain, (Bacaan potongan ayat Al Quran) "Dan tidaklah Aku memutuskan kau wahai Muhammad melainkan memberikan rahmat kepada seluruh alam". Pemimpin yang diberi amanah untuk memimpin umat atau masyarakat bukan sahaja yang beragama Islam bahkan pelbagai agama yang dipimpin menunjukkan sifat amanah yang tinggi terhadap harta negara. Tanpa melakukan penyelewengan dan pecah amanah. Menyebabkan terkumpulnya harta kekayaan negara yang dapat diagihkan untuk kepentingan rakyat dan pembangunan di zaman tersebut.

Pemimpin yang dimiliki, pemimpin yang memiliki sifat taqwa iaitu yang takut akan azab Allah dan sentiasa meletakkan kepentingan sesuatu perkara mestilah berdasarkan kepada pahala dan dosa. Menambahkan lagi keyakinan rakyat, betapa pemimpin yang sedemikian perlu dibantu, di dokong bukan sekadar di sokong.

Tan Sri Speaker, maka Parit Yaani pada hari ini, di dalam Dewan yang mulia ini ingin membahaskan pindaan Undang-Undang yang melibatkan secara langsung satu agensi besar dengan nama dan peranannya yang cukup besar, iaitu Majlis Agama Islam Negeri Johor. Supaya kita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini sentiasa ingat dan benar-benar bertanggungjawab. Bukan sahaja di hadapan pegawai kerajaan dan rakyat di luar sana, tetapi kita semua akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah Azzawajalla, di padang Mahsyar kelak.

Perkara pindaan 2, di mana Ketua Pegawai Eksekutif Majlis, namun dah diwujudkan dalam jawatan baru. Mengekalkan imej korporat kepada Majlis dan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif ini juga telah disebut dalam Seksyen 18 (2) dan (3) pada Enakmen yang lama. Cuma diperluaskan pindaan ini kepada perwujudan satu jawatan baru Ketua Pegawai Eksekutif yang perlu juga ditafsirkan. Apa maksud Ketua Eksekutif pegawai ini? Ketua Pegawai Eksekutif ini apa maksudnya, tafsirannya serta bidang tugas Ketua Pegawai Eksekutif. Sebagai contoh, perlu dijelaskan secara lebih terperinci apakah peranan dan tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh KPE, saya ringkaskan Ketua Pegawai Eksekutif dan bagaimana cara pelantikannya dibuat. Juga perlu dimasukkan di dalam pindaan ini dan apakah kelayakan yang menunjukkan seseorang itu dilantik sebagai KPE Majlis.

Jawatan ini untuk makluman, telah wujud di Wilayah Persekutuan dan nampaknya Johor mengambil langkah wajar dengan mewujudkan jawatan ini. Di mana pengasingan Pengarah Jabatan Agama boleh fokus kepada hal ehwal Jabatan Agama kerana Majlis dan Jabatan adalah dua fungsi yang berbeza.

Keempat, pindaan Seksyen 11, anggota Majlis. Di mana kami mencadangkan supaya KPE dan Setiausaha di mana jawatan ini sebenarnya perlu wujud. Pengerusi dan Timbalan yang disebut dan tujuh orang Jawatankuasa seperti mana yang disebut iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Pengarah Jabatan Agama Islam, Timbalan Mufti dan Kadi Besar. Maknanya di situ ada tujuh orang dan dilantik dua orang daripada Ahli Jemaah Di Raja yang telah dikeluarkan dan saya mencadangkan supaya dua orang Ahli Majlis Di Raja ini perlu dimasukkan iaitu, dia memang dah masuk ya. Silap tu, ok. Ada perkataan, minta maaf ok. Dengan memotong perkataan-perkataan yang dinamakan oleh Raja dalam mesyuarat ini, dia ada satu perkataan yang memotong nama yang dinamakan oleh Raja dalam mesyuarat ini, adalah suatu usaha pihak tertentu untuk membuang kuasa Raja di dalam pelantikan Ahli Majlis yang mana selama ini sememangnya Tuanku Sultan mempunyai wakil yang dipilih untuk duduk sebagai Ahli Majlis bertepatan dengan kehendak Tuanku Sultan sebagai Ketua Agama di Negeri Johor.

Saya mencadangkan dalam pelantikan pindaan Seksyen 11 anggota Majlis, iaitu mengekalkan Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Agama sebagai salah seorang lagi dengan tambahan sembilan profesional supaya jumlah Ahli Mesyuarat menjadi 21.

Jika 20 orang Ahli Mesyuarat, tidak sesuai kerana Ahli Mesyuarat mesti ganjil untuk memudahkan membuat keputusan.

Tan Sri Speaker, Parit Yaani mencadangkan ayat asal yang dikekalkan dua orang Ahli Jemaah Majlis Di Raja sudah barang tentu dua orang ini datang dari pilihan istana. Sedangkan Sub Seksyen 2, masih lagi dikekalkan kuasa pelantikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Pertambahan sembilan orang dalam asal, daripada asal tujuh yang seharusnya memasukan wakil-wakil NGO dan daripada kalangan ilmuan, UTM sebagai Ahli Majlis kerana pendapat dan pandangan NGO atau ilmuan universiti yang mewakili kelompok Islam adalah perlu.

Dalam Sub Seksyen 7(C) tidak perlu dimasukkan perkataan Timbalan sebelum perkataan Pengerusi bagi Majlis dan tidak perlu Sub Seksyen 8 di potong. Kuasa Pengarah Jabatan Agama yang selama ini sebagai Timbalan telah di tiadakan, Pengerusi Majlis telah di tiadakan, maka ini perlulah di kekalkan jawatan Pengerusi Majlis kerana jika Sub Seksyen ini dipinda maka Majlis tiada lagi Pengerusi tetapi terus kepada Timbalan Pengerusi yang menyatakan pindaan kecil mungkin boleh di buat pada masa-masa yang lain.

Tan Sri Speaker, Parit Yaani mencadangkan dalam Sub Seksyen 7 menggantikan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam sebagai pengerusi kepada Menteri Besar Johor. Mengapa Menteri Besar layak dan bersesuaian sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Johor. Senyum YAB Menteri Besar, kami cadangkan kerana pegawai-pegawai kanan kerajaan berada sebagai anggota majlis daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan, Penasihat Undang-Undang, Mufti, semua ada kat situ. Dan, segala perolehan dan perbelanjaan Majlis Agama Islam Johor boleh di bawa ke dalam Dewan ini untuk kita maklum dan kita perbahaskan.

Tan Sri Speaker, Parit Yaani mencadangkan dipinda Sub Seksyen 8 Timbalan Pengerusi bagi Majlis hendaklah orang pada masa itu memegang jawatan Pengarah Jabatan Agama Islam Johor digantikan dengan orang yang pada masa itu memegang Jawatan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam seperti yang telah dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam. Jadi itulah cadangan yang Parit Yaani kemukakan. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Tiada lagi ya. Jangan selalu tinggal kereta api ya dalam Dewan ini. Jemput.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Berselawat. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, pada hari ini kita dibentangkan dengan satu pindaan Rang Undang-Undang berkenaan dengan pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. Bagi maksud ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Negeri Johor yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pada kita begitu proaktif, prihatin dan pindaan ini sangat tepat dan sangat hebat sebenarnya. Kalau kita memperjuang dan mempertahankan Agama Islam di Negeri Johor ini khususnya. Saya lihat parti Barisan Nasional ini sebuah parti yang betul-betul memperjuangkan Agama Islam. Kita tidak membawa imej agama ini ke kampung, setiap bulan kita ceramah sana, ceramah sini tapi dalam ceramah kita hentam orang sana, kita hentam orang sini. Tetapi hari ini, isu Agama Islam kita angkat untuk kita tafsirkan dengan pentafsiran yang lebih *detail* dalam Dewan tertinggi yang

ada dalam Dewan Negeri Johor. Jadi itulah perjuangan sebenar dalam kita menegakkan syariah Islam, kita tak bercakap Islam di kedai kopi, kita tak bercakap Islam di pentas-pentas warung tetapi kita bercakap soal dasar Islam di Dewan Negeri untuk kita pertahankan. Ini kerajaan Islam yang sebenar yang ada di Negeri Johor pada hari ini. (Dewan bertepuk).

Hari ini kita lihat Islam diserang dari berbagai sudut dan dari soal hukum tadi telah diterangkan panjang lebar oleh sedara saya daripada Buloh Kasap. Tetapi apabila kita mendengar perbahasan yang dibawa oleh Parit Yaani kita jadi keliru. Keliru dari segi pentafsiran bidang tugas, jawatan-jawatan yang disenaraikan dalam pindaan ini. Sebenarnya tidak begitu, tidak sepertimana yang dibahaskan oleh Parit Yaani tadi pelaksanaan, struktur baru pentadbiran. Kita mesti faham bahawa Majlis Agama Islam dan juga Jabatan Agama Islam ini suatu jabatan yang begitu besar. Terlalu banyak bahagian di bawah Jabatan Agama Islam. Kita jangan melihat soal pindaan ini hanya tersangkut dekat soal hukum syarak sahaja, tapi kita kena melihat keseluruhan pentadbiran Jabatan Agama Islam itu sendiri kerana di bawah Jabatan Agama Islam ini ada 9 bahagian; Pengurusan Kewangan, Undang-Undang Syariah, Pendidikan Dakwah, Pendidikan Pengurusan Masjid, Pembangunan Keluarga, Penguatkuasaan, Pendakwaan, itu di bawah Jabatan Agama.

Manakala di bawah Majlis pula ada 7 bahagian; Pentadbiran Dan Sumber, Bahagian Kewangan, Bahagian Zakat Baitulmal, Wakaf, Penerbitan dan juga Pembangunan. Jadi bagaimana satu orang pegawai nak mentadbir bahagian-bahagian yang banyak di bawah kendalian mereka. Jadi sebab itu pindaan ini dibuat supaya perjalanan Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam selepas ini dibuat dengan lebih lancar lagi segala urusan. Sebab itu pindaan dibuat, itu maksud utama dia, yang lain-lain itu soal siapa jadi ini, siapa jadi itu, itu soal kedua. Soalnya kita hendak melancarkan proses pentadbiran Agama Islam di Negeri Johor ini kerana yang mudah nanti Wakil Rakyat juga, YB-YB juga kerana apa, sekarang ini, kadang-kadang rumah terbakar bulan 3 rumah terbakar, bantuan Baitulmal sampai bulan 7. Tapi kita harapkan lepas ini, dengan adanya struktur organisasi yang baru dengan teraju dan juga dengan tenaga kerja yang baru, maka soal-soal bantuan wakaf, bantuan Baitulmal, bantuan zakat ini dapat disegerakan, dapat diselesaikan dengan cepat.

Saya tak nak cakap banyak soal hukum kerana apa dalam ini sudah diterangkan dengan sangat terperinci mengenai dengan akidah dan syariat yang patut diikuti oleh umat Islam di Negeri Johor. Jadi ini suatu langkah proaktif bagi kita mempertahankan Agama Islam sekiranya ianya dicabar di Mahkamah. Jadi ini satu tindakan yang sangat hebat bersesuaian dengan firman Tuhan dalam surah Muhammad ayat 7 yang berbunyi (baca surah) yang bermaksud, "Wahai Orang-Orang Yang beriman, kalau kamu membela Agama Allah nescaya Allah akan membela kamu untuk mencapai kemenangan dan menetapkan pendirian kamu". Jadi kalau ini yang kita buat, ini adalah langkah kita untuk membela Agama Allah, Allah janji, Allah akan memberi kemenangan kepada kita. Kalau Allah memberi kemenangan kepada kita bukan maksud Barisan Nasional menang, maksud dia terlalu luas. Kemenangan ini bermaksud kemakmuran, kesejahteraan kepada seluruh rakyat Negeri Johor.

Kalau Negeri Johor ini makmur bukan Orang Melayu, Orang Islam sahaja yang dapat manfaat, kalau Negeri Johor makmur Tuhan bagi kemenangan, kejayaan, kemakmuran bangsa lain pun turut berasa nikmat kemakmurannya yang Tuhan bagi

dekat Negeri Johor. Sebab itu hari ini enakmen ini perlu disokong, bukan enakmen ini dibuat untuk menyusahkan kerana YB-YB lain yang bukan Islam juga ada rakyat pengundi Orang Islam. YB-YB lain, Wakil-Wakil Rakyat lain yang bukan Islam juga hendak menguruskan bantuan zakat pengundi Islam. Kalau jabatan ini dah diselaraskan tugasnya sudah dibahagi adil, pegawainya ramai, urusan zakat senang, YB pun tak pening kepala. Jadi sebab itu apabila kita minta sokongan nanti, saya hendak tengok sedara-sedara kita daripada Parit Yaani, Sungai Abong jangan tak angkat tangan pula. Ini soal Islam, kita hendak memperjuangkan, kalau Skudai tak angkat tangan kita tak kisah, Skudai tak angkat tangan tak apa. Tapi kalau Sungai Abong, Parit Yaani tak angkat, yang ini masalah. Ini soal Agama Islam.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Maharani sokong.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : ...jangan ikut Skudai, jadi yang ini penting, saya kena bagitahu awal-awal. Takut sudah biasa tak angkat tangan, terlupa...

YB Tan Sri Speaker : Bukit Permai gulung Bukit Permai.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Jadi, Yang Berhormat Tan Sri, dalam pada kita hendak membahaskan, saya ada beberapa pandangan dan cadangan, apabila enakmen ini dah diwartakan, dah ada Ketua Pegawai Eksekutif, dah ada Pengerusi Majlis tolong lihat perkara-perkara ini. Yang pertama bantuan zakat dan Baitulmal, agihan mesti disegerakan kena *fully utilize* dengan izin duit zakat itu. Duit zakat ini jangan di kumpul banyak-banyak hujung tahun *declare*, kita ada berapa juta duit zakat. Eh, bukan itu kita Majlis Agama ini bukan bank, kita tak boleh berbangga dengan duit zakat yang banyak, kita kena bangga kalau duit zakat kita habiskan sebanyak mungkin untuk bantu Orang Islam. Itu kita kena bangga. (Dewan bertepuk).

Yang kedua, soal bantuan JKM dan bantuan zakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Bantuan Zakat, yang ini saya hendak beritahu, saya hendak rujuk kepada Mesyuarat Fokus Group yang diadakan setiap bulan di daerah-daerah. Soal pendapatan perkapita. Ini satu masalah lagi, dia sebagai rakyat Malaysia ini dia ada 2. Pertama, dia rakyat Malaysia yang beragama Islam, yang kedua, dia rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam. Kita mesti ingat zakat ini sistem, satu sistem yang Tuhan fardukan secara eksklusif untuk umat Islam. Manakala bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, sistem yang kerajaan buat eksklusif untuk rakyat Malaysia. Jadi apabila kita membuat penilaian untuk memberi bantuan kepada golongan miskin, saya minta perkara ini diperhalusi supaya bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini tidak diambil kira sebagai pendapatan berkapita orang-orang miskin. Sebab penilaian sebelum ini, kalau dia dapat duit JKM, dia lepas paras minima kemiskinan, oh dia tidak boleh dapat zakat sebab dia dah lepas pendapatan perkapita kerana ada bantuan JKM atau sebaliknya. Dia dapat bantuan zakat, pegawai yang kira-kira pun, oh dia dah lepas pendapatan perkapita dia untuk dah terlepas daripada golongan fakir sebab dapat bantuan. Ini bantuan, ini bukan pendapatan hakiki dia.

Jadi, sebagai rakyat Malaysia, beragama Islam yang pertama, kalau dia miskin, dia dapat bantuan JKM sebab dia rakyat Malaysia. Sebagai orang Islam dia berhak dapat zakat sebab dia orang Islam.

YB Tan Sri Speaker : Masa Yang Berhormat.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Tan Sri. Yang Berhormat Tan Sri. Jadi, saya nak selepas ini bantuan yang diberi di setiap daerah itu dari segi pengagihan zakat dan bantuan JKM. Bantuan-bantuan ini tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan perkapita keluarga miskin. (Dewan bertepuk).

Yang terakhir sekali, saya nak bercakap berkenaan dengan sekolah tahfiz. Bila ada jabatan ini, nanti esok dah ada ketuanya, hari ini tolong tengok sekolah tahfiz. Hari ini dekat kampung-kampung banyak sekolah tahfiz. Tumbuh macam cendawan. Hari ini kalau saya tanya Pengerusi Jawatankuasa Agama berapa sekolah tahfiz, dekat negeri Johor saya yakin tidak boleh jawab. Berapa Mudir, berapa Pengetua sekolah tahfiz? Tidak boleh jawab. Kerana apa sekolah tahfiz hari ini...

YB Tan Sri Speaker : Itu sangka buruk Yang Berhormat. Dia boleh jawab.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Rumah peneroka, rumah-rumah kampung pun dijadikan sekolah tahfiz. Kenapa jabatan-jabatan dan juga Majlis Agama Islam kena ambil tahu. Ini soal keselamatan. Rumah yang diduduki oleh pelajar-pelajar tahfiz ini, mestilah yang elok, yang selamat, ada *fire escape*, ada bantuan alat pemadam api yang cukup. Jangan apabila kita ambil ini, jangan ingat kita ini kita memusuhi Islam. Tidak suka Islam, terlalu tegas, undang-undang ketat, tetapi kita nak menjaga keselamatan anak-anak kita yang nak menghafal Al-Quran. Sebab itu apabila jabatan ini esok wujud dengan pentadbiran baru tolong ambil tahu sekolah tahfiz, daftarkan sekolah-sekolah tahfiz yang wujud di seluruh negeri Johor, beri bantuan, bagikan prasarana yang cukup...

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Mudir-mudir ini perlu didaftarkan, tafiz ini dia tak panggil Pengetua, dia panggil Mudir-Mudir, kalau tukang sunat Mudim. Tapi Sekolah Tahfiz, Mudir. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sikit saja lagi.

YB Tan Sri Speaker : Dah cukuplah, cukup Yang Berhormat.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : ... yang saya hendak bercakap ini iaitu lagi satu tentang tahfiz ini tolong bagi pengiktirafan. Kita tak nak esok keluar beribu-ribu pelajar Tahfiz, tiba-tiba Majlis Agama Islam Johor kata oh kita tak iktiraf sebab di orang ini tidak berdaftar dan sebagainya. Sebab yang berdaftar sahaja kita kena buat dari sekarang supaya kita boleh mengiktiraf mereka di masa hadapan. Jadi, sekian saya Bukit Permai mohon menyokong.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Jemput, 10 minit.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa menyokong apa yang telah dikemukakan Pindaan yang tersebut dan pertama sekali ingin mengingatkan soal integriti yang mana dalam pelaksanaan.

Pada satu ketika Rasulullahlah SAW menyampaikan satu ucapan, tiba-tiba seorang masuk ke dalam majlis dan bertanya kepada Rasulullah SAW, mattass'angah, "bilakah akan berlakunya kehancuran". Rasulullah SAW tidak segera menjawab. Sahabat-sahabat Radiallah huanhum ajma'in merasakan mungkin Rasulullah tidak mendengar soalan itu kerana sedang khusyuk menyampaikan ucapannya. Dan ada yang merasakan mungkin Rasulullah SAW marah kerana ucapan yang tiba-tiba, soalan yang mendadak, kurang beradab. Tiba-tiba Rasulullah SAW bertanya, "Siapa tadi yang bertanya bilakah akan berlakunya kehancuran?". Maka lelaki tersebut menyatakan, "Saya wahai Rasulullah". Lalu Rasulullah SAW menyatakan, "iza dhuli'atul amanah", iaitu apabila disia-siakan amanah. Lelaki itu bertanya lagi, "khaifaida'atuha ya Rasulullahlah", bagaimanakah dikatakan mensia-siakan amanah itu wahai Rasulullah? Rasulullah SAW menjawab, "iza wudsidal amru ila ghairil ahrihi funtazrissa'ah", yang bermaksud apabila diserahkan sesuatu urusan itu kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancuran dan kebinasaan.

Saya sengaja membawa riwayat hadis ini, hadis yang sahih untuk menjadi peringatan kepada diri saya sendiri dan kepada kita semua dalam melaksanakan amanah terhadap rakyat yang mana terutamanya dalam soal sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi daripada Bukit Permai, iaitu pengagihan yang sebaik-baiknya terutamanya apabila kita sebut Majlis Agama Islam yang merupakan satu institusi yang besar yang melibatkan berbagai-bagai dana orang-orang Islam seperti zakat, wakaf dan lain-lain.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan jumlah pungutan zakat yang begitu besar iaitu ratusan juta ringgit Malaysia setiap tahun, maka sepatutnya dan sewajarnyalah semua asnaf-asnaf zakat terutamanya fakir miskin mendapat hak mereka dengan mudah dan selesa agar mereka benar-benar terbela dan mendapat pertolongan dan perlindungan dari kerajaan melalui hasil zakat yang merupakan amanah dari Allah SWT.

Selain dari itu, kita hendaklah memberikan hak-hak zakat kepada asnaf-asnaf lain, asnaf-asnaf lain juga dengan sebaik-baiknya dan seadil-adilnya. Contohnya, asnaf fisabilillah dan ibnusabil, hendaklah diberikan hak mereka dengan sebaik-baiknya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mendapat maklumat yang dapat dipercayai bahawa terdapat penuntut-penuntut kita di universiti-universiti Timur Tengah terutamanya di Negara Mesir yang dinafikan hak mereka untuk mendapatkan zakat bagi menampung perbelanjaan dan keperluan pengajian mereka.

Perkara ini berlaku barangkali kerana pelajar-pelajar tersebut dianggap pro parti pembangkang. Ada pun alasan yang diberikan kerana mereka tidak memenuhi syarat-syarat tertentu seperti mesti mendapat keputusan Mumtaz dalam STAM dan lain-lain. Kita hendaklah ingat bahawa wang zakat ini adalah amanah Allah SWT yang sepatutnya diagihkan dengan telus yang mana asnaf bagi orang-orang yang ibnusabil atau fisabilillah ini disebut dalam Al Quran dan dalam huraian-huraian ulama yang muktabar maka sepatutnya tidak diabaikan dan tidak timbul soal-soal sokongan mereka kepada mana-mana pihak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan apa yang telah disebutkan itulah kita mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah, aliran Asyairah dan Almaturridiah dan juga Mazhab Syafie dan juga dalam perkara-perkara tertentu kepada Mazhab Hanafi,

Maliki dan Hambali, maka ini adalah suatu perkara yang sangat tepat dan sangat baik yang mana sebagaimana yang disebutkan dalam sepotong hadis Nabi SAW, (bacaan hadis), sebaik-baik manusia ialah orang yang berada di kurunku dan kurun selepas itu dan kurun selepas itu. Maknanya dalam lingkungan 300 tahun hijrah, 300 tahun selepas Rasulullah SAW.

Walau bagaimanapun, kita berpandangan, Puteri Wangsa berpandangan, sepatutnya tafsiran diperluaskan hingga merangkumi aliran salaf dan khalaf bukan terhad kepada aliran Assyairah dan marturridiah sahaja dan juga mengambil kira pandangan-pandangan ulama yang muktabar sepanjang zaman termasuklah ulama-ulama yang muasarah yang semasa sebagaimana Sheikh Dr. Yusuf Alkhardawi dan lain-lain yang mana perlu juga ada ruang untuk dirujuk kepada ulama-ulama yang disiqqah ataupun yang *respect*, yang *direspect* oleh umat Islam seluruh dunia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya kita juga berpandangan umpamanya perjalanan Ahli-Ahli Majlis baru-baru ini ke Turki, Mesir, dan Jepun yang memperuntukkan kewangan perbelanjaan yang tertentu, maka pada pandangan Puteri Wangsa perlu dibentangkan dalam sidang DUN, yang mana keperluan ataupun perbelanjaan tersebut untuk, secara *transparent*, dengan izin, dengan telus dan adakah pembiayaan tersebut dengan menggunakan wang zakat ataupun selainnya.
Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan Pindaan Seksyen 16, Puteri Wangsa berpendapat bahawa perlu juga ada jawatan Setiausaha kerana Setiausaha Majlis akan terlibat dalam urusan pentadbiran Majlis bagi membantu Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatan Setiausaha juga perlu diwujudkan dalam Majlis dan Setiausaha juga boleh mengundi dan mengambil bahagian dalam Majlis dan mengadili. Badan pelantikan Setiausaha juga perlu diwujudkan dalam Pindaan Enakmen ini.

Seterusnya Pindaan Seksyen 21.

YB Tan Sri Speaker : Gulung yang Berhormat.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Ya?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, gulung.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Terima kasih. Jika dikekal juga Setiausaha dalam Majlis Mesyuarat berkuasa untuk panggil mesyuarat terletak kepada KPE, Ketua Pegawai Eksekutif dan SU, Setiausaha yang perlu dipinda dalam Mesyuarat Majlis hendaklah dijalankan dalam setiap bulan tanpa gagal. Notis mesyuarat tidak perlu lagi melalui pos atau surat cukup dengan melalui aplikasi sms, whatsup dan sebagainya.

Seterusnya, Pindaan Seksyen 22 iaitu minit perlu dikekalkan oleh Setiausaha. Itu sebab saya mencadangkan jawatan Setiausaha perlu dikekalkan dalam Majlis.

Akhir sekali Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyentuh tentang mengimarahkan masjid, surau untuk kebaikan masyarakat dan umat Islam khususnya, maka bagi mengimarahkan masjid hendaklah terbuka kepada semua lapisan masyarakat tidak wajar dimonopoli oleh sesuatu golongan sahaja. Jadi masjid, surau sepatutnya Ahli-Ahli Jawatankuasa Masjid, Ahli Jawatankuasa Surau sebagaimana dulu dipilih oleh ahli-ahli

kariah atau penduduk. Jadi inilah yang diperingatkan oleh Allah SWT, (bacaan ayat al-Quran), dalam ayat tersebut disebut, walamyaksyaillallah dan ia tidak takut melainkan Allah. Jadi inilah ciri-ciri dan kita mengharapkan dengan keharmonian pengendalian masjid, surau daripada, tak kira daripada berbagai golongan turut memakmurkannya, mengimarahkannya dengan segala program yang diatur dapat memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat khususnya umat Islam dan perpaduan rakyat seluruhnya.

Jadi saya menyokong dan sekianlah yang dapat saya sampaikan Tan Sri Speaker. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalau ada jawapan daripada Yang Berhormat EXCO yang berkenaan, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan Pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 ini adalah melalui Resolusi Multaqa Ulama dan Ilmuan Negeri Johor Darul Takzim kali Yang Kedua pada tahun 2012 yang diadakan di Dewan Canselor Universiti Tun Hussein Onn, pada 27 Mac 2012 yang telah diperkenaan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim dan juga Kongres Majlis Agama Islam SeMalaysia untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi peranan Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai badan Agama Islam selaras dengan tarafnya iaitu Islam sebagai Agama Negeri Johor yang termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor dan seiring dengan kemajuan teknologi dan kepesatan pembangunan fizikal dan ekonomi hari ini. Selain itu juga, bertujuan untuk memantapkan perjalanan pentadbiran dan pengurusan Agama Islam sejajar dengan keperluan semasa dan membolehkan Majlis Agama Islam berfungsi dengan kemas dan teratur dan selaras dengan penambahbaikan yang dibuat serta selaras dengan peruntukan undang-undang dalam enakmen.

Pengasingan pentadbiran pengurusan tertinggi di antara Majlis Agama Islam di Negeri Johor dan juga Jabatan Agama Islam Johor dan dicadangkan supaya dilantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor yang berasingan dengan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor bertujuan supaya dapat menumpukan tugas sebagai Pelaksana semua keputusan Majlis secara tertumpu tanpa memberi perhatiannya kepada tugasannya yang lain sehingga boleh membantutkan perkembangan dan kemajuan Majlis dalam memainkan peranannya sebagai Pembuat Dasar Agama Islam Negeri Johor.

Dan begitu juga di antara yang lain-lain yang ingin saya nyatakan berikut;

1. Tujuan pengasingan ini ialah untuk mengelakkan berlakunya, dengan izin, *conflict interest*.
2. Perkara ini juga telah diputuskan oleh Majlis atas nasihat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor supaya pengasingan ini dilakukan dengan segera.
3. Tanggungjawab dan beban tugas Jabatan dan Majlis bertambah dan semakin mencabar.

4. Peruntukan tahunan yang diperlu diurus oleh Majlis Agama Islam lebih daripada RM200 juta setahun manakala Jabatan Agama Islam pula sebanyak RM160 juta setahun.

Bilangan pegawai dan anggota Majlis seramai 350 orang manakala pegawai dan anggota Jabatan Agama Islam Johor seramai 5,667 orang termasuk guru agama, guru KAFA dan guru Tadika Agama Johor.

Di Jabatan Agama Islam terdapat 9 bahagian sebagaimana berikut :

1. Pengurusan Kewangan.
2. Undang-Undang Syariah.
3. Pendidikan.
4. Dakwah.
5. Penyelidikan.
6. Pengurusan Masjid.
7. Pembangunan Keluarga.
8. Penguatkuasaan.
9. Pendakwaan.

Manakala di Majlis pula terdapat 7 bahagian sebagaimana berikut:

1. Pentadbiran dan Sumber.
2. Bahagian Kewangan.
3. Zakat.
4. Baitulmal.
5. Wakaf.
6. Penerbitan Dan Perhubungan Awam.
7. Bahagian Pembangunan.

Selain itu juga, daripada Majlis Agama Islam juga terdapat beberapa jawatankuasa-jawatankuasa di antaranya:

1. Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan.
2. Jawatankuasa Zakat.
3. Jawatankuasa Wakaf.
4. Jawatankuasa Baitulmal.
5. Jawatankuasa Pendidikan.
6. Jawatankuasa Tender.
7. Jawatankuasa Perundangan.

Di mana melihat kepada perkara ini bahawa Majlis Agama Islam itu perlu bersendiri dan ada pengurusan yang tersendiri untuk mengatur dan juga mengurus pentadbiran Majlis Agama Islam supaya dapat melaksanakan tugas mereka khususnya dari segi membantu umat Islam terutamanya dalam bidang bantuan-bantuan dan sebagainya.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Permai tadi, yang berkaitan dengan bantuan kepada sekolah tahfiz, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menyediakan peruntukan untuk bantuan kecil pengurusan kepada

sekolah-sekolah tahfiz yang berdaftar atau dalam proses pendaftaran bukan maksud yang belum berdaftar, maksudnya dalam proses pendaftaran dengan Jabatan Agama Islam Johor.

Pada tahun 2013, sejumlah RM350,000.00 telah diagihkan kepada 57 buah sekolah tahfiz. Manakala bagi tahun ini sebanyak RM750,000.00 telah disediakan untuk tujuan yang sama kepada 67 buah sekolah.

Saya ingin juga menarik perhatian Wakil Rakyat dari Yang Berhormat Puteri Wangsa, sebagaimana yang disebutkan tentang agihan bantuan kepada pelajar-pelajar yang berada di Timur Tengah khususnya di Jordan dan di Mesir, di mana pihak Majlis Agama Islam telah menaikkan bantuan pelajaran, kalau di Jordan sebelum ini RM6,000.00 kepada RM8,000.00, di Mesir daripada RM4,000.00 kepada RM6,000.00.

Majlis Agama Islam juga telah pun memutuskan supaya bantuan pelajar-pelajar di Timur Tengah ini khususnya bagi mereka yang mengikuti Pengajian Islam ini di atas Asnaf Fisabilillah. Asnaf Fisabilillah Majlis Agama Islam telah memperuntukkan keseluruhan jenis-jenis Asnaf, ada 7 jenis di bawah Asnaf Fisabilillah, di mana salah satu diantaranya iaitu pelajar-pelajar yang belajar di Timur Tengah di mana peruntukannya lebih kurang RM3.5 juta.

Dan, ingin saya maklumkan juga bahawa, pihak Majlis Agama Islam baru-baru ini telah memutuskan supaya bantuan pelajaran bagi pelajar-pelajar yang mengikuti Pengajian Islam di Timur Tengah diluaskan. Kalau sepertimana yang disebut oleh YB Puteri Wangsa bahawa Majlis Agama Islam mengenakan syarat, peraturan. Sebenarnya syarat dan peraturan itu telah diterima pakai sejak dulu lagi iaitu pelajar-pelajar yang ingin mendapatkan bantuan daripada Majlis Agama Islam, bantuan zakat itu hendaklah mereka ini yang lulus dengan mendapat kejayaan Mumtaz di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia ataupun STAM.

Yang kedua, hendaklah mereka ini mengikuti program Daurah yakni program kursus bahasa yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor yang diseliakan oleh MARSAH kemudian yang ketiga, pelajar-pelajar ini hendaklah diterima masuk melalui Imtihan Qabul di universiti-universiti yang dipohon.

Maka, pada kali ini pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor telah memutuskan bahawa syarat kelonggaran kepada pelajar-pelajar untuk mengikuti pelajaran ini ialah mereka pelajar Tahun 3. Tetapi dasar yang baru diputuskan oleh Majlis Agama Islam iaitu setiap pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah, mereka yang dapat kelulusan di peringkat Sijil Tinggi Agama peringkat Jayyid pun kita akan berikan bantuan bermula dengan tahun depan di peringkat Jayyid, kemudian mengikuti Program Daurah, kursus bahasa di MARSAH dan kemudian mereka ini diterima masuk melalui Imtihan Qabul di universiti-universiti yang mereka pohon.

Maka dengan sebab itu, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor sentiasa meneruskan usaha-usaha penambahbaikan dari segi mengagihkan di mana dari segi sudut hukum pun kita telah sedia maklum, bahawa hukum syarak bahawa bantuan zakat ataupun peruntukan zakat itu hendaklah diagihkan keseluruhannya pada tahun yang sama. Hendaklah diagihkan saya ingin mengumumkan di sini bahawa peruntukan zakat itu hendaklah

diagihkan keseluruhannya sekiranya ada Asnaf, ada penerima-penerima keseluruhannya.

Maka dengan sebab itu, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pembahas-pembahas yang telah pun membahaskan dan juga menyokong tentang cadangan pindaan ini supaya dapat kita melihat Majlis Agama Islam dapat melaksanakan segala tugas-tugas dan juga tanggungjawab mereka yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk mengagihkan bantuan zakat dan juga memastikan pengurusan-pengurusan yang lain selain daripada zakat berkaitan dengan pengurusan tanah-tanah wakaf dan begitu juga yang berkaitan dengan Baitulmal.

Saya ingin juga menyahut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa berkaitan dengan lawatan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam ke Negara Turki. Sebenarnya tuan-tuan dan puan-puan, Negara Turki dan juga Negeri Johor adalah mempunyai sejarah ...

YB Tan Sri Speaker : Sini tak ada tuan-tuan, puan-puan. Sini tak ada tuan-tuan, puan-puan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat, bahawa Kerajaan Turki dan juga Kerajaan Negeri Johor ini telah pun mempunyai hubungan yang sangat akrab sejak Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar. Di situ, keperluan Ahli-Ahli Majlis ini untuk mengikuti lawatan itu, lawatan sambil belajar itu banyak perkara yang dilihat. Di antaranya iaitu Institusi Pengajian Islam dan begitu juga dari segi pembangunan wakaf di Turki, di Istanbul khususnya di mana kami melihat bahawa bagi Majlis Agama Islam Negeri Johor tiba masanya pembangunan wakaf ini perlu kita bangunkan. Maka dengan sebab itu, salah satu di antara negara yang perlu kami lihat dari segi pembangunan wakafnya iaitu lah dia Negara Turki.

Maka dengan sebab itu tidak ada istilah pembaziran dan sebagainya kerana yang mengikuti rombongan itu adalah mereka yang berkaitan, selain daripada Bahagian Pendidikan daripada Majlis Agama Islam begitu juga yang berkaitan dengan pengembangan tentang ajaran-ajaran tariqat yang ada di Mesir yang kita lawati. Maka dengan sebab itu, dakwaan yang mengatakan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Johor telah membazirkan wang Majlis Agama Islam dengan mengadakan lawatan sebegini adalah tidak benar sama sekali.

Saya dengan ini menyudahi ucapan jawapan saya dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamimualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) (PINDAAN) 2014.

YB Tan Sri Speaker : Dewan bersidang sebogai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1 hingga Fasal 10.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1 hingga Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 1 hingga Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang telah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan.

Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan , Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Pindaan 2014 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan. (Dewan Bertepuk).

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :

ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) (PINDAAN) 2014.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membentangkan Bajet Negeri Johor Bagi Tahun 2015 esok. Dengan itu, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga esok, 13 November 2014, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:45 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEDUA	KHAMIS, 13 NOVEMBER 2014	BIL. 6 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulzan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor.
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TURUT HADIR (DENGAN MAAF)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahirrahmaanirrahim. (Selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini, kita akan menyambung Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Pada tahun lalu, kita telah mendengar ucapan sulung Bajet Negeri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan bertemakan "Muafakat Pembangunan dan Pengagihan". Dan, pada hari ini kita melahirkan kesyukuran kerana sekali lagi dapat bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam sesi Bajet 2015.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 27 hingga 28 Tahun 2014.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2015) TAHUN 2014.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3), supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 dikemukakan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 dikemukakan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Muafakat Johor dan salam sejahtera. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim, izinkan saya untuk membentang dan menerangkan kepada Dewan yang Mulia ini, cadangan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2015. Namun, terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini, mewakili seluruh anggota pentadbiran kerajaan negeri, Ahli-Ahli Dewan serta semua lapisan rakyat Negeri Johor, merafakkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor atas termeterainya ikatan perkahwinan bersama Che' Puan Khaleeda binti Bustamam yang berlangsung baru-baru ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya bersama-sama dengan seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri menegaskan untuk kesekian kalinya, bahawa tanggungjawab kami adalah melakukan perkara yang paling wajar dan adil untuk Johor dan rakyatnya; yakni memberikan yang terbaik untuk Negeri Johor Darul Ta'zim. Namun tugas ini jauh dari selesai. Banyak lagi yang harus dirancang dan dilakukan. Dan hari ini, saya ingin melakar agenda seterusnya untuk Johor yang lebih membangun dan sejahtera.

Hari ini saya ingin membuat penegasan bahawa Johor sedang membina sebuah ekonomi yang kukuh dan berdaya saing; dan Bajet 2015 adalah permulaan sebahagian daripada ikhtiar besar ini.

Berdasarkan segala yang akan saya bentangkan hari ini, Dewan ini akan dapat melihat betapa pertumbuhan ekonomi kita adalah kukuh, berdaya saing, peluang pekerjaan berkualiti semakin bertambah dan jumlah defisit telah dan akan terus dikecilkan serta ditangani dengan baik. Namun begitu, jalan hadapan bagi Johor ialah manfaat kemakmuran ekonomi yang diagih adil secara inklusif, kehidupan rakyat disejahterakan dan perbendaharaan Kerajaan ditadbir dengan penuh telus dan amanah. Insya-Allah, dengan semangat muafakat, muhibah, pemikiran berpandangan jauh, dan kerja keras semua rakyat, Johor akan menjadi 'the new economic powerhouse' bagi Malaysia.

Maka, izinkan saya membentangkan Belanjawan Negeri Johor dengan tema "Membangunkan Johor Secara Inklusif". Agenda ini adalah sebahagian daripada pelan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk memastikan rakyat Johor dan lingkungannya, akan terus menikmati kehidupan aman, damai serta sejahtera. Malah akan berupaya untuk terus mara mencatatkan kejayaan demi kejayaan.

Apakah itu pembangunan inklusif? Pembangunan inklusif adalah pendekatan terkini dalam pembangunan ekonomi. Ia bertujuan memperbaiki taraf sosioekonomi dan memberikan pelbagai kesejahteraan hidup secara lebih adil, saksama dan menyeluruh. Pendekatan ini sangat relevan terutamanya untuk negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia; yang menyaksikan jurang keberadaan semakin

melebar. Ada dua sebab utama mengapa pertumbuhan ekonomi dan program pembangunan kita mesti bersifat inklusif.

Pertama: Memulihkan Kesenjangan Agihan Kekayaan Dan Kemakmuran Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi global menunjukkan pemulihan yang memberangsangkan, konsisten serta meyakinkan. Namun pada masa yang sama, jurang keberadaan antara yang kaya dengan yang miskin semakin melebar. *Kajian Oxfam'Oxford Committee for Famine Relief'* menyatakan bahawa 80 individu terkaya dunia menguasai separuh dari milikan kekayaan global. Ini adalah jurang keberadaan yang meruncing dan harus dibetulkan. Maka fokus kita bukan sahaja memastikan pertumbuhan ekonomi terus segar dan pesat tetapi dividen kesejahteraan mesti dinikmati secara lebih saksama dan menyeluruh oleh masyarakat. Apa maknanya pembangunan yang pesat ini sekiranya meminggirkan ramai anggota masyarakat daripada mengecap peluang ekonomi dan kehidupan sosial yang lebih baik.

Kedua : Memberikan Kesejahteraan Hidup Yang Melangkaui Aspek Material

Jurang dalam kerangka pembangunan seringkali dikaitkan dengan kadar pendapatan. Malah kemiskinan selalu diukur dengan hanya merujuk angka pendapatan. Namun, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan hidup melangkaui hanya jumlah pendapatan. Isu dasar seperti peluang dan kualiti pekerjaan yang rendah dan terhad, tahap kesihatan yang tidak setaraf negara maju, kualiti pendidikan yang terkebelakang serta keupayaan untuk menjadi mandiri dan berupaya menjana pendapatan yang boleh mensejahterakan adalah turut termasuk dalam cakupan sesebuah pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Ini semua adalah ukuran sebenar dan tanda aras yang sah bagi sesebuah pertumbuhan ekonomi dan pembangunan.

Berdasarkan kedua-dua alasan utama ini, pentadbiran saya telah mengambil pendekatan komprehensif untuk menilai semula strategi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Johor yang mesti melihat dan mengambil kira melangkaui indikator kewangan tradisional 'beyond traditional monetary indicators'.

Oleh yang demikian, Belanjawan 2015 yang akan saya bentangkan pada hari ini akan mempunyai tiga fokus utama iaitu:

Pertama, menggariskan dengan jelas dasar, strategi, pelan tindakan dan pendekatan baharu yang boleh merangsang dan memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Johor dengan kadar yang lebih pesat dan mapan.

Kedua, memastikan pertumbuhan dan pembangunan yang direncanakan bersifat inklusif. Dan ketiga, melaksanakan amalan perbelanjaan yang berhemah, terancang serta berorientasikan pencapaian.

Saya yakin ketiga-tiga fokus ini akan mampu menangani 'kesenjangan' dan 'jurang' agihan kekayaan dalam masyarakat kita sekaligus memberikan kesejahteraan hidup melangkaui aspek material.

B. PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI

PRESTASI DAN KEDUDUKAN EKONOMI MALAYSIA

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Bagi memberikan konteks yang lebih jelas, izinkan saya merumuskan secara ringkas prestasi dan kedudukan semasa ekonomi Malaysia, yang menunjukkan trend yang memberangsangkan. Dalam tempoh suku pertama 2014 sahaja, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar adalah sebanyak 6.2%, iaitu kadar tertinggi yang pernah dicatatkan sejak suku keempat 2012. Malah, pencapaian ini adalah lebih baik berbanding Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand.

Prestasi dan pencapaian ini adalah hasil daripada langkah positif program transformasi Kerajaan yang dilaksanakan sejak 2009. Selain daripada aktiviti ekonomi domestik yang kekal cergas serta perdagangan luar yang bertambah baik, keadaan ini turut disokong oleh asas-asas ekonomi yang mantap seperti paras simpanan domestik yang tinggi, rizab antarabangsa yang kukuh, sistem perbankan yang teguh, kadar pengangguran yang rendah dan momentum kegiatan pelaburan yang terus rancak.

Berdasarkan Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing yang dikeluarkan oleh firma perunding pengurusan global, A.T. Kearney, Malaysia kini berada di kedudukan ke-15, berbanding tempat ke-25 yang dicatatkan pada tahun 2013. Keyakinan ini turut dicerminkan dengan peningkatan tertinggi pelaburan langsung asing sebanyak RM38.2 bilion pada tahun 2013 berbanding RM28.5 bilion pada tahun 2012.

PRESTASI DAN KEDUDUKAN EKONOMI JOHOR

Bagi negeri Johor, seiring dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia, ekonominya telah berkembang pada kadar 4.9% pada tahun 2013 melebihi kadar nasional iaitu 4.7%. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan, bagi tahun 2013 Johor menjadi di antara penyumbang utama kepada momentum pertumbuhan nasional selain kawasan Lembah Klang. KDNK bagi negeri Johor telah merekodkan nilai sebanyak RM72.28 bilion yang secara konsisten didominasi oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Sektor perkhidmatan telah mencatatkan pertumbuhan 4.1% dengan nilai KDNK sebanyak RM35.16 bilion yang didorong oleh kerancakan aktiviti subsektor penginapan dan restoran serta perdagangan borong dan runcit. Manakala sektor pembuatan negeri Johor telah merekodkan pertumbuhan 4.6% dengan nilai RM24.4 bilion pada 2013. Pertumbuhan ini dijangka akan bertumbuh pesat pada beberapa tahun akan datang setelah menerima jumlah pelaburan yang besar iaitu lebih RM33 bilion bagi tempoh 19 bulan bermula Januari 2013 sehingga Julai 2014.

Kerancakan pertumbuhan juga dapat dilihat dalam sektor perlombongan & pengkuarian serta pembinaan yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan 14.3% dan 8.1% dengan nilai masing-masing sebanyak RM96 juta dan RM2.5 bilion. Meskipun sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan sederhana iaitu sebanyak 2.9% dengan

nilai RM8.75 bilion. Johor kekal sebagai penyumbang kedua utama sektor pertanian nasional dengan sumbangan 15.6% daripada jumlah KDNK pertanian Malaysia.

KDNK Johor dijangka mampu mencapai pertumbuhan 5.6%-6.1% pada tahun 2014. Ini di dokong oleh pelaburan tinggi pada tahun 2013 yang dijangka dapat direalisasikan sepanjang tahun ini. Statistik terkini berkaitan pelaburan bagi sektor pembuatan, Johor sekali lagi mencatatkan nilai pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM18.7 bilion sehingga Julai 2014 sekaligus mengatasi nilai pelaburan tahun 2013 iaitu RM14.4 bilion. Daripada jumlah tersebut RM 12.7 bilion merupakan pelaburan langsung tempatan dan RM5.9 bilion merupakan pelaburan langsung asing.

Peningkatan ini merupakan penerimaan pelaburan yang tertinggi yang belum pernah dicapai pada tahun-tahun sebelumnya. Ini memberi keyakinan bahawa negeri Johor mempunyai potensi dan kekuatan dalaman yang besar dan tidak hanya bergantung kepada pelaburan langsung asing sahaja. Meskipun pola pelaburan telah berubah kepada pelaburan domestik, kerajaan tidak menafikan sumbangan pelaburan asing dengan pelbagai negara termasuk Jepun, Singapura dan China terus menyuntik modal pelaburan mereka ke dalam ekonomi Johor. Saya ingin mengambil kesempatan di sini bagi pihak Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di atas usaha gigih dan pelbagai kerjasama di dalam beberapa aspek yang ditunjukkan bagi merealisasikan pencapaian negeri Johor di dalam bidang pelaburan ini.

Bagi memastikan prestasi pembangunan ekonomi di Negeri Johor kekal berdaya maju, Kerajaan Negeri kini di peringkat akhir penyediaan Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor yang merupakan kesinambungan kepada Pelan Induk Ekonomi Negeri Johor 2010-2020. Pelan ini turut mengambil kira perancangan terkini yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar dan Pihak Berkuasa Wilayah Ekonomi Pantai Timur bagi memastikan pembangunan yang lebih menyeluruh dan memanfaatkan lebih ramai rakyat Negeri Johor.

C. PERUNTUKAN BAJET 2015

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Bajet 2015 menganggarkan Kutipan Hasil berjumlah RM1,239.23 juta, manakala Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM1,235.41 juta. Oleh itu, lebihan bagi Bajet Mengurus tahun 2015 adalah sebanyak RM3.82 juta. Bajet 2015 juga menyediakan peruntukan pembangunan dengan anggaran berjumlah RM366.20 juta.

Dari segi kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2015, jumlahnya dianggarkan sebanyak RM1,239.23 juta berbanding anggaran tahun 2014 yang berjumlah RM1,064.60 juta. Daripada jumlah tersebut, Hasil Cukai dianggarkan sebanyak RM425.96 juta, Hasil Bukan Cukai RM607.97 juta dan Terimaan RM205.29 juta.

Di bawah Peruntukan Mengurus berjumlah RM1,235.41 juta, sejumlah RM384.60 juta adalah bagi Emolumen, RM307.49 juta disediakan bagi Perkhidmatan dan Bekalan, manakala RM494.15 juta diperuntukkan kepada Pemberian dan Kenaan Bayaran

Tetap. Sejumlah RM21.22 juta disediakan untuk Pembelian Aset dan RM27.95 juta untuk Perbelanjaan-perbelanjaan Lain.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2015 adalah berjumlah RM366.20 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM260.03 juta disediakan bagi perbelanjaan Infrastruktur serta Kemudahan Pentadbiran, RM39.09 juta bagi Program Pembangunan Agama Islam, RM20.74 juta bagi Program Pertanian dan Kemudahan Asas, RM31.52 juta bagi Projek Pengairan dan Saliran, RM2.16 juta bagi Perumahan dan sejumlah RM 12.16 juta disediakan bagi Perhutanan dan Pelancongan manakala selebihnya sebanyak RM0.5 juta diperuntukkan bagi wang cadangan belanja mengejut.

D. LIMA STRATEGI UTAMA BAJET 2015

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Walaupun prestasi ekonomi Johor tampak kukuh dan berdaya saing, namun seperti yang saya katakan sebentar tadi, pertumbuhan ekonomi bukanlah segala-galanya. Saya sedar dan peka bahawa cabaran yang lebih besar ialah menangani 'cakupan ketaksamaan yang mencapah' atau 'the multidimensional nature of inequalities'.

Dalam konteks ini, pentadbiran saya percaya rakyat lebih tahu apa yang mereka perlu dan mahu. Justeru, melalui aduan, saranan, harapan dan luahan rasa rakyat dalam Pelan Suara Hati Johor, yang merupakan suatu pendekatan inovatif dalam membangunkan satu bentuk kerjasama dan penyertaan baru dalam tadbir urus, kerajaan akan memastikan pembangunan yang dirancang akan bersifat menyeluruh dan inklusif. Terutamanya semasa proses penggubalan dan pelaksanaan polisi yang memberi kesan besar kepada rakyat. Tidak kiralah sama ada dalam bentuk perolehan monetari mahupun kesan dimensi-dimensi ekonomi yang lain.

Menyedari hakikat ini, kerajaan memberikan tumpuan untuk menterjemahkan aspirasi pembangunan inklusif ini dengan menggariskan LIMA STRATEGI UTAMA yang akan didukung oleh pelbagai program dan inisiatif strategik iaitu:

STRATEGI PERTAMA	:	**MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MERANGSANG PELABURAN.**
STRATEGI KEDUA	:	**MEMANGKIN KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT.**
STRATEGI KETIGA	:	**MEMBANGUNKAN MASYARAKAT BERILMU DAN BERKEMAHIRAN BAGI MENDUKUNG PERALIHAN KE ARAH EKONOMI BERASAS PENGETAHUAN.**
STRATEGI KEEMPAT	:	**MEMBUDAYAKAN INOVASI, KREATIVITI DAN KEUSAHAWAN YANG BERDAYA SAING GLOBAL.**
STRATEGI KELIMA	:	**MEMODENKAN PRASARANA SERTA MENGUKUHKAN KEPERCAYAAN AWAM TERHADAP PENTADBIRAN DAN INSTITUSI KERAJAAN.**

STRATEGI PERTAMA : MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MERANGSANG PELABURAN.

Fokus kita ialah mengangkat kedudukan Johor sebagai destinasi pelaburan pilihan yang kompetitif, menarik dan mengekalkan sebanyak mungkin pelaburan langsung asing dan domestik sekaligus mewujudkan pekerjaan bermutu dalam masa paling pantas. Johor yang kita dambakan tidak lagi sekadar 'economically distance from Singapore' tetapi pesaing yang mempunyai nilai tambah tersendiri.

Strategi Pertama ini akan disokong oleh tiga inisiatif strategik berikut:

1. Merancakkan Pertumbuhan Dalam Bidang Keberhasilan Strategik.

Di bawah inisiatif ini, Kerajaan Negeri akan melipatgandakan usaha menarik pelaburan strategik ke Johor dan Iskandar Malaysia. Suka saya nyatakan di sini sejak tahun 2006 sehingga September 2014, jumlah pelaburan komited yang terkumpul di Iskandar Malaysia adalah setinggi RM156 bilion yang menunjukkan keyakinan berterusan pelabur terhadap prospek dan potensi pembangunan ekonomi di Negeri Johor.

Lebih penting, setiap pelaburan di Johor sama ada pelaburan domestik atau pelaburan langsung asing, harus menghasilkan peluang pekerjaan kepada rakyat Johor. Kebergantungan kepada buruh asing harus dan akan dikurangkan. Berdasarkan unjuran menerusi Pelan Induk Ekonomi Negeri Johor 2010-2020 dianggarkan sebanyak 1.827 juta rakyat Negeri Johor akan termasuk dalam golongan pekerja berbanding 1.563 juta pekerja pada masa ini.

Justeru kita akan terus memberi penekanan kepada sektor-sektor pertumbuhan ekonomi baru iaitu industri minyak dan gas, perkhidmatan dan bio-ekonomi. Pemfokusan ini walau bagaimanapun tidak akan sesekali mengabaikan kepentingan pertumbuhan sektor ekonomi lain. Kerajaan akan terus berusaha menarik pelaburan dalam sektor ekonomi tradisional seperti industri tekstil, perabot, pengilangan serta pertanian.

Bagi sektor strategik minyak dan gas, Kerajaan Negeri Johor akan terus bekerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan dan PETRONAS untuk menjayakan projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Projek PIPC ini memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti industri berteknologi tinggi dan berinovasi, dan melibatkan pekerja-pekerja berilmu, berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Oleh yang demikian, Kerajaan Johor berharap ia akan dapat menarik lebih ramai bakat terbaik untuk bekerja dan menetap di Johor sekaligus menyumbang kepada kerancakan ekonomi domestik Johor.

Bagi sektor perkhidmatan, kerajaan akan memberi fokus kepada industri pelancongan, pendidikan dan kesihatan. Dalam disiplin pendidikan, Iskandar Malaysia dan Pagoh di daerah Ledang akan terus diketengahkan sebagai pusat pendidikan tinggi dengan usaha menarik pelaburan luar dan domestik. Untuk sektor kesihatan pula, pengalaman luas Kumpulan Perubatan Johor (KPJ)

akan dimanfaatkan bagi menjadikan Johor Hab Kesihatan dan Perawatan Global.

Pertumbuhan Johor akan juga dipacu dengan pesat oleh sektor bio-ekonomi dengan penumpuan kepada tiga perkara utama:

i. Menyokong pertumbuhan industri kecil dan sederhana yang berorientasikan bioteknologi melalui program 'Jelajah Bioekonomi Johor' dengan peruntukan RM250,000.00. Ini akan memberi manfaat kepada usahawan-usahawan tempatan di daerah-daerah dalam negeri Johor melalui proses Penjenamaan dan Promosi. Pada waktu yang sama, usaha membangunkan usahawan berasaskan 'bio' akan dijalankan dengan mengenal pasti keperluan perniagaan seperti membuka pasaran baharu dan mengenal pasti rakan teknologi dan komersil. Ini akan membolehkan lebih banyak lagi usahawan tempatan melibatkan diri dalam 'rantaian ekonomi bernilai tinggi yang baharu' dalam sektor ini. Selain daripada itu program ini juga merupakan satu bentuk medium untuk mengumpul kekuatan bidang bioteknologi di negeri Johor.

ii. Mempergiat penglibatan masyarakat dalam sektor bioteknologi melalui Program Pembangunan Komuniti Bio-ekonomi dengan kos pembangunan sebanyak RM8.9 juta dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui BiotechCorp.

Program ini akan melibatkan kerjasama antara pembekal teknologi dari syarikat-syarikat Bio-Nexus dan berasaskan 'bio' dengan kumpulan komuniti hampir 100 orang peserta bagi setiap daerah melalui 'contract farming' atau perladangan kontrak. Inisiatif ini akan membantu mempertingkatkan nilai tambah hasil pertanian masyarakat melalui program bimbingan terancang dan perkongsian teknologi. Selain meningkatkan daya saing ekonomi dan pendapatan masyarakat, ia juga akan mendedahkan masyarakat kepada teknologi pertanian termaju. Projek permulaan akan dijalankan di daerah Kota Tinggi dan Segamat. Lima sektor telah dikenal pasti iaitu Lembu Tenusu, Tanaman Rumput Ternakan, Tanaman Herba, Tanaman Stevia dan Perusahaan Madu Lebah.

iii. Kerajaan akan memperuntukkan RM700,000.00 bagi melaksanakan program untuk membina upaya modal insan dalam sektor bioteknologi melalui penubuhan 'National Biotechnology Talent Development Centre' di Johor. NBTDC akan bertindak memberikan maklumat berkenaan industri bioteknologi kepada pelajar di universiti sebagai pendedahan awal dalam bidang pekerjaan. Inisiatif ini mensasarkan untuk melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor bio-ekonomi dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan pesat industri strategik ini.

Pengurangan rintangan perdagangan juga akan diberikan keutamaan bagi membolehkan Johor terus menjadi destinasi pelaburan pilihan yang kompetitif. Oleh itu, Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) yang

berperanan antara lain sebagai 'one stop centre'bagi memudahkan proses kedatangan pelabur diperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk tahun 2015 bagi melaksanakan tanggungjawab mereka.

2. Mengukuhkan Ekonomi Desa Melalui Pertanian Lestari.

Ramai yang berpandangan bahawa ekonomi Johor yang berpendapatan tinggi hanya boleh dipacu melalui pertumbuhan pesat sektor perkhidmatan dan pelaburan-pelaburan besar. Ini adalah pandangan yang tidak tepat. Walau semaju mana sekalipun sesebuah masyarakat dan negara, sumbangan sektor pertanian sangat penting. Malah sektor pertanian tunggak sebenar pertumbuhan bio-ekonomi dan elemen penting dalam memastikan kelangsungan agenda keselamatan makanan Malaysia.

Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi menjayakan Program Galakan Usahawan oleh Jabatan Pertanian Johor bagi mempertingkatkan kebolehsaingan kumpulan usahawan dalam sektor pertanian. Ia akan diagihkan melalui tiga projek iaitu projek industri kecil (PIK), projek pembangunan tanah terbiar dan Skim Pinjaman Satu Mukim Satu Industri.

Untuk memastikan kecukupan bekalan daging tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama Johor Corporation akan meningkatkan pengeluaran daging lembu berskala besar melalui ladang satelit mereka di Kota Tinggi, Muar dan Segamat. Ia akan melibatkan 21 peserta dengan penghasilan 18,900 ekor lembu matang setahun dengan peruntukan RM3 juta.

Kerajaan juga melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia akan memperuntukkan RM2 juta bagi membantu pengusaha tanaman nanas yang mempunyai keluasan kurang daripada 15 ekar bagi meningkatkan pengeluaran mereka.

Menyedari bahawa keluasan tanah pertanian adalah semakin berkurangan, Kerajaan telah membuat keputusan untuk membeli sekaligus menyelamatkan tanah-tanah pertanian yang dimiliki oleh orang Melayu supaya tidak terjual kepada pihak lain. Bagi tujuan tersebut Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM20 juta kepada Permodalan Darul Ta'zim untuk pembelian tanah-tanah pertanian ini dan ia akan disewakan kepada koperasi-koperasi dan usahawan Bumiputera terpilih di negeri Johor untuk membangunkan aktiviti-aktiviti pertanian.

3. Menjadikan Johor Jauhari Selatan Dan Destinasi Pelancongan Terbaik Malaysia.

Sektor pelancongan adalah antara sektor paling pantas pertumbuhannya di peringkat global ekoran peningkatan jumlah kelas pertengahan yang drastik dampak globalisasi. Johor tidak boleh ketinggalan dalam menjadikan sektor pelancongan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Johor mempunyai potensi yang sangat besar. Malah kedudukannya antara Melaka dan Singapura menjadikan Johor sangat strategik untuk menjadi Hab Pelancongan Wilayah Selatan. Pada tahun 2013, Negeri Johor adalah negeri kedua paling dikunjungi oleh pelancong antarabangsa di Malaysia selepas ibu negara Kuala Lumpur.

Bagi merancakkan industri pelancongan, Kerajaan Negeri mensasarkan Johor mesti mempunyai lima produk pelancongan berkepentingan global menjelang tahun 2017. Lima produk tersebut ialah:

i. Membangunkan alam sekitar Endau Rompin sebagai pusat pelancongan dan penyelidikan alam sekitar terulung di Asia Tenggara.

ii. Kedudukan Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai sebagai tapak RAMSAR akan dipulihara dan dibangunkan sebagai tapak rekreasi dan penyelidikan paya bakau berkepentingan antarabangsa yang mesti dilawati.

iii. Menjadikan Johor Pusat Kebudayaan Melayu utama dunia. Johor harus dikenali sebagai destinasi yang mempamerkan kerencaman dan ketinggian budaya Melayu yang unik. Ia akan menjadi pusat busana, seni, tarian, bahasa, serta warisan alam Melayu yang kaya.

iv. Menjadikan Johor pusat persidangan bertaraf antarabangsa, dan

v. Menjadikan Johor hub pelancongan untuk keluarga dengan tarikan seperti Angry Bird Indoor Theme Park, Legoland, Hello Kitty World, Johor Premium Outlet, Desaru, aktiviti rekreasi persekitaran Gunung Ledang serta pelbagai lagi destinasi tarikan yang sesuai untuk bersama keluarga.

Oleh itu, Kerajaan Persekutuan melalui Wilayah Pembangunan Timur (ECER) telah memperuntukkan RM31.4 juta bagi membangunkan prasarana ekopelancongan dengan konsep Hutan Hujan ke Terumbu Karang atau 'Rainforest to Reef'di Taman Negara Endau Rompin. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa bermula tahun hadapan dalam tempoh lima tahun.

Bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan Wetland, IRDA akan menganjurkan '4th Iskandar Malaysia Eco Tourism Summit' pada tahun 2015. Ini penting untuk mempromosikan Iskandar Malaysia sebagai destinasi eko-pelancongan terkemuka di rantau ini di samping dapat menjana ekonomi rakyat terutama rakyat luar bandar melalui program Kawan Iskandar Malaysia.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM15 juta bagi menaik taraf jalan akses ke kawasan pelancongan Tanjung Piai, Pontian.

Bersempena Tahun Festival Malaysia 2015, pelbagai festival sukan, seni dan budaya akan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Dua Festival yang bakal menjadi tumpuan antarabangsa ialah Festival Layang-Layang Sedunia dan Festival Zapin.

Sehubungan itu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah meluluskan kos sebanyak RM4.85 juta bagi menaik taraf Bukit Layang-Layang di Pasir Gudang sebab sebagai kawasan tarikan utama pelancongan dengan dana permulaan berjumlah RM1 juta diperuntukkan bagi tahun 2015.

Bandar Johor Bahru juga akan dibangunkan sebagai 'Urban and Heritage Trail' bagi memperlihatkan kepada dunia kekayaan warisan Johor. Ini termasuk menjenamakan

dan menaiktarat prasarana pelancongan, menjenamakan semula Bazar JB, mewujudkan Stesen Seni dan meneruskan perkhidmatan bas percuma JB Di Hatiku.

Di Nusajaya ini sendiri, Taman Warisan Semulajadi Nusajaya akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama UEM Sunrise melibatkan kawasan 300 ekar. Sebagai permulaan dana sebanyak RM25 juta telah disediakan bagi pembangunan projek ini. Kawasan riadah ini akan menempatkan Taman Tanaman Tropika dan Taman Koleksi Tumbuhan, yang kedua-duanya dikhususkan untuk tujuan pelancongan, riadah, pendidikan dan penyelidikan sekaligus flora dan fauna sebagai anugerah alam yang berharga terus dipelihara.

STRATEGI KEDUA : MEMANGKIN KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Memandangkan kesejahteraan hidup rakyat melangkaui perolehan material merupakan salah satu sasaran penting pembangunan inklusif, maka ia merupakan salah satu strategi utama Bajet 2015 ini. Dalam Strategi Kedua ini, lapan inisiatif akan dilakukan iaitu:

1. Mengurangkan Kemiskinan.

Sesungguhnya penyakit masyarakat yang paling menggusarkan adalah kemiskinan sehinggakan Rasulullah SAW sendiri berlindung dari kemiskinan sebagaimana Hadith Riwayat Imam Muslim, Baginda Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu dari kefakiran, kehinaan dan dari menzalimi orang lain atau dizalimi oleh orang lain." Maka, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk berusaha menjadikan kemiskinan hanya tinggal sebagai sejarah di negeri ini. Namun membasmi penyakit kemiskinan tidak semudah merawat dan membebat penyakit-penyakit lain. Kita tidak ada formula khusus yang mampu menyelesaikannya dengan pantas.

Kini, di Johor masih terdapat golongan miskin tegar walaupun jumlahnya telah berkurangan dengan sangat signifikan. Statistik Kumpulan Isi Rumah Berdaftar e-Kasih Negeri Johor pada Oktober 2014 menunjukkan jumlah miskin tegar ialah 152 orang, manakala kategori miskin ialah 2,779 dan mudah miskin ialah 122 orang.

i. Untuk tahun 2015, Program Bantuan Rumah akan diteruskan melalui Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM4.43 juta untuk membina 73 unit rumah baru dan membaik pulih sebanyak 121 buah rumah.

ii. Melalui Majlis Agama Islam Johor dengan peruntukkan sejumlah RM8 juta untuk membina 200 unit rumah baru dan membaik pulih 75 unit rumah.

Kemiskinan tidak mungkin dapat dibasmi tanpa pendidikan. Memastikan anak-anak golongan miskin dapat belajar dengan sempurna dan mengejar kejayaan adalah perkara pokok. Oleh itu, mulai tahun hadapan Majlis Agama Islam Johor melalui kutipan zakat akan menyediakan satu inisiatif baharu iaitu bantuan makanan sihat untuk anak-anak golongan miskin di Sekolah Rendah Agama Johor. Setiap murid yang layak diberi RM2.50 seorang setiap hari sepanjang sesi persekolahan selama setahun.

Sebanyak RM6.6 juta diperuntukkan bagi dimanfaatkan oleh 15,000 orang murid anak orang miskin.

Tidak ketinggalan, Kerajaan Negeri akan turut memberikan perhatian terhadap kebajikan golongan Orang Asli. Untuk tujuan ini, sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi penganjuran program yang memberikan ilmu kerohanian dan kepimpinan kepada mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Kerajaan Negeri juga sangat prihatin dengan nasib golongan nelayan di persisir pantai dan sungai Johor yang pendapatan mereka sedikit terjejas dek derasnya pembangunan yang sedang berlaku di selatan Negeri Johor. Oleh yang demikian, dalam usaha membantu mereka, sebagai permulaan dianggarkan seramai 1,800 nelayan Selatan Johor yang disahkan kelayakannya oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan menerima bantuan sebanyak RM1,000.00 pada tahun hadapan, dengan jumlah keseluruhan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.8 juta. Semoga bantuan ini dapat meringankan sedikit beban yang dihadapi oleh mereka.

2. Menyediakan Tempat Berlindung Untuk Membina Keluarga Yang Kukuh.

Kita biasa dengan ungkapan Rumahku Syurgaku. Sesungguhnya, rumah yang selesa akan memberikan natijah kesihatan yang baik, pencapaian lebih cemerlang di sekolah, institusi keluarga yang bahagia dan kukuh, masalah sosial yang berkurangan serta masyarakat yang bersatu. Rumah bukan lagi hanya kehendak, ia adalah keperluan asas. Kerajaan Johor berazam memastikan setiap warganya mempunyai tempat perlindungan yang sesuai dan selesa. Fokus kita ialah menggembleng tenaga dengan pelbagai pihak untuk membina sebanyak mungkin rumah yang mampu dimiliki oleh rakyat Johor.

Bagi menampung keperluan permintaan yang semakin meningkat, baru-baru ini saya telah mengumumkan Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran pembinaan rumah mampu milik daripada 28,000 kepada 37,000 unit rumah di bawah kategori perumahan mampu milik Johor yang akan dibina sehingga akhir tahun 2018. Kerajaan Negeri menjangkakan sebanyak 8,900 unit perumahan mampu milik Johor dapat dibina oleh syarikat berkaitan kerajaan dan pemaju-pemaju swasta di seluruh Negeri Johor bagi tempoh dari bulan Jun 2014 sehingga tahun 2015. Selain itu, sebanyak 6,300 unit rumah kos rendah termasuk Projek Perumahan Rakyat sedang dalam proses pembinaan di pelbagai peringkat untuk memenuhi keperluan rakyat Johor yang berpendapatan rendah.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Islam Johor telah mengenal pasti dua kawasan strategik di sekitar Johor Bahru yang sesuai untuk pembangunan Taman Perbadanan Islam pada tahun 2015. Pembangunan atas kawasan seluas 15 ekar di Telok Jawa dan 14 ekar lagi di Larkin sesungguhnya sangat bermakna kerana Taman Perbadanan Islam terakhir yang pernah dibina adalah pada penghujung tahun 1980-an, iaitu melebihi dua dekad lepas. Kedua-dua Taman Perbadanan Islam ini dijangka siap dalam tempoh 36 bulan dan akan turut diwartakan sebagai Rizab Melayu yang pembangunannya diharap dapat mengimbangi dan mengurangkan jurang pemilikan hartanah kaum Melayu di daerah Johor Bahru.

Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan sebahagian rakyat berpendapatan rendah yang didapati sukar memperolehi pinjaman daripada institusi kewangan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersedia menjual rumah-rumah miliknya melalui Skim Sewa Beli dengan sasaran sebanyak 5,000 unit bagi tahun 2015. Ini termasuk 1,000 unit rumah berharga antara RM42,000.00 hingga RM80,000.00 yang akan disewa beli oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Yang lebih penting, rumah-rumah yang disewa beli oleh MAIJ ini akan ditawarkan untuk diduduki secara percuma oleh penerima bantuan zakat yang berkelayakan dan golongan asnaf fakir miskin. Antara kawasan perumahan yang akan ditawarkan secara sewa beli ini adalah Rumah Pangsa Taman Cendana 1 dan Cendana 2 di Pasir Gudang, Rumah Pangsa Kangkar Pulai, Rumah Pangsa Seri Alam dan Rumah Pangsa Kos Rendah bagi penempatan semula setinggan yang terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL).

Bagi menghargai sumbangan kakitangan awam, kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan persekutuan juga mensasarkan untuk membina 2,000 unit rumah pada tahun 2015 di bawah Projek Perumahan Awam 1Malaysia (PPA1M). Di bawah skim ini sebanyak 694 unit akan dibina di daerah Kulaijaya dan beberapa kawasan lain di daerah Johor Bahru telah dikenal pasti. Ia juga termasuk penjualan 512 unit kuarters dan rumah sewa kerajaan berhak milik strata yang telah diperolehi menerusi pulangan penswastaan kepada penghuni-penghuni yang mendiaminya dengan syarat mereka masih belum memiliki rumah dan berkelayakan.

Bagi memberikan peluang yang lebih luas kepada rakyat yang berada pada peringkat pertengahan, Kerajaan Negeri akan menaikkan had minimum kelayakan pendapatan isi rumah bagi pembelian Rumah Mampu Milik Johor dan Kedai Kos Sederhana masing-masing daripada RM6,000.00 dan RM7,000.00 kepada RM8,000.00.

Kerajaan sedar dan peka terdapat kos yang terpaksa ditanggung oleh pembeli rumah kategori kos rendah dan sederhana. Secara purata setiap pembeli yang membeli rumah kos rendah terpaksa mengeluarkan kos sebanyak RM2,000.00 bagi pembayaran kos-kos seperti fi Perjanjian Jual Beli, Duti Setem, deposit air dan elektrik serta lain-lain. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk memberikan baucar RM1,000.00 kepada pembeli bagi membantu mereka meringankan beban di dalam pembelian rumah. Baucar ini akan diberi semasa pembeli mengambil kunci rumah yang sedia diduduki bermula 1 Januari 2015.

3. Mengukuhkan Agenda Johor Dalam Merekayasa Sosial.

Pembangunan pesat Johor Bahru tidak harus sama sekali meminggirkan kedudukan orang Melayu. Matlamat menyusun semula masyarakat yang mendasari Dasar Ekonomi Baru terus relevan dengan tuntutan semasa. Pembangunan Johor yang inklusif harus memastikan keperluan khusus orang Melayu terbela dan diperkukuhkan tanpa menafikan hak kaum-kaum lain.

Menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan orang Melayu terus berupaya menetap di kawasan bandaraya Johor Bahru dan menyumbang kepada kelestarian pembangunannya. Bagi mengimbangi pembangunan projek perumahan swasta yang rata-ratanya adalah di luar kadar kemampuan golongan Bumiputera, beberapa

agensi Kerajaan Negeri akan bersama-sama memainkan peranan yang lebih aktif dalam membangunkan projek-projek perumahan di seluruh Negeri Johor untuk golongan Bumiputera.

Di bawah inisiatif ini, Johor Corporation akan mengambil alih tanah seluas 382 ekar di Kem Tebrau bagi tujuan membina lebih banyak rumah mampu milik khusus untuk golongan Bumiputera sekaligus mengatasi masalah setinggan yang terdapat di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri berazam memastikan semua setinggan yang hampir kesemuanya Bumiputera dibantu untuk memiliki rumah sendiri.

Kerajaan Negeri juga telah membuat keputusan untuk tidak memperbaharui hak milik pajakan 196 ekar tanah di Kawasan Perindustrian Larkin, daerah Johor Bahru. Kawasan ini akan diwartakan sebagai Rizab Melayu secara berperingkat mengikut tarikh luput pajakan dan dijadikan kawasan penempatan orang Melayu. Semua ini menunjukkan betapa Johor berusaha segigih mungkin untuk bukan sahaja mengekal, malah meningkatkan jumlah tanah Rizab Melayu bagi memastikan orang Melayu terus hadir di Johor Bahru walaupun ia pesat membangun.

Saya ingin membuat penegasan penting tentang isu tanah Rizab Melayu di Johor. Sebelum tahun 1957, keluasan tanah Rizab Melayu di Johor adalah 152,000 hektar. Ini meliputi 8% daripada keluasan Negeri Johor. Sehingga September 2014, jumlah keluasan tanah Rizab Melayu adalah 432,000 hektar iaitu peningkatan sebanyak 280,000 hektar iaitu merupakan 22.8% daripada keluasan negeri Johor. Oleh itu, yakin dan percayalah bahawa kepentingan orang Melayu, khususnya tanah Rizab Melayu, tidak pernah dan tidak akan sesekali di pinggir dan digadaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam usaha kita membangun dan memodenkan Johor.

Saya ingin tegaskan bahawa Agenda Johor dalam merekayasa sosial bukan hanya tertumpu kepada kaum Melayu sahaja. Ia adalah agenda yang inklusif, sarat dengan keprihatinan terhadap keperluan semua penduduknya tanpa mengira bangsa dan anutan agama. Menyedari keperluan khusus masyarakat India, Kerajaan Negeri bersetuju memperkenalkan beberapa langkah intervensi bagi memastikan kepentingan mereka terbela dengan baik. Satu peruntukan sebanyak RM4 juta pada 2015 telah disediakan yang mencakupi aspek pendidikan sebanyak RM1.5 juta, kebajikan RM1.5 juta dan membantu pembangunan usahawan masyarakat India RM1 juta. Dana ini akan diletakkan di bawah seliaan Yang Berhormat EXCO yang mewakili masyarakat India.

Malaysia merupakan negara berbilang kaum dan sifatnya yang majmuk turut membawa bersamanya cabaran-cabaran getir yang jika tidak ditangani dengan berhikmah akan mengancam kestabilan sosial dan kemakmuran negara. Amalan bernegara yang baik meruntun agar masyarakat hidup bermuafakat dengan aman. Maka, di bawah inisiatif strategik ini, rasa kekitaan dan hormat-menghormati antara kaum akan dipupuk. Kita percaya bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Maka, bagi mengukuhkan integrasi etnik, keeratan sosial dan memupuk penerimaan kepelbagaian budaya dan agama, kerajaan bersetuju menubuhkan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM750,000.00.

4. Mewujudkan Johor Yang Bersih Dan Alam Sekitar Yang Lestari.

Persekitaran yang bersih, nyaman dan bebas penyakit amat diperlukan oleh masyarakat Johor dalam menikmati kehidupan selesa yang berkualiti. Persekitaran kita mesti bersih dan sihat kerana ancaman wabak penyakit bukan lagi sekadar ancaman kepada kesihatan, malah telah dikategorikan sebagai ancaman keselamatan negara bukan tradisional. Lihat sahaja wabak Ebola di Afrika yang telah menjadi isu kesihatan global yang sangat serius.

Kita percaya, kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Maka, Program Johor Bersih dan Lestari 2015adalah strategi Kerajaan Negeri untuk mewujudkan gelombang perubahan sihat dan bersih dalam suasana kehidupan rakyat Johor dan lingkungannya. Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan memperuntukkan RM5 juta pada tahun 2015. Selain daripada itu, sebanyak RM500,000.00 peruntukkan pada tahun 2015 akan digunakan untuk memperkasakan pasukan Perubahan Komunikasi Tingkahlaku (COMBI) di peringkat Jawatankuasa JKKK, Zon Ahli Majlis dan sekolah-sekolah bagi menangani masalah denggi. Garapan tenaga dan ikhtiar semua masyarakat, dari peringkat sekolah sehinggalah pemimpin atasan diharap dapat menjadikan Johor negeri yang mempunyai kualiti kesihatan dan kebersihan setanding negara maju.

Bagi memastikan alam sekitar terus lestari dan mapan, Kerajaan Johor dengan kerjasama Kerajaan Pusat akan memulakan pelaksanaan 'Water Blueprint' Sungai Skudai dengan peruntukan berjumlah RM900,000.00 melalui pihak IRDA. Projek ini akan memastikan kebersihan sungai Skudai daripada sisa pepejal, efluen industri, buangan penternakan dan pertanian. Selain memugar kesedaran penduduk pinggir sungai, inisiatif ini sangat penting kerana kesejahteraan rakyat dan kehidupan nelayan sepanjang sungai tersebut amat bergantung padanya.

Bagi tujuan pemeliharaan alam sekitar Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membekukan sebarang aktiviti pembalakan di hutan simpan kekal pengeluaran di seluruh negeri Johor bermula pada tahun 2015.

5. Membudayakan Sukan Dan Gaya Hidup Sihat Untuk Kebingkasan Malaysia.

Selari dengan prinsip Al-aqlu salim, fi jismi salim, akal yang cerdas datang dari badan yang sihat, Kerajaan Negeri Johor akan memperbanyak kegiatan sukan dan aktiviti belia agar mereka menjalani kehidupan remaja yang sihat dan bermanfaat. Sukan diiktiraf sebagai wahana yang berjaya menyatukan segenap anggota masyarakat di samping menjadi instrumen yang menggambarkan semangat patriotik dan daya saing sesebuah bangsa. Malah sukan adalah industri yang sangat pantas berkembang.

Penganjuran Sukan berprestij global bukan sahaja mendatangkan pulangan ekonomi yang lumayan, malah membantu menarik kedatangan pelancong yang ramai selain memperkenalkan sesebuah negara itu di persada global. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan tahniah kepada pasukan JDT yang telah menjuarai Liga Super Malaysia pada musim ini dan berjaya ke peringkat akhir Piala Malaysia 2014 buat julung-julung kalinya selepas 24 tahun. Kejayaan Pasukan Bola Sepak Harimau Selatan melangkah ke suatu tahap yang tidak terjangka selama ini

bukan sahaja mengharumkan nama Johor malah mengikat muafakat segenap rakyat Johor baik yang tua mahupun muda.

Maka, di bawah inisiatif strategik ini, dengan harapan rakyat Johor akan lebih cenderung dan aktif mengamalkan gaya hidup sihat, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan program-program berikut:

i. Larkin Central Park dibangunkan mulai 2015 dan dilaksanakan secara berfasa. Antara elemen pembangunannya ialah menaik taraf Stadium Larkin dengan anggaran kos RM40 juta.

ii. Menambah baik dan menaik taraf arena akuatik dengan peruntukan RM20 juta.

iii. Membina stadium tertutup baharu di Larkin dengan nilai pembangunan sebanyak RM 60 juta, di mana ketiga-tiga projek tadi merupakan usaha sama antara Kerajaan Negeri dan Johor Corporation.

iv. Membina stadium bagi acara trek padang dan balapan di Taman Mount Austin Johor Bahru, dengan peruntukan sebanyak RM60 juta yang akan dilaksanakan melalui kaedah penswastaan.

v. Membina 56 gelanggang serbaguna dan 30 Gym Muafakat Johor dalam usaha kerajaan menyahut seruan gaya hidup moden dan sihat golongan muda. Ini dianggarkan akan menelan belanja sejumlah RM11 juta melalui peruntukan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor.

vi. Menambahkan beberapa lagi pusat rekreasi terutamanya di Iskandar Malaysia selari dengan citra masyarakat yang memerlukan ruang riadah bersama keluarga.

6. Memperkasa Agenda Belia.

Sesungguhnya belia adalah aset terpenting dan pewaris kesinambungan masa depan kita. Menyedari golongan belia merangkumi hampir 40% daripada jumlah penduduk Johor, maka adalah wajar aspek pembangunan dan pemerkasaan golongan ini diberi perhatian. Oleh itu, Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan cadangan pembangunan Hab Belia Tempatan di Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Hab Belia Antarabangsa tapaknya akan dikenal pasti mungkin di Nusajaya dengan peruntukan kedua-duanya sebanyak RM23.4 juta. Hab-hab Belia ini akan diurus dan dikendalikan sepenuhnya oleh golongan belia, khusus untuk memastikan semua aktiviti adalah berorientasikan gaya hidup belia dan golongan muda.

Sifat kesukarelawanan amatlah penting di semua peringkat terutamanya di kalangan golongan belia. Oleh itu Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM400,000.00 bagi tahun 2015 bagi menggerakkan Sukarelawan Darul Ta'zim melalui aktiviti-aktiviti yang mampu dirasai oleh masyarakat seperti motivasi pelajar oleh sukarelawan siswa, pembangunan sukarelawan di peringkat sekolah, khidmat masyarakat di kalangan belia serta sukarelawan sukan. Sehingga kini seramai 13,000 ahli sukarelawan telah

berdaftar dan saya berharap lebih ramai belia akan mendaftar dan menyertai program ini.

Kerajaan Negeri akan terus berusaha melahirkan atlet yang unggul dan kompeten. Jika tahun 2014 kita telah mengorak langkah dengan memulakan program pembangunan atlet di peringkat sekolah menengah, bagi tahun 2015 kita akan mulakan pula program pembangunan atlet seawal usia 10 tahun dengan memfokuskan kepada sukan bola sepak, sepak takraw serta sukan padang dan balapan. Namun begitu aktiviti belia dan sukan akar umbi tidak akan dipinggirkan. Sebaliknya akan terus diperkasa agar belia secara umumnya tidak hanyut dengan perkembangan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi semata-mata sekaligus melupakan kepentingan aktiviti fizikal. Pelaksanaan program-program ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM3 juta.

Sukacita Di maklumkan bahawa satu lagi projek pemangkin di Iskandar Malaysia iaitu Iskandar Malaysia Motorsports City and Fast Track akan dibangunkan pada tahun 2015 dengan pelaburan komited sebanyak RM3 billion. Lebih penting, kewujudan projek pemangkin ini bukan sahaja akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan baharu dalam sektor automotif dan sukan permotoran, malah akan turut membuka peluang-peluang latihan dan kemahiran kepada anak-anak muda dan golongan belia tempatan dalam bidang automotif, permotoran dan yang berkaitan dengannya. Saya berharap peluang menarik ini akan direbut dan dimanfaat sebaiknya oleh semua apabila projek ini siap kelak.

Bahana paling besar pada masa depan putera-puteri bangsa adalah penyalahgunaan dadah. Banyak usaha telah dilakukan untuk menanganinya tetapi segalanya ibarat mencurah air ke daun keladi. Namun, berputus asa bukan suatu pilihan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tekad memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi program-program pencegahan dan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan dadah. Kita harap Agensi Anti Dadah Kebangsaan dengan kerjasama Persatuan Mencegah Dadah Malaysia akan mempertingkatkan lagi ikhtiar kesukarelawanan untuk membanteras penyalahgunaan najis dadah di kalangan generasi muda di seluruh Johor.

7. Memperkasa Sumbangan dan Profesionalisme Wanita.

Kerajaan Negeri menyambut baik akan pembentangan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri yang memartabatkan peranan wanita. Kerajaan Negeri akan meneruskan kesinambungan pembangunan wanita ini dengan memberi peluang kepada wanita berpendapatan rendah dan ibu tunggal yang berminat dalam keusahawanan untuk mengikuti Program Kemahiran Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT), Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) dan Program Teras Pembangunan Wanita dengan memberi penekanan kepada tiga kategori golongan wanita iaitu Wanita Profesional, Wanita Pertengahan dan Wanita Amatur menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM150,000.00.

Begitu juga dengan pembangunan Wanita India di Negeri Johor; berdasarkan peruntukan untuk pembiayaan keseluruhan yang disediakan di bawah AIM oleh Kerajaan Pusat untuk usahawan wanita India, Kerajaan Johor mensasarkan seramai

100 orang usahawan wanita India Johor akan mendapat manfaat daripada pengagihan ini.

Kerajaan Negeri juga berharap agar wanita Johor akan dapat merebut peluang untuk terlibat aktif dalam pengukuhan Program Pengarah Wanita yang mensasarkan 30 peratus penglibatan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan. Saya menyeru syarikat milik kerajaan dan swasta di Johor untuk memberi peluang kepada lebih ramai wanita profesional menjadi ahli lembaga pengarah mereka.

Selain itu diharapkan peluang wanita untuk kembali kepasaran kerja melalui program '1Malaysia Support for Housewife' yang menitik beratkan latihan kemahiran dan galakan suri rumah serta wanita profesional kembali ke pasaran pekerjaan berdasarkan kelayakan profesional melalui 'Program Women Career Comeback' yang akan diwujudkan oleh pihak Talent Corp dapat di manfaat sepenuhnya oleh wanita Johor. Secara mudahnya, apa yang dilakukan oleh Kerajaan ini, sudah tentu mampu menerajui pembangunan dan pemerkasaan profesionalisme wanita di Johor.

8. Memelihara Budaya Dan Warisan Johor.

Biar mati anak, jangan mati adat. Kebudayaan dan warisan merupakan keseluruhan cara hidup yang mendefinisikan sesuatu bangsa. Ia seharusnya difahami sebagai suatu penjelmaan corak dan gaya hidup yang dapat dilihat secara zahir dalam keseluruhan ruang lingkup kehidupan sesebuah peradaban. Dengan yang demikian kebudayaan menjadi citra jati diri sesuatu bangsa. Saya sangat berbangga mengumumkan bahawa inisiatif strategik ini bakal turut menyentuh pemerkasaan Yayasan Warisan Johor dalam usaha membangunkan Johor yang inklusif tanpa mengesampingkan kerencaman budaya dan warisan berzaman yang indah.

Pusat Pentadbiran YWJ yang telah ditempatkan di Kompleks Mawar akan ditambah baik secara berfasa dan bakal menempatkan pelbagai program-program kebudayaan dan kesenian seperti Akademi Pembinaan Karakter, kelas pembugaran tulisan jawi, kelas zapin, serta pelbagai lagi paparan seni seperti seni tenunan songket dan sebagainya dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta bagi tahun 2015.

Demi kelangsungan permainan tradisional yang kian dipinggirkan, Kerajaan Negeri akan memberi suntikan sebanyak RM250,000.00 untuk diserap dalam kokurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah seluruh negeri Johor melibatkan program pengenalan permainan tradisional seperti congkak, sepak raga dan galah panjang serta menganjurkan pertandingan di peringkat zon, daerah dan negeri.

Selain itu peruntukan RM1 juta akan disediakan bagi tujuan mempromosi kebudayaan, kesenian dan warisan Johor melalui penganjuran festival besar-besaran agar ianya mampu memberi impak dan terus bugar tak lapuk di bawa arus permodenan hari ini.

Namun pembugaran budaya dan warisan Johor pasti tidak akan ke mana jika para aktor, budayawan dan penggiat seni tidak diberikan imbuhan dan pengiktirafan sewajarnya. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan kira-kira RM300,000.00 setahun bagi tujuan insentif kerjaya khusus kepada tenaga kerja seni kebudayaan YWJ.

Bagi mengekalkan warisan Johor untuk tatapan generasi mendatang, peruntukan RM20 juta daripada Tabung Amanah Warisan Johor akan diperuntukkan bagi Projek Kembara Wangsa. Peruntukan ini akan digunakan untuk menaik taraf prasarana dan pemulihan tapak-tapak bersejarah di sepanjang Sungai Johor, Kota Tinggi. Impak daripada projek ini, beberapa kawasan di sepanjang Sungai Johor akan dijadikan tapak warisan berkepentingan nasional.

Menyedari peri pentingnya sejarah direkam dan diperlihatkan secara saintifik dan sistematik, Muzium Timbalan Setia Negeri dan Muzium Mersing akan dibangunkan pada tahun 2015 dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM4.3 juta. Melalui penubuhan ini, diharapkan kekayaan khazanah warisan kita akan terus dapat dikaji dan dihayati dengan lebih baik.

Tidak ketinggalan, bagi memastikan kelangsungan budaya dan penulisan masyarakat tempatan, sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan kepada Persatuan Penulis Johor bagi melaksanakan dan menyebar luas pelbagai aktiviti penulisan dan persuratan mereka.

STRATEGI KETIGA: MEMBANGUNKAN MASYARAKAT BERILMU DAN BERKEMAHIRAN BAGI MENDUKUNG PERALIHAN KE ARAH EKONOMI BERASAS PENGETAHUAN.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Pelaburan membangunkan potensi manusia adalah pelaburan paling strategik bagi sebuah bangsa. Matlamat kita ialah untuk membongkar potensi setiap warga Johor menerusi penyediaan peluang pendidikan dan latihan yang bersesuaian dan anjal di pelbagai peringkat. Perkara ini akan mengambil kira pilihan, potensi dan merit pelajar serta menghapuskan perkara-perkara yang menghalang penyertaan mereka selama ini. Maka, bagi menyokong Strategi Ketiga ini, inisiatif strategik penting yang akan dilaksanakan ialah Membina Upaya Insan Untuk Kekuatan Bangsa.

Pembinaan dan pengupayaan insan demi kekuatan bangsa ini akan dijalankan dalam pelbagai peringkat mengikut keperluan dan kepentingannya. 'Program International Student Assessment' yang dilaksanakan oleh The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang memasuki kelas pra sekolah pada usia awal menunjukkan pencapaian dan kemahiran sosial yang lebih baik. Oleh itu, lebih banyak pelaburan dan kerjasama strategik akan dilakukan bagi memastikan pendidikan awal kanak-kanak dibuka seluasnya kepada keluarga dengan latar belakang sosioekonomi yang kurang berkemampuan.

Sekalipun Kerajaan Negeri Johor menyedari bahawa pendidikan adalah bidang kuasa Kerajaan Pusat tetapi kerjasama erat antara kedua-dua pentadbiran akan dipertingkat terutama dalam menyediakan akses kepada asuhan awal kanak-kanak. Dasar Kerajaan Negeri Johor mensasarkan agar menjelang tahun 2017, setiap anak-anak di Negeri Johor yang berusia empat tahun ke atas sudah berada dalam kelas pendidikan awal. Perbincangan khusus dengan Kemas, Yayasan Permata dan pelbagai pihak lain akan dilaksanakan untuk mencari pendekatan paling sesuai dalam merealisasikan matlamat ini.

Memastikan pelajar yang tamat persekolahan menengah dilengkapi kemahiran yang relevan akan turut menjadi keutamaan kita. Ini adalah masalah yang sangat rumit. Pertama, jumlah mereka adalah ramai. Peluang untuk ke pendidikan tinggi amat terhad dan semakin kompetitif. Tidak ramai yang mampu membiayai pendidikan secara persendirian. Namun begitu, Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab bagi menyediakan laluan latihan kemahiran yang sesuai agar mereka boleh membina masa depan yang baik.

Jika Edu City terfokus kepada pendidikan tinggi, pelengkap kepada kepelbagaian laluan dalam sistem pendidikan ialah menjadikan Johor pusat serantau bagi latihan kemahiran. Justeru, satu kawasan 100 ekar telah dikenal pasti bagi pembangunan Hab Kemahiran Johor atau 'Johor Skill Hub' oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan anggaran nilai pembangunan sebanyak RM225 juta yang akan menyediakan pengajian kemahiran meliputi sektor minyak dan gas, pengangkutan, pelancongan, bioteknologi dan kesihatan.

Sebagai sebahagian dari cita-cita melengkapkan Johor sebagai Hab Kemahiran terkemuka, Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) akan menubuhkan 'Centre of Excellence for Maritime Related Activities'. Usaha ini adalah bagi memenuhi permintaan tinggi tenaga kerja dalam industri maritim dan pelabuhan. Usaha ini akan di dokong oleh pelbagai pihak dalam industri maritim seperti Johor Port Berhad, Pelabuhan Tanjung Pelepas, IRDA, Johor Petroleum Development Corporation (JPDC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta pelbagai agensi lain. Adalah dijangkakan bahawa pusat latihan ini dapat melatih seramai 15,000 orang dalam masa 5 tahun akan datang bagi memenuhi keperluan maritim di negeri Johor.

Program Johor Talent yang diperkenalkan pada tahun 2014 akan terus dipergiatkan. Ia akan mencari bakat terbaik dari kalangan graduan kita untuk diberikan peluang latihan industri atau 'internship' di sektor awam dan syarikat milik Kerajaan Negeri dengan hasrat memberi pendedahan dan menyediakan mereka seawal mungkin sebagai pemimpin hari muka untuk Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Saya sentiasa percaya generasi muda khususnya mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) boleh menyumbang secara tersendiri dan bermakna kepada pembangunan negara. Justeru Program Duta Jauhar yang telah dilancarkan pada tahun ini akan diteruskan. Sebanyak RM 1.5 juta akan diperuntukkan kepada Program Duta Jauhar ini bagi tahun 2015 agar mana-mana mahasiswa IPT yang mempunyai idea inovatif dan mampu mengislahkan masyarakat boleh memohon dana untuk menyokong dan melaksanakan projek mereka.

Untuk membantu membongkar bakat terbaik bangsa, satu skim biasiswa yang digelar "Biasiswa Sultan Ibrahim" akan diperkenalkan semula melalui YPJ. Ini adalah langkah permulaan yang sangat bermakna. Selama ini semua bantuan pendidikan adalah dalam bentuk pinjaman dan khusus untuk pendidikan pra siswazah. Namun mulai tahun 2015, kita mula memperkenalkan semula bantuan biasiswa bagi mencari bakat terbaik bagi ijazah tinggi peringkat Sarjana dan Kedoktoran Falsafah. Sebanyak RM260,000.00 semua ini untuk pelajar Johorlah bukan untuk orang lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Setelah 44 tahun usia penubuhan Johor Corporation mulai tahun 2015, saya sangat berbesar hati untuk mengumumkan dua skim penajaan pendidikan sulung Johor Corporation iaitu:

i. 'JCorp Education Sponsorship Program' (JESP) bagi menaja pelajar-pelajar pra siswazah dalam empat bidang keutamaan dan kritikal iaitu ekonomi, kejuruteraan, undang-undang dan perakaunan. Biasiswa ini akan memanfaatkan seramai 100 pelajar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM16 juta.

ii. JCorp juga akan melatih seramai 100 akauntan bertauliah dengan menempatkan pelajar-pelajar terbaik di firma-firma perakaunan terbaik di dalam dan luar negara. Inisiatif 'JCorp Chartered Accountancy Program' (JCAP) ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM7.2 juta.

Mulai tahun 2015 juga, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM1 juta untuk membolehkan anak-anak Johor yang datang dari kalangan keluarga berpendapatan rendah yang berjaya ke IPTA bagi meringankan beban bayaran pendaftaran masuk universiti. RM1,000.00 bagi pelajar baharu di peringkat Ijazah sementara RM500.00 untuk pengajian di peringkat Diploma.

Kerajaan juga akan meneruskan program Tuisyen SPM YPJ yang dibiayai secara kerjasama antara Persatuan Ibu Bapa & Guru dengan Yayasan Pelajaran Johor dengan perbelanjaan sebanyak RM2 juta. Inisiatif ini akan menyediakan pelajar aliran Sains di Johor untuk lebih bersedia bagi menghadapi peperiksaan awam selain membimbing mereka selepas waktu persekolahan. Ia akan dilaksanakan di 148 buah sekolah yang terpilih dengan penglibatan seramai 3,100 orang pelajar.

Bagi mereka yang telah menamatkan pelajaran dan berjaya hasil bantuan pinjaman pendidikan Kerajaan Negeri dan agensinya, maka amatlah wajar jika mereka mula membayar balik pinjaman pendidikan tersebut agar boleh membantu pendidikan rakyat Johor yang lain. Sehingga hari ini seramai 13,300 peminjam YPJ yang sedang dalam tempoh pembayaran balik pinjaman. Justeru, bagi menggalakkan bayaran balik tersebut, suka saya mengumumkan potongan 'rebat' sebanyak 25% akan diberikan kepada mereka yang membuat pembayaran balik secara penuh pinjaman pendidikan YPJ berkuatkuasa serta merta sehingga Jun 2015.

Bagi menyelaras inisiatif strategik yang memperkasakan bakat dan potensi rakyat Johor ini, Kerajaan Negeri menetapkan bahawa semua penjawat awam Johor mesti mengikuti sekurang-kurangnya 7 hari kursus atau latihan setahun bagi membangunkan potensi kerjaya mereka. Inisiatif ini penting dan wajar kerana perubahan pantas persekitaran yang dibawa arus globalisasi menuntut penjawat awam dilengkapi pengetahuan terkini. Selain itu, dalam setahun kuota sebanyak 25 orang Pegawai Tadbir Negeri Johor (PTNJ) akan disediakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana bagi melahirkan penjawat awam yang berkelayakan dan mampu memberi perkhidmatan yang lebih cekap. Tanpa program sebegini, kita khuatir akan wujud 'jurang urus tadbir' yang akan membantut modenisasi Negeri Johor dan Malaysia.

Aspirasi kita dalam membangunkan Johor yang kompetitif tidak akan terjelma tanpa bakat terbaik. Ini adalah fenomena global. Malaysia dan Johor tidak terkecuali. Zaman budaya 'the know who' telah berakhir. Melalui segala inisiatif ini, Johor akan mencari bakat terbaik untuk mengisi dan menerajui perkhidmatan awam, agensi kerajaan serta syarikat milikan Kerajaan agar dapat terus melonjak ke hadapan.

Insya-Allah, melalui Strategi Ketiga ini juga, kita akan dapat menyaksikan suatu kelahiran masyarakat dan golongan muda Johor yang lebih berupaya dan berkebolehan dalam menyumbang kepada Johor dan negara kita Malaysia.

STRATEGI KEEMPAT: MEMBUDAYAKAN INOVASI, KREATIVITI DAN KEUSAHAWAN BERDAYA SAING GLOBAL

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Malaysia adalah negara yang mempunyai ramai usahawan berbakat dan budaya keusahawanan yang sangat menebal terutamanya di kalangan masyarakat Cina. Malah ekonomi Malaysia selama ini dipacu oleh ramai usahawan berbakat ini. Lalu Kerajaan Negeri akan mempergiatkan usaha mencari dan membuka ruang seluas-luasnya agar mana-mana jua warga Johor yang mempunyai bakat besar, tanpa mengira usia, keturunan dan daerah asal, mesti dihakupayakan.

Dalam hal ini, strategi kita mesti berubah. Kita mesti mempergiat usaha mencari dan bukan hanya berpeluk tubuh menunggu mereka datang kepada kita. Ini kerana, kebanyakan mereka yang berbakat ini sangat muda, tidak mempunyai modal apatah lagi layak mendapat bantuan atau pembiayaan dari institusi perbankan. Di negara membangun seperti Malaysia, usahawan muda dari golongan kurang berada acapkali terbeban dengan lebih banyak rintangan dalam mendapatkan dana dan pembiayaan.

Justeru pada tahun 2015, sekurang-kurang sembilan program berimpak baharu akan diperkenalkan bagi membantu melahir, melatih dan membudayakan usahawan berdaya saing global.

i. Penjenamaan semula Perbadanan Usahawan Johor Berhad kepada Pusat Pembangunan Usahawan Johor (EDC) yang telah beroperasi sejak September 2014. Ini adalah inisiatif yang sangat penting. EDC adalah strategi Johor untuk menjadikan keusahawanan penyumbang utama pertumbuhan ekonominya. Ia akan melakar hala tuju dan menjadi pemangkin utama dalam mencari dan membongkar bakat usahawan yang mempunyai idea-idea besar dan kreatif.

ii. EDC akan menguruskan semua unit premis komersial milik kerajaan yang telah diperolehi menerusi pulangan penswastaan dan menawarkannya kepada usahawan dan peniaga Bumiputera tulen supaya dapat dimanfaatkan bagi aktiviti perniagaan mereka. Premis komersial tersebut adalah di empat daerah iaitu Johor Bahru, Kluang, Muar dan Mersing.

iii. PLJ pula akan menyediakan inkubator atau ruang pejabat kecil bagi menggalakkan golongan belia untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Inkubator pertama yang mempunyai 20 ruang pejabat akan

dibina di kawasan Bandar Baru Uda dan seterusnya akan dikembangkan ke sekitar Pasir Gudang. Program Bantuan Belia Islam Johor yang merangkumi Program Bantuan Usahawan Belia, Program Bantuan Penjaja Kecil, Program Bantuan 'Youth Collective' dan Program Tajaan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Belia Islam juga akan diteruskan. Keseluruhan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi kesemua inisiatif ini adalah sebanyak RM3 juta.

iv. Program transformasi TUKAR akan digiatkan dengan tujuan menukar orientasi kedai runcit tradisional kepada kedai moden yang menjual barangan keperluan rakyat. Peruntukan awal RM2 juta pada tahun 2014 akan ditambah lagi sebanyak RM1.5 juta dengan sasaran membantu 50 buah kedai seumpamanya.

v. Kerajaan Negeri dengan kerjasama IRDA mensasarkan pembangunan seribu usahawan muda yang terlibat dalam perniagaan berorientasikan model perniagaan maya. Perniagaan maya adalah gaya hidup baharu masyarakat moden Malaysia. Justeru potensinya sangat besar dan usaha menggalakkan keterlibatan dalamnya sangat penting kepada pembangunan usahawan di Johor.

vi. Tiga Pusat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) akan dibina di Ayer Hitam, Kota Tinggi dan Mersing yang akan dijadikan pusat pengumpulan produk-produk IKS negeri Johor. Bagi pusat IKS dan Kraf tangan di Mersing, ECER telah memperuntukkan RM10 juta bagi tujuan pembangunan ini.

vii. Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor juga akan menyediakan 300 ruang perniagaan dengan melibatkan kos RM10 juta dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi Johor terus mapan dengan disokong oleh golongan usahawan baru.

viii. Bagi menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama IRDA akan menubuhkan Koperasi Iskandar Malaysia. Koperasi ini akan menyediakan *matching grant* sehingga RM10 juta untuk perniagaan rantaian kedai runcit harga patut serta menggalakkan penglibatan rakyat di dalam pembangunan Iskandar Malaysia melalui kaedah *'social enterprise'*.

ix. Kerajaan Negeri menerusi PIJ akan membangunkan tanah seluas 200 ekar untuk tujuan pembangunan kemudahan sementara aktiviti sokongan di Pengerang. PIJ akan memberikan peluang yang luas kepada usahawan Bumiputera berkelayakan untuk terlibat secara langsung dalam pembangunan RAPID Pengerang. Terdapat pelbagai jenis peluang keusahawanan yang boleh diterokai seperti perkhidmatan pergudangan, hotel bajet, restoran, pengangkutan awam dan teksi, agensi khidmat rundingan, agensi pekerjaan, kerja-kerja kontrak seperti pembinaan serta penyelenggaraan, membekalkan bahan keperluan dan lain-lain. Dijangkakan lebih 30 usahawan Bumiputera akan dapat dilahirkan susulan manfaat secara langsung daripada pembangunan RAPID Pengerang ini.

STRATEGI KELIMA: MEMODENKAN PRASARANA SERTA MENGUKUHKAN KEPERCAYAAN AWAM TERHADAP PENTADBIRAN DAN INSTITUSI KERAJAAN.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Sesungguhnya membangunkan Johor yang inklusif memerlukan lebih daripada sekadar komitmen dan iltizam politik. Ia mesti didukung oleh dua perkara. Pertama, sokongan padu rakyat keseluruhannya terhadap agenda kerajaan dan kedua, sistem pentadbiran awam negeri yang cekap, moden dan diyakini. Dasar, strategi, operasi dan pengurusan sistem kerajaan hendaklah diiringi dengan ketelusan, keadilan serta akauntabiliti yang kukuh. Malah, perkara ini akan menambah baik dan menggalakkan peranan dan penyertaan masyarakat sivil dalam setiap proses penggubalan dan pelaksanaan dasar kerajaan yang mewakili kepentingan bersama. Lalu inovasi dan kreativiti dalam sistem penyampaian Kerajaan akan diberikan penekanan. Kerenah birokrasi dan sistem tadbir urus kita akan dikurangkan.

Di bawah Strategi Kelima ini, sokongan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan akan ditambah baik melalui empat inisiatif strategik iaitu:

1. **Menyediakan Prasarana dan Infrastruktur Awam Yang Moden, Cekap Dan Sistematik.**

Golongan miskin dan kurang berada adalah golongan yang paling banyak menerima manfaat jika kemudahan prasarana dan perkhidmatan awam adalah baik, cekap dan moden. Bekalan air bersih, jalan desa yang baik, akses pada internet, kemudahan sanitasi yang moden, bekalan elektrik yang murah serta pengangkutan awam yang selamat dan cekap bukan lagi pilihan, tapi keperluan dan kemestian. Malah sistem prasarana moden bukan sahaja mendatangkan keselesaan, tetapi menjadi nadi menghubung masyarakat desa dengan kemajuan dan kualiti hidup yang baik di kawasan bandar.

Oleh yang demikian, kita akan terus melabur untuk membangunkan dan memperbaiki prasarana awam di negeri ini. Ia adalah pelaburan yang sangat penting dan mesti dilaksanakan dengan formula baharu yang moden dan lestari tanpa membebankan rakyat.

Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi menyelenggara rangkaian jalan-jalan negeri. Selain itu Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi tujuan Pembangunan Jalan dan Jambatan Negeri bagi tahun 2015.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat juga akan melaksanakan Projek Mengatasi Masalah Banjir dan Mencegah Hakisan Pantai yang menjejaskan kualiti hidup seramai 50,000 penduduk. Ia akan melibatkan peruntukan RM22.14 juta dari Kerajaan Negeri dengan agensi pelaksananya ialah Jabatan Pengairan dan Saliran JPS, Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak RM45 juta bagi program pencegahan hakisan di sepanjang Perairan Tanjung Piai, Pontian.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan, peruntukan sebanyak RM50.15 juta untuk negeri Johor dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi mempertingkat keberkesanan dan capaian prasarana awam di luar bandar.

Peruntukan ini meliputi bekalan air luar bandar sebanyak RM11 juta, jalan-jalan luar bandar sebanyak RM38.15 juta dan bekalan elektrik luar bandar sebanyak RM1 juta. Hasil peruntukan ini, kehidupan kawasan luar bandar akan berubah wajah dan menerima manfaat prasarana yang lebih baik dan berkualiti.

Bagi memperkemas hala tuju sektor pengangkutan awam di Negeri Johor, satu Pelan Induk dengan peruntukan sebanyak RM800,000.00 akan disediakan merangkumi 2 bahagian utama iaitu Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor dan Pelan Tindakan Pengangkutan Awam Daerah. Pelan ini akan menetapkan hala tuju jangka pendek, sederhana dan panjang sektor ini bagi negeri Johor dan setiap daerah.

Bagi memperjelas dan menggambarkan kesemua fungsi ini, penjenamaan semula Perbadanan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia kepada satu jenama peringkat negeri Johor diperlukan. Inisiatif ini akan memperkukuhkan fungsi Perbadanan PAIM sebagai sebuah agensi negeri yang proaktif serta menjadi pelengkap dalam menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan di semua Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Mengukuh Keeratan Sosial Dan Memasti Keselamatan Lingkungan.

Keeratan dan keselamatan sosial adalah satu lagi aspek kritikal dalam pembangunan. Lingkungan kejiranan dan kehidupan masyarakat hendaklah rukun dan damai. Maka, untuk tujuan khusus ini, Kerajaan Negeri akan membelanjakan RM900,000.00 bagi memastikan kawasan rukun tetangga dan skim rondaan sukarela terus diperkukuhkan di kawasan perumahan. Selain mengukuh perpaduan, ia juga adalah sumbangan tenaga masyarakat untuk memastikan lingkungan kejiranan mereka selamat.

Kerajaan Negeri amat menghargai peranan yang dimainkan oleh jabatan-jabatan berkaitan keselamatan yang diterajui oleh Polis Diraja Malaysia. Berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh pihak PDRM kadar jenayah di Negeri Johor setakat bulan Oktober 2014 didapati telah menurun sebanyak 13.4% atau 1,939 kes. Beberapa pendekatan akan diambil oleh kerajaan pada tahun hadapan dalam usaha berterusan kita untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan.

i. Sebanyak RM4 juta akan dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memasang lebih banyak lampu awam di kawasan tumpuan ramai bagi mengelakkan kejadian jenayah.
ii. Penambahan anggota Polis Bantuan berjumlah 1,100 orang akan ditempatkan di Iskandar Malaysia.
ii. Sebuah lagi Ibu Pejabat Polis (IPD) akan dibina di kawasan Nusajaya yang dianggarkan bernilai RM117 juta.

3. Membangunkan Desa Lestari.

Kehidupan desa seringkali mengingatkan kita tentang permulaan kebanyakan kita yang lahir dan membesar dengan sederhana di desa. Namun, arus deras modenisasi menyebabkan mula luntumya semangat masyarakat desa dalam menjaga ekologi yang ada di sekitarnya. Kita mesti mengembalikan semangat dan kesedaran warga desa untuk menjaga serta melestarikan lingkungan desa mereka. Bermula dari pembersihan sungai, penanaman semula pokok, mengembalikan tradisi gotong

royong, sehinggalah kepada membina rumah jiran yang usang serta memperbaiki jalan raya dan balai raya, semuanya penting dalam mewujudkan desa yang lestari. Sekalipun perkara tersebut hanyalah langkah kecil, akan tetapi langkah kecil sebegini memberi impak dan makna penting dalam pelestarian kehidupan warga desa.

Di Sedili Kecil, Kota Tinggi,kerajaan telah memperuntukkan RM4.4 juta bagi tahun 2015 kepada golongan sasar bagi membina 100 unit rumah secara berkelompok. Ia bagi mewujudkan kawasan perumahan di desa dengan terancang dan lestari dan dilaksanakan dengan kerjasama KEJORA.

Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri dengan kerjasama KEJORA juga akan memperuntukkan RM11.5 juta bagi Program Pembangunan Kampung Tradisional. Ia akan digunakan untuk membina kemudahan awam yang selesa di samping menggalakkan kegiatan sosial, kemasyarakatan dan keagamaan. Tujuannya hanya satu, mengembalikan semangat kerukunan di desa yang kukuh bersandarkan muafakat.

4. Melahirkan Masyarakat Yang Islami Dan Beramal Soleh.

Masyarakat Islami adalah masyarakat yang memberikan keselamatan, perasaan aman dan kedamaian. Masyarakat Islami ditata atas dasar akhlakul karimah, persaudaraan, persamaan, toleransi, keadilan dan kemerdekaan. Di Johor, kita mendambakan kehidupan Islami ini, yang menyaksikan masyarakat dinaungi oleh norma-norma Islam, patuh dan tunduk kepada syariat serta suka kepada kebajikan dan amal soleh. Justeru Islam mempunyai kedudukan dan peranan yang sangat kritikal dalam membangunkan Johor yang inklusif.

Menyedari kepentingan pendidikan Islam dalam menGymbangi derasnya proses permodenan masyarakat di Johor, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melakukan transformasi sekolah agama di Johor secara serius namun berperingkat. Pelan Stategik Pendidikan Islam Johor akan digubal dalam masa terdekat dengan memberi penekanan kepada 4 perkara asas.

i. Melestarikan pendidikan agama dari peringkat pendidikan awal sehingga ke peringkat menegah atas.

ii. Menambah baik semua prasarana pembelajaran dan pengajaran dengan penekanan diberikan kepada penggunaan teknologi digital bagi menjadikan pengalaman pembelajaran menarik dan berkesan.

iii. Memastikan guru-guru diberikan ganjaran setimpal dan latihan secukupnya agar mereka boleh menjadi pemangkin dalam menjadikan sistem sekolah agama di Johor antara yang terbaik di Malaysia.

iv. Menjadikan Johor Hub Pendidikan Antarabangsa Aliran Agama dengan menarik kedatangan sekolah-sekolah agama moden yang menawarkan kurikulum antarabangsa yang pelbagai.

Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri akan memperuntukan RM457,600.00 untuk melaksanakan Program Iqra' dan Fardhu Ain (IQFA) kepada kanak-kanak yang mengikuti pembelajaran dan asuhan awal di tadika-tadika KEMAS. Ini bagi

memastikan anak-anak kecil dapat menguasai ilmu Al-Quran dan asas Fardhu Ain dengan baik sebelum melangkah masuk ke alam persekolahan rendah secara formal.

Bagi mengiktiraf guru-guru KAFA yang sangat berjasa, sukacita saya mengumumkan pemberian imbuhan tahunan kepada guru-guru KAFA seperti penjawat awam yang lain. Ini bermakna setiap kali Kerajaan mengumumkan pemberian bonus, golongan guru-guru KAFA juga tidak terkecuali menerimanya. Saya juga dengan sukacitanya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju agar pembayaran elaun khas cuti bersalin kepada guru-guru KAFA dilaksanakan mulai 2015. Ini bermakna setiap guru KAFA yang bersalin akan mendapat RM824.00 setiap bulan untuk tempoh cuti bersalin selama 2 bulan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang dalam peringkat kajian bagi semakan semula gaji guru agama di Negeri Johor. Insya-Allah, bila kebajikan orang yang menyampaikan kebaikan untuk agama dan bangsa seperti guru-guru agama ini dipelihara, natijahnya adalah sistem sekolah agama kita akan jadi lebih baik dan produktif.

Suasana pembelajaran yang selesa, bersih dan terselenggara sangat penting kepada perkembangan intelek dan sahsiah anak-anak kita. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM2 juta bagi tujuan penyelenggaraan dan peningkatan tahap kebersihan sekolah-sekolah agama yang mempunyai jumlah pelajar melebihi 1,100 pelajar. Projek rintis ini akan melibatkan 48 buah sekolah di seluruh Negeri Johor. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bersetuju melalui MAIJ untuk memberi RM5,000.00 kepada setiap Badan Kebajikan Sekolah Agama Johor yang akan melibatkan 564 buah sekolah dengan perbelanjaan sebanyak RM2.82 juta bagi menampung kos pengurusan mereka.

Masyarakat Johor yang Islami juga tidak akan meminggirkan hiburan yang bersesuaian sebagai sebahagian dari santapan rohani selain menjadi instrumen dakwah. Justeru, Festival Kesenian Islam Johor akan dijadikan acara tahunan. Festival ini akan menjadi medan paparan pelbagai dimensi kesenian Islam serta bakal menyediakan alternatif yang sihat kepada hiburan selain menyemai kecintaan anak muda kepada keindahan seni dan tradisi muzik sopan berunsur islam.

Membentuk masyarakat Johor yang Islami juga menuntut Kerajaan dan seluruh rakyatnya senantiasa melakukan kebajikan dan beramal soleh. Oleh itu Johor yang mengangkat aspek kebajikan tidak akan sama sekali melupakan golongan fakir miskin dan mereka yang sangat memerlukan bantuan. Justeru melalui MAIJ pelbagai bantuan perubatan dan penjagaan kesihatan serta rawatan hemodialisis akan ditambah baik dan dipertingkatkan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM44.5 juta.

Sehingga hari ini PIJ memiliki beberapa pusat dialisis antaranya seperti di daerah Johor Bahru, Segamat, Kota Tinggi dan Pontian. Justeru itu Kerajaan Negeri melalui PIJ bersetuju menambah dua lagi pusat rawatan dialisis iaitu di Ayer Hitam dan Pasir Gudang dengan peruntukan sebanyak RM1.8 juta.

Untuk golongan mualaf, Kerajaan Negeri pada tahun 2015 akan memperuntukkan dana zakat sebanyak RM18.4 juta bagi memastikan kebajikan saudara kita ini

termasuklah orang Asli yang memeluk Islam senantiasa terbela. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan pelbagai program dan bantuan seperti bantuan perumahan, pelajaran, bantuan hari raya, perubatan, perniagaan dan kebajikan. Insya-Allah dengan usaha sebegini, mereka dapat menghayati dan menikmati Islam dengan penuh rasa terlindung, terbela dan bertaqwa.

Negeri dan masyarakat yang Islami juga harus mengambil langkah betul untuk memastikan aspek perancangan dan pengurusan tanah perkuburan Islam agar lebih tersusun bagi menangani keperluan semasa dan akan datang. Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan sebuah mekanisme baru bagi pengurusan tanah-tanah perkuburan Islam secara lebih sistematik dan bersepadu.

Oleh itu, MAIJ akan menubuhkan Tabung Pembangunan Perkuburan Islam Berpusat dan Bersepadu Negeri Johor. Dana dan sumber bagi tabung ini akan di kumpul melalui sumbangan daripada pelbagai pihak termasuklah pemaju-pemaju projek hartanah dengan kaedah "Istibdal". Usaha ini akan dimulakan di Iskandar Malaysia dengan mewujudkan kawasan tanah perkuburan Islam bersepadu yang baru dengan keluasan 124 hektar di beberapa lokasi termasuklah Lima Kedai, Nusajaya Kulaijaya dan Cahaya Masai Pasir Gudang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Bagi memastikan kebajikan pemimpin tempatan terutamanya di peringkat kampung-kampung ditambah baik, pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk kenaikan elaun bulanan Ketua Kampung di Negeri Johor sebanyak RM200 iaitu daripada RM800.00 kepada RM1,000.00.

Selain itu, bagi menghargai khidmat bakti petugas dan penyelia Pusat Pelatih Dalam Komuniti yang melatih golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menaikkan elaun bulanan mereka sebanyak RM200.00 iaitu petugas daripada RM800.00 ke RM1,000.00 dan juga elaun penyelia daripada RM1,200.00 kepada RM1,400.00 mulai tahun 2015 yang melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta.

Masyarakat sivil yang berkesan memerlukan peranan aktif semua pihak. Maka, bagi mengiktiraf peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan dana sejumlah RM3 juta bagi memperkasa pertubuhan yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat.

Tidak ketinggalan, Kerajaan Negeri turut menghargai sumbangan penjawat awam seperti yang dilakukan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, sukacita saya mengumumkan Kerajaan Negeri turut memberi bonus setengah bulan gaji bagi penjawat awam negeri dengan bayaran minimum RM500.00.

Akhirnya, kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negeri yang begitu khusyuk mendengar ucapan Bajet ini, saya turut memahami bahawa Ahli-Ahli Dewan Negeri pada masa ini berhadapan dengan pelbagai tuntutan tugas yang semakin mencabar dalam memenuhi pelbagai isu kehendak dan keperluan rakyat yang mereka wakili dan perjuangkan. Maka dengan sukacitanya saya turut mencadangkan supaya elaun Ahli-

Ahli Dewan Negeri dinaikkan kepada satu kadar bersamaan Gred 54, berkuat kuasa 1 Januari 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Kesimpulannya Lima Strategi pembangunan dan pertumbuhan inklusif dengan pelbagai sentuhan atau 'touch point' yang telah saya nyatakan sebentar tadi merupakan intipati utama Bajet 2015. Secara kesimpulannya, Bajet 2015 ini mempunyai rangkaian matlamat yang boleh dirumuskan sebagai A:B:C:, iaitu:

A : Anjakan pertumbuhan dan pembangunan yang strategik dan menyeluruh.
B : Budaya, warisan, agama dan alam sekitar yang dipertahankan; dan
C : Cakupan dan capaian pembahagian kemakmuran yang adil.

Dan matlamat-matlamat ini akan dicapai menerusi pendekatan 3:2:1:, iaitu:

3 : Peringkat pembangunan iaitu Johor, Malaysia dan antarabangsa yang akan merangkumi;
2 : Aspek pembangunan iaitu: material/fizikal dan pembangunan insan; dan kesemuanya terangkum di dalam
1 : Agenda Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Berdasarkan Matlamat A:B:C:dan Pendekatan 3:2:1: ini, saya percaya, Kerajaan Negeri tekad dan bersemangat untuk tampil memberikan yang terbaik buat setiap warga Johor. Iltizam dan kesungguhan ini walau bagaimanapun tidak akan bermakna andai tidak disambut baik oleh setiap lapisan masyarakat.

Maka, saya ingin menzahirkan harapan yang besar, agar kesemua inisiatif, program pembangunan serta rangkaian bantuan yang kita sediakan dengan teliti dan terperinci dalam Bajet 2015 ini akan mendapat tindak balas positif semua pihak. Tindak balas positif yang perlu diterjemahkan dalam kesanggupan untuk mengambil peluang dan risiko serta bekerja keras ke arah meningkatkan keupayaan diri, keluarga, masyarakat, alam sekitar, agama, warisan budaya serta pertumbuhan ekonomi Johor.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan penghargaan yang sangat tulus dan mendalam kepada semua penjawat awam di Negeri Johor. Segala pencapaian baik dan membanggakan kita sepanjang tahun ini, dari agenda pembangunan yang berjaya dilaksanakan dengan baik, pertumbuhan ekonomi yang rancak, penyampaian perkhidmatan awam yang cekap hinggalah keupayaan menguruskan defisit, semuanya tercapai kerana dedikasi luar biasa penjawat awam. Segala bakti yang ditabur, segala jasa yang dicurah, hanya Allah jua mampu membalasnya.

Akhir sekali, dengan penuh rasa rendah diri, saya dengan ini mohon membentangkan Bajet 2015 dengan tema 'Membangunkan Johor Secara Inklusif' bagi Negeri Johor Darul Ta'zim. Semoga usaha ini akan mendapat keberkatan dari Allah SWT.

Demikianlah pembentangan Bajet Negeri Johor 2015. Saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, syabas dan tahniah Yang Amat Berhormat atas ucapan bajet selama lebih kurang dua jam yang sangat bernas dan sangat besar manfaat dan faedahnya kepada rakyat Johor dalam agenda Johor, mudah-mudahan direstui Allah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Ahad, 16 November 2014 jam 9:30 pagi di mana perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 akan dimulakan.

Sebelum bersurai dijemput semua hadirin di dalam Dewan ini menikmati jamuan makan tengah hari di Dewan Jamuan. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.35 pagi.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETIGA	AHAD, 16 NOVEMBER 2014	BIL. 6 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhairni bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR
(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaratuh. Bismillahirrahmannir rahim. (Selawat) Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada pagi ini, kita akan menyambung Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Dukacita Di maklumkan bahawa Yang Berhormat Tuan Haji Masiran bin Elias yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Naning mulai 21 Oktober 1990 hingga 10 November 1999 telah meninggal dunia pada 27 Oktober 2014 yang lalu.

Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada balu dan keluarga Allahyarham dan marilah kita berdiri membacakan Al-Fatihah, dan bagi yang bukan beragama Islam bertafakur mengikut kepercayaan agama masing-masing sebagai penghormatan terhadap khidmat Allahyarham semasa menjadi Ahli Dewan Negeri Johor. Al-Fatihah. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham. Terima kasih. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan nombor 1.

Berapakah peruntukan untuk pembesaran jalan-jalan kampung dari tahun 2010 sehingga 2015 bagi seluruh Johor dan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan serta panjang jalan yang telah diperbesarkan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, daripada tahun 2010 hingga tahun 2011 Infra Desa Johor tiada melaksanakan kerja-kerja pelebaran dan menaik taraf jalan kerana skop kerja sedia ada adalah untuk menyelenggara. Walau bagaimanapun kerajaan negeri Johor melalui Infra Desa Johor telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan melebar jalan-jalan kampung di seluruh negeri Johor, bermula daripada Februari 2012 hingga Januari 2015, dengan peruntukan sebanyak RM150 juta melibatkan panjang inventori jalan sebanyak 1,074 kilometer.

Sehingga September 2014 kemajuan kerja yang telah dilaksanakan di tapak adalah sebanyak RM143 juta. Hampir 95% telah dibelanjakan melibatkan panjang inventori sebanyak 1,100 kilometer jalan. Dijangkakan sehingga Januari 2015 Infra Desa Johor akan dapat menyiapkan kerja-kerja baik pulih dan menaik taraf sebanyak 1,171

kilometer daripada 1,121 kilometer ini kerja-kerja pelebaran adalah sebanyak 514.11 kilometer iaitu 46% daripada keseluruhan jalan yang di naik taraf. Sementara projek jalan penghubung desa di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada tahun 2011 bilangan projek adalah sebanyak 105 dengan peruntukan RM4,512,000.00 dengan panjang jalan 47.34 kilometer.

Sementara untuk tahun 2012 bilangan projek adalah 52 projek dengan peruntukan sebanyak RM5,768,000.00 dengan panjang jalan 22.46 kilometer. Sementara bagi tahun 2013 bilangan projek adalah 45 dengan peruntukan RM5,750,000.00 dengan panjang jalan 31.3 kilometer. Pada tahun 2014 ini peruntukan adalah RM7 juta, dan yang masih tiada data dan masih belum ada data kerana projek masih lagi dalam peringkat pelaksanaan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Tahniah kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa yang telah memberikan jawapan yang baik, walaupun kita tahu bahawa kedudukan rakyat di kampung-kampung amat memerlukan jalan yang sempurna terutama sewaktu hujan dan juga perayaan menyambut hari raya dan sebagainya yang begitu sempit, kadang-kadang menyebabkan sukar untuk berselisih di kampung-kampung. Persoalannya, adakah Infra Desa Johor juga berperanan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung di pinggir bandar, kerana di pinggir bandar lebih padat penduduknya dan juga lorong-lorong dan dalam kampung di pinggir bandar, kerana penduduk yang padat dan rumah yang banyak. Dan bilakah IDJ boleh menyiapkan dalam tempoh yang terdekat sebab kita tahu bahawa peranan ini amat penting untuk rakyat khususnya di pinggir bandar. Sekian terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu rizab jalan adalah rizab jalan negeri. Sementara jalan-jalan kampung kebanyakannya adalah tanah yang mana izin lalu untuk jalan kampung di perolehi. Semua jalan-jalan kampung ini dihasratkan untuk didaftarkan di dalam MARRIS yang akan diperakukan akan oleh Jabatan Kerja Raya. Seperti mana yang telah Yang Berhormat sebutkan untuk program pembaikan jalan kampung, untuk tahun 2013 hingga 2014, RM30 juta di peruntukan. Yang ini melibatkan panjang jalan 227.68 kilometer jalan kampung yang akan di baik pulih.

Untuk makluman Yang Berhormat kawasan atau daerah Batu Pahat sahaja merupakan daerah yang menerima peruntukan yang paling banyak. Sebanyak RM44,139,707.02 yang melibatkan pelebaran sepanjang 199.42 kilometer. Jadi, ini saya percaya akan juga dapat menampung jalan-jalan di kawasan Yang Berhormat bagi tujuan pelebaran dan juga membaik pulih. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga Oktober 2014 kerja-kerja membaik pulih sepanjang 1,109 kilometer jalan-jalan kampung telah pun dilaksanakan. Kemajuan kerja adalah 97.38%. Kita yakin insya-Allah jumlah keseluruhan yang saya sebutkan tadi RM125.633 juta itu akan dapat dibelanjakan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas jawapan yang diberikan. Kerajaan Negeri Johor melalui anak syarikatnya KPRJ pada tahun 1995 ke atas menggunakan dana negeri untuk menyelesaikan isu jalan kampung. Pada tahap sekarang ini isu di kampung ialah pelebaran jalan. Dulu kita gunakan dana negeri, boleh tak melalui Kerajaan Negeri mohon kepada Kerajaan Pusat supaya isu pelebaran jalan kampung ni boleh diselesaikan dengan cepat. Kita ada lebih kurang, saya ingat lebih daripada 3,000 kilometer jalan kampung yang belum dilebarkan.

Kenapa pusat tak boleh bantu Johor dalam hal ini. Saya tengok dalam Bajet 2015, negeri-negeri lain Pusat bagi banyak. Tapi kenapa Johor tak boleh dibagi untuk selesaikan isu pelebaran jalan kampung di Negeri Johor ini. Boleh atau tidak Kerajaan Negeri mohon kepada Pusat, peruntukan pusat untuk menyelesaikan isu pelebaran jalan kampung ini.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Cadangan daripada apa nama, Yang Berhormat Rengit adalah sesuatu yang amat dialu-alukan dan terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan tersebut. Walau bagaimanapun pagi ini kita membicarakan soal peruntukan yang melibatkan peruntukan daripada MARIS, maka itu peruntukannya adalah tujuan untuk penyelenggaraan jalan. Sementara kerja-kerja membaik pulih, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta setiap tahun kepada Infra Desa, sementara kepada Pejabat-pejabat Daerah peruntukan yang disediakan untuk tujuan penyelenggaraan ataupun pelebaran adalah sebanyak RM125 juta.

Tapi itu pun masih lagi tidak mencukupi, maka pada tahun dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas Kerajaan Negeri telah memohon satu jumlah yang agak besar lagi tujuan pelebaran jalan-jalan kampung sebaik sahaja kita melengkapkan inventori kerana jalan-jalan kampung yang melibatkan pelebaran, menaik taraf ini memerlukan data yang lengkap termasuklah permohonan-permohonan izin lalu bagi tujuan pelebaran.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Apakah tindakan Kementerian Kesihatan Negeri Johor lakukan untuk mengawal dari dicerobohi penyakit Ebola ke Negeri Johor yang merupakan pintu masuk Selatan kepada pelancong asing?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penyakit *Ebola Viruses Diseases* yang telah dilaporkan oleh Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berlaku di Negara Afrika Barat iaitu Guinea, Sierra Leone, Liberia dan

Nigeria. Sehingga September 2014 sejumlah 4,291 kes EVD telah dilaporkan di negara-negara tersebut dengan melibatkan 2,296 kematian mengambil kira perkembangan semasa. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan arahan untuk mengambil langkah kesiapsiagaan bagi menghadapi potensi jangkitan EVD di Malaysia.

Terdapat keperluan untuk memaklumkan mengenai kejadian penyakit EVD dan tatacara pengurusan EVD bagi memastikan pencegahan dan kawalan berada pada tahap yang optima. EVD mempunyai tanda dan gejala seperti demam yang tinggi, sakit kepala, sakit otot, muntah, cirit birit, sakit perut dan pendarahan. Walaupun pintu masuk antarabangsa di Johor tiada penerbangan terus dari negara yang dijangkiti EVD, namun pihak kementerian tetap menjalankan saringan kesihatan kepada pengembara yang tiba di Malaysia, terutamanya yang mempunyai tanda-tanda dan gejala demam serta mempunyai sejarah perjalanan dari negara-negara berisiko, dalam tempoh 21 hari.

Maklumat ini kita perolehi daripada Jabatan Imigresen. Penggunaan *'thermal scanner'* bagi mengesan gejala demam telah dipasang di pintu masuk antarabangsa. Jabatan mengambil kesempatan dengan kepulangan penerbangan-penerbangan pulang jemaah haji pada tahun 2014 yang baru lalu, untuk kita membuat simulasi latihan bagi memperbaiki tindakan-tindakan kawalan pintu masuk.

Kedua, Kita melatih anggota kesihatan dan perubatan dalam mengurus kes yang disyaki penyakit Ebola ini. Beberapa siri latihan dan simulasi telah dan akan dijalankan oleh Jabatan kepada kakitangan terutamanya petugas barisan hadapan. Ianya juga melibatkan petugas daripada hospital swasta.

Ketiga, Hospital-hospital tertentu telah dikenal pasti untuk mengendalikan dan menjalankan rawatan ke atas pesakit yang disyaki dijangkiti EVD. Dan seterusnya kita membekalkan PPE kepada semua anggota kesihatan dan perubatan yang terlibat yang mengendalikan kes yang disyaki penyakit ini. Beberapa siri latihan pemakaian PPE telah dibuat. Latihan bagi anggota kesihatan dan perubatan dalam tatacara kawalan infeksi yang betul juga diadakan dan antara yang telah pun kita adakan adalah pada 30 Oktober 2014 yang melibatkan pelbagai agensi seperti Lembaga Tabung Haji, Jabatan Imigresen, IPTA, IPTS, hospital dan swasta dan lain-lainnya berkaitan tentang EVD ini. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, pertamanya saya berterima kasihlah kepada Pejabat Kesihatan Negeri Johor yang mana dapat, melalui EXCO tadi dapat menjawab semua. Jadi kita rasa legalah sekarang ni yang mana penyakit Ebola ini juga kita serius menanganinya sebelum ianya ada tanda-tanda menyakiti, berjangkit di Malaysia ini. Tetapi dalam perkara seperti ini juga, saya ingin bertanya pertamanya, memang kita serius memandang terhadap jangkitan Ebola ini kepada negeri Malaysia ini. Tetapi dalam masa yang sama, berapakah tahap keseriusan kerajaan itu terhadap apa, penyakit ini sekiranya ianya kerajaan menghantar rombongan-rombongan kita, mungkin daripada pihak kerajaan untuk menghadiri seminar ataupun lawatan ke

Afrika Barat ini. Jadi saya ingin tahulah kalau ada apa-apa tahap-tahap keselamatan yang dikenakan kepada peserta kita.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, terima kasih kepada ADUN Tanjung Puteri. Malah yang baru lalu apabila kita menghantar delegasi ke Cameroon untuk penggal apa ni... Mesyuarat Komanwel, saya sendiri pun dah beritahu bahawa kalau boleh jangan pergi. Tetapi oleh kerana nak pergi, maknanya dah tiba sini masih lagi selamat, panjang umur, lebih daripada 100 hari...

YB Tan Sri Speaker : Yang selamat, jangan pergi ajelah (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : ... itulah... tetapi daripada segi peringkat... di peringkat kita, kita telah pun meletakkan satu tahap yang tertinggi dari segi penjagaan dan juga tahap kesiapsiagaan. Dan yang seperti yang saya katakan tadi bahawa kita tidak mempunyai *'direct flight'* daripada negara Afrika ke Malaysia. Dan kalau mereka pergi ke Afrika pun, mereka akan pergi ke *'transit'* Belanda dan sebagainya dan di situ sudah ada *'thermal scan scanner'* dan mereka telah pun melalui proses pemeriksaan. Dan apabila masuk ke Malaysia, kita membuat lagi pemeriksaan sekali lagi dan juga kita pantau daripada negara mana sebenarnya dia pergi. Kalau negara Afrika atau Afrika Barat ini, sememangnya Jabatan Kesihatan sentiasa melihat pergerakan mereka untuk melihat dari segi sejarah perjalanan.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Soalan tambahan Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput. Bukit Batu ya?

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Ya. Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya YB, adakah hospital di Johor, baik kerajaan atau hospital swasta mempunyai kebolehan atau *'medical expertise'* untuk sekurang-kurangnya untuk kuarantin mana-mana pesakit yang disyaki ada dijangkit Ebola. Dan adakah SOP, *'Standard Operating Procedure'* tersebut? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya kita sudah pun mempunyai pengalaman. Walaupun penyakit Ebola dengan *'mers-cor'* itu adalah merupakan tahap dari segi keseriusan yang berbeza, tetapi simptomnya adalah sama. Maka apabila berlaku *'mers-cor'* yang berlaku di negeri Johor, kita telah pun melakukan yang terbaik. Tetapi peringkat itulah juga yang kita gunakan bagi kita menghadapi penyakit Ebola ini. Tetapi kita menambahkan lagi tahap kesiapsagaan kerana bukan sahaja apabila berlaku penyakit ini menular ke Malaysia, kita harap tidak berlaku, ia bukan sahaja melibatkan kepada pesakit tetapi kepada perawat ataupun doktor itu sendiri. Maka kedua-dua pihak akan terlibat. Maka kita telah pun meletakkan SOP-SOP tertentu yang telah pun kita berikan taklimat kerana ini adalah merupakan pengalaman yang belum kita lalui.

tetapi kita telah pun cuba yang terbaik dan melakukan simulasi dan juga ktia membuat '*correction*' sama ada apa yang kita lakukan itu bertepatan ataupun tidak. Tetapi saya yakin dengan tahap profesionalisme yang ada di kalangan pegawai perubatan dan ahli warga Jabatan Kesihatan, kita yakin bahawa kita telah bersiap sedia untuk menghadapi segala halangan dan juga cabaran.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Jemput Yang Berhormat Buloh Kasap.

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah rasional perubahan kursus perkahwinan dipanjangkan tempohnya kepada 3 hari 2 malam?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.

YB Tan Sri Speaker : Waalaikummussalam.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bahagian Undang-Undang Syarak Jabatan Agama Islam Johor telah pun memulakan program Kursus Pra Perkahwinan selama satu hari pada hujung minggu bermula pada tahun 1988. Dan pada tahun 1996, ditambah daripada satu hari kepada satu hari setengah. Kemudian pada tahun 1997, maka modul telah digubal semula dan diselaraskan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yakni JAKIM di mana terdapat 12 modul di mana telah mengambil masa sebanyak 2 hari.

Sehingga kini, Jabatan Agama Islam Negeri Johor tidak merancang untuk menambah tempoh kursus pra perkahwinan dari 2 hari kepada 3 hari 2 malam kerana pelaksanaan kursus tersebut telah pun diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, seluruh Malaysia dan telah pun menetapkan tempoh hanya 2 hari atau kredit masa tidak kurang daripada 13 jam.

Setiap perubahan masa akan turut melibatkan jumlah kos yuran penyertaan dan juga tenaga petugas yang kebanyakannya dijayakan oleh penceramah-penceramah daripada kalangan pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam Negeri Johor, di samping penceramah-penceramah lain yang telah diberikan tauliah. Sehubungan itu, tempoh masa tersebut juga mengambil kira cuti hari hujung minggu peserta.

Sebagai makluman, jumlah penyertaan kursus pra perkahwinan bagi tahun 2013 sehingga September 2014 berjumlah seramai 28,227 peserta, di mana kursus-kursus ini telah dikendalikan oleh syarikat swasta sebanyak 7 syarikat dan juga 11 badan kebajikan Pejabat Kadi Daerah-Daerah. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Itu perkahwinan pertama ya? Yang kedua tak payah kursus ya? (Dewan ketawa).

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya. Pelaksanaan kursus perkahwinan adalah bagi memastikan pasangan yang bakal berkahwin lebih bersedia dan tabah mengharungi konflik dalam rumah tangga. Akan tetapi semakin hari kadar perceraian meningkat dan adakah

terdapat perancangan daripada pihak Jabatan Agama Islam untuk memastikan sukatan kursus kahwin ini dilaksanakan ketika ini?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Buloh Kasap.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pendekatan kursus pra perkahwinan ini adalah salah satu cara bagi memberikan pendedahan kepada bakal-bakal pengantin yang akan berumah tangga. Maka dengan sebab itu, pendekatan yang diambil oleh pihak Jabatan Agama Islam Johor ini dilihat mampu untuk mengekang ataupun menyekat ataupun mengurangkan kadar perceraian. Sebab kalau kita lihat dari segi konflik rumah tangga ini bukanlah disebabkan satu faktor sahaja kerana kekurangan ilmu, malah banyak faktor yang menyebabkan keruntuhan rumah tangga. Salah satu di antaranya iaitu ilmu, kefahaman mereka tentang Islam. Yang kedua, faktor ekonomi dan juga faktor-faktor yang lain.

Maka dengan sebab itu, pihak Jabatan Agama Islam Johor melalui pentadbiran undang-undang keluarga, kita juga sentiasa mengadakan program-program yang lain selepas kursus pra perkahwinan ini, selepas pasangan ini tadi mendirikan rumah tangga dengan mewujudkan program-program seperti yang disebutkan seperti Keluarga Sakinah yang sekarang ini dikendalikan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim supaya kita dapat dan juga memberikan kepada pasangan-pasangan pengantin kita ini tadi supaya mereka ini dapat melayari bahtera perkahwinan mereka itu sehinggalah ke syurga, insya-Allah. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Tanjung Puteri ada hal ke?

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tambahan.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Soalan tambahan. Terima kasih Tan Sri Speaker. Ginilah, biasanya kursus-kursus ini dijalankan siang aje tapi apabila ditambahkan masa, lanya 2 hari... 3 hari 2 malam. Adakah... soalan saya adakah apa dia punya kursus ini bukan hanya amali tapi ada praktikalnya sekali ke? Dan (ketawa)... dan kalau boleh kita adakan kursus ini, saya minta supaya diadakan waktu siang ajelah. Itu aje (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Adam. Berkaitan dengan kursus ini sebenarnya pihak Jabatan Agama tidak merancang untuk menambah tempoh kursus daripada 2 hari kepada 3 hari 2 malam. Ramai juga yang bertanya mengapa tidak diadakan sebelah malam? Mungkin lanya boleh memberikan kemudahan kepada penjawat-penjawat awam dan swasta untuk mengikuti kursus ini. Tetapi kalau dilihat dari segi kesesuaian untuk mengadakan kursus ini, kita masih lagi meletakkan bahawa kita akan mengadakan pada waktu siang hari. Dan pihak Jabatan Agama Johor sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa kita selaras dengan pihak JAKIM, masih belum ada lagi, tidak ada lagi keperluan... tidak ada lagi keperluan untuk kita mengadakan kursus pada waktu malam ataupun

dengan tempoh 3 hari 2 malam, kerana itu akan melibatkan kos dan juga masa para peserta itu tadi. Kita pun sedia maklum, sekarang ni pun ramai juga di kalangan pasangan-pasangan ini yang cuba untuk bukan mengelak, maksud saya begini, mereka minta untuk dikecualikan.

Dan saya ingin maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, golongan-golongan yang dikecualikan daripada kursus pra perkahwinan ini sebagaimana yang disebutkan oleh Tan Sri Speaker tadi ialah untuk peringkat kali yang kedua dan seterusnya. Dan kemudian mungkin juga pasangan itu tadi ialah pasangan duda kerana mereka ini isterinya meninggal dunia ataupun suaminya ataupun balu yang telah meninggal dunia, ini dikecualikan daripada kursus pra perkahwinan. Dan juga mereka-mereka di antara yang telah berumur. Sekiranya ada yang telah lanjut usia, namun belum pernah berkahwin iaitu umur 50 tahun ke atas bagi lelaki dan 45 tahun bagi wanita, ini dikecualikan. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Sebelum kita teruskan, saya ingin mengumumkan kunjungan pemerhati daripada DUN Kawasan Kukup seramai 25 orang dan pemerhati dari DUN Kawasan Skudai seramai 8 orang. Selamat datang ke Dewan Negeri.

Yang Berhormat Penawar jemput.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Apakah telah ada garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa atau PBT berkenaan dengan konsep rumah *'gated and guarded'*?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab kepada DUN Penawar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia ada menyediakan garis panduan perancangan *'gated community and gated neighbourhood'* dan telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 28 Julai 2010 dan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-63 pada 2 September 2010. Garis panduan ini juga seterusnya telah diguna pakai dengan pindaan di semua PBT dan jabatan, agensi teknikal berkaitan Negeri Johor mulai 20 Oktober 2010. Sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 17 Ogos 2011 melalui Ringkasan Mesyuarat bilangan 1309/2011. Keperluan untuk mendapatkan tahap keselamatan yang lebih baik telah menarik penduduk khususnya di kawasan bandar untuk memilih skim-skim kediaman yang menawarkan sistem kawalan keselamatan secara berpagar, dengan izin *gated* dan pengawal-pengawal *guarded* selain daripada skim-skim kediaman berbilang tingkat, aras pemilik strata.

Pembangunan hartanah kediaman bertanah, dengan izin *landed properties* yang memperkenalkan konsep *gated and guarded community* turut menjadi pilihan dan tarikan penduduk. Garis panduan ini telah menggariskan langkah-langkah kawalan serta syarat-syarat bagi memandu persatuan *penduduk di kawasan kejiranan sedia ada dan baru dalam menubuhkan gated community* ataupun *guarded neighbourhood*, dan membantu PBT memantau dan mengawal selia penubuhan dan operasi skim-skim tersebut.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Bagaimanakah skop dalam garis panduan ini dapat membantu jabatan atau agensi berkaitan terutamanya PBT dalam melaksanakan pengawalan dan pemantauan skim *gated and guarded*?

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada DUN Penawar. Untuk tambahan penjelasan, skop utama garis panduan ini adalah tertumpu kepada pembangunan skim *gated community* yang dimajukan mengikut Akta Hak Milik Strata yakni Akta 318, selain mengawal dan memantau penubuhan operasi *guarded neighbourhood*. Ianya meliputi penjelasan tentang prinsip-prinsip perancangan yang perlu diambil kira serta garis panduan umum yang khususnya daripada aspek perancangan fizikal, perundangan serta keperluan sosial yang perlu dipatuhi bagi mempastikan pembangunan yang menggunakan pakai konsep *gated community and guarded neighbourhood* tidak menimbulkan masalah dalam tempoh jangka panjang. Dan skim ini juga telah menjadikan supaya kita dapat memantau permasalahan pelanggaran, di mana didapati ada juga mereka-mereka ini melakukan pengawalan bersendirian tanpa merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan selain daripada untuk kita mengenal pasti dan ada juga pihak-pihak yang tidak melanggar peraturan dengan tidak memohon LPS untuk, untuk membina pondok-pondok pengawalan keselamatan, dan mungkin dalam isu ini juga saya ingin tambah sedikit, antara isu-isu yang sering ditimbulkan berkaitan dengan pembangunan skim *gated and guarded community* ini, ia memberikan, ada perkara yang menjadi pandangan dari segi masyarakat memberikan implikasi negatif kepada pengasingan kelompok masyarakat dan kelompok generasi sosial penduduk antara penghuni yang tinggal di kawasan berpagar dengan penghuni yang tinggal di kawasan biasa. Selain daripada pembinaan pondok pengawal yang tidak terancang, pemasangan sekatan dan halangan fizikal serta keperluan menyerah dokumen pengenalan diri secara tidak sah, khususnya di kawasan yang menghalang dan menimbul kesukaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan orang ramai untuk keluar masuk ke skim-skim kediaman ini.

Dan, kita mengawal juga reka bentuk ketinggian saiz pagar yang dibina khususnya di sekeliling skim kediaman yang telah menghalang pandangan luar kerana ini menyukarkan pemantauan keselamatan serta mencacatkan pemandangan dan di kawasan-kawasan kemajuan. Manakala secara umumnya, skim ini ditafsirkan satu kawasan kediaman terkawal secara keseluruhan. Sebenarnya dalam skim-skim perumahan sedia ada atau baru, pegangan tanah atau milik individu. Skim ini menyediakan kawalan keselamatan sama ada dengan atau tanpa pondok pengawal dan dari segi perundangan, ia tidak boleh menjadi penghalang fizikal atas jalan awam dan menguatkuasakan sebarang sekatan keluar masuk kepada penghuni dan orang ramai.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Soalan tambahan saya. Kawasan perumahan yang baru dibina telah disiap dengan *gated guarded*, manakala terdapat tempat kawasan perumahan yang lama pula menubuhkan persatuan penduduk dan mendirikan *gated guarded* sendiri. Sebagai Wakil Rakyat, saya berasa amat faham dengan keadaan mereka sebab bukannya mereka kaya, tetapi kadar jenayah yang merisaukan, menyebabkan mereka terpaksa mengeluarkan duit sendiri setiap bulan dan mendirikan *barrier* atau *gate* dan mengupah sekuriti sendiri. Setakat ini berapakah permohonan *gated guarded* daripada penduduk dan berapakah bilangan permohonan yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan?

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Johor Jaya. Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Tan Sri Speaker, untuk jawapan Yang Berhormat, data peratus saya tak dapat nak apa, nak maklumkan dalam Dewan ini, mungkin boleh diserahkan kemudian. Cuma apa yang kita pastikan dalam permohonan pihak-pihak persatuan, kita telah mensyaratkan berdasarkan permohonan tersebut mestilah tidak menghalang laluan selain daripada, bila kawasan ini telah menjadi kawasan *gated* dan *guarded*, ia akan menyebabkan peruntukan MARRIS itu tidak boleh disalurkan kerana telah menjadi satu kawasan kawalan. Ini yang menjadikan satu perkara yang boleh mendatangkan permasalahan dari segi *maintenance* jalan-jalan. Dan skim yang dibuat ini, kita membenarkan tetapi pihak persatuan penduduk kena faham, maknanya ia meliputi dari segi kos servis yang perlu dikeluarkan kepada pihak yang menguruskan keselamatan. Jadi, sebab itulah sebarang permohonan itu melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan kita ada di pihak PBT ada Suruhanjaya Bangunan, yang daripada Pegawai Penilaian Harta Benda yang kita pinjamkan untuk kita menyemak sama ada kawasan-kawasan tersebut dibenarkan untuk kita buat dalam bentuk keselamatan, melainkan mana-mana projek-projek permohonan baru, ia berdasarkan kelulusan OSC yang telah dibenarkan berdasarkan kawasan-kawasan tersebut tidak boleh menyebabkan kawasan-kawasan awam yang sepatutnya menjadi kegunaan awam di pagar dan 10% kawasan lapang itu mestilah dalam skim yang sama untuk kita pagar. Kita tak boleh melingkungi di luar daripada kawasan-kawasan yang dibenarkan.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Maharani, jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Sila nyatakan jalan-jalan kampung di dalam DUN Maharani yang mendapat projek penurapan semula dan pelebaran jalan. Adakah ianya termasuk jalan Kampung Parit Samsu, Muar yang teruk kerosakannya. Sedang hal kampung tersebut di antara kampung yang padat penduduknya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerja-kerja penurapan jalan yang telah dilaksanakan di dalam DUN Maharani menggunakan peruntukan MARRIS daripada tahun 2012 adalah sebanyak 11 batang jalan, Tahun 2013 sebanyak 12 batang jalan dan 2014 sebanyak 9 batang jalan. Bagi Peruntukan P55 iaitu menaik taraf, sebanyak 5 batang jalan telah dilaksanakan dari tahun 2013 hingga Jun 2014. Sementara jalan Kampung Parit Samsu termasuk dalam senarai kerja-kerja yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan

2013. Jalan Kampung Parit Samsu ini telah beberapa kali dibaikpulih menerusi peruntukan MARRIS. Menurut rekod sejak tahun 2012, jalan ini telah dibaikpulih sebanyak 2 kali tetapi masih lagi mengalami kerosakan yang sama dan berulang. Berdasarkan kepada penyiasatan tapak secara visual yang telah dijalankan, struktur tebing sebenarnya, yang telah, yang lemah menjadi punca utama kepada kerosakan yang berlaku. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kampung Parit Samsu ini adalah sebagai satu contoh yang saya berikan. Ada juga jalan lain seperti Parit Sakai dari Jalan Abdul Rahman ke laut yang masih bermasalah. Jadi pertanyaan saya, soalan tambahan saya, siapakah yang menentukan jalan-jalan mana yang patut diberi keutamaan sebab biasanya rakyat ini dia fikirkan, Wakil Rakyatlah yang menentukan mana jalan yang perlu diutamakan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kaedah yang diguna pakai untuk membolehkan pihak kerajaan menilai dan membuat penganalisaan terhadap jalan-jalan ialah menggunakan *highway data management* siri keempat sebagai satu kaedah bagi membolehkan kerajaan mengetahui dengan jelas mengenai kedudukan satu-satu jalan tersebut. Dan, kerja-kerja penyelenggaraan yang dibuat, penganalisaan melalui SDM ini membolehkan kita membuat perancangan khususnya dari segi penyediaan peruntukan bukan hanya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi, bukan hanya di Parit Samsu sahaja. Sebanyak 48 batang jalan sebenarnya di daerah Muar, di DUN Maharani sahaja berada dalam data simpanan agensi-agensi pelaksana, maka tidak akan ada satu batang jalan pun yang akan terlepas pandang oleh pihak pelaksana, agensi pelaksana. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Kadang kala kita dapat bahawa penurapan semula jalan raya atau sebarang pelebaran jalan di kawasan-kawasan khususnya di kawasan bandar, dan kita dapati bahawa kerja-kerja yang dijalankan selalunya di waktu petang dan ini telah menyebabkan khususnya di kawasan bandar, sebab menyebabkan kesesakan lalu lintas, sebab kenderaan pun agak banyak pada waktu petang dan adakah, soalan saya, adakah pihak Jabatan Kerja Raya boleh menjalankan kerja penurapan semula atau pelebaran jalan lebih banyak di waktu malam sebab waktu malam, kenderaan dia lebih kurang dan boleh apa ini, boleh mengurangkan mungkin kemalangan jalan raya dan membawa kesulitan kepada pengguna-pengguna jalan raya? Adakah Jabatan Kerja Raya bersedia untuk membuat projek khususnya di waktu malam? Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan kerja-

kerja menurap atau kerja-kerja di kawasan yang melibatkan kesibukan dari segi lalu lintas, dari segi fungsi kawasan-kawasan projek yang hendak dilaksanakan itu, kos menjadi pertimbangan utama. Maka kita akan memastikan bahawa pelaksanaan kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik ini akan menyediakan jumlah pekerja yang cukup, menentukan supaya peralatan yang dibawa untuk pelaksanaan kerja-kerja juga mencukupi supaya tidak mengganggu keselesaan pengguna-pengguna jalan raya sebagai contoh, dan dalam hal yang sama, opsyen untuk melaksanakan kerja-kerja di luar masa seperti biasa, tentunya pada satu-satu jalan-jalan utama atau jalan-jalan yang terlalu sibuk tentunya diberi keutamaan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Buluh Kasap.

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buluh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6 dan 7.

Berapakah jumlah usahawan yang telah dibantu melalui Program Galakan Usahawan hingga Oktober 2014? Berapakah kos yang telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk menampung Program Galakan Usahawan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya menjawab soalan berkaitan dengan Program Galakan Usahawan daripada DUN Buluh Kasap ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas usaha ataupun di atas sokongan program memperkasakan galakan usahawan, memberikan peruntukan pada tahun depan daripada RM2 juta kepada RM4 juta untuk kita membantu usahawan industri kecil dan sederhana dalam negeri Johor. (Dewan bertepuk)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi seluruh negeri Johor pada tahun lepas, pada tahun ini adalah RM2 juta. Walau bagaimanapun, kita telah dapat peruntukan tambahan RM1 juta lagi untuk menjayakan program galakan usahawan pada tahun 2014 ini. Pecahan agihan peruntukan adalah sebanyak RM1.5 juta untuk projek industri kecil, RM1 juta untuk program pinjaman 1 Mukim 1 Industri dan RM500,000.00 untuk pembangunan tanah terbiar dan program meningkatkan pengeluaran pertanian. Walau bagaimanapun pada tahun 2014 ini, peruntukan program industri kecil telah yang saya maklumkan tadi telah mendapat peruntukan tambahan sehingga RM1 juta. Untuk makluman, program pinjaman SMSI pada tahun 2014 ini, kita tangguhkan buat sementara waktu untuk disemak dan dinilai semula untuk kita buat penambahbaikan program ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada, jumlah usahawan yang kita bantu melalui program galakan usahawan pada tahun ini adalah seramai 551 orang usahawan yang terdiri daripada Program Industri kecil (PIK) seramai 463 orang usahawan yang melibatkan RM2,595,565.00 peruntukan tanah terbiar yang melibatkan 3 usahawan RM71,687.00 dan program meningkatkan pengeluaran tanaman seramai 85 orang usahawan yang melibatkan RM79,000.00.

Untuk kita, maklumat tambahan sehingga 2011, mulai 2011 hingga sekarang kita telah membantu usahawan industri kecil seramai 1806 orang yang melibatkan 824 orang belia yang mendapat manfaat program ini. Terima kasih.

YB Puan Hajah Norshidah Binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Tak, awak lambat ni, jemput YB Tenang (Dewan ketawa)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang banyak membantu skim galakan usahawan kepada mereka yang berhak dan juga mengambil kira Wakil Rakyat untuk menyampaikan program. Jadi soalan tambahan saya adakah sistem ini mengikut giliran ataupun ada kuota tertentu pada mereka yang memohon program galakan usahawan? Terima kasih

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setiap peserta atau pemohon dibenarkan memohon maksimum sehingga RM10,000.00 dalam tempoh 3 tahun. Jadi, ini pun pada tahun ini kita telah membuat perubahan pada sebelum 2014 kita telah memberi peruntukan sebanyak RM7,000.00 per usahawan pada tahun ini kita telah meningkatkan apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi peruntukkan tambahan sebanyak RM juta ini, kita telah membuat penambahbaikan setiap pemohon akan diberi maksimum RM10,000.00 setiap barangan yang ingin dipohon dalam tempoh 3 tahun dan juga kita telah memperkenalkan Program Penambahbaikan Pembungkusan Pelabelan dan juga memastikan pengusaha ini diberi bimbingan dan juga bantuan untuk mendaftar dalam Sijil Halal. Itu antara penambahbaikan yang kita telah usahakan kepada pengusaha-pengusaha ini.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Buloh Kasap

YB Puan Hajah Norshidah Binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Adakah pihak kerajaan negeri merancang untuk kenaikan bilangan penerima PGU di setiap DUN?

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita rasa syukur dengan penambahan peruntukan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sudah tentunya dengan penambahan ini membolehkan kita terus membantu lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha industri kecil dalam negeri Johor, kerana kita melihat kejayaan setiap usahawan-usahawan yang kita bantu telah meningkatkan pendapatan mereka daripada RM1,800.00 hingga RM2,000.00 sebulan dan memberi peluang pendapatan mereka dapat dipertingkatkan sehingga RM3,000.00 sebulan dan ke atas. Jadi, dengan manfaat yang kita berikan ini kita rasa kita perlu perluaskan lagi dan juga kita rasa dengan bantuan ini juga kita dapat mengurangkan kos pengeluaran setiap industri ini dan kita dapat meningkatkan pengeluaran mereka dan juga kualiti pengeluaran itu dapat dipertingkatkan apabila dibantu dari segi pemberian mesin-mesin berkenaan.

Kita juga telah membuat penambahbaikan juga terhadap program ini bukan sekadar industri kecil juga kita telah memperkenalkan program tanaman pengeluaran makanan secara fertigasi melalui PGU (Program Galakan Usahawan), alhamdulillah mendapat sambutan yang agak luar biasa. InsyaAllah, kerana peruntukan tahun ini, walaupun telah kita mohon tambahan telah nampaknya telah habis dimanfaatkan sepenuhnya. Insyaallah awal tahun depan program-program yang terkini yang ingin kita perkenalkan khususnya program fertigasi untuk meningkatkan pengeluaran tanaman yang menggunakan kawasan yang tak besar tapi memberi hasil yang lebih tinggi kita harap dapat kita bantu kepada pemohon-pemohon telah sedia ada.

Kita juga merancang untuk memastikan tempat pengeluaran makanan ataupun IKS ini dijadikan pusat ataupun tempat latihan khusus di lapangan terus, kerana kita merasakan bukan sekadar nak melatih ataupun meminta pengusaha ini mengeluarkan pengeluaran tetapi kita hendak dijadikan pusat latihan di kawasan masing-masing di tempat pengeluaran masing-masing supaya mereka kita boleh mendidik lebih ramai lagi Industri kecil dan sederhana dalam negeri kita dan juga kita merancang juga untuk menjadikan pusat IKS ini sebagai pusat agro pelancongan bukan sekadar mereka menjual tapi pelancong-pelancong boleh datang melihat sendiri bagaimana mereka mengeluarkan produk. Secara tak langsung IKS ini akan memastikan dari segi kualiti, kebersihan dan juga mereka mematuhi amalan pengeluaran yang lebih baik.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Raja jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tan Sri Speaker, soalan nombor 8. Sudahkah Kerajaan Negeri memuktamadkan sektor industri kandungan digital (teknologi & kreatif) diperhebatkan dan adakah bantuan infrastruktu serta dana yang diperuntukkan dapat melonjak industri ini ke tahap antarabangsa?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sektor kreatif telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor utama yang dipromosi di Iskandar Malaysia selaras dengan aspirasi kerajaan mempelbagaikan ekonominya kepada aktiviti bernilai tinggi. Selain peluang yang boleh diraih di peringkat global untuk mewujudkan impak positif kepada ekonomi negara.

Selari dengan beberapa dasar dan inisiatif dalam sektor kreatif negara serta usaha merealisasi wawasan kreatif Iskandar Malaysia sebagai '**Destinasi Kreatif Terbaru Asia**' (dengan izin) atau "***Asia's New Creative Destination***" salah satu daripada projek pemangkin bagi membantu industri kreatif iaitu pembinaan kemudahan dan infrastruktur bertaraf dunia iaitu Pinewood Iskandar Malaysia Studio (PIMS) dibuka secara rasmi pada Jun 2014.

PIMS hasil usaha sama UK's Pinewood dan Iskandar Malaysia Studio Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Malaysia menjadi pemain utama terhadap pembentukkan hab kreatif bersepadu Iskandar Malaysia. Bagi memenuhi aspirasi berkenaan Iskandar Malaysia sudah mula membangunkan ekosistem bagi menyokong PIMS dan sektor kreatif secara keseluruhan. Antara yang utama ialah *Iskandar Malaysia Creative Industry Talent Development Program (dengan izin)*. Usaha sama IRDA dan PIMS diwujudkan bagi memperkasa krew industri perfilemon Malaysia dengan

matlamat melatih, upskill dan *cross skill (dengan izin)*, 900 orang sehingga berakhirnya program. Ini bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan industri perfileman antarabangsa berskala besar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, **Filem Johor** iaitu sebuah organisasi di peringkat negeri yang bertanggungjawab memasarkan Johor sebagai destinasi perfileman bertaraf dunia. Mengurus dan memudahcara sebarang pertanyaan dan penyediaan kemudahan bagi mempercepatkan proses perfileman secara professional.

Selain itu, **MaGIC-X** sebuah usaha sama antara IRDA, MDeC dan UTM merupakan pusat *Game/Gamification* (dengan izin) untuk menyediakan sokongan yang diperlukan dari segi kepakaran teknikal, penyelidikan pembangunan perniagaan, penerbitan, pemasaran dan latihan untuk individu atau SME bagi menghasilkan produk komersial untuk pasaran. Pusat ini berupaya menGymbang kepada pembangunan bakat, promosi indutri, perkongsian ilmu dan kerjasama antarabangsa terutama dalam sub sektor kreatif. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Pasir Raja jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker.Saya difahamkan kandungan digital yang diusahakan ini bukan sahaja perfileman tetapi juga animasi dan peralatan komunikasi dan baru-baru ini kerajaan pusat telah pun mengemukakan bajet sebanyak RM100 juta Bajet 2015 untuk diberikan kepada sektor digital dan kreatif dan apa yang kita nak tanya di sini. Golongan-golongan seniman ni dia miskin dari segi duit tapi kaya kreatif dia. Orang yang buat animasi ni dia kaya dia punya idea tapi duit tak ada. Jadi, dengan adanya ekosistem yang dibina di Johor ni tentang industri kreatif maknanya kerajaan dah boleh buat apa yang dipanggil, *start up company, permulaan company, company* rakyat Johor yang boleh mulakan perniagaan dalam industri kandungan digital ini. Tan Sri Speaker. Jadi soalan saya berhubung dengan itu saya nak tanya, apakah impak daripada industri kreatif ini kepada pembangunan negeri Johor secara khususnya terhadap isu-isu yang saya bangkitkan tadi?

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Raja, Yang berhormat Tan Sri Speaker. Memang kita mempunyai insentif atau boleh dimohon dari IRDA, IDR status dengan Iskandar begitu juga kita mewujudkan Pinewood boleh mensasarkan untuk menarik promosi antarabangsa melabur di negara ini berjumlah RM1.9 billion dan mewujudkan 11,300 peluang pekerjaan ataupun *freelance*, dengan izin antara tempoh 2013 sehingga 2020. Kewujudan peluang-peluang ini berupaya menarik pelabur syarikat dan profesional untuk menyertai rantaian produksi media seperti pra-produksi, *post* produksi, pengedaran dan pemasaran, logistik, makanan, sewaan peralatan, bahan binaan, hospitaliti dan pelbagai perkhidmatan lain. Kehadiran tenaga pakar dengan teknologi terkini membolehkan berlakunya proses pemindahan teknologi dan ilmu serta kepakaran bagi memperkasa keupayaan bakat-bakat dan SME tempatan.

Suasana sedemikian dapat mewujudkan ekosistem industri kreatif yang kondusif di Iskandar Malaysia dan negeri Johor sekali gus membolehkan harta intelek negara memperolehi pengiktirafan antarabangsa terutama dalam perfileman dan televisyen. Sebagai tambahan, Iskandar Malaysia Johor dan negara secara keseluruhan dijangka memperolehi manfaat daripada pertambahan ketibaan pelancong yang berbelanja di Iskandar Malaysia berikutan promosi dan pendedahan menerusi filem antarabangsa. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soalan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis di dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2015) TAHUN 2014.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2) Maka Perbahasan Atas Rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana yang tersebut dalam Rang Undang-Undang ini.

Perbahasan atas rundingan bacaan kali kedua Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014, akan dimulakan sekarang. Cuma saya nak mengingatkan, bahawa pencadang usul ini diberi masa selama 45 minit, sementara penyokong diberi masa 30 minit dan pembahasan-pembahasan yang lain akan diberi masa selama 20 minit. Itu di peringkat akhir besok, kalau tak cukup masa mungkin bawah daripada 20 minit. Itu pengumuman dulu. Jadi, saya jemput Yang Berhormat Kukup sebagai pencadang.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. (Selawat). Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang memberi ruang kepada Kukup sebagai pencadang untuk perbahasan Bajet 2014 pada hari ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, melihat kepada pembentangan bajet yang telah selamat disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang lalu, Kukup melihat bahawa inilah satu bajet yang begitu inklusif, yang begitu menyeluruh, yang begitu mementingkan kebajikan rakyat di negeri Johor atau dalam bahasa mudahnya, bolehlah kita mentakrifkan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu sebenarnya melangkaui masa atau dalam bahasa Inggerisnya *Tomorrow's Budget Today*.

YB Tan Sri Speaker : Dengan izin.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Dengan izin. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kenapa saya berbahas demikian, kerana dalam tempoh 100, maaf saya, dalam tempoh 1½ tahun pentadbiran di mana dengan dibantu oleh barisan EXCO-EXCO yang handal-handal dan cekap belaka, kita telah melihat bahawa ada satu perubahan yang begitu drastik yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri kita. Di mana telah terdapat 86 pencapaian dalam 8 sektor yang diutarakan. Kalau kita lihat dari sudut memartabatkan Agama Islam sahaja kita telah mencapai 18 kejayaan. Dalam prestasi ekonomi, 9 kejayaan telah dicapai oleh kerajaan negeri. Dari sudut

perumahan, 6 kejayaan, dari sudut modal insan, ada 9 kejayaan, dan kesejahteraan rakyat, kita ada 17. Belia dan Sukan, kita ada 8, keselamatan, kita ada 7, ekonomi dan keusahawanan, kita ada 12 kejayaan, yang telah dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat. Kenapa ini berlaku?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kukup melihat sudut ini dari sudut pandangan mata burung atau *bird eye views*, dengan izin. Kita lihat, biasanya pemimpin sesuatu negara, sesuatu negeri itu akan memimpin mengikut kepandaian, kecekapan dan kebolehan masing-masing. Kita lihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, beliau mempunyai kelulusan dari sudut undang-undang. Jadi itu, tidak hairanlah dalam tempoh yang singkat saja pentadbiran beliau, telah berlaku 3 perubahan dalam Enakmen negeri Johor:

1. Kita telah meluluskan Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor, yang mengubah landskap, hartanah dan peranan negeri Johor ke arah yang lebih baik, dengan memberikan kuasa, memberikan peruntukan tambahan dan bermacam-macam lagi bentuk kebajikan, tak lain, tak bukan untuk memastikan bahawa setiap anak Johor akhirnya nanti mempunyai rumah mereka sendiri mengikut kemampuan masing-masing.

2. Kita lihat Enakmen Air. Memberi tafsiran baru terhadap air, di mana kita boleh menambahkan lagi cukai dari sudut yang sebelum ini tidak terfikir oleh kita. Dan yang baru-baru ini, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor juga, telah kita ubah dengan memberi tafsiran baru atas syariah itu sendiri dan atas Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, itu dari sudut pengalaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dari sudut undang-undang. Tapi, saya juga melihat, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bahawa cara atau *leadership style* dengan izin, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini merujuk kepada kehandalan beliau sebagai seorang usahawan atau *businessman*. Kenapa saya bercakap demikian, kalau kita lihat, corak pentadbiran beliau, yang mana beliau melihat, kalau dalam bisnes itu kita panggil perniagaan, pentadbiran itu adalah pentadbiran, beliau melihat produk dalam bisnes itu sebagai potensi negeri, yang mana dipunggah, dinaikkan, berbagai-bagai potensi negeri yang akan kita majukan sebagaimana dalam bajet yang tak perlu saya perhalusi lagi.

3. Beliau melihat pelanggan-pelanggan dalam bisnes itu, tetapi dalam negeri Johor, beliau melihat rakyat itu sebagai pelanggan. Jadi itu, dalam jangka masa yang begitu singkat pentadbiran beliau, beliau telah menubuhkan apa yang kita panggil, Pelan Suara Hati Johor, kerana beliau nak tahu apakah denyut nadi setiap rakyat Johor ini, supaya itulah menjadi asas perjuangan beliau untuk memuaskan hati keseluruhan, kalau boleh rakyat negeri Johor ini.

Jadi, lanjutan daripada itu, kalau kita lihat, ciri-ciri ini beliau, ciri-ciri yang ada pada beliau, saya kena bentangkan di sini, kenapa hari ini saya bentangkan, saya tak nak nanti, bila kita dah tak ada Menteri Besar, dah berubah atau beliau dah bersara suatu hari nanti, barulah kita nak sanjung, barulah kita puji beliau. Tujuan saya bercakap demikian, kerana saya nak supaya semua Wakil Rakyat kita memfokuskan arah tuju yang beliau bawa, supaya marilah kita bersama-sama memajukan negeri Johor ini selaras dengan kepimpinan ketua kita, mudah-mudahan pihak pembangkang begitu

juga, bantulah kami, bantulah Kerajaan Negeri untuk menjayakan setiap wawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Kalau kita lihat, semua kenal, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ke mana saja majlis yang beliau pergi, masa menjadi keutamaan, bukan saja menepati masa malah lebih awal daripada masa yang ditentukan. Ini ciri-ciri seorang *businessman*, dengan izin, kerana masa itu begitu penting, kerana masa itu merupakan wang dan beliau tak mahu membazirkan masa orang lain akibat kecuaian beliau sendiri. Kemudian kita melihat *visionaries*, dia seorang yang berpandangan jauh, banyak idea-idea yang beliau bawa ini sebenarnya, kadang-kadang kita tidak terfikir oleh kita sebagai insan marhaen ini. Kemudian kita lihat, beliau juga menitikberatkan inovasi. Berbagai bentuk inovasi telah diketengahkan dalam negeri Johor ini.

Kemudian, kalau kita lihat macam mana beliau menguruskan negeri ini sebagai menguruskan perniagaan, beliau meletakkan maklumat itu sebagai faktor yang begitu penting, beliau ingin tahu apa saja yang berlaku dalam negeri Johor ini secepat mungkin, sepantas mungkin. Justeru itu, beliau telah meletakkan pegawai-pegawai beliau, pegawai-pegawai khas beliau di semua jabatan-jabatan yang penting dalam negeri Johor ini, supaya dapat di *up date*, dengan izin, maklumat-maklumat yang terbaru setiap agensi kerajaan itu hari-hari kepada beliau.

Kemudian, kalau kita lihat lagi, beliau begitu mengambil berat tentang rakyat. Tanyalah Yang Berhormat-Yang Berhormat, ke mana saja kita jumpa beliau, perkara pertama beliau tanya, apa masalah di kawasan anda? Betul eh? Apa masalah di kawasan anda? Itulah soalan yang beliau akan tanya. Kemudian, kalau kita berjumpa beliau di kawasan yang tak sepatutnya kita berada, beliau bertanya kenapa tak jaga kawasan? Jadi, ini sebenarnya kalau kita perhatikan, buat kajian dengan teliti bahawa beliau ingin memastikan bahawa semua Wakil Rakyat yang hadir dalam Dewan ini mengutamakan rakyat daripada segala-segalanya.

Dan, kalau kita lihat Bajet kenapa 2014, 2015, Johor mensasarkan ataupun melaksanakan bajet *surplus*, kenapa? Kita semua tahu, bajet ini ada 2 faktornya:

1. Perolehan ataupun hasil kita.
2. Kos pentadbiran kita.

Kita boleh *surplus* kan bajet kita dengan kita kurangkan perbelanjaan, boleh. Tapi, kenapa Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, 2 tahun berturut-turut ini, kita mensasarkan bajet *surplus* dan begitulah tahun sebelumnya. Kalau dalam bisnes, sesiapa yang ingin membuat pinjaman bank, perkara pertama yang kita buat, kita kena buat *cash flow* kita, *projection cash flow*, dengan izin, jangkaan aliran tunai kita. Jadi, kalau kita nak pinjam RM1 juta biasanya kita buat *cash flow* kita 3 tahun akan datang kita rugi RM2, juta pasal apa, kita beli mesin baru, kita tambah pekerja baru tetapi selepas daripada itu kita akan untung pula mungkin RM3 atau RM4 juta. Menyebabkan bank melihat *cash flow* kita itu dengan izin, memberikan pinjaman yang mana kita kurang. Jadi, isyarat yang ingin ditunjukkan dalam negeri Johor ini bahawa kita dah tak nak pinjam, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita dah tak nak pinjam. Jadi itu, dengan beraninya belanjawan negeri Johor 2014, 2015, kita isyaratkan, mewar-warkan kita *surplus*. Malah, pinjaman yang kita ada itu begitu terancang, begitu

mudah untuk kita lunaskan, insya-Allah akan kita lunaskan dan Johor adalah negeri yang akan datang tiada lagi defisit dalam belanjawannya insya-Allah.

Kemudian, saya ingin kaitkan pula dengan inklusif dari sudut istilah-istilah ekonominya. Yang mana, beliau telah melontarkan satu perkara, *Beyond Traditional Monetary Indicators*, dengan izin. Maksudnya, beliau meluahkan satu kaedah pendekatan mentadbir urus negeri ini melampaui kaedah pendekatan ekonomi yang normal. Maksud saya, kalau kita lihat dahulu, semua negara, negeri mengukur pendapatan sesuatu negara itu melihat pada pendapatan saja. Kalau kita kerja sebagai kerani, balik kita dapat RM1,000.00, itulah gaji kita. Kemudian, ekonomi moden bukan melihat pendapatan itu saja. Kita melihat pula pendapatan benar, mungkin gajinya RM1,000.00 tapi dapat elaun rumah, dapat elaun kereta, dapat makan percuma, ada disediakan pula *nursery* untuk anak di pejabat sebagainya menyebabkan dicampurkan pendapatan tadi itu dengan pendapatan-pendapatan yang tidak dikira secara *dollar and cent* itu dengan izin, akhirnya, sebenarnya bukan gajinya RM1,000.00 tapi RM2,000.00. Tapi kali ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, membawa kita lebih daripada itu, maksudnya kalau kita, kerja kita, dia akan pastikan kita kerja dalam selesa, yang tak boleh diukur dengan duit. Contohnya, kalau kita jadi seorang kerani, mungkin dengan kedudukan tempat pekerjaan kita yang selesa eh, dengan makanan kita yang berkualiti, kita kerja, kita tak takut pasal keselamatan dijaga, Polis cukup dan sebagainya, tidak berlaku kerosakan lif di tengah-tengah waktu kerja sebagainya. Ini benda, Yang Amat Berhormat Dato' Seri cuba memfokuskan, dan ini merupakan satu pendekatan yang begitu jauh ke hadapan Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Kalau kita lihat tadi, prestasi yang telah ditunjukkan ini saya ambil 4 saja sebenarnya. Saya nak kupas 4 sahaja. Kalau kita lihat, untuk 2013, bermula daripada 1 ataupun Januari 2013 hingga Julai 2014, pelaburan negeri Johor telah bertambah sebanyak RM33 bilion eh. RM33 bilion ini bukan satu jumlah yang kecil. Kerana kita ingat, dalam ekonomi bila ditambah satu-satu perbelanjaan dalam faktor ekonomi itu, contohnya, pelaburan ianya memberi kesan berganda. Saya ambil contoh, katalah seorang pelabur melabur RM33 bilion di Malaysia, dalam bentuk diberikan mungkin kepada 3, 4 orang kontraktor yang besar-besar, kontraktor ini pula akan melantik kontraktor-kontraktor kecil ataupun *sub con* dia. *Sub con* ini pula, akan melantik pula pekerja-pekerja *supervisor*. Jadi, daripada RM33 bilion ini, kalau di campur untuk pendapatan negeri, dia akan lihat, RM33 bilion campur, dipecahkan kepada 4 tadi, jadi ini katalah, RM10 bilion, RM10 bilion, campur balik, dah jadi RM60.00 sampailah berapa jauh pecahan perbelanjaan itu sehinggalah akhirnya kepada penjual goreng pisang akan dapat manfaat, nelayan akan manfaat, penjual kedai runcit akan mendapat manfaat sehingga akhirnya, mungkin ke lapisan ke-10. Kalau seandainya, perbelanjaan daripada RM33 bilion itu dibelanjakan sehingga lapisan ke-7, ke-10, kita boleh cakap, bahawa daripada RM33 bilion itu telah berlaku penggandaan sebanyak 7 hingga 10 kali, akhirnya, ekonomi kita bukan RM33 bilion tapi RM330 bilion.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Inilah, kalau kita lihat kenapa pentingnya sesebuah negara, sesebuah negeri menggalakkan sebanyak mungkin pelaburan dalam negeri masing-masing. Keduanya, saya nak ambik sentuh tentang Keluaran Dalam Negara Kasar, Negeri Johor. Kita lihat 2014, kita mensasarkan lebih kurang 6% dan Insya-Allah kita akan mensasarkan 6% begitu juga untuk tahun-tahun berikutnya. Betapa pentingnya 6%, apa maksud pertumbuhan 6% ini? Yang Berhormat Tan Sri Speaker, 6% ini menunjukkan bahawa pertambahan ekonomi kita daripada tahun sebelumnya.

Melalui kesan dan janji dimeteri sebenarnya, kalau ekonomi kita berkembang 6% setahun dalam tempoh 13 tahun sahaja, kita dah dapat nilai ekonomi yang dua kali ganda. Maksud saya, kalau sekarang ini kita punya pendapatan ataupun KDNK Negeri Johor, ataupun kalau kita gunakan hasil, kita cakap RM1.3 billion tahun ini, dalam masa 13 tahun kita akan dapat hasil Negeri Johor sebanyak RM2.6 billion. Itulah maksud 6% pertumbuhan dalam KDNK ataupun pertumbuhan dalam perbelanjaan ataupun hasil Negeri Johor.

Jadi kita boleh bayangkan, 13 tahun akan datang, kalau seorang pegawai di Negeri Johor ini gajinya RM3,000.00 akan jadi RM6,000.00 secara asasnya macam itu. Jadi ini akan menunjukkan bahawa kemakmuran Negeri Johor akan terus berkembang dengan cara cantik, dengan cara terurus, dalam tempoh 13 tahun kita akan dapat capai sasaran apa sahaja yang kita nak capaikan dan kita lihat, kalau kita lihat signifikan dia itu, bila kita mendapat hasil yang besar, kita lihat dalam tahun 2014 hingga 2015, hasil dalam Negeri Johor telah bertambah sebanyak 16.4%, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Ini merupakan satu jumlah yang cukup besar. Bayangkan, kalau ada orang gajinya setiap tahun meningkat 16%, maksudnya begitulah besarnya sebenarnya peningkatan dalam hasil kita dan daripada yang paling penting, yang paling ingin kita lihat ialah kita meletakkan RM366.2 juta ataupun 30% daripada hasil Kerajaan Negeri ini adalah untuk pembangunan. Inilah rakyat nak dengar, 30% daripada hasil kita untuk pembangunan. Di sinilah kita akan buat jalan raya, di sinilah kita akan bela nasib-nasib nelayan, di sinilah kita akan membuat rumah-rumah mampu milik kerajaan untuk membela rakyat. Itulah signifikan pendapatan negeri Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri dan seterusnya pembahagian kekayaan kita untuk pembangunan yang kita cintai ini, di negeri yang kita cintai ini.

Jadi, saya melihat juga, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masa Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan Bajet itu hari, saya lihat juga, rakan-rakan Pembangkang kita tepuk meja ke tidak? Nak angkat, tapi tepuk malu. Ada ke tak ada? Saya tengok macam tak ada saja, Tan Sri Speaker, tapi tak apalah saya ingin menyedarkan rakan-rakan saya di pihak sana. Sebenarnya garis yang memisahkan di antara perbezaan pendapat dengan pengkhianatan sangat halus. Beza pendapat dengan pengkhianat ini sangat halus perbezaannya. Saya bagi contoh, katalah kita cerita, kita nak melabur ataupun Kerajaan Negeri nak melabur RM20 juta kepada sesuatu kawasan untuk kita bangunkan prasarana membela rakyat. Kalau kita bangun, kita bagi alternatif, kita bagi cadangan dengan harapan supaya idea itu membangunkan lagi rakyat, itu adalah idea yang baik tapi kalau dalam hati kita, kita nak bangkang supaya rakyat kerajaan jangan popular, supaya kerajaan gagal, itulah pengkhianatan. Itulah pengkhianatan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Jadi rakan saya Jementah hati-hati, kadang-kadang banyak kita nak bentangkan, bangkang itu, tak setuju itu, pasal apa? Kalau betul-betul awak menegakkan kebenaran, Alhamdulillah, tapi kalau ada dalam hati itu niat yang lain, itu adalah pengkhianatan tapi sebenarnya hati tak boleh dilihat tapi kita boleh kesan. Dilihatnya apa yang dalam hati itu melalui perbuatan, perbuatan itu menampakkan, menunjukkan apa yang tersirat dalam hati. Jadi, kalau kita tak setuju dengan kerajaan yang telah majoritinya dipilih rakyat, kita tak setuju, kita rasa kita saja betul, kita pergi negara-negara lain, kita nak menggagalkan usaha kerajaan yang murni ini, *confirm*, sah itu adalah pengkhianatan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Di Dewan yang mulia ini juga, Tan Sri Speaker, Kukup ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana ada dua perkara penting yang telah berlaku untuk Kukup.

1. Dalam strategi menjadikan Johor Jauhari Selatan dan destinasi pelancongan terbaik Malaysia, Tanjung Piai dan Pulau Kukup serta Sungai Pulai telah dipilih antara lima produk pelancongan berkepentingan global. Terima kasih diucapkan kepada usaha, sudah pasti saya tengok EXCO Pelancongan senyum, itu pun usaha beliau sudah tentu atas persetujuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

2. Telah diumumkan dalam Belanjawan sebanyak RM15 juta diperuntukkan untuk menaik taraf jalan ke Tanjung Piai, terima kasih banyak-banyak kerajaan atas usaha yang murni ini, terima kasih kepada EXCO nya yang saya lihat mengangguk-angguk, Yang Berhormat Datuk Hasni kerana RM15 juta ini sudah barang tentu akan terdapat pelebaran, akan dicantikkan jalan-jalan daripada Bandar Pontian sehinggalah ke Tanjung Piai.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, jangan sebut nama ya, jangan sebut nama, sebut kawasan, atas jawatan. Sila terus.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin membawa satu perkara, terima kasih pada rakan-rakan yang mewakili daripada Persatuan Nelayan dan sebagainya hadir untuk saya nak meluahkan rintihan nelayan di Tanjung Piai ini. Sebelum saya nak cerita secara *detail*, saya nak beritahu apakah definisi nelayan di kawasan saya di sekitar Tanjung Piai. Mereka ini adalah nelayan kecil yang tidak lebih 500 orang, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. 500 orang ini nelayannya nak ramai, tak boleh kita kali lima, mungkin kali tujuh, mungkin kali lapan. Jadi 500 orang ini, mewakili mungkin 5,000 orang yang bergantung harap kepada nasib nelayan ini.

Nelayan di Tanjung Piai merupakan nelayan pinggir pantai yang menggunakan enjin sangkut bawah 50 kuda, paling-paling 60 kuda, itu mungkin dia mampu sikitlah. Kadang-kadang 15 kuda, 5 kuda pun ada, mendayung pun ada lagi, Tan Sri Speaker. Bayangkan ke laut hanya mendayung sampan. Jadi, saya tak nak *detail* kan dahulu pendapatan mereka tapi cara nelayan sini bekerja ada tiga konsep cara bekerja. Majoritinya mereka ini adalah menjaring udang, menjaring udang mereka ini, mereka ini mengharapkan arus air, arus laut di mana udang berhanyut, jaring hanyut kita panggil. Mereka merentang jaring sekitar 10 hingga 20 utas dan di mana dibiarkan jaring itu hanyut sekitar setengah jam, diangkat balik, pusing balik, begitulah kerja mereka sehinggalah habis waktu air yang sesuai, biasanya air bermula surut hingga air *start* naik pasang balik, dah *stop*, dah berhenti dah. Inilah tempoh masa mereka mencari pendapatan. Keduanya ada juga ada yang...

YB Tan Sri Speaker : Pasang surut, pasang surut berapa jam Yang Berhormat?

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Dia sebenarnya antara satu pasang dengan satu pasang lagi 12 jam tapi ikut peredaran bulan pada ketika itu. Ada ketikanya pasang panjang sikit. Kemudian, ada juga yang menjaring ikan dan memasang bubu, tak kurang juga ada sedikit yang membawa rombongan pergi memancing. Inilah

Yang Berhormat EXCO Agama ini sangat suka. Jadi, pekerjaan nelayan di Tanjung Piai ini merupakan satu pekerjaan yang sangat rapuh sebenarnya Tan Sri Speaker, sangat rapuh. Pendapatan mereka ini sangat-sangat bergantung kepada beberapa faktor tertentu, cuaca contohnya.

1. Kalau ribut tak boleh ke laut, ombak besar tak boleh ke laut. Kadang-kadang air keroh pun tak boleh ke laut, air sejuk sangat pun udang tak ada. Jadi sangat bergantung pada cuaca.

2. Perubahan arus. Apa sahaja berlaku pada perubahan arus, katalah ada pembinaan tengah laut, ada tambakan dan sebagainya mempengaruhi juga sebenarnya kedatangan udang-udang ke pinggir pantai.

3. Pencemaran. Pencemaran minyak kapal, kita tak tahu ada berapa ribu kapal berlabuh di tengah laut itu, dia membuang sisa-sisa minyaknya dan minyak itu semuanya, peliknya minyak itu semuanya berkumpul di Tanjung Piai dan kesannya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bayangkan seorang nelayan yang tidak seberapa pendapatannya kalau satu jaring itu nilai dia lebih kurang RM70.00 kalau sepuluh utas itu RM700.00. Kalau dia bentang kena minyak kapal pada ketika itu, semua jaring itu dibuang. RM700.00 itulah merupakan kerugian nelayan.

Kemudian bukan sahaja pencemaran minyak yang berlaku di Tanjung Piai, kita juga ada pencemaran sampah, kita juga ada pencemaran habuk kayu yang dilakukan oleh pembersihan dinding-dinding kapal yang dibuat di tengah laut ataupun di Singapura, sampai juga ke Tanjung Piai. Kemudian kita ada pencerobohan pula, kadang-kadang hanyut, pukat-pukat besar-besar ini, menunda udang dan ikan di kawasan perairan Tanjung Piai.

Seterusnya, kawasan tangkapan kita semakin lama semakin kecil. Dahulu kita boleh menjaring udang daripada Sungai Pulai sehinggalah ke Pulau Kukup. Sekarang dah ada pelabuhan, tak lama lagi kita dah ada pula Bunkery Island. Jadi mereka ini dah tak ada tempat lain, kalau dahulu mungkin sekitar satu kilometer persegi ada dua nelayan sahaja tapi sekarang dah ada sepuluh, terpaksa pula menunggu giliran untuk menebarkan jaring mereka. Jadi, bayangkan kalau dahulu sepuluh kilo kongsi dua orang, sekarang sepuluh kilo kena kongsi sepuluh orang, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Tak termasuk lagi saya cerita lanun, banyak kes berlaku bot dicuri, enjin dicuri. Jadi kalau itulah ceritanya, kalau itulah keadaannya apa yang berlaku kepada nelayan Tanjung Piai, sudah pasti pertamanya tanyalah, periksalah, tanyalah Persatuan-Persatuan Nelayan, tanyalah Jabatan-jabatan Perikanan, memang pendapatan nelayan telah merosot begitu mendadak sekali. Yang keduanya kos operasi pula meningkat, dahlah pendapatan merosot, jaring makin naik, makin lama makin naik, minyak pula naik sikit, kemudian enjin bot apatah lagi, badan bot begitulah juga. Keduanya...

YB Tan Sri Speaker : Subsidi dapat Yang Berhormat ye?

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Subsidi dapat RM200.00 dan dinaikkan. Alhamdulillah, terima kasih tapi RM200.00 tu bayangkanlah kena bagi 30 hari, berapalah nilai dia satu hari? Kemudian kalau kita lihat nelayan ini juga adalah orang yang mempunyai ataupun mengusahakan perkara tersebut turun temurun daripada datuk, nenek, moyang sebagainya sehinggalah mereka sekarang. Itulah sahaja pekerjaan yang mereka tahu. Kalau suruh buat lain, saya dah cuba macam-macam, saya pernah ambil pun mereka bekerja, susah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mereka nak berubah, pasal mereka ini bekerja dalam keadaan waktu anjal. Ikut air pasang dan surut, kalau pada ketika itu, kampungnya ada kenduri kahwin, merekalah orang yang ke depan bergotong royong, kalau ada mesyuarat JKK Kampung merekalah yang ke depan kerana nelayan ini antara orang yang paling aktif, jadi mereka ini susah nak berubah. Kalau kena suruh mereka kerja pejabat, pukul sembilan pagi, *punch card*, balik pukul lima, mereka tak boleh kerja, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Justeru itu, menyedari keadaan ini, saya merayu, saya menuntut, saya mengharap belas ihsan Kerajaan Negeri untuk melihat perkara ini. Baru-baru ini dalam Bajet dibentangkan, semua nelayan pantai selatan Johor akan mendapat RM1,000.00 seorang yang berjumlah 1,800 nelayan, berjumlah RM1.8 juta. Saya pun cuak juga, masuk tak masuk dekat kawasan nelayan Tanjung Piai tapi yang saya nak bawa hari ini, Tan Sri Speaker, adalah satu pendekatan yang berbeza. Agak-agaknya, akibat kehimpitan nasib nelayan ini, akibat pendapatan yang semakin hari semakin mengecil, akibat kemurungan, memikirkan masa depan anak-anak boleh sekolahkan anak-anak atau tidak?

Itu belum cerita rumah dah senget, nak dibetulkan rumah belum lagi, tekanan-tekanan ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyebabkan terkeluar daripada mulut-mulut nelayan mencadangkan kepada saya, YB seandainya Kerajaan Negeri, kata dia, saya cadangkan Kerajaan Negeri ambil teruslah lesen kita, bakar sahajalah bot kita, tak apa, mereka sanggup janji diberikan pampasan, diberikan kata orang pendapatan cukup hidup setahun ataupun dua tahun ataupun tiga tahun supaya mereka pada ketika itu boleh menggubah kerjaya. Kerana kalau kita nak tukar kerjaya ini, kalau kita tukar kerja daripada syarikat A ke syarikat B mudah, tapi bayangkan kita dah biasa jadi nelayan, nak suruh kerja lain, nak dapatkan kemahiran, dalam masa yang sama cukup tak cukup nak menanggung anak-anak bini di rumah, saya rasa kita perlukan masa yang lama.

Jadi, kalau sudah ada jaminan daripada kerajaan sebulan RM2,000.00, RM3,000.00 contohnya, jadi mereka boleh keluar di mana-mana tanpa menghiraukan anak di rumah cukup makan atau tidak. Jadi, saya menyeru, saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya kerajaan mempertimbangkan, kita membuat suatu konsep yang kita panggil *once and for all* dengan izin, dengan kita membayar pampasan sama ada *one shot* atau sekali arung untuk dua hingga tiga tahun keperluan atau juga kita bayar ikut bulanan. Saya memohon dan saya mengharap sangat agar usul ini diterima.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam strategi yang kedua, bajet yang dibentangkan yang lalu terdapat perkataan "Memangkinkan Kesejahteraan Hidup Rakyat" dan di dalam Perkara 2 (2) itu, menyediakan tempat perlindungan untuk membina keluarga yang kukuh. Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan dan juga fokus yang

telah diberikan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh barisan EXCO.

Saya ingin membawa satu cerita di sini. Sekarang ini, kalau kita lihat tumpuan untuk membina perumahan kita lihat bandar sahaja ataupun susah sangat kita nak cari yang pinggir-pinggir bandar, bandar besar ataupun pinggiran. Seolah-olah semua orang yang berkahwin di dalam negeri kita ini kita nak letakkan di bandar. Saya nak ajak supaya perkara ini kita luaskan lagi. Pertamanya, infrastruktur kita dah cantik. Kalau kita lihat di Jalan Pekan Nenas itu, pagi *jammed*. Pasal apa, ramai orang rupanya duduk di Pontian tapi bekerja di Johor Bahru dan *jammed* pula daripada Johor Bahru, duduk di Johor Bahru bekerja di Pontian. Ada dua keadaan yang berlaku kesesakan ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi jalan dah cantik, untuk nak pergi sekitar 100 kilometer kita perlukan sekitar satu jam hingga satu jam suku sahaja sekarang. Jadi, tumpuan perumahan bukan lagi di tengah bandar.

Kemudian, kedua, sebenarnya dah ramai orang memilih untuk tinggal di pinggir bandar, kalau tanya saya pun saya sanggup tinggal jauh sikit daripada bandar. Pertama kos hidup kita tidak terlalu tinggi. Anak-anak kita bebas bermain dalam kampung sebagainya. Kemudian, kita dapat sumber-sumber makanan dan perkara-perkara lain yang jauh lebih murah. Kemudian, sekarang ini juga kalau dahulu kita hanya memfokuskan kita lihat nelayan itu ada tanah. Sebenarnya dah ramai nelayan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dah tak ada tanah. Anak-anak dah tak ada tanah. Buat masa ini mereka ini menumpang tanah orang. Bapanya dahulu menumpang tanah orang, adakah anaknya masih mahu menumpang tanah orang? Kemudian, kita lihat pula sekarang ini banyak di kampung-kampung sekolah dah menjadi sekolah kurang murid, pasal apa, orang-orang muda semua dah banyak pindah ke bandar. Jadi, justeru itu walaupun kita ada skim PPRT sekarang, kita ada skim Mesra Rakyat, kita ada Rumah Mampu Milik dan sebagainya, jadi, saya ingin mensasarkan membawa isu ini supaya kita boleh membuat perkara ini di luar bandar ataupun pinggir-pinggir bandar.

Pertamanya, kenapa saya bercakap demikian? Kerana swasta Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dah tak nak buat rumah luar-luar bandar ni. Pasal apa? Pasal apa swasta tak nak buat lagi rumah-rumah di pekan-pekan kecil? Kerana di Johor Bahru sebiji rumah teres harga dah RM1 juta. Kalau dia nak buat rumah di Pekan Nenas ke, di Pontian contohnya mungkin RM100,000.00 jadi dia kena buat 10 biji rumah di Pekan Nenas baru boleh buat rumah dengan dia hanya buat satu rumah di Johor Bahru dia dapat untung lebih besar daripada buat 10 rumah di Pekan Nenas, Pontian, Kukup dan sebagainya. Itu yang pertama.

Kemudian, kedua, pemaju-pemaju ni rasa kalau buat di pinggir-pinggir bandar tak *glamour*. Jarang pemaju besar buat rumah di pinggir-pinggir bandar ni, dah tak ada dah. Kemudian, peningkatan harga pasaran juga lambat. Kalau kita lihat di Johor Bahru, rumah tu siap sahaja, dah naik 30%. Selepas 4, 5 tahun naik lagi 3 hingga 40% harga rumah. Tapi kalau di bandar Pontian contohnya mungkin 5 tahun nak dapat peningkatan harga sebanyak 30% pun susah. Jadi, inilah pertimbangan-pertimbangan kenapa pihak swasta kurang ataupun tak berminat membuat rumah di luar bandar. Jadi, justeru itu, kita akan adakan nanti Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor.
Jadi, Kukup mencadangkan yang pertamanya, bila kita dah ada satu institusi yang mengawal perkara ini, yang melihat, memfokus keresahan rakyat ini kita kena ada satu

anak syarikat yang khusus untuk membuat menyediakan rumah-rumah mampu milik untuk orang-orang yang susah di luar bandar. Kerajaan tubuh anak syarikat ini dan kerajaan beli tanah-tanah di luar bandar kerana tanah-tanah di luar bandar itu murah harganya Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi, bila murah harga tanah di luar bandar, kalau buat rumah tu pun dapatlah di buat rumah dengan harga yang lebih murah. Justeru itu, syarikat ini mestilah bukan syarikat yang bukan berorientasikan untung. Kalau boleh tak payah untung pun tak apa jadi keuntungan jualan itu cukup sekadar membayar gaji pekerja anak-anak syarikat terbabit. Justeru itu, saya mencadangkan supaya ditubuhkan satu perumahan rakyat bersepadu yang saya cadangkan namanya Perumahan Rakyat Bersepadu di pinggir dan luar bandar. Kenapa saya cakap demikian? Kerana, kita semua sedia maklum di Pontian, di Kukup susah kita nak buat PPRT. Tapi kalau kita ada perumahan bersepadu contohnya 10 ekar, 3 ekar kita khususkan untuk rumah-rumah PPRT kepada orang-orang yang tidak mampu ini Tan Sri Speaker, jadi kalau dia tak mampu itu, dengan RM40,000.00 dahulu kita buat di dalam kawasan yang kita dah ambil alih ini saya rasa tidak ada masalah. Kita boleh dapat peruntukan daripada KKLW, kita dapatkan peruntukan daripada mana-mana, kita buat di satu tempat.

Yang keduanya, kita juga ada konsep Rumah Mesra Rakyat. Tapi masalahnya, ramai rakyat tak ada tanah. Jadi macam mana nak buat Rumah Mesra Rakyat. Harganya sekitar RM70,000.00 rakyat hanya perlu membayar RM30 lebih, 40 lebih ditanggung kerajaan. Jadi ini juga boleh kita laksanakan di tempat ini pasal apa kita dah ada tanah. Mekanismenya kita boleh berbincang dengan SPNB. Maksudnya, anak syarikat kerajaan ni di bawah Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor menyediakan lot-lot, meletakkan nama Si Polan Bin Si Polan dan tanah itu dicagarkan kepada SPNB. Jadi dengan cara ini, memudahkan, maksudnya kita boleh tentukan semua yang memohon Rumah Mesra Rakyat akan dapat tinggal di kawasan terbabit.

Begitu juga, kita boleh campurkan juga kedai-kedai sederhana murah RM100,000.00 mungkin RM150,000.00 supaya rakyat-rakyat di luar bandar ini boleh mengembangkan kemahiran mereka berniaga. Sekarang nak beli kedai semua RM1 juta lebih. Siapa yang mampu beli RM1 juta lebih kalau ingin mulakan perniagaan. Kalau harga kedai itu RM1 juta lebih, sudah tentu sewanya pun paling kurang RM8,000.00. Mana nak cari pengusaha-pengusaha tempatan yang di luar bandar ini nak memulakan perniagaan dengan membayar sahaja sewa premis perniagaan dengan RM8,000.00 sebulan, tak mampu mereka. Tapi, sekiranya kita dapat buat kedai-kedai di pinggir bandar ini pasal kita dah tarik begitu ramai populasi untuk menduduki satu kawasan, jadi kedai-kedai ini boleh dimajukan. Jadi, saya menyeru sangat supaya di fikirkan, diambil idea ini supaya kita akan lihat nanti di setiap daerah, di setiap DUN akan ada satu Perumahan Rakyat Bersepadu ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

YB Tan Sri Speaker : Sedia gulung Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Ada lagi dua *point* Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Minta maaf.

YB Tan Sri Speaker : Boleh, boleh.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Usul agama. Saya ingin bawa pada hari ini. Saya mohon Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Dewan yang mulia ini melihat bahawa program-program dakwah yang kita jalankan yang menjurus kepada Al-Amru Bil-Ma'ruf iaitu mengajak kepada kebaikan dan dakwah yang menjurus kepada Wa Nahil Nahy 'Anil Munkar iaitu mencegah kemungkaran masih terlalu sedikit. Kenapa ini berlaku? Kenapa kita tengok pencegahan kita ini tidak sampai tahap yang kita kehendaki. Saya akan memberikan satu statistiknya.

Ketahuilah Dewan yang mulia ini, sebenarnya hanya terdapat 60 orang Penguatkuasa Agama Islam daripada 3,000 staff Jabatan Agama Islam. Maksudnya apa? 60 ini bertebaran seluruh Negeri Johor. Pontian, saya ambil contoh, Pontian hanya ada 4 orang sahaja Penguatkuasa Agama. Kita boleh simpulkan dengan penduduk Johor sebanyak 3 juta orang ini, satu Penguatkuasa Agama nak jaga 50,000 orang. Macam manalah kita nak jaga begitu ramai rakyat dengan satu sahaja penguatkuasa. 1 jaga 50 orang. 4 jaga 200,000 orang. Jadi ini perkara yang begitu tidak masuk akal Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Jadi, itu kalau kita lihat susah kita nak lihat penguatkuasaan terhadap judi. Pergilah mana-mana kalau kita tengok yang jual 4 nombor ekor haram TOTO nya, Magnum nya akan nampak orang Melayu beratur. Tapi, kalau kita telefon kita suruh penguatkuasa ini datang, macam mana dia nak datang? 4 orang, kalau ada dua shift, nak jaga siang dan malam sorang dua malam dua, MC, dah tinggal sorang. Jadi mana mungkin penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan, itu belum cerita malam berapa ramai orang Melayu secara terang-terangan minum arak di khalayak ramai. Siapa yang nak tangkap ni semua? Ini belum cerita kes-kes lain, kes-kes remaja bawah umur masuk hotel murah, bajet hotel dan sebagainya. Jadi, akibat penguatkuasaan yang lemah ini, kita tidak dapat menjaga kepentingan dan keharmonian, keselesaan rakyat kita.

Justeru itu, saya menyeru sahabat saya yang membuat keputusan dalam perkara ini supaya memikirkan, ditambahlah Jabatan Agama. Kalau kita lihat di Selangor sebelum Pakatan Rakyat memerintah di sana, kita telah ada, mempunyai begitu ramai staff yang bekerja siang dan malam ada kereta peronda sendiri dan ada jadual-jadual serbuan dan sebagainya. Jadi, saya menyeru supaya perkara ini dapat diberikan fokus utama untuk dalam kita, sebut Wa Nahil Nahy 'Anil Munkar tadi ini kerana sesungguhnya dalam Hadith Nabi mengikut Riwayat imam Tarmizi bermaksud, "Demi diriku di bawah kekuasaan Allah hendaklah kamu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran atau ditakuti bahawa Allah akan menurunkan azab dan bala kemudian kamu berdoa kepada Allah dan Allah tidak akan menerima doa kamu lagi," pasal kemungkaran ini begitu berlaku di sekeliling kita.

Dan yang terakhir, Tan Sri Speaker, saya dah berjanji dengan rakan-rakan saya yang baru-baru ini mengajak saya pergi ke Mersing dan saya melihat satu perkara yang saya rasa sepatutnya dah lama diketengahkan. Di Mersing, kita mempunyai pulau-pulau yang cukup indah. Malah pulau-pulau kita ini jauh lebih hebat sebenarnya daripada Pulau Tioman. Cuma tidak dimajukan lagi potensi-potensi pelancongannya. Kita bukan ada satu pulau, kita ada banyak pulau daripada Rawa nya, Sibu nya, Pulau Tinggi nya, Pulau Besar nya, Aur nya, Pemanggil, Dayang dan macam-macam pulau lagi. Tapi, tak pernah dimajukan secara drastik, secara bersepadu, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Jadi, di sini, saya melihat melalui perbualan dengan pengusaha-pengusaha chalet, antara sebab kenapa lambat majunya pelancongan di sana ialah tidak adanya feri yang khusus, yang menepati jadual untuk ke sana. Kalau nak pergi dia kena *charter*. Maksud saya, sewa sendiri untuk pergi ke pulau-pulau ini. Kalau kita tanya pula pengusaha feri, kata dia macam mana kita nak pergi, orang tak ramai. Tak ekonomikal. Jadi, berlakulah yang dinamakan telur dan ayam. Sorang cakap kalau orang ramai, kita sedia feri, yang satu pula cakap kalau kita sedia feri, orang tak ramai macam mana kita nak ini pula. Ada suatu cakap pasal feri tak menyediakan pengangkutanlah menyebabkan orang tak ramai ke tempat kami. Jadi, isu ayam dan telur ini hanya boleh diselesaikan oleh kerajaan.

Jadi itu Kukup mencadangkan, pasal bila cerita pulau, di tempat saya ada Pulau Kukup dan juga Pulau Pisang, saya nak kaitkan sekali Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi, sudah pantasnya, wajarnya kerajaan negeri pada ketika ini dah menyediakan apa yang dinamakan sebagai teksi air. Memang kosnya agak tinggi nak menyediakan beberapa buah bot tapi kita boleh menggunakan konsep *entrepreneur*. Kita ambil orang-orang yang ingin berniaga, kita didik, kita bagikan modal bot dan sebagainya supaya dia tidak ada modal yang besar untuk membeli bot. Dia hanya menggunakan modalnya sebagai modal untuk membayar gaji pilot dan juga awak-awak, mereka dah memulakan operasi. Sekiranya kawasan itu maju, ramai pelancong pada ketika, itu kita serahlah aset-aset harta ini dengan kadar harga tertentu supaya mereka benar-benar menjadi usahawan berjaya.

Begitu juga Pulau Kukup, tak ada pengangkutan khusus daripada orang-orang kampung untuk membawa memusingkan pelancong-pelancong melihat keindahan Pulau Kukup, Pulau Pisang dan sebagainya. Pasal mereka tidak mampu untuk membeli sebuah bot yang cantik kerana Yang Berhormat Tan Sri Speaker, nak dapat bot penumpang yang cantik sekarang tak mungkin dapat bawah RM100,000.00 tak mungkin. Kalau nak mengusahakan teksi air ini sekurang-kurangnya kena ada 5, 6 bot, mana nak cari RM500,000.00 hingga RM1 juta untuk orang-orang di luar bandar ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Justeru itu, saya juga ingin mencadangkan dah sampai masanya Mersing ada sebuah lapangan terbang mini sendiri supaya orang yang melancong ini ada pilihan. Sekarang ini kalau kita nak lalu jalan darat daripada katalah Johor Bahru, memakan masa 2 jam hingga 3 jam. Ada setengah orang tak sanggup menempuh perjalanan begitu jauh. Tapi kalau kita ada lapangan terbang kita sendiri, katalah untuk membenarkan *hawker* sebagainya mendarat, kita boleh membawa pelancong kita terus daripada Senai, Lapangan Terbang Senai ke Mersing dalam masa yang sama kita sebenarnya menggalakkan pulak industri, apa ni penerbangan, menggalakkan usahawan-usahawan tempatan macam mana nak menguruskan syarikat penerbangan, kerana kita nak terus beli Air Asia tak mampu.

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat...

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Kalau kita buat satu kapal terbang kecil kita ada 2, 3 biji...

YB Tan Sri Speaker : Masa.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Kita insya-Allah mampu Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Oleh kerana Tan Sri Speaker dah memberi amaran 3, 4 kali...

YB Tan Sri Speaker : Dah masa.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Saya sebagai seorang yang patuh dan hormat kepada ayahanda Tan Sri Speaker, sebagai kesimpulannya kita lihat bahawa Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar kita ini begitu mencakupi di luar kemampuan dan saya yakin kalau pihak pembangkang tanyalah diri masing-masing ada tak di antara kalian yang mampu jadi Menteri Besar sekarang boleh mengeluarkan idea itu. Saya pasti tuan-tuan pun tak berani nak mengangguk. Jadi kita lihat, kita dah ada pemimpin yang baik jadi bantulah pemimpin kita ini supaya terus menerus dapat memberikan idea yang bernas untuk memajukan negeri Johor dan saya mengharap sekali lagi Dewan yang mulia ini melihat kepada isu-isu yang saya bawa supaya isu nelayan ini dapatlah diberikan penekanan khusus kerana mereka inilah orang yang paling kuat bekerja. Mereka ini lah pemimpin-pemimpin tempatan yang sanggup berkorban sekian lama untuk memastikan kesinambungan kerajaan kita dan juga berilah tumpuan khusus kepada pasangan-pasangan luar bandar yang baru mendirikan rumah tangga untuk memiliki rumah. Berilah mereka rumah, fokus kita untuk memastikan selepas daripada ini sekurang-kurangnya sesiapa sahaja pasangan dalam negeri kita, anak Johor selepas dua hingga 3 tahun kahwin, dah mampu sekurang-kurangnya mendapat rumah sendiri.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Di sinilah kita akan membina satu keluarga yang bahagia, rakyat yang sejahtera dan penginapan yang indah. Sekian, assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Waalaikummussalam. Terima kasih Yang Berhormat Kukup. Selepas ini kita akan memanggil Yang Berhormat Tenggaroh sebagai penyokong kepada usul ini. Jadi sebelum itu saya tangguhkan Persidangan ini hingga 11:40 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Persidangan disambung pada jam 11.40 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Negeri disambung semula. Jemput, Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam Muafakat Johor. Terlebih dahulu Tenggaroh ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam rundingan membincangkan Bajet 2015. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tema Bajet 2015 Negeri Johor yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah membangunkan Johor secara inklusif, yang bertujuan memperbaiki taraf sosial ekonomi dan memberikan pelbagai

kesejahteraan hidup secara adil, saksama dan menyeluruh. Manakala tema Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah Ekonomi Keperluan Rakyat. Apa yang dapat dirumuskan melalui kedua-dua bajet ini ialah rakyat diutamakan dan bajet-bajet akan dirasakan oleh kesemua lapisan masyarakat. Tenggaroh ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor Dato' Seri Khaled Nordin kerana membentangkan bajet *surplus* 2 tahun berturut-turut, iaitu *surplus* lebih RM2 juta pada tahun 2014 dan menambah baiknya dari tahun 2015 dengan *surplus* RM3.8 juta.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Keluaran Dalam Negara Kasar KDNK sesebuah negara adalah satu cara untuk mengukuh ekonomi nasional. KDNK bermaksud jumlah nilai pasaran keseluruhan barangan dan perkhidmatan terakhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu, lazimnya pada dalam tahun kalendar. Ia juga mengambil kira jumlah nilai yang di campur pada setiap peringkat pengeluaran untuk barangan dan perkhidmatan terakhir yang dihasilkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu dan diberi dalam nilai wang. KDNK boleh dinilai melalui 3 pendekatan di mana pada prinsipnya ia semua mendapat hasil yang sama. Pendekatan-pendekatan ini adalah pendekatan :-

1. Pendekatan produk atau keluaran
2. Pendekatan pendapatan atau dengan izin, *income approach*
3. Pendekatan perbelanjaan atau dengan izin, *expenditure approach*.

KDNK bagi negeri Johor telah merekod nilai sebanyak RM72.28 bilion. Ini jelas menunjukkan ekonomi negeri Johor berada dalam keadaan sihat dan ini hanya boleh dilakukan melalui ketulusan dan kebijaksanaan oleh para-para pemimpin Kerajaan Negeri Johor yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin, Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, melalui Pelan Suara Hati Johor, yang merupakan satu pendekatan inovatif dalam membangunkan satu bentuk baru kerjasama dan penyertaan dalam tadbir urus, Yang Amat Berhormat telah menggariskan 5 strategi utama dalam Bajet 2015 iaitu :-

1. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan merangsangkan pelaburan.

2. Memangkin kesejahteraan hidup rakyat.

3. Membangunkan masyarakat berilmu dan berkemahiran bagi mendukung peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

4. Membudayakan inovasi kreativiti dan keusahawan yang berdaya saing global.

5. Memodenkan prasarana serta mengukuh kepercayaan awam terhadap pentadbiran dan institusi kerajaan.

Kelima-lima strategi utama ini berpadan dengan tema Bajet 2015 iaitu membangunkan Johor secara insklusif. Terdapat beberapa intipati-intipati dalam 5 strategi utama dalam Bajet 2015 yang menarik perhatian Tenggaroh.

1. **Menjadikan Johor Jauhari Selatan dan destinasi pelancong terbaik di Malaysia.**

Sektor pelancongan merupakan salah satu sumber ekonomi yang amat penting dalam negeri kita. Oleh itu kita harus menggunakan kelebihan yang ada pada negeri kita sepenuhnya supaya negeri kita dapat menjadi pusat pelancongan yang terkenal di Malaysia dan di dunia dan seterusnya membangunkan ekonomi negeri kita. Walau bagaimanapun untuk menjadikan Johor sebagai tempat destinasi utama di Malaysia dan dunia, peranannya hanya tidak terletak pada pihak Kerajaan Negeri. Tetapi pada pelbagai pihak yang lain khususnya para pengusaha pelancongan. Para pengusaha pelancongan diseru agar meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka oleh demikian operator pelancong bergerak seiring dan dengan perkasa kerajaan menarik kemasukan pelancongan dengan memastikan perkhidmatan yang ditawarkan selari dengan harapan pelancong yang datang. Kita tidak mahu senario indah khabar dari rupa akan menjahanamkan usaha promosi yang telah dilakukan. Maka para pengusaha tempat penginapan hendaklah menyediakan kemudahan yang kondusif selari dengan kehendak pelancong sama ada melibatkan hotel bertaraf 5 bintang mahupun penginapan inap desa. Tegasnya pengusaha pelancong yang bertindak sebagai barisan hadapan industri pelancongan wajar menyediakan perkhidmatan yang bertaraf dunia sesuai dengan taraf negeri, sebagai negeri membangun yang sedang menuju ke arah sebuah negeri maju.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

2. **Membudayakan sukan dan gaya hidup sihat untuk kebingkasan Malaysia.**

Sukan merupakan salah satu instrumen penting untuk mengeratkan hubungan perpaduan dan integrasi masyarakat. Hal ini demikian kerana kegiatan sukan dapat melahirkan semangat kekitaan dalam pasukan untuk meraih kemenangan. Sifat bersatu padu juga dapat dipupuk melalui penglibatan dan kegiatan sukan. Lantaran itu hubungan yang erat dapat melahirkan sebuah pasukan yang kuat. Para penyokong juga dapat menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di samping berkongsi minat dalam sukan yang sama. Dengan ini nilai-nilai perpaduan seperti bekerjasama, bertoleransi meletakkan kepentingan negara pasukan melebihi kepentingan diri dapat dilahirkan melalui penglibatan diri dalam sukan, dalam bidang sukan. Justeru, kegiatan sukan dapat mendidik masyarakat bekerjasama dan bersatu padu serta mengeratkan hubungan. Oleh yang demikian Tenggaroh menyokong langkah Kerajaan Negeri membina Larkin Central Park, Stadium Tertutup baru, Stadium bagi acara trek padang dan balapan dan juga membina gelanggang serba guna dan Gym Muafakat Johor dalam usaha Kerajaan menyahut seruan gaya hidup moden dan sihat golongan muda. Harap-harap Gym Muafakat Johor yang pertama dapat dibina di Tenggaroh.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

3. **Menyediakan tempat berlindung untuk membina keluarga yang kukuh.**

Dalam kehidupan manusia rumah merupakan tempat perlindungan untuk setiap insan berteduh dan beristirahat. Tanpa rumah manusia akan hidup

bergelandangan dan pelbagai masalah sosial akan berlaku. Berpunca daripada masalah sosial inilah akan memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Sebagai contoh anak-anak akan terbiar dan terjebak dalam pelbagai masalah sosial dan akhirnya modal insan berkualiti tidak dapat dibangunkan secara holistik bagi membina kemajuan negara. Oleh yang demikian, Tenggaroh menyambut baik saranan Kerajaan Negeri membina sebanyak mungkin rumah mampu milik oleh Kerajaan rakyat Johor. Rumah mampu milik dimiliki oleh rakyat Johor.

Komitmen Kerajaan Negeri dalam isu ini jelas kerana baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan Kerajaan Negeri meningkatkan sasaran pembinaan rumah mampu milik daripada 28,000 kepada 37,000 unit rumah di bawah kategori perumahan mampu milik yang akan dibina sehingga akhir tahun 2018. Ini jelas menunjukkan Dato' Khaled Nordin adalah seorang pemimpin dengan izin, *walks the talk*. Pujian juga harus diberikan kepada Johor Corporation kerana telah beri komitmen untuk membina sebanyak 8,000 unit rumah mampu milik. Pada masa yang sama keselesaan rumah tersebut juga wajar diberi keutamaan tertinggi. Rumah tersebut tidak boleh terlalu sempit dan perlu mempunyai keluasan sewajarnya agar penghuninya selesa. Pujian juga harus diberikan kepada Kerajaan Negeri kerana mengambil inisiatif untuk memberikan baucar RM1,000.00 kepada pembeli rumah kos rendah dan sederhana untuk mengurangkan beban pembeli daripada kos-kos seperti fi perjanjian jual beli, duti setem, deposit air dan letrik serta lain-lain. Melalui model perumahan rakyat yang holistik kebajikan majoriti rakyat akan terpelihara selaras dengan gagasan rakyat didahulukan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

4. Memperkasa agenda belia.

Sebagai seorang belia, saya menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan cadangan pembangunan hab belia tempatan di Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan hab belia antarabangsa dengan peruntukan sebanyak RM23.4 juta. Saya juga menyambut baik program sukarela Darul Ta'zim tetapi kurang selesa dengan peruntukan iaitu RM400,000.00 memandangkan golongan belia merangkumi 40% daripada jumlah penduduk Johor. Saya mencadangkan agar peruntukan ini dilipat gandakan pada RM800,000.00. Apa bila kita bercakap mengenai isu memperkasakan agenda belia, saya juga mencadangkan agar lebih banyak tempat diberikan kemudahan jalur lebar dengan izin, *internet* diberikan secara percuma khususnya di institut pengajian tinggi awam kerana kebanyakan pengguna di sana adalah belia. Ini sekali gus akan meringankan beban pelajar dan akan memberikan banyak manfaat kepada pelajar.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

5. Mengukuhkan agenda Johor dan merekayasa sosial.

Buat julung-julung kalinya seorang Menteri Besar, dalam Bajet negeri memberi peruntukan kepada masyarakat India khususnya. Ini tidak pernah berlaku di pembentangan bajet di mana-mana negeri lain seperti Selangor, Pulau Pinang

atau Kelantan. Ini hanya berlaku di Pembentangan Bajet Kerajaan Persekutuan sebelum ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam beberapa langkah interversi telah memastikan kepentingan masyarakat India terbela dalam telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM4 juta untuk tahun 2015 untuk mencakupi aspek pendidikan, kebajikan dan membantu pembangunan usahawan masyarakat India. Oleh yang demikian, sebagai seorang yang bersuara untuk masyarakat India di Dewan yang mulia ini, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Khaled Nordin daripada seluruh masyarakat India Johor. Dengan pemberian peruntukan ini jelas menunjukkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar peka terhadap kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat India. Di Kerajaan Pusat, terdapat Mesyuarat Kabinet Komiti yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, khususnya untuk menyelesaikan masalah masyarakat India. Perkara ini perlu di contohi oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya mencadangkan agar satu *Cabinet Comittee* atau *Special Task Force Comittee* ditubuhkan di Negeri Johor yang akan di Pengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membincangkan dan mencari jalan penyelesaian untuk masalah-masalah seperti isu tanah kuil, isu tanah perkuburan, peluang pekerjaan di sektor awam yang dihadapi oleh masyarakat India.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bajet 2015 yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar memang adalah satu bajet yang inklusif dan menyentuh semua lapisan masyarakat di Negeri Johor. Ianya memang padan dengan temanya iaitu 'Membangunkan Johor Secara Inklusif'. Walau bagaimanapun, mesti ada pihak yang akan mengata bahawa bajet ini tidak inklusif dan ianya hanya cantik di kertas tetapi proses *implementation* nya dengan izin, susah atau tidak akan dijalankan. Ini boleh berlaku di negeri lain, tapi di Johor, dengan barisan kepimpinan yang berwibawa yang di ketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin dan barisan EXCOnya saya yakin semua yang dijanjikan dalam Bajet 2015 akan dicapai.

Namun demikian, ada isu-isu yang akan dibangkitkan oleh sesetengah pihak. Antara isu yang akan dibangkitkan ialah kenaikan tol di Tambak Johor, CIQ. Pada 25 Julai, Kementerian Kerja Raya mengumumkan kadar baru tol ke arah Malaysia bagi kenderaan Kelas 1 hingga 5 masing-masing adalah RM9.70, RM4.70, RM19.70, RM4.80 dan RM7.80. Manakala kadar tol ke Singapura pula pada kadar RM6.80, RM10.20, RM13.60, RM3.40 dan RM5.50. Dengan kenaikan tol ini ada sesetengah pihak dan operator bas melakukan mogok di CIQ. Setahu saya terdapat lebih kurang 560 operator bas yang beroperasi membawa pekerja dari Malaysia ke Singapura. Tetapi pada hari tersebut, kurang daripada 5% operator bas yang melakukan mogok. Yang lain, iaitu lebih daripada 95% tidak pun terlibat dalam mogok tersebut. Ada pihak pula mengatakan bahawa lepas ini pekerja Malaysia akan kehilangan kerja kerana syarikat di Singapura akan mengambil pekerja di negara lain. Ini tidak logik, kerana syarikat yang mengaut keuntungan berjuta-juta akan mengambil pekerja dari negara lain untuk hanya kerana penambahan kos sebanyak RM400.00 sebulan, iaitu kurang daripada SD200.00 ini betul-betul tidak masuk akal kerana dengan mengambil pekerja dari negara lain, mereka perlu menyediakan *hostel* dan pelbagai kemudahan yang lain. Ini akan membuat mereka berbelanja berpuluh ribu Dolar Singapura.

Selain itu, ada pula yang katakan kenaikan tol di CIQ adalah tidak adil kerana mereka tidak menggunakan EDL , Eastern Dispersal Link, juga terpaksa menanggung tol di CIQ.

Manakala mereka yang menggunakan EDL tetapi tidak masuk ke CIQ dan keluar ke Singapura, tidak perlu membayar sebarang tol. Bagi Tenggaroh, kebanyakan pengguna EDL yang tidak masuk ke Singapura adalah rakyat Malaysia khususnya rakyat Johor. Oleh itu, kepentingan patut diberikan kepada rakyat kita terdahulu dan bukannya rakyat Singapura yang tidak membayar cukai jalan di Malaysia tetapi menggunakan fasiliti jalan di Malaysia. Singapura yang baru-baru ini menaikkan caj *Vehicle Entry Permit*(VEP) dengan izin, dari SD20.00 ke SD35.00. Jika Singapura berani mengenakan tol sedemikian tinggi kepada rakyat Malaysia, mengapa Malaysia tidak boleh mengenakan tol yang tinggi kenderaan Singapura? Pada masa ini juga, Tenggaroh juga menyokong idea Kerajaan Persekutuan untuk mengenakan VEP untuk kenderaan luar negara untuk memasuki negara kita.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, isu yang seterusnya yang hangat diperkatakan ialah GST, *Goods and Services Tax* dengan izin, GST diperkenalkan bagi memperbaiki dan menyusun semula sistem percukaian negara pada masa kini supaya lebih berkesan, saksama, efisien dan telus. Kerajaan mendapati cukai jualan dan perkhidmatan mempunyai kelemahan iaitu:

1. Bagi mengelakkan cukai terselindung yang menjadi kos pada harga air yang sebenarnya melampau akibat pengambilan untung berlebihan oleh para pemborong, peruncit dan peniaga.

2. Bagi mengelak cukai bertindih yang sebenarnya membebankan para pengguna yang dikenakan cukai sebanyak dua kali.

3. Bagi mengelak caj perkhidmatan yang disembunyikan, yang mana ia tidak diisytihar oleh para peniaga atau penjual barangan di dalam resit dan bil-bil kita bagi meningkatkan margin keuntungan mereka.

4. Bagi mengelak perbuatan segelintir golongan pengilang, pemborong, peruncit dan peniaga yang cuba elak dari bayar cukai dengan tidak isytihar sumber aliran dan jumlah pendapatan mereka.

5. Bagi mengelak perbuatan khianat ekonomi yang dilakukan oleh segelintir golongan peruncit dan peniaga yang sengaja menyorokkan barangan, mengurangkan sukatan, memonopoli barangan dan memanipulasi harga.

Perbuatan-perbuatan ini akan menyebabkan para pengguna terbeban dengan harga barang yang semakin mahal. Bekalan sukar diperolehi, rasuah penyeludupan dan penipuan berleluasa yang akan menjejaskan ekonomi dan kestabilan negara. GST bukan kos kepada perniagaan. Dengan perlaksanaan GST maka Indeks Harga Pengguna (IHP) dijangka akan turun bagi setengah barang dan perkhidmatan seperti pakaian, kasut, barangan hiasan, perkakasan rumah, penyelenggaraan dan komunikasi. Manakala IHP yang dijangka meningkat adalah minuman beralkohol, arak, tembakau seperti rokok dan cerut, pendidikan swasta, restoran di hotel, pawagam, SPA dan sebagainya. Produk dan perkhidmatan ini bukanlah satu keperluan yang kerap tetapi lebih kepada kemewahan dan bersifat sekali sekala. Untuk pendidikan swasta, kerajaan turut menyediakan pra dana PTPTN yang mana akan diberi percuma sebagai biasiswa jika seseorang pelajar itu cemerlang dalam pengajiannya. GST tidak meningkatkan kos perniagaan kerana ia adalah cukai

kepenggunaan. Cuma akibat penambahbaikan sistem cukai ini mungkin, berkemungkinan ada segelintir peniaga tidak terlepas dari pengisytiharan sumber aliran dan pendapatan mereka yang selama ini disorokkan dan mereka terpaksa membayar bila sistem percukaian GST dilaksanakan. Inilah dikatakan GST mampu mengelak ketirisan dan penyelewengan dalam perniagaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, selaku Ahli Dewan Negeri kawasan Tenggaroh, ingin saya nyatakan sedikit isu kawasan Tenggaroh dalam Rundingan Bajet 2015. Tenggaroh berada dalam delima untuk mengetahui dengan lebih jelas berkaitan status sebenar bandar Mersing. Adakah ia Bandar Pelancongan atau bandar Perfanian? Jika kita melihat pembangunan di daerah Mersing ianya hanya sebagai sebuah bandar pertanian. Ini kerana pelancongan yang berlaku di Mersing hanya sebagai laluan para pelancong untuk ke Tioman. Para pelancong dari luar negara atau tempatan hanya singgah seketika di Mersing dan tidak membelanjakan wang mereka secara langsung di Mersing tetapi sebaliknya mereka lebih banyak berbelanja di Pahang. Kerajaan Negeri perlu mendukung daerah Mersing dan bukan hanya ketek. Mersing memerlukan satu bentuk pembangunan secara holistik sebagaimana di daerah Kota Tinggi. Apabila pembangunan bandar ini terlaksana, maka hasrat untuk memberi kekayaan kepada penduduk kampung-kampung akan tercapai. Saya melihat Mersing perlu dibangunkan dan diberi imej sebenar bandar itu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, penghijrahan tenaga muda ke bandar merupakan satu fenomena biasa kepada mana-mana kawasan bukan hanya di Mersing. Tetapi jika kita dapat menyediakan peluang kerja setempat maka penghijrahan ini akan dapat dikurangkan. Saya melihat kampung tradisional hanya tinggal orang-orang tua sahaja. Sedangkan tenaga muda yang diperlukan di kampung semuanya mengejar impian mereka berhijrah ke bandar untuk melangsungkan kehidupan mereka. Di DUN Tenggaroh masih banyak kawasan yang boleh dijadikan kawasan industri dan pelancongan bagi memberi peluang kepada generasi muda mendapatkan pekerjaan. Pengambilan pekerja asing perlu dihadkan bagi memberi peluang terlebih dahulu kepada anak muda tempatan mendapatkan pekerjaan. Jika perancangan ini tidak dapat segera dilaksanakan maka akan lebih ramai anak muda berhijrah ke bandar. Dan apa yang saya bimbangkan adalah cara pemikiran mereka akan berubah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin memberi gambaran berkaitan perlaksanaan pembinaan jalan-jalan di daerah Mersing. Yang pertama adalah pembesaran jalan gugusan Tenggaroh ke Tanjung Leman. Pembinaan by pass dari Batu Enam Jalan Kota Tinggi Mersing ke Batu Tiga Jalan Mersing Endau, yang sudah sekian lama dirancang dan sudah ditaklimatkan, namun perlaksanaannya masih kabur. Jalan ini diperlukan ekoran kesesakan lalu lintas di bandar Mersing yang hanya ada satu jalan sahaja melalui satu jambatan untuk ke Kuantan dan Utara-Timur semenanjung. Begitu juga dengan pembinaan jalan persisiran pantai dari Sedili ke Tanjung Leman dan Jemaluang seterusnya ke Mersing. Satu lagi jalan yang difikirkan penting adalah pembinaan jalan baru dari FELDA Tenggaroh 7 ke Jalan Jemaluang sejauh 10km dengan kos sebanyak RM20 juta. Jalan ini sudah banyak di sebut sejak 1997 yang lalu, namun masih belum nampak tanda-tanda untuk dilaksanakan. Jika jalan-jalan ini dapat di bina dan disiapkan maka kerancakan ekonomi kepada penduduk setempat akan berlaku. Jalan ini dikait dengan kemudahan pengangkutan dari Tenggaroh ke Pasir Gudang melalui Sedili dan Bandar Penawar terus melalui lebuh

raya baru ke Pasir Gudang. Tidak mustahil lagi mengapa kawasan Tenggaroh tidak boleh dibangunkan dengan kawasan industri bagi memberi peluang pekerjaan kepada generasi muda.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, gugusan Tenggaroh merupakan satu kelompok perkampung yang besar mengandungi keseluruhan penduduk lebih kurang 20,000 orang. Tetapi kawasan ini tidak mempunyai kemudahan Pejabat Pos, Balai Bomba dan Balai Polis. Hanya satu bank sahaja yang terdapat di kawasan ini iaitu Agro Bank. Sedangkan pada masa ini pendapatan peneroka di kawasan ini dibayar melalui akaun bank. Keperluan asas ini memang amat penting. Ekoran beberapa kejadian kebakaran yang berlaku, ianya langsung tidak dapat di atasi ekoran jarak antara Tenggaroh dan Mersing adalah 45 minit perjalanan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya amat mengharapkan ucapan rundingan saya tidak hanya tinggal ucapan, namun apa yang saya harapkan adalah kesan dari apa yang saya sampaikan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mencadangkan supaya elaun-elaun Ahli-Ahli Dewan Negeri dinaikkan kepada satu kadar bersamaan Gred 54 kerana beliau peka akan tuntutan tugas Ahli-Ahli Dewan Negeri yang semakin mencabar. Moga-moga agar gaji yang akan diberikan terletak dekat pada had maksimum gaji Gred 54 dan bukan pada had minimum Gred 54 (dewan bertepuk). Dengan ini, saya mohon menyokong rundingan yang dibawa oleh Kukup. Sekian terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pendek aje. Jemput Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ucapkan terima kasih terlebih dahulu sebab diberikan kesempatan untuk berbahas dalam Bajet Negeri Johor 2015. Yang pertama, untuk makluman Dewan yang mulia ini, menurut Fasal 38 (4) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Negeri, Penyata Kewangan 2013 sebenarnya dikehendaki dibentangkan pada sidang Dewan sesi ini untuk mempertimbangkan Bajet 2015. Dengan dukacita di peringatkan bahawa walaupun Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2013 telah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara pada 26 Februari tahun ini, kerajaan tidak membentangkan, tidak dapat membentangkan penyata kewangan berkenaan semasa sesi Persidangan Bajet 2014 dan 2015 dua tahun berturut-turut yakni bercanggah dengan Fasal 38(4), Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Negeri. Sebagai pembuat Undang-Undang kita kena ambil berat apa yang termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri yang menjadikan asas untuk kerajaan ini. Kerajaan Negeri sewajarnya memberikan penjelasan apa sebabnya penyata kewangan tahun yang lalu gagal dibentangkan semasa sesi persidangan bajet ini. Oleh itu, saya mencadangkan bahawa supaya sesi persidangan bajet pada tahun depan diadakan pada bulan Disember supaya penyata kewangan tahun ini dapat dibentangkan semasa sesi Persidangan Bajet 2016 pada tahun depan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2013 berjumlah RM1.37 bilion telah meningkat sejumlah RM627.64 juta atau 57% berbanding dengan tahun 2012 yang berjumlah 1.1

bilion. Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2013, peningkatan ini adalah disebabkan oleh kutipan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai meningkat dengan ketara antara 10 juta hingga 334 juta atau 3.5% atau 148% pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012. Anggaran hasil pendapatan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2015 adalah RM1.24 bilion berbanding dengan RM1.26 bilion pada tahun 2014. Maknanya menurun sebanyak 1.6%. Untuk meningkatkan lagi hasil pendapatan Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Negeri sewajarnya memperbaiki lagi ketelusan kutipan hasil bukan cukai. Khasnya termasuk faedah dan perolehan daripada pelaburan khasnya pulangan daripada syarikat berkaitan kerajaan atau GLC dan pendapatan daripada projek-projek perswastaan. Anggaran hasil pendapatan daripada faedah pelaburan Kerajaan Negeri menurun dari RM101 juta pada tahun 2014 kepada cuma RM84 juta pada tahun 2015. Hasil pendapatan dari projek-projek perswastaan menurun daripada RM56 juta kepada RM25 juta sahaja bagi tempoh yang sama.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, di sebaliknya, pulangan GLC kepada kerajaan negeri tidak pernah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu penyata yang amat penting yang perlu Di maklumkan kepada semua Ahli Dewan dan juga kalangan awam. Menurut Garis Panduan Perbendaharaan Negara, sesebuah syarikat berkaitan kerajaan dikehendaki memulangkan sekurang-kurangnya 10% keuntungan sebelum cukai kepada, setahun kepada kerajaan. KPRJ, SAJH dan Perbadanan Johor merupakan syarikat kerajaan negeri Johor yang paling besar dari segi operasi, keuntungan dan pemilikan aset. Oleh yang demiklan, bagi mempertingkatkan hasil pendapatan bukan cukai, pengurusan GLC perlu diperbaiki dan dipertambah baik prestasi seperti berikut ini :

1. Memperbaiki ketelusan keadaan kewangan GLC kerajaan negeri khasnya Perbadanan Johor, KPRJ, SAJH Sdn. Bhd. dan subsidiari lain dengan sekurang-kurangnya penyata kewangan tahunan dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk semakan Ahli-Ahli Dewan. Malangnya, ketiadaan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dibentangkan pada tahun ini, malahan Penyata Kewangan SAJH, KPRJ tak pernah di bentang di Dewan ini. Ini adalah merupakan tanggungjawab kerajaan untuk membentangkan laporan dan penyata kewangan GLC setiap tahun kepada Dewan yang mulia ini untuk makluman Ahli-Ahli Dewan dan kalangan awam.

2. Untuk menjimatkan kos pengurusan GLC, Ahli-Ahli Lembaga yang berlatar belakang politik tanpa kepakaran pengurusan, sepatutnya dipastikan emolumen-emolumen mereka adalah tidak membebankan perbelanjaan GLC pada tahap yang munasabah. Bilangan Ahli-Ahli Lembaga GLC yang berlatar belakang politik perlu diminimumkan.

3. Anak-anak syarikat yang *dormant* sewajarnya digulung dan aset dipindah kepada syarikat induk supaya GLC diuruskan dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat, Dato' Timbalan Speaker, kerajaan negeri seharusnya mengkaji kaedah untuk mengawal kos perbelanjaan mengurus yang semakin meningkat serta menyusun semula bidang awam. Perbelanjaan mengurus kerajaan meningkat 21% daripada RM914 juta pada tahun 2012 kepada RM1.11 bilion pada tahun 2013. Justeru, meningkat 16% daripada RM1.6 bilion pada tahun 2014 kepada RM1.24 bilion pada tahun 2015. Oleh itu, strategi untuk membangun negeri Johor adalah

mengurangkan liabiliti dan perbelanjaan kerajaan, mempertambahkan hasil pendapatan bukan cukai dengan mempertingkatkan prestasi dan ketulusan GLC serta meningkatkan peruntukan dan prestasi projek pembangunan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pada tahun 2015, cuma RM155 juta peruntukan sebagai pemberian kerajaan persekutuan yang akan diterima oleh kerajaan negeri, tetapi cuma RM45 juta digunakan untuk projek persekutuan. Berbanding dengan Bajet 2015, kerajaan persekutuan yang menelan RM273 bilion dalam bajetnya, Bajet Kerajaan negeri Johor cuma RM1.6 bilion termasuk perbelanjaan mengurus, RM1.2 bilion dan juga RM366 juta untuk perbelanjaan pembangunan berbanding dengan jumlah hasil pendapatan RM1.239 bilion.

Adalah kesimpulan, Bajet kerajaan negeri Johor cuma merupakan 0.58% daripada Bajet kerajaan persekutuan. Malahan Bajet 2015 akan mengalami defisit sebenarnya sebanyak RM360 juta. Anggaran lebihan Bajet 2015, RM3.8 juta adalah maklumat yang mengelirukan serta disyaki memberi maklumat sesat kepada Dewan yang mulia ini. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dalam penyata ini asingkan perbelanjaan pembangunan dikecualikan daripada sebahagian perbelanjaan kerajaan negeri. Kalau masuk perbelanjaan pembangunan, sebenarnya kita ada defisit RM360 juta seperti cara, kaedah dibentangkan dalam Bajet Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri cuma 22% dari Bajet 2015, 78% adalah perbelanjaan mengurus. Oleh itu, kerajaan sepatutnya menumpukan pembangunan infrastruktur dan kemasyarakatan. Dengan gembar-gemburnya, kerajaan persekutuan akan melaksanakan GST sebanyak 6% pada tahun depan, di mana 3% sepatutnya disalurkan kepada Kerajaan negeri ; dengan 2% Kerajaan Tempatan, 1% untuk pembangunan negeri dan setempat seperti yang dilakukan di negara-negara maju. Sebahagian GST sepatutnya disalurkan kepada PBT dan Kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan peri manusia dan kemasyarakatan termasuk menubuhkan taska, tadika, rumah orang tua, pusat rawatan hemodialisis, kemudahan awam dan pengangkutan awam dan kebajikan lain.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kos EDL adalah, pembinaan kos EDL adalah RM1.62 bilion termasuk kos pembinaan, kos pengambilan tanah dan kos kewangan. Malahan kos penyelenggaraan EDL adalah RM723 juta untuk tempoh konsesi 34 tahun berbanding dengan kutipan tol dijangka adalah RM4.3 bilion, maka keuntungan MRCB Prasarana Sdn. Bhd. dijangka akan beruntung sejumlah RM2,304 juta atau RM2.304 bilion. Malahan, wang KWSP dan Tabung Haji digunakan untuk pembinaannya.

Bagi sesebuah kereta keluar masuk Tambak Johor, tol sebanyak RM18.50 dikutip sejak 1 Ogos tahun ini; antaranya, RM2.90 adalah kutipan PLUS dan RM15.60 adalah kutipan untuk MRCB. Kerajaan sewajarnya berjawab kepada keadaan yang merunsing ini kenapa lulus dua syarikat MRCB dan PLUS dibenarkan mengutip tol serentak di KIK Iskandar. Jika dikatakan EDL di bawah penyelenggaraan MRCB Prasarana Sdn. Bhd., maka pembinaan dan penyelenggaraan Lingkaran Dalaman Johor Bahru dan Lebuh raya Pesisiran Pantai adalah di bawah JKR dengan pengecualian cukai kerajaan. Kos pembinaan Lebuh raya Pesisiran Pantai cuma menelan RM946 juta dan kos pembinaan Lingkaran Dalaman Johor Bahru termasuk 2 persimpangan bertingkat adalah RM170 juta sahaja.

Kos penyelenggaraan Lebuh raya Pesisiran Pantai adalah RM523,000.00 setahun sahaja; Lingkaran Dalam Johor Bahru, RM197,816.00 setahun. Jika jumlah kos pembinaan bersama Lebuh raya Pesisiran Pantai 23 km panjangnya dan Lingkaran Dalaman Johor Bahru 4.6 km jaraknya adalah RM1,116 juta dan penyelenggaraan cuma RM720,000.00 setahun untuk jaraknya adalah 27.6 km. Berbanding dengan kos pembinaan EDL RM1,262 juta, penyelenggaraan adalah RM21 juta satu tahun untuk jaraknya adalah 81 km. Kenapa PLUS dibenarkan mengutip tol lagi walaupun kedua-dua kos pembinaan Lebuh raya Pesisiran Pantai dan Lingkaran Dalaman Johor Bahru adalah ditanggung oleh kerajaan?

Kos penyelenggaraan EDL adalah RM2.6 juta satu kilometer satu tahun iaitu 100 kali ganda berbanding dengan kos penyelenggaraan Lebuh raya Pesisiran Pantai dan juga Lebuh raya Lingkaran Dalaman Johor Bahru dengan cuma RM26,000.00 satu kilometer satu tahun. PLUS telah mengutip tol sejumlah RM120 juta di Tol Senai Lama yang telah dihapuskan antara tahun 1984 dan tahun 2004 dan dijangka PLUS telah mengutip antara RM800 juta hingga RM1.5 bilion di KIK Johor Bahru lama dan juga Johor Bahru KIK Iskandar baru antara tahun 1984 dan tahun 2014. Tanpa memberikan sebarang khidmat lebuh raya bercantum dengan KIK Johor Bahru lama ataupun KIK Iskandar baru dengan Lebuh raya Utara Selatan.

Oleh itu, penyelesaian masalah tol yang menampung lima kali ganda di KIK Iskandar adalah PLUS sepatutnya menanggung kos pembinaan EDL dan konsesi mengutip KIK Iskandar oleh PLUS sewajarnya diberhentikan dengan segera, malahan PLUS tidak menunai konsesi asal lebuh raya utara-selatan yang bermula dari Bukit Kayu Hitam hingga KIK Johor Bahru.

Jika sebahagian besar kos pembinaan EDL ditanggung oleh PLUS, tol di KIK Iskandar sepatutnya ditentukan pada paras lebih rendah atau dihapuskan sekaligus jika PLUS telah mengutip tol selama 30 tahun tanpa menyediakan lebuh raya yang dimasukkan oleh konsesi asalnya dan diwajibkan menanggung kos pembinaan EDL. Kutipan tol di KIK Iskandar perlu disusun semula.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman Dewan ini, kalau VEP dikutip, kita setuju sebab VEP adalah merupakan cukai yang dikutip oleh kerajaan. Dan kalau VEP dikutip dan digunakan untuk meringankan beban pengguna jalan raya khasnya tambak johor, kita setuju. Tapi kerajaan tak nak VEP sebab mereka nak mengutip tol ini untuk menyara kroni-kroni mereka atau GLC tertentu. Saya mencabar kalau kerajaan persekutuan berani menghapuskan tol dan melaksanakan VEP dan dikenakan kepada kenderaan pendaftaran negara asing yang bukan dibawa oleh orang Malaysia, warga Malaysia, kita setuju Jangan membangkitkan isu perkauman atau isu seolah-olahnya kita berperang dengan negara ini tanpa memahami konsesi yang bertindih di mana seluruh dunia dan Malaysia pun di satu tapak yang sama, dua syarikat yang mengutip tol? Berikan penjelasan, silakan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Hutan Bakau Simpanan Sungai Pulai yang mempunyai keluasan asalnya 9,126 hektar tetapi cuma 6,740 hektar masih lagi, belum lagi, masih lagi dalam proses diwartakan sebagai Tapak RAMSAR pada 21 Januari 2003 dengan nombor RAMSAR 1288. Malangnya, seluas 2,386 hektar Hutan Bakau Simpanan Kekal Sungai Pulai iaitu hutan

bakau dan tanah lembap berstatus warisan pusaka negeri ni yang paling luas di Semenanjung Malaysia telah diperuntukkan kepada sebuah syarikat swasta untuk katanya, untuk pembangunan campuran, apa maksudnya pembangunan campuran? Kondominium mahal, mungkin saya Di maklumkan bahawa akan dibina kasino dan litar lumba F1.

Adakah ini untuk kepentingan negeri Johor? Kita mempersoalkan. Ini adalah warisan pusaka negeri kita dan diperuntukkan walaupun dinafikan oleh Menteri Besar pada bulan Januari bahawa kasino tidak akan dibenarkan di negeri Johor. Tetapi ada taikun, orang kaya telah dapat diperuntukkan tanah ini dan diluluskan adalah Hutan Simpanan Kekal Sungai Pulai yang menyara sekurangnya 40 kampung-kampung Melayu tradisi yang sara hidup mereka kebanyakan adalah bergantung kepada perikanan.

Menurut laporan *United Nation Development Programme*, dengan izinnya, kalau kita menghapuskan 2,380 hektar hutan bakau ini, kita sebenarnya akan menghapuskan, memusnahkan sebanyak bernilai RM1.7 billion hasil perikanan setahun di negeri Johor. Maknanya lebih kurang 30% penghasilan perikanan di negeri Johor, 12% hasil perindustrian perikanan di seluruh Malaysia. Begitu besar impaknya ekonomi kepada negeri kita. Orang yang kata ekonomi yang *inclusive*...

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat. Saya bukan nak bangkit apa-apa, cuma 45(1) mintalah YB Skudai tengok Speaker lah kalau cakap, bukan tengok kita.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dia dah jemu tengok saya. (Dewan ketawa)

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta maaf Dato' Timbalan Speaker, saya ingat ini, saya terlupalah, saya ingat ini tempat ceramah dan mempengaruhi orang sebelah sana supaya mereka sedar apa yang berlaku di negeri ini. (Dewan bertepuk).

Begitu penting ya Dato' Speaker, saya mencadangkan bahawa pembangunan lestari mesti disanjungi di mana impak alam sekitar dan sosioekonomi sewajarnya Di maklumkan kepada Dewan ini. Hasil rasional untuk memusnahkan hutan bakau simpanan kekal dan tapak RAMSAR yang telah sebenarnya sebagai hutan simpanan kekal telah diwartakan pada tahun 1930. Maknanya kerajaan penjajahan British masih memerintah di tanah ini. Kalau kita berbanding dengan orang putih, kalau kita tidak dapat mempertahankan warisan pusaka kita sendiri malulah saya nak berdepan dengan bekas penjajah negara kita.

Untuk makluman Dewan ini, kita kena ambil serius berkenaan isu ini. Saya tak kira taikun itu bangsa Cina ke, Melayu ke, India. Bangsa kita sendiri kalau buat salah, kita membantah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya Pakatan Rakyat telah ambil, tidak menolak sebarang bentuk pembangunan untuk negeri Johor termasuk *Forest City*. Namun pembangunan tersebut hendaklah memenuhi beberapa syarat termasuk :

1. Mengambil kira dasar perumahan rakyat Johor yang diperkenalkan pada tahun 2013. Sekurang-kurangnya 40% pembangunan adalah merupakan rumah kos rendah dan rumah mampu milik untuk rakyat Johor;

2. Tidak menjejaskan kualiti alam sekitar;

YB Dato' Timbalan Speaker : Itu saya rasa dasar tu berterusan.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya?

YB Dato' Timbalan Speaker : Tapi, di Penang tak ada langsungkan.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Oh, Penang itu bukan bidang kuasa saya. Bukan negeri saya. Dia tak menjejaskan kepentingan termasuk sumber pendapatan mana-mana rakyat yang menerima kesan langsung dan tidak langsung daripada projek yang dijalankan. Pakatan Rakyat Johor bersedia bekerjasama dengan pihak pemerintah untuk menubuhkan suatu jawatankuasa terpilih Alam sekitar untuk menyemak dan mengkaji EIA Forest City oleh Ahli di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, projek Forest City merentasi kawasan laut yang sensitif termasuk Padang Rumbun laut Merambung seluas 38 hektar di antara Pulau Merambung dan juga Link Kedua, Padang Rumpun laut Tanjung Adang seluas 11.9 hektar dan hutan bakau simpanan kekal Sungai Pulai yang menyara 30% industri perikanan di negeri Johor atau 12% seluruh Malaysia.

Oleh itu, kepentingan tidak dapat dinafikan. Industri perikanan dan alam sekitar perlu dipertahankan walaupun projek Forest City akan mendatangkan *effect* ekonomi yang masih tidak menentu. Pembangunan lestari mesti disanjungi yakini *history* seperti perikanan sepatutnya dipertahankan kerana pembangunan bukan sahaja ditentukan dengan bangunan-bangunan pencakar langit tetapi rezeki harian orang kampung, warisan pusaka dan alam sekitar yang berkekalan adalah asas kemajuan negeri kita.

Yang berhormat Dato' Timbalan Speaker, baru-baru ini seorang penunggang motosikal telah mati kerana bertembung dengan sebuah bas pekerja yang membuat pusingan 'U' secara haram di Jalan Sri Pulai, Taman Sri Pulai. Maka sistem jalan raya sepatutnya dibaiki supaya dijadikan lebih mesra kepada pengguna jalan raya yang kurang berupaya seumpamanya pejalan kaki, penunggang motosikal dan penunggang basikal.

Pertama, pada beberapa tahun dahulu dalam Dewan ini saya pernah mencadangkan pejalan kaki, lintasan *zebra* dan jejantas diutamakan di kawasan perumahan sebab terdapatnya kebanyakan kawasan perumahan ketiadaan pejalan kaki dan lintasan *zebra* yang berbahaya kepada pejalan kaki. Saya bersyukur dan memerhatikan pejalan kaki telah dipasang di sepanjang Jalan Tun Aminah, Taman Ungku Tun Aminah, Skudai. Maka diharapkan pejalan kaki di kawasan perumahan lain akan diutamakan oleh semua PBT di negeri Johor.

Kedua, untuk pertimbangan JKR, lorong khas bagi penunggang motosikal dan basikal di lebuh raya dan kawasan perumahan sewajarnya diutamakan oleh semua PBT untuk mengurangkan kemalangan jalan raya terhadap mereka.

Ketiga, zon-zon khas di kawasan perumahan dan kawasan perindustrian perlu diwajibkan untuk keperluan tempat meletak bas pekerja, bas sekolah dan lori pengangkutan, kenderaan besar terletak di kawasan perumahan adalah mengakibatkan kemalangan jalan raya yang boleh dielakkan jika sistem jalan raya dan pengangkutan awam diperbaiki.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebagai kesimpulan saya memerhatikan semasa penutupan Kembara Mahkota tahun ini kekurangan Ahli-Ahli Dewan di sebelah sana, *Back Bencher* yang menghadiri. Saya rasa kita kena menjunjung taat setia kepada Duli Yang Amat Mulia Sultan dan juga Sultan Negeri Johor. Oleh itu, pada tahun akan datang saya menjemput ahli-ahli Dewan yang sebelah sana, kita bersama menghadiri dan menyertai Kembara Mahkota. Saya cadangkan kalau boleh kita semua kena merasai kesusahan orang Johor khasnya mereka yang bekerja di Singapura, pagi pukul 3-4 kita tunggu di KIK, Iskandar, berjalan kaki ke sebelah sana, pembatasan Singapura dan negeri Johor, kita patah balik kita naik bas, lagi kita naik kereta api itu dimiliki oleh KTM. Kita tengok bagaimana susahnya orang berebut-rebut nak naik bas dan kereta api untuk bekerja di luar negara.

Kalau Malaysia, negeri Johor diuruskan dengan baik, orang Singapura yang sepatutnya naik motosikal tiap-tiap pagi datang ke Johor Bahru, Iskandar Malaysia mencari rezeki. Saya janji satu hari, kalau Pakatan Rakyat menjadi kerajaan negeri Johor kita akan pusing balik pembangunan ekonomi supaya negeri Johor lebih canggih daripada Singapura. Orang Singapura akan menaik motosikal bekerja di Johor Bahru. (Dewan bertepuk). Sekianlah, terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Moga-moga niat Yang Berhormat itu akan terkabul, kalau Yang Berhormat dipilih semula oleh pemimpin DAP ya. Jemput, Tuan Haji, eh minta maaf. Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Saya ingin membacakan maksud firman Allah SWT di dalam Al-Quran "Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan cara yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada para penguasa kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian daripada harta manusia dengan berbuat dosa ketika kamu mengetahui salah laku tersebut" – surah Al-Baqarah, ayat 198.

Dato' Timbalan Speaker, Islam telah mengingatkan penganutnya agar berlaku amanah (tidak mengambil) harta rakyat melalui pelbagai cara terutamanya para pemimpin kerana mereka mempunyai kuasa dan ruang yang terbuka luas untuk melakukan perkara yang seumpama itu. Pemimpin juga diingatkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran supaya tidak menerima rasuah dari rakyat yang inginkan sesuatu kemudahan melalui jalan pintas untuk mencapai apa yang dihajati dengan cara memberi rasuah itu. Ini menunjukkan betapa tanggungjawab pemimpin terlalu mudah mendapat pahala berbanding dengan rakyat yang dipimpin apabila kita sebagai pemimpin mengikut kehendak dan tunjuk ajar dari Rasulullah SAW melalui bimbingan Al-Quran.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin memetik kata-kata Tun Dr. Mahathir, mantan Perdana Menteri yang pada hari semalam telah menulis di dalam blog dia Che Det. Beliau mendakwa bahawa beliau mengkritik pentadbiran Dato' Seri Najib dan kali ini mendakwa pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia sama seperti rasuah. Sebab, beliau berkata tambahan pula pemberian BR1M itu dibuat ketika hampir dengan pilihan raya atau disenaraikan di dalam manifesto pilihan raya. Tindakan ini menurut beliau menunjukkan persepsi bantuan itu bertujuan mendapat undi dan ianya tidak dinafikan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Kukup yang kata kami ini seolah-olahnya bila tak sokong satu-satu isu atau satu-satu pembangunan kerajaan boleh dianggap pengkhianat. Saya nak tanya, adakah Tun M ni memberi pandangan begitu dianggap macam mana ek?

Yang kedua, saya ingin menyatakan sekiranya GST yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2015 bulan April akan datang dan seterusnya, jika GST tidak membebankan seperti kata YB Tenggaroh, bagaimana pendapatan kerajaan yang diperolehi sebelum perlaksanaan GST sekadar 13 bilion setahun. Tetapi anggaran kerajaan apabila GST ini dilaksanakan mengikut kajian yang dibuat oleh pihak kerajaan, kerajaan mendapat anggaran keuntungan ataupun pungutan tadi daripada 13 kepada 28 hingga 30 bilion. Siapa yang bayar? Daripada mana dapat?

Untuk perhatian kepada Ahli Dewan dan semua yang hadir pada tengah hari ini, yang bayar semua rakyat, daripada kecil sampai tua, yang terlantar baring pun membayar. Kalau dulu yang membayar mereka yang memang berpendapatan, sekarang ini yang tidak ada pendapatan pun kena bayar.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat boleh buktikan tu?

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Ya, terus lagi. Berhenti?

YB Dato' Timbalan Speaker : Boleh buktikan tu, yang terlantar pun kena bayar?

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Contohnya bila dia beli *pampers*, beli barang-barang keperluan yang berkaitan dia terpaksa kena bayar GST juga. Itu hujah saya.

Isu perumahan, di mana golongan berpendapatan rendah dan sederhana sukar membeli rumah kerana harga rumah terlalu mahal. Keghairahan kerajaan untuk melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan, GST yang regresif pada kadar 6% perlu dipersoalkan dan perlu dipertimbangkan. Regresif di sini bermaksud kesan bebanan cukai akibat GST adalah lebih besar kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah berbanding dengan golongan berpendapatan tinggi. Kefahaman mengenai barangan kadar sifar, *zero rated* dan barangan tidak dikenakan cukai, *exempted*, dengan izin perlu diterapkan kepada rakyat diperjelaskan dengan betul. Perbezaan antara keduanya adalah barangan kadar sifar, *zero rated* tidak akan terdedah kepada risiko kenaikan harga manakala barangan yang dikatakan tidak dikenakan cukai, *exempted* boleh dinaikkan harganya kerana para peniaga enggan menelan kos-kos akibat perlaksanaan GST.

Laporan indeks harga rumah oleh firma penyelidikan, Global Net Franks pada Jun 2014 menunjukkan Malaysia berada pada tempat ke-15 dalam senarai harga rumah tertinggi di dunia. Menurut Persatuan Pemaju Perumahan (REHDA) harga rumah akan terus meningkat 3 hingga 4%. Bayangkan kalau 100,000 ada peningkatan 3,000 hingga 4,000 begitulah seterusnya. Bila mana GST dilaksanakan pada 1 April 2015, walaupun sektor hartanah kediaman tidak dikenakan GST (exempted) di mana pemaju tidak boleh kenakan output GST dan juga tidak boleh tuntut input GST tetapi bahan binaan dan fi profesional dikenakan GST kepada pemaju jadi pemaju akan serapkan kos ini dengan harga rumah.

Saya mencadangkan bagi mengelakkan kenaikan dalam harga tanah hartanah kediaman bila mana GST dilaksanakan, kita pun boleh urus Insya-Allah, walaupun Kukup kata siapa boleh jadi menggantikan MB, Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan, MB Pakatan Rakyat, kita boleh urus negeri, insya-Allah. (Dewan bertepuk).

Kita cadangkan, bagi mengelak kenaikan dalam hartanah kediaman bilamana GST dilaksanakan, sektor hartanah kediaman hendaklah dikategorikan sebagai pelepasan cukai pada kadar *zero, zero rated* di mana pemaju tidak boleh kenakan *output* GST tetapi boleh menuntut *input* GST. Cadangan penyelesaian bagi membolehkan rakyat yang berpendapatan rendah kurang RM3,000.00 sebulan dan sederhana di antara RM3,000.00 hingga RM6,000.00 sebulan, kerajaan perlu menguatkuasakan Dasar Perumahan Rakyat Johor, *Johor Public Housing Policy*, dengan izin, yang dibentangkan dalam bajet tahun lepas di mana bagi kawasan perumahan melebihi 5 ekar. 54% unit yang dibina hendaklah terdiri daripada perumahan kos rendah dan mampu milik.

Sebagai contoh, rumah kos rendah yang berharga RM42,000.00 hingga RM50,000.00 kuotanya 5% bagi berpendapatan rakyat kurang daripada RM3,000.00. Rumah kos sederhana yang berharga RM80,000.00, kuota pembinaan 10% dengan rakyat yang berpendapatan kurang daripada RM4,500.00. Rumah Mampu Milik Johor yang berharga sekitar RM120,000.00 hingga RM150,000.00 kuota pembinaannya 20% yang mana pendapatan bagi rakyat yang berpendapatan kurang daripada RM6,000.00. Manakala, kedai kos sederhana sebagaimana yang dicadangkan oleh rakan saya tadi daripada Kukup tak silap, kalau duduk di bandar memang kita tidak boleh nak maju, tak boleh mampu membeli kedai, maka kerajaan kena peruntukkan sekurang-kurangnya 5% rumah ataupun kedai, rumah kedai yang berharga sekitar RM200,000.00 di mana ini mampu insya-Allah dibeli oleh rakyat di peringkat bawahan.

Bila telah menjadi polisi, tidak seharusnya ada pengecualian dalam perlaksanaannya. Masalahnya sekarang, terdapat kawasan perumahan baru khususnya di Iskandar Malaysia yang dikecualikan daripada polisi ini. Apakah Iskandar Malaysia hanya layak diduduki oleh mereka yang berpendapatan tinggi atau warga asing sahaja? Lembaga Perumahan dan Hartanah yang baru kita luluskan boleh memainkan peranan dalam memastikan Dasar ini dipatuhi oleh semua pemaju perumahan di Negeri Johor.

Yang kedua, cadangan kami, pemaju perumahan tidak berminat membina rumah kos rendah dan mampu milik yang harga jualannya dikawal oleh kerajaan seperti rumah kos rendah pada harga RM35,000.00 atau RM42,000.00. Sedangkan kos binaan, kos tanah, kos pinjaman bank lebih daripada kos yang berkaitan. Saya mencadangkan, selain menganggap pembinaan perumahan kos rendah dan mampu milik ini sebagai

tanggungjawab sosial atau kemasyarakatan pihak pemaju, *corporate social responsibility*, kerajaan dalam masa yang sama boleh memberi galakan atau insentif kepada pemaju bagi mengurangkan kerugian pemaju dalam membina perumahan kos rendah dan mampu milik. Antara cadangannya, insentif yang boleh diberi adalah seperti :

1. Pengurangan dalam bayaran, premium tukar syarat kegunaan tanah.

2. Meningkatkan densiti bangunan yang dibenarkan.

3. Meningkatkan kawalan ketinggian bangunan, *height control*, dengan izin, meningkatkan *plot ratio* pembangunan dan sebagainya.

Perkara tiga, jumlah sasaran pembinaan kos rendah dan mampu milik hendaklah bersesuaian dengan pendapatan isi rumah rakyat Negeri Johor. Mengikut perangkaan Jabatan Statistik pada tahun 2014, pendapatan isi rumah rakyat Malaysia adalah RM5,900.00 sebulan. 2 juta daripada 7 juta isi rumah iaitu 28.7% adalah berpendapatan di bawah RM3,000.00 sebulan. 3.5 juta ataupun 50% isi rumah berpendapatan pertengahan adalah di bawah RM4,258.00 sebulan. Statistik di atas menunjukkan 50% daripada penduduk dalam negara kita hanya mampu membeli rumah kos rendah dan mampu milik sahaja. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kuota 40% kos rumah dan mampu milik dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor perlu dikaji semula bagi mencerminkan kemampuan sebenar pendapatan rakyat di Negeri Johor.

Keempat, kerajaan negeri Johor meningkatkan sasaran pembinaan Rumah Mampu Milik kepada 37,000 kepada 28,000 dalam masa 5 tahun akan datang, di mana Johor Corporation telah memberi komitmen untuk membina sebanyak 8,000 Rumah Mampu Milik yang berharga RM150,000.00 seunit. Saya berpendapat, jumlah ini masih tidak mencukupi. Setakat ini seramai 47,397 permohonan telah diterima oleh kerajaan bagi pembelian Rumah Mampu Milik. Kerajaan perlu meningkatkan penglibatan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, GLC yang lain seperti KPRJ, PIJ dalam membina Perumahan Mampu Milik kerana pada kebiasaannya syarikat-syarikat ini mampu mendapat sumber tanah daripada kerajaan pada kos yang minimum berbanding dengan pihak swasta yang perlu membeli tanah pada harga pasaran semasa.

Kelima, kerajaan negeri boleh mengenal pasti tanah milik kerajaan yang bersesuaian untuk pembangunan Perumahan Kos Rendah Dan Mampu Milik dengan mengenakan pendekatan kerjasama awam-swasta atau lebih dikenali sebagai *Public Private Partnership*, PPP, dengan izin. Seperti yang dilaksanakan bagi Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, PPA1M. Bagi memudahkan rakyat golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang sukar mendapatkan pinjaman daripada pihak bank komersial maka saya menyokong usaha Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan Bank Perumahan sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2015 bagi menyediakan pembiayaan perumahan kos rendah dan mampu milik termasuk dalam menyediakan Skim Sewa Beli.

Saya juga mengalu-alukan komitmen Kerajaan Negeri untuk menjual rumah-rumah milliknya melalui Skim Sewa Beli dengan sasaran sebanyak 5,000 unit bagi tahun 2015 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, 1,000

daripada unit ini akan disewa oleh Majlis Agama Islam Johor bagi menempatkan secara percuma kepada golongan asnaf zakat. Terima kasih di atas kesediaan Kerajaan Johor.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, isu tanah. Tanah Rizab Melayu dalam Perkara 2, Wasiat Raja-Raja Melayu yang ditandatangani pada 5 Ogos 1957 menyatakan sekurang-kurangnya 50% keluasan Negeri Johor hendaklah disimpan sebagai Tanah Rizab Melayu. Sebelum 1957, keluasan Tanah Rizab Melayu di Johor adalah 152,000 hektar iaitu 8% daripada keluasan Negeri Johor. Sehingga September 2014, jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu adalah 432,000 hektar iaitu kenaikan 22.8% dari keluasan Negeri Johor. Tahniah di atas kakitangan dan juga Kerajaan yang telah berjaya menambahkan kenaikan ini. Usaha Kerajaan memberikan keluasan 4,537 permohonan kurnia tanah yang melibatkan keluasan 9,284 hektar di antara tahun 2011-2013 dan dijadikan sebagai Tanah Rizab Melayu adalah baik. Kerajaan Negeri dicadangkan supaya pengurusan Tanah Rizab Melayu dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan perkara-perkara berikut daripada berlaku :

Satu TRM ringkasannya iaitu Tanah Rizab Melayu yang dibatalkan oleh Kerajaan Negeri perlulah diganti dengan tanah lain yang sama jenis dan sama keluasan sepertimana yang diperuntukkan dalam Perkara 89 (3) Perlembagaan Persekutuan. Sehingga 2013, sebanyak 1,991.19 hektar Tanah Rizab Melayu telah diwartakan pembatalannya. Tetapi, hanya 811.29 hektar yang telah diwartakan penggantiannya. Ini bermakna 1,179.2 hektar masih belum diganti. Kelewatan dalam mewartakan kemasukan Tanah Rizab Melayu antara tahun 2011-2013, seramai 4,573 orang Melayu telah dikurniakan tanah seluas 9,284.02 hektar yang dijadikan TRM. Tetapi malangnya, sehingga sekarang hanya 412 permohonan atau 9% yang baru diwartakan.

Surat hakmilik TRM tidak *diendorse* Tanah Rizab Melayu sepertimana yang disyaratkan oleh Seksyen 6, Enakmen Rizab Melayu, akibatnya ada TRM yang telah dijual kepada orang lain. Pembangunan TRM yang melibatkan pecahan lot tidak didaftar 40% daripada pecahan lot atas nama seorang Pengarah berbangsa Melayu sepertimana yang disyaratkan dalam Pekeliling PTG Johor, Bilangan 15 Tahun 1988 melalui keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan agar TRM tidak diselewengkan oleh pihak tertentu.

Pembangunan tanah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat dalam Bajet 2015 dengan mengembalikan sewaan tanah kerajaan di Larkin dan di mana-mana bahagian Johor Bahru, kepada kerajaan semula dan kerajaan mewartakannya atas TRM untuk pembangunan khususnya untuk orang Melayu, adalah suatu yang baik. Namun saya ingin mengingatkan, agar jangan pula setelah pembangunan itu dibuat, golongan berpendapatan kecil di kalangan Melayu tidak mampu untuk memilikinya kerana harganya yang mahal. Nisbah perumahan mestilah ada untuk golongan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tahniah dan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri Johor yang dapat memberikan wang pendahuluan kepada pelajar baru untuk melanjutkan pelajaran mereka ke universiti di peringkat ijazah sebanyak RM1,000.00 dan di peringkat diploma sebanyak RM500.00. Untuk makluman kepada semua, bantuan seumpama itu di Selangor telah dibuat sejak Pakatan Rakyat

mengambil alih pentadbiran pada tahun 2008 dengan bayaran RM1,000.00 dan selepas pilihan raya yang lalu 2013, bantuan itu dinaikkan kepada RM3,000.00. Ini menunjukkan pentadbiran di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor yang hampir sama situasinya dengan Negeri Johor adalah baik dan lebih baik untuk meningkatkan jati diri modal insan kepada anak negeri mereka.

Seterusnya saya ingin membahaskan Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kesan kenaikan harga minyak RM0.40 sejak Pilihan Raya ke-13.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat sila gulung. Sila gulung. Bukan sila berhenti, sila gulung.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Oh, sila gulung. Ingatkan dengarnya lain. (Dewan ketawa)

YB Dato' Timbalan Speaker : Sebab itu Menteri Besar Selangor kena ganti ya.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Maaf, tidak berapa dengar dah. Tinggal sedikit saja. Ada satu muka saja lagi. Insya-Allah. Pengumuman bahawa subsidi Petrol 95, RON95 dan diesel dikurangkan sebanyak RM0.40 seliter sejak Pilihan Raya 13. Dianggarkan akan memberikan penjimatan tambahan kepada kerajaan hampir RM9 bilion untuk 2015. Mengikut anggaran kami, setiap RM0.10 pemotongan subsidi petrol dan diesel bersamaan dengan penjimatan subsidi hampir RM2.2 bilion setahun. Bagi pengguna Myvi dan Proton Exora, saya ambil Myvi dan Ezora kerana kenderaan paling popular di Malaysia buat masa ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB pakai tu, Myvi?

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Anak saya pakai Myvi. Berdasarkan andaian jumlah perjalanan 15,000 kilometer setahun, masing-masing akan mencatitkan kenaikan kos petrol tahunan sebanyak RM428.00, kalau Exora RM812.00 akibat pengurangan subsidi RM0.40 per liter. Walaupun kelihatan kecil, jumlah ini cukup untuk membiayai perjalanan pergi balik Kuala Lumpur ke Johor Bahru sebanyak 4 kali setahun. Besar kemungkinan pemandu-pemandu ini juga adalah penerima BRIM, jika ditambah dengan kenaikan kos petrol dan bebanan cukai GST ternyata rakyat masih perlu berbelanja lebih daripada pemberian yang diterima daripada BRIM.

Dato' Timbalan Speaker, memandangkan kesusahan rakyat yang sangat bergantung dengan sumber pencarian, rezeki yang terhad dan untuk mengelakkan bebanan akan terus bertambah, jika sekiranya prasarana yang digunakan kurang sempurna, yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan dan kerosakan ke atas harta atau diri rakyat, maka Parit Yaani ingin menyatakan keperluan rakyat dalam DUN Parit Yaani yang perlu perhatian pihak berwajib agar pihak-pihak yang berkenaan dapat membantu.

1. Penurapan Jalan Sri Bengkal ke Parit Yaani yang berlubang dan berombak serta membanyakkan lampu di jalan tersebut, kerana dalam tempoh 3 bulan yang lalu, telah berlaku kemalangan maut mengakibatkan 3 pelajar Tingkatan 5 meninggal dunia serta merta di tempat kejadian. Dua daripadanya pelajar Tingkatan 5.

2. Penurapan semula Jalan Parit Jalil ke Parit Sulong, terlalu banyak bahagian tar yang telah terpecah dan berlubang-lubang membahayakan pengguna.

3. Lampu isyarat di persimpangan keluar Jalan Bindu ke Jalan Tongkang Pechah dan Persimpangan Taman Putera Indah ke Jalan Parit Jalil yang sering berlaku kemalangan khususnya di waktu pagi dan petang. Bila waktu bekerjalah.

4. Penurapan Jalan Parit Lada Hitam. Beberapa bulan yang lalu jalan ini telah dikorek oleh pemaju tetapi sampai sekarang masih tidak diturap. Eh, menyusahkan rakyat.

5. Meminta jasa baik pihak JKM atau pihak Hospital sepertimana yang dibahaskan beberapa hari yang lalu, boleh menyediakan kenderaan ambulans untuk membawa pesakit terlantar yang memerlukan rawatan terutamanya dari keluarga miskin. Di satu kampung, seorang kampung insiden di hadapan rumahnya nak masuk rumah, kena langgar lari sampai hari ini koma tak boleh bangun, di bawa ke hospital dan rawatan lanjutan ke Johor Bahru. Anaknya yang duduk bersama dengan dia dan seorang ibu dan seorang anak. Anaknya OKU, jalan pun. Inilah yang pergi menuntut supaya dapat ambulans, dapat kemudahan dan saya begitu terharulah, eh, bila melihatkan kesungguhan saudara Mamat ini membawa bapak dia, nak bawa bapak dia Ali, Pak Ali ke hospital. Dan saya difahamkan baru-baru ini bila saya melawat, tangannya pun dah kalau ibarat kata orang jawa kekot dah. Merekot. Dah tak boleh nak gerak lagi dah. Jadi, saya harap mohon.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok ya Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Sikit lagi, tinggal satu dua je *point*.

6. Memandangkan supaya papan tanda, kekerapan tindakan membersihkan parit ataupun longkang oleh pihak yang sewajarnya, dipacakkan di tepi parit berkenaan agar mudah pemantauan dibuat oleh mereka yang bertanggungjawab.

7. Loji rawatan kumbahan yang masih belum berfungsi di Taman Bandar Putera Indah yang telah saya sebut beberapa kali. Saya mohon supaya disegerakan kerana dia mengganggu kepada jiran kampung sebelah, kerana saluran itu dibawa ke Parit Jorak.

Akhirnya saya ingin mengucapkan penghargaan, terima kasih kepada agensi kerajaan yang telah memberi perhatian dan sokongan kepada permohonan untuk rakyat. Agensi yang diberikan *thumbs up*, tahniah kerana mendahulukan kepentingan rakyat daripada perkara lain, daripada semua jabatan tak kira yang mungkin saya tak perlu sebut di sini termasuklah Majlis Perbandaran dan juga Pejabat Daerah. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Kita teruskan, sila Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang oleh Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet Johor 2015, bersama dengan rakan-rakan Wakil Rakyat lain di Dewan yang mulia ini.

Izinkan saya ucap tahniah terdahulu kepada Kerajaan Negeri Johor kerana sekali lagi berjaya membentangkan satu Bajet *surplus* sebanyak RM3.82 juta. Walaupun nilai *surplus* ini hanya merangkumi hampir 0.3% keseluruhan bajet, tetapi prestasi itu pun sudah lebih cemerlang daripada Bajet Kerajaan Pusat Persekutuan BN, yang berada dalam tahap defisit untuk 17 tahun berturut-turut. [Dewan bertepuk].

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cukup tertarik dengan tema bajet tahun ini, iaitu dengan perkataan pembangunan inklusif. Bagi saya bunyinya sedap, tapi bila saya membaca bajet ini dengan lebih teliti, saya mendapati terdapat beberapa isu yang saya rasa sepatutnya diberi perhatian dalam bajet ini, yang malangnya bagi sayalah tidak disentuh dengan secukupnya.

Rumusan yang saya boleh buat untuk Bajet Johor 2015 ini adalah, ini merupakan satu bajet pembangunan inklusif, pengagihan eksklusif atau dengan izin dalam bahasa Inggeris *Inclusive Development Exclusive Distribution*.

YB Dato' Timbalan Speaker : Itu bajet alternatif ke?

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Mungkin tahun depan Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, secara ringkasnya tidak dapatlah kita nafikan bahawa terdapat pembangunan yang pesat di bumi Johor hari ini. Tapi soalannya, siapakah sebenarnya yang mendapat manfaat sepenuhnya daripada pembangunan pesat ini? Saya hanya boleh rumus pihak yang sebenarnya mendapat manfaat terbesar adalah syarikat-syarikat kroni dan pemaju-pemaju dan bukannya rakyat Johor, anak Johor Dato' Speaker. Dan inilah maknanya pengagihan eksklusif, pengagihan kekayaan atau dengan bahasa Inggeris dengan izin *distribution of wealth*, yang tidak seimbang yang hanya tertumpu kepada sekelompok golongan orang sahaja.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajetnya ada merujuk kepada kajian *Oxfam* bahawa 80 individu terkaya dalam dunia menguasai separuh milikkan kekayaan global, dan saya rasa saya boleh akui, kerajaan saya rasa juga peka kepada kebimbangan ini tetapi bagi saya malangnya bajet ini tidak menyeluruh dengan satu *blueprint* atau rancangan yang teliti macam mana Kerajaan Johor nak menGymbangkan atau membantu mengurangkan jurang kekayaan ini dan sebaliknya hanya menyarankan rakyat untuk melangkaui *indicator* kewangan tradisional atau dalam bahasa Inggeris perkataan MB sendiri *beyond the traditional monetary indicator*.

Saya juga memandang berat isu ini Dato' Speaker, dan bagi saya tanpa satu sistem agihan kekayaan yang sempurna dan elok, masyarakat dan rakyat Johor tidak dapat maju dengan sejahtera. Berdasarkan kepada satu laporan bank credit *Suisse*, 1% individu terkaya dunia ini menguasai 48% kekayaan global. Dan 10% individu terkaya dunia menguasai 87% kekayaan global. Seorang Profesor bernama Thomas Piketty, ini orang sekarang sangat terkenal ni Dato' Speaker. Seorang Profesor dari *Paris School of*

Economic dalam bukunya, *Capital In The 21st Century*, memberi amaran ketidakseimbangan pengagihan kekayaan sudah sampai satu tahap yang kritikal dan pakar ekonomi dan kerajaan-kerajaan mesti mengambil perhatian isu ini. Dalam bahasa Inggeris, saya kodkan dengan izin, *for far to long economic has neglected distribution of wealth*. Maka inilah hasrat saya Dato' Speaker dalam dunia ekonomi ini. Sekarang masalah dengan dunia ekonomi ini, kekayaan ini tertumpu kepada sekelompok orang. Terlalu banyak duit dalam dunia ini. Tetapi malangnya lebih ramai orang miskin pula.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya YB. Untuk *distribution* yang *fair*, kita berhentikan sekarang, makan.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Boleh, lepas ini saya *contribution* lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Saya tangguhkan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan kita hingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 Petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 Petang.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Kita masih di dalam perbahasan Bajet 2015. Saya persilakan Yang Berhormat Bukit Batu untuk meneruskan ucapannya berbaki 15 minit sahaja lagi. Dipersilakan.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Macam tu kena cepat sikit eh. Tan Sri Speaker dalam masa sekarang dunia ini, semua Negara sibuk cuba fikirkan atau rancangkan macam mana nak mengurangkan jurang di antara yang kaya dengan miskin. Macam mana nak menyempurnakan pengagihan kekayaan di sesuatu negara itu. Di Malaysia pula, kita bukan sahaja tidak mengurangkan malah kita nak melaksanakan lagi GST pada tahun depan. Seperti yang sedia maklum oleh Dewan yang mulia ini, GST ini adalah satu sistem cukai yang *di agressive*. Maknanya, dia memperluaskan jumlah orang yang akan di cukaikan dan kebanyakan orang yang baru yang akan di cukaikan merupakan orang golongan bawahan atau yang miskin. Atas dasar tersebutlah kenapa Pakatan Rakyat membantah GST dan kita faham kerajaan mungkin perlukan lebih banyak punca pendapatan. Oleh itu, kita tawarkan janganlah kita buat GST, kita menawarkan kita satu cukai baru yang dipanggil cukai keuntungan modal atau *capital gen taxs* dengan izin Tan Sri Speaker. Yang *targetnya* adalah orang yang *super rich*, kita panggil. Orang kaya. Janganlah kita ambil lagi daripada orang yang miskin. Apa salah kalau kita ambil daripada orang yang kaya-kaya sahaja.

Tan Sri Speaker, di Johor di panjang persisiran pantai dekat Johor, kini kita nampak banyak kerja penambakan laut yang dijalankan agresif oleh pemaju-pemaju. Saya tidak ingin menyebut siapa pemaju-pemaju tersebutlah Tan Sri Speaker. Di Tanjung Kupang juga, kita sekarang menyaksikan pembinaan satu projek mega berluas berhampiran 5,000 ekar, iaitu Forest City yang merupakan sekumpulan pulauan yang akan ditambak laut dan berdekatan dengan sempadan Singapura.

Projek-projek ini di atas adalah mega projek dan setiap unit rumah atau kedai yang bakal dibina bukannya murah. Forest City sendiri mempunyai *Gross Development Value*, dengan izin GDV, sebanyak RM600 billion Tan Sri Speaker. Adakah kebanyakan rakyat Johor yang akan membeli rumah dan akan tinggal di sana? Secara realistiknya, saya rasa tidak. Kalau tidak pun sekurang-kurangnyalah orang Johor ni boleh mendapat sedikit kebaikan atau *advantage*, dengan izin, daripada projek-projek ini dengan mengambil bahagian dalam projek pembinaan. Tetapi daripada maklumat-maklumat yang diberitahu oleh kawan-kawan saya dalam industri pembinaan, hampir semua syarikat pemaju luar negeri yang terlibat ni, dia import. Jurutera dia import, sub kontraktor dia pun import, sampailah pekerja-pekerja di *site* pun dia import. Maknanya, tak adalah manfaat orang Johor. Sedap dengar jumlah laporan di Wilayah Iskandar mencecah RM156 billion, tapi adakah rakyat biasa mendapat manfaat daripada laporan tersebut? Nampaknya orang tempatan langsung tidak menikmati apa-apa manfaat pembangunan.

Tan Sri Speaker, banyak kali saya mungkin tidak bersetuju dengan rakan saya dari Kukup. Tapi kali ini saya ada satu isu yang saya setuju dengan Kukup. Kali pertama ya. (Dewan ketawa)

Tan Sri Speaker, sebenarnya golongan yang paling teruk dan tidak dapat manfaat adalah golongan nelayan. Nelayan-nelayan yang bertempat dekat dari Tanjung Piai, dari sebelah barat Johor sehingga Pengerang di sebelah timur Johor, kepentingan mereka jelas terjejas daripada kegiatan penambakan laut dan sungai, Tan Sri Speaker.

Nelayan hidup mati bergantung kepada laut dan sungai. Memang kehidupan nelayan susah, tiap-tiap pagi kena keluar laut, banyak masa rezeki harian terpulang kepada Tuhan, cuaca juga menjadi satu faktor, keselamatan juga terjejas bila ada hujan ribut, mungkin juga ada lanun, berbagai-bagai benda. Arus pembangunan di Johor kini telah memudaratkan industri perikanan tradisional. Pernah dilaporkan di Bernama seorang pakcik nelayan di Tanjung Kupang, yang dulunya sehari boleh dapat penangkapan 20 hingga 40 kilo, kini hanya boleh mendapat 1 kilo sahaja. Pencarian rezeki para nelayan ini tergugat dan masalah ini tidak boleh diabaikan. Baru-baru ini, ini yang sedap ini, ada sekumpulan nelayan yang siap berdemo, demo di Senibong kawasan Menteri Besar. Mereka mengadu rezeki mereka terjejas akibat penambakan laut kini dijalankan di sekitar kawasan Permas dan sekeliling sejak bulan Mei tahun lalu. Dilaporkan lebih 3,000 nelayan daripada 15 kampung yang terjejas. Yang cukup tertarik saya juga orang yang demo tu sebenarnya adalah penyokong BN dan UMNO dan *spoke person* adalah Ketua UMNO cawangan tempatan.

Dalam surat khabar kita boleh nampak bendera BN dan UMNO berkibar di belakang. So, nampaknya penyokong kawan di sebelah sana juga sudah belajar berdemonstrasi, so lain kali tahun depan saya akan ajak demo GST kita akan ajak juga (Dewan bertepuk). Tan Sri Speaker, maaf, dalam Bajet yang dibentangkan Menteri Besar telah mengumumkan pemberian RM1,000.00 setahun kepada nelayan-nelayan selatan Johor yang disahkan kelayakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Kalaulah diteliti jumlah tersebut pun tidak sampai RM3.00 sehari pun, sumbangan tersebut dialu-alukan tetapi saya rasa isu masa hadapan nelayan ini tidak boleh diatasi dengan pemberian duit wang sahaja, Tan Sri Speaker. Dan, sekira-kira di banding

dalam Bajet dikatakan peruntukan adalah RM1.8 juta dan setiap nelayan boleh dapat RM1,000.00 maknanya 1,800 orang nelayan sahaja, yang layak menerima bantuan ini. Kalaulah Ketua Kampung UMNO, tadi saya harap jangan pecat dia, sebab dia cakap berani. Yang demo tu berkata di kawasannya sudah ada 3,000 nelayan terjejas. Tambah lagi Kukup kata di sana ada 5,000 sudah 8,000 dua kawasan sahaja.

Tentunya ramai lagi nelayan yang tidak dapat dibela semua. Diharap kerajaan memandang serius isu ini dan memastikan pertolongan diberi kepada mereka dengan telus dan saksama. So apakah langkah masa panjang untuk mengatasi masalah ini? Adakah kerajaan mempunyai apa-apa *blue print* dengan izin, atau rancangan yang lebih komprehensif untuk membantu golongan nelayan-nelayan ini. Saya di sini mengakui bahawa saya bukan pakar dalam sektor perikanan. Tahu makan sajalah, tangkap tak tahu.

Tapi, seperti industri lain yang menghadapi masalah biasanya penetapan semula atau latihan baru perlu disediakan kepada mereka yang rezekinya jelas sudah terjejas. Mungkin kerajaan dan LKIM boleh memberi latihan atau kursus untuk perikanan air tawar, atau lain-lain aktiviti yang berkaitan. Ini hanyalah cadangan saya sahaja kerana saya percaya masa hadapan golongan nelayan-nelayan ini mestilah dibela, Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, isu air. Seperti yang sedia maklum kos sara hidup di Johor ini kian menaik dengan mendadak setiap hari. Apa-apa lagi mulai April tahun depan GST akan diperkenalkan dan telah dilaporkan dijangka tahap inflasi akan mencapai kenaikan sehingga 4%. Rakyat Johor hidup dalam kesusahan, tetapi sehingga hari ini masih dibebankan dengan tarif air yang begitu tinggi. Tarif air di Johor adalah yang tertinggi di seluruh Malaysia di mana pengguna di Johor membayar RM36.75 untuk 35 meter padu atau purata RM1.05 untuk setiap liter.

Air merupakan khazanah semula jadi yang dikurniakan kepada semua orang. Air juga merupakan satu keperluan asasi kehidupan harian kami. Harga air yang melampau tinggi ini memberatkan beban setiap keluarga di tanah Johor ini terutamanya golongan bawahan. Saya pernah di Dewan yang mulia ini, membangkitkan isu ini dan sehingga hari ini, saya masih belum menerima satu jawapan yang puas hati mengapa air di Johor begitu mahal. Adakah ini berkaitan dengan penswastaan sektor air di Johor.

Seperti yang sedia maklum SAJ adalah pemegang lesen untuk pembekalan air rawat di Johor. Syarikat ini adalah sebuah syarikat swasta 100% di miliki oleh Ranhill Utilities Sdn. Bhd. Kerajaan pusat atau negeri langsung tidak ada memegang apa-apa saham dalam syarikat SAJ Holdings. Di bawah monopoli SAJ air terawat Johor adalah paling mahal di Malaysia, jauh lebih mahal daripada Pulau Pinang, Sabah atau Sarawak. Apakah rasional tersebut? Dan, bagi tahun yang akhir pada 2013 berdasarkan audit SAJ Holdings keuntungan SAJ adalah lebih RM98 juta.

Saya tiada masalah sekiranya syarikat swasta mengaut keuntungan kerana mereka pandai mengurus syarikat mereka. Ini adalah *free market* dengan izin. Tapi bila syarikat mendapat keuntungan hampir RM100 juta setahun dan pengguna air masih perlu membayar tarif air yang begitu tinggi, maka saya rasa ada yang tidak betul di sini. Kerajaan yang memegang amanah rakyat perlu mengambil tindakan untuk

membetulkan situasi ini. Kita tidak mahu lihat satu situasi di mana keuntungan syarikat kroni adalah dibina di atas bahu kederitaan rakyat Johor.

Beberapa bulan terdahulu memang ada laporan yang menyatakan tarif air Johor akan di naik dalam lingkungan 10 hingga 20%. Masa tu berbagai persatuan, NGO, parti politik yang keluar membantah kenaikan tarif air. Kemudiannya Yang Amat Berhormat Menteri Besar keluar dan menafikan laporan tersebut. Justeru saya adalah rasa sikit kecewa bila dalam Bajet ini Yang Amat Berhormat MB tidak ada menyentuh berkenaan dengan isu ini. Dan, saya rasa saya berkongsilah harapan dengan semua rakyat Johor agar Menteri Besar boleh memberi satu pengumuman bahawa tarif air di Johor tidak akan di naik sekurang-kurang bagi tahun 2015, malangnya peluang ini telah terlepas.

Tan Sri Speaker, setiap tahun Kerajaan Negeri memberi peruntukan baik dari segi kewangan ataupun *in kind* seperti pengurniaan tanah kepada pelbagai agensi perbadanan GLC kerajaan. Contohnya KEJORA, Yayasan Warisan Johor, Yayasan Pelajaran Johor. Kesemua agensi ini diamanahkan untuk menunaikan tanggungjawab mereka dengan cekap dan efisien, sebab peruntukan yang mereka terima ini adalah wang rakyat.

Tapi berdasarkan kepada Laporan Audit Negara bagi tahun berakhir 2012 didapati Kumpulan Pendidikan YPJ secara keseluruhannya telah mengalami kerugian sebanyak RM26.77 juta. Bolehkah kerajaan jelaskan apakah punca utama kerugian ini dan bagaimana kerajaan nak memulihkan keadaan kewangan kumpulan YPJ. Saya juga terperanjat bila baca laporan audit bahawa YPJ yang ditubuhkan untuk memajukan bidang pendidikan anak Johor, ada pelaburan di Indonesia. Sebuah syarikat iaitu sebuah syarikat yang dikenali sebagai PD Agratasi Firma.

Apakah dasar badan Pengarah YPJ? Mengapa kita tidak fokus kepada negeri Johor, sebab ditubuhkan untuk orang Johor. Yang lebih sedih Tan Sri Speaker, ialah baru-baru ini seorang awam telah datang berjumpa saya berkenaan dengan satu status tanah di Tampoi. Saya tidak akan nyatakan nombor tanah tu, satu tanah dia di Tampoi pemilik adalah YPJ. Rupa-rupanya tanah tersebut yang berkeluasan hampir 24 ekar, di mana di atas dibina rumah dan kini diduduki beratus ramai orang, rupanya tanah gerannya kini telah dibatalkan oleh Pejabat Tanah Johor kerana tiada bayaran cukai tanah oleh pemilik tuan tanah iaitu YPJ. Tan Sri Speaker,

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Keadaan pemilik rumah di atas tanah tersebut kini adalah lebih teruk daripada orang yang ada TOL. Kerana orang sekarang ini mereka kini duduk di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran dan tak ada geran. Kalau pemilik rumah meninggal sekarang, mustahil sekarang rumah tersebut boleh dipindah milik kepada wasiatnya. Sekiranya kerajaan dengan hasrat baik mengurniakan tanah kepada YPJ untuk kebaikan dan manfaat rakyat Johor, kini diharaplah kerajaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memulih balik status geran rumah tersebut, agar orang-orang yang duduk di atas tanah tersebut tidak perlu bimbang satu hari dihalau keluar, sebab tanah tu diberi kepada YPJ dan diserah kepada mereka.

YB Tan Sri Speaker : Ok, YB.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Last sekali, akhir sekali Tan Sri Speaker. Saya nak menyentuh sikit berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Tenggaroh. Tadi Tenggaroh ada menyatakan kalaulah kerajaan Singapura boleh kutip VEP kenapa kita tidak boleh kutip untuk EDL. saya rasa Tenggaroh ini tidak faham. VEP bukan tak sama dengan tol EDL. Saya rasa rakan-rakan saya kita lihat doktor tadi Skudai pun sudah jelaskan, kita tiada masalah dengan VEP. Kita tiada masalah kalaulah kerajaan nak kenakan bayaran untuk orang Singapura yang datang dalam kereta Singapore ke Malaysia. Sebenarnya saya pun sokong, saya berani cakap sini, saya sokong.

Tetapi VEP itu adalah kutipan kerajaan Singapura untuk kerajaan Singapura. Manakala tol di EDL di KIK itu yang RM16.50 itu yang dikutip satu sen pun tidak akan jatuh ke poket kerajaan. Dia diberikan kepada swasta iaitu MRCB. Dan, di Johor dan di Malaysia tidak lama lagi saya rasa pun akan dikenakan VEP. Oleh itu janganlah keliru VEP itu tak sama dengan tol KIK. Itulah kita dasar kita, kita bantah mengapa satu tol satu jalan EDL itu dikenakan bayaran 470%. Bila zaman dahulu bila PRU13 ada papan tanda bina di seluruh Johor Bahru, ada gambar calon Johor Bahru dan Stulang masa tu daripada BN, yang berkatakanlah terima kasih kepada siapa-siapa kerana EDL percuma.

Tapi lepas pilihan raya lagi semua itu sudah hilang, itu yang kita kecewa. Lagipun, akhirnya sekali Tan Sri Speaker, isu EDL ini kita bantah sebab dia tak ada jalan alternatif. Kalaulah sekarang orang nak pergi Singapura melalui tambak Johor boleh tak dia lalu masuk tanpa bayar tol EDL, tidak boleh. Dia naik dari Jalan Tebrau, dia pun kena juga. Itu yang dasar yang tidak *fair* atau tidak adil sebab ia bukan satu jalan alternatif, dan yang lebih penting ialah bukan saya yang bangkitkan isu ni.

Ahli Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahir, Ahli Parlimen Pulai Datuk Jazlan dia sendiri juga yang setuju dengan isu yang saya bangkitkan ini. Kalaulah nanti ada orang lain yang serang saya ini, sila fikir yang serang juga ialah orang-orang veteran UMNO juga. Dengan itu sekian terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok, terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Kempas.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Assalamualaikum warahmahtullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kempas ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam Persidangan ini. Pertama-tamanya mewakili rakyat Kempas kami merafak sembah menjunjung kasih mengucapkan selamat pengantin baru kepada Tunku Mahkota Johor Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim dan Che Puan Khaleeda binti Bustamam.

Keduanya, Kempas merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan Johor Darul Ta'zim di atas kejuaraan mereka di dalam pertandingan liga bola sepak Malaysia dan masuk ke pertandingan akhir di Piala Malaysia. Kempas juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Menteri Besar yang telah membentangkan belanjawan bersifat inklusif untuk tahun 2015 yang insya-Allah akan

dapat memperkukuhkan lagi kekuatan negeri Johor Darul Ta'zim sebagai kuasa ekonomi selatan atau *southern economic power house* dengan izin.

Ini akan memungkinkan kedudukan negeri Johor Darul Takzim sebagai sebuah metropolis iaitu satu pusat ekonomi politik dan budaya yang penting bagi negara dan hab penting untuk rangkaian dalam hubungan perdagangan dan komunikasi antarabangsa selari dengan aspirasi kerajaan persekutuan menjelang 2020. Kempas melihat kesinambungan dalam usaha-usaha kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam mencorakkan satu ekonomi yang mampan bagi negeri Johor meningkatkan kesejahteraan rakyat, memperkasa dan merakyatkan kerajaan dan melahirkan modal insan berhemah dan berkemahiran tinggi. Belanjawan 2015 diharapkan dapat membolehkan kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat kekal dalam ingatan sebagai kerajaan oleh rakyat untuk rakyat. Dalam masa yang sama, bila kita meletakkan fokus menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pelaburan pilihan, kita harus secara serius melihat kepada implikasi pelaburan ini, kepada negeri Johor Darul Takzim. Semestinya kita melihat kepada timbal balik atau *reciprocity* dengan izin akan pelaburan-pelaburan ini kepada rakyat negeri Johor terutamanya. Pelaburan-pelaburan yang kelak akan menghasilkan kesan yang negatif haruslah dilihat semula, walaupun ianya berjumlah jutaan ringgit jika rakyat negeri Johor Darul Takzim terus dinafikan hak-hak mereka. Kita sudah pun melihat kesan-kesan yang negatif dengan pelaburan yang sedia ada. Izinkan saya menghuraikannya di Dewan ini.

Tan Sri Speaker, hari ini di serata dunia kita dapat melihat berlakunya penjajahan alaf baru iaitu *modern day colonisation*, dengan izin. Ianya membabitkan syarikat-syarikat asing yang mengambill alih dan memajukan tanah-tanah. NGO *GRAIN* iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa yang menggalakkan pengurusan yang mampan dan penggunaan kepelbagaian biologi pertanian telah melaporkan beberapa negara di Asia dan negara-negara teluk telah memperoleh berjuta-juta hektar tanah pertanian yang subur terutama di Afrika. Syarikat-syarikat ini dan negara-negara termasuk Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan negara-negara yang semakin meningkat ekonomi seperti Brazil, Rusia, India dan China semuanya terlibat dalam pembelian tanah secara rakus. Berjuta-juta hektar tanah ladang serta hutan dan tanah gambut ini telah dengan cepat menjadi ladang soya, kelapa sawit dan tanaman kontan lain. Pelaburan boleh bertukar menjadi penjajahan alaf baru jika ianya tidak dikawal selia dan di biar beroperasi tanpa perhatian teliti. Yang membezakan pengambil alihan tanah secara global ini dengan yang berlaku di Johor Darul Takzim ialah ianya melibatkan hartanah persisir pantai yang memungkinkan ancaman kepada persempadanan dan keselamatan negeri Johor Darul Takzim dan juga kerajaan persekutuan. Dan yang lebih menyedihkan, tanah-tanah ini dijual dengan status hak milik bebas. Pemilik bebas untuk mengendalikan tanah itu, ia boleh dijual, disewa, dipindah milik dan boleh juga melibatkan pelbagai urusan yang kadang kala sukar untuk dijangkakan.

Tan Sri Speaker, kita sedia maklum kawasan pesisir pantai Selat Tebrau dari Permas sehingga ke Link Kedua telah diambil alih untuk dimajukan oleh syarikat-syarikat asing. Pembangunan ini merangkumi hartanah komersil dan penginapan. Ianya melibatkan persisiran pantai sejauh lebih kurang 45km kalau diukur melalui persisiran pantai. Syarikat-syarikat milik asing ini, yang ada usaha sama dengan entiti-entiti tempatan seperti Kumpulan Prasarana Rakyat Johor turut menjalankan kegiatan penambakan

tanah untuk meluaskan tanah milik mereka untuk tujuan membangunkan projek-projek mewah yang tidak mampu dimiliki oleh anak negeri sendiri. Kempas sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar kerana telah mengambil kira ucapan kami pada 11 November 2013 di dalam Dewan yang mulia ini, supaya *a clear demancation* dengan izin atau sempadan yang jelas diwujudkan untuk pembangunan asing berimpak tinggi supaya ianya terhad di suatu kawasan sahaja dan bukan bersepah di Bandar raya Johor Bahru ini. Kawasan tersebut pertulah dipantau dengan baik demi kedaulatan negara dan disediakan polisi yang khusus untuk mengurangkan kesan negatifnya terhadap sosiobudaya tempatan. Dalam erti kata lain, pembangunan yang dijalankan, insya-Allah oleh KPRJ dan apa nama ni, syarikat yang bersama ni, kalau urus setia degan baik ia akan datang hasil yang baik untuk rakyat dan negeri Johor.

Tan Sri Speaker, sekali lagi diulangi, Kempas tidak sekali-kali menolak pembangunan bagi negeri Johor Darul Takzim. Jauh sekali menidakkan lonjakan ekonomi yang boleh dinikmati oleh rakyat jelata di peringkat negeri dan persekutuan. Kempas menyokong penuh dan akan memainkan peranan bersama untuk melihat Johor mencapai tahap sebagai *the new economic power house*, dengan izin, tetapi dalam masa yang sama, Kempas tidak mahu melihat senario ini sebagai ancaman penjajahan di zaman serba moden dan canggih ini. Kita perlu *manage the development*, dengan izin, supaya seperti yang di Singapura, pelabur-pelabur masih lagi tertakluk kepada polisi kerajaan dan bukannya bebas sehingga mereka ingat diri merekalah yang penakluk. Rakyat di Kempas adalah *ke influence*, dengan izin, dan duduknya di dalam Bandar Raya Johor Bahru, dari itu mereka tahu tentang pentingnya pembangunan dilakukan, lebih-lebih lagi di negeri yang baru-baru ini menjadi makmur kembali di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sedia ada. Mereka juga faham mengenai *market forces*. Kempas hanya bimbang kerana beberapa persoalan dan isu telah dibangkitkan oleh rakyat dan hasil dari suara hati rakyat yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak berapa lama dahulu maka terpanggillah Kempas untuk mengutarakan kebimbangan rakyat Johor khususnya dari Kempas yang terletaknya di dalam Bandar Raya Johor Bahru. Ada yang berkaitan dengan negeri dan ada yang berkaitan dengan pusat.

Tan Sri Speaker, negeri Johor Darul Takzim adalah satu-satunya negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai pesisir pantai di kedua-dua Pantai Barat dan Pantai Timur. Kita sedia maklum zon persempadanan *maritime* merangkumi had berikut. Bagi persisiran pantai, iaitu *coastal water*, dengan izin ianya merangkumi 3 batu nautika dari pantai. Bagi wilayah laut zon mengunjur 12 batu nautika dari pantai. Bagi *zone contingents* iaitu zon yang berhampir bertindah antara dua negeri kawasan mengunjur 24 batu nautika dari persisiran pantai dan zon eksklusif ekonomi kawasan mengunjur 200 batu nautika dari pantai kecuali melainkan jarak antara dua negara kurang dari 400 batu nautika. Dan dalam kes zon bertindan persempadanan dibuat berdasarkan prinsip kesamaan atau pun dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian dua hala negeri. Sudah tentu sebagai pemilik tanah yang berstatus pegangan bebas syarikat-syarikat asing ini akan menjadikan kawasan mereka sebagai satu wilayah autonomi di bawah penguasaan mereka secara persendirian. Apakah jaminan dari mereka sahaja jika ada sudah mencukupi bagi pihak berkuasa untuk memberikan mereka seolah-olah dan saya ulangi seolah-olah kuasa autonomi untuk mentadbir kawasan mereka sendiri? Sedangkan kita sedia maklum terdapat, terdapatnya kebocoran dalam

penguatkuasaan keselamatan persisir pantai selama ini, baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Tan Sri, sementara mereka menguasai persisiran pantai negara kita di Selatan Johor, kini sepanjang-panjang projek mereka ditutup dengan *hoarding*, di Danga Bay tu, dengan izin. Hanya Allah sahaja yang tahu apa yang berlaku di kawasan mereka, tanpa pemantauan pihak berkuasa, kawasan persisir pantai akan menjadi laluan keluar masuk kepada kebarangkalian penyeludupan senjata api, bahan letupan, dadah, manusia dan bahan-bahan tiruan jika pihak berkuasa tiada akses kepada kawasan tersebut. Lori-lori pun keluar masuk tanpa pemeriksaan. Ukuran keselamatan tidak langsung diambil kira sedangkan pintu masuk kediaman rasmi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor pun hanya sekadar beberapa meter saja dan gerbang besar Istana Bukit Serene pun tidak berapa jauh dari situ. Kempas mendesak agar demi keselamatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan rakyat negeri Johor pihak Polis Diraja Malaysia dibenarkan meletak pegawai-pegawai anggotanya di dalam kawasan operasi projek-projek sebegini yang berakseskan persisiran pantai tanpa kawalan Polis Marin atau APMM. Kalau kita lihat Tan Sri di Danga Bay tu, yang saya yang Kempas selalu tengok adalah bot-bot Polis apa namanya dari negeri Singapura yang mengawal. Tidak pernah saya tengok bot Polis Marin kita, apa keselamatan kita ke, yang lalu lalang melainkan di waktu hari mungkin Hari Keputeraan ke, Hari Merdeka ke dia cantikkan dengan lampu-lampu tapi bila nak menguasai kawasan tu saya belum nampak lagi yang mereka buat *patrol*, dengan izin Tan Sri. Jadi ini satu kebimbangan bagi kita sebab keselamatan dalam negeri kita adalah utama. Begitu juga dengan kesemua projek-projek yang melibatkan penambakan dan syarikat-syarikat warga asing ini. Kempas percaya bahawa walaupun pihak KPRJ bersama di dalam usaha sama ini, namun pegangan saham mereka adalah kecil dan warga kerja di kesemua *site project* itu dengan izin adalah terdiri majoritinya dari orang asing.

Tan Sri Speaker, kita mahukan pembangunan tetapi dalam keghairahan kita hendak membangunkan negeri Johor kita juga tidak mahu pemaju-pemaju tertentu memikirkan seolah-olah mereka ada kekebalan atau keistimewaan dan tidak perlu mengambil endah atau menghormati jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan tugas mereka dengan jujur kerana Allah SWT. Kredibiliti agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi berkaitan, ketua-ketua jabatan dan kakitangan secara keseluruhan turut juga tercemar jika proses kelulusan bagi projek-projek pembangunan yang membabitkan syarikat-syarikat pemaju dari negara China ini, dikatakan ataupun dilihat sebagai dibuat secara tergesa-gesa. Syarikat pemaju dari tanah besar China ini juga diberi semacam satu keistimewaan apabila dikatakan membuat *special request* dengan izin untuk membawa masuk 5,000 pekerja negara asing, negara asal mereka. Walhal pekerja dari tanah besar China difahamkan tidak tersenarai pun dalam pekerja-pekerja asing untuk sektor pembinaan di negara ini. Difahamkan syarikat ini misalnya sudah pun membina sebuah *enclave* dengan izin yang mampu memuatkan 3,000 pekerja asing di dalam kawasannya. Kementerian Dalam Negeri jika sahih telah memberikan kelulusan terhadap kemasukan beramai-ramai warga China ini perlu memberikan justifikasi dan rasional di sebalik tindakan mereka meluluskan kemasukan warga China untuk bekerja di sektor pembinaan untuk projek-projek yang dilaksanakan oleh syarikat pemaju ini. Apakah juga langkah-langkah atau pelan dan waktu untuk menentukan mereka pulang ke negara asal

mereka? Kempas amat risau apabila Di maklumkan bahawa ketika ini kita sedang menjadi tuan rumah kepada 6.7 juta pendatang asing. Kerajaan pusat harus memberi penjelasan mengapa seramai ini masih lagi kekal dalam negara kita, sambil kita mengundang lagi beribu-ribu pekerja buruh dari negeri China ke bumi Johor. Keputusan yang dibuat tanpa perancangan yang baik dari pihak Kementerian Dalam Negeri 10 tahun kebelakang ini akan memudaratkan pemimpin dan rakyat kita di masa hadapan untuk seumur hidup jika tidak dibanteras dengan pantas daripada masa ini.

Tan Sri Speaker, balik semula ke negeri Johor Darul Takzim, kehadiran 5,000 pekerja dari tanah besar China ini sama ada sekaligus mahupun secara sekala akan merubah keseluruhan sistem sosioekonomi, geopolitik dan demografi dan sekaligus memberi kesan negatif yang hebat dan dahsyat nilai budaya dan pegangan dan moral masyarakat tempatan. Kebanjiran 5,000 pekerja dari tanah besar China ini untuk projek ini, misalnya jika tidak diuruskan secara bersistem serta kawalan keselamatan bersepadu akan menyebabkan terjadinya gejala sosial yang lebih dahsyat di tengah-tengah masyarakat tempatan, dan angka ini tidak termasuk pekerja asing dari China yang akan ditempatkan di tapak-tapak projek dari syarikat-syarikat China yang lain, jika mereka juga mahu keistimewaan yang sama. Kita hanya boleh mengharapkan mereka ini dapat menyesuaikan diri mereka dan berasimilasi dengan budaya kita, tetapi pengalaman dari luar telah menunjukkan sebaliknya akan terjadi. Kehadiran mereka di sini akan meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti tidak bermoral di Bandaraya Johor Bahru. Apakah kesudahannya kelak?

Kita akan menjadi minoriti di bumi sendiri jika kehadiran mereka di sini pada skala yang besar. Kita akan menjadi takut untuk hidup di negeri tanah tumpah darah sendiri tanpa jaminan keharmonian dan keselamatan yang kita ada hari ini. Lihatlah apa yang sudah berlaku di negeri jiran kita, 2 dari 5 penduduk Singapura adalah warga asing. Ini telah meletakkan beban yang besar terhadap pekerjaan, perumahan dan infrastruktur dan menimbulkan kebimbangan tentang kecairan identiti bangsa Singapura sendiri. Rakyat Singapura berhadapan dengan krisis identiti yang sudah mula rasa tidak selesa untuk tinggal di negara sendiri sehingga ramai telah pun memutuskan untuk berhijrah ke luar negara. Warga asing ini, akan merompak hak-hak orang tempatan apabila memohon status penduduk tetap. Anak-anak mereka mendapat kerakyatan Malaysia, mendapat pendidikan percuma, faedah kesihatan secara percuma dan mereka tidak membayar cukai pendapatan. Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara sudah sewajarnya memikirkan implikasi terhadap kemasukan dan kebanjiran warga asing ini sebagai pekerja-pekerja binaan dan juga pembeli unit-unit di projek-projek mewah ini. Seperti yang dikatakan tadi, kita tidak menolak kehadiran mereka sekiranya mereka berada di sini buat seketika waktu. Namun demikian, suatu mekanisme perlu diwujudkan di mana jika anak-anak orang asing ini dilahirkan di sini, mereka tidak boleh diberi kerakyatan secara automatik.

Tan Sri Speaker, di antara syarikat pembangunan persisiran pantai sebagaimana yang kita sedar, ada juga yang sedia akur dan menjaga perbatasan alam sekitar sehingga ada yang mewujudkan kepulauan mengelilingi kawasan *sea grass* supaya ianya tidak tercemar. Tetapi ada juga

yang mendedahkan Negeri Johor Darul Takzim kepada bencana akibat perbuatan manusia ataupun *man made disaster*, dengan izin. Ribuan ekar kawasan hutan bakau yang menjadi pelindung semula jadi beribu-ribu spesies hidupan akan musnah. Kawasan ini akan terdedah kepada ombak besar yang akan mengakibatkan bencana berupa banjir kilat dan banjir lumpur. Golongan rakyat marhaen akan menerima kesan terus daripada projek-projek pembangunan persisir pantai apabila mereka terpaksa berpindah ke kawasan lain. Penghijrahan rakyat tempatan di kawasan bandar berhampiran persisiran pantai ke kawasan lebih ke pedalaman sudah boleh dilihat dan kemungkinan tekanan kehidupan akan mengakibatkan lebih ramai lagi yang akan mengambil keputusan berhijrah ke kawasan-kawasan kampung dan pedalaman. Di sini Tan Sri Speaker, di sini Kempas bersyukur di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah mengambil tindakan yang tegas dan pantas menyelamatkan 153 keluarga dari diusir sedemikian rupa tanpa satu sen pun pampasan atau tempat alternatif yang diberikan kepada mereka baru-baru ini. Mereka sendiri telah menolak pembangunan, mereka tidak menolak pembangunan, tetapi hari ini mereka boleh tidur malam sambil menunggu penempatan semula bagi mereka yang mana mereka boleh menyewa sambil beli, insya-Allah, di kawasan yang sama kalau boleh.

Tan Sri Speaker, kerakusan sesetengah pemaju dalam membangunkan sesuatu kawasan tanpa mengambil kira atau menjaga hati orang tempatan juga boleh dilihat apabila kumbahan najis sebesar 18 ekar dari sebuah pembangunan gergasi yang mewah, yang mana orang Melayu tidak boleh pun mampu dirancang untuk diletakkan di kawasan perkampungan Melayu yang mana terletaknya 6 buah surau. Sekali lagi, Kempas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana perkara ini sudah pun di dalam pemerhatian untuk diambil tindakan sebaik mungkin mengikut kepada jasa baik dan bidang kuasanya, Insya-Allah. Alhamdulillah jaminan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, dalam perancangan pembangunan inklusif Kerajaan Negeri yang mengambil kira penempatan dan *participation*, dengan izin untuk penduduk tempatan khususnya orang Melayu di dalam arus pembangunan yang pesat ini sudah pun terbukti jauh lama lagi sebelum ucapan belanjawan beliau yang disampaikan pada 12 hari bulan mengenai istilah inklusif dalam pembangunan ini.

Tan Sri Speaker, jika kita sering mendengar tuntutan pepatah orang putih, kepada kerajaan pusat lah ya, untuk selalunya kita biasa dengar ya, *walk the talk* ya, sebaliknya Kerajaan Johor dan Menteri Besar sedang *talk his walk* kerana beliau telah pun melaksanakan niat murninya lama sebelum beliau mengumumkan hasrat sucinya dalam ucapan bajet untuk melaksanakan pembangunan inklusif ini. Kempas yakin bahawa kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, akan memastikan bahawa menangani cakupan ketidaksamaan yang mencapah atau *the multi dimensional nature of inequalities*, dengan izin, penempatan orang Melayu tidak akan di pinggir atau dilonggokkan jauh dari bandar seperti kaum Red Indian di beberapa *reservations*, dengan izin di Amerika Syarikat.

Tan Sri Speaker, kita telah dengan bermurah hati memberikan tanah-tanah persisir pantai kita kepada syarikat-syarikat asing ini dengan status hak milik bebas yang membolehkan pegangan seumur hidup malah boleh dikatakan sampai kiamat sedangkan tanah-tanah kurnia yang diberikan kepada pesara-pesara dan pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang tempatan misalnya masih lagi berstatus pajakan ataupun *lease hold* dengan izin. Kempas sedar bahawa mereka telah membayar premium yang merupakan hanya *one off payment* dengan izin, dan ada juga Akta Pengambilan Balik yang boleh dikenakan ke atas pemaju-pemaju ini, tetapi apabila pembangunan telah pun sedia ada sepanjang 46 km di persisiran pantai kita nanti, saya jamin bahawa kerajaan negeri tidak akan mampu untuk membayar pampasan pengambilalihan demikian, lebih-lebih lagi apabila nilai keseluruhannya akan menjangkau berpuluh bilion ringgit kelak. Memandangkan bangsa asing itu yang tidak ada jasa walau sebesar zarah pun kepada rakyat dan negeri kita, diberi status hak milik kekal ke atas beribu-ribu ekar tanah di bawah jajahan dan takluk Negeri Johor, Kempas dengan rendah hati dan memohon belas ihsan dan pertimbangan dari kerajaan agar dianugerahkan juga status hak milik bebas ke atas tanah-tanah kurnia kepada pegawai-pegawai Kerajaan sama ada pesara ataupun yang sedang berkhidmat yang seumur hidup mereka telah memberikan sumpah taat setia kepada Allah SWT Dull Yang Maha Mulia Sultan dan Negeri Johor dengan syarat ianya tidak boleh dipindah milik kepada bangsa asing.

Tan Sri Speaker, terlajak perahu boleh di undur, terlajak perkataan dan perbuatan masih boleh dimaafkan, insya-Allah, tetapi bila kita sudah terlajak dalam menganugerahkan tanah berstatus hak milik bebas kepada orang asing, akan terjualah sebahagian dari jajahan dan takluk negeri Johor Darul Takzim yang kita kasihi. Apa yang kita mahu adalah untuk meluaskan kuasa kita dan bukan berkongsi atau kehilangan kuasa kepada pihak-pihak yang lebih berpengaruh di wilayah-wilayah tersebut seperti negeri China dan Singapura di bumi kita sendiri, barang dijauhkan Allah. Kesimpulannya, Tan Sri Speaker, walaupun demikian, Kempas menyokong dan percaya penuh di atas segala perancangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan untuk menjadikan negeri Johor ini sebagai Metropolis dan *Economic Power House in Southeast Asia*, dengan izin dengan ketentuan keselamatan darjat dan martabat kerajaan dan rakyat negeri Johor dipelihara bersama.

Akhir kalam, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tan Sri Speaker kerana diberikan kesempatan ini, hanya Allah SWT dan rakyat lah yang telah meletakkan kita semua di sini untuk menabur jasa dan bakti kepada Johor Darul Takzim. Kempas berdoa agar amanah dan mandat yang diberikan kepada kita di dalam Dewan yang mulia ini akan disempurnakan dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab mewakili rakyat di seluruh bumi Johor. Sekali lagi saya melafazkan dengan penuh ta'zim, ikhlas dan penuh keyakinan bahawa kerajaan yang saya wakili ini adalah sebenar-benarnya kerajaan dari rakyat oleh rakyat, demi Allah untuk Raja dan negara, Kempas menyokong. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk)

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kempas. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jorak.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya pertamanya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang telah memberikan saya ruang untuk berucap ataupun sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang telah membentangkan bajet dengan tema "Membangunkan Johor Secara Inklusif", di mana telah dibentangkan telah digariskan 5 strategi utama Bajet 2015 ini. Saya juga rasa terharu kerana komitmen kerajaan dalam ucapan bajet itu menyebutkan bahawa dalam sektor disiplin pendidikan, 2 tempat yang disebutkan, Tan Sri Speaker, iaitu Iskandar Malaysia dan satu lagi ialah Pagoh, di mana akan diketengahkan sebagai Pusat Pendidikan Tinggi dalam usaha menarik pelaburan luar dan domestik. Ini besar ini, berbillion-billon harganya, Alhamduilllah.

Tapi apa yang juga saya ingin sampaikan dalam perbahasan ini, perkara yang mungkin dilihat kecil sahaja umpama nyamuk, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tapi kalau nyamuk dibiarkan kalau kena penyakit denggi boleh membawa kematian iaitu perkara yang juga telah disentuh tadi oleh sahabat kita Yang Berhormat Kempas, tentang pekerja asing. Jadi orang Pagoh ataupun orang Jorak minta saya sampaikan dalam Dewan, tentang warga kerja pekerja asing ini yang telah banyak memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Memang kita alu-alukan mereka datang ya, kalau tiada warga asing pekerja asing ini, saya kira projek-projek mega seperti apa yang ada di Iskandar Malaysia ini, ataupun projek-projek yang kita kenal yang lain mungkin tidak terdiri. Tetapi apa yang saya sibukkan di sini ialah tentang penempatan-penempatan perumahan pekerja asing ini tinggal, ya, kita lihat dapati bahawa di mana tempat mereka tinggal ini terlalu daif, terlalu teruk sekali yang boleh memberi kesan kacau ganggu yang sangat berkesan kepada penduduk tempatan. Tadi Kempas ada menyebutkan tentang jumlah, saya minta kerajaan untuk memberikan suatu pencerahan tentang angka ini. Dinyatakan bahawa ada 6.7 juta pendatang asing sama ada tanpa izin (PATI) ataupun warga kerja yang dibawa, pekerja dibawa dengan secara sah, 6.7 juta, dilaporkan hanya mungkin dalam 2 juta lebih sahaja. Ya, jadi saya nakkan pencerahan ini. Kerana kalau begitulah jumlah yang besar tentang warga kerja ini, 6.7 juta, kita hanya ada lebih kurang 30 juta rakyat Malaysia. Maknanya kita setiap 5 orang ada 1 pekerja asing. Kalau Singapura tadi sebutkan 2:5, kita dah mencapai 1:5, tetapi ada negara lain juga, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pun tahu bahawa satu negara itu ada hanya ada penduduknya 1 juta, tetapi pekerja asingnya ada 5 juta, pun ada juga.

Tapi dalam keadaan ini saya nak menyatakan bahawa bagaimana penduduk ataupun pekerja asing yang tinggal dalam kawasan saya ataupun dalam daerah Muar yang dikenali sebagai hab industri perabot Muar ini. Satu lagi ialah terkenal kerana Muar juga adalah hab sebagai industri tanaman bunga *nursery* yang besar

dan jumlah pekerja asingnya besar. Saya sebutkan bahawa mereka duduk dalam keadaan yang sangat daif, satu rumah tak tahulah berapa ramai dalam satu rumah, satu bangsal, mungkin pondok, mungkin kotak. Apa yang kita boleh lihat bahawa kalau kita lihat Yang Berhormat Tan Sri, bila malam mereka duduk berselerak di atas atas jalan raya mencangkung, berkumpul ramai-ramai atas jalan raya kerana apa? Kerana tempat yang mereka ada, tempat penempatan yang mereka ini ada tidak selesa saya rasa mungkin panas, ramai sangat bising dan sebagainya...

YB Tan Sri Speaker : Yang mencangkung tu lelaki ke perempuan?

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Itu nak kena pakai susah sikit Yang Berhormat Tan Sri sekarang ini pasal pun yang lelaki pun pakai baju perempuan sekarang ini jadi susah nak kenal juga. Oleh itu, kita harapkan bahawa mana-mana agen, mana-mana juga majikan yang mengambil pekerja asing mesti menyediakan tempat penempatan perumahan pekerja asing. Mesti ada zon, satu zon yang dikhaskan khususkan untuk pekerjaan asing jangan bersepah sepah lagi baik di kampunglah, baik di tepi paritlah dan sebagainya seolah-olah kita ini tidak terurus. Mana-mana juga permohonan yang dibuat oleh mana-mana juga agen, mana-mana juga majikan mestilah menentukan menetapkan di mana mereka tinggal barulah mereka boleh dibenarkan membawa masuk mana-mana pekerja asing.

Jadi saya hendakkan penceraban daripada pihak kerajaan, kalau kita nak lihat bahawa apakah indeks sekarang ini, kita nak ukur kerana Suara Hati Johor saya ada lihat ada dia kata dia nak ukur oklah ukurlah tentang kepuasan dan keselesaan. Jadi, saya nak tahu apakah pengukuran indeks keselesaan, pendapatan, perumahan pekerja ataupun warga asing ini, pekerja-pekerja luar ini. Kalaulah penempatan mereka itu bertaraf berapa bintang, kalau lima bintang katakan lima bintang. Empat? Tiga bintang? Ataupun berbintang-bintang.

Dan yang keduanya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak tahu indeks kebersihan dia pulak, berapakah indeks kebersihan tempat tinggal pekerja asing ini. Kita tahu bahawa kita dah ukur tahap kebersihan kantin-kantin sekolah, tahap restoran-restoran kita ini yang ada gred A, gred B gred C dan D. Jadi saya nak tahu di tahap mana kebersihan penempatan warga asing perumahan mereka ini. Supaya dengan itu kita boleh tahu, jadi dalam sidang Dewan yang akan datang kita dah ada jawapan lain dah bahawa kita dah ukur sekarang ini kita dah capai tahap indeks beberapa, jadi ada persidangan akan datang kita dah boleh jawab dah bahawa indeksnya sudah berubah daripada sesuatu tahap ke satu tahap yang lain. Dan maknanya hasil perkara yang saya sebutkan tadi ialah satu keresahan di kalangan penduduk tempatan pasal kacau ganggu tadi dan ini boleh menyebabkan mereka rasa tidak selesa dan seolah-olah kerajaan tidak melakukan sesuatu yang baik. Kegagalan kerajaan senang cerita, mereka kata kerajaan gagal, kerajaan tak buat sesuatu padahal kita sentiasa memikirkan bagaimana cara nak membaiki keadaan itu.

Perkara yang berikutnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker ialah sebagaimana yang saya sebutkan dalam mukadimah saya tadi iaitu menjadikan Pagoh sebagai hab pendidikan tinggi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga dalam ucapan bajet itu bahawa dalam strategi yang Kelima perkara D, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan bahawa Johor ingin melahirkan masyarakat yang Islami dan yang beramal soleh, salah satu daripada strategi bajet 2015. Dalam pada itu, Johor nak

meletakkan bahawa salah satunya ialah untuk meletakkan hab pendidikan antarabangsa aliran agama kita tahu bahawa model terbaik pendidikan agama daripada sekolah rendah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, daripada peringkat rendah sekolah agama sampailah kepada peringkat tinggi sampailah kepada Kolej Islam Johor dah ada dah, MARSAH.

Dan, ini satu visi yang baik yang harus kita sokong dan kerana itu saya ingin menyebutkan bahawa kerajaan negeri dicadangkan menubuhkan satu Jawatankuasa, pasal kita nak melihat suatu hari nanti bahawa benar-benar akan berlaku hab pendidikan antarabangsa aliran agama tak ada lain dan tak ada bukan bahawa insya-Allah akan lahirlah sebuah Universiti Islam Antarabangsa Johor, sama Kolej Universiti atau Universiti Negeri Johor. Negeri-negeri lain dah banyak dah kita nampak Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dah ada mereka universiti negeri-negeri mereka, tapi tidak negeri Johor belum ada lagi. Kalau Yang Berhormat Tan Sri Speaker juga boleh ingat bahawa ada satu orang individu yang telah berjaya menubuhkan sebuah universiti atas namanya yang dikenali sebuah universiti yang dinamakan *University Lim Kok Wing*. Seorang manusia yang terkenal di Malaysia ini yang mana telah menarik berpuluh ribu pelajar di seluruh dunia, kampusnya di Cyberjaya, pelajar daripada timur tengah, hanya satu orang individu ada kampusnya di London lagi, takkanlah Johor, negara terkenal dengan sejarahnya yang begitu hebat tak boleh melahirkan, menubuhkan sebuah universiti yang hebat, Universiti Islam Antarabangsa Johor. Itu harapan saya, harapan orang Jorak dan harapan kita semua insya-Allah.

Dan, kita juga tidak ketandusan anak-anak Johor yang hebat-hebat dan berpendidikan tinggi, berjawatan tinggi dalam universiti sebagai *vice chancellor*, timbalan naib canselor dan sebagainya, mereka sedia balik saya kira dan insya-Allah, dengan itu Johor pasti akan dapat melahirkan cendikiawan-cendikiawan yang hebat pada masa akan datang. Agenda besar, disebutkan dalam bahawa perbahasan yang sebelum ini bahawa kita lihat anak-anak nak belajar pergi ke Azhar, Mesir dan sebagainya minta pinjaman tak dapat, merajuk. Buat universiti kita di sini tak payahlah pergi jauh-jauh belajar Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu di sini dan mereka akan insya-Allah menjadi seorang sarjana besar insya-Allah. Segala permasalahan apa juga boleh kita selesaikan di sini apatah lagi dengan sebuah universiti yang mendasarkan kepada Islam dan segala cabang ilmu dilihat dari sudut kaca mata Islam, apa Sauders sebutkan sebagai *The Islamization Of Knowledge*, dengan izin, pengislaman ilmu, jadi segala cabang ilmu baik undang-undang, ekonomi, kewangan dan sebagainya dapat diselesaikan menurut kaca mata Islam. Siapa penerajunya? Negeri Johor, dan insya-Allah itulah cita-cita kita dan itulah yang kita harapkan, insya-Allah kita akan dapat melaksanakannya akan datang insya-Allah.

Itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya kira itu sahaja yang saya dapat sebutkan di sini, dan dengan itu Jorak menyokong usul yang dibawa oleh Kukup. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jorak. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini hingga jam 3.45 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.30 petang.

Dewan bersambung semula pada jam 3.45 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Bismillahirrahmaanirrahim (Selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Speaker, terima kasih kerana Pasir Raja diberi peluang untuk membahas rundingan yang dibawa oleh Kukup. Dato' Speaker, Bajet 2015 adalah satu permulaan ikhtiar untuk membina ekonomi yang kukuh dan juga berdaya saing dan satu kenyataan berani oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bahasa orang putih dengan izin *bold statement* menyatakan bahawa *This is The New Economic Power House* di Malaysia. Satu kenyataan yang saya fikirkan merupakan kejayaan bagi Johor sekiranya *A New Economic Power House* benar-benar berlaku dan saya yakin ia akan berlaku kerana asas yang diberikan begitu kukuh iaitu agenda yang dilakukan ialah jangka panjang dan juga melibatkan pembangunan yang inklusif. Ini yang dikatakan *people economy versus capital economy*. Kalau kita melihat daripada iltizam Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita yakin dua perkara yang diasaskan ialah memulihkan kesenjangan agihan kekayaan dan kemakmuran ekonomi, maknanya tidak ada *zero sum gain*, dengan izin dalam hal, ini tidak ada *zero sum gain*, yang ada hanyalah *win-win situation* maknanya semua rakyat, masyarakat dalam negeri akan mendapat faedah yang dirawat *at equal value* maknanya dalam keadaan, nilai yang bersamaan.

Yang kedua ialah asas yang meyakinkan kita ialah kesejahteraan hidup yang melangkaui aspek *material* akan diatasi, yang ini boleh lakukan Dato' Speaker. Dan Yang Amat Berhormat menilai semula strategi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Johor bagi meyakinkan kita *The New Economic Power House* akan berlaku. Cuma yang kita nak address ataupun sampaikan isu ini ialah *mind set* rakyat Johor yang perlu kita ukur dan perlu kita canal ataupun dibajakan agar menerima perubahan-perubahan yang akan berlaku dan arus yang akan mendepani kita sama ada kita terima, sama ada menolak, kita gagal menerima kita akan cuba mengatasi dengan terbaik dan dengan niat yang tersurat untuk menstabilkan keadaan bajet pada masa-masa akan datang. Dato' Pengerusi selain daripada...

YB Dato' Timbalan Speaker : Speaker bukan Pengerusi.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, minta maaf. Selain daripada kita meyakinkan bahawa *The New Economic Power House* kita yakin, kita semua nak rakyat Johor perlu, dengan izin *read the same page of the book*, kita perlu *read the same page of the book* maknanya kita semua kena membaca dalam page yang sama dalam buku-buku itu, tidak boleh apa yang berlaku di seberang sana, membaca lain *page*, menuduh kroni-kroni, menuduh apa yang dibangkitkan oleh Skudai dan juga Bukit Batu. Kroni. Sikit-sikit kalau kerajaan buat kroni. Saya nak beritahu, pegawai kerajaan yang dibayar gaji oleh kerajaan ini kroni, akan menyakitkan hati mereka. Pegawai kerajaan yang dibayar gaji, kroni kerajaan. Kerajaan Johor. Kita yang diberi elaun kroni. Apabila menyentuh kroni, kita kena berhati-hati, tidak boleh menyangka buruk. Saya minta Dato' Speaker apa yang dibangkit oleh Bukit Batu, 45 Seksyen 45(xiii)(d), membawa nama Ahli Parlimen Johor Bahru dan membawa parlimen, Ahli Parlimen Pulai dalam Dewan ini, sebagai menyokong pembinaan EDL bersalahan

dengan peraturan mesyuarat kerana mereka tidak boleh *defend* diri dia untuk mengatakan tidak ataupun ya. Sepatutnya Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor ini berhati-hati tentang Peraturan Mesyuarat 45(xiii)(d) ni.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker nampaknya .

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak boleh bantah.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Pasir Raja tak paham.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Skudai, duduk-duduk.

YB Dato' Timbalan Speaker : Skudai duduk.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Bukit Batu memberikan kepujian dan sokongan kepada duo-dua Ahli Parlimen.

YB Dato' Timbalan Speaker : Duduk, pujian ke tak pujian, tak boleh sebut nama. Pasir Raja teruskan.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ya saya tahu. Saya pernah jadi Jawatankuasa Perlembagaan dan Peraturan. Baca habis. Dan, kita tidak boleh mengatakan bahawa, ketua cawangan Senibong berdemontrasi membantah atas belakang tiket Barisan Nasional dan, dan minta jangan dipecat. Habis, perwakilan PAS yang mengata Ketua Menteri Pulau Pinang. Seorang Ahli Majlis Pulau Pinang dipecat boleh, ke tak pernah mendakwa. Seharusnya perkara ini tidak ditimbulkan sebagai *double standard* dalam Dewan ini, kerana dia menyakitkan hati semua pegawai kerajaan yang datang. Termasuk apa yang dikatakan kroni. Tidak ada penjelasan. Jadi kita berhati-hati lah kerana kita nak menjadi sebuah *the new economic power house* yang betul-betul tulen. *The true Original* dalam abad millenium ini.

Dato' Speaker, apabila kita mengukur *mind set* rakyat Johor terhadap keupayaan kita sendiri maknanya, maknanya beberapa perkara yang diasaskan untuk bergerak, kita yakin, kita percaya dan masalah persepsi ini, masalah persepsi yang kita perlu tangani. Sekiranya persepsi yang dikatakan berluasan tanpa ada bukit yang kukuh. Kalau ada pun, pemalsuan dakwaan, yang ini akan menjadikan rakyat celaru. Tu yang saya kata tadi, kita tidak sepatutnya *read the same page of the book*. Dan, ini yang menjadikan kita perlu melihat balik pada fokus Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu fokus utama kita ialah terhadap strategi kita, terhadap peranan inklusiviti tadi dan amalan belanja yang berhemah. YB Dato' Speaker, saya meyakinkan perkara-perkara ini dapat menjadikan kita sebuah negeri yang kuat dan yakin *surplus* bajet yang telah pun dihidangkan kepada rakyat walaupun dia tahun kedua berturut-turut saya yakin di peringkat *federal* di peringkat kerajaan pusat walaupun *defisit* bajet di Johor saya yakin akan menjadi satu penyumbang besar kepada KDNK dalam negara dengan ada pembangunan-pembangunan baru yang kita sama-sama akan dikatakan dalam bahasa inggeris, *treat at equal value* makna kita akan dikendalikan dengan nilai-nilai yang sama.

Saya juga ingin membawa Dato' Speaker, hal yang berkaitan dengan perkara ribut ni. Di Johor sekarang ni banyak ribut, ribut ini kalau tidak datang puting beliung ok lagi,

tapi apabila kes yang berlaku bumbung jejantas tercabut dan menghempap 3 kenderaan di *highway* Pasir Gudang baru-baru ini. Kita yakin kalau kita boleh melihat senario sebelum dan selepas berlaku kejadian tersebut, ia berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh Penguasa Tempatan sama ada nak membenarkan atau tidak membenarkan pemasangan bidai-bidai yang besar. Ini pasang bidai macam kapal layar, bila boleh ditiup angin dah jatuh. Perkara yang saya nak timbulkan ialah, perkara yang membelenggu pemikiran kita iaitu berkaitan dengan papan iklan yang hari ini terang-terang, terang-terang keterujaan untuk mengiklankan premis ataupun kedai ataupun produk masing-masing, yang Dato' Speaker boleh tengok pemakaian papan dan bidai iklan yang besar-besar di kedai. Kalau kedai 2 tingkat tutup semua muka depan, kalau kedai 3 tingkat tutup semua muka depannya. Dalam kawasan Majlis, Perbandaran ke kota, ibu kota ke, banda raya, saya rasa saya disokong dalam hal ini. Lihat sahaja, di beberapa tempat dalam PBT, kalau tak ada papan iklan yang besar sekurang-kurangnya dia tidak pasti sama ada ianya boleh menjamin keselamatan premis tersebut atau kedai tersebut. Bayangkan Dato' Speaker, kalau berlaku kebakaran, kalau berlaku kecemasan orang luar tak nampak apa yang berlaku di dalam. Katakan di tingkat atas ada rompakan, jurang masa untuk diselamatkan pun menjadi sukar, di mana silapnya. Ini semua punca yang boleh berlaku, dan kalau ketamakan menjadi satu agenda dalam *mind set* peniaga-peniaga ataupun rakyat negeri Johor untuk mempamerkan bidai ataupun iklan yang besar sukar lah bagi kita sebenarnya untuk menjadikan Johor ini sebagai tempat yang betul-betul diukur sebagai nilai-nilai yang sama.

Dato' Speaker, adakah ini faktor keuntungan mengatasi faktor keselamatan menjadi isu. Kalau ia menjadi faktor keuntungan, saya mencadangkan supaya PBT menilai semula polisi yang sememangnya kalau sudah ada tidak boleh berlaku, jangan berlaku. Kaji semula dan kalau boleh diambil tindakan supaya menyeragamkan. Saya pergi Singapura pergi Sydney pergi England, sepanduk dia orang ataupun papan iklan tak lah sebesar tu tapi kedai laku juga. Di Paris, tak ada papan iklan yang sebesar-besar tapi di Johor ni kegiatan papan iklan yang begitu besar dan saya yakin kalau terlalu besar nanti kedai-kedai pun akan ditiup dengan rebut sekali, kalau tidak di jaga, Dato' Pengerusi, Dato' Speaker.

Yang kedua saya juga nak tegur pada kerajaan bahawa penggunaan bahasa Malaysia. Sepatutnya lebih besar daripada penggunaan bahasa-bahasa lain. Ini menjadi isu, kerana kita nak jadi, kita nak jadi kawasan yang jadi tumpuan, International People. Di mana wadah kita memperjuangkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan sekiranya di papan iklan penjelmaan bahasa kebangsaan hanya kecil berbanding dengan bahasa-bahasa lain. Kita tak salahkan kalau di *airport* ke papan tanda tetapi di premis-premis perniagaan. Ini perkara yang kita *address* ataupun kita nak sampaikan supaya tahun-tahun akan datang dalam bajet 2015 ini dapat disemak PBT yang bertanggungjawab harus menjadikan ia sebagai satu agenda, *will power political will and enforcement will* dengan izin menjadi satu agenda.

Yang seterusnya Dato' Speaker ialah dengan penggunaan lesen hiburan keluarga, kita rasa lega apabila kerajaan telah pun menarik balik lesen hiburan keluarga walaupun telah pun ditarik lesen hiburan keluarga tidak boleh beroperasi dalam Negeri Johor, tetapi kita perlu melihat pada takrifan undang-undang, takrifan undang yang perlu dilihat dan dipinda sekiranya perlu, kerana dalam takrifan Akta Hiburan dan Tempat-

Tempat Hiburan 1998 ada menyatakan bahawa hiburan itu salah satunya, antara salah satu komponen ialah dinyatakan bahawa melalui mesin dan peranti yang jika tidak di manipulasi, jika melalui mesin dan peranti yang jika di manipulasi memberi peluang untuk memenang hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang. Haa ni dah, wang. Kalau menang dapat duit dikata judi. Masuk seposen keluar seratus, ini bukan *treat at equal value*, ini dah lain *valuenya* dah lain nilainya makna nilai ni dimanipulasi. Peranti boleh dimanipulasi, hari ini datang peranti betul-betul laptop, besok dah jadi bukan laptop dalam tu dah ada lain. Tafsiran 1998 Akta Hiburan dan Tempat Hiburan. Yang kedua takrifan yang melibatkan nasib, nasib pun satu lagi, eh nasib kata dia. Saya masuk dalam pusat hiburan keluarga nasib la kalau menang, menang, kalah, kalah. Nasib maknanya penentuannya tak tentu pun judi. Jadi, saya minta kerajaan melihat balik pada tafsiran-tafsiran yang telah dirangka pada 98 terhadap Akta Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan.

Dato' Pengerusi dengan, Dato' Speaker, minta maaf. Dengan adanya penilaian yang saya katakan *treat at equal value* kita yakin pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjadikan Bandar Johor Bahru Iskandar sebagai *center of MICE, M-Meeting, I-Incentive, C-Conference, E-Exhibition, MICE*. Saya begitu yakin, pandangan Yang Amat Berhormat dalam bajet 2015 menjadikan Johor sebagai Johor Bahru sebagai pusat persidangan antarabangsa sangat tepat pada waktunya. Kita balik melihat kepada Korea Selatan iaitu bandaraya Seoul. Bandaraya Seoul telah pun dikunjungi oleh keseluruhan rakyat dunia, tak kira dari mana, untuk mengadakan persidangan, kerana apa Dato' Speaker, kerana dia menyediakan infrastruktur, infrastruktur yang paling asas iaitu apa dia, *conference at real time*.. Maksudnya kalau mereka mengadakan *conference at real time* di Amerika boleh mengikuti bersama. Dekat England boleh mengikuti bersama. *Conference at real time* maknanya apa, infrastruktur *telecommunication*, infrastruktur yang berkaitan dengan wifi, kabel, infrastruktur yang berkaitan dengan unsur-unsur *event management* yang termaju. Yang ini yang kita katakan, perkara yang boleh di lihat dalam bajet 2015 dipertingkatkan. Barulah saya yakin, Johor sebagai pusat persidangan antarabangsa yang destinasi pelancongan utama menjadi kenyataan. Dan ini sepatutnya di *address* lebih awal kerana kita nak melihat, kita nak melihat kunjungan rakyat daripada dunia tidak menurun dalam Negeri Johor kerana kita menambah nilai bandaraya Johor Bahru dan Johor secara amnya menjadi pusat persidangan antarabangsa. Dan, saya yakin dengan pertumbuhan yang besar, dengan pelaburan yang banyak datang ke Nusajaya ke Pengerang, sampai masanya, sampailah masanya, pusat persidangan antarabangsa di Johor Bahru jadi kenyataan, dan kita mesti fikirkan kaedah dan infrastruktur yang bersamaan dengan bandar-bandaraya dalam dunia, bandaraya-bandaraya lain dalam dunia ini menjadi satu yang kita boleh capai dalam masa yang singkat dan kita capai peranannya. Selain daripada itu Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Pasir Raja sila gulung.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Boleh. Selain daripada yang saya nak bangkitkan, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberi bajet kepada anak-anak yang miskin untuk sekolah agama seramai 15,000 orang anak-anak miskin tahun 2015. Saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat lain, kita ucap terima kasih lah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana 15,000 orang ni bukan sedikit jumlahnya, ramai. Diberi RM2.50 satu hari makanan sihat. Kerana makanan sihat inilah yang akan membekalkan kita pada

masa depan *human capital* ataupun modal insan yang terbaik. Dengan makan inilah dengan duit ini yang diberi ni kita harapkan dia tidak terputus untuk tahun 2015 saja. Dia akan berterusan tahun 2016, 2017 dan kalau boleh kepada rakyat lain. Kerana kita ada bajet yang mencukupi. Dan, inilah yang dikatakan satu bajet yang *very inclusive* dan akhir sekali Dato' Speaker, saya yakinkan diri saya dan rakan-rakan bahawa kita mohonlah apa yang dibangkitkan ataupun dilaksanakan dalam bajet 2015 ini menjadikan kita lebih kuat, menjadikan kita lebih yakin dan dengan itu Pasir Raja menyokong rundingan. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Seterusnya YB Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih. Terima kasih Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada Stulang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin membentangkan beberapa isu untuk renungan bersama.

Isu pertama yang Stulang ingin bawa adalah berkenan dengan Wilayah Iskandar, ya di Wilayah Iskandar Johor. Berlandaskan angka pembangunan Wilayah Iskandar Johor telah menerima pelaburan komited terkumpul sebanyak 156.35 bilion dari tahun 2006 sehingga September 2014. Daripada jumlah tersebut sebanyak 77.17 bilion membabitkan pelaburan yang direalisasikan. Berlandaskan laporan daripada Iskandar Malaysia, Wilayah pembangunan Iskandar mensasarkan pelaburan terkumpul sebanyak 383 bilion menjelang 2015 eh 2025. Justeru itu, berlandaskan angka yang diberikan setelah 9 tahun Wilayah Iskandar dilancarkan sejak tahun 2006 ia hanya mencatatkan pelaburan komited 156,35 bilion iaitu hanya sebanyak 40.8 peratus sahaja daripada angka sasaran. Manakala untuk pelaburan yang betul-betul direalisasikan peratusan yang dicapai dengan angka 77.17 bilion hanya merupakan 20.15 sahaja daripada angka sasaran 383 bilion. Stulang berpendapat angka tersebut amat rendah dan jauh daripada sasaran kerana sudah separuh daripada masa telah pun berlalu iaitu 9 tahun dan hanya tinggal 11 tahun lagi untuk mencapai sasaran. Berikutan dengan kenaikan tol di CIQ, Johor Bahru dianggarkan impak negatif yang besar akan mempengaruhi perkembangan Iskandar Johor. Sektor hartanah juga dijangka akan menerima tamparan hebat berikutan dengan pelarasan kadar tol yang begitu tidak munasabah.

Stulang merasakan bahawa kenaikan tol ini akan melambatkan lagi pembangunan di Iskandar serta meletakkan angka pelaburan lagi jauh dari angka sasaran 2025 menjadikan matlamat Iskandar Malaysia akan gagal. Ini kerana kenaikan tol ini akan melambatkan ekonomi tempatan di Johor Bahru dan seterusnya mempengaruhi keputusan para pelabur untuk melabur di Wilayah Iskandar. Kesan berantai ini tidak boleh dipandang remeh sama sekali. Jadi, Iskandar Malaysia juga mempunyai satu visi untuk menjadikan Wilayah Iskandar sebagai Wilayah Metropolis yang lestari dan kental yang mempunyai *standard* antarabangsa. Pada pendapat Stulang visi ini hanya boleh dicapai dengan keadaan pantas ekonomi yang mesra dan bukannya diselubungi dengan polisi yang membebankan rakyat. Justeru itu, pendirian kita, pendirian kita, berkenaan dengan tol EDL adalah sangat jelas iaitu :

1. Tidak setuju dengan tol dinaikkan dengan begitu tinggi untuk dibayar kepada MRCB di mana ia juga merangsang pihak Singapura menaikkan kadar tol.

2. BN harus menunaikan janji Pilihanraya Umum 13 yang mengatakan tiada tol untuk EDL.

3. Pendirian kita adalah kerajaan seharusnya mengambil alih EDL berlandaskan kiraan pinjaman. Sekiranya berlandaskan angka yang diberikan oleh pengerusi Jawatankuasa JKR yang meletakkan bahawa kos adalah 1.26 bilion, tak apa saya ambil angka 1.3 bilion ya untuk kiraan dengan faedah 5%. Kalau kerajaan mengambil alih EDL, kerajaan hanya perlu membayar sebanyak RM6.979 juta satu bulan sahaja. Dan, kalau diberikan jumlah bayaran adalah sebanyak 2.51 bilion sahaja sampai akhirnya. Kalau dibiarkan kutipan tol di CIQ berterusan dengan kadar boleh dinaikkan lagi dari semasa ke semasa, maka jumlah kutipan akan mencecah melebihi 4 bilion.

Jadi kesimpulannya untuk isu ini, ya kesimpulan untuk isu ini adalah kerajaan tidak boleh melepaskan diri daripada menanggung kos pembinaan prasarana awam dan lebih-lebih lagi menyuruh rakyat menanggung kos pembinaan, pembinaan yang tinggi untuk diberikan kepada syarikat swasta yang mesra kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang seterusnya yang saya nak bincangkan adalah berkenaan dengan isu diplomatik dengan Singapura dan isu tambakan Johor, tambakan tanah dan sebagainya. Banyak isu yang perlu diselesaikan kerana dalam hal ini yang melibatkan dua negara di mana konflik antarabangsa dan diplomatik perlu diminimakan. Sebelas tahun dahulu ya, pihak Singapura telah menambak Pulau Tekong dan telah menimbulkan reaksi daripada Malaysia di mana nelayan di Malaysia rezeki mereka telah pun terpengaruhi dan perbalahan rezeki mereka dipengaruhi kerana perubahan arus ombak dan perbalahan di antara berkenaan dengan isu ini tidak boleh diselesaikan sehingga dibawa kepada Mahkamah Antarabangsa.

Justeru itu, Stulang berpendapat bahawa semua isu-isu berkaitan dengan isu sempadan, ya Johor perlu ada satu, ada satu rombongan wakil dari Malaysia untuk sentiasa peka dan berunding dengan pihak Singapura supaya hubungan diplomatik Malaysia Singapura tidak akan tegang dan menyelesaikan isu ini untuk kedua-dua belah pihak. Dan cadangan saya, cadangan Stulang adalah, cadangan saya adalah kalau ada rombongan untuk membuat rundingan dengan pihak luar negara biarlah wakil-wakil daripada pihak sebelah kita ini ya ada dapat ambil bahagian.

Seterusnya, isu yang seterusnya yang saya nak bincangkan adalah tentang baki lot ya berkenaan dengan isu tempatan. Baki lot 12831 baki lot di Johor Bahru telah pun hilang telah hilang selepas pecah dan cantum sempadan. Lot itu hilang tersejak di muka bumi. Ya lot itu hilang. Ya lot ini telah pun hilang. Baki lot ini di mana terletaknya di 3 blok rumah pangsa Stulang Darat, ya iaitu tidak dijumpai dalam rekod PTG. Tiada PA, pelan akui yang mewartakan baki lot tersebut. Sebelum itu untuk tujuan pengambilan tembok penahanan tebing, lot 94964 telah menjadi lot 12831 pada tahun 1972. Selepas proses cantum dan pecah sempadan lot 12831 dan lot 965 pada tahun 1989 telah diwujudkan dengan lot 18346 dan PA adalah PA 38379 tetapi baki lot tidak dijumpai. Ya ini adalah satu perkara yang yang tidak boleh berlaku. Ya, ini mengakibatkan tanah di mana terletaknya 3 blok rumah pangsa Stulang Darat menjadi tiada pemilik. Ya, pada tahun 1960-an pihak *Council* JB telah memajukan kawasan tersebut untuk memindahkan penduduk daripada dari Mengkuang. Jadi ini tanah MBJB. Mengapa tanah tersebut sekarang boleh hilang? Tanah ini juga sangat

berharga. Baki lot adalah sekitar 2.5 hektar. Kalau kita kira tanah itu adalah satu kaki persegi adalah RM500.00 maka tanah itu bernilai RM54 juta. Lantaran itu kerajaan negeri patut memberi perhatian yang serius dalam kes ini. Jadi, saya menyeru kepada pihak MBJB dan pihak-pihak yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah ini kerana langkah yang perlu dilakukan termasuk adalah permohonan tanah oleh MBJB, kelulusan Jawatankuasa, permohonan ukur, *kaveat*, ukur tanah, pengedaran PA dan sebagainya supaya baki lot 12831 boleh diwartakan semula. Mengapa begitu penting kita kena wartakan baki lot tersebut? Kerana hakmilik strata tertunggak bagi 3 blok rumah pangsa di Stulang Darat belum selesai lagi. Kalau tidak ada pemilik maksudnya tidak boleh memohon untuk hakmilik strata. Jadi, selama-lamanya rumah-rumah pangsa tersebut tidak ada hakmilik strata. Jadi, ini ialah satu isu yang saya nak kemukakan berkenaan dengan para pemilik rumah pangsa di jalan Stulang Darat yang terdiri daripada 3 blok di mana setiap blok mempunyai 3 unit rumah belum mendapat hakmilik strata mereka. Mereka dipindahkan ke flat tersebut dari Mengkuang pada tahun 1966 oleh JB Town Council, dengan izin. Para penduduk di situ telah menandatangani perjanjian belian rumah dan membayar RM30.00 sebulan secara ansuran untuk memiliki rumah mereka.

Jadi adalah tidak adil mereka tidak memiliki hakmilik strata. Sudah 48 tahun belum dapat hakmilik strata. Kesan dia adalah apa? Kesan tidak ada hakmilik strata untuk mereka adalah :

1. Harta harta mereka tidak boleh dipindah milik.
2. Harta harta mereka akan menurun.
3. Tiada kuasa rundingan apabila ada pihak swasta yang ingin mengambil alih rumah mereka. Tak ada kuasa berunding.
4. Ramai pemilik asal telah pun meninggal dunia dan ini menyukarkan lagi proses pindah hak milik.

Jadi adalah tidak wajar pemilik tanah tidak memohon hakmilik strata bagi rumah mereka. Sebagai kerajaan atau kerajaan negeri atau kerajaan tempatan sepatutnya menunjukkan satu teladan yang baik dalam isu hakmilik strata. Ini adalah kerana akta menetapkan pemilik tanah patut memohon hakmilik strata untuk pemilik rumah. Jadi, kalau PBT atau pun kerajaan tidak memohon untuk mereka macam mana kita nak *expect*, kita nak nakkan pemaju sendirian memohon untuk pembeli rumah mereka ya. Jadi, adalah melakukan menurut Akta Hakmilik Strata 1985, Seksyen 8 menekankan bahawa proses permohonan hakmilik strata perlu dilakukan oleh pemilik tanah supaya hakmilik strata boleh dikurniakan ke berapa milik tanah. Dalam kes ini pemilik tanah ataupun MBJB telah melanggar undang-undang dengan tidak memohon hakmilik strata bagi pihak pemilik. Selain itu, di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama, ya Akta 663, Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang terdiri daripada pembeli dan pembeli rumah patut dibentuk untuk menguruskan ya bangunan tersebut. Ya, kerana untuk memanggil mesyuarat dan sebagainya daftar pembeli kena disediakan, akaun pengurusan juga perlu ditunjukkan dan pemilik rumah mengharapkan pengurusan yang lebih baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu seterusnya yang ingin saya bentangkan adalah berkenaan dengan rumah kediaman dan kedai yang diubahsuai sebagai rumah sewa ya. Terdapat banyak rumah, kediaman dan kedai di sekitar Johor Bahru telah diubahsuai dengan menambah bilangan bilik. Dan bilangan bilik-bilik tersebut telah

disewa kepada penyewa-penyewa. Oleh kerana terdapat permintaan yang tinggi untuk bilik sewa maka rumah kediaman yang diubahsuai dengan pertambahan bilik bertambah dengan cepat seperti cendawan tumbuh selepas hujan ya. Saya Stulang bukan anti mereka yang menyewa bilik, kepada para penyewa tetapi saya rasa ada lebih baiknya sekiranya keadaan ini dipantau urus ya dengan baik untuk kebaikan semua pihak iaitu tuan rumah, penyewa dan jiran. Stulang berpendapat sekiranya keadaan ini tidak dipantau dengan berkesan banyak masalah akan berlaku. Ini termasuk keselamatan penyewa, jiran, kesesuaian struktur bangunan, kesesakan, kebakaran, kacau ganggu, jenayah, kebersihan, rekod penyewa, garis panduan penyewa dan sebagainya akan berlaku.

Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Seksyen 78 dan Seksyen 79 ada menyentuh tentang isu ini. Seseorang yang membenarkan sebuah rumah diduduki dengan penuh sesak sehingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada penduduknya adalah melakukan suatu kesalahan. Justeru itu, Stulang yang menggesa kerajaan agar seksyen tersebut boleh diperhalusi atau mengubah undang-undang kecil, ya, untuk memantau fenomena itu. Justeru itu, adalah wajar untuk kerajaan menggubal undang-undang yang khusus bagi rumah kediaman dan kedai yang diubahsuai sebagai bilik sewa supaya keselamatan dan keamanan setiap pihak yang terlibat terjamin.

Kita tidak mahu melihat kejadian tidak diingini berlaku lagi, ya, seperti kebakaran yang meragut nyawa, perbalahan di antara tuan rumah dan penyewa yang mengakibatkan tuan rumah meninggal dunia. Ini pernah berlaku. Selain itu, keadaan seperti jiran diganggu dengan keadaan terlalu bising, kereta yang terlalu banyak diletakkan di tempat yang terhad, ya, semuanya perlu dititikberatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang seterusnya adalah berkaitan dengan pembangunan bandar raya di Johor Bahru, di mana satu aspek khusus perlu ditumpukan juga dan masalah ini belum diselesaikan, walaupun telah banyak pihak, banyak kali mengutarakan masalah ini. Masalah ini adalah tempat letak kereta di bandar Johor Bahru tidak cukup. Tempat letak kereta di sekitar bandar Johor Bahru adalah tidak memadai. Keadaan Pusat Bandar JB yang penuh sesak dengan kenderaan dan kenderaan diletakkan di tepi-tepi jalan amat menjolok mata dan mengganggu kelancaran lalu lintas. Keadaan ini amat serius, di mana di Kim Teng Park, di Jalan Lumba kuda, Jalan Ah Siang, Jalan Bukit Meldrum dan sekitar Bangunan CIQ. Bangunan CIQ itu juga, keadaan ini telah mengganggu ketenteraman penduduk, ya. Para peniaga juga mengalami kemerosotan perniagaan kerana para pelanggan sukar mencari tempat parkir di tempat perniagaan mereka. Malah tempat letak kereta di CIQ juga sentiasa penuh sesak , ya, sehingga ada kereta letak di tengah-tengah jalan tempat letak kereta dalam Bangunan CIQ. Ribuan pemandu juga meletak kenderaan mereka di kawasan lapang Bukit Cagar di mana tempat tersebut berkemungkinan menjadi Stesen Terminal RTS Johor Bahru.

Saya ambil contoh, ya, di Bandaraya Kuching di Sarawak dengan bilangan penduduk sekitar 350,000 sahaja, terdapat tiga bangunan tempat letak kereta bertingkat. Apatah lagi kalau kita bandingkan dengan Johor Bahru, dengan penduduk lebih daripada 1 juta. Ramai orang dan tambahan pula ada ramai yang meletakkan kenderaan di pusat bandar dan bekerja di Singapura. Justeru itu, saya mencadangkan agar kerajaan mempercepatkan proses membina lebih banyak bangunan tempat letak

kereta bertingkat di pusat bandar raya. Ini sangat penting. Diharapkan pihak IRDA, Iskandar yang memikul tanggungjawab dalam penyelenggaraan, pembangunan dan pelaburan Iskandar Johor akan menggariskan masalah ini dan lebih proaktif dalam mencari para pelabur yang berminat untuk meletakkan projek ini sebagai satu projek kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu seterusnya yang berkaitan dengan keselamatan. Keselamatan merupakan salah satu faktor utama untuk mengukur sama ada penduduk di bandar itu hidup dengan tenteram atau tidak. Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan mencadangkan kepada pihak polis agar mendirikan lebih banyak pondok polis di kawasan yang mempunyai pelawat atau pelancong yang ramai serta kawasan yang kerap berlaku jenayah. Ini sangat penting, ya. Alasan yang mengatakan bahawa terdapat pondok polis berdekatan tidak seharus dijadikan alasan untuk tidak mendirikan pondok polis. Dalam keadaan ini, ya, di mana keselamatan menjadi isu, kita harus mendirikan pondok polis seberapa banyak yang mungkin, ya. Ini disebabkan sesuatu pondok polis walaupun berdekatan tetapi tidak kelihatan di kawasan sibuk yang amat memerlukan pondok polis untuk menakutkan penjenayah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Stulang, sila gulung.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Ok, ada *last* lagi. Diharapkan penambahan polis bantuan berjumlah 1,100 orang yang dibentangkan dalam Bajet 2015 akan mementingkan aspek rondaan dan kerja luar.

Akhir sekali, ya, berkenaan dengan MBJB ingin mengutip wang deposit sebanyak RM5,000.00 untuk 17 jenis perniagaan. Di sini, pendirian kita juga sangat jelas. Adalah kita membantah implementasi ini dan dalam konteks mengutip bayaran denda, praktis yang adil adalah MBJB boleh menyaman para peniaga yang melanggar peraturan dan menetapkan pembayaran saman sebagai kriteria untuk memperbaharui lesen perniagaan pada tahun depan. Ini merupakan satu praktis yang praktikal dan boleh dipraktikkan dan adil. Dengan itu, mereka yang di saman pasti akan membayar saman mereka kerana mereka mahu lesen perniagaan mereka diperbaharui agar terus boleh berniaga.

Oleh itu MBJB tidak seharusnya mengutip wang deposit daripada para peniaga tertentu sebelum mengeluarkan lesen perniagaan. Langkah ini sudah pasti dapat menyelesaikan masalah para peniaga yang tidak membayar saman. Sekiranya dasar ini masih ingin diteruskan, ya, walaupun bantahan disuarakan, saya mencadang agar kita memberi wang faedah kepada deposit mereka. Mereka deposit RM5,000 sekurang-kurangnya dapat faedah, oklah sikit. Walau bagaimanapun, kita membantah implementasi ini dan berharap dasar yang mendapat banyak bantahan dan kekeliruan ini tidak akan dilaksanakan di PBT yang lain di seluruh Negeri Johor.

Akhirnya, di sini saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar kita kerana membentangkan satu bajet yang bertemakan dengan satu perkataan 'inklusif'. Jadi saya menyeru kepada kerajaan supaya betul-betul inklusif kerana dalam membina satu bangunan juga, batu besar, batu kecil, pasir, batu kelikir semuanya penting untuk mengukuhkan bangunan. Kalau kita hendak pakai semua batu, semua pasir, semua batu kelikir pun tak boleh. Justeru itu, kalau kita hendak bangunan kukuh, setiap

bahagian kena diambil kira. Justeru itu, setiap rakyat di Johor tak kira Cina, Melayu, India dan sebagainya tak kira agama, kedudukan, darjat dan sebagainya, ya, perlu diberikan perhatian yang betul-betul bukan tinggal sebagai slogan sahaja. Kita nak lebih praktikal mesti lebih praktikal dan betul-betul inklusif dan bukan tinggal sebagai slogan sahaja. Dengan ini...

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat nak jadi pasir ke batu kelikir?

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Hah? Semua sama. Semua sama penting. Dalam bangunan tak boleh pasir sahaja, tak boleh. Runtuh pula. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Saya persilakan Yang Berhormat Tangkak.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, salam bersih, salam sejahtera, selamat petang. Tangkak ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Speaker kerana diberi peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor 2015.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Tangkak juga mengucapkan tahniah kerana Negeri Johor dapat memperolehi sebanyak RM3.82 juta lebihan bagi Bajet Mengurus Tahun 2015. Meningkat sebanyak RM1.7 juta berbanding dengan lebihan pada tahun lalu. Tetapi kebanyakan anak bangsa Johor masih tidak dapat menikmati dan mendapat manfaat daripada lebihan Bajet tahun 2014 tersebut. Sebagai satu kerajaan yang menyayangi rakyatnya, sepatutnya perlu menggunakan kekayaan negeri untuk menambah baik taraf kehidupan rakyat dengan pelbagai, dengan bantuan dari pelbagai segi seperti bantuan kewangan, bantuan keperluan seharian, bantuan persekolahan dan bantuan komuniti. Dengan ini Tangkak meminta supaya Kerajaan Negeri Johor boleh mengambil tumpuan untuk melaksanakan satu skim perkongsian kekayaan negeri yang boleh meringankan bebanan rakyat. Rakyat Johor sepatutnya boleh hidup dengan senang dan bahagia.

Memandangkan Johor adalah sebuah negeri yang sangat bertuah, dengan kerana telah dikurniakan dengan pelbagai hasil bumi dan birokrasi di tempat yang strategi oleh tuhan. Negeri kita mempunyai tanah subur yang subur untuk pertanian. Tempat-tempat menarik yang boleh dijadikan tempat tarikan pelancongan dan juga negeri kita mempunyai lapangan terbang dan pelabuhan negeri Johor juga terletak di antara laluan perkapalan antarabangsa yang tersibuk di dunia. Kalau kerajaan negeri boleh mentadbir dengan baik, Tangkak percaya anak bangsa Johor tidak perlu lagi bekerja di luar negeri dan juga di luar negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan GST mulai bulan April 2015. Golongan berpendapatan rendah dan pertengahan di negeri Johor juga akan diserang oleh GST dan dijangka akan mengurangkan kuasa membeli mereka. Jika kuasa membeli mereka telah kurang, ekonomi pasaran akan dirosot. Apakah rancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri Johor untuk mengatasi masalah ekonomi dan masalah sosial, masalah yang membebankan rakyat ini.

Walaupun Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan akan meningkatkan atau menaikkan jumlah pemberian BR1M pada tahun ini sebanyak RM300.00 kepada keluarga yang mempunyai pendapatan tidak melebihi RM4000.00 sebulan, tetapi bantuan atau kenaikan tersebut masih tidak mencukupi bagi penerima BR1M untuk menghadapi inflasi yang semakin meningkat. Sehingga hari ini, kami masih tidak nampak apa-apa tindakan dari Kerajaan Negeri Johor yang akan menolong golongan tersebut untuk mengatasi serangan GST.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana inflasi yang semakin meningkat, kos sara hidup rakyat juga semakin tinggi, tambah lagi kejatuhan harga hasil seperti kelapa sawit dan getah. Permohonan bantuan kewangan bulanan kebajikan masyarakat juga bertambah banyak. Kami telah menerima banyak aduan tentang permohonan baru kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor mengambil masa yang begitu lama, sampai ada pemohon yang telah menyerah borang melebihi 6 bulan tapi masih tidak dapat jawapan daripada JKM Johor. Golongan pemohon tersebut terdiri daripada penyakit-penyakit yang masih menerima rawatan perubatan, OKU dan juga warga emas sebatang kara. Mereka adalah golongan yang begitu susah dan berharap boleh dapat bantuan kewangan secepat mungkin untuk meneruskan rawatan perubatan dan juga menampung kos kehidupan mereka. Jawapan yang di perolehi daripada pegawai JKM tentang kelambatan proses permohonan adalah kerana JKM sekarang sibuk dengan kerja-kerja kemas kini keadaan penerima bantuan yang lama.

Tangkak ingin menyeru JKM Johor supaya mempercepatkan proses meluluskan permohonan baru bagi golongan yang telah disebut tadi. Terdapat beberapa kecacatan dalam syarat JKM juga seperti bagi pemohon yang bekerja, yang ada bekerja akan dapat bantuan kewangan bulanan yang lebih tinggi daripada pemohon yang tidak bekerja. Kami faham bahawa niat JKM ialah mahu menggalak penerima bantuan untuk mencari rezeki kehidupan. Malangnya, bagi penerima yang cacat, yang lumpuh, yang tidak mampu bekerja, mereka lebih perlu bantuan yang mencukupi ataupun bantuan kewangan bulanan yang lebih tinggi.

Kedua, salah satu syarat kelayakan untuk menerima bantuan JKM adalah pendapatan isi keluarga yang melebihi RM720.00 sebulan tidak akan dapat bantuan, cuba bayangkan, pada zaman sekarang, walaupun pendapatan seisi keluarga ada RM 1,000.00 pun tidak mencukupi untuk perbelanjaan.

Oleh itu, Tangkak ingin bercadang kepada Kerajaan supaya mengkaji semula syarat-syarat JKM yang telah ketinggalan zaman bagi memudahkan pemohon yang berkeperluan. Pekebun kelapa sawit dan getah juga memerlukan bantuan.

RISDA telah melancarkan bantuan khas Akibat Kejatuhan Harga Getah (BKKH) 2.0 tahun 2014. Masalah yang sama juga timbul. Segolongan besar pekebun ataupun pemohon yang telah serah borang kepada RISDA tetapi tidak dapat langsung maklum balas dari RISDA. Apabila, mereka menghubungi RISDA diperingkat daerah dan negeri, mereka diminta merujuk kepada Putrajaya. Selepas mereka menghubungi dengan Putrajaya pula Putrajaya tidak menyediakan perkhidmatan menyemak keadaan permohonan. Jadi, Tangkak berharap RISDA, Negeri Johor boleh menolong pekebun-pekebun dan pemohon-pemohon dalam masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor sebagai negeri kedua paling dikunjungi oleh pelancong antarabangsa di Malaysia. Kerajaan juga ingin menjadikan Johor sebagai Hab Pelancongan Wilayah Selatan. Salah satu langkah yang penting untuk menjayakan impian ini, adalah menangani masalah keselamatan. Rakyat sangat menghargai tindakan kerajaan dalam memasang kamera litar tertutup di kawasan-kawasan bandar. Ia telah berjaya mengawalkan kes jenayah di sesetempat. Tetapi, kes jenayah bukan sahaja berlaku di kawasan bandar, kawasan luar bandar juga berlaku kes jenayah. Jadi, Tangkak meminta Kerajaan Negeri Johor supaya memasang juga sistem CCTV atau peralatan CCTV di kawasan luar bandar.

Masalah sosial juga mengancam keadaan keselamatan negeri, seperti perjudian haram dan penyalahgunaan dadah. Kedua-dua masalah ini telah mencemari moral manusia dan membawa kes-kes seperti mencuri, merompak dan sebagainya. Topik hangat kebelakangan ini ialah perjudian haram termasuk mesin kuda. Kerajaan Negeri Johor telah mengambil keputusan supaya tidak mengeluarkan lesen baru kepada sektor hiburan keluarga dengan alasan lesen-lesen hiburan keluarga disalah guna oleh sesetengah pemegang lesen yang tidak bertanggungjawab.

Tetapi, Tangkak rasa tindakan kerajaan tentang membekukan lesen baru hiburan adalah tidak adil terutama kepada pemegang lesen yang tidak melanggar undang-undang. Di negara kita ini memang pelik Yang Berhormat Dato' Speaker. Apabila kemalangan jalan raya berlaku, meningkat, unit penguatkuasa sibuk membawa pembaris untuk ukurkan nombor plat kereta. Apabila muncul pusat perjudian haram, kesemua pusat hiburan pula ditutup.

Selepas nombor plat ditukar kepada standard, selepas semua pusat hiburan ditutup, kemalangan jalan raya masih berlaku, pusat perjudian haram juga masih beroperasi. Jadi, pusat perjudian haram sebenarnya, kalau nak hapuskan pusat hiburan haram dengan lebih berkesan, Tangkak bercadang, pasukan penguatkuasa dan pihak berkenaan harus meningkatkan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut laporan Dadah Kebangsaan pada tahun 2007, antara 172 hingga 250 juta penduduk dunia yang terlibat dengan ketagihan dadah, 51 juta orang daripada jumlah itu adalah remaja yang terlibat dengan pelbagai jenis dadah sintetik.

Menurut kenyataan Timbalan Yang Dipertua Pemadam Kebangsaan baru-baru ini, murid sekolah berusia antara 10 hingga 12 tahun dikesan terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Usaha pencegahan dadah perlu dilaksanakan bermula daripada peringkat sekolah rendah. Oleh itu, Tangkak meminta kerajaan negeri Johor supaya bekerjasama dengan sekolah-sekolah di dalam negeri untuk mengatasi masalah ini.

Selain daripada masalah jenayah ataupun keselamatan, cara mempromosi industri pelancongan negeri juga sangat penting. Nampaknya, Kerajaan Negeri Johor cuma bertumpu dalam bidang ekopelancongan, taman-taman tema dan pusat beli-belah besar. Untuk maklumat sekalian, *trend* pelancongan sekarang adalah dengan izin, *back packer*, ataupun dengan pelancongan budaya.

Kepelbagaian taman-taman tema dan pusat beli belah besar terdapat di mana-mana tempat di seluruh dunia. Pelancong tidak semestinya memilih Johor sebagai

destinasi melancong mereka. Malaysia mempunyai kelebihan dengan suatu negara, suatu masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang bahasa dan berbilang budaya. Kepelbagaian budaya di Malaysia adalah satu tarikan yang besar kepada pelancong-pelancong dari luar negara. Kerajaan seharusnya mempromosikan kelebihan ini dan menyediakan suatu rancang pelancongan yang berlainan dengan negara lain, seperti memberi peluang kepada pelancong untuk merasakan hidup tempatan.

Kami tahu kerajaan telah merancakkan konsep home stay, dengan izin tetapi, kami menyedari konsep ini tidak dipromosikan dengan baik, Jabatan Pelancongan perlu memberikan latihan kepada pemilik *homestay*, bukan sahaja cara melayan pelancong, tetapi juga perlu tahu bagaimana memperkenalkan cara hidup setempat dan keistimewaan negeri kita.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tangkak ada *homestay*?

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ada. Buku-buku panduan pelancong mempunyai informasi pelancongan yang lengkap termasuk penterjemahan nama tempat pelbagai bahasa perlu disediakan kerana kami mendapati pelancong-pelancong yang tidak faham Bahasa Malaysia selalu menghadapi masalah ketika mereka melancong ke sini. Tangkak juga menyeru Jabatan Pelancongan supaya menyediakan papan tanda dan keterangan dalam pelbagai bahasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan utara Johor, Taman Negara Gunung Ledang ialah suatu tempat rekreasi bagi rakyat tempatan dan juga pelancong. Menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013, Negeri Johor Siri 3, pengauditan yang telah dilaksanakan pada awal tahun ini mendapati bahawa kemasukan pelawat berdaftar melebihi jumlah yang ditetapkan terutamanya bagi pendaki harian dan pendaki bermalam.

Kemudahan yang telah dibina juga tidak disenggarakan. Ia telah membawakan kesan sampingan kepada alam sekitar seperti hakisan terhadap jalan denai, gangguan terhadap populasi binatang liar kesan daripada interaksi dengan manusia. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Perbadanan Taman Negara Johor termasuk menghukum pihak yang bertanggungjawab dan Tangkak ingin bertanya, apakah kriteria yang telah diguna pakai oleh Perbadanan Taman Negara Johor semasa menetapkan bilangan kemasukan pelawat sebelum ini?

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah mengiktiraf kedudukan jawatan Ketua Pembangkang yang disandang oleh wakil UMNO di dalam Dewan Negeri Selangor. Dengan pelaksanaan Enakmen Ketua Pembangkang Negeri Selangor, Ketua Pembangkang Negeri Selangor akan menerima elaun tetap, elaun pemandu, elaun setiausaha kerja, kereta rasmi kerajaan dan juga elaun lain seperti seorang EXCO negeri. Selain itu, Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang turut membuat keputusan memberi peruntukan tahunan kepada ADUN daripada parti Barisan Nasional. Bilakah Kerajaan Negeri Johor yang selalu berbangga dengan mempunyai Undang-Undang Tubuh Negeri yang pertama di Malaysia dan juga telah menjadi sebagai model bagi perlembagaan Negeri masing-masing hendak mengikut tindakan demikian? (Dewan bertepuk).

Selain mengiktiraf jawatan Ketua Pembangkang dan memberi peruntukan tahunan ADUN pembangkang, Tangkak ingin bercadang kepada Dewan Yang Mulia ini, supaya menyediakan kemudahan jalur lebar tanpa wayar dalam Dewan Negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang adalah zaman teknologi. Kerajaan Negeri Johor juga melaksanakan pelbagai perkhidmatan atas talian seperti e-Aduan, e-Bayar dan e-Rumah. Malangnya, Dewan Negeri Johor sehingga hari ini masih tidak mempunyai kemudahan jalur lebar tanpa wayar percuma.

Dengan kemudahan ini, Tangkak percaya bukan sahaja boleh meningkatkan prestasi Ahli-Ahli Dewan, kesemua anggota-anggota dalam bangunan Dewan Negeri termasuk wartawan juga boleh bekerja dengan lebih efektif. Tangkak ingin mengambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa isu tempatan yang dihadapi di kawasan Tangkak dan berharap agar masalah tersebut dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

Sekarang sudah masuk musim hujan, kawasan Kampung Baru No.2 Tangkak sering dilanda banjir kilat. Walaupun kerja-kerja menaik-taraf perparitan dan longkang telah dilaksanakan di kawasan tersebut, tetapi masih berlaku banjir kilat yang mengakibatkan kerugian yang teruk kepada penghuni di kampung tersebut. Tangkak berharap agar kerajaan dapat memantau dan memastikan bahawa semua longkang monsoon di Tangkak telah di selenggara dengan baik bagi mengelakkan tragedi banjir kilat berlaku lagi. Pada awal tahun ini, penghuni-penghuni kawasan Muar dan Ledang terpaksa mengguna air masin dari pili air SAJ selama 2 minggu disebabkan berlaku pencemaran air di kawasan tersebut.

Walaupun aduan telah dibuat, tetapi, sehingga hari ini pihak Syarikat Air Johor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara masih tidak memberi satu jawapan yang memuaskan kepada pengguna-pengguna yang terjejas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak bulan lalu, pengguna-pengguna di sebut tadi, di kawasan yang sama sekali lagi menghadapi masalah bekalan air yang dibekal oleh SAJ tidak bersih. Air itu air kuning ataupun air kotor? Macam mana penghuni boleh guna pakai air yang tidak bersih itu? Tangkak berharap SAJ dan SPAN boleh bertanggungjawab atas kedua-dua isu ini, isu pencemaran air tersebut dan Tangkak ingin bertanya, adakah SAJ akan memberi rebat kepada pengguna-pengguna yang terjejas dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor terhadap SAJ kerana SAJ telah gagal membekal air yang bersih kepada rakyat?

Jalan akses ke kawasan pekebun di Kampung Solok Tangkak, sudah lama tidak di senggara. Jalan batu yang berlubang-lubang di situ bukan saja membahayakan pekebun-pekebun yang menggunakan motosikal untuk masuk kerja di kebun, tetapi juga selalu mengakibatkan lori-lori yang mengangkut hasil kebun terbabas, terutama sewaktu hujan. Oleh kerana kejatuhan harga hasil bumi, pekebun tidak mampu lagi menanggung kos penyelenggaraan jalan. Tangkak berharap supaya Kerajaan Negeri Johor boleh membantu untuk membaik pulih jalan tersebut.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tangkak, sila gulung.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ok. Dalam sidang Dewan yang lalu, YAB Menteri Besar, telah berjanji akan memulakan membuat kajian bagi mengkaji kesesuaian

pelaksanaan penyeragaman cuti minggu di antara agensi kerajaan dan agensi swasta. Tangkak ingin tahu, adakah kajian tersebut telah dijalankan? Jika ya, apakah hasilnya? Dan, adakah Kerajaan Negeri Johor akan mengadakan bancl atas keputusan tersebut?

Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan cukai harta dari segi kadar dan nilai yang diumumkan oleh beberapa PBT termasuk Majlis Daerah Tangkak baru-baru ini juga adalah satu beban yang besar kepada penduduk-penduduk. Dengan harga hartanah yang begitu tinggi sekarang, kenaikan cukai harta sangat tidak adil kepada pemilik rumah. Tangkak berharap Kerajaan Negeri Johor boleh menimbang semula keputusan bagi meluluskan cadangan yang telah dibuat oleh PBT berkenaan. Cadangan membina sebuah pusat pameran gergasi Tangkak juga telah lama di umum oleh Kerajaan Negeri Johor sejak tahun 2009. Jawapan yang di perolehi dari Dewan yang mulia ini, memberi tahu bahawa syarikat berkenaan masih dalam keadaan memproses pelan bangunan. Ini jawapan yang di perolehi pada bulan Ogos lalu. Rakyat di Negeri Johor terutama dari kawasan utara hendak tahu berapa lama lagi mereka perlu menunggu. Tangkak ingin bercodang juga kepada kerajaan, bahawa pusat pameran tersebut bukan sahaja diguna untuk pameran perabot sahaja tetapi juga boleh menyediakan tempat untuk pamerkan produk-produk tempatan seperti hasil kebun di sesetengah tempat di kawasan Ledang.

Akhirnya, Tangkak berharap cadangan-cadangan dan komen-komen tadi dapat di manfaatkan oleh semua Ahli-Ahli dewan dan pemimpin-pemimpin kerajaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan itu saya ucap terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jemput Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat petang dan selam sejahtera. Terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 dalam Dewan yang mulia ini. Bajet 2015 yang bertema "Membangunkan Johor Secara Inklusif" telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bajet ini demi capai hasrat membangunkan Negeri Johor supaya menjadi sebuah negeri yang ekonominya yang kukuh dan berdaya saing serta rakyat hidup dalam kesejahteraan. Yang Amat Besar Menteri Besar telah berkata jurang keberadaan antara yang kaya dengan yang miskin semakin melebar. Johor Jaya berasa amat bimbang dengan masalah sosial ekonomi terutamanya terhadap golongan miskin, miskin tegar atau golongan yang berpendapatan yang rendah. Selepas PRU13 kehidupan rakyat menjadi semakin susah kerana menghadapi masalah kenaikan harga barang termasuk harga petrol, pemansuhan subsidi gula dan juga kenaikan harga tol di CIQ. Tidak lupa lagi GST yang akan dilaksanakan pada bulan April yang akan datang.

Oleh itu, Johor Jaya berpendapat bahawa Bajet 2015 tidak cukup menyeluruh dan seharusnya memberi lebih manfaat kepada rakyat Johor secara menyeluruh dari segi pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam, perumahan dan isu keselamatan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor Jaya ingin membentangkan Bajet 2015 daripada beberapa aspek yang penting.

YB Dato' Speaker, pembinaan sekolah rendah cina yang baru memang menjadi satu masalah yang sering kita hadapi terutamanya penduduk-penduduk sekitar Permas

Jaya. Memandangkan bilangan yang pelajar semakin meningkat, sekolah rendah cina yang sedia ada akan menghadapi masalah pelajar yang terlampau ramai. Berita baik adalah Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pembinaan sekolah rendah cina yang baru di Permas Jaya.

Bekas Timbalan Menteri Pendidikan pernah berkata kelulusan dan pembinaan SJKC Pei Hwa 2 ini merupakan salah satu sekolah rendah Cina yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2008. Di samping itu, sebelum PRU13, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkata bahawa atas usaha pelbagai pihak, Permas Jaya telah berjaya mendapatkan kelulusan untuk membina sebuah sekolah rendah cina di Permas Jaya. Ini merupakan salah satu projek yang paling besar dan beliau berkata sekiranya beliau menang dalam PRU13 di Zon Permas Jaya, beliau akan memastikan pembinaan tersebut boleh diteruskan dengan janji-janji daripada pelbagai pihak. Penduduk memang berasa amat gembira dengan kelulusan pembinaan tersebut kerana sebelum ini mereka terpaksa hantar anak mereka ke sekolah rendah Cina yang lain seperti SJKC Masai, SJK Johor Jaya, Chee Tong, Foon Yew 1, di mana sekolah-sekolah ini terletak jauh daripada Permas Jaya. Majlis Pecah Tanah telah diupacarakan pada bulan April 2013 iaitu sebelum PRU13. Namun apa yang mengecewakan penduduk-penduduk tempatan adalah kerja-kerja pembinaan tidak dijalankan sejak tahun lepas sehingga kini. Kedudukan tempat sekolah telah dipastikan nama sekolah telah ditetapkan ahli jawatankuasa bagi sekolah tersebut telah dipilih dan apa yang paling pentingnya iaitu peruntukan RM 5.5 juta telah diserahkan. Johor Jaya ingin bertanya apa yang sudah terjadi dengan SJK Pei Hwa 2 ini? Projek pembinaan ini dijangka siap dan mula beroperasi pada tahun 2015 iaitu dua bulan lagi daripada sekarang. Tetapi sampai sekarang 1 bilik pun belum siap dibina.

Peruntukan RM5.5 juta telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Di mana peruntukan ini sudah pergi? Walaupun projek ini di bawah Kerajaan Persekutuan, namun ini adalah tanggungjawab kami supaya memastikan dan memantau pembinaan ini terutama nya projek ini telah dijanjikan oleh Menteri Besar sebelum PRU13. Saya amat berharap bahawa sekolah ini dapat mulanya pembinaan dengan secepat mungkin supaya dapat menyelesaikan masalah kekurangan sekolah rendah Cina dan menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat dan juga pembinaan haruslah dijalankan sekiranya peruntukan sudah diberi dan bukannya biarkan peruntukan ini simpan dalam bank tetapi sekolah tidak nampak sehingga kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Negeri Johor 2015 termasuk menjadikan Johor Jauhari Selatan dan destinasi pelancongan terbaik Malaysia. Johor Jaya tetap percaya bahawa Negeri Johor mempunyai kedudukan yang strategik untuk menjadi hub pelancongan Wilayah Selatan dan menjadikan sektor pelancongan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Sektor pelancongan ini bukan sahaja harus menarik minat pelancong asing tetapi juga pelancong dari Negeri Johor dan seluruh negara. Namun, Johor Jaya ingin bertanya, antara produk-produk yang disebutkan iaitu *Legoland, Angry Bird, Hello Kitty World* dan *Johor Premium Outlet*, produk-produk ini dikira produk yang kos tinggi. Ini mungkin dapat menarik minat bagi pelancong asing ataupun pelancong tempatan yang mampu membeli tiket. Ini disebabkan 60% keluarga Malaysia pendapatan bulanan di bawah RM3000.00. Sebagai contoh, harga tiket bagi *Legoland* adalah RM175.00 bagi dewasa RM140.00 bagi kanak-kanak. *Hello Kitty World* adalah RM75.00 sehingga RM110.00 Taman Tema

Angry Bird RM60.00 bagi pemegang MyKad purata harga tiket ini masing-masing lebih RM100.00.

YB Dato' Timbalan Speaker: YB dah pergi semua ni? *Legoland* dah pergi?

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya): Ha Belum.

YB Dato' Timbalan Speaker : *Angry Bird* dah?

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya): Semua tak pernah pergi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Oh tak mampu eh? Nanti elaun naik nanti mampulah. (Dewan Ketawa).

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya): Sangat mahalah tiket. Sekiranya keluarga yang mempunyai 4 anggota keluarga, rumah saya mempunyai 6 anggota.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB panjang lagi?

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya): Panjang lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bagi memberikan kesempatan kepada YB Johor Jaya untuk membuat pembahasan 2 hari, jadi saya tangguh Persidangan Dewan hingga 9:30 pagi 17 November 2014.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEEMPAT	ISNIN, 17 NOVEMBER 2014	BIL. 6 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor,
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor,
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor,
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor,
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor,
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor,
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor,
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor,
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor.
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Talib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirramaanir rahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita Di maklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Melaka telah mengurniakan Darjah Pangkuan Seri Melaka sempena Hari Jadi Ke-76 yang membawa gelaran Datuk kepada Yang Berhormat Encik M. Asojan a/l Muniyandy pada 15 November 2014 yang lalu. Tahniah diucapkan. Mudah-mudahan Yang Berhormat Datuk akan terus memberikan sumbangan kepada kebaikan dan kebajikan rakyat dan negeri Johor. Tahniah Yang Berhormat Datuk.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh jemput.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Adakah kerajaan bercadang menubuhkan/mendirikan 1 Balai Bomba di Gugusan Tenggaroh memandangkan kepadatan penduduk di sana?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaratuh. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab pertanyaan daripada ADUN Tenggaroh, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mencadangkan pembinaan sebuah balai bomba bantuan dan cadangan ini telah diangkat ke peringkat Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Seterusnya kepada Kementerian Perumahan, Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Unit Perancang Ekonomi untuk diluluskan. Namun, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor telah menggiatkan usaha-usaha untuk menubuhkan sebuah Pasukan Bomba Sukarela serta menjadikan sebuah bomba sukarela yang dianggotai dalam kalangan penduduk setempat seperti Tenggaroh, di mana penubuhan pasukan bomba sukarela seperti ini dapat membantu dan memantau untuk jangka masa yang terdekat bagi mengawal perihal yang berlaku di DUN Tenggaroh sehingga tertubuhnya sebuah balai bomba rasmi pada masa akan datang.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, apakah yang dimaksudkan dengan penubuhan pasukan

bomba sukarela dan bagaimana proses permohonan pasukan bomba sukarela ini dapat ditubuhkan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman sidang hadirin, penubuhan pasukan bomba sukarela ini adalah di bawah peruntukan Seksyen 62/1/CA Akta Perkhidmatan Bomba 1988, di mana tertakluk kepada kawalan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di bawah Kementerian Perumahan, Kerajaan Tempatan. Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor sehingga hari ini telah mempunyai 30 pasukan bomba sukarela yang aktif dalam membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di mana tujuan penubuhan pasukan bomba sukarela ini adalah bertujuan supaya:

1. Penubuhan pasukan pemadam dan penyelamat bagi mengambil tindakan awal jika berlaku kebakaran sebelum ketibaan pasukan bomba.

2. Membantu memberi khidmat nasihat kepada masyarakat setempat terhadap bahaya-bahaya kebakaran dan langkah-langkah mencegah kebakaran.

Selain mengeratkan koordinasi dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta lain-lain agensi berkaitan dengan keselamatan kebakaran. Dan, akhirnya pasukan bomba sukarela ini akan dapat membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam usaha menjaga pili bomba yang terdapat di kawasan mereka masing-masing.

Dan sedikit tambahan yang saya ingin maklumkan, penubuhan pasukan bomba ini boleh melalui beberapa prosedur mahupun proses. Ianya terbuka kepada penduduk-penduduk yang jauh di pedalaman dan sukar mendapatkan khidmat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan cepat. Antara proses penubuhan pasukan bomba sukarela adalah seperti berikut, yang saya ingin terangkan dengan mengemukakan borang permohonan bagi pendaftaran pertubuhan kepada Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri Johor. Yang kedua, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Sekretariat Peringkat Negeri akan memproses borang permohonan dan setelah itu borang yang diproses daripada Jabatan akan mengemukakan borang permohonan kepada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Negeri untuk mendapatkan kelulusan. Dan setelah itu, kena mendapat kelulusan permohonan dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Negeri kemudian akan Di maklumkan kepada pasukan yang berkaitan untuk terus beroperasi.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Serom jemput.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya tertarik dengan penjelasan yang begitu jelas tadi dan soal berkaitan dengan perkhidmatan bomba ini yang terus menjurus kepada hingga kawasan pedalaman. Jadi, soalan saya, apakah strategi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk terus bergerak selari dengan arus kemodenan negara? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat

Malaysia merupakan sebuah jabatan yang memainkan peranan dalam mempastikan keselamatan dan keselesaan dengan menawarkan khidmat pencegahan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan dalam usaha menjadikan sebuah jabatan yang bergerak seiring dengan arus kemodenan dan kemajuan negara. Jabatan Bomba dan Penyelamat sedang mensasarkan untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang melalui inovasi dan kualiti MS ISO 9001. Dan untuk makluman Dewan yang mulia, bagi memenuhi objektif sasaran memperolehi Sijil MS ISO 9001 dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah diperuntukkan sebanyak RM475 juta bagi membaik pulih dan membina balai bomba yang baru, menambak baik peralatan keselamatan anggota keselamatan, meningkatkan lagi skim latihan kepada anggota serta menjalankan kempen-kempen kesedaran.

Selain itu, pencegahan di seluruh negara bagi mempastikan keselamatan rakyat dapat dilindungi dengan baik. Untuk makluman sidang hadirin, antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah untuk peruntukan di bawah Seksyen 5/1 dan 5/2 di dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Akta 341 di mana perkara yang di dalam Akta ini adalah memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran. Yang keduanya, melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran, menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraan dan pengawalan kesediaan yang sempurna, menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca dan hal kebakaran. Melaksanakan khidmat manusia termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana. Jabatan Bomba dan Penyelamat juga boleh selain daripada tugas-tugas di bawah Seksyen 5/1, ianya juga melaksanakan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebaliknya yang dijalankan oleh Menteri untuk dilaksanakan.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia, jumlah keseluruhan balai bomba dan penyelamat di seluruh negeri Johor adalah sebanyak 23 buah balai bomba setakat ini. Dan, Jabatan Bomba juga terlibat dalam Mesyuarat Teknikal untuk mempastikan sijil CCC atau CF yang dikeluarkan mengikuti spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kaedah supaya kita dapat mengatasi masalah awalan di mana keselamatan manusia itu bermula daripada puncanya.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tan Sri Pengerusi, soalan nombor 2.

Mohon nyatakan usaha/rancangan membantu Belia Miskin di luar bandar melalui KKLW oleh kerajaan negeri sejak RMK-10 dan adakah ianya berhasil? (Contoh : Melalui skim pembangunan kesejahteraan rakyat dan lain-lain)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Terima kasih Tan Sri Speaker.

Di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat ataupun SPKR, 3 program yang dilaksanakan telah dapat membantu belia luar bandar terutamanya dari golongan miskin dan miskin tegar berusaha untuk keluar dari kepompong kemiskinan melalui peningkatan kemahiran, perubahan sikap dan cemerlang dalam pendidikan. 3 program tersebut adalah seperti berikut iaitu:

1. Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya
2. Program Pembangunan Minda Insan; dan
3. Program Kecemerlangan Pendidikan

Dan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, sebanyak RM3.3 juta telah diperuntukkan kepada negeri Johor dengan jumlah penerima faedah seramai 2,164 orang. Dan, Kerajaan Negeri Johor juga telah melaksanakan inisiatif bagi membendung belia miskin di luar bandar iaitu golongan belia yang tergolong di dalam Keluarga Miskin dan Miskin Tegar yang mana Ketua Isi Rumah (KIR) ini berdaftar dengan sistem e Kasih.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan satu program bagi memberi kesedaran kepada mereka iaitu Program Minda Insan Negeri Johor. Dan, program ini telah dilaksanakan di seluruh negeri Johor bermula pada tahun 2013 dan 2014. Program ini merupakan kerjasama di antara Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

Bagi Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya (PLKK), UPEN telah melaksanakan 3 program utama iaitu:

1. Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus yang melibatkan Sektor Minyak dan Gas, Sektor Hospitaliti dan Pelancongan dan Sektor Kreatif dan Multimedia;

2. Program Karnival Kembara Kerjaya Kerja Johor 2014. Ianya memberi peluang kepada semua masyarakat termasuk yang berada di luar bandar untuk mengisi sejumlah 2,000 kekosongan jawatan di negeri Johor; dan

3. Program Karnival Kerjaya Johor Mahir 2014, memberi pendedahan kepada golongan belia mengenai peluang-peluang melanjutkan pelajaran dan pekerjaan dalam bidang kemahiran.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Kita sepatutnya tidak boleh melihat ada belia miskin kerana kelompok belia sepatutnya orang yang kuat bekerja, orang yang berupaya membangunkan diri tetapi oleh kerana ada senarai keluarga mereka yang miskin, jadi anak-anak jadi miskin, jadi belia miskin. Ini memungkinkan kita menjadikan keluarga mereka terus miskin. Jadi fokus kita Tan Sri Speaker, adakah peringkat yang dilakukan hari ini yang saya minta dijawab oleh Kerajaan melalui KKLW di laksana? Tetapi di peringkat negeri Johor ni, di manakah agak-agaknya cadangan supaya pusat latihan di setiap daerah boleh dilaksanakan program-program supaya menambat belia-belia miskin ini dan melatih

mereka supaya keluar daripada kepompong kemiskinan, tidak lagi dibantu oleh kerajaan.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Sebenarnya bagi Kerajaan Negeri Johor yang telah saya nyatakan tadi, beberapa program yang telah pun kita laksanakan seperti Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya iaitu PLKK, 11 buah pusat latihan swasta telah terlibat dalam program ini yang mana seramai 667 orang peserta yang telah melibatkan diri dalam program tersebut pada tahun 2013. Dan bagi tahun 2014, 12 pusat latihan yang telah terlibat yang melibatkan 457 orang.

Dan bagi Program Karnival Kembara, yang mana ia memberikan peluang kepada seluruh rakyat negeri Johor yang telah saya nyatakan tadi, 5 daerah terpilih telah kita laksanakan program ini iaitu Kota Tinggi, Kluang, Batu Pahat, Muar dan juga Pontian. Dan, seramai 17,745 orang pengunjung telah pun hadir di dalam program tersebut, yang mana penempatan pekerjaan seramai 1,866 orang dan permohonan latihan kemahiran seramai 1,594 orang.

Manakala bagi Program Karnival Kerjaya juga, pada tahun 2014 juga kita mengadakan dengan kita memberikan pendedahan kepada mereka dengan melibatkan kepada pihak-pihak pusat-pusat swasta yang telah saya nyatakan.

Dan juga bagi Program Pembangunan Modal Insan, kita telah melaksanakan dengan kerjasama UPEN dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, yang telah melibatkan tempatnya adalah seperti di Muar, Kem Lagenda Taman Negara Gunung Ledang dan di Ledang, Kem Lagenda Taman Negara Gunung Ledang juga. Bagi daerah Kluang, Tanjung Piai Resort Pontian, bagi daerah Mersing, Teluk Gorek Chalet dan juga bagi daerah Kota Tinggi di Mutiara Motor Resort.

Yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak swasta ataupun pusat-pusat latihan yang telah terpilih sebanyak 11 itu yang melibatkan di daerah Johor Bahru, yang telah pun kita pilih sebanyak 11 dan senarainya akan saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat ADUN Pasir Raja.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, jemput Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih atas jawapan. Cuma saya soalan tambahan kepada EXCO. Ada tak data peratus yang terlibat dalam latihan mendapat pekerjaan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Parit Yaani, sebenarnya data secara terperinci insya-Allah akan kita dapatkan dan untuk makluman yang boleh saya maklumkan dalam Dewan ini, seramai 90% daripada mereka yang telah mengikuti kursus ini telah pun mendapat pekerjaan berdasarkan kursus. Jika kursus kemahiran, mereka akan membuka perniagaan secara sendiri. Dan 10% yang tidak mendapat pekerjaan di dalam pusat-pusat latihan yang telah kita berikan kepada mereka tadi adalah kerana

ada di antara mereka tidak habis belajar, iaitu mereka berhenti sebelum habis kursus dan mereka juga pergi ke bidang-bidang yang lain.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Semarang, jemput.

YB Datok Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya nombor 3.

Apakah inisiatif kerajaan untuk memperkasa aktiviti Skim Rondaan Sukarela Jabatan Perpaduan Negara dan *Community Policing* anjuran PDRM.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perlaksanaan Skim Rondaan Sukarela merupakan kunci memerangi jenayah di kawasan rukun tetangga. Selain mempertingkatkan semangat kejiranan di kalangan penduduk setempat dan menambah kesedaran masyarakat tentang keselamatan dan meningkatkan rasa selamat di kalangan anggota masyarakat. Dalam memperkasakan Sistem Rondaan Sukarela anjuran Jabatan Perpaduan Negara, kerajaan telah memperkenalkan pelaksanaan rondaan secara bersama dengan agensi lain termasuk agensi keselamatan, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta.

Kaedah pelaksanaan ini mampu mewujudkan hubungan yang rapat antara agensi keselamatan, PBT dan anggota SRS selaras dengan *National Blue Ocean Strategy* dengan izin, NBOS. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti meronda sambil mengedarkan risalah dan *flyers* yang berkaitan dengan keselamatan komuniti. Selain itu, tinjauan berkala dan tumpuan pemerhatian kepada kawasan-kawasan *black spot* turut dilaksanakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam usaha untuk memperkasakan SRS setiap KRT sebenarnya diberi RM6,000.00 setiap tahun, manakala SRS yang berdaftar diberi sebanyak RM600.00 untuk makan dan minum, termasuk juga dengan kemudahan-kemudahan peralatan sebanyak RM2,500.00 secara *one off* semasa penubuhan. Selain itu anggota peronda SRS yang berdaftar juga akan dilindungi insurans sebanyak RM40,000.00 setiap seorang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apabila kita menerangkan mengenai *Community Policing* iaitu anjuran Polis Diraja Malaysia PDRM. PDRM sentiasa melipat ganda program *Community Policing* dengan berbagai konsep dan strategi bagi meyakinkan hubungan Polis dengan masyarakat dan menjalankan kerjasama yang erat antara Polis dan masyarakat. Antara program *Community Policing* yang sedang dilaksanakan dan dibuat penambahbaikan adalah seperti:

1. Memberi tumpuan terhadap program bersama pelajar bagi mendidik pelajar dan remaja menjadi warganegara yang baik dan mengelakkan diri daripada terlibat daripada jenayah dan aktiviti sosial yang negatif. Program ini bukan sahaja melibatkan pihak Polis malah juga melibatkan anggota tentera Malaysia dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia.

Selain daripada itu memperbanyakkan lagi sesi ceramah dan dialog dengan kerjasama jabatan kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, NGO, dan juga

masyarakat supaya masyarakat didedahkan dengan isu jenayah dan keselamatan. Dengan memberi pemahaman ciri-ciri tentang jenayah, prosedur tindakan dan perundangan supaya semua peringkat faham tentang kerjasama dalam pencegahan jenayah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada *Community Policing* pihak polis juga dengan secara biasa menjalankan program-program *conventional policing* iaitu dengan membuat tugas kepolisan seperti rondaan MPV dan bermotosikal, lawatan ke semua sektor termasuk operasi cegah jenayah, sekatan jalan raya dan sebagainya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi memperkasakan pencegahan jenayah dan langkah-langkah menurunkan persepsi negatif indeks jenayah, Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan sebuah jabatan yang baru dikenali sebagai Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti. Tujuannya ialah untuk menangani isu-isu membabitkan pencegahan jenayah sekaligus menghindari dan mengurangkan persepsi terhadap jenayah secara lebih fokus dan spesifik berintegrasi dan bersepadu di selaras dengan secara lebih efektif dan lebih efisien. Dalam hal ini anggota dan peralatan bagi pencegahan jenayah, penglibatan masyarakat akan dipertingkatkan. Kaedah yang lebih mesra rakyat akan diperkukuhkan dan di laksana melalui kursus-kursus dan latihan-latihan bagi anggota barisan hadapan yang berasaskan kaedah-kaedah kemahiran medan atau dengan izin *street smart*.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi memperkasakan KRT kembali kepada KRT tadi, kita sepatutnya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana bagi tahun 2015 dalam Bajet Kerajaan Negeri pertama kalinya KRT dan SRS diperuntukkan sebanyak RM900,000.00. Jadi, dengan peruntukan yang diberi itu kita dapat melaksanakan lebih banyak program-program kemasyarakatan termasuk memperkasakan aktiviti-aktiviti SRS dan juga KRT. Bagi pihak Polis pula, kerajaan negeri amat menghargai peranan yang dimainkan oleh jabatan-jabatan keselamatan termasuk PDRM.

Dan, dalam Bajet 2015, Yang Amat Berhormat telah pun memaklumkan bahawa sebanyak RM4 juta akan dibelanjakan untuk isu-isu keselamatan di mana pihak PBT akan memasang lebih banyak lampu awam di kawasan tumpuan ramai bagi mengelakkan jenayah. Begitu juga dengan penambahan seramai 1,100 anggota Polis Bantuan yang akan ditempatkan di kawasan Iskandar Malaysia dan juga sebuah lagi Ibu Pejabat Polis, IPD akan dibina di kawasan Nusajaya yang dianggarkan sebanyak RM117 juta. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan dengan SRS atau pun Skim Rondaan Sukarela ini, saya ingin maklumkan di DUN Semarang adalah salah satu daripada kawasan Dewan Undangan Negeri yang mempunyai aktivis-aktivis SRS yang paling ramai dalam negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Yang paling ramai?

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Paling ramai. Kita mempunyai tak kurang daripada 30 pasukan SRS. Tetapi pada masa yang sama DUN Semarang

adalah berada dalam kawasan separa bandar. Dalam erti kata yang lain, majoritinya adalah kawasan luar bandar. Maka SRS ini semuanya wujud di dalam kawasan kampung-kampung. Mereka tidak menikmati apa yang dinikmati oleh KRT ataupun bawah Jabatan Perpaduan Negara. Tidak ada RM600.00 tidak ada RM2,500.00. Apatah lagi kalau dinaikkan kepada RM900.00 tak mungkin mereka juga akan menikmati.

Persoalannya, apakah inisiatif pihak kerajaan untuk menambahkan motivasi kepada peserta-peserta ini agar mereka dilihat, dihargai dan juga pada masa yang sama mendapat perlindungan RM40,000.00 kepada mereka yang bertugas. Saya tidak mahu mereka diketepikan hanya mereka duduk di desa kerana tidak ada Jabatan Perpaduan yang menubuhkan KRT dalam kampung-kampung ini. Justeru itu, saya mohon apakah cara kerajaan untuk melihat kepada perkara ini agar mereka juga merasa terbela dan dihargai sumbangan mereka. Terima kasih Tan Sri.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya kalau kita lihat Skim Rondaan Sukarela ialah satu skim yang dipohon oleh penduduk, di dalam kawasan kampung, taman, kediaman, malah di kawasan FELDA pun pada hari ini KRT boleh ditubuhkan. Dan SRS sebenarnya apabila ada KRT maknanya SRS tidak diwajibkan ditubuhkan sebenarnya. Tetapi apabila ada kehendak maka KRT, apabila ada KRT kita menggalakkan kawasan yang ada KRT juga menubuhkan SRS kerana aktiviti rondaan yang akan dilaksanakan bagi mencegah dan juga mengekang berlakunya jenayah.

Dan selaras dengan apa yang Di maklumkan oleh Semarang, bahawa selalunya SRS akan berada di bawah KRT. Tidak ada SRS yang boleh sebenarnya dikatakan aktif secara bersendirian. Apabila ada KRT maka baru ada SRS. Jadi saya percaya setiap SRS yang ada di kawasan Semarang ada KRTnya. Jadi saya rasa mungkin kita boleh terus berbincang dengan Yang Berhormat Semarang untuk melihat di mana berlakunya kesilapan atau pun yang sebenarnya yang berlaku, kerana memang dasar apabila ada KRT baru boleh ada SRS.

SRS tidak boleh hidup secara bersendirian. Jadi saya rasa mungkin kita akan terus berbincang dengan Yang Berhormat Semarang untuk melihat apakah sebenarnya yang dimaksudkan SRS dalam konteks soalan ini.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Jemput Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya ada ramai penduduk yang mengambil inisiatif menubuhkan NGO untuk mengawal keselamatan setempat ataupun menjalankan rondaan tetapi NGO-NGO ini mereka berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan, ROS. Dengan kata lain mereka ini tidak berdaftar di bawah KRT ataupun SRS. Apakah pendirian dan sikap pihak kerajaan dalam membantu memperkasakan ataupun kerajaan pendapat bahawa pertubuhan-pertubuhan ini, NGO-NGO ini tidak sepatutnya wujud. Apakah bantuan yang akan diberikan kepada NGO-NGO ini?

YB Tan Sri Speaker : Ini soalan lari sikit ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya soalan ini, soalan tambahan ini tergelincir daripada landasan soalan asal. Jadi, mungkin soalan ini dibangkitkan kerana apa yang berlaku di Pulau Pinang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya Jabatan Perpaduan adalah agensi pusat dan apa jua keputusan yang kita ambil di peringkat negeri adalah selaras dengan dasar-dasar yang diputuskan oleh pusat, khususnya dalam isu-isu keselamatan. Jadi apa juga dasar yang dibuat di peringkat pusat maka kerajaan negeri akan mengikuti. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Gambir, jemput. Datuk kita yang baru ni.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandi (Gambir) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Sukan merupakan perkara asas bagi memastikan kecergasan badan dan kecerdasan minda. Sejauh manakah kemudahan padang dan prasarana yang sedia ada di setiap daerah dalam negeri Johor dapat memenuhi hasrat tersebut dan nyatakan perancangan masa depan untuk tujuan itu?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertama-tamanya saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Datuk M. Asojan kerana telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Negeri Melaka dan saya harap tiada soalah tambahanlah lepas ini. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan ini sebenarnya telah dibangkitkan beberapa kali di Sidang Dewan yang lepas dan saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Datuk ADUN Gambir kerana sentiasa beri perhatian kepada soalan tentang belia, tentang sukan dan juga yang berkaitan dengan pembangunan belialah secara keseluruhannya.

Dan apa yang saya lihat di sini ini, beliau menyatakan bertanya dengan saya untuk memastikan kecergasan badan dan juga kecergasan minda. Soal kecergasan badan saya ingat saya tak perlu sentuh, kerana kita telah pun jawab dalam sidang yang lepas sebagaimana kemudahan prasarana dan sebagainya. Tapi yang menarik minat saya pada hari ini iaitu bagaimana untuk memastikan kecergasan minda.

Kita mengakui bahawa dalam Bajet Tahun 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, iaitu untuk kita memastikan kecergasan minda ini sebenarnya melibatkan permainan sukan yang mungkin bukan dari segi fizikal, tetapi dari segi bagaimana kita untuk melatih pemikiran anak-anak supaya lebih cerdas dan juga lebih berfikir secara lebih matang. Iaitu dalam portfolio saya telah mencadangkan dan telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu kita memperkenalkan permainan tradisional, iaitu atas kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk kita memperkenalkan dan kita melaksanakan permainan tradisional di setiap sekolah dalam negeri Johor dan peruntukan pun telah diberi iaitu sebanyak RM250,000.00 bagi kita, selain daripada kita memartabatkan dan memperkasakan permainan tradisional, tapi sekurang-kurangnya dapat kita melatih anak-anak yang tidak mampu untuk bersukan tetapi mereka mampu untuk menambah nilai dalam bidang kokurikulum. Iaitu kita pun mengakui, bahawa

kemudahan padang dan prasarana sentiasa diperlukan. Bukan kata di negara kita, kemudahan padang dan prasarana ni perlu ditambah, di naik taraf atas sebab peningkatan penduduk, jumlah penduduk dan juga peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan kesihatan.

Jadi, kalau kita nak kira di setiap daerah kita mempunyai pelbagai kemudahan sukan, padang dan hari ini kita bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan, bagaimana kita nak menambah atau menaik taraf setiap kemudahan sukan. Dan, saya rasa kalau kita lihat setiap apa yang telah kerajaan laksanakan insya-Allah daripada segi melahirkan masyarakat yang cergas, yang cerdas akan dapat kita tunaikan dan juga dapat kita pastikan mereka mendapat yang terbaik sebagai rakyat negeri Johor. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Gambir.

YB Datuk M. Asojan a/l Munandy (Gambir) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita perhatikan dalam ucapan-ucapan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebelum ini, memang ada bajet khas diperuntukkan untuk menambahkan kemudahan padang. Sebagai contoh, di kawasan-kawasan kampung terutama di DUN Gambir sebagai contoh, ada beberapa permohonan padang yang masih belum selesai. Cuma persoalan saya, melalui bajet-bajet sedemikian yang telah pun dinyatakan dalam bajet sebelum tahun-tahun 2014, seingat saya ada bajet untuk padang, jadi saya cuma ingin tahu berapakah bilangan padang yang telah dibina dalam tempoh masa setahun dua? Itulah tujuan soalan saya, yang saya rujuk kepada EXCO Belia dan Sukan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih, saya ingatkan tak ada soalan tambahan tadi. Ok, Yang Berhormat Datuk M. Asojan, ADUN Gambir, sebenarnya setiap padang yang ada di setiap daerah, kalau kita lihat di sini, sebenarnya kalau Yang Berhormat mungkin andaikan bahawa kecergasan badan ni kita dengan menyediakan padang bahawa baru setiap belia boleh bersukan. Sebenarnya, Yang Berhormat yang kena lihat, bahawa bukan sahaja padang bola, pada hari ini, kerajaan menyediakan 248 gelanggang futsal. Saya rasa di DUN Gambir sendiri pun tidak ketinggalan kerajaan telah menyediakan di bawah peruntukan Kementerian Belia dan Sukan, termasuk stadium dan juga mini stadium yang ada di setiap daerah. Sementara Yang Berhormat Datuk, sebenarnya kita kena lihat, bahawa kemudahan prasarana sukan ni bukan atas tanggungan kerajaan negeri saja, ia ada di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Dan, pada tahun 2014 sendiri, Pihak Berkuasa Tempatan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM17.2 juta bagi menyediakan padang futsal dan juga kawasan riadah. Jadi, saya rasa, bahawa setiap yang disediakan oleh pihak kerajaan mahupun agensi-agensi kerajaan yang ada sebenarnya telah cukup untuk kita melihat bahawa keperluan rakyat terutamanya golongan belia telah dapat dilaksanakan.

Untuk tahun 2015 sahaja, kalau dalam pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, iaitu sebanyak 56 gelanggang serba guna dan disediakan juga Gym terbuka, yang akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sebenarnya pun, akan melibatkan di setiap DUN, kalau 56 gelanggang terbuka dan juga Gym terbuka 56 di setiap DUN. Jadi, satu Dewan Undangan Negeri, akan mendapat satu gelanggang terbuka dan juga Gym terbuka. Ini atas hasil usaha Yang Amat Berhormat

Menteri Besar, yang melihat bahawa kepentingan dan keperluan belia harus diutamakan dan Pihak Berkuasa Tempatan sendiri telah bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negeri Johor, Perbadanan Stadium Johor untuk sama-sama kita merealisasikan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Termasuk 30 Gym Muafakat Johor, iaitu Gym yang dibina dengan bangunan baru iaitu Gym tertutup. Kita ada Gym terbuka dan Gym tertutup. Jadi, kita lihat bahawa ini akan juga membantu menambah baik dan mendapat kita melihat bahawa setiap keperluan tanpa mengira usia, tanpa mengira jantina, kalau Gym tertutup mungkin kaum wanita boleh gunakan dan juga Gym terbuka mungkin untuk mereka yang kaum lelaki. Jadi, ini sebenarnya banyak kerajaan telah beri. Dan, kita faham bahawa keperluan ini setiap masa, negara Amerika sendiri pun, kalau kita lihat negara yang membangun, negara-negara luar, setiap masa memerlukan pertambahan prasarana sukan dan kita tidak terkecuali. Jadi, ini dalam mana-mana negara sekalipun di dunia, mereka akan sentiasa menambah atau menaik taraf atau mereka melihat bahawa keperluan sukan ini perlu diperbanyakkan untuk keperluan semua rakyat Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Soalan tambahan saya berkenaan padang. Saya mewakili hoki sebenarnya. Kalau kita lihat...

YB Tan Sri Speaker : Mewakili apa, Yang Berhormat?

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Padang hoki. Persatuan Hoki.

YB Tan Sri Speaker : Hoki.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Kalau kita lihat sekarang, terdapat perubahan infrastruktur permainan hoki ini di dalam dunia. Dia dah tak main atas padang rumput lagi, dia bermain atas padang rumput tiruan menyebabkan sukan ini telah mencapai satu era permainan yang cukup pantas, cukup laju dan padangnya cukup rata. Malangnya, di negeri kita ini hanya ada beberapa negeri, daerah saja yang ada padang hoki yang berbentuk rumput tiruan ataupun *astraturf* ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Jadinya, bila ada pertandingan Liga Johor atau sebagainya daerah-daerah yang mempunyai padang rumput tiruan ini sajalah yang akan menjuarai, pasal apa daerah-daerah yang lain, yang bermain atas rumput biasa tidak boleh mencapai tahap kecergasan, kepantasan daerah-daerah yang mempunyai padang yang terbaik ini. Contohnya, di Pontian saja kita ada 20 pasukan hoki tapi bila main peringkat negeri, memang tak boleh menang sepanjang masa. Jadi, ini menyebabkan mereka luntur semangat dan mungkin akan datang takut terkubur pula hoki ini di dalam negeri Johor. Sedangkan kita tahu, Johor sekarang ini dah masuk tahun keempat dan tahun hadapan tahun kelima kita mempromosikan Kejohanan Hoki Peringkat Remaja Dunia.

yang kita gelar *Sultan of Johor Cup*, di mana kita tuan rumah, kita akan juga mengadakan berbagai-bagai pertandingan hoki. Jadi, soalan saya, ada tak perancangan kerajaan negeri kita untuk menyediakan sekurang-kurangnya satu padang hoki yang bertaraf antarabangsa itu di setiap daerah? Kalau tidak boleh dibuat serentak, sekurang-kurangnya kita rancang setahun, satu, dua, jadi setiap daerah akhirnya nanti akan mempunyai padang hoki yang setanding ataupun...

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bertaraf dunia, ini Tan Sri. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok, terima kasih. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat...

YB Tan Sri Speaker : Kukup.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : DUN Kukup, Yang Berhormat Suhaimi. Kita tahu, bahawa kemudahan-kemudahan padang *astroturf* untuk permainan hoki memang amat berkurangan dalam negeri Johor. Dan, kita boleh jelaskan di sini yang ada untuk di peringkat daerah, yang boleh kita gunakan secara mungkin antara pihak sekolah dan juga pihak awam mungkin berada di Sekolah Dato' Bentara Luar, Batu Pahat, di Sekolah Sukan Bandar Penawar dan termasuk di Johor Bahru. Dan, kita lihat bahawa pencapaian hoki pada hari ini, sebenarnya memang belum membanggakan. Dan, mungkin berpunca daripada kekurangan dan ketiadaan padang *astroturf*. Kerana kalau kita lihat, bila permainan hoki, bila dimainkan di peringkat sekolah dengan padang rumput dan bila mereka berubah ke padang *astroturf*, mungkin memberi kesan daripada segi taktikal, teknikal dan sebagainya. Dan, kita memahami bahawa keperluan ini jadi satu yang amat diperlukan dan kita insya-Allah, dalam masa terdekat kita cuba lakukan perancangan untuk jangka masa panjang, bagaimana kita boleh melihat bahawa hoki menjadi permainan utama dalam negeri Johor.

Dan, insya-Allah dan kita tak boleh menjanjikan dalam kata untuk tahun 2015, dan mungkin kita akan mengkaji sedalam-dalamnya, bagaimana keperluan setiap daerah dan kita tahu bahawa peringkat sekolah sendiri pada hari ini pencapaian hoki sehingga ke peringkat negara sendiri eh peringkat dunia pun pencapaian Malaysia belum membanggakan. Dan, Johor mengambil inisiatif untuk sama-sama insya-Allah dan kita akan berbincang dengan Persatuan Hoki Negeri Johor bagaimana kita untuk memperkasakan sukan hoki. Dan, saya lihat bahawa setiap kemudahan sukan akhirnya memberi kesan kepada pencapaian. Dan, saya sebagai EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan sebenarnya daripada pencapaian SUKMA sendiri, Johor amat ketinggalan daripada sukan-sukan tertentu. Jadi, jika ada pandangan di sini saya rasa amat berbangga dan saya ucapkan terima kasih dan insya-Allah kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mempertingkatkan sukan Yang Berhormat maksudkan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Minta penjelasan status usahawan IKS Bumiputera di negeri Johor mengikut sektor atau bidang niaga dan bilangan pengusaha mengikut daerah.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Adakah UPEN bersedia sepenuhnya merancang bantuan serta meningkatkan prestasi usahawan baru/peniaga baru sekiranya setiap daerah dapat menyenaraikan data-data terkini tentang jumlah dan butiran usahawan ini dan kalau bersedia apakah langkah-langkah atau inisiatif yang akan diambil demi kejayaan meningkatkan prestasi usahawan tersebut?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan secara bersekali.

Penggunaan istilah Industri Kecil dan Sederhana ini perlu diubah kepada Perusahaan Kecil Sederhana kerana terma ini diguna pakai secara standard dan juga luas di peringkat nasional. Definisi Perusahaan Kecil Sederhana ataupun PKS ini ada 3 melibatkan mikro, kecil dan juga sederhana. Untuk PKS mikro, mempunyai nilai jualan kurang dari RM300,000.00 dengan jumlah pekerja kurang dari 5 orang. PKS kecil pula, mempunyai jualan antara RM300,000.00 hingga kurang daripada RM15 juta dan bilangan pekerja antara 5 hingga kurang daripada 75 orang. Manakala PKS sederhana, merujuk kepada nilai jualan antara RM15 juta hingga RM50 juta dengan bilangan pekerja antara 75 hingga 200 orang. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh SME Corporation, negeri Johor merupakan negeri ketiga tertinggi yang mempunyai paling ramai PKS di Malaysia iaitu seramai 68,874 bersamaan kira-kira 10.7% daripada jumlah keseluruhan PKS di Malaysia iaitu 645,136. Daripada jumlah ini 25.6% iaitu 17,632 adalah usahawan bumiputera yang terdiri daripada 3 sektor utama iaitu sektor perkhidmatan sebanyak 89.1%, sektor pembuatan 4.6% dan sektor pertanian 6.3%. Dari segi data mengikut sektor, bidang niaga dan bilangan pengusaha mengikut daerah, kita tidak ada data yang tepat, walau bagaimanapun, pihak UPEN dan juga Pusat Pembangunan Usahawan Negeri iaitu EDC, sedang giat mengemaskinikan untuk dapatkan maklumat yang lebih *detail*, yang kita cuba dapatkan daripada pihak pejabat daerah dan juga agensi-agensi keusahawanan yang ada di negeri Johor ini.

Walau bagaimanapun, dari segi inisiatif kita di peringkat kerajaan negeri akan tumpukan kepada 2 perkara yang penting terutama sekali sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajet yang lepas untuk kita mewujudkan pusat-pusat pengumpulan produk-produk PKS ini. Yang mana pada bajet 2015, telah diberi keutamaan pada daerah Batu Pahat iaitu di Ayer Hitam,

daerah Kota Tinggi dan juga daerah Mersing. Selain daripada itu, usahawan-usahawan PKS ini sepertimana yang pernah dibangkitkan dalam Sidang Dewan yang lepas, ramai yang di kalangan mereka mempunyai masalah dari segi kilang-kilang kerana saiz *production* ataupun dengan izin ataupun pengeluaran mereka dan juga modal yang mereka ada kecil maka mereka tidak mampu untuk menyewa di kilang-kilang SME atau kilang-kilang yang besar. Maka, kerajaan negeri akan menumpukan untuk membina kilang-kilang PKS ini di setiap daerah, yang mana kita dalam Rancangan Malaysia Ke-11, kita berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Dalam masa yang sama juga kita adakan kerjasama melalui anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk mewujudkan kilang-kilang PKS ini. Di peringkat UPEN, kita tidak ada peruntukan khusus untuk membantu usahawan khususnya dalam soal-soal yang berkaitan dengan dana, tetapi kita ada sedikit peruntukan RM1.5 juta untuk program pembangunan yang berbentuk seminar, promosi dan sebagainya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam masa yang sama kerajaan negeri bersama-sama dengan SME Corporation sedang dalam proses untuk membangunkan pelan tindakan strategik PKS Negeri Johor yang akan berpandukan kepada SME *Master Plan* dengan izin, yang saya jangkakan kita akan dapat perincikan dalam masa terdekat akan dilancarkan pada awal tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan saya ada kaitan dengan kesediaan sepenuhnya kerajaan melalui UPEN, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor terhadap ramai atau pun muncul dengan begitu ramai peniaga-peniaga baru yang hari ini kehilangan punca hendak mencari ruang. Maksudnya kalau dah ramai peniaga-peniaga baru muncul, tentu kita di peringkat perancangan negeri bersedia untuk mengadakan *business matching* atau pun penyemadanan bisnes. Soalan saya Tan Sri Speaker ialah, bolehkah kita merencanakan supaya ada *venture capital* atau pun permulaan kompeni ini ada, ada syarikat-syarikat permulaan yang boleh membantu mereka untuk menguruskan *business matching*. Contoh, di daerah Kota Tinggi. Kita dah dapat senarai yang dikeluarkan, 50 orang dalam bidang yang sama saja iaitu menjahit. Tetapi pasaran mereka tidak boleh ke tengah. Jadi kalau 50 orang sekaligus nak jual atau pun memasarkan pasaran tentu mereka tidak ada bazar atau pun tidak ada syarikat-syarikat baru yang mengambil produk mereka dan mereka tak akan jadi kaya dengan perniagaan mereka. Jadi, saya nak tanya sama ada perkara yang hendak dilaksanakan seperti *business matching* atau pun penyemadanan perniagaan dan *start up, start up company* boleh dilaksanakan di Johor.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita memang ada program-program *business matching* ini terutama sekali program-program yang berkaitan dengan mereka-mereka yang mengeluarkan produk-produk makanan yang kebanyakan kita adakan dengan pasaraya-pasaraya besar seperti Mydin, Aeon Big dan sebagainya. Dalam masa yang sama seperti mana yang dibangkitkan oleh Pasir Raja tadi, kita pun ada program-program dalam bentuk *business matching* dengan pengeluar-pengeluar pakaian. Contohnya, dengan produk Canggih, yang mana di Johor ini ada dua.

Satu, sebuah koperasi di Kluang dan satu lagi ada satu syarikat di Kulai, yang mana syarikat ini menjadi vendor kepada untuk menjahit baju sekolah yang dikeluarkan oleh syarikat Canggih ini. Itu antara yang, yang dilakukan dan saya percaya banyak lagi *busisness matching* yang, seperli mana saya katakana tadi, melalui peruntukan yang diletakkan di bawah UPEN dalam program-program promosi dan sebagainya. Kita akan adakan lagi banyak, banyak lagi program sebegitu.

Soal modal, kita di peringkat kerajaan negeri melalui EDC atau pun pusat usahawan ini memang bekerjasama dengan kesemua agensi keusahawanan untuk membantu atau pun fasilitet usahawan-usahawan ini yang memerlukan modal. Kita pihak kerajaan negeri, kita tidak mampu untuk mewujudkan tabung yang khusus untuk memberikan, sebab keperluan ini begitu besar dan kita tak mampu. Jadi kita bekerjasama dengan agensi-agensi keusahawanan yang lain.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hai (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih Tan Sri Speaker. Sebelum saya menampilkan soalan saya, saya bagi satu contoh. Baru-baru ini saya cadangkan di mana pengendali, penjual tiket bas ekspres yang akan dipindah dari Taman Sri Puteri. Saya cadangkan dipindah ke Taman Universiti. Bus *Stand* dekat Taman Universiti yang bawah, yang baru di bawah pengubahsuaian sebab saya rasa dekat sana ada kompleks yang dibina oleh Persatuan Kontraktor Melayu Negeri Johor dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya nampaknya bisnes walau pun tak jauh daripada kedai-kedai lain tapi bisnes tak, tidak segiat macam tempat lain. Oleh itu, saya rasa kalau kita ada satu konsep di mana pelanggan itu dari semua lapisan masyarakat akan memajukan usahawan berbangsa bumiputera dan Melayu juga. Itu sebab jadi hasrat yang baik saya cadangkan dipindahkan di sana di mana penjual tiket dari semua kaum dan juga pelanggan-pelanggan bas, penumpang bas dari semua kaum akan memajukan bisnes di kompleks tertentu. Oleh itu saya rasa agaknya penting kalau kita cuba membina satu jambatan yang boleh menggabungkan semua pihak SME, tak kira saya nampak Persatuan SME di dominasi oleh satu kaum yang tertentu, peniaga satu kaum yang tertentu. Saya rasa itu kurang sihat. Adakah daripada pihak Yang Berhormat Pengerusi di mana satu usaha dilakukan untuk menggabung kerjasama kerana Dewan Peniaga Melayu, India, Cina khasnya di negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Ok, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita tengok dari segi soal dominasi di IKS atau SME ini, di Negeri Johor, 74.4% adalah daripada bukan Bumiputera dan bumiputera cuma ada 25.6%. Kita memang menggalakkan usaha-usaha untuk kerjasama antara syarikat-syarikat bumiputera dengan bukan bumiputera. Tetapi kita hendakkan kerjasama itu adalah kerjasama yang benar-benar berlaku iaitu bukan hanya, kalau pun kerjasama antara bumiputera dengan bukan bumiputera, dia berlaku sekadar seperti tiada makna dan sebagainya. Dan, kita memang melalui Dewan apa nama, Perniagaan Iskandar Malaysia, kita memang menggerakkan usaha-usaha ke arah untuk mewujudkan hubungan antara peniaga-peniaga bumiputera dan juga bukan bumiputera.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

YB YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Jumlah pengikrar penderma organ yang didaftarkan di Pusat Sumber Transplan, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru setiap tahun mulai tahun 2006 serta usaha yang telah dan akan diambil untuk menggalakkan orang ramai mendaftar menjadi pengikrar penderma organ di Negeri Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Jumlah pengikrar bagi negeri Johor bagi tahun 2006 hingga Oktober 2014 adalah seramai 35,136 orang. Jumlah pengikrar derma organ bagi negeri Johor semakin bertambah setiap tahun, hasil aktiviti yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kesedaran tentang kepentingan pendermaan organ di kalangan orang awam, dan seterusnya menggalakkan mereka mendaftar sebagai pengikrar derma organ.

Dari tahun 2006 hingga Oktober 2014, sebanyak 1,400 program kesedaran dan Kempen Derma Organ diadakan dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat dan juga menggalakkan mereka untuk bersama bagi menjadi sebagai pengikrar penderma organ bagi membantu mereka-mereka yang lain. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : OK, Pekan Nenas, jemput.

YB YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Sebenarnya kita ada dapati di negara kita hanya ada 4 pusat transplan di antaranya terletak di Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur dan Johor. Dan, setakat ini menurut statistik yang diberi oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam, Tan Sri Lee Lim Thye. Dia menyatakan di negara kita hanya mendapat 266,583 orang mendaftar menjadi pengikrar penderma organ dan iaitu hanyalah sekitar 0.9% daripada jumlah keseluruhan populasi masyarakat penduduk Malaysia. Dan, selain itu saya rasa yang, tentang untuk mendaftar menjadi pengikrar, penderma organ hanya ada empat tempat di seluruh Malaysia iaitu adalah amat tidak mencukupi dan negeri Johor dengan hanya sokongnya mempunyai satu pusat transplan di Hospital Sultanah Aminah. Dan, saya memberi cadangan bahawa pendaftaran menjadi penderma organ sebenarnya boleh dijalankan di setiap hospital supaya bilangan pendaftar penderma organ akan meningkat, supaya lebih boleh mendapat manfaat daripada dasar-dasar ini. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mungkin kalau Yang Berhormat Pekan Nenas, dah daftar tak sebagai pengikrar penderma? Jadi, tahniahlah, termasuk juga saya sebagai pengikrar juga.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apabila tentang soal untuk kita daftar tidak bermaksud bahawa pendaftaran itu harus dilakukan di hospital sahaja. Seperti yang saya katakan tadi bahawa kita dari tahun 2006 hingga 2014, kita telah pun menjalankan lebih daripada 1,400 program kesedaran dan dalam program tersebut,

kita mengedarkan borang-borang kepada mereka yang ingin mengikrar sebagai pengikrar derma organ. Prosesnya mudah maka perlulah kita bermasalah dari segi tempat nak pergi hospital dan sebagainya. Tetapi setiap tahun kita menganjurkan program-program kesedaran dan jikalau kita memang bersedia untuk menjadi pengikrar derma organ, tidak menjadi masalah boleh pergi ke mana-mana hospital dan juga klinik untuk menunjukkan komitmen kita sebagai pengikrar derma organ. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan lisan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2015) TAHUN 2014.

YB Tan Sri Speaker : Perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 disambung semula dengan saya menjemput menyambung, menyambung. Johor Jaya, Johor Jaya hanya ada sepuluh minit sahaja lagi dan saya harap Yang Berhormat, kita dalam kesuntukan masa ini, saya harap benar-benar Yang Berhormat mengikutlah had masa yang diberikan, kerana kita baru sahaja 11 daripada 44, satu per empat aje baru sedangkan kita ada pagi ini, petang ini dan hari esok. Jadi, bertimbang rasa pada rakan-rakan yang belum mendapat giliran berucap. Jadi, yang dapat berucap tolonglah hormati masa yang dihadkan. Sepuluh minit . Johor Jaya, jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih Tan Sri Speaker, selamat pagi dan selamat sejahtera. Terima kasih kerana memberi kesempatan bagi Johor Jaya untuk membuat perbahasan selama 2 hari.

YB Tan Sri Speaker : Ya. [Dewan ketawa]

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Semalam saya hanya ucap 5 minit. Sebenarnya saya ada 15 minit. Johor Jaya ingin menyambung perbahasan saya. Semalam saya mengatakan bahawa purata tiket bagi taman tema-tema adalah seramai sebanyak RM100.00. Sekiranya keluarga mempunyai 4 anggota keluarga, iaitu ibu bapa dengan 2 orang anak, keluarga tersebut memerlukan RM630.00 untuk melawat ke Legoland, iaitu 20 % daripada pendapatan bulanan. Ini bermaksud tempat-tempat yang menarik ini mungkin tidak dapat dikunjungi oleh mereka disebabkan harga tiket yang mahal dan tidak mampu dibeli. Oleh itu, dalam usaha memajukan sektor pelancongan negeri Johor, Johor Jaya berharap pihak kerajaan jangan terlupa atau meminggir golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kedudukan Johor yang strategik di pintu masuk utama pelancong ke Malaysia dapat membantu mengembangkan industri pelancongan. Negeri Johor kaya dengan tarikan tempat pelancongan semula jadi termasuk 6 buah taman negara, air terjun di Kota Tinggi, pantai peranginan seperti Desaru dan pulau-pulau yang indah. Selain daripada itu terdapat banyak lagi tempat pelancongan tempatan yang menarik tetapi ketinggalan atau di lupa oleh masyarakat. Kesemua tempat ini tidak perlu tiket masuk yang mahal, tetapi keindahannya cukup menarik

pelancong. Tidak dinafikan bahawa industri pelancongan seluruh dunia sedang berkembang dan ini berkaitan dengan kemunculan semakin banyak penerbangan tambang rendah, contohnya Air Asia iaitu dengan slogannya dengan izinnya, *everyone can fly*, telah memupuk *trend* pelancongan ke seluruh dunia. Ini juga bermaksud pelancong kini lebih cenderung untuk memilih cara, dengan izinnya, *free and easy* atau melancong secara *back pack*.

Johor Jaya bercadang bahawa pihak kerajaan harus mempromosikan industri pelancongan dengan konsep kos rendah melancong dengan kos rendah dan mudah akses. Konsep ini dapat dijayakan dengan 2 cara yang penting iaitu pengangkutan awam seperti *bus shuttle*, kereta api dan tempat-tempat pelancongan yang sedia ada selain daripada taman tema iaitu taman negara, taman rekreasi, pantai persiaran, gunung-gunung dan pulau-pulau. Konsep melancong dengan kos rendah dan mudah akses dapat memupuk pelancong tempatan atau *back pack* tidak kira dari seluruh negara atau luar negara untuk mengunjungi negeri Johor. Dengan mudah dan kejayaan konsep ini amat tertakluk kepada pengangkutan awam yang disediakan, sebagai contoh sama ada negara Asia seperti Singapore, Thailand, Taiwan, Hong Kong, Jepun dan sebagainya, ataupun negara Europe pengangkutan awam yang disediakan amat memudahkan pelancong mengunjungi tempat tersebut.

Asas konsep ini perlu menimbangkan dari segi sekiranya pelancong adalah tiada pengangkutan seperti *back pack* atau pelancong tempatan yang tidak mahu memandu kereta memandangkan harga petrol yang mahal apakah cara alternatif bagi mereka? Adakah mereka dapat mengunjungi tempat pelancongan tersebut dengan pengangkutan awam? Dengan ini, Johor Jaya berpendapat bahawa pelancongan memang berkait rapat dengan pengangkutan awam yang disediakan. Oleh itu, 2 pelan yang diberi peruntukan sebanyak RM800,000.00 dalam Bajet 2015 iaitu Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor dan Pelan Tindakan Pengangkutan Awam Daerah harus selaras dengan Pelan induk Pelancongan Negeri Johor. Ini membolehkan pelancong mudah sampai ke destinasi pelancongan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada pengangkutan awam ke tempat pelancongan tempatan, tidak sempurna dan kebanyakan tempat tidak dipromosikan dengan baik. Kemudahan asas yang sedia ada telah rosak dan keadaan yang kurang memuaskan tetapi tidak dibaiki atau dikatakan tidak mempunyai *maintenance* di tempat pelancongan turut menjejaskan keyakinan para pelancong. Sebagai contoh, Taman Botani Johor yang terletak di Sri Medan, Batu Pahat. Tempat ini merupakan satu tempat pelancongan tempatan yang menarik terutamanya menarik minat pengantin untuk mengambil gambar kerana mempunyai tasik yang indah. Ahli Parlimen Kulai yang berasal dari Batu Pahat pun pernah mengambil gambar pengantin beliau di tempat tersebut. Tetapi...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat ambil juga gambar sana, belum ya. Belum.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Saya belum kahwin.

YB Tan Sri Speaker : Yalah, akan datanglah. (Dewan ketawa)

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Tetapi menurut Laporan Audit Negara Tahun 2012 pembangunan Taman Botani dengan perancangan yang tidak teliti telah

menyebabkan komponen Taman Botani dan landskap yang telah dibangunkan tidak sempurna dan tidak di selenggara dengan baik, kemudahan asas pula tidak dijaga. Ini hanya salah satu contoh tempat pelancongan negeri yang sesuai untuk rakyat tempatan tetapi tidak berada dalam keadaan yang sempurna. Dalam usaha membangunkan industri pelancongan negeri Johor, Johor Jaya berharap pihak kerajaan dapat mengambil berat terhadap tempat pelancongan tempatan yang sedia ada. Tidak kira tempat ini tempat pelancongan swasta atau di milik kerajaan. Sekiranya tempat pelancongan tersebut di milik swasta apakah syarat-syarat perancangan atau tindakan pihak kerajaan sekiranya tidak diurus dengan baik ini adalah penting sebagai contoh *Wet World* di Batu Pahat, telah terbiar dan merosakkan imej tempatan.

Johor Jaya ingin bertanya sekiranya lukisan *mural-mural* dikatakan merosakkan imej bandar, macam mana pula dengan tempat pelancongan tidak diurus dengan baik? Adakah ini merosakkan imej bandar dan menjejaskan industri pelancongan? Johor Jaya ingin mengingatkan pihak kerajaan bahawa pelancong dari seluruh negeri atau negara tetap penting untuk memajukan sesuatu tempat. Selain tempat pelancongan yang kos tinggi, tempat pelancongan tempatan turut dapat membantu peniaga tempatan dan mengembangkan ekonomi tempatan, tidak kira kawasan bandar atau luar bandar. Kesemua perkara ini harus diambil kira dalam Bajet 2015 dan juga Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor perlu dilaksanakan dengan sempurna untuk memajukan industri pelancongan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Laporan Ketua Audit Negara turut menjadi perhatian kepada orang ramai. Saya percaya tujuan Laporan Audit Negara untuk memberitahu kelemahan agensi jabatan atau projek-projek tertentu, tetapi adalah untuk memperbaiki kerja-kerja bagi semua pihak. Seperti yang dikatakan kemajuan sesebuah negara tertakluk kepada perancangan yang teliti dan tegas. Pengurusan setiap PBT adalah amat penting bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan seperti yang dirancang, dalam teratur, cekap dan berhemah supaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Menurut Laporan Audit Negara Siri II, terdapat 9 buah gerai dan medan selera sama dengan 81 unit gerai kosong antara 14 hingga 44 bulan dalam kawasan MBJB.

Kebanyakan kemudahan yang disediakan telah terbiar usang dan rosak serta tidak diselenggarakan dengan sempurna. Anggaran hasil yang tidak dapat dikutip kerana tiada penyewaan ke atas gerai dan medan selera tersebut adalah sebanyak RM0.43 juta. Anggaran hasil yang tidak dapat dikutip menunjukkan pembinaan kemudahan yang disediakan ini telah menjadi pembaziran. Walaupun MBJB telah memaklum balas bahawa tidak lagi mensyaratkan tapak pembinaan gerai semasa Kebenaran Merancang, memandangkan tapak yang diberikan oleh pemaju tidak strategik. Ini hanya salah satu contoh adalah Medan Selera Taman Desa Harmoni yang terletak di kawasan DUN Johor Jaya. Ini hanya salah satu contoh pembaziran pembinaan kemudahan awam atau dikatakan kemudahan awam yang sedia ada tidak digunakan dengan sempurna. Masalah ini bukan sahaja menjadi pembaziran, tetapi tempat tersebut mudah menjadi tempat kegiatan jenayah berlaku. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh satu PBT, tetapi semua. Apakah perancangan pihak PBT dan pihak kerajaan terhadap pembaziran kemudahan awam yang telah berlaku? Perancangan dan tindakan yang seterusnya memang lebih penting selepas masalah dikenal pasti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kehidupan yang susah akan meningkatkan kegiatan jenayah. Walaupun didapati kadar jenayah menurun tetapi isu keselamatan tetap salah satu perkara yang masih merisaukan rakyat. Sekali lagi Johor Jaya ingin membangkitkan isu keselamatan kerana Johor Jaya berpendapat selain daripada pengurusan tempat pelancongan, isu keselamatan turut berkait rapat dengan sektor pelancongan yang saya sebut tadi. Kadar jenayah yang rendah dapat memberi rasa selamat kepada orang ramai dan turut menarik pelancong untuk mengunjungi negeri kita. Pelbagai perancangan yang telah dinyatakan dalam Bajet 2015 termasuk pemasangan lampu awam, pembinaan Ibu Pejabat Daerah dan penambahan anggota Polis Bantuan, pemasangan CCTV di lokasi-lokasi panas dan kritikal telah dibentangkan dalam Bajet 2014. Johor Jaya ingin bertanya apakah keberkesanan dengan pemasangan CCTV di tempat-tempat kadar jenayah tinggi? Adakah projek pemasangan CCTV ini telah siap di kawasan Iskandar Malaysia terutamanya kawasan DUN Johor Jaya?.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Tan Sri Speaker : Gulung.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Projek menaik taraf Lebuh raya Pasir Gudang dari 4 lorong ke 6 lorong telah dijalankan sejak bulan Julai tahun 2013. Projek ini dijangka siap pada bulan September 2015. Namun begitu projek ini dilihat ketinggalan jadual. Ini amat merisaukan pengguna Lebuh raya Pasir Gudang kerana lebuh raya ini sangat sibuk dan merupakan salah satu jaringan perhubungan yang amat penting dalam negeri. Johor Jaya berasa amat kecewa dengan langkah-langkah keselamatan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Sebagai contoh, lampu jalan yang dipasang semasa kerja menaik taraf dijalankan adalah tidak cukup terang terutamanya pada malam. Pengadang jalan yang diletakkan di tepi jalan pula tidak sempurna, terdapat pengadang jalan yang patah dan jatuh ke tengah jalan yang akan menyebabkan kemalangan berlaku terutamanya kepada penunggang motosikal. Tanah-tanah yang digunakan semasa projek dijalankan tidak ditutup dengan kanvas mengakibatkan tanah mengalir ke jalan raya semasa hujan dan menyebabkan kesesakan jalan raya berlaku, di atas di Jambatan Jalan Ros Merah. Kerja-kerja menaik...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Kerja-kerja menaik taraf dijalankan tanpa mengambil kira keselamatan pengguna jalan raya amat mengecewakan pengguna jalan raya. Oleh itu, Johor Jaya sekali lagi meminta pihak kerajaan memastikan projek menaik taraf ini dapat siap dalam tempoh masa yang ditetapkan dan juga memastikan pihak kontraktor menjalankan kerja mengikut, dengan izinnya, *SOP* keselamatan yang telah ditetapkan.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Lagi satu isu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jambatan Kg. Melayu Pandan yang terletak di Jalan Masjid telah mendap sejak tahun lepas. Jambatan ini merupakan salah satu jalan utama untuk masuk ke Kg. Melayu Pandan. Jambatan ini mempunyai 2 jalan dan kini hanya 1 jalan yang dapat

digunakan, kerana keadaan mendap yang teruk sehingga kenderaan tidak dapat lalu. Namun jalan yang tinggal ini pun kelihatan mendap sekian hari. Keadaan ini memang merisaukan penduduk-penduduk dan menyebabkan kesusahan bagi mereka untuk mengguna jambatan tersebut. Selain itu, kenderaan Bomba pun terpaksa mengguna jalan yang lain semasa kebakaran berlaku, pada beberapa bulan yang lepas. Sudah 1 tahun masalah ini masih belum diselesaikan, oleh itu saya amat berharap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian dan tindakan secepat mungkin sebelum kecederaan dan kemalangan berlaku, ataupun sebelum jambatan ini runtuh sepenuhnya.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Akhir kata Bajet 2015 harus dibentangkan dengan lebih terperinci terutamanya kehidupan dan masalah kos sara hidup perlu diatasi. Pembangunan sesebuah negeri bergantung dengan ekonomi malah isu keselamatan industri pelancongan serta pengangkutan awam adalah saling berkait rapat dengan memajukan ekonomi negeri. Johor Jaya berharap pihak kerajaan dapat sentiasa memastikan perancangan yang sempurna dapat dilaksanakan dengan sempurna juga demi kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri Johor dan rakyat tercapai. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, Johor Jaya. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Buloh Kasap.

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam Muafakat Johor, salam Segamat selamat.

Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 13 November yang lalu.

Pertamanya, saya bagi pihak seluruh rakyat DUN Buloh Kasap mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah atas pembentangan Bajet Negeri Johor 2015 yang saya kira cukup besar maknanya untuk rakyat Johor ini. Bajet 2015 saya sifatkan seperti kata pepatah "Orang Haus Diberi Air, Orang Lapar Diberi Nasi" iaitu membawa makna bahawa apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Permas pada 13 November yang lalu merupakan sesuatu yang amat dinantikan oleh rakyat. Namun begitu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada beberapa perkara yang perlu kita teliti bersama. Hal ini kerana kita tidak mahu bajet ini sekadar indah di halwa telinga tetapi ianya perit di lapangan laksana. Maka eloklah kita teliti bersama di dalam Dewan yang mulia agar ianya indah tetaplah elok yang murni biarlah bersemi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Permas ada mengumumkan mengenai langkah mengukuhkan ekonomi desa melalui Pertanian Lestari iaitu RM4 juta diperuntukkan bagi memperkasakan Program Galakan Usahawan di bawah seliaan Jabatan Pertanian Johor bagi tahun 2015. PGU ini akan dilaksanakan menerusi 3 projek iaitu Projek Industri Kecil, Projek Pembangunan Tanah Terbiar dan Skim Pinjaman 1 Mukim 1 Industri. Malah turut yang akan dilaksanakan adalah program meningkatkan pengeluaran daging lembu berskala tinggi melalui satelit dengan

penglibatan seramai 21 orang peserta dengan penghasilan 18,900 ekar lembu matang setahun yang mana diperuntukkan sebanyak RM3 juta.

Seterusnya RM2 juta diperuntukkan untuk membangunkan pengusaha tanaman nanas yang mempunyai keluasan yang kurang daripada 15 ekar bagi meningkatkan pengeluaran mereka. RM20 juta kepada Permodalan Darul Ta'zim untuk membeli dan menyelamatkan tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu supaya tidak terjual kepada pihak lain di mana tanah-tanah ini akan dibeli dan disewakan kepada koperasi dan usahawan terpilih untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kesemua yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar merupakan langkah yang sangat baik dalam usaha kita memperkasakan kegiatan pertanian di negeri ini. Namun begitu, kerisauan saya terhadap apa yang diumumkan ini adalah keberkesanan langkah dan ini adakah benar-benar sampai dan dinikmati oleh petani di kawasan pembangunan pertanian itu sendiri. Hal ini kerana saya amat khuatir kerana bantuan ini hanya sampai kepada golongan kelompok yang kecil tertentu sahaja malah yang lebih menggusarkan saya lanya akan dikuasai dan dinikmati oleh petani-petani yang besar. Bukan petani-petani marhaen yang sebenarnya benar-benar memerlukan bantuan sebegini dari pihak kerajaan negeri. Oleh itu, saya kira agensi berkaitan memantau segala aspek agar niat baik kerajaan negeri yang diladbirkan oleh Yang Amat Berhormat Permas dan dibawah terajui Barisan Nasional ini sampai ke sasarannya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin memohon kepada pihak yang berkaitan agar memperluaskan perkhidmatan mekanisasi ladang iaitu jentera pembajak. Perkhidmatan mekanisasi ini dapat diurus tadbir oleh agensi berkaitan di peringkat DUN. Hal ini penting untuk memberi perkhidmatan kepada petani-petani di luar bandar dengan kos dan harga yang minima. Langkah ini sebenarnya akan menyumbangkan kerancakan kegiatan pertanian di luar bandar kerana langkah ini dapat mengurangkan kos kepada para petani. Selain itu, saya juga memohon agar bentuk-bentuk bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan sama ada kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat melalui agensi yang bertanggungjawab dapat melaksanakan secara *one off* kepada usahawan-usahawan atau penjaja-penjaja kecil bagi mereka mempertingkatkan tahap kebersihan peralatan perniagaan mereka. Malah adalah lebih baik juga diberi perhatian kepada usahawan yang baru dari semua bidang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam usaha kita memperkasakan bidang pertanian terutamanya di daerah Segamat khususnya dalam DUN Buloh Kasap terdapat cadangan daripada kerajaan negeri membangunkan Segamat sebagai hab pertanian dan industri asas tani. Maka, saya ingin memohon penjelasan dan perkembangan mengenai idea ini. Adakah usaha ini baik akan diteruskan demi membantu golongan petani di daerah Segamat?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kerana elaun pusat pelatih dalam komuniti yang terlalu rendah dapat diberi perhatian oleh kerajaan. Alhamdulillah, kerajaan negeri telah berbaik hati menaikkan elaun mereka, daripada RM800.00 kepada RM1,000.00. Namun begitu, saya juga ingin memohon keprihatinan kerajaan agar dapat diwujudkan kiosk-kiosk bagi menjana dana untuk PDK itu sendiri dan pusat latihan khusus untuk penyelia dan

petugas PDK setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia. Melalui kiosk dan pusat latihan yang diwujudkan, maka sedikit sebanyak PDK mempunyai pendapatan sendiri dalam program-program tertentu yang telah dilaksanakan untuk menampung kos di setiap PDK dan lebih mudah para pelatih PDK ini mempromosikan hasil kraft tangan mereka untuk dijual dan membolehkan mereka menerima tempahan. Saya amat berharap pihak kerajaan melalui agensi yang berkaitan dapat meneliti perkara ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mewakili rakyat Buloh Kasap saya juga mengucapkan jutaan terima kasih atas pengumuman peruntukan sebanyak RM2.2 juta untuk Badan Kebajikan Sekolah Rendah Agama Bersepadu Johor dengan pecahan RM5,000.00 yang mana melibatkan sebanyak 564 buah sekolah. Peruntukan ini sangat bermakna untuk kegiatan badan kebajikan sekolah agama. Namun begitu, di kesempatan ini saya ingin menyuarakan keluhan guru-guru sekolah agama di mana di kawasan Buloh Kasap itu sendiri memohon kepada saya agar pihak kerajaan dapat mewujudkan pondok pengawal dan pengawal untuk menjaga keselamatan sekolah agama. Hal ini kerana terdapat kejadian barangan dan peralatan sekolah agama selalu dicuri. Misalnya, terdapat di Sekolah Agama Buloh Kasap, Sekolah Agama Batu Anam, Sekolah Agama Bandar Segamat dan beberapa sekolah lagi. Jika kita lihat di sekolah kebangsaan ada disediakan pondok pengawal dan pengawal untuk menjaga keselamatan persekitaran sekolah. Maka, demi keselamatan ini apalah salah kiranya dapat dipertimbangkan oleh kerajaan negeri agar turut menyediakan pondok pengawal dan khidmat pengawal keselamatan.

Selain daripada itu, di kawasan Buloh Kasap terdapat peruntukan pembinaan pembangunan sekolah agama baru iaitu Sekolah Agama Taman Yayasan dan Pusat Kegiatan Guru Daerah Segamat yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Namun begitu, sehingga hari ini belum ada apa-apa projek pembinaan dilaksanakan. Saya amat berharap pihak jabatan yang dipertanggungjawabkan dapat meneliti perkara ini kerana kedua-dua projek pembangunan ini amatlah diperlukan oleh rakyat Segamat khususnya warga Buloh Kasap.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih atas kesudian kesediaan pihak kerajaan negeri yang mahu menyemak kembali gaji guru-guru sekolah agama dan dalam masa yang sama turut menaikkan elaun guru KAFA. Namun begitu, terdapat permasalahan yang lain saya kira perlu diselesaikan dengan kadar segera oleh pihak kerajaan negeri melalui jabatan berkaitan. Masalah tersebut ialah masalah kekurangan guru agama. Dan, perkara ini merupakan masalah yang amat serius di daerah Segamat terutamanya di kawasan Buloh Kasap sendiri. Antaranya, sekolah yang terlibat dengan masalah ini adalah Sekolah Agama Buloh Kasap, Sekolah Agama Balai Badang, Sekolah Agama Bukit Bujang, Sekolah Agama Palong Timur 5, Sekolah Agama Jementah, Sekolah Agama Batu Anam, Sekolah Agama Segamat Kecil, Sekolah Agama Desa Temu Jodoh dan beberapa sekolah lagi. Saya kira kekurangan guru ini merupakan masalah yang sangat kritikal kerana ia melibatkan sesi pembelajaran anak-anak kita. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri agar mewujudkan kembali pengambilan guru agama Gred DB17 dan 29 kerana langkah ini sedikit sebanyak dapat membantu menyelesaikan masalah kekurangan guru ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di dalam pembentangan bajet yang lalu Yang Amat Berhormat Permas turut mengumumkan melaksanakan Pelan Strategik Islam Johor

dengan menggubal 4 perkara asas, iaitu, melestarikan pendidikan agama, menambah baik kesemua kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang memberi penekanan kepada teknologi digital, ganjaran setimpal kepada guru-guru dan menjadikan Johor sebagai hab pendidikan antarabangsa agama. Saya sebenarnya amat tertarik dengan usaha pihak kerajaan negeri yang mahu melestarikan pendidikan agama dan seterusnya menjadikan Johor sebagai hab pendidikan antarabangsa aliran agama. Kerana, saya merasakan ini merupakan usaha yang cukup murni dan sangat baik. Maka, dalam melaksanakan usaha untuk melestarikan pendidikan agama itu adakah terdapat juga usaha pihak kerajaan negeri untuk memperkasakan pendidikan tahfiz di negeri Johor. Hal ini kerana dalam usaha kita mementingkan segala bentuk pendidikan kepada anak-anak kita kelak nanti anak-anak kita juga mampu meneruskan legasi pentadbiran yang baik maka saya kira golongan tahfiz di negeri kita ini perlu tampil ke hadapan dalam menyelesaikan masalah masyarakat dengan kehadiran mereka dirasai oleh kita semua. Kita perlu menggarap usaha agar mereka ini perlu dihidupkan peranan ini melalui ilmu apa yang mereka perolehi. Pendidikan tahfiz perlu diperhebatkan jika kita mahu mencapai tujuan Johor sebagai hab pendidikan antarabangsa aliran agama. Pendidikan terhadap golongan huffaz bukan semata-mata mereka menghafal al-Quran tetapi anak-anak ini juga perlu meningkatkan ilmu selain daripada ilmu hafalan iaitu ilmu pengurusan, kaedah berfikir hal berhubung dengan globalisasi dan pelbagai cabaran yang sedang dihadapi oleh masyarakat. Pembinaan modal insan perlu diasaskan kepada pembangunan insan dengan menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam setiap aktiviti kehidupan. Pembinaan modal insan yang diasaskan bukan semata-mata kepada pembangunan fizikal, ekonomi dan penekanan kepada sains dan teknologi. Tetapi juga melibatkan kepada pembangunan roh, hati, nafsu dan jasad. Seperti kata-kata Saidina Umar Al-Khatab untuk mengukuhkan keazaman dan *political will* dengan izin, "Untuk terus berkuasa, kami adalah satu kaum yang diberikan kehebatan oleh Allah kerana menegakkan Islam, maka barang siapa yang mencari kehebatan selain daripada Islam, Allah akan memberi kehinaan".

Oleh itu, besarlah harapan saya agar pihak kerajaan negeri yang telah berhasrat murni mahu melestarikan pendidikan agama di bumi Darul Ta'zim ini turut sama meneliti perkara yang saya suarakan demi kemaslahatan kita bersama.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengkritik bukan menentang, menegur bukan membenci, tetapi atas niat murni demi amanah yang di pikul pada empunya diri. Terima kasih, di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan ucapan Bajet 2015. Akhir kata, Buloh Kasap mohon menyokong. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Dewan bertepuk)

YB Tan Sri Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Buloh Kasap. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini hingga 11:20 pagi.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 11:20 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:40 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dewan di sambung semula. Jemput Rengit, YB Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor dan salam Rengit indah lagi ceria, Rengit selamat. Insya-Allah. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana memberikan kesempatan masa, ruang dan peluang untuk saya turut sama dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang dan *team budget* 2015 nya, yang telah merangka pelan kewangan Negeri Johor yang komprehensif, meyakinkan dan saya yakin boleh diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang berimpak besar, menjalar dan meresap Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dengan tema "Membangunkan Johor Secara Inklusif", berbekalkan kutipan hasil yang memberangsangkan, kita yakin Johor akan terus bertambah makmur. Ini dapat dibuktikan dalam angka Yang Berhormat Dato' Speaker, hasil RM1.239 bilion, perbelanjaan RM123 bilion, lebihan sebanyak RM3.8 juta. Peruntukan pembangunan RM366 juta, rizab kita RM2.7 bilion, lebihannya RM400 lebih juta hasil dan hutang RM528 juta serta indek indikator ekonomi yang jelas lagi berkesan ialah kedatangan pelaburan. Sama ada domestik dan juga luar sebanyak RM18.7 bilion. Di jangka pada tahun 2015, kadar pertumbuhan ekonomi, KDNK Johor 5 hingga 6% yang di dokong oleh pelaburan domestik.

Angka ini Yang Berhormat Dato' Speaker, jelas membukti bahawa kerajaan Barisan Nasional yang dah diberi peluang oleh rakyat lebih hampir 60 tahun, kita mampu menguruskan ekonomi Negeri Johor ini dengan baik. Kita tidak pernah mendabik dada, kita tidak pernah rasa angkuh, kita tidak pernah rasa hebat. Kita ingin perbaiki kelemahan ini dari masa ke semasa, ini hasrat kita. Ada orang baru 2 penggal sahaja itu pun 3 negeri. Peh! Dia canang satu negara, macam hebat sangat. Kita dah 60 tahun Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi ingin perbaiki kelemahan, kesilapan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya lihat banyak dalam Dewan ini membahaskan rujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara. Saya dulu kakitangan Audit Negara dan saya ada pengalamanlah memang kita cari mana yang lemah sahaja. Kita nak ucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara, kakitangan Audit Negara yang telah membuat pemeriksaan daripada tahun ke tahun dan akhirnya kita perbaiki kelemahan tersebut. Cuma, saya nak cadangkan format ni Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana pembangkang sikit-sikit ambil, pembangkang DAP lah terutamanya, Laporan Ketua Audit Negara. Dalam Laporan Audit Negara ini tidak pernah dinyatakan perkara-perkara yang dibuat baik ataupun pengurusan kewangan yang dibuat baik oleh jabatan dan juga agensi. Memang tugas kita nak mencari, tugas Audit Negara kelemahan, kesilapan, itu yang di dedahkan. Yang baik, yang bagus tidak ada dibentangkan di dalam ini. Laporan,

YB Dato' Timbalan Speaker : Iya, sebab itu ada dapat *star* kan? Ada tiga, empat.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ada tiga, empat. Yang *star* tidak dibentangkan oleh pihak pembangkang, tak ada.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yalah, biasalah kan?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Apa dia?

YB Dato' Timbalan Speaker : Biasalah, *star* tu dia tak nak, tak nak kemukakan di sini, yang tak baik sahaja.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, cabaran nak menguruskan negara ini bukan senang Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau kita lihat kita ni sukar, tapi kita mampu. Lihat di negara-negara jiran, di Indonesia, di Filipina, di Thailand yang jelas majoriti kelompoknya satu kaum sahaja pun lintang-pukang dengan izin, Yang Berhormat. Ayat kasar.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang bagus pergi Cameroon.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha Cameroon eh. Kita ni susah Yang Berhormat, dengan nisbah kaum yang cukup besar, tetapi kita berjaya kerana pemimpin terdahulu meletakkan asas yang kukuh, asasnya ialah toleransi dan juga perpaduan kaum.

Perkara pertama Yang Berhormat Dato' Speaker, yang nak saya sebutkan ialah tentang hutang Johor ni. Dulu ada pembangkang sebut Johor bakal bankrap dalam ceramahnya, termasuk di tempat saya. Huh, cakapnya macam lidah ni orang kata, orang Melayu kata tak berbedung. Bedung, tau bedung?

YB Dato' Timbalan Speaker : Lidah mana pernah berbedung. Perut sahaja bedung.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yalah. Perut bedung. Dia kata Johor akan bankrap, habis Johor ini. Dah lepas itu dia canang, dia yakin akan ambil alih Negeri Johor. Kononnyalah, dah banyak kali dia orang bercakap ini. Saya nak juga Skudai bila dia nak masuk, tak masuk pun, kan? Hutang Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker, berakhir pada 30 September RM528 juta. Daripada RM528 juta ini, RM334 juta hutang air. Ini Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat sebutkan terlepas pandang. Kita pun tidak faham kenapa hendak buat bekalan air di Johor ini kita terpaksa berhutang? Dulu hendak buat jalan 5,000 kilometer kita pun terpaksa cari dana sendiri, 5,000 kilometer. Kenapa Pusat pandang Johor ini lain sangat? Saya pun tak faham. Agaknya Johor ini jauh sangatlah daripada Kuala Lumpur barangkali.

Air, negeri-negeri lain dapat kemudahan ini. Tapi Johor, buat bekalan air RM334 juta kita berhutang kepada Kerajaan Pusat. Tetapi apa pun kita nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat melalui pemindahan rejim hutang ini, kita jangka dalam terdekat hutang Johor ini akan berkurangan sehingga RM334 akan dipindahkanlah kepada agensi pusat. Cuma, yang nak, tak faham sikit tentang hutang Johor ini, RM76 juta hutang Perbadanan Johor? Banyak ni Yang Berhormat Dato' Speaker. Hutang

Perbadanan Johor, saya semak dalam Buku Bajet ini, 2015 hutang Johor ini yang berkaitan dengan Perbadanan Johor, Ladang Kelapa Sawit Tunjuk Laut, RM8 juta. Projek Perindustrian Tanjung Langsat RM22 juta, ini dah lamakan projek ini? Masa Dato' Speaker jadi Pegawai Kewangan Negeri dulu tak? (Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Hutang tu dah lama, JCorp pun berkemampuan untuk bayar hutang. Janganlah worried ya? (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jumlah hutang ini RM76 juta, JCorp kaya konglomerat besar, KPJ untung besar. Disahkan oleh Dato' Speaker sendiri semasa dia menjadi Pegawai Kewangan. Boleh bayar, KFC untung besar, KULIM untung besar tak kan hutang RM76 juta ini Kerajaan Negeri yang tanggung. (Dewan bertepuk). Bayarlah. Sikit-sikit ini kita kena depan-depan ini cari salah kita sahaja, ini kerja dia orang cari salah kita sahaja ni, tak ada cari yang baik. Kecuali Sungai Abonglah. (Dewan ketawa)

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau tolak ini dengan hutang air, hutang JCorp kita ada baki RM118 juta sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker. Ya, jadi tak banyak Yang Berhormat Dato' Speaker, rizab kita ada lebih kurang RM2.7 bilion. Jadi, cantiklah hutang Johor, elok kita menguruskan kewangan. Kerajaan BN Johor bijak menguruskan kewangan Negeri Johor. (Dewan bertepuk). Orang sana dakwa tak pandai, tak reti, dia orang sahajalah yang pandai sorang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang hendak saya sebutkan ialah sebab saya sebutkan tadi selain daripada JCorp ini, dia dapat tanah daripada kerajaan banyak Yang Berhormat, ya? Dia banyak dapat, bukan sikit. Jadi, soal RM76 juta ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau boleh jelaskan. Kalau banding dengan YPJ, PIJ, JCorp lah yang paling dapat banyak peruntukan tersebut atau pun tanah, pemberian tanah.

Semalam Skudai ada memaklumkan, saya yang mana betul saya tegur Yang Berhormat, yang tak betul pun, yang betul kita sokong, yang tak betul kita tegur Yang Berhormat. Semalam Skudai ada bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, dia kata apa? Itu kadang-kadang mulut ni tak bedung payah saya ingat.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, di sebalik pulangan GLC kepada Kerajaan Negeri tidak pernah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, satu penyata yang amat penting yang perlu Di maklumkan kepada semua Ahli Dewan dan juga kalangan awam. Ini verbatim semalam, Di maklumkan oleh Skudai. Saya nak tanya Skudai, dia semak atau tidak? Dia siasat atau tidak? Dia buat kajian atau tidak sebelum cakap di Dewan yang mulia ini? Kalau ikut Peraturan Perkara 45 (viii) Yang Berhormat, menyalahi Peraturan kalau perkara itu dah dibentang yang lepas, di bawa. Dia kata, Penyata Johor Corporation tidak dibentangkan. Saya nak beritahu dalam bulan Mei yang lepas ya, kita kena bertanggungjawab. Inilah, selalu cakap dah selalu sangat cerita-cerita fitnah sampai ke dalam Dewan ini pun bawa cerita yang bukan-bukan Yang Berhormat. Dalam bulan Mei yang lepas 2014, Kertas Mesyuarat ini, Penyata Johor Corp, Bilangan 22 Tahun 2014, bulan Mei dibentangkan. Skudai kata tidak dibentangkan. Makna, Skudai tidak bertanggungjawab dalam kenyataannya. (Dewan bertepuk). Hah, siasat dulu Yang Berhormat.

Yang Berhormat duduk di dalam Dewan yang mulia, lepas itu selain daripada kelirukan dalam Dewan ini, dekat luar lagi banyak dikelirukan, itu bukti dia Yang Berhormat Dato' Speaker. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dr. Skudai, tolong duduk. Saya nak minta, bukan Peraturan, semasa Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, sebab Yang Berhormat, Peraturan 45, sebab Yang Berhormat Rengit sudah sebut nama saya, saya terpaksa memberikan penjelasan.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia bercakap semalam saya tak ganggu. Sekarang, sekarang duduk, duduk.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang saya cakap itu pulangan kepada kerajaan, maknanya keuntungan berapa banyak yang dipulangkan kepada kerajaan. itu maksud saya.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak, itulah saya cakap, tak semak. Dalam muka surat 43 ini Yang Berhormat, disebut lagi. Malangnya, ketiadaan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dibentangkan pada tahun ini. Dia sebut itu. Ini ada ini. Ini bukan cakap Yang Berhormat ke? Jadi sekarang Yang Berhormat kalau nak bercakap semak dahulu, jangan suka cakap, mentang-mentanglah kerajaan pimpinan ini orang Melayu, Yang Berhormat fikir semua tidak betul. Kena bertanggungjawab.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara kedua yang nak saya sebutkan ialah soal Zon Antarabangsa. Saya tengok sekarang ni pembangunan Johor pesat. Rumah apartment yang besar-besar naik, dijangkalah. Kita sokong pembangunan, kita setuju dengan pembangunan, kita tak boleh halang pelaburan datang daripada luar Yang Berhormat Dato' Speaker kerana ekonomi terbuka. Tapi apa maknanya kalau pembangunan dibuat, rakyat tak dapat apa Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat cuma tengok saja.

Jadi saya nak cadangkan supaya di Selat Tebrau ni dizonkan sebagai Zon Antarabangsa. Kalau orang nak beli harta tanah, rumah, hanya di Zon Antarabangsa Yang Berhormat Dato' Speaker. (Dewan bertepuk). Tak boleh di tempat lain, di daerah seperti Kulai, daerah seperti Pontian, daerah seperti Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi, Mersing tak dibenarkan dibeli oleh orang luar. Saya sokong apa juga pembangunan, tapi syaratnya mestilah ada zon antarabangsa. Dan kalau boleh janganlah *freehold* ya, kalau *freehold* dia macam kita bagi tanah Yang Berhormat, bagi habis. Kalau boleh *leasehold* dibuat oleh banyak negara.

Yang ketiga yang saya nak sebutkan tentang rumah ni Yang Berhormat Dato' Speaker, perumahan. Saya dah bangkitkan dalam sidang Dewan yang lepas bahawa ada daripada tahun 2004 hingga 2013, ada 110,000 unit rumah kos rendah, sederhana rendah yang tak dibina oleh pemaju. Saya nak tanya kepada Dewan yang mulia ini, setakat ni apa usaha yang dibuat? Kalau pemaju tu gagal buat rumah, lesen atau program pembangunan perumahan yang nak dibuat tu kita kena tangguhkan, tak boleh dibagi buat ataupun dia kena bayar seperti syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Katanya, RM40,000.00 satu unit kalau dia tak nak bina. Kita faham dari segi

kos mungkin tinggi dan sebagainya kawasan strategik, tapi dia bayarlah. Kalau 110,000 unit rumah kos rendah ni dan sederhana rendah, sebanyak 110,000 boleh pulang, kerajaan negeri boleh dapat RM4.4 billion. Kita beli tanah tempat yang lain jauh sikit barangkali, kita buat rumah kos rendah ni, sederhana rendah dan jangan tunggu masa yang panjanglah ya untuk buat perkara ini.

Satu yang nak saya sebutkan tentang hal perumahan ni ialah lot Bumiputera. Ha ni satu *tendensi* baru di kalangan pemaju ialah baru bina, orang Bumiputera datang nak beli kerana sekarang ni dah ada syarat, bayar 7% daripada harga perbezaan, boleh *release*. Ramai orang pembeli Bumiputera nak beli, dia kata dah habis, dah habis ya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau boleh yang ni Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cadangkan di Dewan yang mulia ini, jangan 7% lah, letak 50% lah perbezaan harga. Dia orang lagi untung. Katalah harga Bumiputera RM100,000.00, bukan Bumiputera RM120,000.00 sebab itu hak istimewa orang Melayu Yang Berhormat dalam Perlembagaan ada. Kalau kita bagi 7% dapat berapa? Kalau 50% dapat RM10,000.00, kalau 7% dapat berapa? RM1,400.00, lagi banyak kerajaan negeri boleh dapat hasil. Dan, kalau boleh tempohnya mesti lama sikitlah sebab saya tengok sekarang memang takde lot Bumiputera yang nak dibeli memang susah Yang Berhormat, dengan syarat baru yang dikenakan oleh kerajaan negeri.

Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya laju sikitlah Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang *mafia* ekonomi ni Yang Berhormat Dato' Speaker. *mafia*.

YB Dato' Timbalan Speaker : Oh, *mafia* ada kat Malaysia sekarang ni.? Bukan kat Itali je.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ada Yang Berhormat, lagi banyak saya tengok sekarang. Dia dah pindah ke Asia Tenggara sekarang Yang Berhormat. Kalau ikut kajian Yang Berhormat Dato' Speaker, *mafia* ekonomi ni 30% daripada kedudukan ekonomi satu negara. Ni yang saya nak sebutkan, orang seludup diesel Yang Berhormat, berjuta-juta, bertahun-tahun tak diambil tindakan. Barang lari cukai, itu *mafia* ekonomi. Bawa dadah, dia bawa dadah, dia dah untung dadah, dia meniaga lain pulak. Meniaga kedai runcit, meniaga apa pun. Ini berlaku di dalam negara kita, dipanggil *laundry*, *laundry business* .... bilion. Kadang-kadang kita tengok kedai tak ada apa. Ceroboh tanah ya, judi haram, perdagangan manusia. Dulu tak termasuk, gula pun...

YB Dato' Timbalan Speaker : Rengit sila gulung ya.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi kalau boleh Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan kena ambil tindakan segera mengenai perkara ini. Jangan sudah terhantuk baru nak tengadah. Di tanah Cameron Highland tu takkanlah tak nampak, tak masuk akallah saya rasa, ya. Sebab apa Yang Berhormat Dato' Speaker, macam tu besar sejak 2004 saya dah bercakap, di Malaysia ni undang-undang ada, peraturan ada, tapi dari segi penguatkuasaan, yilek, tak ada, yilek, yilek. Datuk Asojan, Bukit Gambir, ketawa.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yilek tu dengan izin. (Dewan ketawa)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dengan izin, ok Yang Berhormat Dato' Speaker. Yilek, dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya haraplah ya, saya kadang-kadang pelik pusat perjudian haram ni, hari ni operasi, Polis buat operasi ke, mana-mana pihak penguat kuasa buat operasi, besok ada, TNB potong, SAJ potong, dia buat. Kalau boleh, kalau sayalah jadi penguatkuasalah, kalau boleh ada undang-undang premis tempat disewa tu rampas jadi hak milik PBT. Banyak duit Majlis dapat dulu. Tak boleh ke? Tempat lain boleh buat, kenapa kita tak boleh buat, Yang Berhormat Dato' Speaker?

Dan, akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak terokai sumber baru ni. Sekarang ni rakyat luar bandar terutamanya penanam kelapa sawit Yang Berhormat, pendapatan dia rendah Yang Berhormat Dato' Speaker. Majoriti tanam kelapa sawit. Kita di Rengit Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dah ada tanaman komoditi baru, komoditi lama tetapi diperbaharui. Satu ekar boleh dapat RM3,000.00. Ni dah buat Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya tak bercakap suka-suka ajelah. Kelapa sawit cuma RM300.00, kalau petani ada 3 ekar, maknanya dia boleh dapat RM9,000.00, melebihi...

YB Dato' Timbalan Speaker : Sebulan?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Sebulan..

YB Dato' Timbalan Speaker : Wow.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ada tanah tak?

YB Dato' Timbalan Speaker : Nanti saya ceroboh...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha, ceroboh (Dewan ketawa). 3 ekar, kalau dalam wawasan kita nak menjadi negara maju berpendapatan tinggi ya, pendapatan dia lebih kurang dalam RM48,000.00 ataupun RM50,000.00 lah, lebih kurang RM4,000.00 sebulan. Ini dah RM9,000.00. Saya tak akan cakaplah, kalau berminat boleh jumpa saya, cuma bawa 3 ekor ayam hitam, leher dia mesti warna putih. Tolong cari, kalau hendaklah. Kalau tak nak kita buat di Rengit ajelah.

Ok Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, saya rasa itu aje...

YB Dato' Timbalan Speaker : Maklumat yang Berhormat tu tak lengkap. Jadi, ada tujuan-tujuan tertentu.(Dewan ketawa)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak saya ikhlas dalam Dewan yang mulia ni. Saya bukan cakap...

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak ikut peraturan tu. Maklumat biar lengkap.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak boleh sebab ada rahsia bisnes yang perlu di, tak diberitahu Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak mohon maaflah kepada pemimpin terdahululah Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya sedih juga ni sebab bercakap

perkara ni. Kita sayang pemimpin, sebab asas kepada perpaduan negara dalam pembentukan negara bangsa dulu ialah toleransi antara kaum, perpaduan antara kaum.

YB Dato' Timbalan Speaker : Cepat sikit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia nak habis.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah berlebih masa ni.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tapi saya rasa pemimpin kita silap Yang Berhormat Dato' Speaker, pemimpin terdahulu silap sebab tak melihat suasana. Kalau dia tak buat toleransi yang berlebihan kita tak jadi macam hari ni kerana generasi hari ini, dari kelompok tertentu ini Yang Berhormat Dato' Speaker tidak menghargai asas-asas pembentukan negara bangsa terdahulu Yang Berhormat Dato' Speaker. Itu sahaja ucapan saya Yang Berhormat Dato' Speaker. Rengit menyokong rundingan yang dibawa oleh pihak Kukup. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Kita teruskan, sila Gambir.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera, selamat pagi dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Gambir ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk Gambir turut serta dalam perbahasan atas Rundingan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2015 Tahun 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 13 November 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di atas Ucapan Bajet 2015 yang boleh saya nyatakan memang mencerminkan sifat inklusifnya dengan tema, 'membangunkan Johor Secara Inklusif'. Inklusif yang saya maksudkan itu dapat kita perhatikan dalam 102 titik sentuhan Bajet 2015 yang merangkumi pembangunan ekonomi, sosial, agama, teknologi, pertanian, keusahawanan, perindustrian, pelancongan, perumahan, pendidikan, pengangkutan dan tidak lupa juga kepada kepentingan masyarakat India, di mana buat kali pertama dalam sejarah diselitkan dalam Bajet Negeri peruntukan khas untuk masyarakat India. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Juga dengan izin, *nandri* Menteri Besar (Bahasa Tamil).

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ucapan Bajet 2015, muka surat 43 perkara 132, menyatakan bahawa menyedari kepentingan pendidikan Islam dalam menGymbangi derasnya proses pemodenan masyarakat di Johor, maka Kerajaan Johor telah bersetuju melakukan transformasi sekolah agama di Johor secara serius namun berperingkat. Begitulah bunyi ayat dalam muka surat 43. Juga dinyatakan dalam perkara yang sama tentang Pelan Strategik Pendidikan Islam Johor yang perkara pertamanya menekankan melestarikan pendidikan agama dari peringkat pendidikan awal sehingga ke peringkat menengah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, Gambir yang mewakili lebih 55% daripada masyarakat Islam di kawasan Dewan Undangan Negerinya ingin menarik perhatian pihak kerajaan negeri khususnya, Yang Berhormat Pengerusi Agama berkaitan Sekolah Rendah Agama Bersepadu ataupun ringkasnya SRAB yang pembinaannya masih belum dilaksanakan lagi di daerah Ledang sehingga kini walaupun 8 daerah-daerah lain sudah mempunyai sekolah sedemikian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, daerah Ledang merupakan sebuah daerah daripada 10 daerah di negeri Johor secara rasminya telah menjadi daerah baru pada 9 Jun 2008 bersamaan 5 Jamadilakhir 1429 Hijrah. Kedudukannya yang strategik terletak di utara negeri Johor bersempadan dengan negeri Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ketiadaan institusi pendidikan yang bersifat bersepadu di antara pendidikan formal aliran kebangsaan dengan pendidikan agama di daerah Ledang berbanding daerah-daerah yang lain dalam negeri Johor adalah merupakan salah satu faktor utama mengapa perlu pembinaannya. Kebanyakan ibu bapa yang menetap di daerah Ledang terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah agama bersepadu (SRAB) Muar bagi mendapatkan pendidikan dwi kurikulum ini.

Kesedaran kepada kepentingan mewujudkan sekolah ini, maka dicadangkan kepada kerajaan negeri Johor penubuhan sebuah sekolah yang dinamakan Sekolah Agama Islam Integrasi Johor ataupun ringkasnya SAIJ. Ini selaras dengan kerangka strategik Pelan Suara Hati Johor untuk memartabatkan Agama Islam melalui bidang pendidikan serta juga sesuai dengan perkara 132 muka surat 43 Ucapan Bajet 2015 yang saya sebutkan tadi. SAIJ merupakan yang pertama seumpamanya di daerah Ledang dan di negeri Johor yang menawarkan sistem pendidikan Integrasi peringkat rendah bagi fasa pertama dan peringkat menengah fasa kedua dengan status sekolah berasrama penuh.

Integrasi adalah gabungan beberapa kokurikulum iaitu Kurikulum Sepadu Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Agama (KBSA), Kurikulum Al-Azhar (KAA) dan Kurikulum Tahfiz (KT).

Cadangan pembinaan fasa pertama sekolah ini Yang Berhormat Dato' Speaker, di atas dua bidang tanah yang telah selesai proses hujah wakaf dengan jumlah keluasan tanah 7 ekar. Biasanya Yang Berhormat Dato' Speaker masalah tanah menyebabkan pembinaan sesuatu sekolah terbantut tapi dengan ikhlas dua orang insan mulia dari DUN Gambir telah mewakafkan tanah seluas 7 ekar untuk tujuan ini. Jadi mungkin YB Pengerusi Agama tidak ada masalah dari segi tanah.

Pengambilan pertama Yang Berhormat Dato' Speaker dijangka pada tahun 2016, murid darjah satu seramai 120 orang dengan pecahan 60 orang murid lelaki dan 60 orang murid perempuan, jika Kerajaan Johor setuju untuk meluluskan peruntukkannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, objektif sekolah ini menyediakan satu sistem pendidikan agama negeri Johor yang teratur bermula dengan peringkat rendah, menengah dan seterusnya ke pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Yang kedua objektifnya menghasilkan dan lahirkan pelajar yang menguasai kurikulum akademik, agama, arab, tahfiz di peringkat rendah dan menengah dalam tempoh 11 tahun. Dan, objektif ketiga melahirkan generasi pelapis kepimpinan masa depan yang hafaz Al-Quran 30 juzuk di dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya difahamkan YB Pengerusi Agama mempunyai kelayakan yang sedemikian, 15, *i mean* boleh menghafal Al-Quran 30 juzuk. Mungkin dengan wujudnya SAIJ ini, selepas 15 tahun kita akan ada masyarakat yang mempunyai kemahiran yang sedemikian.

Seterusnya membentuk dan membina sumber tenaga manusia yang berintegriti, berkualiti, mampan dan kompetitif bagi menGymbangi nilai-nilai agama dan pembangunan negeri Johor. Jadi yang Berhormat Dato' Speaker, cadangan penubuhan SAIJ merupakan satu keperluan dan kehendak masyarakat daerah Ledang khususnya melalui kajian ilmiah yang telah dijalankan. Ianya juga satu usaha murni kerajaan negeri Johor untuk melihat sistem pendidikan agama negeri Johor terus maju dan berdaya saing di samping dapat melahirkan pelajar yang berketerampilan dan seimbang sebagai modal insan yang berkualiti dan kompetitif selaras dengan Pelan Suara Hati Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya mewakili Parti MIC khususnya dan masyarakat India amnya di negeri Johor ingin merakamkan ucapan terima kasih atas ucapan bajet Yang Berhormat Menteri Besar yang menekankan tentang tanggungjawab kerajaan yang ingin memastikan agenda Johor dalam merekayasa sosial bukan hanya tertumpu kepada kaum Melayu tetapi agenda inklusifnya melibatkan semua kaum khususnya kaum India. Ini dapat dilihat melalui langkah interversi yang saya rasa antara kunci kejayaan karier Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menggunakannya sejak beliau berkhidmat sebagai Menteri Kabinet khususnya ketika pewujudan Tekun Nasional di mana kaum India dan Cina diberi tempat. Juga ketika beliau sebagai Menteri Pengajian Tinggi membuka peluang yang luas kepada pelajar-pelajar kaum India tanpa melibatkan apa-apa perubahan dasar tapi diberi tempat di universiti-universiti tempatan. Kini, sebagai Menteri Besar Johor idea interversi ini nampaknya digunakan juga bagi menyediakan peluang istimewa buat masyarakat India dengan peruntukan RM4 juta yang memberi sasaran ketiga-tiga bidang di mana beliau berada sebelumnya iaitu pendidikan, kebajikan dan usahawan. Jadi terima kasih, dengan izin, *nandre* kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas keprihatinannya kepada masyarakat India.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masyarakat India yang lebih 50% masih dalam kategori miskin am ataupun pendapatan bawah RM1,500.00 perlu sangat kepada usaha seperti ini dalam menghadapi persaingan dan cabaran hari muka yang semakin mencabar. Walau bagaimanapun dengan permulaan yang sangat baik ini saya ingin mencadangkan satu pelan jangka panjang bersama perincian dan strategi yang bersesuaian perlu dirangka. Sebelum pelan tersebut dilaksanakan satu kajian mengenai kedudukan ekonomi, sosial, pendidikan semasa masyarakat India perlu dijalankan melalui mana-mana Badan Profesional seperti pihak universiti ataupun Unit Perancang Ekonomi Negeri. Selepas itu bajet perlu dirangka untuk satu jangka waktu yang tertentu bagi meningkatkan mungkin 50 ataupun 30% daripada kumpulan miskin yang saya sebutkan tadi dapat dikeluarkan dari kepompong kemiskinan.

Seingat saya Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian sedemikian pernah dibuat semasa saya duduk dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, saya ingat pihak UPEN telah membuat kajian sedemikian tapi saya tidak tahu kesudahannya. Ini kerana kita mahu bajet yang diperuntukkan itu sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, RM4 juta ini cukup ke? Ataupun terlebih ke? Ataupun terkurang ke? Ataupun tak boleh langsung selesai masalah. Perkara ini boleh timbul. Maka kajian pelan jangka panjang ini perlu untuk kita melaksanakan keikhlasan kerajaan negeri dalam membantu masyarakat India di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peruntukan itu nanti saya mencadangkan supaya janganlah satu peruntukan yang memberikan tunai semata-mata tetapi ia perlu bersifat pemberian peluang-peluang kemahiran, pemberian modal awal perniagaan atau bantu dalam membaiki rumah-rumah yang uzur atau bantuan pendidikan anak-anak miskin India dan sebagainya. Kita mahu supaya usaha murni kerajaan ini akan membuka peluang masa depan yang lebih bersifat terbuka dan pembangunan masa depan yang terjamin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti kata ungkapan, sudah tentu Yang Berhormat Dato' Speaker. Seperti kata ungkapan *don't give a fish to a man but teach him how to fish*, jangan bagi ikan pada seseorang tapi berilah dia mata kail. Jadi, dalam Tamil, saya rasa nanti Dato' Speaker tak faham pulak. Dengan izin, kepada YB Kohanglah (bahasa Tamil). Jadi bollywood. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Terjemahkanlah jadi semua orang faham.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Itu tadi, itu tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, *don't give a fish to a man but teach him how to fish*.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ha, sama, faham eh.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dapat lihat perkara sedemikian di kalangan masyarakat bumiputera yang amat efektif dan telah membawa kejayaan dengan bilangan yang amat signifikan. Ramai rakan-rakan kita daripada kalangan orang Melayu telah amat berjaya dan kini sudah berdikari dan sudah sampai peringkat untuk tidak mengharapkan kerajaan sepenuhnya. Program dan rancangan pihak kerajaan negeri dalam meningkatkan tahap sosial ekonomi masyarakat India Johor diharapkan mempunyai nilai-nilai yang sedemikian dan sudah tentu ia akan mendapat pujian demi keikhlasan kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor melaksanakannya untuk membantu masyarakat India Johor.

Sepertimana yang saya bawa dalam Persidangan sebelum ini, pemberian tanah pertanian yang terancang melalui TKPM atau Taman Kekal Pengeluaran Makanan untuk tujuan pertanian dan penternakan juga boleh menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan dalam meningkatkan ekonomi masyarakat India. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan perkembangan berkaitan permintaan saya sebelum ini tentang berapakah penambahan bilangan pengusaha TKPM daripada kedudukan 31 orang pengusaha seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor dalam Persidangan yang lepas dengan kedudukan terkini.

Jika tiada kawasan TKPM adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka kawasan baru TKPM? Ini kerana Yang Berhormat Dato' Speaker, tanah pertanian kalau diberikan sebegitu sahaja kepada pengusaha-pengusaha maka mereka kena belanja begitu banyak untuk teroka tanah tersebut, kos bina jalan, dapatkan bekalan air, mendapatkan bekalan elektrik. Tapi bila kawasan TKPM, semua ini akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Maka mudahlah bagi pengusaha-pengusaha pertanian terus menanam usaha-usaha mereka. Jadi, saya minta pihak Jabatan Pertanian timbangkan kawasan TKPM kepada masyarakat India yang terlibat dalam bidang pertanian dan penternakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya mewakili masyarakat awam Johor ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Pelancongan Negeri Johor yang telah membawa kepada lulusnya dengan izin, *Visa On Arrival* (VOA) mulai 1 November 2014. Di mana inilah buat kali pertama di negara Malaysia laluan darat diberikan VOA. Tahniah kepada Pengerusi Pelancongan juga kepada kerajaan Persekutuan terutamanya Yang Berhormat Menteri Pelancongan Malaysia. Di mana, melalui Kompleks Sultan Abu Bakar-, Second Link-Tanjung Kupang *Visa On Arrival* kepada warganegara Republik rakyat negara Cina dan India diberikan. Di mana ia menjadi pintu masuk selatan dengan cuma mereka perlu belanja USD100 dan *Visa On Arrival* ini siap dalam masa 15 hingga 20 minit. Ia juga dapat menarik bukan sahaja pelancong yang datang ke Singapura dan hendak ke negeri Johor, tetapi mereka-mereka yang terlibat dengan *MICE* ataupun yang datang mesyuarat yang datang *international conference*, yang datang *exhibition* di Singapura, tiba-tiba berfikir mahu datang ke Johor. Maka terus ke Second Link dapatkan VOA, tujuh hari boleh berada di negeri Johor.

Jadi sehubungan dengan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Gambir ingin cadangkan kepada Jabatan Pelancongan Negeri Johor untuk menumpukan promosi dan program pemadanan ataupun *match making* dengan pengusaha-pengusaha pelancongan Johor dan ejen-ejen pelancongan daripada negara Cina dan negara India yang mungkin mahu masuk ke Malaysia ini melalui pintu masuk Singapura. Maka, bila ada usaha-usaha ini maka ramailah bukan sahaja orang Cina, India dan *sekarang* orang *Singapore* pun memang datang ke Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi saya semalam baca verbatim DUN Skudai kata bila perkataan perintah orang Singapura datang kerja di Malaysia tapi untuk makluman YB Skudai, BN, Barisan Nasional ada strategi tersendiri untuk tarik orang *Singapore* datang Malaysia tapi bukan untuk kerja tapi berbelanja berjuta-juta ringgit yang akhirnya memberi manfaat kepada rakyat Johor.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cadangkan kepada kerajaan negeri dengan perancangan yang rapi dan teliti perlu dibuat oleh Jabatan Pelancongan Negeri Johor bagi menyemarakkan lagi ikon-ikon pelancongan yang mana ikon-ikon ini dapat diselaraskan dan dipakejkan dalam beberapa kategori sesuai dengan minat pelancong-pelancong berkenaan. Untuk pelancong Cina dan India Yang Berhormat Dato' Speaker, kita atas nilai sejarah perkara, *i mean*, pusat-pusat pelancongan tertentu boleh dijadikan pakej di mana mereka minat datang ke negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi kita, saya menyeru Jabatan Pelancongan Negeri Johor menggunakan peluang keemasan VOA ini bagi tahun 2015 sesuai dengan

cadangan dalam strategi pertama bajet 2015 yang menekankan inisiatif yang ketiga iaitu menjadikan Johor Jauhari Selatan dan destinasi pelancongan terbaik Malaysia. Itu yang tertera dalam Bajet 2015, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Dato' Speaker dua tiga perkara lagi iaitu berkaitan dengan perkhidmatan wifi. Perkara ini saya ingat buat kali ketiga saya bawa dalam Dewan yang mulia ini, jadi saya minta lokasi-lokasi strategik tertentu dijadikan hotspot bagi memberi peluang kepada mereka-mereka yang ingin dapatkan kemudahan wifi ini. Jadi, wifi ini sebenarnya mampu untuk penyebaran maklumat terutamanya di kalangan mereka yang kurang berada. Kadang-kadang saya perhatikan Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka cari mana satu tempat yang ada wifi, pergi duduk kat situ. Jadi, bila ada lokasi-lokasi hotspot ini, maka ia memberi lebih ruang. Jadi, saya ingin tahu ada tak setakat ini lokasi-lokasi strategik atau hotspot dikenal pasti dan akan diwujudkan wifi di seluruh negeri Johor dan saya ingin tahu perkembangan daripada dulu dan kini. Berapa banyak yang telah bertambah.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan dengan pembinaan rumah mampu milik. Gambir ingin ucap tahniah kepada Unit Perumahan, SUK yang berjaya meluluskan kebenaran merancang untuk lebih 37,000 rumah berbanding dengan 28,000 yang disasarkan. Ini satu kejayaan yang baik, tahniah kepada Unit Perumahan.

Walau bagaimanapun, saya ingin tahu, apakah perancangan masa depan Unit Perumahan SUK Johor yang bakal diserapkan dalam Lembaga Perumahan Negeri Johor yang akan mengambil tampuk kepimpinan perumahan sepenuhnya pada tahun hadapan? Dalam memastikan kesiapsiagaan bakal pembeli yang keluar ke alam pekerjaan, mungkin setelah tamat SPM, STPM ataupun dalam kategori siswazah pun, Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka ini masih boleh miliki Rumah Mampu Milik Johor. Jadi, saya nak tanya, apakah peluang yang ada kepada mereka ini dalam jangka masa lima tahun akan datang? Adakah bilangan ini akan bertambah dan berapakah tambahan bilangannya?

Akhirnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya difahamkan dan semua faham bahawa Yayasan Pelajaran Johor adalah satu badan berkanun di bawah Kerajaan Negeri Johor untuk membantu pelajar-pelajar melalui pinjaman bagi melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi. Saya juga menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajet untuk memberikan potongan rebat sebanyak 25%, jika pembayaran balik secara penuh pinjaman pendidikan YPJ dilakukan, yang mana ini berkuatkuasa sehingga Jun 2015 tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, cuma saya nak tanya kepada pihak kerajaan terutamanya YPJ, apakah tindakan yang hendak diambil terhadap sebilangan pelajar yang tidak bayar satu sen pun dalam jangka waktu yang panjang? Saya difahamkan, ada yang sampai 10 tahun, tak bayar satu sen pun kepada YPJ. Jadi, kini kita tahu PTPTN telah mula mengambil tindakan di mana siapa yang tak bayar langsung, masuk dalam senarai hitam. Jadi, adakah YPJ hendak berbuat demikian? Kalau tanya saya, saya kata buatlah sedemikian supaya wang yang dibayar balik ini boleh digunakan kepada lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang mohon pinjaman melalui YPJ.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata Gambir mengharapkan semoga perancangan Bajet 2015 ini, dapat dilaksanakan sepenuhnya dan dengan jayanya oleh pihak kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri

Besar Johor. Gambir juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ketua-ketua jabatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau di DUN Gambir, Daerah Ledang, ketua-ketua jabatan di situ, kita ada buka satu *group Whatsapp*, Majlis Tindakan Daerah. Sekarang, kita tak main surat lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita ambil gambar, masuk, ada perkara, lima minit. Ini cakap betul ini, lima minit boleh selesai, dalam keadaan yang mana kita hantar gambar sedemikian.

Jadi, saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, ucap tahniah kepada Pegawai Daerah Ledang yang menjadi *admin* bagi MTD berkenaan dan juga merakamkan ucapan...

YB Dato' Timbalan Speaker : Dia begitu efisien ya? Lima minit boleh selesai.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Ya, kalau bagi contoh, masa Dato' Speaker nanti saya beritahu, rakan-rakan kita minta contoh, Dato' Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, lima minit, tutup, gulung ya.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Ya, ok, terima kasih. Dato' Speaker, di hadapan rumah saya, lebih kurang pukul lapan malam, ular, ular duduk dekat bawah longkang depan rumah saya.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB suka ular kan?

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Ular tedung Speaker, ular tedung. Jadi, saya tak di rumah. Jadi, isteri saya telefon saya, bang, ni ular ni, panjang ular dia, cepat bang, buat sesuatu. Saya SMS Dato' Speaker, saya SMS kepada Pengurus Bomba Bukit Gambir. Orang, isteri taulah Speaker, tak sampai lima minit, cepat bang ular ni. Saya telefon balik, Speaker, kepada Pegawai Bomba Balai Bomba Bukit Gambir.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ular dah ditangkap?

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Lima minit, mereka sampai, ular dapat ditangkap.

YB Dato' Timbalan Speaker : Wow! Ok, gulung, tutup YB.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Jadi, Dato' Speaker, saya ucap terima kasih kepada ketua-ketua jabatan, khususnya di Daerah Ledang yang memberi kerjasama yang baik. Harap perkara ini ataupun kerjasama ini dapat diteruskan di masa-masa hadapan. Dengan harapan itu, Gambir juga menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Dewan Undangan Negeri daripada Kukup. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jemput Penawar.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Muafakat Johor. Yang

Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi sedikit ruang dan peluang kepada Penawar untuk turut serta dalam bahasan bajet yang bertemakan Membangunkan Johor Secara inklusif. Lima strategi utama disusun bagi memastikan usaha pembangunan negeri berjaya dibuat secara inklusif seperti yang dirancangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar yakin, belanjawan majmuk, belanjawan yang mendasari asas mencapai kemerdekaan untuk kemakmuran negara, bagi generasi akan datang, mengharungi kehidupan di Malaysia khasnya di Negeri Johor ini, insya-Allah akan mencapai kejayaan jika kita selaku perancang memantau pelaksana, melakukannya dengan amanah. Kebebasan mencapai, kebebasan mencanai ekonomi, berkuasa mengikut lunas demokrasi, memberi perhatian yang lebih bagi yang amat memerlukan. Sikap saling menghormati dan memahami, amat perlu dilihat kembali. Ini kerana ia bagaikan semakin luntur dan kitalah pemimpin hari ini yang perlu bertegas membentuk agar apa yang kita kecapi pada hari ini, hasil susunan yang terdahulu dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan penyusunan yang kita buat dan laksanakan hari ini secara langsung keseluruhannya, seperti dalam strategi ketiga iaitu membangun masyarakat berilmu dan berkemahiran bagi mendukung peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dengan berlandaskan gagasan utama dalam misi Suara Hati Johor iaitu merakyatkan kerajaan, memperkasa muafakat Johor, pembangunan pro rakyat, ianya akan berjaya. Marilah kita bersama-sama Yang Amat Berhormat Menteri Besar, memastikan Johor aman dan makmur untuk kita terus bertanding dalam pilihan raya yang akan datang dan kita patuh pada apa yang telah dipilih oleh rakyat dan mudah-mudahan ekonomi Johor terus mantap untuk kesejahteraan dan dinikmati oleh rakyat secara realitinya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan apa yang diharapkan oleh kita semua akan tercapai, seperti dalam pelan perancangan yang inklusif ini, maka, arahan dan tindakan ketua-ketua jabatan serta kakitangan kerajaan, hendaklah seiring bagaikan 'biduk lalu kiambang bertaut' supaya rakyat lebih memahami usaha keras yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional sebagai pemegang amanah, tampuk pemerintahan. Contohnya, pemberian RM5,000.00 untuk badan kebajikan sekolah-sekolah agama oleh Kerajaan Negeri Johor yang dahulunya tidak ada, yang dahulunya puaslah Wakil-Wakil Rakyat ini bersilat gayung, bersilat rimau, menari zapin, menari inang untuk memenuhi permintaan sekolah-sekolah agama ini, tetapi kini dalam tahun 2015, marilah kita bariskan badan kebajikan ini untuk menerima peruntukan RM5,000.00 ini. Kita majliskan dan jelaskan, bukan kerana riak tetapi sebagai memberitahu inilah yang telah difikirkan oleh Wakil-Wakil Rakyat sejak dahulu yang telah dibisik-bisikkan untuk memastikan kesempurnaan dan keselesaan pelajar-pelajar sekolah agama. Penawar yakin serta percaya, bila kita berdiri menegakkan syiar Islam, ini adalah salah satu daripada caranya. Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Duta Jauhar saya yakin dan percaya orang-orang muda mula gembira mengorak langkah untuk bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam melontar idea. Cara ini dapat membentuk jati diri dan peribadi untuk masa depan dan demi masa depan mereka agar kuat dan gagah. Dengan peruntukan yang disediakan, dengan ruang yang diberi, suatu yang cukup baik untuk membentuk masyarakat masa depan yang mempunyai nilai yang

cukup tinggi. Inilah salah satu daripada usaha Kerajaan Barisan Nasional yang terbukti, bukan hanya sekadar bercakap tetapi melaksanakannya untuk siswa-siswi turut serta dalam pembangunan sosioekonomi. Kalau diwujudkan kelompok-kelompok kecil bagi kita mendekatkan diri dengan mereka, adalah lebih baik lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melihat usahawan sebahagian daripada perkara yang perlu bagi Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan mereka dapat membantu meningkatkan pendapatan dan menjana ekonomi negeri. Adalah dicadangkan, penelitian lebih kerap dibuat ke atas usahawan ini agar mereka dapat menguruskan pinjaman dengan baik seterusnya dapat membesarkan lagi perniagaan mereka. Janganlah cepat dirobohkan gerai-gerai kecil perniagaan mereka, kita perlu dekati mereka serta bimbing mereka kerana kebanyakan daripada mereka adalah golongan yang tidak layak mendapat BR1M tetapi tidaklah semewah mana dengan bermacam tanggungan yang perlu ditampung sama ada kereta, rumah mahupun anak-anak yang masih bersekolah. Inilah golongan yang paling ramai sekali terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan. Buatlah majlis penerangan kecil-kecil supaya kita mengetahui apa yang boleh kita bantu mereka, supaya mereka tahu Pusat Pembangunan Usahawan Johor mampu untuk menyusun dan merancang sebagai usaha keras Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, benar-benar mereka rasai.

Jauhkan birokrasi di dalam membantu mereka. Ingatlah, dalam melunaskan amanah, akhlak dan budi perlulah seiring bersama-sama. Merendah diri kerana kita tak akan dapat menembus bumi atau menyamai tingginya gunung-ganang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam memperkasakan agenda sukan adalah dicadangkan sukan bola jaring untuk dimasukkan sekali di dalam Program Memperkasakan Sukan Johor. Berilah ruang dan peluang untuk wanita turut serta dalam bidang sukan berkumpulan ini. Tahniah kepada MSNJ yang telah mengadakan bola jaring di bawah 14 tahun dan 11 tahun, tahniah kepada Pontian dan Muar yang telah menjadi johan. Di sinilah kita mula membentuk pasukan yang baik untuk masa depan sukan Johor kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana masih ada ruang untuk wanita profesional terus berusaha mencari tempat di ruang pembuat dasar dan kerusi-kerusi lembaga pengarah. Wanita inilah yang memastikan untuk UMNO terus relevan. Namun, hakikatnya bukan senang dan bukan mudah untuk memastikan wanita ditempatkan, namun wanita tetap menghargai. Program IKIT dan *1Malaysia Support For Housewife* melalui Program *Women Career Comeback* dicadangkan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan program ini, merangka serta menyusun tindakan yang perlu dibuat bagi menampakkan hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional di dalam membela wanita. Taklimat harus diberikan tentang peluang dan ruang untuk wanita. Kepimpinan wanita supaya hasrat kerajaan dapat terus disebar luaskan. Berilah tahu EXCO wanita tentang ruang-ruang yang ada kepada wanita untuk dia duduk di kerusi GLC, kita akan bincang untuk lihat sahabat-sahabat yang mempunyai kelayakan akademik, yang setia kepada parti sebab kalau duduk dekat GLC, tak setia kepada parti pun, tak ada makna juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar yakin RM150,000.00 tidak mencukupi untuk membantu wanita. Adalah dicadangkan agar peruntukan ini dapat dilihat kembali

dan ditambah lagi untuk wanita terus seiring sejalan dalam membangun dan memberi sumbangan kepada kemajuan Negeri Johor. Terima kasih kerana hasil kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat memelihara tanah rizab untuk orang Melayu. Semoga dengan berkat usaha Yang Amat Berhormat terus memastikan bumiputera mendapat tempat yang sepatutnya dan nasib mereka terus terbela. Semoga dengan hasil usaha Yang Amat Berhormat ini akan membuka mata mereka untuk terus menyokong kerajaan yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mudah-mudahan bajet tahun 2014 sambung 2015, rakyat Johor akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan tidak akan wujud politik baru, wilayah baru. Penyediaan bukan sekadar angka tetapi melaksana dan memastikan rakyat menikmati serta menilai, kita terus memperbaiki. Kalau sekadar membuat perbandingan kita mencari kekuatan dan kelemahan, bukan menghentam membuta tuli atau menghasut untuk membuat huru-hara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semoga dengan berkat bentangan Bajet 2015 ini, Negeri Johor akan terus meningkat maju dan diberkati. Setuju untuk membina bangunan perlu ada batu, pasir, batu kerikil, simen dan lain-lain tetapi yang penting adalah pekerjanya sama ada pekerjanya mahir untuk membina bangunan atau pekerjanya mahir meruntuhkan bangunan. Kontraktornya perlu memiliki fahaman, sukatan, filing dan juga bancuhan dalam mendirikan sesebuah bangunan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semoga kita semua Wakil-Wakil Rakyat diberikan kesihatan yang baik dan di kesempatan ini marilah kita sama-sama mendoakan mudah-mudahan Yang Berhormat Sedili terus dianugerahkan kesihatan yang baik dan sabar menghadapi ujian yang diberikan oleh Allah SWT. Dan, untuk sama-sama memastikan negeri Johor berada di landasan yang betul dan dirahmati, " kuat lilit kerana simpulnya, kerana jika kepimpinan di atas terus berusaha untuk membuat simpulan yang kuat demi memastikan negeri Johor terus maju kami juga akan membuat lilitan demi lilitan yang kemas untuk memastikan sama-sama membantu negeri Johor agar terus berdiri kukuh. Dengan ini Penawar mohon menyokong. Sekian wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pendek sangat pulak. Jemput Paloh.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam Muafakat Johor. Terlebih dahulu Paloh ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini. Paloh juga ingin merakam setinggi-tinggi tahniah penghargaan dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2015 dengan surplus RM3.82 juta. Bajet yang bertemakan "Membangunkan Johor Secara Inklusif" dengan 5 strategi.

1. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan merangsang pelaburan.
2. Memangkin kesejahteraan hidup rakyat.
3. Membangunkan masyarakat berilmu dan berkemahiran bagi mendukung peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.
4. Membudayakan inovasi, kreativiti dan keusahawanan.

5. Memodenkan prasarana serta mengukuhkan kepercayaan awam terhadap pentadbiran dan institusi kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam memartgkinkan kesejahteraan hidup rakyat beberapa kaedah akan dijalankan oleh kerajaan:

1. Mengurangkan kemiskinan di mana kerajaan negeri akan meneruskan program bantuan rumah untuk membina 40 unit rumah baru dan membaik pulih 30 buah rumah. Kerajaan juga akan memperuntukkan wang zakat negeri Johor untuk membina 200 unit rumah baru dengan anggaran RM40,000.00 dan RM1 juta diperuntukkan untuk membaik pulih 75 unit rumah.

2. Bantuan makanan sihat untuk anak-anak golongan miskin di sekolah rendah agama Johor yang akan di manfaatkan oleh seramai 15,000 orang pelajar.

3. Seramai 1,800 orang nelayan di pesisir pantai selatan Johor akan menerima bantuan RM1,000.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah kedua ialah menyediakan tempat berlindung untuk membina keluarga yang kurang yang mana sasaran pembinaan rumah mampu milik akan ditingkatkan daripada 28,000 kepada 37,000 unit sebanyak 8,900 perumahan mampu milik dijangka dapat dibina sehingga akhir tahun 2018. Manakala sebanyak 6,300 unit rumah kos rendah termasuk dalam projek perumahan rakyat sedang dalam proses pembinaan. Kerajaan negeri Johor akan menyediakan skim sewa beli dengan sasaran ialah sebanyak 5,000 unit ini termasuk 1,000 unit rumah berharga RM42,000.00 hingga RM80,000.00 yang akan di sewa beli oleh Majlis Agama Islam Johor untuk diduduki sementara secara percuma oleh penerima bantuan zakat yang berkelayakan. Kerajaan negeri Johor dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan juga akan membina 2,000 unit rumah pada 2015 di bawah projek perumahan awam 1Malaysia. Kerajaan negeri akan menaikkan had minimum pendapatan isi rumah bagi pembelian rumah mampu milik Johor dan kos sederhana dari RM6,000.00 dan RM7,000.00 kepada RM8,000.00. Kerajaan akan memberikan baucar RM1,000.00 untuk membantu meringankan beban bagi pembayaran deposit utiliti dan kos-kos yang berkaitan pembelian rumah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah ketiga ialah mengukuhkan agenda Johor dalam merekayiasa di mana Johor Corporation akan mengambil alih tanah seluas 382 ekar di Kem Tebrau bagi tujuan membina lebih banyak rumah mampu milik khusus untuk golongan bumiputera dan masyarakat setinggan. Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang mencakupi aspek pendidikan, kebajikan dan membantu usahawan masyarakat India pada tahun 2015, untuk tujuan pendidikan sebanyak RM1.5 juta, kebajikan RM 1.5 juta dan keusahawanan RM 1 juta.

Bagi menyemarakkan integrasi etnik, keeratan sosial dan memupuk penerimaan kepelbagaian, kerajaan akan menubuhkan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah keempat ialah mewujudkan Johor yang bersih dan alam sekitar yang lestari. Di mana pada tahun 2015, kerajaan akan memperkasakan pasukan Pertubuhan Komunikasi Tingkah Laku (COMBI) di peringkat

Jawatankuasa JKKK, Zon Ahli Majlis dan sekolah-sekolah bagi menangani masalah denggi.

Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama kerajaan pusat akan memulakan pelaksanaan *water blue print*, Sungai Skudai. Peruntukan akan disalurkan melalui IRDA. Bagi tujuan memelihara alam sekitar, kerajaan negeri telah memutuskan untuk membekukan segala aktiviti pembalakan di hutan simpan kekal pengeluaran diseluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah kelima ialah Membudayakan Sukan Dan Gaya Hidup Sihat Untuk Kebingkasan Malaysia. Menambah baik dan meningkat taraf arena akuatik, membina stadium tertutup yang baru di Larkin, membina stadium di Mount Austin bagi acara trek dan balapan secara berperingkat. Memelihara 36 buah gelanggang serba guna dan 30 *Gym* Muafakat Johor dalam usaha kerajaan menyahut seruan gaya hidup *wasatiah* dan sihat khususnya bagi golongan muda. Mewujudkan pusat rekreasi tambahan terutamanya di kawasan Malaysia selari dengan citra masyarakat yang memerlukan ruang riadah bersama keluarga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah keenam ialah Memperkasa Agenda Belia. Di mana cadangan pembangunan hab belia tempatan di Kulai Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dan hab belia antarabangsa. Menggerakkan sukarelawan Darul Takzim melalui aktiviti seperti motivasi pelajar, pembangunan sukarelawan, khidmat masyarakat serta sukarelawan sukan. Program pembangunan atlet seawal usia 10 tahun dengan memfokuskan sukan bola sepak, hokey serta sukan padang dan balapan. *Iskandar Malaysia Motor Sport City* dan *Fast track* akan dibangunkan. Program-program pencegahan dan menguatkuasaan terhadap penyalahgunaan dadah akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah ketujuh ialah Memperkasa Sumbangan Dan Profesionalisme Wanita. Di mana program Kemahiran Inkubator Ibu Tunggal, Program Inkubator Keusahawanan Wanita Dan Program Teras Pembangunan Wanita dengan memberi penekanan kepada 3 kategori golongan wanita iaitu wanita profesional, wanita pertengahan dan wanita amatur dengan menggunakan peruntukan kerajaan pusat sebanyak RM150,000.00.

Pembangunan wanita India di negeri Johor berdasarkan peruntukan untuk pembiayaan keseluruhan yang disediakan di bawah AIM oleh kerajaan pusat untuk usahawan-usahawan India. Kerajaan Johor menyasarkan seramai 100 orang usahawan wanita India Johor akan mendapat manfaat daripada pengagihan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah kelapan ialah Memelihara Budaya Dan Warisan Johor. Di mana pusat pentadbiran Yayasan Warisan Johor akan ditambah baik secara berfasa di Kompleks Mawar. Pembinaan pembangunan berfasa ini akan menempatkan pelbagai aktiviti kebudayaan seperti Akademi Pembinaan Karakter, Kelas Pemugaran Tulisan Jawi, Kelas Zapin serta berbagai-bagai paparan seni.

Memartabatkan permainan tradisional di sekolah rendah dan menengah seluruh negeri. Peruntukan untuk promosi kebudayaan, kesenian dan warisan Johor. Insentif kerjaya khusus untuk tenaga kerja seni, kebudayaan Yayasan Warisan Johor, Tabung Amanah Warisan Johor akan diperuntukkan bagi projek Kembara Wangsa.

Peruntukan ini akan digunakan untuk menaik taraf prasarana dan pemuliharaan tapak-tapak bersejarah di sepanjang Sungai Johor.

Pembangunan Muzium Timbalan Setia Negeri dan Muzium Mersing akan dibangunkan pada tahun 2015. Bagi memastikan kelangsungan budaya dan penulisan masyarakat tempatan, kerajaan negeri akan memberi peruntukan kepada Persatuan Penulis Johor bagi melaksanakan aktiviti mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semua usaha yang dilakukan oleh kerajaan menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sangat prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat di mana kebajikan rakyat sentiasa didahulukan. Peningkatan dalam bidang unit rumah mampu milik yang dibina melalui pelbagai projek perumahan dalam negeri juga dapat menyelesaikan masalah perumahan yang dihadapi oleh golongan yang berpendapatan rendah selama ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Paloh ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Majlis Perbandaran Kluang iaitu MPK kerana baru-baru ini telah banyak menurapkan semula jalan di kawasan saya. Saya juga berharap MPK dapat memberikan lebih peruntukan untuk membaiki dan menggantikan longkang-longkang yang rosak.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Paloh ingin membincangkan beberapa isu di dalam kawasan saya. Yang pertama, tentang Pasar Awam Paloh yang sudah ketinggalan zaman. Bangunan sudah usang, banyak kemudahan asas seperti salur air, paip air, tandas dan lain-lain lagi sudah rosak. Lokasinya pun kurang sesuai sebab dia terletak di tengah-tengah pekan. Maka, saya ingin bercadang agar Pasar Awam ini dapat dipindahkan ke satu tempat yang lebih sesuai seperti di Taman Kota Paloh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu kedua ialah tentang bekalan elektrik. Kawasan Paloh dan sekitarnya selalu mengalami gangguan bekalan elektrik. Gangguan ini kadang-kadang berlaku beberapa kali dalam sebulan. Ini telah menyusahkan semua lapisan rakyat terutamanya para peniaga, di mana perniagaan mereka terjejas akibat gangguan bekalan elektrik. Baru-baru ini semasa peperiksaan SPM berlangsung, tiba-tiba bekalan elektrik terputus dan telah menyebabkan emosi pelajar terganggu. Maka, saya ingin bercadang kepada pihak TNB agar dapat menaikkan taraf perkhidmatan bekalan elektrik di Paloh dan sekitarnya. Akhirnya, saya menyokong usul yang dibawa oleh DUN Kukup. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih YB. *Summarize*kan bajet MB eh. Saya silakan, Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bagi sesi Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2015. Machap merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pembentangan belanjawan yang bertemakan "Membangunkan Johor Secara Inklusif", dengan menggariskan 5 strategi utama. Bajet yang di bentang merupakan bajet yang paling wajar dan adil untuk Johor dan rakyatnya dengan

mempersembahkan ukuran pencapaian pertumbuhan ekonomi yang kukuh, peluang pekerjaan berkualiti yang semakin bertambah dan jumlah defisit terus di kecilkan menjurus kepada kemakmuran ekonomi di agih secara adil, secara inklusif dan hidupan rakyat di sejahterakan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tahniah juga kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berjaya mencatat lebihan bajet mengurus untuk 2 tahun berturut-turut, yang selama ini telah 13 tahun mengalami defisit. Cabaran dalam kekangan mengurus negeri dan ekonomi Negeri Johor telah berjaya dikendalikan dengan baik. Cabaran menggubal Enakmen Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Johor telah ditangani dengan penuh yakin dan berani, sehingga berjaya menutup mulut pengkritik sama ada pengkritik daripada rakyat Negeri Johor mahupun pengkritik daripada luar Johor. Ini menunjukkan bahawa MB kita telah berjaya melontarkan satu semangat, belum pernah ada dalam sejarah, Johor tunduk kepada cabaran atau takut mengambil risiko untuk mengurus cabaran. Ini lontaran semangat yang ada pada Menteri Besar kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha Kerajaan Johor menyediakan prasarana dan infrastruktur awam yang moden dan sistematik. Kerajaan Johor memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi menyelenggara rangkaian jalan-jalan negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kerja Raya memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi tujuan pembangunan jalan dan jambatan negeri bagi tahun 2015. Di sini Machap memohon supaya peruntukan itu disalurkan untuk cadangan menggantikan jambatan konkrit merentasi Sungai Machap Daerah Kluang. Kewajaran permohonan ini, memandangkan keadaan jambatan tersebut adalah membimbangkan disebabkan faktor hakisan tebing dan struktur jambatan itu sendiri yang perlu dinaik taraf. Jambatan tersebut telah 2 kali diperbaiki dan menjadi laluan utama kenderaan berat, tidak selesa bila berselisih sehingga menyebabkan berlaku kemalangan. Pernah berlaku kemalangan bila 2 buah lori besar berselisih menyebabkan salah sebuah daripada lori itu berlanggar penghadang jambatan dan masuk ke dalam sungai. Melalui peruntukan ini juga JKR mencadangkan agar mempertimbangkan pembinaan menaik taraf, menyelenggara jalan mengikut kepentingan dan keselamatan nyawa orang ramai. Kadangkala JKR membina jalan hanya untuk kepentingan orang ramai dengan bajet ratusan ribu ringgit, tapi tidak pula meluluskan atau lambat meluluskan pembinaan jalan yang hanya puluhan ribu ringgit, tetapi melibatkan kepentingan dan keselamatan nyawa orang ramai. Untuk itu, Machap memohon peruntukan untuk dilebarkan jalan di hadapan Sekolah Menengah Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam dan di hadapan Taman Sri Bayu, Simpang Renggam kerana keperluan perlebaran jalan untuk mengelakkan kemalangan yang kerap berlaku di situ.

Begitu juga pembinaan lampu isyarat di hadapan Surau Kampung Sari yang sangat diperlukan untuk mengelakkan kerapnya berlaku kemalangan di situ. Sekiranya kegagalan pembinaan lampu isyarat ini ataupun kesukaran untuk mendapat kelulusan peruntukan, sewajarnya pihak JKR sentiasa dari semasa ke semasa untuk mengenalpasti, mengemaskini dari segi papan tanda ataupun cat untuk menunjukkan kawasan itu adalah kawasan pembahagi jalan ataupun sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, KKLW memberikan peruntukan RM50.15 juta kepada Negeri Johor bagi meningkat prasarana awam di luar bandar. Diharapkan peruntukan ini dapat disalurkan untuk pembinaan lebih banyak dewan terbuka di

kawasan luar bandar untuk tujuan kemudahan menjalankan aktiviti, sama ada sukan atau kemasyarakatan. Peruntukan untuk bekalan air di luar bandar sebanyak RM11 juta. Machap mencadangkan sedikit peruntukan untuk mengatasi masalah 6 keluarga di Jalan Ros Kampong Sri Desa, Machap yang telah 30 tahun tidak mendapat bekalan air paip walaupun ada meter air di pasang di rumah mereka ekoran tekanan air rendah.

Peruntukan jalan-jalan luar bandar RM38 juta, sewajarnya dimanfaatkan sebaiknya dengan menurap lebih banyak jalan-jalan di kampung untuk memberi manfaat kepada penduduk yang belum merasai laluan jalan tar untuk ke rumah mereka. Peruntukan bekalan elektrik di luar bandar sebanyak RM1 juta sewajarnya diperuntukkan kepada kampung-kampung dengan memasang lampu jalan supaya jalan-jalan di kampung-kampung diterangi cahaya lampu di samping cahaya terang bulan. Ini selaras dengan bajet yang dibentangkan oleh PM yang menekankan kesan dan manfaat kepada rakyat, di mana PM menekankan memperuntukkan 60 lampu jalan di setiap kampung supaya kampung menjadi terang benderang. Di sini kurang penjelasan sama ada 60 lampu jalan itu merujuk kepada setiap Ketua Kampung atau setiap kampung. Bermakna kalau PM memperuntukkan 60 lampu di setiap kampung apatah salahnya, apalah kiranya kalau Kerajaan Negeri Johor menambah sekurang-kurangnya 10 lampu jalan di setiap kampung.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, keeratan dan keselamatan sosial adalah satu lagi aspek kritikal dalam pembangunan. Peruntukan RM900,000.00 bagi memastikan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela terus diperkukuh di kawasan perumahan. Selain mengukuh perpaduan ia juga dapat sumbangan tenaga masyarakat untuk memastikan lingkungan kejiranan mereka selamat. Bagi memastikan keselamatan diri, harta dan nyawa, banyak rumah dipasang dengan pagar. Tak cukup dengan pagar, dipasang gril. Tak cukup dengan gril dipasang dengan alarm. Tak cukup dengan alarm dipasang dengan CCTV. Tak cukup dengan CCTV dipasang lagi rumah itu, dipawangkan rumah itu supaya pencuri tak nampak. Begitulah Dato' Timbalan Speaker. Usaha kita memastikan kehidupan kita selamat terhindar daripada pelbagai perkara yang tidak diingini berlaku. Untuk memastikan keselamatan penduduk di Machap lebih terkawal dan rasa selamat, Machap memohon agar bilangan anggota Polis di Balai Polis Simpang Renggam di tambah sesuai dengan pertambahan dengan bilangan penduduk yang merangkumi hampir 60 taman dan 40 kampung bagi memastikan penurunan kadar jenayah yang berlaku di Simpang Renggam menurun terutamanya di DUN Machap.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dan usaha untuk memangkin kesejahteraan hidup rakyat, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan memperuntukan RM500 juta untuk memperkasa Pasukan Perumahan Komunikasi Tingkahlaku (COMBI) di peringkat jawatankuasa JKKK Zon Ahli Majlis dan sekolah-sekolah bagi menangani masalah denggi. Peruntukan ini tentu dapat menggerakkan Kumpulan COMBI dengan lebih aktif dan berkesan bagi tujuan mengelakkan kehilangan nyawa manusia ekoran demam denggi. Di Johor, dikatakan jumlah kes demam denggi menunjukkan peningkatan lebih 82% iaitu sebanyak 2,050 kes sejak Januari hingga awal bulan Jun berbanding 1,123 bagi tempoh yang sama tahun lalu. 16 kematian disebabkan wabak denggi di rekod sejak Januari hingga 4 Ogos 2014 dengan 11 daripadanya berlaku di Johor Bahru. Jumlah tersebut meningkat berbanding 8 kes kematian bagi tempoh sama tahun lalu, memandangkan tiada sebarang vaksin untuk mengubati demam

denggi sewajarnya gerakan bersepadu melalui kerjasama penduduk setempat, bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk di sekelilling rumah, taman dengan memusnahkan semua bekas yang boleh menakung air terutamanya di besen, tayar lama, bekas tin susu, tin minuman dan sebagainya. Peruntukannya disalur untuk dapat membantu mengadakan seberapa banyak kempen atau ceramah kesedaran tentang bahaya demam denggi ini. Kesedaran orang ramai juga boleh di pertingkat untuk sama-sama menjaga sekelilling rumah dan tidak hanya mengharapkan pihak SWM dan Majlis Daerah untuk membersihkan kawasan rumah masing-masing daripada menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi program-program pencegahan dan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan dadah. Diharap agensi Anti Dadah Kebangsaan dengan kerjasama Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) akan mempertingkatkan lagi usaha kesukarelawanan untuk membanteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan generasi muda di Negeri Johor. Dilaporkan bella berusia 19 hingga 39 tahun, paling ramai dikesan pada tahun 2010 sebanyak 16,737 orang. Bilangan ini menurun kepada 5,342 pada tahun 2013. Remaja berumur 13 hingga 18 tahun, merupakan golongan yang harus diberi perhatian kerana seramai 214 kes remaja dikesan menagih pada tahun 2013. Justeru amatlah wajar, peruntukan diberikan lebih tujuan membanteras penyalahgunaan najis dadah dalam kalangan puteri-puteri bangsa yang merupakan waris kepada kesinambungan generasi bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bajet yang dibentangkan kali ini tidak mengetepikan kepentingan pembangunan potensi manusia yang merupakan pelaburan paling strategik bagi sesebuah negara. Justeru pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Johor memperuntukkan RM1 juta untuk membolehkan anak-anak Johor yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah di bantu dari segi bayaran pendaftaran masuk ke Universiti dengan RM1,000.00 untuk peringkat Ijazah dan RM500.00 untuk peringkat Diploma. Ini kerana bayaran pendaftaran yuran pengajian untuk masuk ke universiti kadangkala mencecah RM2,000.00 hingga RM3,000.00 ditambah dengan kos penghantaran anak yang ditawarkan di universiti yang jauh dari rumah kediaman dan keperluan membeli peralatan yang lain menambah ketidakmampuan sesebuah keluarga yang berpendapatan rendah sehingga terpaksa membatalkan hasrat anak-anak mereka untuk masuk ke universiti.

Bagi pinjaman YPJ sewajarnya, ketetapan konsep biasiswa bayaran separuh atau bayaran penuh wajar diberikan kepada peminjam supaya pelajar-pelajar akan belajar bersungguh-sungguh mengejar gred purata untuk mereka ditentukan bayaran mengikut keputusan peperiksaan mereka di akhir pembelajaran terutama di peringkat ijazah. Kalau satu masa dahulu saya difahamkan, ada pemotongan yang begini sekiranya pelajar mencapai 3.7% akan diberi kelonggaran untuk pembayaran sepenuh ataupun bayaran separuh.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, usaha UMNO Negeri Johor melakukan transformasi Sekolah Agama di negeri Johor termasuk cadangan melaksanakan program Iqra' dan Fardhu Ain memang sangat bertepatan dengan perkembangan dunia pendidikan terkini. Penekanan kepada perkara ini tentunya dapat membentuk akidah dan akhlak terpuji kepada pelajarnya. Akhlak yang terpuji sangat penting dalam kehidupan pelajar apatah lagi sekarang ini sering dipaparkan kisah-kisah atau

video kes buli dalam kalangan sama ada melibatkan perlakuan pelajar perempuan mahupun pelajar lelaki. Paparan kes buli baru-baru ini digembar-gemburkan berlaku di sebuah sekolah agama di negeri Johor, di sebuah MRSM dan di sebuah asrama rumah anak yatim beberapa tahun dulu. Kes ini menimbulkan kemarahan orang ramai yang melihat seorang pembuli membelasah juniornya tanpa belas kasihan walaupun dia telah meraung-raung merayu agar tidak diperlakukan sedemikian. Ada pihak secara sinis menyalahkan Pengetua, menyalahkan guru-guru dan menyalahkan warden asrama. Jadi, dalam kes penyelesaian kepada masalah ini, ada pihak mencadangkan supaya jawatan Ketua Warden dan Warden Asrama dilantik dalam kalangan penjawat awam khusus untuk menjaga pengurusan disiplin dan kebajikan pelajar di asrama atau guru yang sepenuhnya bertugas sebagai Warden Asrama. Setakat ini, jawatan Warden dibayar gaji kepada guru yang dilantik sebagai Warden sebanyak RM240.00 dan Ketua Warden RM280.00. Ratio, 1 Warden : 50 pelajar. Jadi, ada sebahagian guru ini siang bertugas di sekolah dan sebelah malam bertugas menjaga asrama. Keadaan ini tentunya menimbulkan sesuatu yang boleh menimbulkan pertikaian tentang komitmen guru yang bertugas kerana waktu siang penat bekerja dan pada waktu malam yang sepatutnya masa dihabiskan bersama keluarga terpaksa dikorbankan untuk menjaga disiplin kebajikan pelajarnya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Machap ingin menarik perhatian pihak Jabatan Alam Sekitar, pihak PTD Kluang dan jabatan-jabatan tertentu kepada sebuah kilang yang menghasilkan batu-bata di Kampung Kumia, FELDA Ayer Hitam, difahamkan kilang tersebut telah dibina lebih awal daripada penempatan penduduk di situ dan akan tamat lesen operasi 10 tahun lagi. Pihak kilang memohon menyambung tempoh untuk mengusahakan pengeluaran batu-bata tetapi aduan penduduk yang menyatakan dengan adanya pembinaan kilang tersebut telah menyebabkan berlaku pencemaran, pencemaran asap, pencemaran habuk yang kadangkala melebihi tahap indeks pencemaran udara. Jadi di sini sebagai Wakil Rakyat, saya mahu di kawasan saya ada kilang yang dibina untuk membantu merancakkan pertumbuhan ekonomi di samping memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan saya tetapi dengan adanya bantahan-bantahan daripada penduduk ini, saya berada dalam keadaan dilema. Maknanya bukan senang untuk menarik pelabur melabur di satu tempat yang tidak secara langsung akan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tapi dalam masa yang sama kesihatan penduduk akan terjejas. Jadi Machap meminta pihak berkaitan membuat pertimbangan yang terbaik sama ada untuk menyambung tempoh lesen operasi ataupun sebaliknya.

Yang kedua, masalah mendapatkan Sijil Layak Menduduki Rumah di penempatan banjir Taman Sejahtera, Parit Salam, Simpang Renggam. Penempatan itu telah dibina hampir 2 tahun untuk seramai 42 penghuni ataupun keluarga yang mengalami musibah banjir setiap kali musim tengkujuh. Walaupun rumah ini telah dua tahun diduduki, namun masih belum mendapat sijil untuk mendudukinya, walaupun sudah ada kemudahan api dan air. Penghuni juga belum diminta membuat apa-apa bayaran kepada pihak SPNB yang membina rumah tersebut. Difahamkan kelewatan mendapat Sijil Layak Menduduki Rumah berpunca daripada masalah pembinaan tangki najis oleh pihak Indah Water justeru, Machap sangat berharap masalah ini dapat diselesaikan seberapa segera untuk memberikan kepuasan hati kepada penduduk.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Machap ingin menarik sedikit perhatian sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Wakil Rakyat daripada pihak Pembangkang yang mencadangkan supaya kerajaan negeri Johor mempertimbangkan pemberian keistimewaan kepada Ketua Pembangkang dengan memberikan keistimewaan seperti sebuah kereta rasmi, elaun tambahan, seorang setiausaha yang merujuk kepada apa yang diamalkan di Selangor termasuk di Pulau Pinang. Justeru, Machap berpendapat kerajaan Pakatan Pembangkang berbuat demikian atas dasar apa jasa yang telah dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional di Selangor (dewan bertepuk) dan Pulau Pinang yang telah banyak berjasa membangunkan Negeri Selangor dan Pulau Pinang membawa kesejahteraan rakyat dan memacu ekonomi negeri Selangor telah membuat segalanya. Hasilnya sekarang ini, yang menuai hasil ialah kerajaan Pakatan Rakyat justeru wajar, (dewan bertepuk) Wakil Rakyat Ketua Pembangkang Barisan Nasional di sana diberikan keistimewaan begitu. Tetapi di negeri Johor, jasa Pembangkang belum sampai ke tahap itu, (dewan bertepuk) justeru, pertimbangan diberikan keistimewaan kepada pihak Pembangkang, saya rasa belum sampai untuk ke peringkat kita pertimbangkan permohonan itu. (Dewan bertepuk).

Seterusnya Dato' Timbalan Speaker, pihak Wakil Rakyat Pembangkang ada menyebut supaya kita sebagai rakyat Johor memberikan kesetiaan yang penuh kepada Baginda Sultan. Contohnya dalam Kembara Mahkota yang lepas. Alhamdulillah, dengan semangat yang ada pada Ketua Pembangkang yang telah menyeru kepada Wakil Rakyat, kepada Barisan Nasional untuk sama-sama memberikan penghargaan ataupun memberikan penghormatan semasa Kembara Mahkota sangat kita alu-alukan. Sebab saya yakin, dalam diri Ketua Pembangkang masih ada ketebalan semangat kesetiaan kepada Raja dan Negara yang terkandung dalam Rukun Negara. Kalau ini ada, sebagai rakyat Malaysia kita sudah menuju ke sebuah Negara yang mana rakyatnya adalah bangsa Malaysia yang kita harapkan dapat menjunjung tinggi perlembagaan Malaysia, saya yakin, konflik agama, konflik perkauman, konflik ideologi politik dapat kita kurangkan. Sebab kalau kita lihat bagaimana, di Thailand daripada keturunan Cina, Thaksin, dia menjunjung tinggi perlembagaan Thailand, bila dia mengadap Raja Thailand, bagaimana cara dia mengadap? Hampir merangkak soal begitu. Maka dia boleh jadi Perdana Menteri Thailand. Kalau kita lihat di Amerika, Barrack Obama, tak sangka-sangka boleh jadi Presiden Amerika. Sebab apa dia boleh jadi Presiden Amerika, sebab dia menjunjung tinggi perlembagaan Amerika maka orang Amerika sanggup terima Barrack Obama menjadi Presiden Amerika. Di Negara kita, kalau semangat cinta kepada Negara menjunjung tinggi Perlembagaan Malaysia, saya yakin kemungkinan suatu masa nanti Timbalan Perdana Menteri, kemungkinan juga Perdana Menteri Malaysia akan terdiri daripada rakyat Malaysia yang cinta kepada negara tidak kira Melayu, Cina, India asalkan mereka menjunjung tinggi perlembagaan Malaysia, dia boleh jadi Timbalan Perdana Menteri, boleh menjadi Menteri di Malaysia.

Dato' Timbalan Speaker..

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila tutup.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Akhirnya Machap menyokong usul yang dibawa oleh Kukup. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan kita makan tengah hari saya dengan ini tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2:30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

Dewan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Kita masih dalam agenda membahaskan Rundingan Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan 2015 tahun 2014. Saya ingin nak mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memberi keadilan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berucap kita cuma ada masa sesi petang ini, pagi esok dan petang esok. Saya hadkan mulai pada petang ini, tiap-tiap Ahli-Ahli Yang Berhormat tak lebih 15 minit untuk membolehkan 27 orang lagi untuk mengambil bahagian. Jadi saya harap, masing-masing dapat menghormati masa bagi membolehkan rakan-rakan kita semua. Saya memang berharap sangat semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berucap membahaskan Ucapan Bajet ini, pada kali ini. Maka dengan ini saya persilakan, Yang Berhormat Tanjung Puteri. 15 minit.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirahmaanirrahim. (Selawat). Saya akan cuba mempercepatkan ucapan saya ini. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT yang mana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita sekali lagi bertemu di Dewan yang mulia ini untuk kita bersidang bagi membahaskan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 13 November lalu. Anggaran Bajet 2015 kutipan hasil berjumlah RM1.23 billion dan perbelanjaan mengurus sebanyak RM1.23541 billion dan lebihan bagi bajet mengurus adalah sebanyak RM3.82 juta. Dan sejak tahun 2006 sehingga September 2014, jumlah pelaburan terkumpul di Iskandar Malaysia adalah RM156 billion menandakan keyakinan pelabur luar dan dalam negara terhadap prospek pembangunan ekonomi di negeri Johor memberangsangkan.

Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui Perbadanan Islam Johor, akan membangunkan projek Perumahan Taman Perbadanan Islam pada tahun 2015 di tapak tanah seluas 14 ekar dalam kawasan DUN Tanjung Puteri di Larkin. Ini bermakna pertambahan Rumah Mampu Milik oleh orang muda dalam kawasan DUN saya tidak boleh disangkal lagi. Makna orang muda akan menikmati rumah-rumah yang akan disediakan. Bagi mempermudahkan rakyat berpendapatan rendah yang sukar mendapat pinjaman bank, kerajaan Negeri menawarkan jualan rumah-rumah milik kerajaan melalui skim sewa beli. Sasaran sebanyak 5,000 unit bagi tahun 2015 dan kepada mereka yang dikategorikan layak sememangnya dialu-alukan. Saya menyambut baik juga usaha kerajaan bagi meningkatkan jumlah Tanah Rizab Melayu dalam kawasan bandar Johor Bahru. Sesuai benarlah kawasan perindustrian Larkin seluas 196 ekar akan diwartakan sebagai Rizab Melayu dan dijadikan penempatan perumahan bagi orang Melayu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi penggalakan bidang sukan pula di Larkin ini, Larkin Sentral Park akan dibangunkan melalui tahun depan. Antara elemen

pembangunannya ialah menaiktarafkan Stadium Larkin itu sendiri dengan kos anggaran sebanyak RM40 juta dan membina Stadium Tertutup yang baru di Larkin juga dengan nilai pembangunannya sebanyak RM60 juta. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kerana merealisasikan kehendak rakyat dalam DUN Tanjung Puteri dan kerana respon terhadap ucapan-ucapan saya di dalam Dewan yang mulia ini bagi penggal-penggal yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya minta dizinkan membawa isu-isu semasa:

1. **Penyelenggaraan jalan JKR Daerah.**

   Saya menyambut baik peruntukan sebanyak 600 juta kerajaan negeri bagi peruntukan menyelenggara rangkaian jalan-jalan negeri melalui Jabatan Kerja Raya. Dengan peruntukan yang besar ini akan selesailah rungutan rakyat terhadap permasalahan jalan yang kurang memuaskan di banyak tempat. Apa yang dikhuatiri adalah desas desus berita-berita yang mengatakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang dilakukan selama ini oleh pihak JKR daerah-daerah, akan diswastakan dan lanya akan menjejaskan pekerja-pekerja unit bahagian selenggara jalan di setiap daerah-daerah dalam negeri Johor. Rungutan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah ini, mereka khuatir apa akan terjadi kepada jawatan mereka dan adakah mungkin diberhentikan atau ditukarkan ke bahagian lain yang tidak sesuai dengan mereka. Dan kepada kontraktor-kontraktor kelas kecil, mereka khuatir perniagaan mereka akan terjejas kerana penerima konsesi akan datang akan memberi kerja kepada kontraktor-kontraktor kelas yang besar-besar. Maka, sekiranya perkara ini akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri, ianya mestilah mendapat pandangan atau diperbincangkan dengan teliti cara pelaksanaan memberi konsesi secara telus dan terbuka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

2. **Isu EDL (Eastern Dispersal Link)**

   Terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana menyiapkan projek EDL pada masa yang ditetapkan. Dengan adanya jalan perhubungan ini, rakyat dari bandar raya dapat mempercepatkan perjalanan dari bandar raya Johor Bahru ke Timur Malaysia ataupun ke utara Malaysia. Yang menjadikan projek ini kebanggaan adalah tidak dikenakan tol kepada kenderaan yang menggunakan dalam persekitaran bandar raya mahupun kenderaan yang datangnya daripada utara selepas tol yang dikenakan di Skudai sampai ke bandaraya Johor Bahru tidak dikenakan tol sejauh 8 kilometer lebih. Juga saya beri contoh mereka yang berurusan di Pasar Borong Pandan dan juga mereka yang ada di Permas yang akan ke bandar raya tidak kena tol. Mereka yang berada di DUN Stulang yang berurusan ke DUN Tanjung Puteri menggunakan jalan ini juga semuanya tidak dikenakan tol. Yang dikenakan tol adalah di CIQ. Mereka yang berulang alik ke Singapura dan juga kita dapat

lihat kerajaan Singapura pun menyokong kerajaan Malaysia untuk mengenakan tol yang tinggi kepada kenderaan yang berurusan ke Singapura. Kerajaan Singapura menaikkan kadar tol mereka agar kenderaan yang memasuki negara mereka dapat dikurangkan jumlahnya. Dalam kajian rambang yang dibuat, terdapat sekarang ini 10% kekurangan kenderaan yang keluar masuk semenjak kenaikan kedua-dua tol Malaysia dan Singapura pada masa ini. Singapura sepatutnya memberi pujian kepada Malaysia kerana membantu mereka dalam isu mengurangkan kesesakan kenderaan di Singapura.

Kenaikan tol di Singapura kita tidak dapat lihat, tidak nampak pun ada bantahan. Kalau nak bantah kenaikan tol Singapura ini, saya jangan lupa ajak sekali. Kalau kita tengok kereta di tol Singapura, kenaikannya daripada $1.20 kepada $3.80 yakni bersamaan dengan RM9.70, van, teksi, bas. Teksi daripada $0.60 yakni RM1.50 naik kepada $1.00 bersamaan dengan RM2.50 lebih sen. Bas pula daripada $1.90 yakni RM4.80 naik kepada $3.10 yakni bersamaan dengan RM7.80 lebih daripada Malaysia. Terima kasih kepada NGO-NGO, persatuan-persatuan terutamanya persatuan Cina yang membantu Wakil Rakyat DUN Stulang dahulu yang mana berjanji memenangkan Barisan Nasional bagi PRU-13. Kami bersama-sama memperjuangkan rakyat negeri Johor, khasnya pengundi DUN Stulang agar jalan EDL ini tidak dikenakan tol satu sen pun dalam urusan seharian kita sebagai rakyat di DUN Tanjung Puteri dan juga DUN Stulang.

3. Isu VEP (*Vehicle Entry Permit*) dengan izin.

Vehicle Entry Permit Singapura asalnya $20.00 yakni bersamaan dengan RM51.00 naik kepada $35.00 bersamaan dengan RM90.00 dan akan dikenakan RM10.00 lagi untuk kegunaan pada hari-hari yang berkecuali. Jadi kalau tambah lagi ianya RM100.00 lebih. Tiap-tiap hari kena. Dirasakan kerajaan Singapura menunggu-nunggu pelaksanaan *Vehicle Entry Permit* oleh kerajaan Malaysia terhadap kenderaan luar negara ini, kerana VEP Malaysia sekurang-kurangnya akan membantu kerajaan Singapura melaksanakan program mereka untuk mengurangkan pembelian kenderaan bagi rakyat mereka yang akan menyebabkan kesesakan kenderaan di dalam bandaraya Singapura. Untuk pengetahuan Dewan, Singapura menggalakkan rakyat mereka menggunakan kenderaan awam sahaja bagi pengurusan harian mereka agar bandaraya Singapura tidak sesak dengan kenderaan. Dan, mungkin dengan pelaksanaan VEP Malaysia kelak dapat membantu Singapura untuk tujuan itu.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : ... selain daripada itu kerajaan negeri Johor, sebagaimana yang dicadangkan akan mendapat imbuhan dari sebahagian kutipan VEP tersebut. Dicadangkan kita juga menggalakkan penggunaan kenderaan awam untuk rakyat kita dan saya cadangkan agar tol-tol bagi teksi dan juga bas ini dikurangkan seberapa

minima. Ha, ini baru perjuangan, kita memperjuangkan mereka yang susah yang menggunakan *public transport* ini agar mereka juga dapat menikmati kadar-kadar tambang yang murah nanti.

Seterusnya, saya ingin bawa mengenai pendidikan agama, guru agama Johor. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana memberi pengiktiratan kepada guru-guru KAFA dan imbuhan tahunan seperti penjawat awam yang lain termasuk khas RM824.00 bagi cuti bersalin mulai tahun 2015. Gaji guru-guru agama negeri Johor juga dalam semakan semula agar sesuai dengan perkhidmatan yang diberikan terhadap pendidikan fardu agama yang dicurahkan kepada anak murid dan RM5000.00 akan diagihkan kepada badan kebajikan sekolah agama. Terima kasih seluruh pengerusi badan sekolah agama mengucapkan ribuan terima kasih termasuk juga saya.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat, Cukup Yang Berhormat.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ok. Sedikit sahaja lagi. Ada sedikit lagi (ketawa). Ada sedikit sahaja terpaksa kena bawa juga ini. Dalam masa yang sama saya ingin pencerahan daripada Pejabat Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru mengenai hutang yang tidak dibayar oleh Majlis Guru Agama Daerah Johor Bahru kepada 17 pembekal kitab dan buku ke sekolah-sekolah agama dalam daerah Johor Bahru, yang difahamkan lebih kurang RM2 juta lebih tidak dibayar semenjak tahun 2009. Jadi akhir kata, sebenarnya saya ada lagi. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sri Speaker dan Tanjung Puteri juga turut menyokong Kukup. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Tanjung Puteri. Sekarang saya persilakan Nusajaya.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberikan kesempatan ini untuk Nusajaya membahaskan pembentangan bajet 2015 di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu Nusajaya ingin mengucapkan syabas dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri besar Johor kerana telah berjaya membentangkan bajet 2015 negeri Johor Darul Takzim yang bertemakan "Membangunkan Johor Secara Inklusif". Pembentangan belanjawan yang komprehensif dan menyeluruh ini yang meliputi semua aspek ekonomi, kesejahteraan hidup, keilmuan, budaya inovasi dan kreatif serta institusi kerajaan, insya-Allah Nusajaya percaya dengan sokongan yang padu dari semua ahli-ahli Yang Berhormat serta kerja keras seluruh rakyat negeri Johor, sudah pastinya negeri Johor akan menjadi *The New Economic Power House* dengan izin bagi negara Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada hari ini, Iskandar Malaysia merupakan sebahagian daripada negeri Johor yang menjadi tumpuan dunia yang meliputi gabungan kawasan berunsurkan kediaman dan hiburan, komersial dan perniagaan serta perindustrian kecil dan sederhana dan dijangka akan

terus berkembang dengan pesatnya. Perkembangan yang amat baik ini, apatah lagi dengan sokongan kerajaan yang berterusan akan menjadikan pembangunan ini lebih rancak dan lancar untuk membentuk bandar metropolis yang progresif dan berdaya maju. Siapa yang menyangka, gelang Patah sebelum ini dikenali sebagai pekan kecil di Selatan Johor Bahru dengan komuniti di situ terlibat dalam sektor perikanan, perladangan, dan perusahaan kecil, namun selepas kerajaan mengambil keputusan membina laluan kedua Malaysia-Singapura pada tahun 1997, Gelang Patah telah menjadi tumpuan rakyat dari seluruh dalam dan luar negara. Bersebelahannya pula Bandar Nusajaya, zon *flagship* B yang menjadi pusat pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Iskandar Malaysia. Apa yang menjadi kebimbangan Nusajaya adalah di manakah peluang-peluang yang sepatutnya kita berikan kepada peniaga dan usahawan tempatan bagi memastikan kesinambungan perniagaan mereka. Keluhan-keluhan dan aduan-aduan yang kerap diutarakan adalah apakah peluang-peluang perniagaan dan penglibatan usahawan-usahawan, kontraktor-kontraktor, ahli-ahli perniagaan tempatan di dalam pembangunan di bandar Nusajaya ini? Nusajaya ingin mencadangkan adalah lebih baik dan lebih berkesan dan lebih praktikal sekiranya kerajaan negeri Johor dapat mencapai persetujuan bersama secara bertulis, hitam putih dengan pemaju yang ingin melabur sekurang-kurangnya jaminan 10% daripada pembangunan yang akan dilaksanakan dapat diberi kepada usahawan tempatan yang rata-ratanya mempunyai keupayaan dan kemampuan kewangan yang kukuh. Diharapkan dengan adanya perjanjian ini nanti, sudah tentu seluruh rakyat Johor akan memberi sokongan yang padu terutama di kalangan usahawan tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Nusajaya juga telah berusaha sedaya upaya untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat dipertingkatkan. Langkah awal yang telah diambil adalah dengan menubuhkan sebuah Yayasan Ikhtiar Nusajaya, nama pendek dia YAKIN, di peringkat Gelang Patah di mana dana yang di kumpul akan digunakan untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat dengan mewujudkan pusat latihan kemahiran kepada ibu-ibu tunggal, kebajikan anak-anak yatim serta golongan-golongan kurang berkemampuan yang tidak mendapat bantuan daripada agensi-agensi. Apa yang Nusajaya lihat sekarang ini, kos sara hidup semakin tinggi dari hari ke sehari . Nusajaya ingin mencadangkan agar diperbanyakkan lagi Kedai Runcit Satu Malaysia dan juga Klinik Satu Malaysia di taman-taman di kawasan-kawasan di seluruh daerah di negeri Johor ini. Ini kerana apa yang kita lihat sekarang ini, wujud pasar raya besar yang menawarkan harga lebih murah sehingga pasar-pasar tani hampir tidak dirasai kewujudannya. Akibat harga yang ditawarkan tidak jauh bezanya malahan ada yang lebih murah. Nusajaya mengharapkan agar Kedai Satu Malaysia dapat diperbanyakkan lagi, bagi menGymbangi dan mengurangkan kos barangan keperluan harian. Nusajaya juga ingin mencadangkan supaya diwujudkan juga Pasaraya Satu Malaysia di kawasan-kawasan yang penduduknya berdensiti tinggi. Nusajaya merasakan sekira wujudnya Pasaraya 1Malaysia dan banyaknya kedai-kedai Satu Malaysia seperti ini, barang-barang dapat dijual walaupun tidak mempunyai label dan bungkusan yang canggih dan mahal tetapi kualitinya sama dan segala keraguan status halal pun dapat dikawal. Jadi, apabila kos pengeluaran dapat dikurangkan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos harga jualan. Ini sudah tentu sedikit sebanyak membantu mengurangkan kos kehidupan rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bandar Nusajaya amat bertuah kerana di sini terletaknya Bandar Pendidikan Educity dengan izin, merangkumi kawasan seluas 305 ekar yang menjadi sebuah pusat pembelajaran merangkumi universiti-universiti bertaraf dunia, akademik pusat industri, sekolah dan kolej antarabangsa serta pameran dan persidangan, fakulti ekonomi, IT, perubatan, teknologi, pertanian, pendidikan seni halus juga dirancang di sini. Tetapi kita masih tidak nampak keperluan siar Islam di kawasan berkenaan ini, di mana kita lihat banyak universiti-universiti luar negara tumbuh bak cendawan lepas hujan tapi kita tidak berusaha mewujudkan serta merealisasikan satu universiti milik awam ataupun kolej berbentuk Islamik di kawasan Nusajaya ini. Nusajaya ingin mencadangkan agar diwujudkan sebuah perkampungan pendidikan Islam, khusus penempatan dan pembelajaran Islam dengan kerjasama universiti-universiti daripada Mesir atau negara timur tengah dapat diusahakan. Sebuah taman Islam yang meliputi pelbagai variasi kehidupan seharian, pendidikan pekerjaan, perubatan, mahupun makanan halal, hub Islam, sosial dan sebagainya. Ini secara tak langsung negara Johor akan dapat mewujudkan suasana kehidupan keislaman moden di bumi yang bertuah ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Nusajaya sedar dengan wujudnya institusi pengajian tinggi, amat baik untuk membina insan untuk menguatkan bangsa dan negara kita. Apa yang menjadi kekuatan Nusajaya adalah graduan-graduan yang lepas berijazah yang masih bergelut dengan kos sara hidup. Cuba kita bayangkan perbelanjaan kasar seseorang graduan daripada universiti yang mula bekerja. Contohnya, pinjaman kerja dan minyak petrol hampir RM800.00. Sewa bilik, bil elektrik dan bil air RM400.00. Kos makan bulanan satu hari RM20.00, RM600.00. Bayaran balik PTP RM200.00, sudah hampir RM2,000.00. Sumbangan kepada ibu bapa pun kena kasi juga, mungkin RM300.00. Pakaian nak beli stokin, baju dan sebagainya pun mungkin RM300.00. Untuk simpanan ASB atau simpanan pun mungkin RM400.00, sudah hampir RM3,000.00. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dan kalau potongan KWSP pun hampir RM400.00, RM500.00. Jadi, Nusajaya merasa nilai pendapatan gaji yang berijazah seharusnya RM3,500.00 sebulan. Ini secara tidak langsung dapat memastikan mereka yang memiliki kelulusan dapat menikmati kesejahteraan hidup yang betul-betul selesa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Nusajaya adalah sebahagian daripada kawasan di dalam negeri Johor yang sedang dimodenkan prasarananya. Namun begitu, di suatu sudut dalam kawasan Nusajaya terdapat satu perkampungan unik dari segi kewujudan dan sejarahnya iaitu Kampung Sungai Melayu. Kampung ini sebuah perkampungan Melayu yang telah wujud 120 tahun yang lalu. Hari ini kampung seluas 99 ekar, mempunyai 148 rumah dan mempunyai 841 orang penduduk Kampung Sungai Melayu merupakan bukti penempatan awal orang-orang Melayu di Gelang Patah dan mempunyai pengaruh yang besar terdapat pembangunan Johor. Pada masa ini aktiviti perniagaan di kampung ini adalah *eco tourism* dengan izin yang mana hampir setiap minggu ramai sungguh pelancong luar negara yang datang melawat ke kampung ini. Nusajaya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO Pelancongan dan pihak IRDA kerana sentiasa membantu Kampung Sungai Melayu untuk melaksanakan aktiviti *eco tourism*nya. Menyedari akan kepentingan akan kampung ini, sejarah Johor Bahru, Nusajaya mencadangkan agar kawasan Kampung Sungai Melayu pesisiran sungai Melayu serta sebahagian kawasan jiran di Tebing Runtuh diwartakan sebagai kawasan warisan sebagaimana peruntukan Akta 645, Akta Warisan Kebangsaan 2005, sekiranya

kampung ini dinobatkan sebagai Kampung Warisan, ianya akan memberikan nilai tambah yang lebih berharga kepada penduduk setempat.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir sekali, Nusajaya ingin mengajak Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, untuk menarik perhatian kepada golongan yang kurang mendapat perhatian, dalam mensejahterakan hidup yang kita perjuangkan iaitu Nusajaya melihat warga emas atau warga tua ini disandarkan keseluruhannya di bawah tindakan kebajikan masyarakat. Warga emas ini ditakrifkan mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas. Takrifan ini dipandukan kepada takrifan yang dibuat di *World Assembly Age* 1982 di Vienna. Dasar warga tua negara pula mentakrifkan ia tua adalah mereka yang berumur 60 tahun dianggap sebagai tua. Tapi takrifan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Bahagian Pencen, di negara maju dan membangun mereka yang 65 tahun ditakrifkan sebagai tua. Takrifan tua adalah lebih rumit daripada tua mengikut kalender. Ada tua konsep yang sering digunakan tua muda, 65 tahun hingga 74, tua-tua, 75 hingga 85 dan paling tua-tua, melebihi 85 satu cara mudah jika dia umur diambil kira tapi takrifan kaum wanita di Malaysia dia kata, orang tua berhati tua, tapi kaum lelaki pula dikata orang tua berhati muda.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cuma Nusajaya ingin mendefinisikan sebagai golongan usia beristirahat, golongan yang pada satu hari nanti, kita semua akan melalui sama ada bersara atau bekerja yang dilakukan selepas had 60. Usia beristirahat ini adalah masa di mana golongan ini dapat menghabiskan masa sebahagian usia hidupnya. Apa yang perlu diberikan kepada usia beristirahat ini adalah dua. Satu, disayangi, yang kedua diaktifkan mereka. Dan, Nusajaya ingin mencadangkan agar golongan ini diberi keistimewaan, keistimewaan yang tertentu. Saya lihat di kaunter-kaunter di kaunter kerajaan, di pejabat pos, di kaunter-kaunter swasta, beli tiket bola pun kena dukung oleh anaknya, jadi saya rasa elok kita beri lorong khas dan lorong istimewa kepada golongan ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Satu minit lagi tuan pengerusi, Dato Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di negeri Jepun, sebagai contoh, warga tua dilawati oleh pegawai kesihatan dan jururawat kesihatan, melawat mereka di rumah-rumah, memastikan kesihatan mereka terjaga dan juga berbual-bual supaya daripada emosinya, daripada fizikal dan mentalnya dapat diaktifkan. Jadi yang oleh demikian, akhir sekali Yang Berhormat Tan Sri Speaker, marilah kita bersama-sama berganding bahu, bersatu padu dan muafakat supaya kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat diterjemahkan dengan cemerlang semoga Johor mampu memberi kesejahteraan hidup kepada rakyatnya dahulu, kini dan selamanya. Akhir kata Nusajaya mohon menyokong usul daripada Kukup. Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik walhidahyah wassalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Nusajaya. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor dan salam Senggarang Gemilang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana Senggarang diberi peluang untuk bersama-sama berbahas mengenai Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar. Di sini Senggarang ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kerana Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar berjaya menyediakan satu bajet dengan tema membangunkan Johor secara inklusif. Senggarang rasa bertuah kerana berada dalam era pentadbiran negeri Johor Darul Takzim semasa diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Mohd Khaled bin Nordin.

Bajet yang di bentang amat komprehensif tanpa apalogetic bagi membantu dan memantapkan masyarakat Melayu dan Islam dalam pelbagai lapangan, berpaksikan perlembagaan negeri dan negara. Senggarang rasa terpanggil untuk menafikan bahawa kononnya kaum lain tidak langsung diberikan tempat dalam bajet ini. Keutamaannya sudah tentu menjurus kepada masyarakat Melayu dan India yang amat memerlukan sokongan dan bimbingan kerajaan dan apatah lagi mereka pula masih terus memberikan sokongan kepada pemerintah yang sedia ada. Manakala dalam strategi keempat dalam bajet ini iaitu membudayakan inovasi, kreativiti dan keusahawanan berdaya saing global, terang-terang masyarakat Cina diiktiraf kerana mempunyai ramai pengiat keusahawanan dan ekonomi Malaysia pun selama ini dipacu oleh usahawan Cina. Kerajaan negeri juga berjanji untuk membantu dan menyokong mereka yang berbakat besar tanpa mengira keturunan asal mereka. Dalam 9 program berimpak baru yang akan diperkenalkan bagi membantu, melatih, melahir dan membudayakan usahawan berdaya saing global sekurang-kurangnya ada 3 program yang boleh melibatkan masyarakat Cina, termasuklah program Tukar, perniagaan maya dan ruang perniagaan PBT. Oleh yang demikian, kenyataan Stulang adalah kurang tepat sama sekali. Justeru itu, wajarlah bajet ini ditemakan "Membangunkan Johor Secara Inklusif".

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menyahut saranan menjadikan Johor, Jauhari Selatan dan destinasi pelancongan terbaik Malaysia, Senggarang sarankan bahawa produk pelancongan berasaskan tempatan sedia ada dinaik taraf mahupun dipelbagaikan. Ini selain daripada produk pelancongan luar yang dibawa ke tanah air seperti LegoLand, Hello Kitty World, Angry Bird dan lain-lain. Senggarang juga menyokong, kerana warisan semula jadi Nusajaya akan dibangunkan oleh kerajaan negeri dengan peruntukan sebanyak RM25 juta kepada 2 kawasan riadah yang menempatkan Taman Tanaman Tropika dan Taman Koleksi Tumbuhan. Ini memang bertepatan kerana ia boleh menyamai apa yang didapati di Kew Gardens, England. Di samping itu, kerajaan negeri juga perlu membangunkan taman-taman tumbuhan yang sedia ada di daerah lain seperti di Taman Botani Sri Medan dan Taman Evergreen Heights di Batu Pahat. Di kawasan tersebut juga mempunyai tasik, perlu diperindahkan dengan landskap yang menarik.

Senggarang turut mencadangkan agar kawasan muzium nanas di Pekan Nenas dan kawasan ladang nanasnya dinaik taraf supaya lebih ramai pelancong lebih tertarik mengunjungi kawasan tersebut. Dengan adanya nilai tambah sebagai kawasan taman tema nanas ia boleh dijadikan sebagai sebuah taman riadah dan hiburan keluarga yang boleh dinamakan contoh, sebagai *Pineapple World*. Maknanya semua kemudahan atau produk di situ baik *Paris Wheel* nya, kenderaannya, gerainya, baduit-

badutnya dan lain-lain akan bercirikan nanas. Taman tema nanas ini boleh dimantapkan dengan kerjasama Jabatan Pertanian, FAMA, Lembaga Nanas Malaysia serta Wilayah Iskandar. Jika di Johor selatan khasnya Pontian, mempunyai sebuah taman tema *pineapple world* sudah tentu di Johor utara pula kita boleh mengadakan sebuah taman tema pelancongan *Durian World* kerana di daerah Muar Ledang dan Segamat merupakan pengeluar utama durian di tanah air.

Selain itu pula, di kawasan Johor tengah pula boleh ditempatkan pula sebuah taman tema pelancongan yang berasaskan, sudah pastinya pisang, yang boleh dipanggil *Banana World*. Ini memandangkan daerah Batu Pahat terkenal dengan pengeluaran pisang termasuk kerepek pisang, pisang salai dan pisang tanduk. Senggarang juga menyokong di mana bandar Johor Bahru dibangunkan sebagai *Urban dan Inheritage Trail*. Senggarang percaya di setiap bandar utama dan semua daerah di Johor, konsep ini boleh dibangunkan tidak terkecuali di bandar Penggaram yang begitu bersejarah sekali.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembangunan lebih bermakna jika institusi Penghulu di mukim-mukim dan Ketua Kampung dapat diperkukuhkan lagi. Dalam pemerhatian Senggarang, Penghulu seolah-olah bertugas bersendirian tanpa staf sokongan. Para penduduk berasa kecewa jika mereka ke kompleks penghulu dan mendapati bahawa Penghulu tiada di situ. Dengan tugas yang bertambah termasuk banyak mesyuarat yang perlu dihadiri, adalah lebih sesuai jika Penghulu disediakan seorang pembantu yang sentiasa berada di pejabat semasa tok Penghulu melakukan tugas-tugas di luar. Selain itu, Senggarang sarankan Penghulu sepatutnya bukan seorang yang terlibat dalam kancah politik kepartian yang berlebih-lebihan.

Manakala institusi Ketua Kampung perlu diberikan fokus yang lebih terkini. Mereka sepatutnya dipilih berdasarkan merit, setelah menjalani temu duga di Pejabat Daerah. Kuasa di peringkat bahagian parti pemerintah untuk menentukan siapa yang dipilih dikurangkan atau ditiadakan langsung. Selain itu juga, Ketua Kampung yang bermasalah tapi dilihat sebagai orang bahagian sudah pasti menjengkelkan dan implikasinya terpalit pada kerajaan yang memerintah. Ketua Kampung pula perlu dilantik secara tetap, sekurang-kurangnya mempunyai Diploma Pentadbiran Awam lulusan UiTM. Pejabat mereka pula ditempatkan di tempat yang khusus seperti di balai raya. Penghulu dan Ketua Kampung adalah ejen pembangunan di peringkat akar umbi dan sudah pasti peranan dan tugasnya adalah amat penting jika dilakukan secara efektif dan lebih bertanggungjawab. Senggarang amat menyokong elaun Ketua Kampung dinaikkan daripada RM800.00 kepada RM1,000.00 kerana beban tugas Ketua Kampung bertambah dan ekspektasi warga setempat terhadap peranan Ketua Kampung adalah amat tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu isu tempatan yang ingin saya bawa untuk diberikan perhatian oleh pihak kerajaan iaitu kawasan Tanjung Labuh. Satu ketika dulu Tanjung Labuh merupakan kawasan *aerodrome* dan diguna semasa peperangan Jepun. Di Tanjung Labuh juga, UTHM mempunyai beberapa bidang tanah yang merangkumi tanah bukit yang sedang giat dibina sebuah pusat latihan UTHM, serta beberapa tasik yang dicadangkan untuk UTHM membina pusat rekreasi dan pelancongan dan sebuah tanah kosong termasuk yang telah ditenggelami air dan dicadangkan untuk dibina sebuah cawangan kampus UTHM dalam bidang *aeronautical engineering*. Apa yang Senggarang difahamkan, pihak kerajaan negeri

telah bersetuju pada dasarnya untuk mengambil balik tanah milik UTHM yang kosong untuk dibangunkan semula, yang dibangunkan sebuah penempatan rumah mampu milik yang di. Minta maaf. Silap pula. Apa yang Senggarang difahamkan pihak kerajaan negeri telah bersetuju pada dasarnya untuk mengambil balik tanah milik UTHM yang kosong untuk dibangunkan sebuah penempatan rumah mampu milik yang diutamakan kepada masyarakat Melayu. Baru-baru ini pula, pihak UTHM telah menandatangani satu perjanjian dengan pihak MAS untuk membangunkan kawasan *aerodrome* untuk dijadikan pusat latihan penerbangan UTHM bersama MAS. Dengan menggunakan landasan sedia ada sepanjang kira-kira 1,000 meter. Dikatakan juga kerajaan persekutuan sedang menimbang permohonan UTHM tersebut. Kawasan landasan yang dipohon adalah milik kerajaan persekutuan.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Haji A.Aziz bin Ismail (Senggarang) : Senggarang memang mengalu-alukan kedua-dua cadangan sama ada daripada pihak kerajaan negeri mahupun pihak UTHM. Jadi, saya kena terus langkah lah ni. Ini memang patut saya nyatakan pada hari ini. Ini memang dah jadi satu isu di Batu Pahat, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekarang juga ingin membangkitkan isu pembinaan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Payung. Untuk makluman Tan Sri Speaker masalah pembuangan sampah di kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat ke tapak pelupusan adalah di tahap yang membimbangkan. Selepas kawasan pembuangan sampah di Kampung Kelicap Senggarang ditutup sejak 3 tahun yang lalu, Majlis Perbandaran Batu Pahat telah membuangnya pula ke Simpang Renggam. Ketika ini 240 tan sampah sehari dibuang oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat, manakala jumlah lori digunakan sebanyak 30 lori *compactor* dan 6 lori *roll on roll off*. Jika ianya menjadi kenyataan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Payung mempunyai kawasan seluas 100 ekar dan boleh digunakan dalam tempoh 25 hingga 30 tahun. Masalahnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tender pembinaan pusat pelupusan sanitari ini sering berubah, paling mutakhir difahamkan tender akan hanya dibuka pada Jun 2015. Di bawah Menteri yang baru, tempoh tender satu tahun dan dijangka siap 3 hingga 5 tahun kemudian. Agaknya mungkin hendak di siap seiring tamatnya tahun keramat wawasan 2020 agaknya. Oleh itu, Senggarang memohon agar Pusat Pelupusan Sanitari Bukit Payung ini dibina mengikut jadual supaya kosnya tidak melambung atau malangnya ditangguh lagi atau dibatal terus.

YB Tan Sri Speaker : Ya.

YB Tuan Haji A.Aziz bin Ismail (Senggarang) : Akhir kata, Senggarang menyokong rundingan yang dibawa oleh Kukup. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk)

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Puan Zaiton bin Ismail (Sungai Balang) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada Sungai Balang mengambil bahagian dalam sesi Dewan pada kali ini. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dalam pembentangan Bajet 2015 dengan tema

"Membangunkan Johor Secara Inklusif". Kerajaan memberikan tumpuan untuk menterjemahkan aspirasi pembangunan inklusif dengan menggariskan 5 strategi utama sebagaimana yang telah Di maklumkan semasa pembentangan Bajet 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selaras dengan pendekatan kerajaan yang berlandaskan model ekonomi baru dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Kerajaan sedang mempergiatkan usaha-usaha untuk merancakkan pelaburan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan. Dalam hubungan ini, peruntukan kerajaan untuk projek-projek pembangunan akan mampu dikurangkan dan kerajaan akan lebih memberi perhatian kepada projek-projek yang di laksana dan dibiayai oleh sektor swasta sama ada melalui pendekatan penswastaan dan *public private partnership*, dengan izin atau pelaburan langsung pihak swasta dalam program pembangunan negeri dan juga negara. Kerajaan juga telah memperuntukkan dana khusus di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 melalui UKAS iaitu Unit Kerjasama Awam Swasta untuk menyokong projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak swasta sebagai sumbangan kerajaan melalui kerjasama sektor awam dan sektor swasta. Melalui dasar ini, kedua-dua pihak saling bergantung di mana sektor swasta sebagai pendukung kepada aktiviti perdagangan dan ekonomi, manakala sektor awam menyediakan dasar-dasar utama menentukan arah dan perkhidmatan sokongan yang tertentu dan kondusif bagi kemajuan perniagaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, objektif utama dasar ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan negeri mahupun pusat, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi dan membantu mencapai matlamat dasar ekonomi negeri dan juga negara.

Selaras dengan harapan dan perancangan kerajaan negeri Johor yang menggalakkan pembangunan serta penghasilan satu mukim satu produk, Sungai Balang ingin melaksanakan satu projek bersepadu dalam Mukim Seri Menanti, Muar, Johor yang diberi nama Laman Alam Jaya. Projek Laman Alam Jaya di Parit Bulat Laut ini, berasaskan konsep model ekonomi baru kerajaan iaitu kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta. Terletak di atas sebidang tanah pesisir pantai milik persendirian seluas 9 hektar. Projek ini sebenarnya telah dimulakan sejak tahun 2009 dan mempunyai potensi besar untuk dimajukan serta ditambah baik lagi dengan pelbagai komponen serta kemudahan. Sebuah projek bersepadu yang unik dan belum dapat di mana-mana dalam negara atau rantau Asia sebagai ciri projek dengan ciri-ciri projek yang sama. Projek bersepadu berteraskan teknologi agro pertanian dan akuakultur dilengkapi dengan resort serta kemudahan dan aktiviti agro pelancongan digabungkan dengan model pembasmian kemiskinan dan masalah sosial rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, segala aktiviti huluan dan hiliran projek ini akan berteraskan kepada teknologi dan produk *Bio App*, ianya adalah merupakan tapak *R&D* dan pameran terhadap teknologi sistem serta produk *Bio App*. *Bio App* adalah teknologi dan produk hasil kajian dari sumber-sumber asli tempatan yang bebas kimia 100%. Ianya untuk mengembalikan kesuburan tanah, tumbesaran pokok yang sihat dengan penghasilan maksima, mengembalikan hayat serta kehidupan air dan memulihkan semula sistem ekologi alam semula jadi. Merupakan satu-satu teknologi

dan produk di dunia dan telah mendapat pengiktirafan sebagai produk inovasi negara di bawah Kementerian Sains Teknologi Dan Inovasi Malaysia.

Terdapat 4 komponen dalam merealisasikan Projek Laman Jaya ini iaitu agro tani, agro kultur, resort dan agro pelancongan dan perkampungan jaya. Memandangkan keadaan masa, saya ingin sentuh 2 perkara iaitu, resort dan agro pelancongan serta perkampungan jaya. Berasaskan lokasi menjadi semula jadi persisiran pantai serta komponen agro tani dan agro kultur, Projek Laman Jaya akan lengkap dengan aktiviti serta kemudahan resort dan sesuai dijadikan pusat agro pelancongan. Ini sekali gus akan melengkapkan potensi serta jaringan pelancongan di Pantai Barat Negeri Johor Darul Takzim dan daerah Muar khasnya. Para pengunjung dan pelawat akan menikmati suasana pantai yang nyaman serta keindahan matahari terbenam di samping aktitiviti agro tani dan agro kultur.

Dalam strategi kedua, memangkinkan kesejahteraan hidup salah satu dari lapan inisiatif ialah mengurangkan kemiskinan. Justeru itu perkampungan jaya dapat membantu. Untuk memastikan projek kekal mampan dan berterusan, Laman Alam Jaya memerlukan sumber tenaga kerja yang mencukupi di sepanjang waktu. Oleh yang demikian, komponen di perkampungan jaya perlu disepadukan dengan projek ini. Perkampungan Alam Jaya adalah satu program yang melibatkan beberapa rakyat termiskin dalam DUN Sungai Balang, di pilih dan ditempatkan di kawasan bersebelahan tapak projek Laman Alam Jaya. Para peserta akan disediakan rumah kediaman yang bersesuaian serta tapak tanah pertanian untuk diusahakan sebagai penjana ekonomi tambahan selain dari upah yang diperolehi dari bekerja dengan projek Laman Alam Jaya mengikut kebolehan dan tugasan masing-masing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tiga matlamat Projek Alam Jaya iaitu menjadikan Projek Alam Jaya mungkin salah satu daripada pusat pendidikan teknologi Bio App. Yang kedua, lengkap jaringan pelancongan negeri Johor dan menjadikan model kejayaan Perkampungan Alam Jaya untuk mengatasi kemiskinan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berasaskan kepada keunikan serta mempunyai pengisian ilmu dan teknologi di samping keindahan alam dan untuk riadah dan santai terletak di kawasan yang mudah dihubungi dengan pelbagai kemudahan pengangkutan darat. Laman Alam Jaya mempunyai potensi daya maju yang besar dan baik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kejayaan melaksanakan Projek Laman Alam Jaya secara kerjasama di antara sektor swasta dengan kerajaan negeri Johor pasti akan memberikan impak positif yang besar kepada semua pihak yang antaranya ialah mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai jurusan dan peringkat pentadbiran, pengurusan, perkhidmatan serta kolar biru. Ini juga akan mampu menangani masalah sosial setempat serta mengurangkan kadar penghijrahan penduduk ke luar kawasan. Ia juga merupakan, menjadikan Johor sebagai negeri pengeluar hasil pertanian berkualiti utama negara dengan tatacara pertanian mudah, selamat, murah dan dijamin suci. Selain daripada itu juga, mampu menangani kadar kemiskinan rakyat dengan program perkampungan jaya yang melibatkan secara langsung para peserta melalui bimbingan serta peluang-peluang yang diberikan untuk mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan untuk kekal berdikari dan produktif.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon agar cadangan Projek Laman Alam Jaya melalui model kerjasama antara kerajaan negeri dan sektor swasta mendapat perhatian, sokongan dan kelulusan demi kepentingan bersama amnya dan pembangunan Sungai Balang khasnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk EXCO Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang telah pun hadir satu Program Gerak Mesra di Dewan Orang Ramai Sarang Buaya pada 13 Oktober 2014. Ekoran daripada itu, Sungai Balang mohon supaya dapat diberikan kelulusan bagi membina pagar gelanggang futsal dan memasang panel *equistic* di dewan tersebut. Saya juga mohon supaya dapat ditempatkan Gymnasium tertutup di kawasan tersebut bagi penggunaan remaja atau belia di DUN Sungai Balang.

YB Tan Sri Speaker : Ada air tu, boleh minum air tu. Tersedak tu.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) Dalam membantu rakyat berkaitan dengan perumahan, Sungai Balang juga ingin mengambil peluang supaya pihak kerajaan dapat membina semula rumah PPRT sebanyak 15 buah rumah di Kampung Sungai Gersik dan juga di Kampung Sidalang. Di mana, rumah ini telah pun dibina pada tahun 2000 dengan kos RM6500.00. Selain daripada itu juga, saya mohon supaya dapat diambil perhatian kerana memandangkan rumah ini tidak mempunyai bilik jadi tidak sesuai dengan waktu sekarang. Dan ungkapan Rumahku Syurgaku saya rasa tinggal ungkapan sahaja. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Pertanian yang telah pun meluluskan peruntukan dua buah pasar nelayan dan sekarang dalam 60% siap. Jadi di samping itu juga, dalam waktu yang sama Sungai Balang mohon supaya perkara yang berkaitan dengan sawah di Sungai Balang juga di ambil perhatian. Terdapat 775 ekar sawah yang aktif di Sarang Buaya yang dikendalikan oleh 90 pesawah yang berdaftar dan 75% daripada pesawah terdiri daripada pesawah-pesawah generasi muda.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Beberapa masalah yang telah dilalui oleh pesawah ini seperti membayar sewa untuk mesin tuai padi dan traktor membajak. Selama 15 tahun mesin tuai dan traktor membajak disewa dari PPNJ atau syarikat swasta. Mesin tuai disewa dengan kadar RM150.00 seekar sama ada padi banyak atau sikit, bayarannya tetap sama. Manakala traktor membajak dikenakan bayaran RM155.00 seekar. Untuk membantu pesawah daripada membayar sewa bajak dan sewa mesin tuai, Sungai Balang mencadangkan supaya dua perkara tersebut dapat diambil perhatian untuk faedah pesawah-pesawah di Sungai Balang.

Selain daripada itu juga, Sungai Balang mohon diadakan pusat memproses padi supaya padi-padi tersebut dapat dilaksanakan oleh pesawah-pesawah di Sarang Buaya sendiri bagi mengurangkan pesawah-pesawah daripada membayar kepada kilang memproses padi dengan harga potongan padi 18% ke atas bagi setiap tan. Sungai Balang cuba menjadikan *trademark* bagi setiap kampung seperti contoh Parit Bugis dengan desa lestari, Sarang Buaya dengan sawah, Parit Jawa dengan asam pedas, Sungai Gersik dengan kolam air panas dan insya-Allah, Parit Bulat akan ada Laman Alam Jaya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Balang mohon supaya perkara-perkara yang dibentangkan tadi dapat diambil perhatian sesuai dengan tema dan lima strategi bajet yang telah dibentangkan. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sungai Balang mohon menyokong usul Kukup. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Sungai Balang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini sehingga 3.45 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.30 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 3.45 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat Puteri Wangsa.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahirahmaannirrahim. (Bacaan doa).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Puteri Wangsa ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan ucapan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 13 November 2014 yang lalu dengan tema "Membangunkan Johor Secara Inklusif".

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memperjelaskan kepada kita bahawa pembangunan inklusif adalah pendekatan terkini dalam pembangunan ekonomi. Ia bertujuan memperbaiki taraf sosioekonomi dan memberikan pelbagai kesejahteraan hidup secara lebih adil, saksama dan menyeluruh. Pendekatan ini sangat relevan terutamanya untuk negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia yang menyaksikan jurang keberadaan semakin melebar.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, penegasan daripada Allah SWT di dalam Al-Qurannul Karim menerusi ayat 7 Surah Al-Khash (Ayat Al-Quran), yang bermaksud supaya harta benda itu tidak hanya berlegar di kalangan orang kaya di antara kamu.

Firman Allah SWT dalam ayat tersebut merupakan prinsip ekonomi atau Al Mabda Al Iktisadi atau *Economic Principal*, dengan izin, yang merupakan *guideline* atau garis panduan yang bersifat rabbani atau suluhan dari petunjuk Ilahi.

Bayangkanlah, menurut kajian *Oxford* yang bertajuk *Oxford Committee Famine Relief*, menyatakan bahawa 80 individu terkaya dunia menguasai separuh dari miliknan kekayaan global. Kenyataan tersebut tidak jauh bezanya dengan keadaan yang sedia ada di dalam negara kita Malaysia pada hari ini. Ini adalah jurang keberadaan yang meruncing dan harus dibetulkan. Maka sewajarnya fokus kita di Malaysia amnya dan di negeri Johor khasnya bukan sahaja memastikan pertumbuhan ekonomi terus segar dan pesat tapi dividen kesejahteraan mesti dinikmati secara lebih saksama dan

menyeluruh oleh masyarakat. Apa maknanya pembangunan yang pesat ini sekiranya meminggirkan ramai anggota masyarakat daripada mengecap peluang ekonomi dan kehidupan sosial yang lebih baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berlaku satu peristiwa di zaman Amirul Mukminin Saidina Umar Ibnu Khattab r.a. Di mana seorang rakyat berbangsa Yahudi yang telah tua datang menemui Khalifah Saidina Umar mengadu kesusahannya. Maka Saidina Umar menangis apabila mendengar pengaduannya itu lalu memerintahkan supaya lelaki tersebut diberikan bantuan dari duit negara selagi ia masih hidup. Bahkan diperintahkan supaya dicari orang-orang lain yang senasib dengannya supaya mendapat pertolongan dari kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa pengajaran dari kisah yang tersebut. Yang pertama, pihak yang berkuasa perlu turun padang mencari rakyat yang memerlukan pertolongan sama ada mereka yang meminta atau yang tidak meminta. Dengan kata lain, mengenal pasti golongan rakyat yang susah dan berusaha menaikkan taraf hidup mereka.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, perhatian dan pertolongan yang diberikan tanpa memilih bulu hendaklah merentasi perbezaan warna kulit dan agama. Bayangkanlah, orang Yahudi totok pun dibantu dengan duit negara oleh Saidina Umar Al Khattab r.a. Jadi tak kira siapa asalkan ia rakyat mestilah ditolong yakni diringankan bebanan hidup mereka. Sama ada mereka berbangsa Melayu, Cina, India, Kadazan, Dayak atau lain-lain. Bukan semua orang Cina kaya, sebagaimana bukan semua pula orang Melayu itu miskin. Oleh itu usaha untuk menaikkan taraf hidup rakyat mestilah secara komprehensif dan menyeluruh.

Firman Allah SWT (ayat Al Quran), Ayat 8 Surah Al-Maidah yang bermaksud "Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menegakkan kebenaran dan keadilan kerana Allah. Menjadi saksi dengan adil dan janganlah kebencian kamu kepada sesuatu kaum itu menjadikan kamu tidak berlaku adil. Berlaku adil lah kerana ia lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah sesungguhnya Allah amat mengetahui terhadap apa yang kamu kerjakan".

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyampaikan beberapa permasalahan rakyat dalam kesempatan yang amat berharga di Dewan yang mulia ini, yang mudah-mudahan mendapat perhatian daripada EXCO dan pihak yang berkenaan demi kepentingan rakyat, yang di antara masalah para penduduk di sekitar jalan Lading Taman Puteri Wangsa terdapat kira-kira 80 keluarga yang telah menyelesaikan bayaran rumah sejak tahun 2004 melalui pinjaman kerajaan yang masih belum menerima geran asal. Pembelian dibuat atas nama pemaju Yinsun Development Sdn. Bhd. Di antara lokasinya PTD 36375, 366673, 36244, 36663, 6146, 36188, penduduk-penduduk yang 36663 terlibat telah melakukan pelbagai usaha untuk mendapatkan hak.

YB Dato' Speaker : Puteri Wangsa tahu juga nombor ekor ya? [Dewan Ketawa]

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Dengarlah juga yang itu, penduduk-penduduk telah melakukan pelbagai usaha untuk mendapatkan hak milik mereka termasuklah ke Pejabat kerajaan di Putrajaya yang menemui pemimpin-pemimpin

politik tetapi gagal bahkan ada sebahagian mereka yang telah meninggal dunia. Maka, saya merayu agar pihak Kerajaan berasa simpati dan prihatin terhadap nasib mereka dan dapat menyelesaikan isu ini.
Yang Berhormat Dato' Speaker, selain dari tempat tersebut di atas begitu juga di PPR Desa Mutiara, maka sampai bilakah mereka perlu membayar dan adakah mereka mendapat hakmilik sebagaimana yang telah dijanjikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli yang Berhormat seterusnya masalah projek perumahan rakyat di Taman Setia Indah yang pernah dibangkitkan oleh Datuk Yang Berhormat Tiram, iaitulah yang telah siap pada tahun 2008 dan boleh menempatkan lebih 500 keluarga tetapi sehingga kini tidak boleh didiami lagi begitu juga perumahan rakyat di Taman Mount Austin sepatutnya dalam pada kita nak buat perumahan yang baru maka yang dah sedia ada perlu dimanfaatkan segera. Saya berharap pihak Kerajaan saya berharap dapat disegerakan masalah-masalah ini segera untuk kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya masalah Sekolah Agama Taman Setia Indah yang telah 50% siap begitu juga Sekolah Agama Puteri Wangsa sepatutnya sudah boleh beroperasi pada 2014. Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Agama Jalan Bacang, Taman Kota Masai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dan Ahli-Ahli Yang berhormat Puteri Wangsa mengulangi berhubung pembinaan jambatan di Sungai Tebrau di Kampung Maju yang sedang terdahulu telah dijawab oleh pihak EXCO bahawa sedang dibuat reka bentuk apakah status projek tersebut yang sangat diperlukan oleh rakyat.

YB Dato' Speaker : Puteri Wangsa sila gulung.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya isu MARSAH yang menyediakan atau menawarkan pengajian diploma atau ijazah melayakkan lepasan-lepasan yang menjawat jawatan guru agama Johor. Tiba-tiba perkara tersebut tidak berjaya sebagaimana diharapkan ramai tidak berjanji, ramai yang tidak berjaya mendapat jawatan tersebut sebagaimana yang dijanjikan. Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana saya sering ke Simpang Renggam maka saya menerima pengaduan beberapa penduduk di sana. Sebelum itu saya minta maaf kepada sahabat saya Yang Berhormat Machap, mungkin mereka tak sempat jumpa Yang Berhormat kebetulan dia terserempak dengan saya, maklumlah saya ni berbadan besar (Dewan Ketawa) mudah orang nak nampak.

YB Dato' Speaker : Kalau putih sikit memang nampak.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Berhubung status permohonan tanah di Bukit Durian Setia Jaya di Machap Simpang Renggam. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, biarlah saya kurang bercakap tapi banyak kerja. Walbilahi taufiq walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Speaker : Alhamdulillah.

YB Dato' Speaker : Jemput Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram): Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat petang dan salam sejahtera. Penggaram mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Negeri Johor 2015. Penggaram ingin mengucapkan kepada YAB Menteri Besar kerana berjaya membentangkan Bajet Negeri Johor 2015 dengan tema "Membangun Johor Secara Inklusif" dengan mengariskan 5 strategi utama yang Inklusif akan didukung oleh pelbagai program dan inisiatif strategi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mengurangkan kemiskinan Penggaram amat bersetuju bahawa kemiskinan mungkin tidak boleh dibasmikan tanpa pendidikan selain daripada memastikan anak-anak golongan miskin dapat belajar dengan sempurna dan memberi bantuan makanan sihat, namun bagaimana meningkat minat mereka untuk belajar juga merupakan satu perkara yang amat penting apakah langkah program telah atau akan diambil oleh kerajaan untuk menambah minat membaca bertambah bijak dan kreatif dalam melakukan sesuatu. Mempertingkat serta cergasan minda anak murid supaya mereka boleh menjadi aktif berfikir dan juga memastikan mereka akan melanjut pelajaran mereka setelah menamat pelajaran mereka di sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Hanya menjadikan rakyat kita sebagai insan yang berilmu barulah mereka dapat kejar kejayaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyediakan tempat perlindungan untuk membina keluarga yang kukuh berkaitan rapat dengan pembangunan pesat industri perumahan utamanya,di dalam Wilayah Iskandar, adalah kesukaran rakyat Johor terutamanya golongan pemuda kita untuk memiliki sebuah rumah. Jangan cakap rumah idaman, setakat rumah ada bumbung di atas pun bukan senang. Berdasarkan kepada maklumat yang dibekalkan terdapat sebanyak 47,367 permohonan yang diterima untuk rumah mampu milik ini. pun tidak masuk lagi ini rumah rendah, rumah sederhana. Ini jelas menggambarkan betapa ramai orang yang perlu rumah mampu milik saya hanya rasa bimbang sama ada kerajaan mampu memuaskan permintaan kerana berdasarkan ucapan YAB Menteri Besar, jangkaan kerajaan adalah 8,900 unit akan dibina sehingga tahun 2015. Apa yang telah diumumkan oleh Menteri Besar adalah jumlah unit yang telah siap dibina dan kunci telah diserah, diserahkan pembeli setakat tahun ini. Saya juga berharap, Kerajaan boleh memberi penceraban bagaimana Kerajaan hendak mengurangkan masalah tunggakan ataupun backlog, dengan izin. Kerana tentunya jumlah permohonan akan meningkat pada masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan pesat industri perumahan juga telah menyebabkan banyak kawasan bandar berkembang untuk memenuhi kehendak kehidupan penduduk setempat. Pembangunan yang disebutkan merangkumi, merangkumi pembangunan perumahan perindustrian dan pembinaan infrastruktur. Bagaimanapun kesan daripada pembangunan akan menjadi salah satu mejar yang mengakibatkan berlakunya banjir. Sistem perparitan yang sedia ada tidak cukup besar dan perlu diperbaki mengikut keadaan semasa selaras dengan pembangunan ketika itu dan pelan induk perancangan guna tanah , sistem saliran yang lama tidak mampu menampung isi padu air yang sebegitu banyak dan mengakibatkan air melimpah keluar. Inilah sebabnya banjir kilat selepas sekejap sahaja hujan turun. Penggaram ingin mengetahui apakah langkah-langkah kerajaan yang akan dijalankan oleh kerajaan

untuk mengatasi masalah ini khasnya di tempat kawasan Penggaram iaitu Kampung Merdeka Taman Setia Jaya, Taman Emas, dan Taman Indah di kawasan Batu Pahat. Yang Berhormat Dato' Speaker, mewujudkan Johor yang bersih dan alam sekitar yang lestari, masalah sisa pepejal telah menjalinkan salah satu penghalangan untuk masyarakat Johor dalam menikmati kehidupan yang selesa dan berkualiti. Sisa pepejal terutamanya di kampung-kampung atau tanah persendirian tidak dikutip ke manakah sisa pepejal di tempat ini di buang? Adakah mereka akan membuang sisa pepejal ini ke dalam sungai, di laut atau di bakar. Bagaimanakah Kerajaan mengatasi masalah ini supaya mewujudkan Johor yang bersih dan alam sekitar lestari.

Saya bersetuju dengan YAB Menteri Besar bahawa kesedaran kebersihan seharusnya bermula dari awal. Cadangan untuk memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah untuk aktiviti-aktiviti kesedaran yang amat bermakna. Saya juga bersetuju dengan Kukup bahawa tak kira dari pihak Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat, kita perlu berganding bahu untuk menjaga kebersihan negeri kita. Di sini saya bercadang peruntukan juga diberi kepada semua ADUN tak kira Parti untuk menjalankan aktiviti gotong royong di daerah masing-masing dengan kerjasama sepenuh daripada agensi-agensi kerajaan, kontraktor yang terlibat dan pihak swasta bagi memastikan keazaman. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam menjadikan Johor negeri bersih di Malaysia. Saya juga menyeru Yang Amat Berhormat Menteri Besar mencontohi kenalan YAB Menteri Besar Selangor, memberi nombor telefon bimbitnya kepada rakyat Johor untuk mengadu sekiranya sampah tidak dikutip.

Dalam Bajet 2015, mengatakan bahawa bagi memastikan alam sekitar terus lestari dan memapan kerajaan akan memulakan pelaksanaan *water blueprint* Sungai Skudai. Di sini Penggaram menyeru Kerajaan Johor supaya mendapatkan peruntukan untuk menyelamatkan 8 batang sungai yang diumumkan sungai yang paling tercemar, dan kotor di dalam negeri kita, iaitu Sungai Ayer Balai, Sungai Kempas, Sungai Sebulong, Sungai Buloh, Sungai Dagang, Sungai Tukang Batu, Sungai Sengkuang dan Sungai Air Merih. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahunan 2012, pelaksanaan projek *incinerator* di Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Cameron Highland dan Pahang adalah projek yang gagal. Penggaram berharap projek *incinerator* di Batu Pahat dan nuklear yang dicadangkan harus ditimbang semula. Projek Pengerang dan Pulau Uban telah menjadi mangsa kepada projek pembangunan yang mengancam ekosistem dan alam sekitar. Saya ingin menyeru menghentikan apa-apa projek yang tidak memanfaatkan alam sekitar, *Green Johor* tidak seharusnya hanya slogan sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemudahan pengangkutan awam adalah harta awam yang penting juga, pengangkutan awam bertaraf akan memberi manfaat kepada semua orang, oleh demikian kemudahan yang dan beroperasi pengangkutan awam tidak seharusnya di swasta sepenuhnya. Dari segi pembangunan dan kesejahteraan rakyat kemudahan pengangkutan awam perlu di selenggara dan diguna sebagai adat resam yang meningkatkan taraf kehidupan semua orang. Pengurusan pengangkutan awam perlu disusun semula kerana ciri-ciri dan pandangan tempatan memainkan peranan penting dalam reka bentuk perancangan pengangkutan awam. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat pula berperanan dalam melatih dan memperdayakan agensi-agensi kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam kawalan pengangkutan awam. Menurut Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 pihak berkenaan tempatan diperdayakan, di bawah Seksyen 101

(0) dan 101 (1), agar tanggungjawab bertanggungjawab untuk perancangan dan kawalan pengangkutan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem pengangkutan awam di mana peringkat kedua juga amat penting untuk dibangunkan dengan jaringan bandar semakin meluas di seluruh negara, perkhidmatan pengangkutan awam yang hanya meliputi pusat bandar sahaja tidak cukup. Khususnya banyak kawasan perumahan baru terletak jauh dari pusat bandar dan kawasan baru berkepadatan rendah, walaupun kawasan perumahan itu berkemungkinan kawasan rumah kos rendah, penduduk-penduduk selalunya terpaksa membeli kereta persendirian dengan pinjaman bank kerana lazimnya kawasan baru tiada access kepada perkhidmatan pengangkutan awam.

Di bandar-bandar Johor seperti Batu Pahat, Kluang, Muar, Kota Tinggi, Kulai, pihak berkuasa harus menyediakan pengangkutan awam yang mempunyai rangkaian bas menyeluruh. Penduduk-penduduk bandar peringkat kedua tidak sentiasa memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam antara kota. Oleh itu, mereka memerlukan bas untuk pergi ke institusi awam seperti sekolah, hospital, Balai Polis, Pejabat Pos dan juga tempat bekerja mereka. Dengan perkembangan semakin pesat di bandar peringkat kedua Johor kesesakan lalu lintas dijangka semakin teruk sekiranya tiada tindakan diambil segera. Untuk perkhidmatan pengangkutan awam bandar peringkat kedua, syarikat bas atau pihak berkuasa tidak perlu menyediakan bas besar sebaliknya menyediakan bas mini yang dapat memasuki lorong dan jalan kecil agar dapat menawarkan perkhidmatan kepada penduduk kampung. Bas mini adalah satu pilihan untuk mengatasi masalah ini...

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Penggaram, sila gulung.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini Penggaram juga ingin mengutarakan beberapa isu di kawasan Penggaram. Banjir kilat di kawasan bandar Penggaram semakin teruk, banjir kilat yang kian semakin sering berlaku terutamanya di bandar Penggaram adalah hasil pembangunan yang tidak dirancang oleh kerajaan. Banjir kilat telah melanda Taman Emas sebanyak lima kali pada tahun ini iaitu pada bulan Mac, Ogos dan November. Bayangkan apakah perasaan kalau rumah kita pada 10.30 pagi dilanda banjir kilat dan sebelah petang dilanda banjir kilat lagi. Penggaram berasa kesal dan kecewa apabila banjir kilat yang berlaku pada hari Jumaat yang lalu di Taman Emas, saya dikepung oleh penduduk di sana dan diminta memanggil Ahli Majlis dan pihak JPS untuk turun ke tempat kejadian, namun tiada seorang pun yang datang untuk memberi prihatin kepada mereka.

Oleh itu, untuk mewujudkan Ahli Majlis yang bertanggungjawab dan selalu prihatin kepada penduduk tempatan Penggaram mencadang undi yang ketiga iaitu Pemulihan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan amat diperlukan. Sedangkan JKM tidak memberi bantuan kewangan untuk mangsa banjir kilat, di sini saya meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi peruntukan kepada mereka atas kemanusiaan dan prihatin supaya dapat untuk mengganti rugi kerosakan peralatan dan perabot. Hujan merupakan fenomena alam yang berlaku secara semula jadi dan membawa rahmat kepada manusia tetapi jika kita tidak mengambil langkah-langkah untuk memelihara kelangsungan alam serta tidak melakukan aktiviti pembangunan dengan terancang, maka masalah banjir kilat akan berterusan. Saya menyeru agar

Yang Amat Berhormat Menteri Besar menaikkan kecekapan agensi kerajaan dalam menandatangani isu banjir kilat supaya mimpi ngeri tidak diwujudkan lagi.

Sikit. Penggaram juga ingin mengetahui bahawa banyak kotak iklan *banting* telah dipasang di banyak jalan utama bandar Batu Pahat. Adakah ini projek kerajaan tempatan atau swasta? Apakah kegunaannya dan juga syarat-syarat yang ditetapkan. Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, Gunung Tahan sama didaki, Sungai Pahang sama direnang, jikalau semua bersatu hati kerja yang payah menjadi senang. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pandai berpantun eh? (Dewan bertepuk. Tapi Penggaram tak macam YB Gambir, 5 minit sudah sampai. (Dewan ketawa). Jemput Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat petang dan salam sejahtera diucapkan kepada Yang Berhormat Dato Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Yong Peng mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian dalam untuk membahaskan Bajet 2015 Negeri Johor. Yang Peng teruskan ucapan dengan menyentuh peranan dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan iaitu PBT, selama ini pelantikan Ahli-Ahli PBT adalah pelantikan terus oleh pihak kerajaan yang memerintah. Yang Peng menyokong cadangan Penggaram agar satu pilihan raya peringkat kerajaan tempatan dapat diadakan. Yong Peng berpendapat dengan adanya pilihan raya tersebut, suara dan corak pemikiran rakyat setempat dapat direalisasikan. Ini akan menjadikan fungsi dan peranan Ahli-Ahli yang terpilih lebih dekat dengan para penduduk yang diwakilinya. Selain itu, hubungan yang rapat antara mereka dapat menjelmakan konsep benar-benar berkhidmat kepada rakyat, segala masalah yang berbangkit adalah terus daripada rakyat.

Selain itu, jika pilihan raya itu dapat diadakan, maka tenaga-tenaga profesional dan pemimpin masyarakat setempat boleh menawarkan diri untuk menjadi calon, sehubungan dengan itu, bentuk pemikiran dan kehendak rakyat di tempat tersebut dapat disuarakan dengan lebih berkesan kerana Ahli-Ahli Majlis juga dapat menghayati keperluan dan masalah yang timbul. Dengan adanya pilihan raya tersebut, prestasi kerajaan tempatan juga akan lebih berkesan semasa menangani aduan yang dibawa oleh orang awam.

Yong Peng juga ingin mengambil kesempatan ini meminta YB EXCO Kerajan Tempatan memberi penjelasan berkenaan *SOP* PBT iaitu *Standard Operating Procedure* minta izin, menangani aduan atau permohonan yang dibawa oleh penduduk tempatan. *SOP* ini termasuk masa diambil untuk membalas satu aduan, masa diambil untuk menyelesaikan satu masalah atau aduan, pemantauan kerja kerja yang dijalankan oleh setiap kontraktor, denda yang dikenakan kepada kontraktor yang gagal atau cuai melaksanakan kerja-kerja PBT.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu kedua yang Yong Peng akan sentuh adalah berkaitan Jalan Persekutuan Nombor 1 antara Johor Bahru hingga ke Gemas, jalan ini mempunyai satu nostalgia yang mendalam di hati kita. Sebelum adanya Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS), jalan inilah yang menghubungkan Semenanjung Malaysia, namun malangnya keadaan jalan tersebut yang mendukacitakan khususnya antara Air Hitam ke Labis. Yong Peng menerima aduan daripada penduduk di kawasan Yong

Peng, keadaan jalan itu yang berlubang-lubang dan tidak rata amat membahayakan pengguna jalan raya. Selain itu, keadaan jalan yang sempit terutamanya di kawasan jambatan tambahan pula kekurangan lampu jalan di situ dan kawasan selekoh juga amat membahayakan. Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat nak menyelesaikan masalah ini demi memanjangkan hayat pengguna jalan ini. Yong Peng nak tahu apakah prosedur yang digunakan untuk mengenal pasti jalan yang sakit termasuk jalan persekutuan, jalan negeri, jalan kampung, jalan kawasan perumahan dan jalan kawasan perindustrian.

Selain isu jalan persekutuan, Yong Peng ingin menyentuh berkaitan pemantauan terhadap paip gas antara Kluang ke Yong Peng. Yong Peng menyeru dan berharap agar pihak kerajaan mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap pemeriksaan berkala terhadap sistem paip gas tersebut. Kita tidak mahu kejadian seperti di Taiwan beberapa bulan yang lepas berlaku di kawasan kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Yong Peng ingin bangkitkan isu berkenaan cadangan Yong Peng sebelum ini iaitu pembinaan sebuah hospital di kawasan Yong Peng. Walaupun telah dijawab, namun oleh kerana keperluan penduduk kawasan yang mendesak maka Yong Peng bangkitkan semula untuk perhatian pihak kerajaan. Menurut maklumat, jumlah keupayaan hospital kerajaan dan swasta di daerah Batu Pahat adalah seperti berikut. Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat 516 katil, Hospital Putra 84 katil, Hospital Pantai 106 katil. Mengikut nisbah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, nisbah penduduk berbanding katil di hospital adalah 1.8 : 1000 orang penduduk. Keadaan itu jelas tidak mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah penduduk di daerah Batu Pahat dan sekitarnya. Dengan mencadang sebuah hospital kecil dibina di kawasan Yong Peng berkapasiti 100 buah katil, ia dapat menampung pesakit di kawasan Yong Peng, Lam Lee, Bekok, Kangkar Baru, Paloh, Air Hitam, Parit Yaani, Parit Sulung dan kawasan sekitarnya.

Untuk perhatian Dewan yang mulia ini untuk sebuah negara maju, kesihatan sangat penting maka Hospital Batu Pahat jarak 28km dari Yong Peng bagi seorang pesakit adalah jauh. Tentulah kalau kita pergi membeli belah maka jarak itu bukan masalah, nyawa itu penting.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini pesakit-pesakit di kawasan Yong Peng juga menghadapi kesukaran pengangkutan untuk mendapatkan rawatan di Hospital Batu Pahat. Yong Peng difahamkan tiada perkhidmatan bas di antara hospital dan stesen bas Batu Pahat. Sekali lagi saya menyeru, berharap dan merayu kepada pihak kerajaan negeri untuk melihat isu ini dengan lebih dekat agar sebuah hospital kecil dapat dibina di kawasan Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sistem prasarana yang baik adalah faktor keselesoan hidup rakyat. Di kawasan Yong Peng masih menghadapi masalah-masalah banjir kilat, kekurangan lampu jalan dan longkang runtuh tidak dibaik pulih. Banjir kilat sering berlaku di Jalan Kekwa di Taman Timur, Jalan Keembong, Taman Selatan, Jalan berhampiran *Lucky Garden* dan jalan di hadapan di restoran KFC Yong Peng. Seterusnya kekurangan lampu jalan di Jalan Helang, Taman Sembrong Barat, Jalan Tembaga, Taman Muhibbah, Jalan Kelerai, Taman Desa, Jalan Kelembit, Taman Ria dan sebagainya. Menjadi satu faktor meningkatnya kes pecah rumah dan kecurian. Walaupun permohonan dan aduan

dari penduduk telah lama ditujukan kepada Majlis Daerah Yong Peng malahan masih tunggu tindakan atau jawapan dari pihak berkenaan. Yong Peng ingin meminta jasa baik YB Exco Kerajaan Tempatan memberi satu penyelesaian dan bilakah ia boleh diselesaikan?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng menyambut baik akan pembentangan bajet 2015 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memperkasakan sumbangan dan *profesionalisme* wanita. Yong Peng ingin nak tanya dengan hanya RM150,000.00 peruntukan kerajaan Persekutuan dapat mensasarkan menolong berapa orang wanita yang berminat dalam keusahawanan. Yong Peng juga menyambut baik pembangunan wanita India di Negeri Johor berdasarkan peruntukan untuk pembiayaan keseluruhan yang disedia di bawah AIM oleh kerajaan pusat untuk usahawan wanita India. Namun kerajaan Negeri Johor perlu memahami wanita Melayu, India dan Cina juga ada juga yang tidak mampu dan tidak boleh ketinggalan.

Yong Peng ingin membawa isu yang membabitkan kaum wanita yang bekerja yang amat memerlukan pusat asuhan. Pada masa ini sebuah keluarga juga memerlukan suami dan isteri bekerja. Kekangan ekonomi dan keperluan mendesak kedua-duanya bekerja. Sehubungan dengan itu, Yong Peng menyeru dan mencadangkan satu *mekanisme* diadakan agar dapat ditubuhkan pusat-pusat asuhan kanak-kanak di syarikat-syarikat swasta serta pejabat-pejabat kerajaan. Wanita yang mempunyai anak tidak dapat turut serta bekerja bersama-sama mencari rezeki untuk keluarga atas faktor kesulitan menempatkan anak-anak yang ditinggalkan untuk bekerja. Tambahan pula sebahagian ibu-ibu yang menjadi suri rumah tangga sepenuh masa adalah daripada golongan terpelajar. Pihak kerajaan dan swasta kerugian tenaga mahir daripada wanita-wanita tersebut. Sekiranya pusat-pusat asuhan dapat diwujudkan tentunya ia akan dapat menyelesaikan masalah itu. Selain daripada dapat membantu kewangan keluarga wanita yang bekerja juga akan dapat menabung dalam kumpulan simpanan pekerja. Ia dapat dimanfaatkan di hari tua nanti. Kajian juga menunjukkan wanita yang tidak bekerja berasa rendah diri jika bergaul antara rakan-rakan mereka. Perlu ada usaha daripada pihak kerajaan untuk membantu mengatasi masalah tersebut. Rakyat yang hidup bahagia diperlukan untuk memakmurkan negeri dan negara.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Yong Peng sila gulung.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yong Peng juga menyambut baik akan pembentangan bajet 2015 oleh Yang Amat Berhormat Besar dengan strategi utama bajet membangunkan masyarakat berilmu dan berkemahiran bagi mendukung peralihan ke arah ekonomi berasas pengetahuan yang membina upaya insan untuk kekuatan bangsa. Mengikut definisi bangsa yang disebut di sini adalah bangsa Johor yang tidak kira kaum, agama dan kedudukan.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kerajaan pakatan rakyat iaitu Pulau Pinang dan Selangor telah memberi peruntukan tetap kepada sekolah menengah Cina swasta sejak memegang kerajaan negeri. Kerajaan BN iaitu Sarawak juga telah mengumumkan memberi peruntukan tetap kepada sekolah tersebut. Kerajaan Kelantan dan Perak pula mengumiakan tanah. Dengan tema "Membangunkan Johor

Secara Inklusif. Yong Peng berasa segala pengagihan dana negeri Sekolah Menengah Cina swasta ini juga tidak boleh tidak boleh ditinggalkan.

Yong Peng dengan sukacita menyeru kerajaan Negeri Johor memberi peruntukan tetap kepada sekolah ini untuk menampung perbelanjaan sekolah tersebut. Yong Peng berharap permohonan ini dapat sokongan dari Yang Berhormat EXCO Pelancongan dan Yang Berhormat Pemanis dan Paloh yang mungkin lebih faham masalah sekolah tersebut.

Yong Peng menyambut baik strategi Yang Amat Berhormat Menteri Besar memangkin kesejahteraan hidup rakyat yang teliti mengurangkan kemiskinan dan menyediakan tempat berlindung untuk membina keluarga yang kukuh. Akan tetapi Yong Peng khuatir niat baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memastikan setiap warganya mempunyai tempat perlindungan yang sesuai dan saya rasa akan sia-sia dengan jawapan yang diberi oleh Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor wujudnya kuota parti politik iaitu UMNO, MCA dan MIC yang permohonannya perlu surat sokongan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri. Untuk permohonan rumah kos rendah, rumah sederhana, rumah mampu milik. Yang Berhormat Dato Speaker, sebenarnya rumah-rumah ini bertujuan untuk menolong bangsa Johor termasuk penjawat awam yang berpendapatan rendah yang masih tidak mampu memilik rumah persendirian. Yong Peng menyeru agar praktikal yang tidak sihat ini iaitu kuota parti politik ini dapat diberhentikan.

Yong Peng berharap Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan perlu memberi satu penerangan apakah tindakan kerajaan yang boleh memastikan tiada lagi amalan yang tidak sihat ini yang akan menghalang niat baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet 2500 dengan strategi memodenkan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Mana ada 2500?

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : 2015 dengan strategi memodenkan prasarana serta mengukuhkan kepercayaan awam terhadap pentadbiran dan institusi kerajaan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, Yong Peng sila tutup.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Boleh. Baik, baik. Yang berhormat Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Nanti Bekok marah tak boleh cakap tu. Kalau Yong Peng mahu panjangkan lagi, Bekok 5 minit saja.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Mana boleh.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Bertolak ansur. Yong Peng berharap MACC dapat menyiasat dan SPR perlu mengadakan satu garis panduan untuk mengelakkan parti politik menggunakan surat sokongan permohonan rumah kos rendah, kos sederhana dan rumah mampu milik sekiranya kerajaan benar-benar berhasrat mengembalikan kepercayaan awam terhadap pentadbiran dan institusi kerajaan.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Dato' Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, ok.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Akhirnya.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah akhir dah tak apalah duduk je.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Akhirnya saya ingin menyentuh isu berkaitan harga getah dan kelapa sawit yang tidak menentu akhir-akhir ini. Kebanyakan rakyat di kampung-kampung. Ini sangat penting. Rakyat di kampung-kampung bergantung hidup kepada hasil jualan getah dan kelapa sawit. Apa rancangan yang pihak kerajaan untuk menstabilkan harga komoditi? Adakah penetapan harga siling bagi komoditi tersebut seperti *Basic Lending Rate*, dengan izin bank-bank komersil dapat ditentukan? Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian ucapan Yong Peng. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok sila Bekok.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat petang dan Salam Sejahtera. Bekok ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi ucapan sempena Mesyuarat Kedua Bajet 2015 Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Izinkan Bekok mengutarakan beberapa isu yang mempunyai impak yang serius kepada penduduk kawasan Bekok yang diwakili pada hari ini.

Pertama, Bekok ingin membangkitkan persoalan tentang sistem pengangkutan awam yang tidak lengkap dan sempurna sehingga memudaratkan penduduk di kawasan Labis. Bekok ingin menekankan sekali lagi pada Dewan yang mulia ini, bahawa Jalan Segamat ke Yong Peng merupakan jalan persekutuan dan utama yang merangkaikan kawasan Utara dan Selatan Labis serta...

YB Dato' Timbalan Speaker : Yong Peng tadi dah bawa. Tak payah lagi lah. Kan?

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Tak sama, tak sama.

YB Dato' Timbalan Speaker : Buang masa ...

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Kan aktiviti ekonomi dan interaksi antara penduduk Labis dengan luar. Namun begitu, bilangan kes kemalangan jalan raya semakin meningkat di bahagian jalan ini. Terutamanya di simpang jalan masuk ke taman perumahan. Walaupun Bekok pernah membangkitkan isu ini supaya menarik perhatian pihak berkuasa untuk mengambil tindakan yang segera demi mencegah kes kemalangan berlaku. Tetapi nampaknya bilangan kes kemalangan jalan raya yang telah berlaku sehingga kini tidak pernah diturunkan. Keadaan ini bagaikan masuk angin keluar asap. Jika pihak yang berkuasa tidak mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya punca utama yang menyebabkan fenomena kes berlakunya kemalangan di kawasan ini adalah disebabkan oleh reka

bentuk perancangan dan keadaan jalan raya yang tidak sempurna dan kemudahan jalan raya yang tidak cukup di kawasan tersebut. Maka Bekok ingin mencadang atas permohonan dan hasrat penduduk Labis dan pengguna jalan raya supaya kerajaan negeri menubuhkan satu jawatankuasa khas yang profesional untuk merancang semula langkah-langkah yang patut diambil demi mengurangkan kes kemalangan jalan raya yang berlaku di kawasan tersebut. Sehingga dapat mengurangkan kerugian nyawa, kecederaan pengguna jalan raya dan harta benda awam. Tambahan pula Bekok ingin mencadang supaya memperluaskan dan menaiktarafkan jalan raya di kawasan persekitaran taman perumahan terutamanya di bahagian depan Taman Sentosa yang belengkok lagi sempit.

Bekok juga ingin mohon jasa baik pihak kerajaan negeri untuk menimbangkan hasrat umum masyarakat Labis agar menambahkan kemudahan keselamatan di jalan persekutuan ini iaitu memasang lampu isyarat di simpang masuk ke taman perumahan seperti Taman Labis, Taman Perwira dan Taman Gunung Emas. Depan pintu Sekolah Menengah Kebangsaan Labis, di Labis dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bali di Cha'ah untuk menjaga keselamatan pelajar dan pengguna jalan raya. Sementara itu, penduduk Labis juga ingin memohon supaya melukis garis kuning yang bertujuan untuk memberi amaran kepada pengguna jalan raya supaya memperlahankan kelajuan kereta mereka dan mengadakan *traffic highland* dengan izinnya, yang bertujuan untuk memberi ruang yang cukup kepada kenderaan yang ingin masuk ke taman perumahan di bahagian depan simpang masuk ke taman permainan serta jalan persekutuan Segamat ke Yong Peng. Langkah-langkah yang dijalankan ini adalah lebih berkesan untuk mencegah dan mengurangkan kes kemalangan jalan raya yang tidak diingini berlaku di kawasan tersebut. Hati Bekok seperti kaca terhempas ke batu apabila setiap kali diberitahu bahawa terdapat pengguna jalan raya tercedera atau terkorban dalam kemalangan jalan raya. Justeru itu, Bekok ingin menyeru pihak berkenaan agar mengambil berat dan tindakan yang segera untuk menangani masalah ini demi menjaga kebajikan awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan Jalan Segamat - Yong Peng amat teruk kerana keadaan jalan raya yang tidak rata dan berlubang amatlah berbahaya dan menyusahkan para pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal. Perkara ini merupakan salah satu punca yang mengakibatkan kenaikan kadar kemalangan jalan raya di kawasan tersebut. Bukan itu sahaja, keadaan jalan raya di kawasan perumahan juga agak tidak memuaskan. Kebanyakan jalan raya yang baru diturap tar mula berlubang dalam jangka masa yang pendek. Siapa yang, siapakah yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan jalan raya yang bermasalah. Adakah kontraktor yang berkenaan akan disenaraikan dalam senarai hitam?

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkhidmatan kereta api amatlah penting untuk menghubungi Bandar Utara dan Selatan di Semenanjung Malaysia dengan Bekok. Kekurangan perkhidmatan pengangkutan awam di Bekok telah menghalangkan perkembangan aktiviti ekonomi, pelancongan dan interaksi antara penduduk Bekok dengan bandar-bandar Utara dan Selatan. Bekok bercadang supaya kerajaan negeri mengadakan stesen kereta api di Bekok dan Labis dalam projek pembinaan landasan berkembar di kereta api dari Gemas ke Johor Bahru. Cadangan alternatif termasuklah menyediakan perkhidmatan *shuttle bus* iaitu bas perkhidmatan yang menghubungi kawasan Labis, Bekok dan Chaah. Langkah-langkah ini bukan sahaja akan memudahkan penduduk Bekok tetapi juga dapat menggalakkan perkembangan

sektor pelancongan di Taman Negara Johor Endau Rompin dan Air Terjun Sungai Batang Bekok. Kerajaan Negeri tidak patut meminggirkan Bekok daripada pembangunan dan pengembangan ekonomi dan sektor pelancongan ekoran daripada Projek Landasan Keretapi Berkembar yang memakan belanja berjuta-juta ringgit Malaysia yang akan dimulakan di Negeri Johor.

Sementara itu, Bekok ingin menekan dan bercadang agar membina satu jalan yang menghubungkan Bekok dan Paloh untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan interaksi antara penghuni Bekok dan Paloh. Bekok menggesa pihak Kerajaan Negeri supaya merancang untuk membina jalan ini dengan segera demi kebajikan dan kebaikan penduduk di kedua-dua kawasan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tanpa sistem pengangkutan yang cekap bagaimanakah Kerajaan Negeri hendak membangunkan dan mengembangkan aktiviti ekonomi dan pelancongan di Bekok? Dan bagaikan di pulaukan oleh bandar lain. Sekali lagi Bekok menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan proaktif untuk menyelesai masalah sistem pengangkutan awam yang dihadapi oleh penduduk Bekok.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri pernah...

YB Dato' Timbalan Speaker : Wah, Bekok banyak laju hah?

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Nanti tak habislah. Banyak lagilah. Ini semua suara dari rakyat Bekoklah. Tak habis tak boleh. Baru 15 minit mana boleh habis. (Dewan ketawa)

Kerajaan Negeri pernah merancang untuk membangunkan bidang pertanian di kawasan Segamat. Namun begitu, nampaknya masih tiada projek yang dicadangkan telah mula dilaksanakan setakat ini. Projek-projek pembangunan di bidang pertanian patut dimanfaatkan kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira warna kulit, agama, kaum dan bangsa. Bekok berharap agar Kerajaan Negeri mengumumkan maklumat yang jelas dan terbuka berkaitan Projek Pertanian di kawasan Labis supaya tidak menimbulkan perasaan serba salah kerana mempercayai khabar angin di kalangan penduduk terhadap projek pembangunan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut. Justeru itu, kerajaan harus meletakkan syarat yang ketat terhadap projek pembangunan yang akan dijalankan dan tertakluk kepada undang-undang. Selepas itu, maklumat-maklumat berkenaan dengan projek yang telah disahkan harus dikongsi bersama-sama dengan Majlis Daerah, PBT, Ahli-Ahli Majlis, Wakil-Waki Rakyat dan penduduk sejajarnya dengan prinsip ketelusan, "Kerbau dipegang pada tali, manusia dipegang pada katanya".

Bekok berharap supaya hasrat Kerajaan untuk membangunkan daerah Segamat dalam bidang pertanian dapat ditunaikan dan memanfaatkan penduduk dalam daerah Segamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri harus menubuhkan satu jawatankuasa khas yang bertanggungjawab untuk memantau projek-projek pembangunan sektor pertanian dalam Negeri Johor seperti Projek Tanaman Kekal

Pengeluaran Makanan dan Perlaksanaan Strategi Pemberian Bantuan kepada pekebun kecil. Projek tanaman kekal pengeluaran makanan harus dipantau dari segi hasil tanaman, kegunaan tanah tanaman, perancangan semula, tanah tanaman yang terbiar, pemberian bantuan kepada pemohon yang memerlukan sahaja dan sebagainya. Selain itu, Kerajaan Negeri harus membantu penanam dalam pembinaan infrastruktur seperti sistem pengairan dan jalan raya yang sempurna yang bertujuan untuk meningkat hasil dan mengangkut hasil tanaman ke pasaran. Sebagai contoh, penanam di Batu 18, Sengkang Bukit Gambir selalu menghadapi masalah kekurangan air semasa musim kemarau dan jalan raya dimusnahkan apabila banjir kilat. Adakah Kerajaan Negeri pernah mengambil berat tentang situasi penanam di Batu 18 Sengkang yang susah terutamanya apabila berlakunya bencana alam?

Bekok menyeru pihak berkuasa mengambil berat dan langkah-langkah yang berpatutan untuk menolong pekebun kecil apabila menghadapi masalah kejatuhan harga tanaman mentah seperti getah dan kelapa sawit. Bekok telah menerima banyak aduan daripada pekebun getah kecil bahawa garis panduan permohonan bantuan akibat kejatuhan harga getah adalah amat mengelirukan kepada pemohon kerana cara dan syarat permohonan tidak dinyatakan dengan jelas. Keadaan ini telah menyebabkan mereka yang memerlukan bantuan dan berkelayakan kehilangan peluang untuk memohon bantuan. Bekok berharap agar bantuan ini betul-betul dapat membantu mereka yang memerlukan dan meringankan kebebanan mereka.

YB Dato' Timbalan Speaker Bekok, sila tutup eh. Tak payah gulung lagi, tutup terus. (Dewan ketawa)

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Belum lagi, ada dua lagi. Ok, Yang Berhormat Dato' Speaker, mana satu penting... (Dewan ketawa)

YB Dato' Timbalan Speaker : Sudah hilang? Sudah hilang, tutup terus sahajalah.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan bidang pertanian tidak boleh hanya mampu menumpu kepada beberapa tanaman komersial sahaja, malah Kerajaan Negeri harus membangunkan pekebun kecil penternakan ayam, lembu daging dan kambing serta bidang perikanan. Usaha bidang pertanian tidak hanya terhad kepada pemberian insentif kepada pengusaha sahaja malah Kerajaan Negeri harus peka terhadap masalah perusahaan secara bersifat jangka panjang dan kompleks. Kerajaan Negeri harus menyalurkan teknik yang lebih saintifik dan berteknologi kepada pengusaha... Dalam konteks Belanjawan Negeri adalah wajar kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi mengatasi masalah pengusaha secara menyeluruh dan berstruktur serta mampu memberi kesan positif kepada ekonomi, pertanian dan hasil pertanian tempatan. Tetapi dengan pemberian insentif kepada setiap pengusaha pertanian, apakah kesan jangka yang depan yang boleh diharapkan oleh pihak Kerajaan Negeri? Janganlah nelayan mengharapkan pancing tetapi diberi ikan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Bekok telah, satu lagi. Bekok telah menerima aduan daripada pelancong yang pernah melawat ke tempat pelancongan di Labis seperti Pusat Rekreasi Kolam Air Panas dan Taman Negara Johor Endau Rompin serta Air Terjun

Sungai Sebatang, Sungai Batang di Bekok. Bahawa infrastruktur awam seperti tandas telah rosak dan tidak di selenggara dengan baik oleh pihak berkuasa. Tambahan pula, keadaan jalan raya pergi ke Air Terjun Sungai Batang sangat tidak baik dan amat menyusahkan kepada pengguna jalan raya. Bagaimanakah tempat pelancongan dapat menarik perhatian kepada pelancong jika keadaan tempat pelancongan adalah tidak selesa dan kemudahan yang rosak? Walaupun Bekok dikurniakan oleh Tuhan alam semula jadi yang amat mengkagumkan dan cantik, adakah keadaan ini dapat menunaikan cita-cita Kerajaan Negeri untuk membangunkan Taman Negara Endau Rompin sebagai pusat pelancongan dan penyelidikan alam sekitar yang terunggul di Asia Tenggara? Sekian terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Oh, terima kasih.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Banyak lagi belum.

YB Dato' Timbalan Speaker : Kalau tidak, Pengkalan Rinting eh, jemput.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker dan Dewan yang mulia ini, selamat sejahtera dan selamat petang. Pengkalan Rinting mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Negeri Johor 2015. Terlebih dahulu Pengkalan Rinting ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dua tahun berturut-turut membentangkan Bajet Pengurusan *surplus*. Akan tetapi, kita juga mendengar banyak pembangunan yang pesat, pembangunan yang besar tetapi kebarangkaliannya rakyat tidak dirasai maka ada kalanya atas nama pembangunan juga telah menyusahkan kehidupan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila saya mendengar ucapan Bajet berkenaan dengan usaha untuk memajukan sektor pelancongan di Negeri Johor. Saya teruja, walhal sebelum ini saya telah melihat sedikit sebanyak berkenaan dengan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor dan saya ingin memberikan sedikit pandangan terhadap pelan induk ini dan terutamanya dari kawasan saya sendiri, di mana ialah dengan kawasan Johor Bahru. Ok, mengikut *Lonely Planet* yang merupakan dengan izin, merupakan satu siri buku pelancongan yang terkenal telah menyatakan bahawa Malaysia merupakan salah satu negara yang sesuai untuk dijadikan tempat pelancongan *backpackers* amatur dengan izin, *backpackers amateur* ataupun pengembara amatur. Yang kebarangkaliannya, *back packers* ini merupakan daripada golongan belia yang muda dan ini merupakan, kini merupakan satu *trend* di mana semakin ramai orang memilih untuk melancong secara *free and easy*, dengan izin atas aturan sendiri yang bebas dan tidak mengikut rombangan.

Memandangkan Negeri Johor merupakan negeri kedua banyak kunjungan pelancong di Malaysia, tambahan dengan kedudukan strategik dan keunikan negeri Johor dengan adanya pulau, gunung dan sebagainya saya berpendapat jika negeri Johor ingin bertambah bilangan pelancongnya tidak dapat elakkan lagi, kita kena menyambutkan pelancong seperti gini, iaitu *back peckers* atau pelancong yang *free and easy*, dengan izin. Walaupun kita berpendapat *backpackers* ini merupakan satu kategori kumpulan pelancong yang mungkin tidak berpelajaran tinggi, akan tetapi kumpulan ini amatlah penting dan selaras dengan pembangunan pelancongan

berasaskan keluarga yang dinyatakan di dalam Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor.

Hal ini kerana apabila kali pertama pelancong yang *backpackers* ini dia melancong dengan *backpackers* ini ke negara kita, pelancong ini tidak berbelanja, berbelanjawan dengan banyak. Akan tetapi, jika negeri kita dapat memberi imej mahupun kenangan baik kepada pelancong seperti gini, kebarangkalian mereka kembali ke negeri kita adalah tinggi. Maka kali kedua bersama dengan ahli keluarga ataupun kawan-kawannya, kali ini, perbelanjaan lebih tinggi kepada negeri kita. Kita bukannya nak buat bisnes sekali sahaja untuk dengan pelancong-pelancong ini.

Selain itu, galakan pelancongan ini juga melibatkan lebih ramai penduduk tempatan terlibat dalam sektor pelancongan di mana lebih peluang telah diberikan kepada penduduk tempatan untuk berinteraksi terus dengan pelancong asing ini dan membuka lebih peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Sehubungan itu, beberapa perkara perlu mengambil perhatian dalam menggalakkan lagi pelancongan *backpackers* dan pelancong *free and easy* ini. Perkara pertama yang saya ingin ambil perhatian sememangnya adalah keselamatan yang barangkali menjadi isu. Dengan tercatitnya kadar jenayah yang tinggi, ini bukannya sesuatu yang menjadi galakan pelancong. Ini ialah satu.

Kedua, ini merupakan informasi yang mencukupi berkenaan dengan pelancongan dengan negeri kita, termasuklah informasi homestay, *backpackers homestay*, dengan izin dan sebagainya. Di sini saya ingin mencadangkan dengan mempromsosikan informasi pelancongan melalui jaringan ataupun sehingganya dengan coach, ... dengan izinnya yang sedia ada. Disebabkan jaringan ataupun network yang seperti ini, sebegini amatlah luas dan berpengaruh. Ini juga satu cara sebagai kita boleh membuat promosi pelancongan kita. Inilah satu cadangan di mana dah sedia ada dan kita cuma untuk cari jalan untuk dapatkan sahaja jaringan seperti ini.

Ketiga, infrastruktur yang mencukupi dan berkesesuaian untuk lokasi pelancongan. Apa yang menarik dalam hal ini seperti di Bandaraya Johor Bahru, di mana pada awal tahun ini telah pun ada pengumuman berkenaan peruntukan sebanyak RM500,000.00 untuk menaik taraf infrastruktur khas untuk *Heritage Trails* dengan izin di sekitar Bandaraya Johor Bahru. Tetapi dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menyatakan pembangunan produk urban dan *Heritage Trails* sekali lagi diizinkan, yang kelihatan pembangunan yang sama, tetapi apa yang dibangunkan, kita masih lagi satu persoalan. Sebab, sehingga kini saya masih lagi tidak mendapat *brochuer* yang berkenaan di Kaunter Informasi Pelancongan.

Di sini saya juga ingin mengambil perhatian dalam kawasan pembangunan *Heritage Trails* ini, di mana terletaknya kawasan penjaja makanan di lorong belakang Jalan Meldrum, yang sebelum ini sudah lama bertapak di Jalan Ungku Puan. Ini merupakan satu kawasan penjaja yang lama, dan saya cadangkan, jika kawasan penjaja yang begitu lama di Bandaraya Johor Bahru ini diperbaiki infrastrukturnya. Untuk maklumat, infrastruktur di sana kurang baik sikit di mana di lorong belakang dan mungkin adanya lampu jalan tidak mencukupi dan longkang masih pecah ke sini dan kalau ada pengaliran yang baik, maka kawasan inilah boleh menjadi satu produk pelancongan yang lebih baik, yang terletak dalam *Heritage Trails* dan di sini pun boleh kita cari makanan yang istimewa dekat kawasan ini.

Sehubungan, selain itu, rangkaian dan penyambungan antara destinasi pelancongan amatlah penting terutama dalam *Heritage Trails* ini. Saya ambil contoh, barangkali bila saya memandu melalui Jalan Skudai, Pantai Lido yang menghala ke Johor Bahru dan berdekatan dengan kawasan Istana Besar, saya sering melihat ada pelancong yang berjalan ke arah Zoo Johor dan, ataupun dekat arah yang sama itu Masjid Abu Bakar. Tetapi pelancong-pelancong ini berjalan di bahu jalan yang tiada laluan pejalan kaki dan ini amatlah berbahaya kepada pejalan kaki tersebut.

Keempat, nampakkan *trend* pelancongan ini menitikberatkan identiti ataupun kebudayaan cara hidup, sejarah sesebuah banda raya seperti yang dinyatakan dalam *Heritage Trails* Bandar raya Johor Bahru. Saya rasa usaha sebegini perlu diadakan. Selain mendirikan papan tanda di tempat bersejarah, saya juga ingin mencadangkan ada Pegawai Khas untuk menceritakan identiti bandar raya ini, di samping membawa kunjungan ke bangunan warisan kita ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pengkalan Rinting, sila gulung. Dah 12 minit pelancongan saja eh. Belum masuk yang lain-lain.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Kejap ya. Ini sedikit banyak untuk pandangan terhadap pelancongan yang sedia ada sebab ia dalam bajet, kan. Jadi, saya bawalah satu isu dalam kawasan saya di mana ini merupakan masih lagi serius dan berlaku, di mana yang merupakan pembuangan dan pembakaran sisa pepejal secara haram. Ok, memandangkan pembangunan yang pesat, sisa pepejal itu perlu diuruskan dengan baik. Tapi saya mendapat aduan di mana 3 tempat di dalam kawasan saya itu, di belakang Loji Indah Water Jalan Rawa, Taman Perling dan di sebelah tanah lapang landasan kereta api berhampiran dengan Taman Flat Selesa Jaya dan yang terbaru dan ini aduan yang terbaru ini ialah pembakaran terbuka yang menghasilkan asap tebal di kawasan pembinaan sebelah kawasan Jalan Kuning Taman Sutera, ini telah menyebabkan asap tebal dan membawakan bau yang tidak selesa kepada penduduk sekitar. Jadi, saya berharap pihak berkuasa seperti PPSPPA, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru dan Jabatan Alam Sekitar boleh ambillah tindakan yang sewajarnya terhadap tindakan yang haram ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sini saya juga ingin maklumkan bahawa dekat loji kumbahan di Pangsapuri Saujana telah pun lama mengalami kerosakan. Maka, ada yang katanya sudah berapa tahun. Jadi, loji itu bukan sahaja tidak boleh mengoksidakan najis yang dari pangsapuri berdekatan, maka dia akan mengeluarkan bau yang busuk, maka adakalanya mengalir keluar najis-najis terus kepada saliran air. Jadi, saya berharap pihak MBJB ataupun pihak JPS untuk mengambil perhatian terhadap masalah ini.
Saya juga ingin mengambil perhatian di mana satu projek pembinaan loji rawatan kumbahan di PTD 153805 kawasan Pengkalan Rinting, Kampung Pasir Johor Bahru. Memandangkan contoh yang saya bagi tadi, jadi saya di sini kalau boleh pembinaan loji rawatan di sebelah kampung ini diberhentikan. Ini ialah sedikit sebanyak daripada Pengkalan Rinting. Sekian sahaja, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Wah. Terima kasih YB Pengkalan Rinting. YB adalah ADUN saya ya. Saya duduk dalam kawasan YB. Saya ingat tadi nak bagi YB dua hari tapi...

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Yang penting mesti undi. (Dewan ketawa)

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan hingga esok, 18 November, 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KELIMA	SELASA, 18 NOVEMBER 2014	BIL. 6 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Keperenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor.
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)
YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Saya persilakan Yang Berhormat Rengit, Yang Berhormat Tiram.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Apakah benar dakwaan bahawa pembangunan yang berlaku di Iskandar Malaysia terpaksa mengorbankan tanah-tanah rizab Melayu untuk dibina rumah-rumah mahal dan tanah rizab Melayu di Iskandar Malaysia telah berkurang? Sila jelaskan.

YB Tan Sri Speaker : Saya persilakan Yang Berhormat Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta penjelasan jumlah baki keluasan tanah simpanan milik Melayu (Malay Reserve) di negeri Johor. Nyatakan mengikut daerah. Berapa luas tanah kelompok ini yang terlepas dari pegangan milik Melayu?

YB Tan Sri Speaker : Saya persilakan Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah tindakan kerajaan negeri dalam memastikan penggantian tanah rizab Melayu yang telah diambil untuk pembangunan. Berapakah statistiknya setakat ini dengan pemilikan tanah rizab Melayu dan gantian di semua daerah dalam negeri Johor?

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya akan menjawab bersekali soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Rengit, Senggarang dan Tiram yang kesemuanya berkaitan tentang tanah rizab Melayu di Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanah rizab Melayu adalah tertakluk di bawah Enakmen Rizab Melayu 1936 dan Perlembagaan Persekutuan. Mana-mana tanah yang berstatus demikian apabila hendak dibatalkan atas alasan pembangunan atau permohonan pemiliknya sendiri perlulah mematuhi sebagaimana yang disyaratkan di dalam Enakmen Rizab Melayu 1936 dan juga Perlembagaan Persekutuan iaitu perlu ada tanah gantian yang berkeluasan sama atau lebih dan nilaian tanah mestilah sama atau lebih. Dengan adanya kedua-duanya *statue* ini, ia sekaligus menggambarkan keseriusan kerajaan sejak sekian lama dalam menjaga kepentingan tanah rizab Melayu, bukan sahaja di negeri ini malah di seluruh negara. Bertindak atas matlamat itu kerajaan negeri Johor juga telah melaksanakan beberapa langkah pro aktif bagi memastikan tanah rizab Melayu di Johor terus dipelihara.

Salah satu daripada tindakan pro aktif itu ialah mengenakan dasar bagi mana-mana tanah yang dikurniakan kepada orang Melayu dikehendaki menjadikan tanah ini sebagai rizab Melayu di bawah Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu. Hasilnya berdasarkan data, keluasan tanah rizab Melayu di negeri ini telah meningkat daripada hanya seluas 87,563.6 hektar pada 1957, kepada 432,157.64 hektar setakat September tahun ini. Ia sekaligus menunjukkan peningkatan sebanyak 279,744 hektar atau peningkatan 18.2% sejak negara kita mengecapi kemerdekaan. Jika mengambil kira kawasan Iskandar Malaysia yang merangkumi daerah Johor Bahru dan sebahagian Kulaijaya, keluasan tanah rizab Melayu sebelum merdeka adalah seluas 1,921.44 hektar tetapi selepas tahun 1957 hingga September 2014, luas tanah rizab Melayu bagi kedua-dua daerah tersebut adalah 23,517.37 hektar. Ini jelas menunjukkan bahawa keluasan tanah rizab Melayu di kawasan Iskandar Malaysia pada hari ini, sebenarnya bukan semakin berkurangan tetapi telah meningkat sebanyak 12 kali ganda berbanding sebelum merdeka. (Dewan bertepuk).

Bagi daerah-daerah lain di negeri Johor juga, ia turut mencatatkan peningkatan sebanyak 2 hingga 21 kali ganda. Data mengenai peningkatan keluasan tanah rizab Melayu bagi setiap daerah akan saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Rengit yang menanyakan soalan mengenainya. Dengan data peningkatan keluasan tanah rizab Melayu ini, ia secara tidak langsung menolak dakwaan kononnya kerajaan negeri mengabaikan tanggungjawab untuk mempertahan dan memperluaskan tanah rizab Melayu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri memberi jaminan bahawa mempertahankan tanah rizab Melayu akan terus menjadi antara agenda utama kerajaan negeri di bawah pentadbiran saya sebagai Menteri Besar. Diharapkan matlamat serta usaha kerajaan negeri ini akan terus mendapat sokongan daripada semua Ahli Dewan yang mulia ini. Semoga apa yang kita rancang akan mendapat keredhaan daripada Allah SWT insya-Allah.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Senggarang, no, Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mengambil pendekatan yang serius soal rizab Melayu dalam negeri Johor khususnya. Telah Di maklumkan tentang terjadinya peralihan, pertukaran pegangan saham dan pengambilan alih syarikat atau pertukaran hakmilik di atas tanah-tanah rizab Melayu kepada orang bukan Melayu. Selain daripada cara-cara dan juga mekanisme lain yang perlu diambil tindakan, boleh tak kalau saya mencadangkan kepada kerajaan

agar kerajaan membuat perampasan tanah yang telah dikenal pasti telah bertukar tangan kepada bukan Melayu dengan apa cara sekalipun? Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat daripada Senggarang.

YB Tan Sri Speaker : Semarang.

YAB Menteri Besar : Semarang.

YB Tan Sri Speaker : Semarang.

YAB Menteri Besar : Seperti yang telah saya nyatakan bahawa kerajaan negeri akan terus menjadikan soal mempertahankan tanah rizab Melayu ini sebagai satu agenda yang paling utama dan bagi menjamin tanah-tanah rizab Melayu ini kekal memang kerajaan negeri untuk makluman semua bersetuju dengan saranan itu dan kerajaan negeri akan menguatkuasakan tindakan perampasan tanah. (Dewan bertepuk). Yang didapati telah bertukar pemiliknya kepada bukan Melayu sama ada melalui pertukaran pegangan saham ataupun pengambilan syarikat. Selain dari itu, mana-mana syarikat yang berdaftar sebagai Melayu di bawah Jadual Kedua Enakmen Rizab Melayu Johor 1936, satu endorsement mengenai kemasukan syarat tersebut sebagai syarikat Melayu pada hakmilik tanah yang dipegangnya. Ini bagi memastikan tidak akan berlaku manipulasi dengan menukar pegangan saham dan Ahli Lembaga Pengarahnya yang dulu Melayu, kemudian alih-alih menjadi Ahli Lembaga Pengarah bukan Melayu. Jadi, endorsement akan dibuat dan kita akan rampas kalau ini bertukar tangan.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Jemput Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Speaker, terima kasih kepada penegasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat bahawa kerajaan BN Johor pada hari ini akan terus mempertahankan tanah rizab Melayu. Berdasarkan Enakmen Rizab Melayu Johor 1936 dan Perlembagaan 1965 Seksyen 12. Cuma saya nak tanya, kalau ada kepentingan strategik dari segi pelaburan ataupun pembangunan tanah itu akan diganti tadi disebut oleh Yang Amat Berhormat tanah itu akan diganti. Cuma saya nak tanya, asas dalam menilai untuk tanah itu berasaskan apa? Sebab mungkin dia terletak di dalam bandar, kita perlukan pembangunan yang strategik untuk negeri, jadi asas penilaian bagi penggantian itu dibuat bagaimana oleh kerajaan negeri? Itu soalan saya Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Asas. Terima kasih Yang Berhormat. Asas penilaiannya adalah nilaian semasa dan seperti yang di peringkat awal saya telah nyatakan tadi. Ia bukan sahaja merujuk kepada keluasan yang sama bagi tanah itu tetapi ia juga perlu merujuk kepada nilaian yang lebih kurang sama kepada tanah tersebut. Jadi maknanya, kalau tanah itu terletak di bandar dan tidak ada tanah di bandar yang boleh menggantikan tanah rizab Melayu yang telah ditukar statusnya maka yang ada

tanah di luar bandar maka sudah tentulah kawasan tanah itu lebih besar daripada tanah di bandar supaya nilainya lebih kurang sama dengan tanah tersebut.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Semerah, jemput.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Berapa ramai anggota penguat kuasa yang ditugaskan di setiap daerah untuk pemantauan dan penguatkuasaan di negeri Johor bagi memastikan harga barangan dan perkhidmatan tidak dinaikkan akibat dari pengurang subsidi minyak sebanyak 20 sen baru-baru ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhan negeri Johor sahaja setakat ini mempunyai seramai 155 orang Pegawai Penguat kuasa yang merangkumi lapan buah cawangan termasuk Johor Bahru. Jika dilihat secara terperinci, pengisian jawatan Pegawai Penguat kuasa di setiap cawangan meliputi Johor Bahru seramai 58 orang pegawai, Muar 18 orang pegawai, Kluang 14 orang pegawai, Kota Tinggi 14 orang pegawai, Batu Pahat 12 orang pegawai, Mersing 11 orang pegawai, Segamat 10 orang pegawai dan Pontian seramai 7 orang pegawai.

KPDNKK juga ada melantik pegawai kontrak sementara yang membantu dalam melakukan aktiviti pemantau harga di seluruh Malaysia umumnya termasuklah di negeri Johor khususnya. Jawatan tersebut dinamakan sebagai Pegawai Pemantau Harga dan di negeri Johor sahaja secara keseluruhan bilangan Pegawai Pemantau Harga adalah seramai 121 orang. Secara terperinci dalam setiap cawangan, Johor Bahru terdapat seramai 36 orang Pegawai Pemantau Harga, Muar 16 orang pegawai, Kluang 13 orang pegawai, Kota Tinggi 11 orang pegawai, Batu Pahat 15 orang pegawai, Mersing 10 orang pegawai, Segamat 13 orang pegawai dan Pontian seramai 7 orang pegawai.

Penglibatan Pegawai Pemantau Harga yang membuat pemeriksaan harga di premis-premis terpilih termasuklah pasar awam, *hypermarket* dan *supermarket* dengan izin, kedai runcit, pasar mini, Pasar Tani yang terpilih, kedai serbaneka 24 jam, restoran-restoran Melayu, Cina dan India, *Foodcourt* dan Medan Selera pada setiap hari turut membantu memberikan maklumat sekiranya ada berlaku perubahan harga atau kenaikan melampau di sekitar negeri ini.

Maklumat tersebut akan membolehkan pihak penguat kuasa untuk membuat pemeriksaan semula dan mengambil tindakan sekiranya ada berlaku kesalahan. Bilangan item barangan yang dipantau oleh Pegawai Pemantau Harga ini melibatkan 446 item pada setiap bulan, 243 item pada setiap mingguan dan 114 item setiap hari. Hasil dari pemantauan Pegawai Pemantau Harga ini, harga akan dimasukkan ke dalam *database* yang dinamakan Sistem ***MyHarga*** kemudian disalurkan ke laman web *price watch (www.1pengguna.com)* bagi orang awam membuat semakan dan perbandingan harga.

YB Tan Sri Speaker : Semerah, jemput.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Walaupun kita lihat seramai 230 Pegawai Penguat kuasa telah ditempatkan di seluruh negeri Johor, masih lagi terdapat rungutan mengenai kenaikan harga barang yang melampau. Kita harap bahawa Pegawai Penguat kuasa ini dapat bertugas secara serius. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berapakah kes kesalahan berkaitan yang telah disabitkan dan direkodkan hasil daripada tindakan penguatkuasaan KPDNKK pada tahun ini sehingga kini? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat DUN Semerah. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi memastikan harga barangan dan perkhidmatan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya disebabkan pengurangan subsidi minyak sebanyak RM0.20 baru-baru ini, penguatkuasa KPDNKK mengambil tindakan serius berkaitan perkara tersebut dan melakukan banyak pemeriksaan dan operasi setiap hari. Antaranya ialah Ops Harga iaitu melibatkan kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Timbang dan Sukat 1972. Sejak Januari tahun 2014 hingga kini, negeri Johor sahaja telah memperoleh sebanyak 165 kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan 140 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972. Jumlah keseluruhan sebanyak 305 kes yang melibatkan pemeriksaan 101,001 premis perniagaan dengan nilai rampasan sebanyak RM47,096.30.

Selain itu, Ops Titik yang melibatkan risikan dan pemeriksaan di peringkat pengusaha stesen minyak pemborong dan bunkering minyak juga dilakukan bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan minyak bersubsidi di negeri ini. Hasil daripada tindakan yang dilakukan, sebanyak 119 kes, kertas siasatan kes telah dibuka yang melibatkan nilai rampasan sebanyak RM4,056,120.60. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, selain pegawai penguatkuasa dan pegawai pemantau harga... harga yang dilantik di bawah KPDNKK, adakah Kerajaan melibatkan pemimpin tempatan dalam usaha memantau harga barangan setempat? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Tenggaroh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain 145 orang pegawai penguatkuasa dan 121 orang pegawai pemantau harga di seluruh negeri Johor, KPDNKK turut mengambil langkah menubuhkan skuad dengan melantik seramai 88 orang penghulu seluruh negeri bagi membantu memantau harga barangan dan perkhidmatan dalam kawasan mukim mereka. Penghulu ini diberi kad kuasa ataupun *enforcement power*

dengan izin, untuk memantau harga dan menjalankan penguatkuasaan bawah 3 Akta iaitu:

1. Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.
2. Akta Timbang dan Sukat 1972; dan
3. Akta Kawalan Bekalan 1961.

atau melaporkan kepada Pejabat KPDNKK terdekat untuk mengambil tindakan. Mereka akan diberi kursus atau bengkel mengenai undang-undang berkenaan dan SOP oleh pegawai KPDNKK sebelum menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan ini. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Insiden rusuhan baru-baru ini di kilang JCY, Batu 25, Kulaijaya amat mengejutkan. Apakah status terbaru siasatan terhadap insiden ini dan apa tindakan yang telah diambil atau bakal diambil oleh pihak berkuasa terhadap mereka yang terlibat dalam rusuhan tersebut?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada 4 September 2014, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia Malaysia bersama dengan EXCO Sumber Manusia Johor dan Duta Besar Nepal ke Malaysia telah pun membuat lawatan ke kilang tersebut.

Dan, hasil daripada siasatan mendapati bahawa kejadian rusuhan ini berpunca dari hasutan pekerja syarikat tersebut khususnya di Cawangan Tebrau, yang sebenarnya telah pun dibawa ke Cawangan Kulai pada 25hb Ogos 2014. Pekerja mendakwa pihak majikan tidak menjaga kebajikan mereka apabila seorang pekerja Nepal telah meninggal dunia pada 21hb Ogos 2014 kerana sesak nafas komplikasi jantung.

Pekerja ini sebenarnya telah mendapat rawatan di klinik syarikat dan diberikan cuti sakit dari 11 Ogos 2014 hingga 20hb Ogos 2014. Namun begitu, pekerja ini kemudian telah balik bekerja pada 14 Ogos 2014 dan sehingga 20hb Ogos dia bekerja. Tetapi pada 21hb Ogos, pekerja ini tidak hadir bertugas dan telah dibawa ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru oleh rakan-rakannya pada jam 4.00 petang dan kemudian Di maklumkan bahawa pekerja ini telah meninggal dunia di hospital pada jam 8.30 malam itu.

Mengikut prosedur syarikat, jika terdapat pekerja yang sakit di asrama, perkara ini perlu Di maklumkan kepada pihak pengurusan asrama atau Bahagian Sumber Manusia yang akan membawa pekerja berkenaan ke klinik syarikat atau hospital. Pekerja-pekerja di Cawangan Kulai telah mogok dan merusuh pada 26hb Ogos kerana mereka mendapat berita bahawa pekerja ini sebenarnya telah meninggal di tepi jalan. Beliau tidak meninggal di tepi jalan tetapi beliau telah meninggal di Hospital Sultanah Aminah. Jadi kerana maklumat yang salah, pekerja-pekerja Nepal di syarikat tersebut telah pun merusuh dan apabila lawatan Menteri telah pun diadakan, hasil

perbincangan yang dijalankan dan beberapa ketetapan telah pun diambil dalam mesyuarat tersebut. Itu antara perkara yang di bincang dan diambil ialah:

1. Bahawa satu Jawatankuasa Khas iaitu dengan izin, *Joint Consultative Council* yang dianggotai oleh wakil majikan dan wakil pekerja termasuk pekerja asing akan ditubuhkan di peringkat kilang tersebut bagi membincangkan masalah dan isu-isu yang mungkin akan berbangkit khususnya berkaitan dengan pekerjaan dan kebajikan pekerja;

2. Pihak majikan juga telah diseru dan diarahkan untuk menyediakan kemudahan penginapan yang lebih sesuai, selamat kepada pekerja-pekerja;

3. Pihak Kementerian Sumber Manusia juga telah menjalankan siasatan terperinci untuk memastikan bahawa pihak majikan mematuhi undang-undang perburuhan; dan

4. Pekerja-pekerja asing juga telah diingatkan, apabila mereka bekerja di Malaysia, mereka mestilah mematuhi undang-undang Malaysia sepanjang tempoh penggajian mereka di negara ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, daripada 50 orang dalam insiden tersebut, 50 orang telah pun didakwa dan dituduh untuk merusuh oleh pihak PDRM. 15 orang telah mengaku salah dan telah pun dihukum penjara selama 4 bulan. Mereka telah pun dijatuhkan hukuman pada 9 September 2014.

Bagi baki 35 orang yang lain, mereka tidak mengaku salah dan minta diperbicarakan. Walau bagaimanapun, daripada maklumat yang diperolehi, kes terhadap 35 orang ini tidak diteruskan oleh pihak Timbalan Pendakwaraya dan diperintah untuk diusir keluar. Mereka kemudiannya telah ditempatkan di Depoh Tahanan Pekan Nenas, sementara urusan pengusiran keluar diselesaikan. Dan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setakat 8hb November 2014, kita Di maklumkan bahawa kesemua 35 orang tersebut telah pun diusir keluar daripada negara kita ini. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Sebagai sebuah negeri yang dalam proses pembangunan pesat ini, saya rasa kita suka atau tidak suka pun, negeri kita ini masih memerlukan tenaga pekerja asing. Saya difahamkan di kilang JCY sahaja, ada 18,000 pekerja asing dan akan lagi tambah lagi pada masa hadapan. Sepanjang masa pekerja asing ini bila mereka ada aduan atau masalah kebajikan ini, mereka tidak ada satu saluran pengaduan yang sempurna. Biasalah mereka mungkin panggil ejen mereka ke macam mana, so saya rasa itu tidak memadai. Bolehkah saya cadangkan, soalan tambahan saya, bolehkah kerajaan menubuhkan satu jabatan khas di bawah portfolio EXCO Sumber Manusia untuk berkomunikasi terus dengan pekerja asing ataupun lebih eloknya, boleh tak kerajaan memberi sokongan dan peruntukan yang secukupnya kepada MTUC atau UNION, dengan izin, agar mereka boleh sama-sama membantu mengatasi masalah agar benda ini seperti ini tidak lagi berlaku pada masa hadapan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia: Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Batu di atas soalan tambahan dan juga cadangan.

Tan Sri Speaker, saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa Jabatan Tenaga Kerja juga sebenarnya telah membuat siasatan terhadap syarikat tersebut. Dan juga kertas siasatan telah pun dihantar kepada pihak pendakwa raya untuk pertimbangan. Dan antara pertuduhan yang telah pun dicadangkan ialah terhadap syarikat kerana syarikat tersebut juga telah membuat potongan gaji tanpa kebenaran. Dan juga, tidak melaporkan penggajian pekerja asing sebagaimana kehendak peruntukan Seksyen 60(k) Akta Kerja 1955.

Jadi, siasatan tersebut merangkumi segala aspek. Bukan sahaja melihat kepada aspek perundangan jenayah terhadap pekerja-pekerja asing tetapi kita juga tidak akan melepaskan mana-mana majikan, di mana kita tidak akan berkompromi sekiranya mana-mana majikan tidak menjaga kebajikan dan juga keselesaan dan juga kesihatan mana-mana pekerja. Dan hasil daripada lawatan tersebut juga, kita Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sendiri bersama dengan Duta Besar Nepal telah pun memastikan bahawa di peringkat syarikat tersebut, satu *Consultative Council* ditubuhkan. Kita mewajibkan mereka ditubuhkan. Dan hasil daripada siasatan, pihak syarikat tersebut telah pun menubuhkan satu jawatankuasa yang dipanggil *Welfare Committee* di mana ia dianggotai oleh pihak majikan dan pekerja dan bagi pekerja asing, mereka mempunyai 2 orang wakil dari setiap negara sumber yang akan menduduki dalam *Welfare Committee* tersebut. Di mana apa jua permasalahan dalaman menerusi *Welfare Committee* tersebut, isu-isu ini boleh dibawa terus kepada pihak majikan.

Berkenaan dengan cadangan bahawa satu jawatankuasa khas ditubuhkan, mungkin kita akan mengkaji. Tetapi di peringkat Jabatan Tenaga Kerja, kita rasa sudah cukup, mempunyai banyak lagi Akta-Akta dan juga Undang-Undang yang berkaitan dengan tenaga buruh, di mana kita mempunyai undang-undang yang menjaga bukan sahaja kebajikan pekerja-pekerja, tetapi juga kita akan pastikan bahawa lawatan secara rutin akan terus dilaksanakan ke atas kilang-kilang dan juga syarikat-syarikat untuk memastikan bahawa majikan mereka bukan sahaja menguntungkan, menjaga keuntungan tetapi juga mereka mestilah mengambil kira tentang kebajikan, kesihatan, perlindungan pekerja yang bekerja dengan mereka. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Jemput, Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Kejadian ini sebenarnya dilaku bukan sahaja majikan mengeksploitasikan pekerja asing ini kerana kita semua tahu kalau kerajaan kita izinkan eksploitasi pekerja tanpa kira warganegara mereka tempatan atau asing, berlaku satu hari lagi. Kebajikan atau kepentingan pekerja asing tidak akan ditambah baik. Oleh itu, saya nak tanya bagaimana kita mengurangkan eksploitasi pekerja asing di tanah air kita?

Kedua, bolehkah kita merancangkan satu garis panduan untuk semua majikan merancangkan tempat penginapan untuk pekerja asing. Kerana sampai hari ini walaupun dalam sidang yang lepas tu, sudah ada Wakil Rakyat membangkitkan

soalan tentang tempat penginapan pekerja asing tapi sampai hari ini, kita masih boleh nampak lagi di pekan-pekan lebih kecil ataupun bandar peringkat kedua, masih ada majikan mengguna kedai-kedai tingkat kedua atau tingkat ketiga untuk tempat penginapan untuk beratus-ratus pekerja asing. Oleh itu, saya harap kalau boleh kerajaan merancangkan satu garis panduan untuk semua majikan khasnya di negeri Johor, di Wilayah Iskandar yang berkembang pesat...

YB Tan Sri Speaker : OK.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : ....untuk merancangkan satu kemudahan penginapan yang lebih sesuai untuk semua pekerja asing. Kalau kebajikan pekerja asing ini dapat dijagakan oleh majikan, dijagakan oleh kerajaan, saya percaya bahawa kebajikan pekerja tempatan akan ditambah baik juga. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, Senai. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selaras dengan apa yang Di maklumkan oleh Yang Berhormat Senai, sebenarnya memang terdapat garis panduan-garis panduan khususnya dalam *blue print* keselamatan Iskandar Malaysia bahawa kita menggalakkan ditubuhkan penempatan pekerja asing iaitu *foreign workers and clef* dengan izin, malah terdapat beberapa *foreign workers and clef* yang ada di kawasan Iskandar Malaysia dan banyak syarikat juga telah tempatkan pekerja-pekerja mereka di kawasan tersebut. Dan, mungkin perkara ini akan diperluaskan lagi. Kita sedang mengkaji bahawa ini bukan sahaja melibatkan Kementerian Sumber Manusia malah juga melibatkan jawatankuasa-jawatankuasa dan kementerian-kementerian yang lain termasuk juga Kementerian Dalam Negeri dan juga Kerajaan Tempatan dan sebagainya dan mungkin apabila hasil perbincangan itu telah dilaksanakan, kita boleh mengkaji sama ada sesuai *variable* atau pun tidak, dengan izin, supaya satu undang-undang atau pun satu perintah baru dikeluarkan supaya lebih banyak *foreign workers and clef* ditubuhkan di negeri Johor ini. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Yong Peng, jemput.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Tan Sri speaker, soalan nombor 6 dan 7.

Senaraikan kes kemalangan yang dilaporkan berlaku di pekan Yong Peng khasnya di persimpangan Jalan Damai dan Jalan Aman, Taman Jelita Yong Peng pada tahun 2013 dan 2014 dan bagaimana kerajaan mengatasi kemalangan yang kerap berlaku?

Berapakah kes kemalangan dan kemalangan maut yang dilaporkan sepanjang Jalan Batu Pahat dan Jalan Kluang pada tahun 2013 dan 2014 dan senaraikan mengikut jenis kenderaan yang terlibat dan penyebab kemalangan dan bagaimana kerajaan mengatasi kemalangan yang kerap berlaku?

YB Tan Sri Speaker : Jemput, 6 dan 7.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Yong Peng atas soalan.

Izinkan saya menjawab sekali soalan kedua-duanya berkaitan iaitu kes kemalangan. Untuk makluman Yang Berhormat, kes kemalangan yang dilaporkan di sepanjang Jalan Batu Pahat dan Jalan Kluang pada tahun 2013 adalah sebanyak 1,376 dan kemalangan maut sebanyak 33. Merujuk kepada kes kemalangan yang dilaporkan berlaku di pekan Yong Peng khasnya di persimpangan Jalan Damai dan Jalan Aman, Taman Jelita, Yong Peng. Pada tahun 2013, ada, adalah 3 kes dan pada tahun 2014 adalah 1 kes.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jenis-jenis kenderaan pula yang terlibat adalah seperti berikut, pada tahun 2013, sebanyak 67 kenderaan yang terlibat yang mana 1 kes melibatkan treler 11 melibatkan lori, 25 merupakan kereta persendirian, 1 teksi, 2 van, 1 MPV, 1 kereta pacuan empat roda, 20 motosikal, 2 basikal dan 3 pejalan kaki. Sementara pada tahun 2014, sebanyak 41 kenderaan terlibat dalam kemalangan di kawasan yang disebutkan di mana 1 treler, 6 lori, 13 kenderaan persendirian, 1 van, 1 MPV, 15 motosikal dan 3 pejalan kaki. Penyebab kemalangan berlaku adalah kerana memotong, terbabas sendiri, hilang kawalan semasa memandu, langgar belakang, keluar masuk simpang, pejalan kaki melintas jalan, memandu melawan arus jalan dan menukar lorong. Puncanya adalah kecuaian dan sikap manusia.

Pihak kerajaan sentiasa mengambil berat berhubung masalah kemalangan yang kerap berlaku di jalan-jalan negeri dan persekutuan terutamanya di kawasan *black spot* dan di selekoh-selekoh berbahaya. Pada masa kini pihak Jabatan Kerja Raya Johor sedang melaksanakan program-program jangka pendek dengan menjalankan kerja-kerja melebar selekoh-selekoh merbahaya di sepanjang Jalan Paloh daerah , Batu Pahat serta menurap semula jalan tersebut untuk memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dengan anggaran kos sebanyak RM50 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan telah memohon peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia sebanyak RM50 juta bagi membina pembahagi jalan dan juga pusingan U dari Parit Raja hingga ke Ayer Hitam di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Di samping itu, kerajaan juga telah memohon peruntukan sebanyak RM30 juta untuk menjajar semula jalan-jalan yang bengkang-bengkok di antara Tanjung Labuh ke Bukit Kelicap di daerah Batu Pahat.

Program jangka masa pendek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Johor untuk mengatasi masalah-masalah kemalangan ini, adalah dengan menambah papan-papan tanda amaran, mengecat garis *speed braker* dengan izin, melebarkan jalan selekoh di jalan-jalan yang merbahaya. Untuk jangka masa panjang dan memerlu, Untuk jangka masa panjang, ia memerlukan peruntukan yang besar. Kerajaan akan menaik taraf jalan yang sempit, meluruskan jalan, membina pembahagi jalan, membina jejantas dan sebagainya. Maka itu langkah yang diambil kerajaan juga dengan merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014 hingga 2020. Dengan berpandukan sedekat global yang menekankan program-program keselamatan jalan raya yang berorientasikan hasil.

Oleh itu, Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 hingga 2020 menekankan hasil dan langkah-langkah intervensi. Di antaranya dengan penambahbaikan dan pengekalan pendidikan serta langkah-langkah psikologi dalam menangani isu keselamatan jalan raya dan mengurangkan kecuaian manusia dengan

menggabungkan dan mengguna pakai kepakaran teknologi seperti kamera perangkap had laju. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih jawapan yang dibagi oleh YB EXCO. Maksud saya kadar kematian yang tinggi di sekitar di jalan Batu Pahat ke Jalan Kluang kepada 2013 yang melibatkan motosikal. Bagi Yong Peng, setiap kemalangan yang berlaku akan menambahkan kos perubatan yang ditanggung oleh keluarga, setiap ahli keluarga dan juga kerajaan, dan juga kos kebajikan juga meningkat untuk menanggung keluarga mangsa kemalangan. Maksud saya projek pembahagi jalan yang diperlukan, sebenarnya projek ini dah tertunda. Sebenarnya ini sudah menyebabkan berapa keluarga yang hilang, yang hilang, maksud berapa kanak-kanak yang sudah hilang ibu bapa mereka di masa tertunda ini sampai orang awam, orang ramai boleh cakap jalan ini boleh digelar satu jalan keranda bergerak. Betul.

YB Tan Sri Speaker : Keranda bergerak.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Keranda...

YB Tan Sri Speaker : Keranda bergerak.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Keranda yang bergerak. Jadi macam mana sebenarnya. Ini sangat serius, ini sangat serius dan ini sebenarnya perlu perhatian dari pihak kerajaan. Dan memandangkan, memandangkan kes yang melibatkan motosikal, *motorcycle* terlalu tinggi, adakah pihak kerajaan berhasrat membina lorong motosikal, membina lorong motosikal untuk mengurangkan kes kemalangan yang terlibatkan *motorcycle* dan sebenarnya *black spot* yang saya ketahui, di persimpangan Taman UPC dan juga Kampung Melayu, Kampung Manong di Kluang, sebenarnya boleh merupakan satu *black spot*. Ini sebenarnya adalah pencahayaan yang tidak mencukupi di kawasan tersebut. Jadi saya minta perhatian pihak kerajaan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok, terima kasih, Yong Peng. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keranda memang kena bergerak Tan Sri Speaker. Kalau keranda tak bergerak, tak sampai tempat pengebumian itu. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebanyak RM212,300,000.00 dipohon dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Kesemuanya adalah bertujuan untuk, sama ada untuk mengatasi masalah *black spot* yang kita tahu jumlahnya walau pun jumlahnya berbeza dari tahun ke tahun tapi pada tahun 2014, 36 kawasan *black spot* yang telah dikenal pasti, kemudian selekoh-selekoh yang merbahaya sentiasa sahaja ditambah baik dari segi ciri-ciri keselamatan dan khususnya di kawasan daerah Yang berhormatlah, bukan kawasan Yong Peng sahaja tetapi di daerah Batu Pahat sahaja. RM50 juta seperti mana yang saya katakana tadi ialah untuk menaik taraf jalan persekutuan daripada Batu Pahat ke Ayer Hitam, sementara sebanyak RM120 juta untuk menaik taraf atau membina medium pusingan kerja-kerja dan yang berkaitan sepanjang jalan Batu Pahat – Ayer Hitam, Kluang. Jadi peruntukan yang dipohon ini adalah menggambarkan kesungguhan kerajaan supaya keadaan jalan kita sentiasa saja

berada dalam keadaan yang baik. Di samping itu juga pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan penyelenggaraan jalan-jalan negeri dan jalan-jalan Pihak Berkuasa Tempatan berada, sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebagai memahami ini adalah masalah global kerana 17 hari bulan atau semalam, *The World Day Remembrance For Road Traffic Week* Peringkat Negeri Johor telah pun diadakan. Tetapi malangnya dalam majlis tersebut, kehadirannya tidaklah begitu memberangsangkan seolah-olah tidak begitu berminat. Mereka-mereka yang bertanggungjawab terhadap usaha-usaha untuk mengekangkan soal kemalangan yang berlaku di jalan raya yang utamanya yang di sumbang oleh kecualan dan juga sikap pengguna jalan raya itu sendiri. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih kepada Tan Sri Speaker. Soalan saya sebagai tambahan, di mana kalau kita perhatikan bahawa kemalangan itu begitu menyayat hati dengan bilangan yang begitu ramai. Dalam tempoh setahun 33 orang, sedangkan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan begitu besar di mana seolah-olahnya perbelanjaan melebarkan ini semakin bertambah kemalangan. Dulu jalan itu kecil kita besarkan, bila besar semakin ramai yang meninggal, semakin ramai yang cacat, cacat kerana kemalangan berkenaan.

YB Tan Sri Speaker : Maknanya makin besar makin lajulah dia orang.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Itulah, jadi apa yang saya nak cadangkan atau pun nak minta persoalan di sini...

YB Tan Sri Speaker : Kecilkan baliklah (Dewan ketawa), sila, sila teruskan.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Kelakar. Ok, jadi kita sebenarnya seolah-olahnya tidak ada satu agensi kerajaan yang bersungguh untuk menjaga keselamatan khususnya kepada belia-belia, anak-anak muda. Yang saya memang sering lalu jalan itu, berulang alik setiap malam, kalau turun kawasan sayalah dan terutama kalau malam minggu, ratusan motosikal. Kadang-kadang saya bawa kereta pun saya rasa takut nak potong, rasa takut nak ikut. Kalau ikut, kalau dia terjatuh saya langgar, kalau saya potong dia kata nanti YB ni *action*, nanti dia kejar ramai-ramai, saya pun takut. Jadi saya minta kepada agensi yang berkaitan dengan kemudahan media ini, pendidikan awal kepada sekolah, di peringkat sekolah, di peringkat media supaya dapat memberikan contoh-contoh gambar dan sebagainya kemalangan-kemalangan ngeri ini supaya anak-anak kita di peringkat sekolah daripada awal dah tengok. Sebagaimana di barat benda-benda itu ditunjukkan, dijelaskan. Jadi dengan sendirinya rasa sayang kita kepada diri masing-masing. Mereka akan rasa bahawa sayang kalau cacat, macam-macam. Jadi saya minta boleh tidak kerjasama ini dilakukan dengan media, pihak-pihak media, tv, cetak atau pun elektronik. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok, terima kasih, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Parit Yaani. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pendekatan-pendekatan yang diambil mencakupi semua lapisan masyarakat. Sebagai contoh Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor menyediakan penceramah-penceramah bagi memberi penerangan berkaitan undang-undang jalan raya dan juga berceramah kepada pelajar-pelajar Kejuruteraan Automotif yang berkaitan dengan spesifikasi kenderaan, kesempurnaan kenderaan. Jabatan juga menyediakan pameran-pameran yang berunsurkan undang-undang dan keselamatan jalan raya.

Program seperti Satu Komuniti Satu JPJ ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita melesenkan warga usia emas. Bila nak dapat lesen itu macam-macam penerangan yang kita buat, berbagai penjelasan yang dibuat. Sementara Orang Asli 21 tahun ke bawah aje, kita lesenkan mereka.

Sepanjang pengenalan program Satu Komuniti Satu JPJ ini, aktiviti utama dalam program ini ialah untuk melesenkan warga usia emas tadi itu, warga dan juga Orang Asli berusia 21 tahun ini, dah 9,045 orang peserta dalam negeri Johor yang telah dilesenkan. Ini bererti bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan telah menunjukkan hasil kerjasama daripada semua pihak. Tapi, walau bagaimanapun atas sebab kecuaian, atas sebab sikap pemandu itu sendiri, maka kemalangan ini tak dapat kita nak pastikan kawalannya. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Pemanis, jemput.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 8.

Memandangkan bilangan penduduk warga emas yang akan terus meningkat di Negeri Johor, apakah usaha dan perancangan kerajaan untuk memastikan golongan ini siap sedia menyambut dan dilindungi kehidupan selepas bersara dari segi keperluan kewangan, kesihatan dan kualiti hidup?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Jementah, jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 9.

Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk merancang program Skim Takaful Warga Emas (yang berumur 60 tahun ke atas dan berdaftar) di mana RM2,500.00 akan diberikan kepada waris warga emas yang meninggal dunia dengan premiumnya ditanggung oleh kerajaan negeri?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Terima kasih Tan Sri Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat ADUN Pemanis dan juga ADUN Jementah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk memastikan warga emas mendapat kemudahan dan prasarana dalam masyarakat, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa program yang menjurus ke arah negara tua yakni bilangan penduduk warga emas telah melebihi 15% penduduk negara. Antara program yang dilaksanakan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya di negeri Johor adalah seperti berikut :

1. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) berperanan sebagai sebuah pusat untuk memberikan peluang kepada warga emas melakukan pelbagai aktiviti dan program yang bersesuaian dalam komuniti setempat. Pusat aktiviti ini telah dilaksanakan di 4 buah daerah dalam negeri Johor iaitu 1, di daerah Kluang; 2, di daerah Muar; 1, di daerah Johor Bahru dan 1, di daerah Batu Pahat.

2. Pelaksanaan Program Home Help Service iaitu Khidmat Bantu di Rumah, juga diperluaskan kepada warga emas dan golongan orang kelainan upaya. Khidmat yang disediakan ialah seperti membantu warga emas untuk mengemas rumah, mencuci baju, membeli keperluan harian, menjadi rakan buat dan sebagainya. Program ini dipelopori oleh sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan telah dilaksanakan di setiap Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di seluruh negeri Johor.

3. Penglibatan warga emas yang masih produktif dengan melantik mereka sebagai penasihat atau perunding dalam pelbagai badan penasihat di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak, ahli dalam Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah dan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak bagi semua daerah.

4. Pengiktirafan kepada warga emas juga disediakan setiap tahun kepada warga emas yang aktif dan masih memberikan sumbangan dalam masyarakat. Khasnya pengiktirafan di peringkat negeri melalui sambutan Hari Warga Emas peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negeri.

5. Peningkatan bantuan kebajikan dalam Bantuan Orang Tua iaitu BOT telah dilaksanakan sejak 3 tahun lalu. Demi meningkatkan kesejahteraan warga emas bagi mengurangkan beban dalam hidup mereka.

6. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menambah baik infrastruktur dan kemudahan di Rumah Sri Kenangan Johor Bahru bagi menyediakan perlindungan kepada warga emas yang memerlukan. Kemudahan RSK ini disediakan kepada warga emas yang tinggal berseorangan agar mereka dapat hidup seperti dalam sebuah keluarga dalam masyarakat.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengenai dengan soalan daripada ADUN Jementah, Jabatan Kebajikan Masyarakat setakat ini tidak merancang sebarang Skim Takaful kepada warga emas yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu penerima bantuan. Kerana skim bantuan sedia ada iaitu Bantuan Orang Tua lebih praktikal dan merupakan bantuan sara hidup sebanyak RM300.00 sebulan yang diberikan secara bulanan terus kepada warga emas yang masih hidup, khususnya kepada mereka yang layak dan mengikut syarat serta prosedur pengagihan bantuan.

Dalam masa yang sama, kerajaan turut memberikan bantuan BR1M kepada golongan yang berkelayakan termasuk golongan warga emas. Bagi warga emas yang menjadi ketua keluarga dan mempunyai tanggungan adalah layak mendapat perlindungan i-BR1M bagi tempoh perlindungan 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014. Manfaat akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau kemalangan dalam tempoh perlindungan tersebut.

YB Tan Sri Speaker : Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya adalah berkenaan dengan puting beliung yang berlaku di Segamat pada awal bulan Ogos yang lalu. Dan, saya sebagai Wakil Rakyat sana mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah mengambil tindakan segera untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat sama ada dari segi kewangan ataupun pelbagai bantuan yang lain. Walau bagaimanapun saya, Jementah juga menerima aduan daripada penduduk yang mengadu kepada saya bahawa bantuan kewangan yang diberikan kepada mereka, tidak apa ni, tidak memadai dengan apa yang kerosakan yang mereka alami seperti kerosakan bumbung rumah, perabot-perabot dan alat-alat elektrik. Dan, saya telah menulis surat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Segamat berkenaan perkara ini sebab ada aduan. Tapi, sehingga kini saya Di maklumkan bahawa belum ada sebarang tindakan susulan yang diambil oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Segamat.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Oleh kerana itu, saya memohon satu jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan ini lari daripada soalan yang dikemukakan. Sebab ini berkaitan warga emas ya.

YB Tan Sri Speaker : Nak jawab boleh, tak jawab pun boleh.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Sebenarnya tentang bantuan tersebut, kita telah, saya jawab sedikitlah ya. Segala yang berlaku sama ada ribut ataupun bencana yang lainnya, kita di pihak jabatan akan menjalankan siasatan. Dan bantuan diberikan mengikut siasatan yang telah kita buat. Itu jawapan daripada saya.

YB Tan Sri Speaker : Ok, jemput Pemanis.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih, soalan tambahan. Soalan asal saya adalah berkenaan usaha dan perancangan kerajaan untuk memastikan golongan warga emas siap sedia menyambut dan dilindungi kehidupan selepas bersara dari segi keperluan kewangan, kesihatan dan kualiti hidup. Jadi, terima kasih jawapan EXCO kerana program-program berbentuk

sentuhan itu memang baik. Tapi yang kita perlu ambil untuk menghayati secara lebih dalam lagi dalam perancangan pembangunan negeri Johor dari segi demografi dan unjuran keperluan kewangan dan keperluan kemudahan untuk warga emas dalam masa-masa akan datang. Jadi, soalan ialah adakah kaji selidik demografi atau unjuran telah dibuat pada peringkat kebangsaan ataupun pada peringkat negeri? Dan, apakah yang bakal dilakukan dalam Rancangan Malaysia akan datang? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih ADUN Pemanis. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Dewan yang mulia ini, kajian kita telah buat setiap tahun untuk golongan-golongan warga emas khususnya yang telah melebihi umur 60 tahun dan khasnya kepada mereka-mereka yang memerlukan bantuan daripada Jabatan ataupun agensi-agensi yang lain. Ianya akan dibuat pada semasa ke semasa. Dan sedikit je ingin saya terangkan bahawa, yang kita sekarang di pihak kerajaan sama ada peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri, yang kita buat adalah pada masa ini iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas, itu yang kita menjurus kepada memberikan kemudahan, memberikan keselesaan dan juga supaya warga-warga emas tersebut dapat berkumpul dan mereka dapat menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di situ. Sebab, satu Pusat Aktiviti Warga Emas yang telah pun berjaya di negeri Johor ini yang boleh Ahli-Ahli Yang Berhormat melawat adalah di Pusat Aktiviti Warga Emas di Parit Keroma, Muar yang banyak menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dan setakat ini seramai 393 warga emas berbilang kaum menyertai dan berdaftar di Pusat Aktiviti Warga Emas tersebut. Dan di peringkat negeri Johor sebenarnya kita mempunyai 660 orang warga emas yang telah mendaftar di 5 buah Pusat Aktiviti Warga Emas.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan pada kali ini. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2015) TAHUN 2014.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2) maka perbahasan atas Rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am yang berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini. Sambungan perbahasan atas Rundingan bagi Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan 2015 tahun 2014 disambung semula. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bentayan.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Salam sejahtera Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bentayan amatlah bersyukur dan ingin menzahirkan ucapan terima kasih kerana diberikan peluang untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2015 di Dewan yang mulia ini. Bentayan ingin memulakan perbahasan pada hari ini dengan menekankan salah satu daripada peranan *fundamental* sesebuah kerajaan adalah untuk mengagihkan pendapatan.

Peranan ini timbul daripada keperluan untuk menangani kecekapan pasaran dan juga untuk mempelopori pembangunan ekonomi yang mempunyai kepentingan strategik. Kembali kepada fokus terhadap belanjawan negeri Johor 2015, setiap tahun kerajaan akan meletakkan sasaran dan polisi dalam bentuk angka di dalam bajet dan juga kerangka polisi fiskal di dalam ucapan pembentangan belanjawan. Apa yang sering menjadi cabaran adalah untuk berpegang kepada prinsip pentadbiran yang baik ataupun hanya sekadar mengangkat polisi atau agenda yang popular. Kita juga nampaknya sedikit kabur dalam menterjemahkan bajet defisit dan bajet lebihan. Apabila kita melihat belanjawan 2015 ini sekali imbas, ia cuba untuk membuatkan kita mempercayai bahawa ianya adalah merupakan satu bajet lebihan. Tetapi, jika kita lihat dengan teliti anggaran perbelanjaan pembangunan tidak ditolak daripada hasil yang diperolehi. Nampaknya kita hanya membelanjakan hampir 100% daripada hasil yang diperolehi untuk urusan pentadbiran sahaja.

Jadi, bagaimanakah dapat kita tafsirkan belanjawan 2015 ini? Selain daripada itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jika kita bandingkan jumlah anggaran perbelanjaan pembangunan ini dengan tahun-tahun yang lepas kita akan dapat melihat nilai peruntukan pembangunan ini semakin menyusut tahun demi tahun. Pada tahun 2013, kita telah peruntukkan sebanyak RM904 juta untuk peruntukan pengurusan dan hanya RM297 juta ataupun 24.74% untuk peruntukan pembangunan. Manakala untuk tahun 2015, kita peruntukkan RM1.235 bilion untuk peruntukkan pengurusan dan RM366 juta untuk peruntukkan pembangunan. Walaupun jika dilihat dengan mata kasar terhadap peningkatan angka, namun hakikatnya berlaku penurunan peratusan iaitu hanya sekadar 22.86% sahaja peruntukkan pembangunan yang diperuntukkan dalam keseluruhan belanjawan 2015 ini.

Ramai yang menyangka bahawa mentadbir sebuah negeri ini adalah seperti mentadbir sebuah perniagaan. Hakikatnya, falsafah pentadbiran sebuah kerajaan tidaklah mirip falsafah pentadbiran sebuah konglomerat. Perbezaannya adalah dari segi mengumpulkan keuntungan. Kerajaan mendapat lebihan daripada perbelanjaan adalah dengan cara memungut daripada rakyat. Lebih besar keuntungan yang diperolehi sebenarnya turut bermaksud lebih berat beban yang sedang ditanggung oleh rakyat. Falsafah pemerintahan kerajaan tidaklah tertakluk hanya kepada mengumpul keuntungan semata-mata tetapi juga turut mengangkat agenda kesejahteraan sosial rakyat. Kerajaan seharusnya memberikan lebih banyak bantuan dan insentif untuk kesejahteraan rakyat dan bukannya mengaut keuntungan dan memilih untuk mengadakan satu belanjawan yang lebih seimbang.

Bentayan bersetuju dengan pemberian RM1,000.00 kepada 1,800 nelayan yang terjejas di selatan Johor kerana projek pembangunan. Tetapi, seperti juga BR1M, ia bukanlah cara penyelesaian jangka panjang terhadap isu pendapatan nelayan yang terjejas. Pepatah Cina ada menyatakan bahawa kita tidak boleh selalu memberi ikan tetapi kita juga perlu memberikan mata kail dan umpan untuk mereka berdikari. Kerajaan negeri boleh mencontohi Sabah yang menunjukkan usaha melatih nelayan mereka dengan skil menghasilkan kraf tangan tradisional untuk dipasarkan di pasar kraf tangan minggu. Para nelayan ini perlu diberikan latihan untuk mencipta satu peluang baru untuk mereka meraih pendapatan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini. Jika RM1,000.00 ini juga dijadikan sebagai bayaran pampasan sagu hati kepada nelayan, ia juga tidak mencukupi berbanding dengan keuntungan ratusan juta yang bakal diperolehi oleh pemaju.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bentayan ingin menarik perhatian semua Ahli Dewan yang mulia ini akan konsep idealisme dan realisma terhadap lembaran belanjawan negeri 2015. Malaysia merupakan antara 6 buah negara yang digelar *Coral Triangle* dengan izin, di mana 30% terumbu karang dunia terletak di negara kita dan mempunyai 75% daripada spesies karang yang diketahui. Perairan kita juga mempunyai 3,000 spesies ikan dan merupakan 2 kali ganda daripada lokasi-lokasi lain. Sifat *biodiversified* dengan izin, inilah merupakan khazanah laut yang sangat berharga untuk negara kita khasnya dan dunia amnya.

Bentayan berseluju bahawa *eco-tourism* dengan izin, penting dalam menjaga ekonomi namun di dalam masa yang sama aspek penjagaan dan pemuliharaan hidupan marin juga perlu diambil kira agar tidak menjejaskan industri perikanan kita. Perikanan juga merupakan sumber yang sangat penting di Malaysia di mana setiap rakyat mengambil ikan sebanyak 52 kilogram setahun sebagai makanan mereka. Iaitu dalam kedudukan 10 teratas paling ramai memakan ikan di dunia.

Idea kerajaan untuk mewujudkan pemuliharaan marin di Mersing dan mengenakan kutipan yuran aktiviti penyelaman adalah baik. Akan tetapi pelaksanaan polisi ini gagal. Bentayan telah membangkitkan berapakah jumlah kutipan yang telah terhasil semenjak ia dilaksanakan dan EXCO telah memberikan jawapan tiada kutipan yang telah dijana daripada pengenalan polisi yuran aktiviti penyelaman. Mensasarkan kepada penyelam-penyelam sahaja sebenarnya tidak menyelesaikan masalah marin di perairan kita. Menurut laporan kajian oleh World Resources Institute yang disokong oleh Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, WWF dan lain-lain persatuan dunia menyatakan bahawa 4 ancaman utama terhadap terumbu karang dan kehidupan marin adalah aktiviti masyarakat tempatan iaitu kegiatan menangkap ikan yang berlebihan, pencemaran di lembangan atau *water shed pollution* dengan izin, pembangunan di kawasan persisiran pantai termasuklah di pulau-pulau dan juga pencemaran berasaskan kepada lalu lintas bot-bot dan kapal-kapal.

Sebelum kita membangunkan pulau-pulau ini kita perlulah mempunyai pelan pengurusan yang seimbang dalam membuat pembangunan dan juga menjaga alam sekitar. Penduduk di kawasan pulau termasuklah pemilik *resort* dengan izin, perlulah mempunyai sistem *sanitary* yang baik terutamanya tangki *septic* agar sisa-sisa kumbahan tidak terus menghala ke laut. Kerajaan juga boleh membuat pelbagai undang-undang, namun realitinya, ia haruslah memikirkan dan tanpa menafikan hak semua pihak yang berkepentingan termasuklah nelayan, pelabur, penyelam dan juga generasi masa depan. Setiap pembangunan yang ingin di rancangkan di kawasan pulau-pulau ini haruslah tidak meminggirkan salah satu pihak ini. Jika pemuliharaan kehidupan marin ini dilakukan dengan seimbang di antara ekopelancongan, pengurusan penangkapan ikan dan sebagainya, ia bukan sahaja akan memanfaatkan industri pelancongan tetapi juga akan membolehkan kita mempunyai hasil makanan laut sebanyak 5 hingga 15 tan bagi setiap kilometer persegi dalam setahun untuk selama-lamanya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya dalam isu perumahan juga turut mengalami pertembungan antara idealisme dan realisma. MEIA telah menyatakan pada tahun 2011, transaksi perumahan adalah 430,403 unit rumah dengan nilai sebanyak RM137.83 billion. Namun, pada tahun 2012 transaksi ini menurun kepada

427,520 unit dan nilainya RM142.80 bilion. Lebih *significant* apabila kita melihat kepada tahun 2013, jumlah transaksi rumah menurun kepada 381,130 unit tetapi nilai telah meningkat kepada RM152.37 bilion. Ini menunjukkan idea kerajaan untuk mengawal harga rumah daripada naik telah gagal sama sekali. Kita perlu melihat semula polisi yang telah kita gariskan selama ini dan mula berfikir di luar kotak.

Bentayan juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan kes di Jalan Dato' Haji Hassan, Mukim Bandar Maharani, Muar di mana satu lot tanah yang telah dirancangkan oleh satu pemaju untuk perumahan kos rendah tetapi tidak membinanya. Kemudian, pemaju telah memecah bahagi lot tanah ini dan menjual kepada pembeli individu. Namun, apabila pembeli ini ingin membina rumah di lot ini, permohonannya telah ditolak oleh pihak MPM kerana tanah tersebut tidak mempunyai perancangan rumah kos rendah. Persoalannya, ia bukanlah kesalahan pembeli tersebut, sebaliknya kesalahan pemaju yang tidak mematuhi tanggungjawab sosialnya dan juga pihak yang memberikan kelulusan untuk memecah bahagi lot tanah tersebut. Mengapakah pembeli individu tersebut pula yang terpaksa menanggung beban kesalahan pemaju dan Pihak Berkuasa Tempatan?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya isu GST. Bentayan ingin menarik perhatian Dewan berhubung dengan barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan terutamanya berkaitan dengan kemudahan kesihatan seperti pusat hemodialisis swasta. Bentayan telah pun menjalankan kajian terhadap pusat hemodialisis yang dimiliki oleh Lions di kawasan Bentayan dan mendapati bahawa dengan pengenalan GST nanti akan meningkatkan kos pusat terbabit sebanyak RM9,000.00 sebulan.

Bagi pusat perkhidmatan kesihatan yang diuruskan oleh pertubuhan bukan kerajaan seperti Lions ini, yang membantu mengurangkan tanggungan beban perkhidmatan kesihatan oleh kerajaan, mereka terpaksa memilih antara menyerap kesan kos GST dan mengekalkan kadar subsidi rawatan yang berjumlah RM50.00 walaupun kos sebenarnya adalah RM120.00. Ataupun cakap-cakap kedengaran antara pemain industri perkhidmatan kesihatan swasta ini adalah menaikkan kadar cas rawatan sebanyak RM20.00. Walaupun kos adalah berlainan di setiap pusat perkhidmatan kesihatan ini, tetapi Bentayan ingin menyimpulkan situasi ini seperti keadaan kenaikan RM0.10 harga gula pasir yang akan menyebabkan kenaikan RM0.10 juga pada harga secawan kopi walaupun hanya menggunakan RM0.10 gula pasir sahaja. Dalam kes ini, idea untuk mengecualikan cukai sebenarnya telah menyebabkan kenaikan harga secara realitinya.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di isu zon hiburan. Rancangan pembangunan tempatan Majlis Perbandaran Muar adalah satu rancangan yang baik untuk menyatukan premis-premis hiburan di satu-satu kawasan dan untuk memudahkan pemantauan penguatkuasaan undang-undang kawalan trafik, pencemaran bunyi dan lain-lain perkara yang boleh menimbulkan kacau ganggu kepada masyarakat sekeliling. Namun begitu, apa yang dicadangkan oleh Majlis Perbandaran Muar adalah melibatkan satu jajaran kawasan yang besar. Cadangan ini sebenarnya tidak menyelesaikan masalah-masalah yang digariskan dalam kertas rancangan pengubahsuaian tersebut. Tetapi, sebaliknya daripada mahu menunjukkan zon yang bersepadu, MPM telah memperbesarkan kawasan hiburan ini

di sepanjang Jalan Pintasan Muar dan sebahagian Jalan Bakri yang melebihi 10 kilometer, kantas menyebabkan ia lebih berselerak.

Cadangan yang dikemukakan dalam kertas ini bukanlah satu rancangan penetapan zon mengikut erti kata seperti sebaliknya ia adalah satu rancangan yang bertentangan dengan hasrat sebenar. Idea MPM adalah untuk mewujudkan zon hiburan adalah baik namun pelaksanaannya tidak menepati sasaran. Jika lesen hiburan keluarga dan lesen premis hiburan telah dibekukan dan pengusaha cuma mempunyai lesen perniagaan sahaja, maka apakah rasionalnya zon hiburan diwujudkan? Jadi, Bentayan telah memberikan 4 aspek idealisme dalam membuat polisi, namun ia tidak membawa hasrat yang sama di dalam realisme. Kerajaan perlu membuat penilaian semula polisi-polisi yang telah dan sedang di implementasikan.
Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Bentayan juga ingin membangkitkan beberapa isu di sekitar kawasan Muar. Di Muar banyak terdapat bangunan-bangunan kedai lama yang telah dibangunkan semula dengan bangunan baru, dengan rekaan yang baru. Bagaimanakah usaha kerajaan untuk memastikan pemilik premis lama ini tidak mengubahsuai struktur bangunan ini? Apakah bantuan dan insentif yang diberikan kepada pemilik premis ini untuk memastikan penjagaan dan pemuliharaan struktur bangunan warisan ini? Beberapa minggu yang lepas telah diumumkan peruntukan untuk memulihara 22 buah bangunan-bangunan lama di sekitar Jalan Petri. Bentayan mencadangkan juga agar bangunan Sekolah Rendah Chung Hwa 1A dan bangunan Pejabat Pelajaran Muar di Jalan Arab turut diwartakan sebagai bangunan warisan yang akan menerima peruntukkan untuk memulihara bangunan ini. Bentayan juga turut ingin mendapatkan penjelasan apakah kerjasama di antara kerajaan dan swasta untuk menjaga dan memulihara bangunan-bangunan warisan ini?

Selain itu, Yang Berhormat Jorak dalam ucapannya semalam menyatakan bahawa Muar adalah merupakan antara lokasi yang mempunyai nursery yang terbesar di negara ini. Bentayan juga bersetuju dengan Yang Berhormat Jorak dan Bentayan ingin mencadangkan agar kawasan sekitar Tanjung Emas dan Tanjung Ketapang dimajukan sebagai Taman Botani yang menempatkan pelbagai jenis produk botani.

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat Bentayan, cukup.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Ok. Sikit lagi eh. Daripada pokok-pokok besar sehingga bunga-bunga. Ia akan membuka potensi menjadi produk pelancongan Bandar Di Raja selain daripada boleh juga menjadi lokasi untuk pemain industri nurseri untuk mempamerkan produk-produk botani mereka. Akhir sekali, Bentayan menyambut baik usaha Majlis Perbandaran Muar menyediakan perkhidmatan aduan melalui *whatsapp* dengan izin, sebagai satu medium untuk berkomunikasi dengan rakyat Muar dengan lebih pantas. Bentayan amat berharap agar dengan pengenalan sistem aduan ini, pihak MPM juga akan memberikan *respond* balas dan tindakan yang segera terhadap aduan-aduan yang diterima. Walaupun kami merupakan pembangkang, tetapi bukanlah kami akan hanya membangkang setiap apa yang dilakukan. Jika usaha yang memberikan manfaat yang baik kepada rakyat, maka kami boleh kadang kala bersetuju dengan usaha tersebut. Bentayan dengan ini sekali

lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan Belanjawan 2015 ini. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Bentayan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Maharani.

YB Dr. Haji Mohammad bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Waalaikumsalam.

YB Dr. Haji Mohammad bin Taslim (Maharani) : Salam sejahtera. Bismillahirahmaanirrahim. (Selawat). Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Maharani mengucapkan syukur kerana diberi peluang membahaskan ucapan Bajet 2015 Negeri Johor bertemakan "Membangunkan Johor Secara Inklusif" dalam Dewan yang mulia ini. Maharani juga ingin memulakan perbahasan ini dengan mengulang hadis yang dipetik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan bajet beliau pada 13 November yang lalu yang merupakan satu doa. "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu dari kefakiran, kehinaan dan jadi menzalimi atau dizalimi oleh orang lain. Semoga Allah meredhai rancangan yang kita buat ini. Amin".

Dalam sesi kedua daripada 5 tajuk utama Bajet 2015, untuk mengurangkan kemiskinan, statistik menunjukkan bahawa kumpulan isi rumah berdaftar e Kasih Negeri Johor ini, mempunyai 152 orang miskin tegar, 2,779 orang miskin dan 122 orang sahaja yang bukan miskin. Dari jumlah ini saya tidaklah ramai dan sepatutnya kita boleh menjadikan 152 orang miskin tegar ini sekurang-kurang dalam peringkat miskin. Jadi, ini satu usaha yang sepatutnya kita lakukan supaya tidak ada lagi rakyat kita yang miskin tegar. Namun demikian realitinya kalau kita di pejabat kita, jadi kita Wakil Rakyat ini sentiasa didatangi oleh mereka yang mengaku miskin. Jadi, Maharani haraplah pendaftar e Kasih ini disempurnakan dan memastikan bahawa mereka yang bertanggungjawab ini daftarkan rakyat dengan penuh amanah dan pastikan mereka yang layak itu mendapat bantuan yang sepenuhnya. Kalau menurut bekas mantan Menteri Kewangan Malaysia yang dahulu, pendapatan RM3,600.00 itu masih dikira miskin pada masa sekarang. Jadi, kalau pendapatan isi rumah yang dikatakan RM5,900.00 sebulan itu, ini menunjukkan bahawa sebenarnya pengagihan rezeki yang Allah beri itu tidak seimbang, dan kita diharapkan agar ianya tidak berlegar di sekeliling orang-orang tertentu sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam mengukuhkan agenda Johor dalam mereka yang sosial, dalam laporan Ketua Audit Negara menyebut bahawa tanah rizab Melayu di Persekutuan ini menurun, tetapi alhamdulillah di Negeri Johor ini bukan menurun tapi didapati bahawa keluasan tanah rizab Melayu yang telah pun diterangkan semula oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi tadi bahawa daripada 8% keluasan Negeri Johor pada tahun 57, ia telah meningkat pada 22.8% daripada keluasan Negeri Johor sehingga September 2014. Jadi, tahniah pada Kerajaan Negeri Johor, dan ini patut dicontohi oleh negeri lain dalam strategi untuk mengekalkan dan juga menambah tanah rizab Melayu. Ketegasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri dalam isu tanah rizab Melayu ini, sangat-sangatlah dipuji dan sangat-sangat disokong dan mudah-mudahan segala usaha yang murni ini akan diberkati oleh Allah SWT. Namun yang demikian, Maharani mengharapkan dan ingin tahu juga di manakah terletaknya tanah rizab Melayu ini adakah ia di kawasan yang strategik

atau pun telah pun kebanyakan dipindahkan di luar bandar, di pinggir bandar atau jauh di luar bandar, supaya tidak nampak tanah rizab Melayu ini terpinggir daripada arus pembangunan. Dan, apakah nilai-nilai tanah tersebut dan bagaimanakah ia dibangunkan jika ada tanah rizab Melayu yang masih belum dibangunkan.

Merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara 2013 untuk Negeri Johor, Audit mendapati bahawa tanah rizab Melayu di lima daerah iaitu Johor Bahru, Batu Pahat, Muar dan Kluang dan juga Kulai Jaya, mendapati bahawa berdaftar tanah rizab Melayu yang di selenggara oleh Pejabat Tanah dan Galian dengan Pejabat Daerah, tidak di kemas kini. Terdapat perbezaan sebanyak 80 kawasan dengan keluasan 75,936.34 hektar. Jadi, diharapkan ini dapat di kemas kini supaya dapat statistik yang dikeluarkan adalah tepat. Begitu juga dengan permohonan kelulusan kurniaan tanah, sebanyak 767 permohonan seluas 1,734.44 hektar telah diwartakan tetapi tidak didaftarkan dalam daftar tanah rizab Melayu. Jadi, mohon disahkan dan juga tindakan segera diambil.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam memperkasa agenda belia, saya dapati salah satu daripada agenda ini ialah membanteras penyalahgunaan najis dadah, kerana belia-belia kita ini harapan negara. Ramai yang terlibat dengan najis dadah. Jadi, sumbangan RM500,000.00 adalah sangat-sangat dialukan dan mungkin boleh ditambah lagi. Jadi Maharani di sini ingin bertanya jugalah berkaitan dengan dadah ini. Kalau Majlis Fatwa Kebangsaan telah memfatwakan bahawa shisha itu haram, jadi saya nak tanya juga Pengerusi Agamalah eh. Johor ni nak wartakan atau tidak shisha ni? Rokok saya tak nak sebutlah, pasal sensitiflah. (Dewan ketawa).

Dalam strategi utama, saya nampaklah untuk memastikan kecukupan bekalan daging tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama JCorp mempunyai ladang elit di Kota Tinggi, Muar dan Segamat, di mana ia melibatkan 21 orang peserta dengan penghasilan yang diharapkan 18,900 ekor lembu setahun dengan peruntukan diberi sebanyak RM3 juta. Memang patutlah raya baru lepas ni, musim korban yang lepas, kalau dahulu 1 bahagian kita bayar RM300.00. Kali ni yang lepas saya ingat di tempat saya sendiri RM500.00 hingga RM600.00 satu bahagian. Yang kecil RM500.00, besar RM600.00. Sebab lembu sekarang mahal.

Jadi, program ini mesti dah dirancang dengan sebaik-baiknya supaya ia dapat memenuhi sasaran yang kita harapkan. Kalau dilihat daripada laporan Ketua Audit Negara tahun 2013, Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (PTKPM) yang dahulunya dikenali sebagai Projek Padang Ragut di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, sehingga 2013 sebanyak 13 TKPM Taman Kekal Pengeluaran Makanan dibangunkan dengan keluasan 3,272.04 hektar, dengan 1,634 peserta. Tapi banyak masalah yang dihadapi yang diharapkan tidak berulang dalam program yang sekarang ini. Di antara masalahnya ialah pertama tiada pelan perancangan jangka panjang, yang kedua prestasinya tidak dapat diukur, yang ketiga sasaran untuk pendapatan peserta ini RM3,000.00 sebulan juga tidak dapat laporan, kemudian yang keempatnya 22 daripada 122 plot kawasan ternakan TKPM daerah Muar, Segamat dan Ledang tidak diusahakan. Puncanya, walaupun peserta ini telah ditemu duga dan telah membuat kertas kerja tetapi, ada peserta yang terpilih melalui cadangan oleh pihak yang ketiga. Ha, ini yang masalah ni. Mereka kena pastikan peserta yang betul-betul layak, bukan kerana yang di cadang oleh pihak tertentu, supaya tidak menimbulkan musibah. Sebagai contoh di yang jauhlah di Cameron Highlands,

katanya ada pihak ketiga yang menyebabkan pencerobohan itu tidak dapat dikawal dan ini diharap di Johor ini tidak berlaku.

Seterusnya pemilihan kawasan TKPM ini tidak sesuai kerana kawasan berbukit ataupun kawasan banjir, sehingga ada satu tempat tu bukan di bela lembu tapi dijadikan sawah padi. Ha, inilah yang perlu difikirkan. Sebab katanya banyak kawasan ni pun yang diluluskan oleh kerajaan adalah kawasan terpenting dan bermasalah banjir. Jadi, kalau bermasalah tu memang tak layaklah untuk dijadikan tempat penternakan. Jadi Maharani berdoalah projek pengeluaran daging lembu ini akan berjaya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam strategi ketiga untuk membangun masyarakat berilmu dan berkemahiran, Maharani mengalu-alukanlah di atas penglibatan JCorp untuk menaja program *JCorp Scholarship Education Programme*, untuk 100 pelajar dengan nilai RM16 juta. Begitu juga penglibatan JCorp dalam program *JCorp Chartered Accountacy Program* program untuk 100 pelajar dengan nilai RM7.2 juta.

Seterusnya tahniah pada YPJ yang telah diberi tanggungjawab untuk memperkenalkan semula Biasiswa Sultan Ibrahim untuk Peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, untuk melahirkan cendekiawan anak-anak Negeri Johor.

Maharani ingin mencadangkan supaya Kerajaan Johor sendiri memperkenalkan semula Biasiswa Sultan Ibrahim di bawah Kerajaan Negeri untuk Peringkat Ijazah Pertama seperti yang pernah di anjurkan oleh pihak Kerajaan. Sebab saya adalah di antara salah seorang penerima bantuan Biasiswa Sultan Ibrahim dan saya memang sentiasa, saya mengenang jasa Kerajaan Negeri Johor. Walaupun dahulu tahun 70-an nilainya cuma RM2,000.00 setahun, bayangkan. Tapi cukup untuk menyara pengajian saya selama 6 tahun di Universiti. Terima kasih. Begitu juga bantuan Kerajaan Negeri untuk pendaftaran masuk Universiti, saya harap ini bantuan Kerajaan Negeri RM1,000.00 untuk Ijazah dan RM500.00 untuk Diploma itu adalah lain daripada yang telah pun dibantu oleh YPJ dan PIJ. Jadi kita harapkan akan dapat 3, harap dapat 3 badan dapat membantu pelajar-pelajar yang bermasalah yang memerlukan bantuan untuk masuki Institut Pengajian Tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Maharani tertarik dengan pinjaman projek bekalan air bernilai RM334.51 juta yang dikatakan sepatutnya telah dilupuskan, tapi bila ada majlis yang migrasi ini, terlepas pandang pula. Kalau dulu transformasi, rasionalisasi subsidi minyak naik, ini terlepas pandang takut kita hutang kita tidak dilupuskan. Tapi mengikut Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa JKR, mungkinlah kalau tak dilupuskan pun sekurang-kurangnya diberi geran, katanya. Itu dari jawapan bertulis tapi jawapan soalan saya tentang air belum jawab lagi. Jadi, diharapkan supaya dapat diselesaikan supaya hutang Negeri Johor sebenarnya dapat kita kurangkan dan diharapkanlah juga supaya tarif air di Negeri Johor ini yang dah tinggi pun tak akan dinaikkanlah pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam bermasalah tempatan eh, saya ingin membawa 2 masalah tempatan iaitu yang pertama masalah perparitan di sepanjang Parit Perupok Muar daripada sempadan Kampung Kelantan hingga ke laut, ke Jalan Joned sana. Masalah yang pertama Parit Perupok ni ialah pagar di Parit U, dia ada Parit U yang berpagar di sempadan Kampung Kelantan hingga Parit Bot Tengah telah pun tumbang lebih setahun lebih dah, dan tak diperbaiki lagi dan diadukan.

Yang kedua, sebahagian pagar parit di sebelah Mahkamah, di sebelah Parit Perupok ni ada Mahkamah ni eh, Mahkamah yang baru tu, pun ada pagar yang telah tumbang, belum dibetulkan.

Yang ketiganya di parit ini masalahnya parit U juga di kampung ini di antara Jalan Muhammad dan Jalan Abd Rahman, dah rosak teruklah. Walau tak ada ramai penduduk di situ tapi pagarnya dah rosak teruk, berkarat, perlu diperbaiki dan seterusnya masalah di Parit ini, parit di antara Jalan Abd Rahman dan Jalan Joned tidak di selenggara dan ada tanda-tanda hakisan di belakang rumah deret dua tingkat di situ yang memerlukan penyelenggaraan dan sebaik-baiknya parit ini ialah dinaik taraf dengan membina Parit Yu untuk mengelakkan tanah runtuh. Masalah yang kedua yang ingin saya sampaikan ialah tentang pembangunan sekolah Agama daripada 18 buah Sekolah Agama yang telah siap dibina di Johor ini termasuk sebuah di Muar. Tetapi ada 1 Sekolah Agama Parit Raja, Muar masih belum boleh digunakan, harap dapat disegerakan supaya dapat menyelesaikan masalah penempatan anak-anak kita ni di Sekolah Agama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Maharani ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Majlis Perbandaran Muar kerana prooktif dan didapati akhir ini, bukan sahaja premis makanan tetapi tandas awam di dalam MPM pun telah digredkan. Ini satu perkara yang baik terutama di petrol kiosk di tempat-tempat lain telah digredkan supaya masyarakat sedar dan dapat bekerjasama untuk menjaga kebersihan alam sekitar. Dan baru-baru ini juga Majlis Perbandaran Muar telah membina lampu isyarat di Simpang merbahaya di Jalan Junid/Jalan Khaledi seperti yang dijanjikan, terima kasih.

Juga tahniah kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana saya dapati daripada *facebook* bahawa semua Pihak Berkuasa Tempatan dah ada *facebook*, dah ada *twitter* katanya. Dan di Muar juga ada *whats'app*, ini satu perkembangan yang sangat baik. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Besar sendiri telah menerajui dengan mengadakan *facebook*nya yang aktif, jadi inilah satu pendekatan baru terutama untuk golongan belia, untuk mereka menyatakan hasrat, menyampaikan masalah dan menyampaikan maklumat-maklumat permasalahan rakyat untuk segera ditangani dan mudah dibuat tanpa kertas dan diharapkan dengan adanya hubungan mesra dengan rakyat ini, tindakan segera dapat dilakukan. Tahniah jugalah kepada Jabatan Kerajaan yang mempunyai *facebook* yang aktif dan responsif bukan sahaja ada, tetapi responsif. Sebab baru-baru ini saya agak terkejut jugalah, sebab *posting* saya tentang masalah jalan di Parit Unas, Muar kebetulan balik daripada jemputan maulimah, didapati jalan tu mendap dan saya masukkan dalam *facebooklah*. Dan selepas itu saya dapat surat daripada Pejabat Daerah Muar, mengatakan bahasa masalah itu telah pun dirujukkan kepada Infra Desa. Saya harap Infra Desa ambil perhatianlah. Dan terima kasih kepada semua yang telah menjalankan aktiviti. Jadi kalau saya balik tengok jalan ni dah elok, saya bagi 4 bintang, kalau tidak belum ada bintang lagi.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya harapkanlah dengan Bajet 2015 ni rakyat negeri Johor akan dapat merasa nikmat dan rasa dihargai oleh kerajaan yang mereka pilih. Jika kerajaan pun dah, pemimpin baik, *performance* dia baik, itu menunjukkan bahawa kita kena tukar pemimpinlah. Dah lama sangat tu kena ubahlah supaya orang putih kata, *new broom sweeps clean*. Jadi ni betullah. Yang Amat Berhormat

Menteri Besar, tahniah, nampaknya bersih dan kalau tak berapa bersih, PRU 2014 ada. Terima kasih. Saya menyokong.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Maharani, terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini hingga jam 11.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.30 pagi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Berhormat perbahasan disambung semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya mohon rundingan di bawah Peraturan Tetap 32(viii) supaya perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 yang sepatutnya tamat pada pukul 4.00 petang ini dilanjutkan sehingga ia selesai.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akui rundingan tersebut adalah mustahak dan di bawah Peraturan Tetap 32(viii) ia perlu disokong oleh 10 orang ahli yang bangun pada tempat masing-masing. Ok, terima kasih.

Rundingan itu telah disokong oleh 10 orang dan dipersetujukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya teruskan. Jemput, Bukit Permai.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker (selawat). Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor, banyak salam, Segamat, salam Segamat, salam selamat, salam Senggarang, salam gemilang, salam Kulaijaya, majujaya, kayaraya. Insya-Allah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bukan terkulai? (Dewan ketawa).

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada Bukit Permai.

Pertama Bukit Permai ingin menyampaikan suara rakyat daripada DUN Bukit Permai. Kita nak mengucapkan tahniah dan menjunjung kasih Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, dan pasangannya yang baru melangsungkan perkahwinan baru-baru ini.

Kedua Berkenaan dengan Belanjawan Johor 2015, saya ucap terima kasih kawan-kawan Yang Berhormat, tak kira daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang, yang rata-ratanya mengucap tahniah, jadi ramai yang bercakap dan menghalusi

kandungan belanjawan. Jadi, dalam Belanjawan ini Bukit Permai nak merumuskan sedikit sahaja, iaitu *tag line*nya belanjawan ini membangunkan Johor secara insklusif sangat menarik, kandungannya menyeluruh, menyentuh dan ambil kira masalah segenap lapisan rakyat, tidak mengecewakan, Bukit Permai bagi 5 bintang untuk Belanjawan Johor 2015. Tetapi ada juga di kalangan Wakil Rakyat terutama yang disentuh oleh Yang Berhormat Bukit Batu, yang mengatakan bahawa Bajet ini tak insklusif, *distribution of wealth* tidak adil dan satu persoalan yang dibangkitkan oleh Bukit Batu siapa yang dapat manfaat terbesar dari Bajet ini. Tetapi penyampaian ini tidak jelas. Penyampaian daripada Bukit Batu ini tidak jelas. Cuma menimbulkan persoalan tidak adil Bajet ini *distribution of wealth* dengan izin, tidak adil. Siapa yang dapat manfaat terbesar pun tak dihuraikan. Begitu juga dengan rakan kita daripada Puteri Wangsa, semalam. Beliau mengambil contoh Syaidina Omar memberi bantuan kepada orang-orang Yahudi. Kemudian membawa ayat Quran daripada surah Al-Maidah tentang kerajaan perlu berlaku adil kepada semua orang. itu satu peringatan yang baik. Tetapi kalau lanya nak ditujukan kepada Kerajaan Negeri Johor, saya nak menyangkal dakwaan ini. Kalau kata Bajet ini merupakan tidak adil, hanya tumpu kepada golongan tertentu, hari ini saya nak menghuraikan dengan lebih jelas, terus terang dan ikhlas. Kita tak payah nak cakap Bajet ini tak adil, hanya golongan tertentu, tetapi tak cakap golongan tertentu ni siapa. Kalau kita nak kata Bajet ini untuk orang Melayu, Bajet ini untuk orang India, Bajet ini tak menyentuh kaum Cina yang ada di negeri Johor? Adakah itu yang ingin sampaikan kepada rakyat dekat luar?. Hari ni saya nak beritahu RM366.0 juta belanja pembangunan.

Apabila kita sebut belanja pembangunan, dia berkait rapat dengan industri pembinaan. Siapa yang terlibat dalam industri pembinaan? Rakyat negeri kita ni, di Malaysia ni mudah. Kita ni, pekerjaan ni, bangsa ni, dia menjurus kepada pekerjaan hakiki dia. Orang Melayu banyak makan gaji, orang Cina rata-rata berniaga. Kalau kata Bajet ini tak hanya menjurus kepada satu kaum, tak adil, saya nak tahu ini RM366.0 juta ni yang kita anggaran ni untuk pembangunan ini, pergi ke mana RM366.0 juta? Siapa jual pasir? Siapa jual batu? Siapa ada kilang zink? Siapa ada kilang simen? Siapa jual paku? Paku seketul pun orang Melayu tak jual. Siapa jual batu-batu semua ni? Kuari-kuari ni? Yang tu jangan kita nak cakap sedap mulut aja. Kononnya Bajet ni tak adil, menjurus kepada sesuatu puak. Inilah Bajet yang paling adil. Sebab kerajaan nak jaga semua kaum. Nak jaga golongan peniaga. Kena banyakkan projek-projek pembangunan supaya industri binaan dapat hidup. Industri perumahan dapat hidup. Siapa jadi pemaju perumahan? Orang Melayu tak jadi pemaju perumahan. Sebab itu jangan nak menuduh ni di dalam Dewan perkara yang bukan-bukan. Sebab tu saya mintak kalau kita nak menyampaikan satu perkara biar jelas. Jangan tersangkut. Ni tersangkut. Cakap tak adil, tak ada siapa yang tak adil. Ini menjurus kepada satu puak, satu pihak. Siapa pihak tu? Terangkanlah. Nak kata apa Melayu? Tapi yang lain-lain ni, India pun dapat.

Jadi Dato' Timbalan Speaker, menjurus kepada Belanjawan 2015 ini, saya nak menyentuh kepada permasalahan di DUN Bukit Permai juga. Jadi sebagai Wakil Rakyat di situ, saya nak ucap terima kasih kerana Belanjawan ini terlalu *comprehensive* jadi saya terus kepada Bukit Permas iaitu berkenaan masalah-masalah DUN Bukit Permai. Bajet yang bernilai RM1.2 bilion ini, bunyi dia sedap tapi kalau rakyat di Bukit Permai tak merasa nikmat dia, tak ada maknalah, Dato' Timbalan Speaker. Jadi saya terus kepada, merujuk kepada lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke daerah Kulaijaya, beberapa bulan yang lalu ada perkara-perkara yang tak dapat

diselesaikan. Jadi pada kesempatan ini, dalam perbahasan ini saya nak ambil peluang, saya nak mudahkan Pengerusi Jawatankuasa yang ada dekat Dewan ni, saya nak mudahkan Ketua-Ketua Jabatan yang mendengar ini supaya terus masukkan dalam rekod dia, iaitu berkenaan dengan Maksud Pembangunan 58, Jabatan Agama Johor iaitu berkenaan dengan Kod 58002 di bawah tajuk membina Sekolah-Sekolah Agama dianggarkan RM20.0 juta. Di Kulai ada satu masalah. Sekolah Agama Bandar Putra. Dalam lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah diperkatakan perkara ini dan arahan pun telah diberikan pada Jabatan Agama, jadi saya harap RM20.0 juta dalam Kod membina Sekolah-Sekolah Agama ini, masukkan Sekolah Agama Bandar Putra. Kalau boleh bulan 12 ni buat dokumen, 2015 masuk aje tahun baru bulan 3, pembinaan dah boleh jalan.

Di bawah Maksud Pembangunan 60, Jabatan Kerja Raya, Kod 60001, bawah tajuk jalan dan jambatan negeri.

Dalam lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke daerah Kulaijaya, ada dibangkitkan perkara berkenaan jalan pintas daripada Sedenak ke Sengkang. Untuk memendekkan masa, perjalanan ke bandar Kulai, ini pun dibangkitkan jadi saya minta Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan JKR negeri masukkan tajuk ni, jalan pintas Sedenak/Sengkang ni dalam kod ini. Ini RM50 juta ni, RM50 juta tak kantah Bukit Permai tak boleh dapat RM3 juta, RM4 juta? Jelas ini, tak ada *straight to the point*...

YB Dato' Timbalan Speaker : Habis, ada 56.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Kemudian, di Bawah Maksud Pembangunan 51, Jabatan Pengairan Saliran Negeri Johor, Kod 51011, Bawah tajuk, Projek Saliran Bandar, ada RM11.5 juta. Dalam lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke Kulai, saya ada bangkitkan perkara ini iaitu berkenaan dengan pengindahan Sungai Skudai dari Tan Yok Foong ke Kampung Pertanian. Ini kes yang sangat klasik kerana pada 2008, saya jadi Ahli Majlis Perbandaran Kulai. Saya bawa perkara ini, saya minta JPS buat satu pelan pembangunan kerana Sungai Skudai ini daripada Tan Yok Foong sampai Kampung Pertanian ini, dia dekat Bandar Kulai, betul-betul kat Bandar Kulai.

Jadi, saya kata rizab sungai ini kita bangunkan, buat pengindahan supaya rakyat boleh gunakan itu sebagai tempat rekreasi kerana apabila saya pergi Seoul di Korea, dia punya *flood plain* dia, dataran banjir di kiri kanan sungai, dia bangunkan untuk kemudahan sukan. Sepanjang-panjang rizab sungai ini, tapi rizab sungai dia besar. Dia buat gelanggang *volley ball*, futsal, pelbagai-bagai, segala jenis gelanggang, sebab waktu keadaan kering, orang buat riadah, musim banjir, biarlah dia banjir pun, gelanggang, apa bendanya? Tapi di Malaysia kita tak mengoptimumkan penggunaan rizab sungai. Sebab itu saya kata sungai ini dalam bandar, tebing-tebing sungai ini taruk *L shape* panel itu, tak akan nak biarkan tebing macam itu je? Kejap runtuh, kejap apa, lepas itu ada pula orang nak korek pasir. Jadi, pasangkan *L shape* panel itu, dataran itu simen cantik-cantik, buat tempat rekreasi. JPS kata tak ada duit, tak ada bajet, itu 2008. 2013, saya jadi Wakil Rakyat, saya bawa lagi isu ini, dalam Majlis Tindakan Daerah, ada minit dia, tanya Tuan DO Kulai itu.

YB Dato' Timbalan Speaker : Perbandaran Kulai kan banyak duit? Majlis Perbandaran Kulai kan banyak duit, bolehlah buat.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Ini rizab JPS Dato' Speaker, bukan urusan MPKU. Jadi, saya nak mencadangkan, sekarang ini dah terang bersuluh. Dalam bajet ini kod 51011 ini, di bawah satu tajuk, *water blue print* Sungai Skudai ini, yang kata nak disalurkan ke IRDA ini, tolong masukkan ini, pembangunan pengindahan Sungai Skudai, Tan Yok Foong Kampung Pertanian ini masukkan, sebelum 2015 ini masukkan sekarang, senang tahun depan terus buat ja, di bawah *water blue print* Sungai Skudai. Jadi, saya tak payah nak bawa lagi, dekat Majlis Daerah dah bawa, MPKU dah bawa, ini Dewan, saya nak bawa kat mana lagi? Ini dah 2013, jadi tolong masukkan, saya minta JPS Negeri, IRDA masukkan, selesai masalah.

Kemudian yang keempat, ini berkenaan kerajaan pusat tetapi saya minta Jabatan Pendidikan Negeri, tolong angkat perkara ini. Ini perkara yang serius kepada rakyat di Kulai iaitu berkenaan dengan Sekolah Menengah Bandar Putra, sekolah menengah harian Bandar Putra. Ini dah bangkitkan juga, lawatan Menteri Besar pun dah cakap, Dewan tahun lepas pun dah cakap. Bandar Putra ini, saya cerita, rumah yang dah siap CFO dan diduduki, ada 11,369 unit rumah, rumah 11,000, kedai 543 unit. Untuk makluman Dato' Speaker, tidak ada sekolah menengah harian di sini. Kita cerita nak memperkasakan pendidikan apa semua, tetapi pelajar-pelajar ini, sekolah menengah ini, dihantar ke Sekolah Menengah Kulai Besar. Sekolah Menengah Kulai Besar ini, murid dia dekat 3,000 orang, dua ribu lebih, ada empat kelas, *floating*. Kejap belajar dekat kantin, kejap dekat makmal, kelas tu kosong dia pergi masuk sana, *floating*, dia terapung je, empat kelas. Ini apa nak jadi ini? Kita cerita pembangunan, pendidikan, ada murid-murid sekolah menengah tak ada kelas.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, Bukit Permai, boleh gulung.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Eh! Banyak lagi ni.

YB Dato' Timbalan Speaker : *Floating, floating* pun gulung. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Jadi, saya minta tolong, tolong ambil penekanan perkara ini, angkat perkara ini. JPS Negeri angkat kepada kementerian, tolong buat secepat mungkin, sekolah menengah harian di Bandar Putra Kulai. Ini serius, jadi isu dah sekarang ini.

Sebab nak kena gulung, perkara banyak lagi ini. Jadi, saya nak cakap, nak beritahu dalam Dewan ini iaitu berkenaan dengan futsal *court* ini, gelanggang futsal. Saya nak ada inovasilah daripada Pihak Berkuasa Tempatan, terutamanya PBT, ada inovasi barulah, telah diterangkan dalam Dewan ini oleh EXCO Belia Sukan, sekarang ini dah ada 248 unit gelanggang futsal, dah belanja RM12 juta. Futsal ini bukan Negeri Johor je buat, PBT buat, Kementerian Belia buat, bersepah-sepah macam rakyat Malaysia ini tak tahu main sukan lain, main futsal je. Jadi, saya nak beritahu oleh kerana sekarang ini Pihak Berkuasa Tempatan, dia punya pendapatan dia cukup besar, daripada kutipan cukai MBJB, saya ada catitan di sini. MBJB tahun 2013, RM119 juta cukai, Majlis Perbandaran Pasir Gudang RM57 juta, MPJBT RM98 juta, ini tak masuk lesen, permit, sewa lain, ini cukai sahaja. MPKU RM46 juta, tak kanlah selagi ada taman ini, semua nak dibuatkan gelanggang futsal?

Jadi, saya cadangkan untuk menjadikan nilai tambah, buatlah benda-benda lain. Contoh, gelanggang *lawn ball*. Orang tua pun boleh main *lawn ball*, kalau lutut dah menggigil nak main futsal macam mana? Boleh main *lawn ball*. Saya pergi ke Australia, saya tengok taman-taman di Australia ini, sebab saya cakap ini, di Malaysia ini, taraf hidup dah berbeza. Untuk MPJBT, Majlis Bandaraya Johor Bahru, patut dah boleh buat gelanggang *lawn ball* ini di taman-taman perumahan. Jadi, orang-orang tua ini, yang umur dah, orang tualah, macam saya muda lagi, lima puluh lebih, boleh main *lawn ball*. *Lawn ball ini* pingat dia, Dato' Speaker bukan setakat sukan...

YB Dato' Timbalan Speaker : Bukit Permai pun akan tua juga, satu hari nanti kan?

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Lambat lagi. Bukan setakat Sukan SEA, bukan setakat Sukan Komanwel, ada di Sukan Olimpik. Ini gelanggang *lawn ball* ada satu itulah, dekat Kompleks Belia dan Sukan. Kita nak harapkan apa, satu itu tapi cuba taman-taman, DO-DO pencen, YDP pencen ini semua boleh main *lawn ball*. Dia buat, lepas itu esok dia dah pencen, dia gunakan, boleh. Inilah patutnya, janganlah asik, sebenarnya kos buat gelanggang *lawn ball* ini dengan sebuah gelanggang futsal tak jauh beza, saiz dia pun sama. Itu satu, yang kedua gelanggang petanque, main guli tapi orang tua yang main, dia guli juga, cuma saiz dia besar. Semua boleh buat, ini sebab itu, kita kena ada satu inovasi, yang kedua PBT juga berkenaan dengan inovasi Pihak Berkuasa Tempatan. Saya nak beritahu, Pihak Berkuasa Tempatan ini, ditubuhkan berasaskan kepada *Local Agenda* 21, dia punya konsep penubuhan dia, *Local* Agenda 21.

Antara kandungan utama dalam *Local Agenda* 21 ini iaitu meningkatkan ekonomi penduduk dalam kawasan pentadbiran bandar berkenaan. Tapi sekarang ini, Majlis Daerah, tahun 70 an, dia buat gerai, dia bagi lesen penjaja, tahun 80 an, dia pun buat gerai, bagi lesen penjaja, 90 an, dia buat gerai, tahun 2000 pun dia buat gerai lagi tapi dengan pendapatan yang saya sebut tadi, mencecah ratusan juta cukai, sepatutnya dari sudut pembangunan ekonomi ini, dah melihat benda lebih besar. Contoh, Kipmart di Tampoi ada, di Masai ada, di Kota Tinggi ada, di Kulai ada TJ Mart.

Untuk pengetahuan Dato' Pengerusi, Dato' Speaker, kos untuk buat Kipmart atau *TJ Mart* ini Cuma RM4 juta je lebih kurang, untuk *structure*. MPJB tak ada duit ke buat RM4 juta, buat pembangunan macam itu? MPJBT tak ada ke RM4 juta nak *spend* untuk buat benda itu? Pasir Gudang tak ada duit ke RM4 juta untuk buat macam itu? Apabila kita dapat menyediakan suatu ruang perniagaan yang kondusif untuk usahawan, barulah bajet ini berkesan. Bajet ini banyak, belanjawan kita untuk bantu usahawan muda, untuk usahawan IKS tapi kita nak tempat jagaan dia kat mana? Kalau PBT yang buat, gedung-gedung perniagaan yang besar ini, barulah kita boleh merencana isi kandung dalam itu, macam mana kita nak *design*? Berapa peniaga kita nak letak? Siapa kita nak letak? Ini semua gedung-gedung ini, dibuat oleh pihak swasta, patut PBT dah boleh buat. Tanah, apa susah tanah? Setiap permohonan baru, pembangunan tanah semua masuk kat PBT untuk komen pelan. *Design* kan jelah kat mana nak letak *commercial centre* itu, patut bangunan Tesco itu, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dah boleh buat dah, bangunan Tesco, Tesco pula *lease* dengan dia, bukan Tesco yang buat. Macam itu baru kita boleh letak syarat pada orang-orang luar yang datang meniaga tempat kita. Jadi, kena ada inovasi, janganlah nak suruh orang kita ini jadi penjaja aje, meniaga gerai makan je. Kena ada

suatu pemikiran yang lebih jauh, duit dah banyak, duit 70 an dengan duit tahun 2000 dah jauh beza, kutipan dah besar.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Bukit Permai, tutup ye.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Ini gulung ini, betul gulung.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bukan gulung lagi, tutup.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Tutup. Jadi, saya nak tutup perbahasan saya ini dengan sebuah cerita iaitu berkenaan dengan satu perlawanan bola sepak yang dilakukan di sebuah stadium yang besar, seluas Negeri Johor. Perlawanan ini, disaksikan oleh ramai orang, ada tiga pasukan. Pasukan Neraca berjersi biru, Pasukan Apollo berjersi putih dan Pasukan Purnama berjersi Hijau tapi apabila nak bertanding, tak boleh, mana ada bola sepak bertanding tiga pasukan sekali lawan? Tak boleh. Jadi, oleh kerana Pasukan Purnama ini tak berapa ramai pemain dia, dia pun bergabung dengan Pasukan Apollo. Tapi perlawanan tak boleh dijalankan juga kerana apa, kerana jersi, masalah jersi. Neraca ok, pemain dia semua warna biru, biru gelap, jersi dia tapi yang pasukan satu lagi ini, Apollo dengan Purnama ini, bila dia bergabung, seorang jersi putih, seorang jersi warna hijau. Pengadil kata tak boleh lawan, jadi, dia pun bergabung. Jadi, Apollo dengan Purnama ini bergabung, dinamakan Pasukan Rojak lah, Pasukan Rojak sebab dah bergabung. Jadi, Pasukan Rojak ini pun terpaksa cari satu jersi lagi, dia nak nampak seragam, dia pakai warna biru *turquoise*, macam belakang itu ha.

YB Dato' Timbalan Speaker : Cepat sikit, takkan pasal baju panjang sangat?

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Ya, ini nak cerita ini, nak tutup ini, Dato' Speaker. Jadi, perlawanan bola ini pun berlangsung, disaksikan oleh ramai orang di stadium. Perlawanan bola ini tak macam biasa, ganas. Pasukan Rojak ini, dia pemain bola ini, di telanjangkan pemain Neraca ini, dia tarik seluar, telanjang, penonton semua ketawa. Ketawakan Pasukan Neraca ini, sebab dia telanjangkan cukup-cukup.

YB Dato' Timbalan Speaker : Telanjang itu tak berapa sesuai perkataan itu.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Bogeliah, dia ada dua aje kalau tak telanjang, bogel (Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Lagi teruk (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Jadi, Dato' Speaker, habis perlawanan, rupanya Neraca yang menang. Neraca dapat 38 gol, Pasukan Rojak dapat 18 gol. Jadi 38 gol, siapa yang menang? Jadi menang dapat hadiah, dapat hadiah. Penganjur pun bagi hadiah, tapi tak bagi hadiah dekat pemain. Hadiah ini dia bagi dekat pengurus, Pengurus Pasukan Neraca. Bila dah dapat hadiah penonton pun balik, dah bagi hadiah, penonton pun balik. Tadi penonton tak nampak, apa

yang berlaku selepas tu. Rupanya lepas dapat hadiah pemain pasukan rojak ni pergi mintak hadiah tu, daripada Pengurus Pasukan Neraca.

Kan malu, sedangkan pemain Neraca ni, belum dapat hadiah lagi. Dia dah mintak. Itulah jadi kita ni kadang-kadang bila kita berlawan janganlah telanjangkan orang. Ini dia dah telah telanjangkan orang, lepas tu orang tu dah menang, eh hadiah dia orang pulak kita nak mintak. Tak malu ke gitu, ini...

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah,

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Eh, belum cerita sikit lagi, belum habis lagi,

YB Dato' Timbalan Speaker : Banyak sangat nanti YB Permai, Orang lain tak dapat berucap pulak ni

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : *Last-last.*

YB Dato' Timbalan Speaker : . Oklah dah tahu dia punya *result* itu.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Saya ingatkan, kalau nak hadiah, janganlah telanjangkan, masuk Pasukan Neraca ini, kongsi hadiah sama-sama baru betul. Jadi, sekian Dato' Timbalan Speaker, saya Bukit Permai menyokong rundingan yang dibawa oleh Kukup. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, jangan telanjang balik ke kawasan. Ok kita teruskan, sila Tenang.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Dato' Speaker. Bismillahirahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Alhamdulillah segala puji-pujian hanya milikNya. Kita panjatkan rasa syukur kita atas kemakmuran negeri Johor pada hari ini. Terlebih dahulu Tenang di sini mengucapkan tahniah dan sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, atas pembentangan Belanjawan 2015 baru-baru ini yang saya rasakan merupakan belanjawan yang terbaik dan juga inklusif untuk manfaat dan juga kebajikan seluruh rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemakmuran ekonomi negeri hari ini diterjemahkan dengan perkongsian bersama seluruh warga Johor terhadap kemakmuran ekonomi, dan melalui belanjawan yang dibentangkan, kita dapat lihat dengan jelas setiap inci pendapatan negeri dibelanjakan dengan menjurus kepada pembangunan dan juga pengurusan rakyat. Justeru itu, saya berasa amat bangga kerana turut diberi peluang dan ruan untuk menyertai perbahasan Belanjawan 2015 negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari hasil pendapatan yang kita lihat menunjukkan kemampuan kerajaan negeri Johor yang memperolehi lebihan bagi 2 tahun berturut-turut dan untuk tahun ini sahaja iaitu sebanyak RM3.82 juta, satu lebihan yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri dapat mengurus kewangan dengan cekap dan berkesan dan cemerlang dari segi aspek mentadbir urus ekonomi dan sehingga mempunyai satu bajet yang surplus. Oleh itu, tema "Membangunkan

Johor Secara Inklusif" bukanlah sekadar dekri sahaja tapi menunjukkan keseriusan kerajaan negeri menyalurkan hasil negeri secara tuntas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat Johor akan meyakini kepimpinan negeri yang diturunjangi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang menyediakan satu pembangunan dan pengurusan negeri yang secara inklusif. Keyakinan rakyat ini bersandarkan kepada nilai pertumbuhan ekonomi negeri yang amat pantas dan berkembang sekitar 4.9% sejak tahun 2013.

Unjuran ekonomi ini berdasarkan KDNK negeri sebanyak 56% menjangkau lebihan daripada kerajaan persekutuan. Persatuan ini telah pun menarik banyak pelabur. Dan, sehingga Julai 2014 sahaja iaitu RM18.7 bilion telah pun berjaya dibawa masuk dan dijangka berterusan dan juga bertambah. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri bukan sahaja berjaya membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada warganya, namun mesej yang lebih jelas kemampuan kerajaan negeri meningkatkan pendapatan negeri melalui sumbangan pelaburan luar.

Sudah tentu ini membuktikan kerajaan negeri mempunyai kekuatan ekonomi yang tidak boleh disangkal lagi. Justeru itu, kita berjaya berdiri sebagai sebuah negeri yang kukuh dari aspek kewangan dan juga kita menyangkal daripada dakwaan pihak pembangkang bahawa kalau dahulu mereka mengatakan negeri hampir muflis dan sebagainya. Jadi persoalannya apakah kelompok ini tidak nampak dan sedar bahawa kemampuan negeri Johor dalam banyak menarik pelaburan luar yang berterusan telah memperkukuhkan ekonomi negeri dan juga kemakmuran ekonomi negeri sendiri telah dirasai oleh setiap denyut nadi rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan membentangkan 5 strategi khusus yang menjurus kemakmuran ekonomi yang dinikmati bersama kerajaan negeri mengetengahkan dan mengutamakan manfaat dan juga kebajikan kepada rakyat. Antara lain sudah pastilah kerajaan negeri telah pun memberi tumpuan tentang peluang pemilikan rumah melalui program Rumah Mampu Milik, yang dahulu, jika yang lepas kita anggarkan 28,000 unit rumah akan dibina, tapi jangkaan itu terus bertambah sehingga 37,000 bagi tempoh 3 atau 4 tahun akan datang.

Jadi dalam konteks di Labis sendiri, tanda-tanda telah pun ada untuk mewujudkan, kalau ikut laporan daripada perumahan lebih daripada 330 unit rumah yang dalam jangkaan dibina dan juga akan berterusan, pada sekitar 23 hari bulan, di mana pihak SPNB sendiri akan melancarkan Rumah Idaman di kawasan Labis itu, dengan penambahan lebih kurang 100 lagi rumah mampu milik. Dan ini menunjukkan bahawa betapa prihatinnya kerajaan negeri untuk memperbanyakkan lagi rumah mampu milik yang perlu dikongsi bersama oleh rakyat-rakyat yang ingin berhasrat untuk memiliki rumah sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini juga negara telah pun digemparkan dengan bencana banjir dan juga tanah runtuh di Cameron Highland yang telah meragut nyawa dan juga memusnahkan harta benda. Jadi apa yang menjadi isu ini, sebenarnya punca kepada masalah ini berlaku. Dan juga melalui pendedahan berani media kita disajikan dengan kerakusan setengah pengusaha meneroka tanah-tanah.

Kalau kita hendak membuat perbandingan dengan negeri Johor kita ini, apa yang diharapkan oleh rakyat bahawa peristiwa ini menjadi satu peringatan dan juga amaran kepada penguatkuasaan di negeri kita, khususnya sebelum terjadinya bencana yang lebih dahsyat lagi, eloklah perkara itu mendapat perhatian tersebut. Kita yakin sekiranya pencerobohan tanah yang tidak terkawal akan mengundang bencana seperti banjir besar, tanah jerlus dan juga penurunan kualiti air.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana kita juga telah melihat apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Machap, tentang masalah buli juga perlu juga saya ketengahkan juga di sini juga kita dalam era sebuah negara bertamadun, kita tertanya-tanya tentang pembentukan modal insan yang mampan, yang cemerlang dan kita akui golongan ini merupakan satu golongan pelajar yang akan mentadbir negara, mewarisi kepimpinan negara akan datang dan menjadi satu persoalan yang berlegar-legar.

Apakah kualiti pemimpin kita yang akan datang, sekiranya golongan pelajar ini bertindak seolah-olah tidak berperikemanusiaan, bertindak sewenang-senangnya. Jadi, kita berharap agar satu kaunseling mungkin, boleh diberikan oleh mereka-mereka ini dan kita memandang serius dan juga Kementerian Pendidikan juga mencari satu mekanisme terbaik untuk kita menyelesaikan masalah-masalah ini agar tidak berlaku peristiwa ini lagi, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang, saya nak menyebut juga program *I want to touch a dog*, dengan izin, baru-baru ini juga menimbulkan suasana tidak sihat. Dan juga mengemparkan masyarakat kerana isu ini menjadi menarik perhatian dan teguran daripada para ilmuwan agama, bahkan menyentak sensitiviti masyarakat Islam di negara kita. Jadi dari pendapat saya di sini, isu ini tidak selalu timbul kerana soal haram halal ini telah jelas, nyatakan, bahkan diperkuatkan dengan fatwa dan juga yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri.

Justeru itu program ini lebih daripada isu untuk mengelirukan fahaman dan juga sensiviti masyarakat Islam di negara ini. Jadi, dengan jelas ia mencabar kewibawaan ataupun kesucian Islam itu sendiri, kewajaran hukum syarak serta pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah itu sendiri. Jadi, Tenang terpanggil untuk menyatakan rasa amat kecewa dan sedih dengan sikap penganjur seolah terlalu jahil dalam mentafsir agama. Akibatnya, kita dapat lihat melalui media-media sosial, ramai orang-orang Islam yang dilambangkan dengan bertudung dan menutup aurat, tanpa segan silu memegang, memeluk serta mendukung anjing yang telah nyata haramnya di sisi Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, juga saya ingin membawa isu tentang pertubuhan-pertubuhan NGO seperti dibawa oleh Bar Council dengan izin, Majlis Peguam dalam bentuk Akta Hasutan dihapuskan. Isu ini menarik perhatian setiap rakyat berdasarkan doktrin, kononnya akta ini lapuk dan tidak sesuai dan juga ketinggalan zaman. Jadi, sebenarnya mereka yang menuduh amalan ini tidak demokratiklah dan bermacam-macam tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh mereka ini. Sebenarnya, mereka ini tidak lihat apa yang tersirat sebenarnya rasional kedudukan akta itu tersendiri.

Sebenarnya untuk lebih untuk memelihara keamanan negara kita ini, dan juga apa yang penting di sini ialah untuk menjaga lagi tentang hak-hak keistimewaan Islam

Agama Persekutuan, bahasa Melayu serta kedaulatan Raja-Raja Melayu dan juga tidak boleh dipersoalkan lagi. Dengan ini saya rasa perkara-perkara ini sentiasa dibawa oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Dan juga isu perpaduan nasional dan juga Perlembagaan yang mereka tidak faham selama ini, mereka mempersoalkan doktrin asas pembinaan sebuah negara yang berdaulat.

Apakah mereka tidak faham ataupun mereka tidak menyedari tentang sebuah Perlembagaan yang merupakan undang-undang tertinggi di negara kita ini. Dan juga mungkin kita, saya boleh mencadangkan bahawa kewujudan sebuah subjek untuk pengetahuan Perlembagaan harus diwujudkan di sekolah, ataupun di institut pengajian tinggi untuk mereka dapat maklum balas ataupun input-input yang ada di situ supaya mereka lebih berdisiplin. Mereka lebih menjaga tata etika mereka itu sendiri kerana Perlembagaan banyak memberi tentang apa jua yang terkandung di dalamnya supaya kita ni lebih boleh menurut yang telah pun ditetapkan dalam Perlembagaan itu sendiri. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Tenang, sila gulung.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Sikit lagi. Juga tentang saranan daripada Yang Berhormat Bukit Gambir juga tenang YPJ. Kita lihat hampir seramai 700 orang yang enggan membayar pinjaman berjumlah hampir RM3 juta. Jadi, kita percaya mereka telah pun diberi peluang melanjutkan pelajaran melalui tajaan YPJ dan mereka seharusnya perlu membayar kerana dengan wang itu mereka boleh menampung mereka yang memerlukan lagi, ataupun adik-adik mereka untuk melanjutkan pelajaran. Dan, juga saranan apakah saranan daripada kerajaan negeri, sama Ada kita hendak menyenarai hitam mereka itu, ataupun kita perlu satu pelan tindakan mekanisme yang konklusif untuk mendapat balik tajaan itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sikit saja tentang isu-isu tempatan. Pertamanya, saya membawa suara rakyat di kawasan Tenang mengucapkan terima kasih dan keprihatinan kerajaan negeri dalam pengurniaan tanah FELCRA Pogoh dan juga penyampaian hakmilik tanah di Desa Temu Jodoh. Dan juga rakyat Tenang berkeyakinan tinggi tentang komitmen kerajaan negeri dan mendengar denyut nadi rakyat. Kurniaan hakmilik tanah kepada rakyat kepada rakyat tempatan berjaya memberi peluang kepada masyarakat, untuk berbakti atas bumi Johor serta menumpahkan taat setia kepada Negeri Johor dan insya-Allah rakyat akan terus bersama dengan Kerajaan Johor.

Tenang juga mengetengahkan isu pembangunan ekopelancongan iaitu memohon agar kerajaan negeri memberi perhatian tentang kemudahan prasarana menaik taraf Pusat Rekreasi Kolam Ayer Panas seperti yang dinyatakan oleh Bekok juga, Yang Berhormat Bekok, perlu ada satu kemudahan untuk menaik taraf kerana dengan ada kemudahan dapat menarik ramai pengunjung-pengunjung sama ada di kalangan orang tempatan ataupun di luar.

Dan juga, di sini juga, saya memohon juga ya, tentang menaik taraf padang awam Majlis Daerah Labis. Untuk pengetahuan, padang awam sedia ada telah pun dibangunkan Masjid Jamek Labis dan kerajaan tempatan telah pun memperuntukkan sebuah kawasan diwartakan sebagai kawasan padang awam yang baru. Oleh itu,

wajarlah kawasan tersebut di naik taraf kerana untuk kepentingan belia-belia dan orang ramai di, untuk kemudahan mereka itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, juga tentang masalah menaik taraf Kuarters Kesihatan Labis yang terbiar begitu sahaja, yang lama. Sudah tentu kita tidak mahu melihat kuarters yang terbiar itu menjadi satu liabiliti kepada kerajaan, bahkan yang lebih buruk menjadi tempat persinggahan aktiviti tidak bermoral dan juga mengundang banyak perkara negatif selain kawasan pembiakan nyamuk Aedes dan juga haiwan berbisa.

Dan juga, satu dua perkara lagi tentang pencerobohan tanah kerajaan Yang Berhormat Dato' Speaker. Kawasan Ulu Segamat Kecil di kawasan Orang Asli di sana dan juga di Bekok ya, kerana mereka, saya difahamkan telah pun meneroka tanah dan memohon agensi-agensi yang berkaitan, Pejabat Tanah Galian dan juga yang penjaga rizab seperti JPS, Jabatan Hutan dan lain-lain agar memberi perhatian yang serius dalam menangani masalah pencerobohan tanah ya, penerokaan tanah haram tersebut.

Dan juga Kuarters Polis DiRaja Malaysia bersebelahan Rumah Rakyat Labis juga telah dibiarkan kosong ya, tidak ada apa-apa pembangunan di situ. Dicadangkan supaya PDRM dapat mengatasi dan juga memberi cadangan untuk membangunkan tanah tersebut.

Akhir sekali tentang perumahan generasi baru Yang Berhormat Dato' Speaker. Dicadangkan akan dibina di kawasan FELDA Chempelak, memerlukan satu kajian terperinci di pihak FELDA dan saya juga mengalukan program ini dalam usaha membantu golongan generasi kedua di situ. Tapi namun apa yang diharapkan agar diwujudkan satu mekanisme yang berpatutan dan harga yang boleh, yang membolehkan mereka membeli. Maklumlah dalam keadaan sekarang, tidak ketentuan harga komoditi getah dan kelapa sawit untuk mereka menjana dan diharap ianya tidak menjadi satu isu di kalangan peneroka-peneroka generasi kedua di sana, insya-Allah.

Dan, akhir sekali tentang Kuarters Pendidikan Kamarul Ariffin. Saya di sini mengucapkan terima kasih kerana kerajaan negeri telah memanjangkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Johor iaitu Kuarters Pendidikan Kamarul Arifin untuk dibuat kolej komuniti di sana. Semoga ia akan menjadi satu harapan kepada penduduk-penduduk di kawasan Tenang, ya, terutamanya dalam kerajaan telah menyarankan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-9.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, saya...

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah tiga kali akhir (Dewan ketawa).

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Tenang mendoakan agar negeri dan negara akan terus diberi kerahmatan, keamanan, kemakmuran, anugerah kemakmuran untuk rakyat negeri Johor, insya-Allah. Dengan kata-kata ini, Tenang mohon menyokong usul yang dibawa oleh Kukup. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih. Sila Pemanis.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberi peluang kepada Pemanis untuk ambil bahagian dalam bahas Belanjawan. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana mengemukakan...

YB Dato' Timbalan Speaker : Keras sikit YB, lembut sangat. (Dewan ketawa)

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya, terima kasih. Yang kemukakan satu belanjawan yang menggariskan hala tuju pembangunan negeri Johor yang pada Pemanis memang menggambarkan budaya dan corak, cara Johor di mana kita rasa, tidak rasa sesuatu yang mempesonakan, tidak ada janji bulan bintang, dan tidak juga ada *big bang*. Tapi yang kita lihat ialah perkara yang program-program dan blok-blok binaan, *building blocks*, dengan izin, yang pragmatik, yang konkrit, yang bakal menjadikan, diletakkan sebagai asas untuk menyusun langkah untuk lonjakan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pemanis menyambut baik lima strategi utama Belanjawan dan ingin memberi pandangan tentang strategi ketiga, 'Membangunkan masyarakat berilmu dan berkemahiran bagi mendukung peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan' dan juga strategi keempat, 'Membudayakan inovasi, kreativiti dan keusahawanan yang berdaya saing global'.

Pemanis ingin kongsi pemerhatian berkenaan pengalaman pada peringkat kebangsaan dalam bidang berkenaan. Satu perkara sahaja tentang definisi. Bila kerajaan berazam untuk merancakkan ekonomi berasaskan pengetahuan. Kalau kita ambil iktibar daripada pengalaman perkara yang sama, jadi yang sesuatu perkara yang penting ialah definisi. Definisi itu penting supaya kita dapat membangunkan ekonomi baru iaitu ekonomi berasaskan ilmu dengan dapat memperbanyakkan lagi, memperkaya lagi kandungan ilmu dan juga pekerja berasaskan ilmu. Tetapi kalau kita tengok peristiwa yang lepas, biasanya kalau kita tidak jelas dengan definisi, contohnya, Apakah dia inovasi? Apakah dia bioteknologi dan apakah dia ICT? Apakah dia keusahawanan?

Saya rasa dan saya bimbang ekonomi lama dan orang berpengaruh dalam ekonomi lama, contohnya, dari segi industri pembinaan, perkilangan akan ambil peluang dan akhirnya petugas ilmu itu tidak dapat bangun, kandungan ilmu tidak bangun dan kerjaya, struktur kerjaya ilmu pun tidak dapat bangun. Jadi, Johor boleh ambil iktibar.

Contohnya kalau Biotech, kalau negara tertentu bila kerajaan mahukan campur tangan dia, dia gunakan satu definisi Biotech yang bukan longgar. Contohnya, dia hanya untuk, kerajaan akan hanya menyokong syarikat yang dapat hasil, dapat hasilkan ilmu baru berasaskan R&D sahaja. Kerana kalau tidak, Biotech ikut definisi yang longgar boleh jadi baja, industri baja pun boleh jadi Biotech, industri yang berkenaan dengan pemeliharaan alam pun boleh jadi Biotech, industri buat roti pun boleh jadi Biotech. Jadi kalau macam ini, senang aje untuk pengaruh yang pemain daripada sektor ekonomi lama untuk ambil kesempatan.

Satu lagi yang kita perlu ambil ikhtibar ialah supaya apa yang saya namakan *Cyberjaya Syndrome*. Dia macam ni, bila ada satu program atau satu peruntukan yang besar, yang makan belanja besar itu, industri pembinaan, industri infra. Sebahagian besar peruntukan telah diguna untuk membina infranya, membina bangunannya, membeli mesinnya, bila petugas atau pekerja ilmu, contohnya, untuk seorang penyelidik, peluang dia dan dana yang sampai ke tangan dia untuk pembuat ilmu memang dah pada peratusannya terlalu sedikit. Itulah walaupun nama dia, *new economy*, tetapi yang ambil peranan dan pengaruh tetap *old economy*. Kalau ini berterusan, maka kita tidak akan dapat membangunkan satu infrastruktur kerjaya ekonomi baru yang sihat dan mampan.

Begitu juga dengan inovasi dan juga dengan Biotech bila kebelakangan ini kita memang agak guna trend, trend yang guna bio-ekonomi. Jadi Pemanis ingin, baiklah untuk jabatan kerajaan jelaskan apakah bezanya bio-ekonomi dengan pertanian.? Apakah bio-ekonomi dengan agro biologi? Apakah bezanya, apakah sesuatu, adakah sesuatu yang baru berkenaan dengan bio-ekonomi?

Dalam bab keusahawan, saya, Pemanis berpendapat bahawa untuk menjayakan usaha dalam bidang keusahawanan, tiga perkara penting; satu, inovasi; dua, M, *marketing*, pemasaran; dan yang penting sekali yang menjadi suntikan, dorongan ialah risiko. Risiko, inovasi, marketing bentuk satu pengkalan *ring*. Tapi kita jangan lihat elemen risiko.

Kita harap, saya harap kerajaan mesti memastikan penerima bantuan dan pemohon atau pengusaha yang diberi bantuan oleh kerajaan mesti ada elemen risiko yang dia tanggung kerana risikolah menjadi asas untuk mendorong seseorang pengusaha supaya berusaha dengan gigih dan sedia memikul tanggungjawab kalau projek atau perniagaan tersebut gagal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, izinkan saya balik ke kawasan, balik untuk kemukakan beberapa perkara dari kawasan saya.

Di kawasan saya dan kawasan Segamat terletak satu taman Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Sekijang. Minggu lepas, saya dapat aduan daripada pengusaha bahawa mereka Di maklumkan oleh Jabatan Pertanian di mana mereka perlu tinggalkan kawasan mereka. Petani tu diberi notis bahawa mereka perlu keluar daripada kawasan itu dari 1 Januari 2015.

Jadi, saya belum dapat maklumat lanjut, jadi, saya nak tanya di Dewan itu, sama ada itu satu perancangan baru? Kalau dia satu rancangan baru, itu berlaku pada peringkat daerah sahaja atau pada peringkat negeri, ya? Dan, ambil kira kawasan itu yang ada satu kawasan yang biasanya petani guna untuk tanaman kontan itu. Kawasan itu memang mencabarkan dan petani, nasib petani itu memang agak, agak sentiasa diuji.

Contohnya yang petani yang pernah mengalami kerugian besar dalam banjir 2004, yang mereka yang tak takut itu yang berlabah teruskan usaha pertanian, ada yang terus mengalami kerugian 2005 kerana banjir lagi, 2006 banjir lagi, 2007 banjir lagi. Kalau dapat nafas sikit 2008, 2009 dengan banjir yang kecil, 2011 banjir lagi dan sekali lagi 2013, ya, musim masa bulan Disember. Jadi, ada pengusaha yang khuatir kalau

mereka perlu keluar daripada kawasan dalam masa notis yang begitu singkat itu. Ini agak pada Pemanis agak zalim.

Jadi, saya harap agensi berkenaan dapat mengemukakan apakah perancangan, apakah kelonggaran yang dapat diberikan, apakah pampasan, apakah rancangan itu boleh ditangguhkan sampai satu perancangan baru tentang penggunaan tanah kawasan TKPM berkenaan dikemukakan dan diterima baru dah, jalankan perancangan atau tindakan seterusnya. Kalau perlu keluar daripada kawasan pun, pampasan sepenuhnya dan tanah-tanah alternatif perlu dibekalkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Gulung Pemanis.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya, terima kasih. Projek Jalan Tangkak-Segamat yang pada asalnya telah puluh-puluh tahun diperjuangkan oleh penduduk Segamat khasnya. Pada asalnya kita mengharapkan sesuatu pembinaan yang bermanfaat dari segi pendekkan perjalanan dan lebih selamat. Tetapi saya rasa penduduk di sekitar kawasan yang terbabit rasanya terkejut. Contohnya, dengan tiba-tiba dengan adanya jambatan atau jalan atau infra yang berbentuk raksasa.

Kita dapat terima, saya terima aduan dan juga permohonan untuk supaya sama ada kerajaan dapat mempertimbangkan dari segi kajian semula pakej-pakej yang belum dilaksanakan supaya dia tidak mengganggu kawasan penempatan, kawasan yang sedia ada di tengah-tengah jalan, supaya contohnya, satu kampung atau satu kawasan perumahan tidak terpisah oleh jalan yang terlalu lebar dan juga kalau boleh gunakan kawasan di mana tidak libatkan banyak sangat pengalihan utiliti yang makan masa yang banyak dan kos yang tinggi.

Satu perkara lagi berkenaan dengan Projek Jalan Tangkak-Segamat ialah jalan keluar dia di Segamat telah dicadangkan, kalau tidak silap saya telah diputuskan untuk keluar di kawasan dekat dengan Jalan Kuantan dan Persimpangan Taman Yayasan. Kalau kita, kalau pengguna jalan raya lalu jalan tersebut keluar daripada kawasan itu, maka dia akan ambil masa yang agak panjang untuk melalui Jalan Buloh Kasap untuk masuk ke kawasan Segamat. Dan dia perlu juga melalui satu kawasan yang dipanggil Selekoh Rasau yang sentiasa membahayakan. Jadi, dengan ini saya harap kalau pihak kerajaan dapat mempertimbangkan semula kalau sama ada atau alternatif lagi tak? Kerana kalau dia keluar persimpangan itu masa perjalanan daripada Tangkak balik ke Segamat itu mungkin ada pada pendapat saya lebih panjang daripada apa yang kita harapkan. Kalau itu telah berlaku dan dengannya rancaknya lalu lintas, Pemanis juga harap kerajaan mempertimbangkan satu jalan lingkaran dalam ataupun alternatif supaya meringankan beban lalu lintas di kawasan Segamat.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, Pemanis

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila tutup sekarang.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ingin menggulung dulu, lepas lipat, lepas tutup. (Dewan ketawa). Minta izin, ha, sekejap, sikit lagi. Jadi perancangan Segamat, Segamat telah dirahmati oleh para pimpinan pentadbir kerajaan yang sentiasa prihatin dan efektif yang dipimpin oleh mantan-mantan Pegawai Daerah dan juga ketua-ketua jabatan. Jadi, sudah tiba masanya saya rasa sudah bentuk satu twin team eh yang begitu baik dan saya rasa Segamat telah siap sedia untuk berjalan ke depan dengan lebih rancak lagi. Jadi, saya harap kerajaan memberi perhatian suntikan dana perancangan dan sudah masa untuk kita kaji semula perancangan Segamat 2025 ambil kira pembangunan yang terkini dan juga satu perkara yang saya harap iaitu satu kawasan kolam renang siap dengan pusat latihan sukan air di mana Segamat masih merupakan satu kawasan yang sentiasa dicabar banjir dan generasi baru sekarang itu tidak pandai renang kerana sungai sudah tidak sesuai dan saya rasa latihan, mesti, juga latihan dan juga berkenaan dengan keselamatan air mesti diadakan.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker cuaca yang Dewan ini yang agak sejuk jadi saya terfikir juga dengan Cameron Highlands. Saya juga kongsi pandangan Ahli-Ahli Dewan dan saya harap Negeri Johor boleh ambil iktibar. Ada sesuatu yang luar biasa yang kalau, ada sesuatu ya Dato' Speaker, kalau orang yang atas itu tidak nampak tetapi orang yang bawah nampak. Kalau orang yang duduk contohnya di satu di tingkat 28 tak dapat nampak bukit-bukit di ceroboh ataupun kalau orangnya dapat menaiki helikopter, tak dapat menengok bukit-bukit di ceroboh juga, saya rasa mungkin orang atasan itu mungkin dalam satu keadaan terpukau. Saya rasa perlunya, saya rasa Ahli-Ahli Dewan ada cara dia untuk memperbaiki perkara sedemikian. Seperti juga daripada Rengit saya rasa saya ada cara penyelesaian. Kalau orang kat atas tak berapa nampak kalau bukit dah di ceroboh itu, dekat sama juga tapi bawa tiga ekor ayam hitam, eh tapi lain daripada yang Rengit lehernya tak perlu warna putih. Tiga ekor ayam hitam bawa ke Pemanis, saya Pemanis dengan suka dan rela akan memberi penyelesaiannya. Jadi dengan kata-kata ini, saya harap Dewan ambil iktibar kerana kita tentang kejadian bencana yang kerap berlaku Johor juga tetap kena ambil iktibar atas apa yang berlaku. Jadi, jangan lupa bawa tiga ekor ayam hitam ke Pemanis. Dengan kata-kata ini, saya ucapkan terima kasih dan turut menyokong Rundingan dibawa oleh Kukup, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Saya teruskan. Jemput, Semerah.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Terima kasih Dato' Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Selawat). Salam sejahtera, salam Muafakat Johor dan salam Semerah Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah mulai dengan ucapan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya berdiri mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 dalam Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang Ketiga Belas pagi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku rakyat yang bernaung di bawah payung Negeri Johor saya ingin merafakkan setinggi-tinggi ucapan tahniah ke bawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan Cik Puan Khaleeda binti Bustamam di atas sempurnanya Majlis Perkahwinan Pengantin DiRaja baru-baru ini. Semerah serta sekalian rakyat yang berada dalam DUN Semerah mendoakan

kesejahteraan, kebahagiaan yang berpanjangan dan sentiasa dilimpahi rahmat dan nikmat dalam kehidupan hingga ke akhir hayat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah mengucapkan setinggi-tinggi dan terima kasih kepada pucuk pimpinan negeri diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Haji Khaled bin Nordin di atas keupayaan beliau mengemudi bahtera yang tercinta ini dengan pendekatan yang cukup berhemah dan berani. Pembentangan Bajet 2015 merupakan bajet yang kedua oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bajet 2015 ini bertemakan "Membangun Johor Secara Inklusif" amat cukup menyeluruh dan meliputi semua aspek kehidupan dan pembangunan untuk melestarikan lagi rakyat dan pembangunan Negeri Johor.

Semerah percaya dan yakin bahawa Negeri Johor bertuah ini akan terus mampu meraih tempat tertinggi dari segi pertumbuhan KDNK dan pelaburan bagi tahun 2015 yang akan datang. Yang pastinya ia akan melebihi kadar pertumbuhan ekonomi nasional dan pelaburan oleh negeri-negeri lain termasuk yang diperintah oleh pihak pembangkang. Kejayaan ini adalah kejayaan barisan kepimpinan yang mempunyai integriti yang tinggi, digagahi sama oleh penjawat awam yang berdedikasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Menteri Besar telah membentangkan Bajet 2015 dengan memberikan 102 titik sentuhan. Ianya mencakupi kehidupan Orang Asli hingga ke institusi pengajian tinggi. Terutamanya bidang industri terus diinovasi dan berkreativiti serta bio ekonomi. Tak dilupakan pertanian lestari serta berbagai paparan seni yang terus digilapi.

Kepesatan pembangunan di Negeri Johor ini tidak dapat disangkal dengan adanya koridor ekonomi yang sentiasa bergerak maju. Oleh kerana iklim pembangunan ekonominya begitu, saya merasakan sudah tiba masanya kerajaan negeri menggerakkan usaha bagi memanggil dan menyeru kesiap siagaan anak negeri bagi menghadapi cabaran yang begitu pantas. Selain Kerajaan Negeri juga sentiasa memandang ke bawah, bagaimana pula nasib mereka yang tidak berkesempatan mengambil bahagian dalam perlumbaan ini? Barangkali satu mekanisme keseimbangan sosial perlu diperincikan dan disebarkan kerana impak kesudahannya amat besar. Ada rakyat yang telah bersedia, manakala tidak juga yang masih alpa. Jurang perbezaan pendapatan per kapita setiap tahun pastinya akan diberikan perhatian serius dalam melengkapi harapan semua kaum agar selesa. Terutamanya untuk menghidangi Malaysia menjadi negara maju tahun 2020 dengan pendapatan per kapita antara USD15,000 hingga USD20,000. Namun Dato Speaker, jika kita lihat data sehingga 2012 menunjukkan bahawa pendapatan per kapita mengikut etnik adalah: bagi kaum Cina RM5,221.00, kaum India RM5,390.00 dan Bumiputera hanya RM4,117.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam membina upaya insan dan kekuatan bangsa, sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mengumum dan memperkenalkan semula Biasiswa Sultan Ibrahim, *JCorp Education Sponsorship Program*, dengan izin, *JCorp Chartered Accountancy Programme*, dengan izin, bantuan pendaftaran universiti, potongan rebat sebanyak 25% untuk pembayaran sepenuhnya untuk pinjaman pelajaran serta berbagai program. Semuanya untuk memastikan akhirnya membangunkan masyarakat Johor berilmu dan berkemahiran bagi mendukung peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

Semerah mencadangkan dan mengharapkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga dapat mempertimbangkan peruntukan kepada ADUN yang ingin atau berminat melanjutkan pengajian di peringkat yang Sarjana dan PHD pada setiap tahun serta tidak terikat kepada had umur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah ingin memberi tumpuan kepada titik sentuh berkaitan strategi kedua; Memangkinkan Kesejahteraan Hidup Rakyat. Seperti yang dibentangkan, sejumlah RM9 juta wang zakat diperuntukkan dengan RM8 juta akan dibelanjakan untuk membina 200 unit rumah baru dan RM1 juta untuk membaik pulih. Ini sememangnya usaha yang sangat murni, demi untuk menjunjung suruhan Allah SWT. Walau bagaimanapun, usaha besar membangunkan Johor secara inklusif menuntut ikhtiar strategi yang bersepadu. Untuk itu, adalah diharapkan MAIJ atau Majlis Agama Islam Johor dapat memainkan peranan yang lebih proaktif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hemat saya, sumber sumbangan yang ditadbir di bawah kelolaan MAIJ dalam tiga bentuk iaitu:

1. Harta zakat,
2. Harta sedekah dan
3. Harta wakaf.

Ketiga-tiga bentuk harta ini sudah tentunya menuntut kepada pengurusan dan pengelolaan yang berbeza kerana masing-masing mempunyai asas-asas hukum yang berbeza. Seperti yang dibahaskan dalam kitab-kitab fikah. Sebagai contoh, dana zakat disampaikan kepada asnaf dengan kadar segera sedangkan sedekah pula bersifat umum dan penggunaannya tidak hanya terhad kepada golongan asnaf.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah atau kesusahan masyarakat atau rakyat, bukanlah suatu yang akan berlaku mengikut jadual-jadual tertentu. Musibah memang boleh datang dengan tiba-tiba tanpa di undang. Kebakaran, kemalangan jalan raya, hilang upaya, mati lemas dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada warna-warni kehidupan sedangkan akses kepada dana bantuan pula tidak bersifat semasa atau *real time*, dengan izin. Ini adalah contoh cabaran yang perlu dilihat dengan mata dan hati yang terbuka dan mencari jalan supaya pengurusan dana sedekah dapat dilihat sebagai medium pertolongan yang sangat ampuh di waktu kecemasan. Semerah mencadangkan supaya dana sedekah ini boleh di akses oleh Wakil-Wakil Rakyat untuk kes-kes kecemasan yang memerlukan pada bantuan dan penyelesaian segera.

Tan Sri Dato' Speaker, Semerah juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas bajet yang amat selesa dalam melahirkan masyarakat Islam yang beramal soleh terutama dalam berkaitan dengan pendidikan agama dalam masyarakat Islam. Pindaan Enakmen Pentadbiran Agam Islam yang baru diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini, akan menambahkan keberkesanannya lagi dalam pengurusan hal ehwal Agama Islam di Negeri Johor. Walau bagaimanapun, Semerah berharap agar Kerajaan Johor tidak melupakan atau terlepas pandang iaitu Sekolah Agama Negeri Johor yang didaftarkan di Kementerian Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ataupun SABK.

YB Dato' Timbalan Speaker : Semerah, sila gulung.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Di maklumkan masa ini terdapat 20 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat dan 8 buah Sekolah Agama Bersepadu di Johor. Jika kita merujuk kepada memorandum persefahaman semasa pendaftaran antara SABK yang dibuat di Persada sebagaimana Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Baginda bertitah, "kuasa mutlak Raja tidak akan terkurang atau terjejas dengan pendaftaran itu. Sebarang keputusan mengenai sekolah terbabit hendaklah selaras dengan Enakmen Pentadbiran Agama Negeri Johor dan disembah yakni kepada Baginda terlebih dahulu".

Justeru itu, kita berharap adapun masalah dan isu yang terdapat oleh SABK tersebut dapat dilihat dan diberi perhatian oleh pihak kerajaan dan terus tidak meminggirkan SABK.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu tempat rekreasi di dalam kawasan DUN Semerah ialah Hentian Mahkota Parit Simen. Hentian Mahkota ini telah dibangunkan dengan peruntukan RM4 juta dan ini merupakan kawasan tumpuan tempat beristirahat dalam kawasan DUN Semerah. Hentian Mahkota ini juga diambil nama sempena kunjungan Di Bawah Duli Maha Mulia Sultan Ibrahim tatkala Baginda menjadi Tuanku Mahkota pada Program 2011. Jadi Semerah berharap supaya kawasan ini dapat dipertingkatkan dan dibangunkan untuk menjadi pusat rekreasi ekopelancongan dalam kawasan paya bakau dan juga untuk menjadi kawasan pelancongan di tengah negeri Johor. Usaha juga sedang dibincangkan untuk penyediaan landasan *microlight*, dengan izin, oleh pihak NGO.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan melalui agensi pelaksana memberikan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas. Dengan peruntukan pembangunan dalam Bajet 2015 sebanyak RM366.20 juta yang dibentangkan, diharapkan limpahan kesetiaan dapat dirasakan di kawasan luar bandar. Di antara perkara-perkara yang perlu perhatian dalam DUN Semerah ialah pelebaran jalan-jalan kampung yang sedang dan telah dilaksanakan oleh IDJ, mohon diperluaskan lagi kepada kampung yang masih lagi belum dilaksanakan. Penurapan jalan-jalan baru terutama lorong-lorong dalam kawasan kampung dengan pembinaan rumah-rumah baru terutama anak-anak muda dan mereka yang baru mendirikan rumah tangga.

Ketiga ialah penggantian dan pelebaran jambatan-jambatan, yang sudah tidak bersesuaian akibat pelebaran jalan-jalan kampung dan telah lama tidak di selenggara.

Keempat ialah penggantian paip-paip air bersepadu yang bersaiz sekurang-kurangnya 10 sentimeter bagi aliran air melebih 4 rumah kediaman.

Kelima ialah penggalian parit-parit yang sedia ada, disingkatkan tempoh penggalian semula, kalau sekarang mungkin 4 tahun disingkatkan kepada 2 tahun atau setahun sekali untuk melancarkan lagi pergerakan air mengelakkan banjir di kawasan pertanian.

Keenam ialah perhatian dan kajian untuk pembinaan pintu-pintu air baru terutama bagi yang meliputkan kawasan seperti di Kampung Parit Haji Ibrahim dan Kampung Lubuk.

YB Dato' Timbalan Speaker : Semerah, sila tutup.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tutup, tinggal sikit. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya juga, Semerah juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak media terutamanya kepada Utusan Malaysia atau Mingguan Malaysia yang berani dan tidak jemu dalam membongkar apa jua penyalahgunaan kuasa, ketidakcekapan pengurusan dan salah laku yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Mudah-mudahan segala apa yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertangungjawab, dapat diadili dan dihukum serta menegakkan kebenaran dan seterusnya membaiki imej kerajaan.

Akhirnya, Semerah mohon menyokong usul yang dibawa oleh Kukup. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Perbahasan diteruskan. Sila, Parit Raja. Selesaikan sebelum pukul 1. Tidak ada masalah.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Saya ni, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ini kalau nak cakap kena tenang gitu. Kalau tak tenang saya jadi mengah-mengah, Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tenang tak tenang pun mesti habis pukul 1.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, yang telah memberikan saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan atas membentangkan Bacaan Kali Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbelanjaan 2015 Tahun 2014. Di peringkat awal ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas Ucapan Belanjawan 2015 yang sangat menyeluruh dan mempunyai tujuan yang baik untuk kepentingan rakyat secara keseluruhan dan untuk pembangunan negeri Johor secara khusus.

Ucapan yang sangat bernas dan membawa kebaikan kepada rakyat dan negeri Johor harusnya kita sokong sepenuhnya. Kerana ucapan seperti ini yang bermatlamatkan kebaikan rakyat dan negeri menjadi cita-cita kita bersama sebagai Ahli Dewan Negeri Johor untuk melihat kerajaan membelanjakan wang untuk kebaikan mereka. Dan di peringkat awal ini, saya melahirkan sokongan penuh pada Ucapan Bajet ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping ini saya ingin mencadangkan beberapa perkara dalam perbahasan ini untuk tindakan selanjutnya, pihak-pihak yang berkuasa bagi menyokong Ucapan Bajet ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang pertama, Rumah Mampu Milik. Hasrat kerajaan dan rancangan kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Khaled Nordin untuk melihat rakyat mempunyai rumah, Rumahku

Syurgaku, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat menjadi kegembiraan dan lapang dada pengundi-pengundi dan rakyat sekalian. Lebih-lebih lagi kerajaan telah membantu pemotongan 30% dan hari ini kerajaan memberi baucar RM1,000.00 untuk deposit. Saya ucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan satu lagi perkara, kalau boleh, bayaran bulanan itu dikecilkan supaya beban rakyat yang berpendapatan kecil dan sederhana ini tidak terbeban kerana dengan sara hidup yang tinggi dan dengan nak macam-macam nak bayaran ini, jadi keluarga yang menanggung untuk membayar ini, dapat ringan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan penarikan RM0.20 subsidi minyak oleh kerajaan, menyebabkan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha ini menaikkan harga-harga barang dan apa-apa juga berlipat-lipat kali ganda. Itu yang menyebabkan rakyat lebih tertanggung dengan bayaran-bayaran beban yang perlu ditanggung.

Saya ingin mencadangkan, apa salahnya kalau *interest* yang dikenakan untuk pembayar-pembayar, pembeli-pembeli rumah ini dikecilkan. Setahu saya, harga rumah di bawah RM150,000.00 yang dibeli, *interest* yang dikenakan kepada pembeli ialah 6% atau 5%. Kita kecilkanlah daripada 5% atau 6% itu kepada 3% atau 2.5%. Beli kereta pun boleh 3% atau 2.5%. Kenapa rumah, yang tempat kita nak bernaung ini, tempat kita nak selesa, tempat kita nak beribadat, tempat kita nak bermesra-mesra dengan keluarga, kita tak boleh kecilkan? Saya rasa kerajaan boleh berunding dengan pihak-pihak tertentu terutamanya pihak bank, Bank Negara dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, supaya *interest* yang dikenakan kepada rakyat ini dikecilkan, supaya beban itu tidak tertanggung.

Yang kedua Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam soal Rumah Mampu Milik ini juga, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan. Susah berbunyi begini pulak ya. Terlupa saya nak bukak. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan peningkatan sasaran pembinaan rumah daripada 28,000 unit kepada 37,000 unit rumah dan 2 kawasan strategik akan dibina iaitu di Johor Bahru dan tempat-tempat yang difikirkan. Saya sokong, saya setuju, tapi jangan lupa kawasan-kawasan DUN-DUN ini juga ada penyokong. Jadi, kerajaan kena fikir, supaya setiap kawasan DUN-DUN ini didirikan juga rumah. Ambillah tanah kerajaan yang ada. Kalau tak ada tanah kerajaan acquirekan mana-mana tanah. Kalau contoh macam kawasan Parit Raja, ada estet-estet itu di tepi jalan, ambil. Dia pun dah kaut untung banyak selama-lama ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam RM300.00 untuk dibuat menampakkan kelegaan rakyat. Apa yang difikirkan, apa yang dicadangkan, apa yang disuarakan oleh kerajaan. Jadi saya harap, kerajaan memikirkan supaya kawasan-kawasan DUN-DUN itu jangan ketinggalan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang ketiga. Saya ringkas-ringkaskan je. Melahirkan masyarakat yang Islamik dan beramal soleh. Toleh-toleh saya cakap ya. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan amalan sistem pendidikan agama yang baik yang telah kita amalkan selama ini ditambah dengan beberapa strategi-strategi yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat, insya-Allah, negeri Johor akan melahirkan insan atau rakyat yang beramal soleh dan mempunyai pendidikan untuk membimbing mereka untuk dunia dan akhirat. Saya ingin menambah dan ingin menyokong

cadangan daripada YB Jorak agar menubuhkan sebuah universiti Islam bertarat antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Malaysia terkenal sebuah Negara Islam yang maju dan berjaya, seluruh dunia terkenal dan Negeri Johor mempunyai silibus pendidikan agama yang baik dan teratur. Kita gabungkan ini semua dan kita minta kerjasama dengan Kerajaan Pusat, kerjasama dengan Universiti Azhar dan kita minta pensyarah-pensyarah dari Universiti Azhar sama-sama berbakti di universiti yang kita akan tubuhkan di Johor, apa salahnya?. Memang peringkat awal untuk menubuhkan universiti terlalu besar, banyak. Tetapi jangka masa panjang kita beruntung, sebab kita tak perlu hantar lagi anak-anak kita ke Mesir.

Saya ini, Tuan Pengerusi, dapat maklum, dulu lain, sekarang lain. Dulu memang betul-betul anak-anak kita belajar, EXCO kita pun dari sana. Anak-anak kita yang belajar sana kerana sebab memang jadi satu kebanggaan kepada keluarga dihantar ke Mesir, maka jadi satu pelajar yang berilmu tinggi, pasal kat sana satu negara, memang tegak Islam. Tetapi kerana anasir-anasir yang tidak bertangung jawab menghasut anak-anak kita kat Mesir, akhirnya anak-anak kita sampai sana belajar, tak ke mana. Ada contoh kat kampung saya, 8 tahun pergi Mesir, tak ada, tak lulus.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bawa bini orang Mesir tak? Berjaya bawa isteri dari Mesir sahaja.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Tak itu Mesir, cuba bawa anak je tapi tak bawa sijil. 5 tahun kat sana, 8 tahun kat sana belajar tak bawa kelulusan, cuma yang bawa jubah, gamis, gamis, gamis dengan songkok haji sama tasbih. Yang bahasa Arab pun tak tahu, cuma tahu ana, ente, fulus, fulus, itu aja. 8 tahun... (Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Kalau ana, ente, fulus, fulus, tak payah pergi Mesir.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Ha itulah Dato' Speaker. Jadi Dato' Speaker, rugi kita menghantar anak-anak kita, rakyat kita belajar di Mesir akhirnya dia balik tak ada apa-apa. Jadi kita tubuhkan universiti di sini Universiti Islam bergabung dengan Universiti *out of...*

YB Dato' Timbalan Speaker : Parit Raja, bersiap sedia untuk gulung dan tutup.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang berhormat Dato' Speaker kawan baik Tan Sri Speaker kan ek.. (Dewan Ketawa)

YB Dato' Timbalan Speaker : Cerita Mesir jangan panjang sangat...

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker ok yang ke empat. Kesenian dan kebudayaan. Saya merasa bangga dan gembira di dalam bajet ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak melupakan tentang kesenian dan kebudayaan warisan Johor dipelihara dan diperkembangkan. Kita tahu negeri Johor ni kaya dengan kesenian dan kebudayaan dan kita perlu jaga kesenian dan kebudayaan yang ada di negeri kita ini. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mereka yang sebenarnya saya nak terangkan, mereka yang memiliki seni ni

sebenarnya jiwanya halus dan penyanyang. Sebenarnya kesenian dan kebudayaan ini juga boleh membentuk seseorang mempunyai sifat yang mulia, peribadi yang tinggi dan mempunyai budi bahasa. Orang melayu sebab tu kalau berjalan dengan depan orang tua tunduk, jumpa orang tuo salam, cakap dengan orang tua dengan pemimpin tunduk, sekarang hilang semua....

Anak cucu cicit kita kalau ada tamu, *zap zup zap zup* lari gitu...ciri-ciri itu dah hilang. Jadi seni dan kebudayaan ini dikekalkan dan kita harap dikekalkan ini sangat satu-satu usaha yang baik. Kita cuba bentuk ini, kita perkembangkan di daerah-daerah. Kita tubuhkan satu pusat, satu pusat kebudayaan dan keseniaan. Dan kita sediakan daya ape, daya pengajarnya dan kalau boleh pelajar-pelajar ni kita buat macam Akademi Fantasia tu.. Kan kita latih-latih, ajar,ajar, ajar pastu kita suruh dia buat persembahan. Kita ajar,ajar, ajar kita suruh buat persembahan. Dan kalau boleh pelajar ni kita kasi elaun lah, elaun macam Giat Mara, bukan banyak sikit je. Jadi nak tambang dari kampung ke tempat dia berlatih tu maknanya kita tak rugi dan disitulah kita nak mencungkil bakat anak-anak muda kita.

Kalau satu daerah tu kita dapat menyusun, dapat gunakan dengan baik. Insya Allah. Yalah seni ni banyak. Seni tari, tari ni macam-macam. tarian melayu, tarian cina, tarian india, tarian bangsa-bangsa lain. Menyanyi, menyanyi tu janganlah nyanyi yang muzik tu ngek ngek tu tak, maknanya kita ajar dengan notenya sekali tu. Lepas tu lakonannya, kraftangannya, lukisannya dan macam-macam lagi kita boleh bentuk. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker sebenarnya seni ni, kita memberikan kita ketenangan Yang Berhormat Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Kalau Dato Speaker *tension* ataupun tertekan kita dengar lagu keroncong malam-malam kita akan rasa bahagia, tenteram gitu...

YB Dato' Timbalan Speaker : Pasir Raja dengan Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Tan Sri Speaker selalu buat selalu macam gitu ye? (Dewan ketawa)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Dan kalau kita tengok gadis-gadis jelita menari, kita akan rasa bahagia dan gembira. Betul tak Speaker, eh EXCO Kebudayaan? Pasal Exco Kebudayaan selalu cakap dengan saya...Datin..cantik-cantik tu ... (Dewan ketawa)

Jadi kita perkembangkan di peringkat daerah supaya kita dapat mencungkil bakat dan kita dapat betul-betul membuat sesuatu tu dengan betul-betul supaya kerana contohlah, contohlah kita memperkasakan, menghidupkan zapin. Zapin dulu semua orang tak minat. Rupanya zapin ada rancak, ada slow, ada sederhana. Betul Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker ek... Dari tua sampai ke anak-anak tadika semua tahu sekarang. Jadi itu jadikan contoh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Pasir Raja sila tutup.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Akhir,akhir, akhir betul-betul akhir minta maaf. Yang kelima akhir, saya nak menyentuh tentang lampu jalan kampung dan pelebaran jalan kampung. Saya juga seperti kawan-kawan lain, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, mengharapkan kerajaan dapat sama-sama membuat ataupun membina, melaksanakan, mencapaikan harapan dan permohonan rakyat-rakyat,rakyat-rakyat penyokong-penyokong kita. Bajet yang dibentangkan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan satu bajet yang besar kepada kementerian. Jadi saya harap Exco yang berkenaan supaya memohon awal-awal dan bekerjasama dengan kerajaan pusat, hasrat rakyat untuk dapat melihat jalan lampu kampung ni terang dan jalan kampung ni besar dapat dilaksanakan.

YB Tan Sri Speaker : Ok

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Kawasan saya jangan terkecuali. Jadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dengan ini saya menyokong Rang Undang-Undang ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Kukup. Sekian terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Parit Raja. Ahli-Ahli YB saya tangguhkan persidangan kita hingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:07 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Perbahasan ini kita teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Bismillahirahmanirrahim, assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Waalaikumussalam...

YB Dato' IR. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Salam sejahtera, salam PIPC dan salam Muafakat Johor. Siapa yang tak tau PIPC, Pengerang Integrated Petroleum Complex. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Surat ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Menteri Besar kita yang telah membentang satu bajet yang begitu baik, bajet kedua bagi beliau. Yang menggariskan tiga fokus utama iaitu:

1. Menerangkan dengan jelas dasar, strategi, pelan tindakan dan pendekatan baru yang boleh meransang memperkukuh pertumbuhan ekonomi.
2. Memastikan pertumbuhan dan pembangunan yang direncanakan bersifat insklusif
3. Melaksanakan perbelanjaan berhemah, terancang dan berorientasikan pencapaian.

Yang Amat Berhormat yakin dengan ketiga-tiga fokus utama ini negeri Johor akan mampu menangani kesengjangan ini saya ambil dari ucapan beliau dan jurang agihan kekayaan dalam masyarakat kita sekaligus memberi kesejahteraan kepada kesejahteraan hidup melangkaui aspek material. Bila saya baca kesengjangan ini saya tidak tahu maknanya tapi telah menghubungi rakan-rakan yang pakar bahasa barulah saya tahu jadi *speech* ini mengajar saya satu perkataan baru.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bajet ini bajet 2015 mempunyai 5 strategi utama yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Strategi pertamanya

menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan merangsang pelaburan. Saya ingin menyentuh strategi ini yang mana disokong oleh 3 inisiatif strategi. Inisiatif pertama ialah untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi dalam bidang keberhasilan strategi, walaupun kepentingan pertumbuhan sektor ekonomi lain terus dipertahankan. Bajet ini memberi penekanan kepada sektor-sektor pertumbuhan ekonomi baru iaitu minyak dan gas dan juga bioekonomi. Jadi saya ingin menyentuh sikit mengenai PIPC yang saya sebut tadi, ini adalah satu pembangunan yang begitu besar dalam industri gas dan minyak melangkaui kawasan 20 ribu ekar dua kali Putrajaya. 8,212 ekar adalah untuk Petronas iaitu projek-projek yang kita ketahui dengan panggilan RAPID. Ini adalah satu pelaburan yang besar oleh pihak Petronas. Dianggarkan konkrit yang perlu digunakan untuk membangunkan kompleks ini sebanyak 1,200,000 meter persegi, 6 kali konkrit yang diperlukan untuk membina Menara Berkembar. Kerja-kerja tanah 80 meter padu dua kali KLIA. Besi keluli yang akan digunakan dijangkakan 150, 000 metrik tan 4 kali Menara Berkembar Petronas, dan 15 kali Menara Eifel Tower.

Yang Berhormat, Tan Sri Speaker, walaupun begitu hebat projek ini akan dilaksanakan dan Insya Allah akan disiapkan pada awal 2019, ia tidak bermakna langsung kalau tidak ada, tidak memberi faedah kepada penduduk-penduduk Pengerang khususnya, dan rakyat Johor amnya. Jadi, saya suka mencadangkan supaya peluang-peluang pekerjaan, peluang-peluang membuat kerja-kerja subkontrak dan sebagainya dapat diberi kepada pengusaha, ataupun rakyat tempatan khususnya di Pengerang amnya di seluruh negeri Johor.

Saya tahu berbagai pihak khususnya di usahakan oleh JPDC dengan kerjasama pemain-pemain di dalam industri ini di Pengerang sedang rancak mengadakan kursus-kursus latihan peningkatan kemahiran dan sebagainya melibatkan banyak agensi untuk memastikan kejayaannya. Di Kolej Komuniti mulai tahun depan, saya difahamkan akan ada kursus usahasama dengan pihak MOCCA iaitu *Malaysian Offshore Contractor Association* (dengan izin) dan pihak IKBN, Institut Kemahiran Belia Negara berterusan memberi kursus kepada mereka-mereka yang berminat dalam bidang keselamatan, *Safety* (dengan izin), NDT, *Non-Destructive Testing*, *Welding* (dengan izin) dan berbagai lagi kursus-kursus yang berkaitan. Kita harap bila siap nanti Petronas memaklumkan mereka memerlukan lebih kurang 4500 pekerja untuk menjalankan operasi projek ini ataupun loji penapis ini dan kita harapkan kalau tidak banyak pun kurang-kurang pun 30% adalah untuk rakyat Johor khususnya di Pengerang dan Kota Tinggi.

Kita harap kita dapat mencapai ini supaya kita tidak mahu rakyat setempat amnya seluruh negeri Johor jadi penonton aje kepada projek yang begitu besar ini.

Begitu juga kerja-kerja *sub con contracting* saya yakin jawatankuasa dipimpin oleh EXCO Kerja Raya akan dapat lebih menumpukan usaha untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk bersama-sama dapat menyertai pembangunan dalam sektor minyak dan gas ini. Selain dari itu, di bidang penekanan yang kedua ialah bio ekonomi dalam bajet ini Yang Amat Berhormat telah menggariskan penumpuan kepada tiga perkara utama, menyokong pertumbuhan IKS berorientasikan teknologi, bioteknologi. Kedua mempergiatkan kegiatan masyarakat dalam program pembangunan ekonomi komuniti dengan kos sebanyak RM88.9 juta telah Yang Amat Berhormat cadangkan. Ketiga, memperuntukkan RM700,000.00 untuk membina upaya modal insan dalam sektor bioteknologi dengan pembesaran

penubuhan dengan izin, *National Biotechnology Talent Development Center*, untuk mendedahkan pelajar-pelajar universiti lebih awal dan untuk memberi latihan kemahiran kepada bakat-bakat yang akan diserapkan dalam usaha memajukan lagi bidang bioteknologi ini.

Saya difahamkan Johor Biotek Holding sedang merangka dan melaksanakan pelan perniagaan yang mampu berdaya saing dalam tempoh 3 tahun Johor Biotek akan dapat mendapat pelaburan sekitar RM17.0 billion dari Taiwan, China dan Amerika Syarikat dalam bio dalam bidang bioteknologi ini. Bio Desaru bertempat di kawasan Parlimen Pengerang, telah menarik pelaburan sebanyak RM1.9 bilion dan akan menawarkan peluang pekerjaan kepada 4,000 orang dalam tanah yang ada di sediakan untuk Johor Biotek Holding iaitu 8,900 ekar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menyentuh sedikit kawasan saya, saya minta kerjasama EXCO Kerja Raya membantu saya untuk memastikan jambatan Tanjung Surat dibina oleh pihak pusat, cuma saya minta EXCO Kerja Raya memastikan tolong pastikan kerana projek ini patutnya dah siap 2013 tapi malangnya sampai sekarang tidak dilaksanakan lagi, saya difahamkan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Jadi, kalau dah betul saya bersyukurlah yang saya hendak supaya kepastian mesti dibuat untuk projek ini dijalankan. Ini Tanjung Surat ini adalah seluas satu kampung di mana nama DUN saya ini diambil pada satu masa Kampung Tanjung Surat ini, sekolahnya mempunyai lebih 100 orang. Kerana ia pintu masuk salah satu pintu masuk daripada Singapura ke Malaysia. Ada kastam, ada imigresen, ada polis, ada polis marin dan pelbagai aktiviti ekonomi tapi malangnya buat masa ini, murid sekolahnya tinggal 20 orang. Cikgu-cikgu yang mengajar di situ 13 orang. Cikgu-cikgu, anak-anak cikgu pun tak nak sekolah di situ kerana tak ada kerana keluarga guru ini ada isteri yang bekerja tidak sanggup nak naik bot hari-hari menyeberang. Jadi, mereka duduk di luar kampung ini, jadi anak sendiri pun tak masuk sekolah di Tanjung Surat. Jadi, saya harap dengan pembinaan jambatan Tanjung Surat ini akan merancakkan lagi atau menghidupkan semula kampung yang dulu hebat akan jadi satu kampung yang berdaya maju, potensi untuk pelancongan sangat tinggi kerana dari tepi pantai kita boleh nampak Singapura. Jadi, saya harap dapat diberikan perhatian untuk memastikan projek ini dimasukkan di Rancangan Malaysia Ke-11.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Akhirnya, Tan Sri Speaker, saya ingin menyentuh sikit Tangkak, menceritakan keburukan GST. Dia cerita *of course* la dia cerita GST ini yang tak yang katanya yang tak bagus bahagian yang tak bagus tu. Yang bagus dia tak nak cerita, jadi kalau kerana sikitlah, pasti kalau kita laksanakan GST mesti ada dengan izin, *tiding problem*. Itu biasa tapi kita mesti tengok jangka lebih panjang, kebaikan GST ini. Jadi, saya ada baca satu artikel dari *Sunday Star*, hari 16 November, hari Ahad, *understanding GST*. Di sini dihuraikan kebaikan GST. Jadi, saya harap Tangkak boleh baca ya. Jadi yang saya dapat, daripada artikel ini yang ditulis oleh tiga orang pensyarah kanan, Fakulti Perakaunan dan Pengurusan, University Tunku Abdul Rahman. GST ini 160 negara melaksanakan, telah melaksanakan. Lebih 80% daripada negara dalam dunia. Takkan lah 160% ni pemimpin-pemimpinnya bangang. Kalau GST tak bagus, saya tak ada dengar pun ada negara daripada 160 ni yang *go stand* balik. Mengadakan sistem yang lain. Dalam Asian, Malaysia, Myanmar, Brunei je yang belum laksanakan. Kita 6%, negara jiran kita Singapura 7%. Kebaikan dari GST

hasil dari GST boleh membangunkan negara lebih pesat lagi. Jesteru dapat menaikkan taraf kehidupan rakyat dengan pendapatan yang lebih. Kos menjalankan bisnes akan menurun. Ketiga, keadilan dan kesaksamaan dikenakan kepada semua bidang bisnes. Keempat, menaikkan daya saing global negara. Tiada GST dikenakan pada barang-barang dan perkhidmatan yang dieksport. Pematuhan dipertingkatkan. Sistem ini lebih kemas dari SST, *Sales And Service Tax*, dengan izin, yang banyak kelemahan dalam mentodbimya. Harga yang keenam, harga yang lebih adil kepada pengguna, mengelak cukai berganda, dibuat di bawah SST dan sistem GST ini adalah lebih telus dan banyak barang makanan, dan kegunaan harian yang telah di *zero rated* kan, dengan izin, yang tidak dikenakan cukai begitu juga, bidang *education*, pendidikan, *child in*, kesihatan juga tidak dicukaikan, barang makan dan barang kegunaan harian, senarainya berkembang dari satu masa, maknanya bertambah-tambah sedangkan di negara lain tidak begitu banyak yang dikecualikan tapi kita punya GST ada sikit kelebihan yang di perkenalkan oleh kerajaan.

YB Tan Sri Speaker : Ok, *times up.*

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Akhirnya, saya Tanjung Surat ingin menyokong usul yang dibawakan oleh Kukup. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Surat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Selamat petang, salam sejahtera, Jementah mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang sudi memberi peluang kepada Jementah untuk mengambil bahagian terhadap perbahasan bagi Bajet 2015 negeri Johor yang baru-baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, minggu yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam ucapan Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pada pendapat Jementah bajet ini ialah merupakan satu bajet yang berusaha untuk menangani satu masalah yang ketaranya berlaku di banyak negara juga, iaitu bagaimanakah kerajaan dapat merapatkan jurang kepada antara yang kaya dan miskin? Jementah telah meneliti beberapa strategi perancangan dasar yang dikemukakan, oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan terma bajetnya yang membangunkan Johor secara insklusif. Jementah berpendapat ini satu usaha yang baik, untuk memperbaiki dan mempertingkatkan taraf sosioekonomi kehidupan rakyat supaya satu masyarakat yang lebih adil, saksama dan dapat dinikmati oleh rakyat Johor. Jementah berpendapat walaupun bajet ini telah merangka banyak perancangan strategi yang teliti dan agak komprehensif, tetapi ia juga ada sedikit kekurangan yang pada pendapat Jementah, perlu dipertingkatkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jurang keberadaan antara kaya dan miskin ini satu fenomena ekonomi yang ketara yang tadi saya sebutkan. Pakar-pakar ekonomi satu salah satu pakar dia daripada Itali yang bernama Pareto telah merumuskan satu teori di mana kekayaan 80% kekayaan sesuatu negara hanya dapat dinikmati oleh jumlah 20% rakyatnya. Manakala 20% yang kekayaan yang bakinya di nikmati oleh 80% rakyatnya. Ini adalah satu teori yang bermaksud pengagihan kekayaan yang tidak seimbang. Ingin berkongsi sedikit, pengetahuan dan maklumat menurut laporan data

modal ekonomi baru, Malaysia, 80% pendapatan isi keluarga di negara kita adalah kurang daripada RM5,000.00 sebulan. Di mana 40% daripadanya kurang daripada RM2,000.00 sebulan. Juga dalam data tersebut juga menyatakan bahawa 78.6% daripada pencarum KWSP, pendapatan isi keluarga mereka adalah kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Manakala menurut laporan yang dibentangkan oleh kerajaan negeri Johor, dalam prestasi ekonomi ia menunjukkan bahawa purata gaji bulanan rakyat negeri Johor hanya meningkat sebanyak 3.7% iaitu daripada RM1,952 pada tahun 2012, kepada RM2,025.00 pada 2013. Menunjukkan 3.7% kenaikan dia peratusan tetapi kalau kita mengikut laporan bank dunia, menunjukkan bahawa daya saing pekerja Malaysia sebenarnya pada kadar 6.7%. Ini bermaksud kenaikan gaji pekerja di negara kita tidak setaraf dengan laporan yang dikemukakan oleh bank dunia.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, dan memainkan peranan yang penting untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana bagi mengurangkan tanggungan kos kehidupan mereka yang semakin meningkat adalah tanggungjawab kerajaan yang paling utama. Jementah di sini ingin memberi sedikit input kepada bajet tersebut dan diharapkan ia dapat dipertimbangkan. Cadangan-cadangan ini mungkin boleh mengurangkan pembezaan pendapatan antara kaya dengan miskin.

Yang pertama pada pendapat Jementah ialah kita perlu memperkasakan sistem infrastruktur pengangkutan awam kita, khususnya kerajaan harus mengkaji untuk mempertingkatkan perhubungan sistem kereta api yang ada sekarang di antara bandar-bandar utama di Negeri Johor dan juga mengkaji kesesuaian sama ada kita mampu atau boleh membina kereta api MRT atau Monorel seperti di KL di Pusat Bandaraya seperti di JB yang pesat membangun. Selalu kita nampak ada kesesakan lalu lintas dan juga bertambah peningkatan *accessible* dengan izinnya, perkhidmatan bas awam di antara luar bandar dan bandar dan juga kawasan perumahan dengan kawasan perindustrian.

Jementah berpendapat peningkatan sistem infrastruktur pengangkutan awam akan dapat mengurangkan penggunaan dan pembelian kenderaan-kenderaan baru dan justeru itu, ia akan dapat mengurangkan pengagihan pendapatan rakyat ke atas pembayaran balik pinjaman bank kerana membeli kenderaan-kenderaan yang baru. Dan, dengan ini rakyat mempunyai status kewangan yang lebih kukuh dengan lebihan pendapatan agihan. Yang kedua, Jementah ingin menyeru kerajaan negeri supaya mempergiatkan lagi program transformasi ekonomi khususnya di Negeri Johor daripada *low end industry* dengan izinnya kepada *value added* atau dikenali sebagai *knowledge business economy* dengan izinnya seperti kita boleh mengkaji untuk membangunkan industri bioteknologi, industri yang berkaitan dengan *sophisticated engineering* di mana pekerja-pekerja boleh mendapat pendapatan yang lebih lumayan yang lebih tinggi. Perkara yang ketiga ialah, kita selalu nampak ada setiap tahun laporan Ketua Audit Negara telah membongkarkan banyak ketirisan atau rasuah yang mungkin berlaku untuk mengurangkan gejala ini, saya Jementah berpendapat bahawa kerajaan harus memberikan projek-projek kepada kontraktor-kontraktor dengan tender secara terbuka. Ini akan dapat mengurangkan ketirisan, supaya sumber ketirisan kewangan kerajaan lebih kukuh dan dapat diagihkan semula kepada rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah. Yang keempat, Tan Sri Speaker, Jementah berpendapat, Negeri Johor ini kita kaya dengan warisan dan sejarah sejak tahun 1511. Johor sudah ada, dan kita memang kaya dengan sejarah ini. Kenapa

kerajaan tidak boleh kaji sama ada kita boleh meneroka tempat-tempat yang bersejarah untuk dijadikan tempat-tempat pelancongan yang menarik pelancong asing.

Kita tengok di negara-negara yang besar, yang maju, sejarah-sejarah mereka telah diterokai dan disediakan dengan tempat-tempat tarikan yang bersejarah berwarisan dan berkebudayaan dan industri pelancongan ini, ia merupakan satu industri yang kosnya rendah dan kita boleh memesatkan industri pelancongan supaya memberi peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan kepada rakyat tempatan sekiranya mereka diberi peluang untuk menceburi dalam industri pelancongan. Ini sedikit pendapat saya berkenaan dengan apa yang seharusnya dibuat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekarang saya menyentuh isu berkenaan dengan loji penjanaan kuasa nuklear. Pada awal Bulan Ogos 2014 yang lalu, Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri Dato' Mah Siew Keong telah membuat kenyataan bahawa satu penggubalan berkenaan Rang Undang-Undang Kawal Selia Tenaga Atom sedang berada di peringkat draf dan mungkin akan dibentangkan di Parlimen pada sesi Parlimen hujung tahun ini. Dan, kalau kita baca berita-berita lebih awal lagi pada bulan Julai yang lalu, beliau juga menyatakan bahawa kerajaan Pusat sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan berhubungan cadangan membina loji jana kuasa tenaga nuklear dalam tempoh 10 tahun ini.

Kajian yang komprehensif yang merangkumi aspek masyarakat input daripada pertubuhan bukan kerajaan juga akan dibentangkan kepada kabinet selepas laporan berkenaan siap disediakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun Pengarah Agensi Nuklear *Malaysian Nuclear Power Corporation* pernah menyatakan bahawa pembinaan loji jana kuasa tenaga nuklear telah ditangguhkan. Akan tetapi kenyataan Menteri seolah-olahnya menunjukkan niat dan memberikan satu gambaran kepada orang awam bahawa kerajaan tidak bersedia untuk melaksanakan rancangan membina loji jana kuasa tenaga nuklear yang memakan perbelanjaan sebanyak RM 21.3 billion di mana ia telah diumumkan oleh kerajaan Pusat pada Bulan Jun 2010, sebagai satu titik permulaan perlaksanaan program transformasi ekonomi. Pada masa itu, juga dilaporkan bahawa 7 lokasi akan dipertimbangkan untuk membina loji jana kuasa tenaga nuklear iaitu satu di Kedah, dua di Perak, Terengganu dan Johor. Johor ada dua yang mungkin akan di dibina menjelang tahun 2021 dan 2022.

YB Dato' Speaker : Sila gulung.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini boleh bagi masa sikit sebab ini adalah satu isu yang amat penting. Dunia telah menyaksi krisis melanda beberapa loji jana kuasa nuklear termasuk letupan, kebocoran yang berlaku di dunia di Jepun juga pada tahun 2011 semasa Tsunami. Saya amat risau adakah kerana kita berkemampuan menangani krisis letupan atau kebocoran yang tidak berbau ini. Sedangkan rakyat kita sendiri menyaksikan banyak peristiwa atau tragedi akibat kecuaian atau kelalaian dalam projek pembinaan banyak yang saya boleh memberi contoh, tetapi oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak akan senaraikan semua. Satu lagi faktor yang kita perlu mengambil perhatian ialah faktor iklim. Perubahan iklim *cremate change* dengan izin. Baru-baru ini kita rakyat Malaysia ini

sebelum ini kita tidak pernah nampak tornado. Sekarang telah nampak tornado yang berlaku di negara kita puting beliung berlaku di Segamat, berlaku di Kedah. Saya pernah nampak dengan mata saya sendiri 80 tahun punya pokok pun boleh tembus keluar oleh tornado. Oleh itu, saya amat khuatir apa akan berlaku sekiranya loji jana kuasa tenaga nuklear di bina di negeri kita ini.

Kalau ada tornado, perubahan iklim mungkin gempa bumi, apa yang akan terjadi kepada negara kita? Ini saya berharap kerajaan negeri dengan bidang kuasa yang ada di pentadbiran negeri dapat berbincang atau menegur kerajaan pusat pada pendapat saya loji jana kuasa tenaga nuklear, rancangan ini harus dibatalkan sebab kita pun nampak Negara Jerman mereka juga tidak akan menggunakan tenaga nuklear menjelang tahun 2022 dan mereka telah membuat rancangan untuk mengganti tenaga yang boleh diperhalui seperti *Waste Energy* dengan izinnya.

YB Dato' Speaker : Jementah, masa.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memberi sedikit masa untuk saya menutup sedikit masalah tempatan. Yang pertama ialah berkenaan dengan pembinaan kilang memproses buah kelapa sawit di sekitar Jementah dan Kebun Baru. Banyak penduduk-penduduk telah memaklumkan kepada saya bahawa mereka sangat khuatir dengan pembinaan tersebut yang mungkin boleh membawa masalah pencemaran alam sekitar kerana lokasi pembinaan kilang tersebut sangat dekat dengan pekan Jementah dan juga dengan loji lawatan air SAJ Jementah. Dan, saya telah menerima jawapan daripada Yang Berhormat EXCO bahawa tidak ada sebarang kelulusan yang diberikan kepada pembinaan kilang tersebut dan juga pegawai daripada Majlis Daerah Tangkak pun mengeluarkan surat bahawa kilang tersebut tidak dibenarkan untuk dibina di kawasan tersebut. Tetapi baru-baru ini, kita sudah boleh nampak kilang ini sudah di bina dengan secara senyap-senyap. Kita sudah boleh nampak kita pergi ke kawasan itu kita boleh nampak struktur bangunan itu sudah di dirikan di sini saya ingin menyanya satu soalan, adakah kerajaan sedar bahawa perkara ini telah berlaku atau apakah pendirian Kerajaan Negeri Johor berkenaan dengan bantahan atau kekhuatiran rakyat tempatan berkenaan dengan isu pembinaan kilang memproses kelapa sawit di kawasan ini.

YB Dato' Speaker : Ok.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ini yang pertama, yang kedua ialah berkenaan dengan jalan. Jementah berusaha menyambut baik usaha kerajaan untuk menaik taraf jalan di sepanjang Jementah ke Segamat, tetapi banyak kerja-kerja yang dijalankan harus diperhalusi seperti jalan-jalan alternatif perlu dipertambahkan lagi banyak papan tanda keselamatan dan juga lampu-lampu kalau boleh, lampu-lampu isyarat sementara untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang sering berlaku. Ini saya memohon perhatian daripada Jabatan Kerja Raya.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Gulung, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jementah berpendapat banyak lagi yang boleh dibuat oleh kerajaan negeri dalam Bajet 2015. Pada pendapat Jementah, membangunkan Johor secara inklusif harus termasuk mengambil kira pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang

bernas yang boleh direalisasikan daripada pihak pembangkang, untuk menjayakan negeri Johor dan memesrakan dan mensejahterakan rakyat Johor tanpa terlalu mementingkan keuntungan atau *calculative* dengan izinnyalah dari segi politik...

YB Tan Sri Speaker : Ok Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Seperti yang dikatakan. Sikit lagi...

YB Tan Sri Speaker : Sikit, sikit, sikit, soal masa Yang Berhormat...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Abong...

YB Tan Sri Speaker : Orang lain boleh mematuhi...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Kita rela menjadi apa ni budak-budak *polish* kereta lah, tak apalah kita boleh jadi budak-budak *polish* kereta untuk pemandu, memandu dengan lebih lancar lagi untuk kebaikan rakyat negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang memberi peluang kepada Jementah untuk berbahas dalam Bajet 2015. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Sekarang persilakan Yang Berhormat Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Selepas mendengar ucapan belanjawan yang disampaikan oleh Menteri Besar sepanjang 2 jam, pandangan Senai terhadap belanjawan 2015 adalah seperti berikut, janji besar tindakan kecil ataupun dalam bahasa *English* dengan izin *lip service budget*. Dengan belanjawan ini, Senai tidak berharap langsung kerajaan negeri akan melancarkan dasar-dasar yang progresif. Kenapa begitu? Ini kerana Menteri Besar mengumumkan 5 strategi utama dalam ucapan beliau, tetapi isu yang paling penting tidak diberi perhatian atau diambil berat dalam belanjawan ini. Antaranya, perkhidmatan pengangkutan awam yang menaik taraf kualiti kehidupan semua anak Johor, bekalan air kualiti tinggi dan harga murah, pentadbiran Kerajaan Tempatan yang cekap dan amanah, pembangunan projek perumahan dan dana yang memberikan manfaat kepada rakyat dan pembangunan lestari.

5 perkara ini seharusnya dijadikan fokus belanjawan kerajaan bagi meningkatkan taraf kualiti kehidupan rakyat Johor. Malangnya, belanjawan untuk tahun depan tidak memberi cukup perhatian kepada 5 perkara tersebut. Contohnya perkhidmatan pengangkutan awam hanya disebut sebanyak dua perenggan sepanjang dua jam ucapan Belanjawan. Namun begitu, Senai masih ingin mengucapkan tahniah kerana kerajaan negeri akhirnya mengambil cadangan yang saya buat dalam sidang pertama tahun lepas untuk menaik taraf Perbadanan Penganggotaan Awam Iskandar Malaysia menjadi sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk rancangan seluruh negeri.

Selain daripada itu, cadangan yang dibuat dalam pertemuan antara Wakil Rakyat DAP dengan YB Benut sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya pada 19 hari bulan Ogos iaitu Pelan Induk Pengangkutan Awam untuk seluruh negeri juga telah diterima oleh kerajaan. Tahniah kepada EXCO-EXCO yang berlapang dada dan menerima cadangan yang baik itu. Walau bagaimanapun, Senai amat hairan kerana kerajaan negeri memperuntukkan RM800,000.00 sahaja untuk menyediakan dua pelan induk pengangkutan awam. Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor dan Pelan Tindakan Pengangkutan Awam Daerah ini amat penting, justeru kalau RM 3 juta boleh diperuntukkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang untuk menyediakan satu pelan induk untuk seluruh negeri, saya rasa kerajaan negeri Johor seharusnya memperuntukkan lebih banyak untuk, lebih banyak dana untuk perkara ini kerana Johor lebih besar keluasannya berbanding Pulau Pinang. Kita boleh melihat daripada jumlah peruntukan sesuatu perkara itu banyak atau sedikit untuk menunjukkan kepentingan sesuatu perkara di mata kerajaan.

RM 3.5 juta diperuntukkan untuk infrastruktur pengangkutan awam Johor tahun depan. Tol yang dikutip oleh MRCB dari EDL satu bulan sahaja pun telah mencapai RM 11 juta. Bayangkanlah kalau MRCB boleh menyumbangkan RM 1 juta tiap-tiap bulan dari jumlah keuntungan mereka untuk menyediakan pas percuma berulang alik di antara KIK dan Kastam Singapura. Beban berat rakyat yang menggunakan Tambak Johor akan dapat diringankan dengan segera. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh warga Malaysia, yang berulang alik di antara Johor Bahru dan Singapura, Senai mencadangkan sebuah *walkalator* dibina di atas Tambak Johor. Cadangan ini sebenarnya telah dibangkit dalam pertemuan pihak pemimpin Pakatan Rakyat Johor bersama Menteri yang bertanggungjawab bagi Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Menteri tersebut terus berjanji cadangan ini akan ditimbangkan. Kalau KLIA 2 boleh membina sebanyak 19 *walkalator* dalam terminal yang sebenarnya 1 kompleks membeli belah, Senai fikir itu bukan satu masalah untuk kerajaan negeri Johor membina walkalator Sepanjang Tambak Johor.

Selain daripada, itu sistem komuter hanya dijangka siap pada tahun 2030 sahaja walaupun Wilayah Iskandar sudah mempunyai sekitar 102km landasan kereta api sedia ada. Ini garisan merah itu landasan yang sedia ada dalam Wilayah Iskandar. Kenapa kita tidak melancarkan Projek Komuter Iskandar sekarang dengan landasan sedia ada selepas landasan berkembar siap dibina? Dengan peta yang saya dapat, landasan sedia ada sebenarnya melalui kawasan perumahan dengan kepadatan tinggi. Antaranya, Masai, Johor jaya, Nusa Bestari, Skudai, Bukit Indah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, hanya 5 stesen kereta api dalam perkhidmatan pada masa sekarang, ianya Kulai, Kempas, JB Sentral, Pasir Gudang dan Tanjung Kupang dan juga Stesen Pasir Gudang dan Stesen Tanjung Kupang adalah stesen kargo sahaja. Maksudnya, infrastruktur kereta api tidak diguna sepenuhnya setakat ini. Senai mencadangkan supaya infrastruktur KTM ditambah naik segera dan supaya bilangan stesen sepanjang landasan kereta api utara selatan serta timur barat ditambah. Sekiranya kerajaan negeri benar-benar berhasrat meningkat kadar kegunaan pengangkutan awam, laksanakan Projek Komuter Iskandar segera. Penduduk-penduduk Senai, Taman Sutera, Kampung Melayu Majidee, Taman Johor Jaya dan tempat lain-lain akan dapat dimanfaatkan dengan pembangunan kemudahan ini.

Memandangkan ketidakupayaan syarikat KTM untuk melaksanakan projek mengikut jadual dan kelewatan dalam projek Depo Kempas Baru dan Landasan Berkembar, Senai mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kerajaan negeri menubuhkan satu syarikat yang menawarkan perkhidmatan kereta api dengan harga tiket rendah. Syarikat Keretapi Johor ini boleh menyewa *coach* daripada syarikat KTM dan membayar tol kepada mereka untuk menggunakan landasan sedia ada. Kerajaan persekutuan sepatutnya tidak ada sebarang alasan untuk menolak cadangan ini kerana kerajaan persekutuan akan turut mendapat keuntungan daripada penyewaan kemudahan KTM.

Tujuan untuk meningkatkan kadar penggunaan sistem pengangkutan adalah menurunkan kadar maut di jalan raya, meningkatkan pendapatan, boleh guna keluarga serta mengurangkan kesesakan lalu lintas. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, oleh demikian kita seharusnya merancang pengangkutan awam dengan memikirkan soal *public goods* dengan izin bukan perkhidmatan yang menguntungkan syarikat. Kalau kehidupan rakyat di tingkat taraf melalui perkhidmatan pengangkutan awam, maksudnya masyarakat dan negara kita untung.

Sistem ERT yang akan dilancarkan di Wilayah Iskandar perlu dirancang dengan fikiran seperti ini juga. Sistem bas pengantara boleh diperbaiki segera tanpa membina lebuh raya atau jalan raya yang baru, kalau kerajaan masih mahu membina jalan raya baru untuk mengatasi kesesakan lalu lintas, masalah kesesakan lalu lintas tidak akan diselesaikan.

Daripada pengalaman seluruh dunia, lebih banyak lebuh raya dan jalan raya dibina, lebih teruk kesesakan lalu lintas. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, contohnya walaupun *flyover* dari Lebuhraya Senai ke Jalan Lapangan Terbang telah siap dibina tetapi kesesakan lalu lintas masih berlaku tiap-tiap hari pada waktu puncak. Ini kerana terlalu banyak kenderaan menggunakan jalan raya hanya pada waktu puncak untuk pergi kerja atau balik rumah. Sekiranya kerajaan boleh menyediakan perkhidmatan bas pengantara dan kereta api yang lebih kerap serta jaringan bas yang menyeluruh dengan harga tiket rendah, Senai percaya lebih ramai orang akan mengubah cara hidup mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah Belanjawan 2015 ini adalah janji besar, tindakan kecil ataupun mengambil tindakan salah. Memang negeri Johor khasnya Wilayah Iskandar berkembang pesat selepas projek ini dilancarkan. Tetapi, adakah penduduk tempatan mendapat sebarang keuntungan daripada perkembangan tersebut ? Atau sekadar dipinggirkan dalam proses pembangunan ini? Kerajaan negeri seharusnya menerima pelaburan asing yang akan menambah peluang pekerjaan untuk orang tempatan sahaja. Kalau pembangunan hanya menawar peluang pekerjaan kepada warga asing, apalah guna pembangunan ini. Oleh demikian, Senai ingin bertanya adakah pembangunan sekarang menguntungkan kesemua anak Johor? Adakah Wilayah Iskandar sebuah metropolis yang sedang membangun atau sekadar *fun fair* warga asing sahaja? Sekiranya cara pembinaan bangunan digunakan oleh semua pemaju-pemaju sama taraf dengan teknologi yang sedia ada yang kita sedang guna, malah pemaju asing ini menggunakan buruh asing bukan orang tempatan. Kenapa kita izinkan mereka mengambil lokasi utama melakukan aktiviti spekulasi harga hartanah yang tidak menguntungkan kita anak Johor barang sedikit pun?

Senai juga memang bersetuju dengan pandangan beberapa Wakil Rakyat dari sebelah sana. Isu pekerja asing kian serius. Kita perlu menangani isu ini dengan cara holistik. Pandangan saya, isu pekerja di Malaysia sebenarnya adalah isu penyeludupan manusia yang sah, maksudnya kita import tenaga buruh asing melalui saluran yang sah tetapi masih wujud masalah pemerdagangan manusia. Dasar-dasar kerajaan persekutuan yang tidak menghalang *import* buruh asing tanpa kemahiran maka meletakkan banyak halangan terhadap pekerja asing kemahiran ataupun eksekutif yang berhasrat kerja di Malaysia. Ini adalah satu punca utama yang mengakibatkan masalah. Sektor intensif buruh, tiada insentif untuk meningkat taraf kemahiran mereka kerana kos rendah, kos buruh asing lebih murah daripada pekerja tempatan. Dan, tidak cukup perhatian diberi kepada kebajikan pekerja asing. Setakat ini 70% tenaga buruh di Malaysia adalah *unskill* dengan izin ataupun *semiskill* dan sebahagian besar adalah pekerja asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 70% nya ramai warga Malaysia khasnya orang muda terpaksa bersaing pekerja asing tanpa kemahiran dengan gaji yang rendah kerana kerajaan tidak memberi insentif yang cukup menarik untuk IKS menjalankan *mechanisation* dan *automation*. Akhirnya golongan muda yang pinjaman PTPTN mempunyai sekadar diploma dari IPTS terpaksa yang dibebani menurunkan jangkaan kerjaya mereka ataupun keluar dari pasaran pekerjaan khasnya wanita. Kenapa kita tidak menyediakan lebih banyak insiatif untuk IKS meningkatkan produktiviti melalui *mechanisation* ataupun *automation* upah pekerja tempatan yang mempunyai kemahiran dengan gaji yang lebih menarik. *Raise to boardem* dengan izin, perlu dihentikan dengan segera. Senai mencadangkan supaya kerajaan negeri menubuhkan lebih banyak institusi vokasional untuk pelajar-pelajar tidak dapat menghabiskan, menghabiskan pendidikan di peringkat sekolah menengah dan pelajar yang tidak berminat dalam pendidikan tinggi tidak perlu tunggu kerajaan persekutuan lagi.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai): Yang Berhormat Tan Sri Speaker,saya ingin membawa isu tempatan saya ke Dewan yang mulia ini. Dalam Bajet 2015, JKR Kulaljaya di peruntukkan sebanyak RM500.000.00, terima kasih banyak. Senai berhasrat, berharap peruntukan ini akan digunakan untuk memperbaiki Jalan Besar Kulai Besar jalan raya ini telah menjadi kawasan hitam kepada penunggang motosikal khasnya kerana terdapat lubang yang besar, malah masalah besar Kulai Besar bukan sahaja lubang dan lopak, yang seringkali muncul selepas hujan. Penutupan persimpangan untuk kenderaan masuk ke Taman Teok telah mengakibatkan kesulitan kepada penduduk-penduduk Taman Teok. Senai faham penutupan itu tidak dapat dielakkan kerana terlalu banyak kemalangan berlaku. Tetapi JKR atau PBT seharusnya menyediakan satu jalan *alternatif* untuk penguna-penguna jalan raya. Senai telah menghantar cadangan kepada PBT dan JKR agar simpang tiga di depan *station petrol Shell* Kulai Besar diubah suai ke simpang empat untuk mengatasi masalah tersebut. Namun begitu Senai masih belum Di maklumkan apa keputusan diambil oleh pihak berkenaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu tempatan kedua, sekarang adalah musim hujan Senai percaya ramai YB-YB yang berada di dalam Dewan ini sangat takut apabila hujan, lebat. Ini kerana banjir kilat sering berlaku memandangkan, memandangkan pembangunan semakin pesat dan pemuliharaan alam sekitar tidak diambil berat

dalam proses tersebut. Contohnya, di bahagian Jalan Seelong berdekatan kilang Celestica telah beberapa kali banjir selepas hujan lebat kerana kawasan sekeliling sedang menjalankan pembangunan industri di kawasan industri. Sistem perparitan yang tidak menyeluruh mengakibatkan bahagian jalan raya itu menjadi kawasan hitam banjir. Senai harap, PBT atau JPS akan mengambil berat isu ini walaupun masalah banjir tersebut mungkin adalah masalah sementara dalam proses pembangunan. Tetapi kepentingan penduduk-penduduk Seelong dan penggunaan jalan raya terjejas mesti diberi perihatian.

Isu ketiga, memandangkan perumahan di negeri Johor semakin hangat kerajaan negeri seharusnya bukan sahaja menjalankan projek baru juga memperbaiki semua projek perumahan terbengkalai secepat mungkin. Taman Permata Impian sebenar nya tidak terletak dalam kawasan saya iaitu Bukit Permai. Tetapi Senai ingin bangkitkan isu ini dalam Dewan kerana pembeli rumah sana telah menanti terlalu lama untuk rumah mereka siap dibina. Malah Taman Permata Impian ini, terletak jauh dari jalan utama tiada bas perantara masuk sana jadi semua penduduk terpaksa membeli kenderaan walaupun kawasan itu memang kawasan kos rumah rendah ataupun sederhana sahaja.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Akhir sekali, berkenaan cuti hujung minggu apa keputusan diambil yang oleh kerajaan selepas 6 bulan survey dan kajian. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penukaran cuti hujung minggu akan membawa kesan negatif kepada pembangunan ekonomi kita dalam jangka masa panjang. Seandainya sektor swasta khasnya sektor kewangan terpaksa menukar cuti hujung dari Ahad ke hari Jumaat pembangunan ekonomi kita akan terjejas memandangkan pelaburan banyak bergantung kepada pelabur warga Singapura dan juga China. Oleh itu, Senai juga ingin mendesak parti MCA supaya jangan buat bantahan di luar Dewan sahaja, kalau mereka benar membantah penukaran tersebut, mereka sepatutnya minta YB Paloh dan Pulai Sebatang menjalankan tugas mereka di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Senai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pekan Nenas.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Selamat sejahtera Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dan rakan-rakan Ahli Dewan sekalian. Pekan Nenas ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian perbahasan Bajet 2015 Negeri Johor.

Sebelum saya memulakan ucapan saya, Pekan Nenas mendapati Laporan Kewangan GLC JCORP untuk tahun 2013 masih belum dibentangkan dan Laporan Kewangan JCORP yang diperolehi dalam mesyuarat lepas, sebenarnya adalah Laporan tahun 2012. Oleh itu Pekan Nenas meminta laporan, Laporan Kewangan JCORP 2013. Boleh diserahkan Ahli Dewan secepat mungkin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, berusaha mengurangkan kemiskinan yang dihadapi rakyat jelata melalui meletakkan strategik memangkinkan kesejahteraan hidup rakyat dalam Bajet 2015. Namun banyak lagi usaha adalah amat dialu-alukan untuk menolong golongan nelayan dan petani kecil. Pekan Nenas bersetuju dengan rintihan nelayan di Tanjung Piai dibangkitkan oleh

Kukup dalam Dewan ini. Peruntukan sebanyak RM1.8 juta daripada kerajaan negeri Johor untuk memberi bantuan kewangan kepada anggaran 1,800 orang nelayan di selatan negeri Johor dengan jelasnya tidak dapat menyelesai masalah yang dihadapi akibat pendapatan mereka terjejas dalam arus pembangunan. Sebanyak 913 hektar hutan paya bakau di Tanjung Bin telah ditebang untuk memberi laluan kepada industri petro kimia dan industri maritim. Projek pembangunan industri petrokimia dan industri maritim di Tanjung Bin telah menjejaskan hutan paya bakau dan rumpai laut yang merupakan habitat bagi pelbagai hidupan laut. Tidak ada pemulihan yang mencukupi terhadap pembekalan sumber laut yang dihasilkan oleh hutan paya bakau. Di samping itu, kesan pencemaran terhadap alam sekitar akibat bahan-bahan toksik yang dihasilkan oleh industri petrokimia akan merencatkan pertubuhan dan membiakkan spesies hidupan laut. Hidupan, kehidupan golongan nelayan di kawasan Sungai Pulai semakin terjejas selepas pelaksanaan mega projek Pelabuhan Tanjung Pelepas stesen. Jana kuasa alam Batu serta industri petrokimia dan industri maritim.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada ancaman mega projek terdapat lebih daripada 70,000 kapal dagang melalui Selat Melaka menghasilkan pukulan ombak dan menyebabkan hakisan yang serius di kawasan Tanjung Piai dari tahun 1974 sehingga 2011. Jarak hakisan yang berlaku adalah selebar 303.9 meter dan menyebabkan hutan paya bakau semakin berkurangan di kawasan Tanjung Piai, di kawasan Taman Negara Tanjung Piai. Berdasarkan kajian *intergrate southline and management plan*. dengan izin, yang dilaksanakan oleh JPS negeri Johor. ..... 500 meter dari persisiran pantai dan kos pembinaan berjumlah RM106 telah juta dicadangkan untuk mengatasi, hakisan Tanjung Piai. Malah pihak JPS negeri Johor hanya mendapati 30 juta untuk mengatasi masalah hakisan tersebut. Kehilangan hutan paya bakau akibat hakisan laut yang ketara juga akan mengurangkan sumber laut di kawasan tersebut. Peruntukan sebenar sepatutnya disalurkan kepada JPS negeri Johor untuk mengatasi masalah hakisan di Tanjung Piai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pekan Nenas juga ingin memohon penceraban tentang projek STS dengan izin *Ships To Ships* yang sedang rancak dilaksanakan di perairan Pelabuhan Kukup. Projek STS yang melibatkan pemindahan produk yang berasaskan petroleum dari satu kapal ke kapal yang lain berpotensi menyebabkan pencemaran minyak. Sekarang perairan Kukup sudah sering menghadapi masalah pencemaran disebabkan oleh tumpahan minyak daripada kapal-kapal. Kenapa pula hendak melaksanakan projek STS untuk meningkatkan risiko ini lagi. Sekiranya projek STS diluluskan sumber pendapatan nelayan-nelayan dan penternak sangkar di kawasan perairan Kukup, Gelang Patah dan Pontian akan mengalami kemudaratan yang amat serius. Bantuan kewangan RM1,000 setahun hanya membawa nilai tidak cukup RM3.00 sehari kepada golongan nelayan. Pekan Nenas mendapati nasib dan sumber rezeki golongan nelayan hanya akan terjamin sekiranya kerajaan benar-benar melaksanakan pembangunan lestari.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain itu menurut Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan matlamat merancakkan industri pelancongan Kerajaan Johor berhasrat memulihkan kedudukan Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai dan pembangunan sebagai taman rekreasi dan penyelidikan paya bakau berkepentingan.

YB Tan Sri Speaker : Dia bukan Tanjung Pi ai. Dia nama Yang Berhormat bukan Tanjung Piai, Tanjung Piai.

YB Tan Sri Speaker : Piai.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas): Piai, ya. Antara mesti dilawat, Kukup telah terkenal dengan makanan laut yang sedap dan murah. Terdapat banyak *homestay* di kawasan Kukup untuk memudahkan pelancong-pelancong menginap dan membolehkan Kukup berkembang menjadi satu tempat pelancongan yang amat popular dengan aktiviti menikmati makanan laut dan aktiviti eko tourism. Hasrat kerajaan merancakkan industri pelancongan di Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai akan menghadapi masalah sekiranya projek STS diluluskan dan berlakunya kes pencemaran laut akibat tumpahan minyak yang ketara. Sebab itu, Pekan Nenas membantah pelaksanaan projek STS dijalankan di perairan Kukup.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas juga ingin menyentuh masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil akibat kejatuhan harga getah dan minyak kelapa sawit yang semakin serius. Walaupun kerajaan memberi mereka bantuan kewangan *One Off* sebanyak RM500.00 kepada pekebun kecil dan penoreh bukan pemilik serta program dan skim bantuan lain, malah bantuan tersebut bukan langkah-langkah menyelesai masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil secara menyeluruh. Masalah utama dalam sektor pertanian di negara kita termasuk juga di negara-negara lain ialah sebagai pihak pengeluar bahan mentah, kita tidak berhak untuk menentukan harga barangan pertanian dalam pasaran dunia. Masalah ini menjadi semakin ketara akibat kejatuhan harga getah berlanjutan sejak tahun 2012 yang melibatkan seramai 4000.00 pekebun kecil yang mengendalikan getah seluas 979.806 ekar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Associate Of Natural Rubber Production Country dengan izin, ANRPC yang terdiri daripada 11 negara pengeluar getah utama di dunia, termasuk Thailand, Indonesia, Malaysia, India telah menguasai lebih 90% daripada pengeluaran getah dunia. Kita seharusnya bekerjasama dan mencari pendekatan untuk memegang kuasa menentukan harga getah di pasaran dunia. Sebagai contoh, *organization of the petroleum exporting country* (OPEC) dengan izin, hanya menguasai 80% daripada simpanan minyak mentah di dunia, tetapi berjaya mengawal harga minyak mentah di pasaran dunia. Selain itu, cadangan daripada Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, (PKPKM) untuk menetapkan harga minimum getah beku dengan harga RM4.00 satu kilogram harus dipertimbangkan secara mendalam oleh pihak kerajaan. Satu mekanisme penetapan harga lantai atau harga terendah yang munasabah kepada pekebun kecil getah adalah amat dialu-alukan untuk mengelakkan kejatuhan harga getah berterusan dan memastikan pendapatan minimum pekebun getah dapat dijamin. Begitu juga untuk hasil tanaman lain seperti kelapa sawit, kita perlu membuat persediaan awal dan bukannya mengambil tindakan selepas masalah telah meruncing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menyentuh tentang berapa masalah yang dihadapi di kawasan saya. Terdapat banyak penduduk daerah Pontian menghadapi masalah kenaikan cukai harta daripada 100% sehinggalah 300% apabila pihak MDP melaksanakan penilaian semula terhadap harta sejak akhir-akhir ini. Notis senarai nilaian baru yang dikeluarkan oleh MDP bertarikh 6 November 2014, tetapi kebanyakan penduduk hanya mendapat notis tersebut selepas 13 November. Ada pula yang

menerima notis semalam dan hari ini. Menurut notis tersebut, penduduk perlu membuat bantahan secara bertulis kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Pontian pada atau sebelum 18 November iaitu hari ini. Masa yang ditetapkan untuk membuat aduan adalah terlalu singkat kerana surat yang diserahkan oleh MDP kepada penduduk adalah terlalu lewat. Oleh itu, Pekan Nenas menyeru pihak MDP memanjangkan masa bagi penduduk tempatan membuat bantahan dan rayuan.

Selain itu, Pekan Nenas juga memohon Pihak Berkuasa Tempatan supaya jangan melaksanakan kerja-kerja penilaian semula harta tanah kerana tahun depan bukan masa yang sesuai untuk melaksanakan dasar ini. Kini kos sara hidup semakin tinggi akibat kenaikan harga petrol dan *year trade*. Lagipun, cukai GST akan dilaksanakan pada 1 April tahun depan. Kenaikan cukai harta yang mendadak dan tinggi akan menyebabkan beban hidup rakyat terlalu berat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perlaksanaan kenaikan cukai harta mendapat bantahan oleh penduduk daerah Pontian, salah satu sebab utama adalah kenaikan cukai harta yang terlalu tinggi. Kadang kala, bukannya rakyat tidak bekerjasama dan enggan membayar kenaikan cukai harta, malah kenaikan yang rasional dan berperingkat perlu dijalankan untuk mengelakkan tentangan daripada golongan rakyat. Andaikan, cukai harta pada asalnya hanya RM100 lebih setahun tetapi melonjak menjadi RM400 lebih, siapa yang akan terimanya? Perasaan tidak puasa hati di kalangan penduduk yang terbabit adalah senang untuk difahami. Oleh itu, Pekan Nenas berharap sekiranya kenaikan cukai harta tidak dapat dielakkan, kadar kenaikan mesti dikawal dalam satu tahap yang rasional dan munasabah dan lagi baik jangan naiklah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pekan Nenas juga ingin memohon pihak JKR, JPS dan MDP mengambil langkah untuk menyelesai masalah banjir kilat yang sering berlaku di Taman Pontian Jaya dan pusat bandar Pontian Kecil. Banjir kilat yang berlaku di Taman Pontian Jaya berpunca daripada aliran air yang tidak lancar di jambatan PT 2/12, Batu 34 Jalan Johor menyebabkan lebih kurang 200 keluarga kawasan tersebut terpengaruhi.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Oh. Banyak lagilah. Tak apa. (Dewan ketawa) Setelah beberapa tinjauan di jambatan tersebut, tinjauan dibuat di jambatan tersebut Pekan Nenas mendapati bahawa terdapat sekatan air oleh kabel utiliti yang terletak di, terletak pada kalbart konkrit di bahagian bawah jambatan tersebut. Kabel utiliti tersebut telah menyebabkan air bertakung sekurang-kurangnya satu hingga 2 kaki tinggi dan tidak dapat mengalir sepanjang tahun.

Pekan Nenas berbesar hati sekiranya pihak JKR dapat mengalihkan kedudukan kabel atau mengambil langkah alternatif lain untuk mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banjir kilat yang berlaku dalam bandar Pontian Kecil berpunca daripada kelemahan sistem pengaliran dengan jumlah longkang besar yang sedia ada tidak mencukupi untuk mengalirkan kapasiti air yang banyak pada satu-satu masa terutamanya hujan lebat. Menurut tinjauan semasa berlaku banjir kilat di bandar Pontian Kecil, Pekan Nenas mendapati longkang yang mengalirkan air

daripada Jalan Parit Masjid, Jalan Ismail tidak sempat mengalir dengan sempurna di kawasan Jalan Osman, akibat tidak dapat menampung kapasiti air yang tinggi. Pekan Nenas bercadang menambah mana-mana saliran di kawasan bandar Pontian Kecil untuk menampung kapasiti air yang mengalir ke arah laut. Oleh sebab kawasan tersebut adalah dekat dengan kawasan pantai, saliran atau longkang baru yang perlu dibina hanya sepanjang kira-kira 50 meter.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pekan Nenas juga ingin menyeru pihak NDP mengambil tindakan pro aktif supaya masalah lalu lintas di pusat perdagangan Pontian dapat diatasi. Banyak penduduk dan peniaga di kawasan tersebut selalu mengadu bahawa sistem lalu lintas di kawasan tersebut adalah amat tidak memuaskan menyebabkan mereka terpaksa membuat pusingan yang besar untuk pergi ke destinasi-destinasi di kawasan tersebut.

Pekan Nenas bercadang agar simpang di Jalan Delima yang berhadapan dengan Kolej Komuniti Tanjung Piai, dapat digantikan dengan struktur *roundabout*, agar aliran lalu lintas lebih efektif dan teratur. Sebarang tindakan untuk menutup mana-mana simpang adalah kurang wajar selagi *roundabout* tersebut belum siap dibina kerana akan menyebabkan pengguna jalan raya di kawasan tersebut terpaksa membuat pusingan yang sangat besar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, struktur bangunan di atas Lot 1419 pusat perdagangan Pontian yang dibangunkan di bawah projek penswastaan pembangunan komersial, projek PKK yang melibatkan usaha sama pihak MDP dan pihak pemaju swasta telah mengalami kerosakan dan keretakan yang serius pada 9 Januari 2014. Kajian siasatan terhadap struktur bangunan terbabit dijalankan oleh perunding daripada Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia. Mengikut laporan forensik tersebut, renovasi bangunan yang dijalankan oleh pemilik dituduh sebagai punca kerosakan dan keretakan bangunan tersebut. Pemilik bangunan tersebut memohon mendapatkan salinan laporan forensik daripada pihak MDP namun tidak menerima sebarang maklum balas. Ini menimbulkan keraguan dalam kalangan mereka. Kenapa pemilik-pemilik tidak boleh mendapatkan satu salinan laporan untuk rujukan mereka? Adalah amat tidak adil bahawa mereka tidak diberi satu salinan *report* untuk mengetahui apa yang sebenarnya berlaku. Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Ok

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Laporan tersebut adalah penting supaya pemilik-pemilik boleh membuat keputusan dan mengambil langkah selepas mendapat cadangan daripada pihak golongan yang lain tentang laporan tersebut. Oleh itu, Pekan Nenas sekali lagi menyeru pihak MDP menyediakan satu naskhah laporan forensik kepada setiap pemilik kedai yang terlibat supaya keraguan mereka dapat di selesai dan tindakan lanjut boleh diambil oleh pihak-pihak yang terbabit.

Saya nak gulung, dan dengan akhir sekali. Sekarang nak gulung. Memang last sekali.(Dewan ketawa) Dulu yang palsu punya. Sekarang sudah nak gulung.(Dewan ketawa)

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Dewan Undangan Negeri Johor telah menjalankan 4 kali mesyuarat pada Penggal Persidangan Pertama, manakala dalam Persidangan yang kedua sudah sampai bulan November tetapi kita hanya menjalankan 2 kali mesyuarat sahaja. Adalah dijangkakan bahawa 3 kali mesyuarat akan dijalankan dalam Penggal Persidangan Kedua. Ini adalah berkurangan berbanding dengan Penggal Persidangan Pertama.(Dewan bertepuk)) Banyak isu perlu dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk mencari langkah penyelesaian. Oleh itu Pekan Nenas menyeru bilangan Mesyuarat Dewan Negeri haruslah bertambah dan bukannya sebaliknya semakin berkurang. Janganlah Dewan Negeri menjadi satu Dewan yang jarang untuk mengadakan mesyuarat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga menyarankan bagi Penggal Persidangan yang akan datang, adalah lebih baik kita mengadakan sekurang-kurangnya 4 kali mesyuarat dalam setiap penggal persidangan, dan lebih baik sekiranya bilangan mesyuarat dapat di, dapat bertambah. Setiap Ahli Dewan dapat membentangkan 11 soalan dalam mesyuarat dan membolehkan Ahli-Ahli Dewan lebih memahami perkembangan dan memantau pelaksanaan dasar yang dilaksana oleh kerajaan negeri Johor. Sebab itu, bilangan mesyuarat yang dijalankan dalam setiap Penggal Persidangan seharusnya dipandang sebagai satu KPI untuk Dewan Negeri Johor.

Akhir sekali, tempoh mesyuarat untuk Dewan Negeri perlu dipanjangkan supaya kita tidak selalu dihadkan masa dan untuk bersedia untuk bergulung.(Dewan bertepuk) Dan saya rasa tempoh mesyuarat cadangkan dipanjang kepada 2 minggu iaitu 10 hari sekali supaya kita mempunyai lebih banyak masa dalam sesi soal jawab dan membuat perbahasan. Sekian, terima kasih Tan Sri Speaker.(Dewan bertepuk)

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nenas. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan dewan ini selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:50 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4:00 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Dewan di sambung semula. Jemput, Mengkibol. 15 minit.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana telah memberi peluang kepada Mengkibol untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015. Salam sejahtera, salam bersih dan salam hijau kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan mulia ini. Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari, bertemakan "Membangunkan Johor Secara Inklusif" sememangnya sedap didengar. Dan, Mengkibol berasa terharu apabila Yang Amat Berhormat membentangkan bajet beliau tempoh hari. Mengkibol berharap pihak kerajaan negeri bersikap serius atas apa yang telah diperkatakan itu serta ikhlas dalam perlaksanaan. Pada bulan September yang lalu, Pusat Komuniti Kluang telah menganjurkan pesta Kluang untuk memupuk sikap kekitaan di kalangan warga Kluang dan untuk memperkasakan komuniti Kluang.

Dalam program-program yang di rancangkan tersebut, terdapat program-program yang perlu menggunakan premis Majlis Perbandaran Kluang. Tetapi permohonan kami telah ditolak pada saat-saat terakhir. Ini telah menimbul banyak kesulitan kepada kami sehingga beberapa program utama terpaksa dibatalkan kerana tidak ada kebenaran untuk menggunakan premis-premis tersebut.

Mengkibol berharap tema membangunkan Johor seinklusif ini bukan sekadar tinggal slogan sahaja. Janganlah seperti orang kampung cakap 'cakap tak serupa bikin', tetapi haruslah dilaksanakan sepenuhnya di setiap peringkat kerajaan, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, Mengkibol berharap insiden yang dialami seperti, Pesta Kluang pada tahun ini, dia tidak akan berulang lagi dan kita dapat bersama-sama memulakan era politik baru di negeri Johor.

YAB Dato' Speaker, tahun 2014 ini merupakan satu tahun yang kurang baik bagi penduduk di sekitar daerah Kluang, kerana menghadapi banyak masalah berkenaan air. Pada awal tahun ni, Kluang menghadapi gangguan bekalan air sehingga terpaksa menjalankan catuan air atau pun pembekalan berjadual mengikut terjemahan pihak SAJ. Mulai bulan Ogos ini, air paip di sekitar Kluang seolah-olahnya berlaku silap mata atau pun 'magic', di mana pili air kita mengalirkan air barli seperti ini, air barli atau pun teh 'O', ada terus keluar kopi 'O'.

YB Dato' Speaker : Untunglah... Kopi minum tak payah bayar.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Untung tak payah bancuh sudah dapat kopi O. Ini Coca Cola dapat. Yang terbaru minggu lepas kita dapat green tea pulak. Bagi kalangan yang mampu mereka pakai *water filter*. Inilah *filter* yang digunakan, satu hari sudah jadi macam ni. Sudah jadi kuning, daripada putih sudah jadi kuning. Kalau bagi orang-orang kalangan orang yang tak mampu macam Mengkibol terpaksalah baju putih pun sudah jadi kuning.

Jadi kalau benda ni, kita kata berlaku di Melaka, kita tak hairan pasal Melaka tu satu tempat tu nama dia Ayer Keroh. Semalam, YB Senggarang ada sebut, di Johor ni boleh banyak, ada banyak world. Ada world banana, world of durian, Mengkibol berharap jangan-jangan Kluang ini lain kali bagi nama World of Air Keroh. Ini jangan berlaku minta.

Pada awal tahun bulan Ogos, apabila berlakunya apabila berlakunya masalah ini, Mengkibol telah berhubung dengan SAJ Kluang untuk highlight isu ni, dengan izin. Dan bersama-sama mencari penyelesaian bagi isu ni. Bagaimanapun YAB Dato' Speaker, sampai hari ini masih lagi masalah ini menghantui penduduk di sekitar Kluang. Masalah kualiti air ini sebenarnya dia bukan berlaku sahaja di sekitar Kluang, cuma Kluang ni lebih teruk sikit. Kelmarin, Tangkak pun ada sebut, di tempat dia, di kawasan dia ada masalah ini.

Pada awal tahun pulak, semasa penduduk di Kluang mengalami terputus bekalan air, penduduk-penduduk di sekitar daerah Kota Tinggi, Muar dan Ledang walaupun ada air tapi dibekalkan dengan air payau. Adakah pembekalan air payau ni memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?

Jadi Mengkibol ingin mengesyorkan supaya pihak SAJ memberikan pampasan yang setimpal kepada pengguna-pengguna yang terjejas ini. Antara bentuk pampasan yang boleh dipertimbangkan adalah pihak SAJ memberikan pengecualian bil air terhadap penduduk-penduduk yang terjejas ini mulai bulan Ogos, September, Oktober dan bulan ni. Atau pun kalau rasa kos dia terlalu tinggi, sekurang-kurangnya bagilah rebat yang munasabah supaya pengguna-pengguna ni dia lebih redha dan ketidakpuasan itu tak sampailah ke tahap yang tidak boleh dikawal.

Pada masa yang sama Mengkibol juga memohon supaya pihak kerajaan Negeri, khususnya kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar supaya kita dapat mendesak KKM untuk membentangkan Akta Keselamatan Air Minuman dengan kadar yang secepat mungkin supaya dia dapat dikuatkuasa untuk keselamatan air minuman dan memelihara kepentingan rakyat.

YAB Dato' Speaker, sebenarnya isu berkenaan air ni dia amat rumit, walaupun dia hanya tiga huruf A.I.R, tiga huruf, tapi dia melibatkan banyak jabatan dan agensi. Antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran yang bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan sungai yang lebih kepada hidrologi, Jabatan Alam Sekitar pulak berkait rapat dengan pencegahan atau pun lebih tepat sekali penguatkuasaan terhadap pencemaran air dan kadangkala kegiatan mencemarkan kawasan tadahan air ini dia juga melibatkan Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Hutan atau pun PERHILITAN dan mungkin juga Jabatan Pertanian turut terlibat dalam isu air ini.

Maka, apabila sampainya waktu untuk meminta peruntukan masing-masing akan berebut-rebut mengakui bahawa jabatannya berperanan dalam hal ehwal isu air dan sungai. Bagaimanapun, sampai masa hendak memulihara kawasan tadahan ataupun mengawal air sungai, masing-masing ada batasnya. Sehingga isu dasar, isu-isu dasar seperti pemeliharaan kawasan tadahan air, perlindungan ekosistem sungai dan pengawalan kualiti air sungai, sampai sekarang masih menjadi satu isu dan masalah besar yang belum kita menemui penyelesaiannya.

Sebagai penyelesaian dalam masa terdekat, kerajaan diharapkan supaya mewartakan semua kawasan tadahan air, supaya sumber-sumber air yang mengalami pencemaran yang teruk harus diberikan keutamaan yang tertinggi dan harus diwartakan secepat yang mungkin. Pewartaan kawasan tadahan air seperti di empangan Bekok, Empangan Semberong, Empangan Machap, Sungai Skudai, ia seharusnya disegerakan supaya kerja pemuliharaan dan penguatkuasaan dapat bermula dengan secepat mungkin.

Kerajaan juga dicadangkan mengkaji isu ni supaya satu badan yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas hal ehwal air ditubuhkan. Peranan BAKAJ nampaknya amat terhad kepada penyelaras atau dengan izin, 'coordinator' di antara jabatan-jabatan yang berkait rapat dengan isu air. Peranan BAKAJ yang sekarang, dia lebih kepada peranan yang reaktif dan responsif yang kurang berkesan dalam memastikan kualiti sumber air, sumber air mentah yang kita sentiasa, sentiasa dalam keadaan yang terkawal. Oleh yang demikian, satu bodan bersepadu dalam pengurusan sumber air ni adalah amat penting, atau pun lebih kuasa diberi kepada BAKAJ supaya sebagai satu jalan penyelesaian jangka masa panjang untuk masalah yang kita hadapi sekarang.

YB Dato' Speaker, pada 20 September yang lalu, beberapa kawasan perumahan di sekitar Kluang dilanda banjir kilat, yang mana sesetengah tempat ditenggelami air sedalam dua kaki. Apa yang menghairankan ialah, salah satu kawasan yang ditimpa banjir kilat ini adalah adalah rumah-rumah di Jalan ..... Kluang Barat, Taman Kluang Barat, Taman Kluang Baru minta maaf. Yang terletak di tepi Sungai Lambak yang baru saja dijalankan projek pelebaran sungai. Sepatutnya masalah ni tidak berlaku. Apabila Mengkibol melawat ke lokasi tersebut, Mengkibol mendapati bahawa air sungai belum penuh, hanya separuh sahaja. Maksudnya banjir kilat yang berlaku pada hari itu, bukan disebabkan oleh kenaikan paras air sungai yang sehingga menyebabkan air tu melimpah ke atas darat dan masuk ke rumah penduduk.

Mengkibol juga mendapati, air yang menenggelami kawasan tersebut masuk dari pintu hadapan, keluar ke pintu belakang dan terus masuk ke sungai yang di belakang rumah. Dengan kata lain, masalah yang berlaku, dia adalah disebabkan oleh kelemahan perparitan di kawasan tersebut, ni tak ada kaitan dengan EXCO JPS lah.

Oleh yang demikian, Mengkibol berharap supaya pihak berkuasa tempatan dapat mengambil langkah yang lebih proaktif untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan membaik pulih sistem perparitan di kawasan-kawasan terbabit, yang gagal mengalirkan air ke sungai yang berdekatan. Kalau boleh, Mengkibol berharap, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam perkara ini terutamanya dalam PBT dapat bersama-sama dengan Mengkibol turun padang dan bersama-sama kita melawat ke lokasi kejadian tersebut untuk mencari penyelesaian yang lebih berkesan, untuk menyelesaikan masalah rakyat.

YB Dato' Speaker, dengan jaringan Bandar yang semakin meluas di seluruh negara, perkhidmatan pengangkutan awam yang hanya meliputi pusat Bandar sahaja, dia amat tidak mencukupi. Banyak kawasan perumahan baru terletak jauh daripada pusat Bandar dan kawasan baru yang berkepadatan rendah. Walaupun kawasan perumahan itu berkemungkinan kawasan rumah kos rendah, penduduknya selalu terpaksa membeli kereta dengan pinjam bank, yang kadang bunga dia sangat tinggi kerana lazimnya kawasan baru tersebut tiada akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam. Di bandar-bandar seperti Batu Pahat, Kluang, Muar, Kota Tinggi, Kulai, Pihak berkuasa haruslah menyediakan pengangkutan awam yang mempunyai rangkaian bas yang menyeluruh. Penduduk di bandar-bandar skunder, mereka tidak sentiasanya memerlukan perkhidmatan pengangkutan antara kota. Mereka...

YB Dato' Speaker : Mengkibol, sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Panjang lagi nak gulung... Mereka sebenarnya lebih memerlukan bas untuk pergi ke institusi awam seperti sekolah, hospital, balai polis, pejabat pos dan juga tempat bekerja mereka. Maka Mengkibol berharap perkara ini diberikan perhatian yang secukupnya.

Satu lagi isu yang selalu terlepas pandang, adalah dia telah menjadi satu trend dimana banyak hospital yang asalnya terletak di Pusat Bandar kini telah dipindahkan ke luar Bandar, ataupun ke kawasan baru di pinggir Bandar. Keadaan ni amat ketara. (Batuk) Minta maaf. . di bandar-bandar skunder seperti Hospital Inche Besar Hajah.... di Kluang, Hospital Sultanah Nora Ismail di Batu Pahat. Hospital-hospital baru ini kebanyakannya dibina di pinggir Bandar telah ataupun terletaknya di taman-taman

perumahan baru yang jauh daripada pusat bandar seperti Hospital Sultan Ismail di Mount Austin, Johor Bahru. Masalah bas yang menghubungkan hospital ini merupakan satu masalah yang sama, yang serius. Bagi golongan bawah yang tidak mampu membeli kereta persendirian, mereka perkara ini membawa impak yang paling besar terhadap mereka. Satu...

YB Dato' Timbalan Speaker : Batuk-batuk tu berhenti sajalah.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Boleh-boleh. Ini isu rakyat sangat penting. Dah hilang dah. Tak tahu ke mana dah. (Ketawa)

YB Dato' Timbalan Speaker : Hilang, dah la.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Golongan yang paling penting untuk perlu diberi perhatian segera oleh kerajaan merupakan golongan warga emas yang biasanya tidak tinggal bersama anak-anak mereka. Golongan ini apabila mereka hendak pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan atau perubatan secara berkala, mereka menghadapi masalah pengangkutan. Dah lah pengangkutan awam seperti bas tidak dihubungkan ke hospital. Jadi Mengkibol mencadangkan supaya perkara ini dapat untuk jangka masa pendek dapat diselesaikan dengan dilihat sebagai sesuatu perkara di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana warga-warga emas ini ia di bentukan sedikit sebanyak subsidi untuk mereka mengupah teksi ke hospital. Maka adalah dicadangkan supaya peruntukan kepada jabatan JKM ini dapat diperbanyakkan untuk perkara ini supaya kita dapat bantu, mungkin bagikan kupon kepada warga-warga emas ini, pelanggan-pelanggan *regular* hospital ini supaya mereka dapat menyelesaikan masalah pengangkutan mereka.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok. Mengkibol, sila tutup. Ada ramai lagi yang belum, ada lima lagi.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Gulung lagi, sikit gulung. Mengkibol ingin menyahut dan amat bersetuju dengan cadangan Pekan Nenas bahawa masa untuk bersidang nampaknya amat terhad dan harus dipanjangkan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Kita dah diambil ingatan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Apatah lagi sekarang ni ucapan tangguhan sesi peluang untuk memberi Ucapan Tangguhan ni selalunya tidak diberikan kepada ahli-ahli daripada Pakatan Rakyat, maka adalah...

YB Dato' Timbalan Speaker : Kita bagi peluang yang adil, sama je. Kalau sana 15, sini 15. Ada lagi yang berlebih lagi.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Adalah dicadangkan kepada Dewan yang mulia in,i supaya kita memberi peluang untuk Ucapan Tangguhan ini sekurang-kurangnya dua wakil daripada Pakatan Rakyat. Sekiranya isu ini melibatkan pindaan ke atas peraturan-peraturan ketat itu, biarlah kita pinda untuk memadai tujuan ini. Dan, sebenarnya kita boleh melaksanakannya dengan cara apabila kita mengundi, kita secara automatik, ataupun kita ada persetujuan tersilap di mana peluang itu dibagikan dua orang daripada Pakatan Rakyat dan ini tidak melibatkan Pindaan

Peraturan Tetap dan Mengkibol memang mengharap dapatlah bagi Pakatan Rakyat, ADUN daripada Pakatan Rakyat supaya dapat memberikan Ucapan Tangguhan dalam Persidangan akan datang. Maka akhir kata...

YB Dato' Timbalan Speaker : Mengkibol, sila tutup.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Akhir kata, dah hilang pergi mana dah. Walaupun kita berlainan faharan politik, kita masih mempunyai hala tuju yang sama untuk membangunkan Negeri Johor dan mencapai kemakmuran yang dapat dinikmati sesama rata oleh semua rakyat. Marilah kita sama-sama merealisasikan seruan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membangunkan Johor secara inklusif dan memulakan era baru dalam senario politik di Negeri Johor. Sekian terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, terima kasih. Kita teruskan. Sila YB Sungai Abong. Ini tepat masa, masa PAS ni ikut Islam, masa itu mesti tepat. Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih YB Dato' Speaker. Insya-Allah saya akan cuba mematuhi masa yang ditetapkan. Saya nak tahu berapa minit atau cara berbahasa mengikut masa.

YB Dato' Timbalan Speaker : Lima belas.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Lima belas maknanya cara *touch and go*.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sekarang 4.32.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Sekurang-kurangnya saya ada tambahan dua minit lagi daripada Tram bagi saya dua minit. Semalam berjanji dengan saya, Sg. Abong punya pasal dua minit dia bagi lebihan. Yang Berhormat Speaker, Alhamdulillah terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, dan pihak kerajaan yang telah menunaikan kewajipan dalam membentang bajet bagi 2015 dan Insya-Allah saya yakin dan saya percaya dengan, saya boleh baca niat, keazaman, keikhlasan, Insya-Allah dalam mencapai dan merealisasikan segala objektif-objektif yang terkandung dalam bajet tersebut. Saya tertarik dengan tajuk inklusif. Saya faham inklusif ini menyeluruh, bukan sahaja dari segi pengagihan, tapi ia juga mestilah inklusif dari segi merancang, mencadang, membangun dan mendapat agihan yang sama. Bukan sama rata, yakni sama adil. Kerana adil itu adalah *benchmark* dia.

Yang Berhormat Speaker, bukan kita nak ambil rezeki daripada orang kaya tarik bagi kepada orang miskin. Kita nak yang adil. Saya tertarik lagi dengan data-data yang menunjukkan bahawa dunia ini telah pincang dan sebagainya dengan 10% penduduk bumi ini menguasai sekitar 80% kekayaan bumi. 80 orang manusia terkaya dunia menguasai hampir separuh kekayaan muka bumi ini. Maka benarlah kata-kata seorang pujangga, nak kata pujangga, negarawan ni, Mahatma Gandi dia berkata, Allah jadikan bumi ini cukup untuk semua orang. Johor ini, Allah jadikan Negeri Johor ini cukup untuk semua rakyat Negeri Johor ini. Yang jadi masalahnya ialah, tamak. Saya nak buat lebih dekat lagi, itu dunia. Ini yang lebih *real*.

Satu kajian telah dibuat oleh seorang pakar ekonomi dalam satu buku yang bertajuk *The Colour Of Inequality*, warna yang tidak sama, dalam satu tajuk *Ethnicity Class Income and Wealth of Malaysia*. Kita bandingkan dunia dan Malaysia. Maka kita dapati bahawa tidak sama, dunia pincang, Malaysia ni Insya-Allah boleh tahan lagi. 10% orang kaya di Malaysia ini menguasai 77% aset kewangan negara kita. Tak sama dunia tinggi, kita ni lebih kurang aje sebenarnya. 10% menguasai aset kewangan sebanyak 77% dalam negara kita ini. 10% penduduk negara ini hanya mengusai 5.5 aset kewangan negara kita ini. 55% rakyat negara kita ini tidak mempunyai aset kewangan yang lebih. 55% maknanya separuh rakyat negara kita ini tidak ada duit *reserve*, ada simpanan tapi tu bukanlah duit simpanan yang sebenar-benarnya simpanan. Itu duit *reserve* namanya. Tak ada simpan. Simpan untuk ada masalah *emergency*, maka duit simpan itulah yang akan dibelanjakan. Jadi 55% ini dikirakan miskin dan 70% daripada golongan 50% ini adalah orang-orang Melayu. Tak ada duit. Gaji ada cukup makan, cukup belanja, cukup simpanan untuk anak nak sekolah, kalau sakit, itu begini. Itu sahaja. Untuk masa depan, makna mereka ini adalah golongan daripada golongan orang yang saya kategorikan miskin. Kalau dalam laporan bajet mengatakan bahawa Negeri Johor hanya ada 152 miskin tegar, 152 miskin tegar, orang 2,779 rakyat Negeri Johor ni miskin, 122 yang boleh jadi miskin, ini angka saya pertikaikan. Walaupun angka ini sahih, di ambil daripada data e Kasih, dulu pun saya dengar data ni sama aje, tahun ni sama aje, walaupun data ni sahih, ambil daripada data yang tepat, tapi realitinya ia tidak tepat. Macam mana tepat, tahun lepas je. Baitulmal mengagihkan kepada asnat, orang miskin dan fakir 40 ribu lebih di Negeri Johor ini. 48 ribu lebih. Maka saya minta perbetulkan. Ataupun jangan sebut langsung lah *figure* ini. Satu lagi, daripada orang Melayu dan negara kita ini, tadi ni menyeluruh, ni orang Melayu, di ambil data daripada ASB.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bahasa Arab.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya ni dah banyak campur lah. Melayu ada, Arab ada. 0.2% daripada penyimpan-penyimpan ASB adalah orang-orang yang kaya, tetapi menguasai 1.5 saham-saham yang ada di dalam ASB. Maknanya daripada 2,000 penyimpan ASB, dua orang Melayu yang kaya ni menguasai lebih daripada mereka itu. Maka ini adalah gambaran yang sebenarnya keadaan sosioekonomi dalam negara kita. Saya cukup teruja dengan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, nak buat suatu perubahan, suatu perubahan yang saya minta amat berani, sungguh-sungguh berazam kuat kerana ini adalah suatu kerja yang saya panggilkan perjuangan kemerdekaan alaf baru kerana bumi di jajah oleh suatu penjajahan yang baru, bentuk baru. Inilah dia. ...*economic capitalism*. Bukan dari luar, dalam kita pun sudah ada suatu bentuk penjajahan ekonomi. Jadi syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak apa ni mengurangkan jurang-jurangnya. Saya fikir kerja ini bukan senang kerana golongan-golongan ini merupakan golongan penjajah yang hebat, mereka ini seolah-olah *untouchable* YB Dato' Speaker, tidak boleh disentuh. Kadang-kadang kerajaan mempertahankan golongan ini lebih daripada kerajaan sendiri. Ada kerajaan sanggup berperang, melancarkan peperangan untuk menjaga kepentingan tuan-tuan. Inilah masalah yang berlaku pada hari ini, bukan di sini dan di seluruh dunia. Maka kalau dululah saya ni nak menjadi seperti orang apa ni, seperti Jementah kata tadi, lap kereta aje, itu dulu, kereta baru boleh lap, sekarang kereta dah lama ni, saya bersedia nak jadi tukang ketuk, kalau kemek kereta tu, enjin rosak kita nak repair enjin kereta tu, supaya kereta

Yang Amat Berhormat dan para-para EXCO-EXCO dan kerajaan ini sentiasa tip top dalam mengharungi perjuangan untuk merdekakan penjajahan baru ini. Dia senang je, Dato' Speaker, masalahnya ada satu orang gemuk, satu orang kurus, macam mana kita nak kurangkan jarak ini. Ketidaksamaan ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sebelah YB tu boleh tahan jugak.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) Ini, ini sihat Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau pesakit jumpa saya, anak saya seorang ini gemuk. Macam mana Yang Berhormat Doktor. Ada cara dia. Anak kurus ada cara dia. Senang. Nak tahu nanti saya akan bagi jawapan bertulis. (Dewan ketawa)

YB Dato' Timbalan Speaker : Macam Rengit juga ini dengan Pemanis.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) Ok. Jadi inklusif juga ini saya, pada pandangan saya dia tidak menyeluruh kalau kita tidak libatkan rakyat seluruhnya. Bila kita nak menyelesaikan sesuatu masalah dalam negeri kita ini. Saya bagi contoh, kalau kita nak menyelesaikan masalah, kita nak buat padang golf, kita akan panggil pakar golf atau pemain golf antarabangsa yang lagenda untuk cadang, rancang dan sebagainya. Begitu juga dalam hal-hal lain. Dalam masalah rumah murah, mengapa kita tidak mengambil pendekatan yang tersebut? Kita nak tunggu Lembaga ini tak tahu macam mana, bilalah. Lembaga yang kita lahirkan dulu ini, setahun yang lepas ini, anak kita ini. Nak lahir tu bukan main susah lagi, macam-macam fitnah ni, lembaga ini. Kita nak jadikan lembaga ini seolah macam *superman*, untuk menyelesaikan masalah-masalah tanah dan rumah dalam negeri kita. Sampai sekarang, kita tak tahu apa dia punya status Lembaga, hidup lagi ke atau dah didaftarkan kelahiran nya. Atau dia masih dalam proses untuk menjadi *superman* yang kita harapkan untuk menyelesaikan masalah kita ni. Kini, rakyat sedang tertunggu-tunggu Lembaga ini.

Alhamdulillah, pergi ke Muar rumah banyak, kedai banyak. Semuanya mampu dan tanpa faedah. Di sini saya tak tahulah. Kalau hendak pergi Muar, pergilah. Semuanya mampu. Mampu tengok, bukan pinjaman tanpa faedah. Tak ada faedah untuk rakyat. Itu maknanya. Kita hendak mampu milik tanpa faedah seperti yang di Brunei itu. Sungguh-sungguh mampu milik untuk rakyat. Sungguh-sungguh tanpa faedah pinjaman untuk rakyat-rakyat yang sedikit itu. Jadi saya minta kalau lembaga ini wujud, dah dilantik dia punya Ahli-Ahli Lembaga dan sebagainya, lantiklah, nak lantik siapa pun lantiklah. Sekurang-kurangnya ada mereka-mereka ini, orang yang mahir tentang rumah murah, rumah mampu milik. Saya kalau nak buat rumah murah, saya tidak akan panggil kontraktor kelas A, kontraktor mahal ini, saya akan panggil kontraktor kampung aje. Rumah murah berapa begini, tukang, kampung ini ikut saya. Saya nak RM25,000.00 rumah, dia akan buat RM25,000.00, boleh, mampu. Kalau panggil kontraktor yang kelas-kelas mahal ni, mahallah rumah itu. Saya minta, kerana kita ni kita orang-orang atas. Saya tak nafikan kehebatan ilmu-ilmu yang ada dalam orang-orang yang akan dilantik tapi sekurang-kurangnya terimalah pandangan daripada orang-orang yang faham, tahu dan mahir tentang rumah murah ni. Kita yang nak menyelesaikan rumah murah ni mesti kita tahu. Ini rumah murah pun kita tak pernah duduk. Tengok dari jauh aje.

Jadi tolong, kalau tak setuju, insya-Allah, saya bagi satu contoh. Pada suatu ketika di negara Jepun, Ajinomoto. Satu ketika, Ajinomoto bila dilancarkan laku, laku, laris. Tiba setengah-setengah masa nanti maka penjualannya dah merosot, tak laku, kurang. Maka, mesyuaratlah semua dia punya kolar-kolar putih di atas ini mesyuarat. Mesyuarat-mesyuarat tak jalan juga, maka diambil keputusan bahawa kita cuba panggil orang bawah ni yang kolar-kolar biru ni bincang sama-sama untuk menyelesaikan masalah macam pasal apa Ajinomoto ini tak laku. Maka bangunlah seorang pekerja biasa ni, bawahan ini. Katanya, "Bos, cadang saya lubang botol tu kita tebuk besar sikit". Itu sahaja cadangan orang bawahan punya cadangan. Nampak bodohlah. Dulu Ajinomoto ini dia pakai botol Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang ni pakai plastik. Pakai botol ada lubang, kita tuang lubang. Jadi cadangnya kita besarkan lubang sudah. Keluar cepat, cepat habis.

Jadi, saya rasa kita ambil pendekatan ini, bahawa segala masalah....

YB Dato' Timbalan Speaker : Kalau keluar cepat tu, sila tutup.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya boleh tapi saya bimbang yang lain tak nak dengar. Kalau nak dengar, saya sambung lagi. Kalau tak nak dengar, saya duduk.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tepati masa.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) Insya-Allah, terima kasih. Jadi saya cuba bawak secara ringkas. Yang Berhormat Dato' Speaker, Iskandar Malaysia. Saya rasa kita ini ingatan masih kuat lagi. Dalam penggal yang pertama, dalam Dewan, tahun pertama saya masuk Dewan saya utarakan tentang pandangan-pandangan yang kita Nampak. Masalah-masalah yang akan dihadapi oleh Iskandar Malaysia. Kita utarakan, bimbang tentang pemilikan tanah-tanah, *freehold* dan sebagainya. Maka, jawapan yang kita dengar, "Oh, kerajaan memastikan bahawa tidak akan ada tanah-tanah Iskandar Malaysia ini berstatus *freehold*. Ingat, kita pun selamatlah. Sekarang dengar dah masalah *freehold*, dah takde *leasehold* lagi dah. Apasal pula? Saya bangkitkan perumahan-perumahan ini di Iskandar ini mungkin menjadi suatu pembesaran wilayah negara luar. Saya bawa bahawa akan ada berlakunya nanti. Bila penduduk asing ini memiliki hak-hak milik rumah-rumah di persisiran pantai kita akan berlaku nanti, tak mainlah tambak-tambak, main water taxi antara Johor dan Singapura. Saya lihat fenomena ini dah hampir-hampir berlaku. Semuanya projek-projek perumahan untuk orang luar ini semuanya di persiaran pantai-pantai.

Saya bangkitkan bagaimana Singapura boleh mengadakan MRT sampai ke Johor? Ini pun saya rasa akan berlaku. Semuanya nampak macam jadi kenyataan. Saya nak tahu adakah *Joint Committee* Wilayah Iskandar ini masih lagi diduduki bersama oleh kerajaan Singapura?

Akhir-akhir ini, sini kita tak pernah disentuh, bincang pun tak pernah tentang jalan kereta api baru, kereta api laju daripada Singapura ke Kuala Lumpur. Kat luar sana dah heboh dibincangkan. Dengar-dengarnya pun Jepun dan bida untuk tender. Kita di sini tak tahu menahu pun. Tak ada sebut sepatah pun. Ini satu projek besar ni. Dulu kita ingat sampai kereta api, MRT Singapura sampai Johor aje, ini daripada Singapura nak sampai Kuala Lumpur. Tanah mana nak ambil? Siapa punya tanah tu? Syarikat

siapa tu? Siapa tendernya? Bagaimana dengan Imigresen.? Kalau kereta api laju ni macam Eropah ini tak ada Imigresen, tak ada cop passport. Kita bimbang main pakai *pass* je nanti. Ataupun tak ada *pass*, tak ada passport.

Jadi saya minta, Johor kita bertegas, jangan luluskan apa-apa lagi selagi kita di Dewan ni tidak dibentangkan secara jelas tentang laluan kereta api laju. Bagaimana, nak lalu di mana? Adakah di tambak itu ke? Kalau di tambak itu, kita tentang habis-habisan. Bahawa kita berpandangan bahawa tambak itu bukanlah lagi sesuai di negeri Johor ini. Kalau boleh kita nak runtuhkan tambak itu, ini warisan penjajah ini. Kita hendak suatu ikon, tanda baru antara jambatan baru antara Johor dan Singapura. Tambak ini dah tak main lagi. Rugi kita. Saya yakin tak ada tambak Johor kita boleh berlawan dengan Singapura. Kapal-kapal, dia akan tak akan lalu Singapura lagi dengan adanya hub, petroleum dan sebagainya, penapisan minyak di Pengerang. Saya yakin tak ada tambak, kapal-kapal akan *by pass* Singapura terus melalui Selat kita sampai ke Pengerang. Pastikan kita bincang dalam Dewan ini dulu kerana tanah adalah milik kita.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Sungai Abong masa dah berlebihan.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) Ini ringkas. Ini...

YB Dato' Timbalan Speaker : Dosa tau ambil hak orang.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) Ini 2 minit yang Tiram bagi saya. 2 minit. Saya dengar MARRIS ini banyak sangat lebihan duitnya, tak belanja ataupun belanja tak habis. Jadi, tolonglah tempat saya ni di Sungai Abong, tiga tempat ni. Tapi bukan semua nak jalan. Parit Wahid, nak parit, nak jalan. Semuanya parit, Parit Hulu, Parit Wahid, Parit Rajasari. Ini kawasan ini 99.99% UMNO ini. Kebal UMNO nya. Saya rasa kalau saya bawak ini, kerajaan tunaikan ini, peluang ini nak menang, kalah. Tak ada. Tak ada peluang saya nak menang.

YB Dato' Timbalan Speaker : Oh PDM situ YB menang?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Adalah undi sikit. Kalau kerajaan tunaikan projek ini saya rasa satu pun saya tak dapat ini. Jadi tolonglah, saya relalah tak dapat undi ini, tapi tolong Parit Wahid tengok parit dia. Kalau EXCO itu hari sebut, jalan-jalan tepi parit ini yang jadi masalahnya parit dan tebingnya. Kalau main turap jalan sampai bila-bila pun tak selesai, maka, tebingnya kita betulkan dulu bukan jalannya dulu. Ni main jalan aja, tebing tak buat-buat lagi. Maka minta tebing pun buat, jalan pun buat.

Parit Rajasari ini, jambatan ini kalau kita nak lalu ini, saya cukup takut. Paritnya besar, jambatannya tak berapa tinggi. Takut saya. Takut nak roboh jambatan ini. Dah lah nak roboh, jalannya *one way*, nak selisih kereta dengan, bukan kereta dengan kereta tapi kereta dengan basikal ke motosikal ke tak boleh. Jadi orang-orang sana minta tolong besarkan jambatan ini.

Yang ketiga, Parit Hulu. Nama pun sedap ni Parit Hulu ini. Minta dinaiktarafkan jalan Parit Hulu itu. Sesuai dengan penambahan trafik-trafik dan sebagainya. Tolong habiskan duit MARRIS. Nak tahu cara nak habis? Saya boleh terangkan. Senang aje

Yang Berhormat Dato' Speaker. Nak buat jalan kampung senang sahaja. Selama ini nak buat jalan, jalan lurus aja. Lepas ini nak habis duit, jalan masuk ke rumah pun kita buat sampai ke tangga, sampai ke dapur. Nama jalan juga, jalan kampung. Senang, seperti di Kelantan. Kalau pergi ke Kelantan tengok jalan kampungnya, jalan tarnya sampai ke tangga rumah, kalau ada lorong sampai ke dapur, dapur juga dia akan tarnya. Tak boleh ke kita buat di Johor ini. Duit lebih.

Jadi pelancongan, satu lagi. Dah muak dengar ni, Legoland, apa lagi Angry Bird, Hello Kitty, ada lagi, cukup-cukuplah tu, carilah yang lain. Cukup promosikan yang itu. Itu bukan entiti kita, bukan identiti kita. Kita ada Taman Negara Endau, kita ada macam-macam produk, cukuplah. Senang saja Yang Berhormat Dato' Speaker, panggil *Discovery* ke, *National Geographic* ke pergi buat penggambaran isytiharkan seluruh dunia. Senang. Selama ini kita ada juga promosi pelancongan negeri Johor ini. Yang ada itulah, mee bandung, beryani, apa lagi, asam pedas itu aja kalau Johor ini. Kalau filem-filem promosi pelancongan dalam negeri kita ni. Sekarang tak main dalam negara, kita main luar negara.

Seperti di macam di Sabah, tunjuk *National Geographic* buat filem, Discovery buat filem tentang hutan-hutan, gunung-gunung dan sebagainya. Kita, buat. Ini boleh tanya kalau dululah, sekarang ok lagi. Kalau dulu, apakah, apa dah buat, apa ni. Promosi. Oh promosi saya dah pergi melancong, saya dah pergi melawat China. Kita suruh orang lain datang, dia pergi melawat. Itu dulu. Tapi, kerja mudah, kerja yang mudah, panggillah pihak-pihak ini buat penggambaran dan edarkan di seluruh dunia. Senang aje. Exco agama satu sahaja saya nak sebut dan minta em.. macam bentuk...

YB Dato' Timbalan Speaker : kalau semua Exco ni sampai besok tak habis ni

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya kalau tengok seorang-seorang ni boleh. Ada masalah semua ni. Ha, Ini satulah. Oleh kerana dah naik 54 ni, dah boleh diarah. Kalau dulu cadang-cadang. Sekarang ni saya nak arahkan. (Dewan ketawa). Exco Agama, Imam-imam kita di kampung-kampung semua kampung sampai dah tak boleh nak buat apa-apa lagi. Dia tak nak berhenti-berhenti. Dah bongkok, dah bertongkat tak nak juga letak jawatan. Bukan kita nak suruh dia berhenti..

YB Dato' Timbalan Speaker : Pasal dia ada elaun tu.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ha.. pasal elaun itu. Jadi, saya arahkan bahawa Pejabat Agama ataupun MAIJ bagi dia pencen, senang. Dia tak nak berhenti pasal tak ada pencen. Ha, berhenti, ini pencen awak bulan-bulan. Insya-Allah imam-imam yang tua-tua tu, bukan kita anti dia, tidak. Dia akan rasa, ok inilah masanya saya pencen, kerana ada pencen. Kalau tidak berat kita. Gigi pun kita kena bagi subsidi nanti. Tongkat dan sebagainya. Jadi, Dato' Speaker, banyak lagi tapi saya hormat eh. Masa ni bukan masa saya , masa Tirani dua minit. Jadi dengan ini saya menyokonglah usul yang dibawa oleh saudara saya daripada Kukup. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, terima kasih Sungai Abong. Kita teruskan, Serom.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan dalam sejahtera, salam Muafakat Johor, salam Serom harum. (Dewan ketawa). Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap saya dapat menghabiskan ucapan saya walaupun masa lebih ye tadi, sebab Sungai Abong sudah ambil masa. Jadi, tadi Sungai Abong cerita pasal Ajinomoto. Saya tertarik sangat sebab ada Bahasa Inggeris dengan izin dia kata *many spoon spoil the soup*. Jadi ada satu kisah, cerita soal ramai-ramai nak buat sup. Jadi, sup tu dah sedap, sup ekor, dah semua bancuhan dah ada. Tiba-tiba ada spoon, sudu daripada Jementah masuk, Skudai masuk, masuk Sungai Abong taruk Ajinomoto, taruk cuka taruk apa, seorang pun tak makan sup itu. Kita jadi kalau dalam pembinaan pembentukan bajet 2015 ini, tindakan, pandangan daripada bawah dan sebagainya, itulah yang dapat kita gambarkan bahawa pembentukan bajet 2015 ini, saya gambarkan bahawa daripada gambaran-gambaran Suara Johor umpamanya dan prestasi-prestasi sebelumnya 2013 dan 2015. Untuk makluman Sungai Abong sendiri, bahawa perbelanjaan pendapatan dan dibandingkan dengan perbelanjaan mengurus ni ada lebihan, malah di Negeri Johor ni pada pengamatan saya, perbelanjaan kita ni cukup untuk bayar gaji dan sebagainya. Kalau kita tengok di Kelantan memang entah betul entah tidak jalan sampai kat tangga saya tak tahu, tapi yang pasti bila nak bayar gaji pun kena pinjam duit kat persekutuan. Jadi, memang saya tertarik, saya pun geram juga, ambil masa saya 15 minit.

Jadi, saya teruslah kepada mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom juga bagi pihak seluruh rakyat DUN Serom mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas pembentangan Bajet 2015 Negeri Johor yang disifatkan satu bajet yang bijak yang penuh pengamatan untuk kesejahteraan rakyat. "Membangunkan Johor Secara Inklusif", yang berasaskan rekod prestasi dan kedudukan ekonomi yang kukuh, ikhtiar, usaha dan pendekatan yang Insya-Allah akan dicapai dengan penglibatan semua pihak. Peruntukan Bajet 2015 berasaskan, pulihkan kesenjangan agihan kekayaan dan kemakmuran ekonomi dan kedua memberikan kesejahteraan yang melangkaui aspek material.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom mengamati lima strategi utama Bajet 2015, yang mana bermula daripada menggalakkan, merangsang ekonomi diikuti memangkinkan kesejahteraan dan membangunkan masyarakat berilmu dan berkemahiran seterusnya membudayakan inovasi kreativiti dan keusahawanan yang berdaya saing. Justeru, untuk mencapai matlamat memang tepatlah kita perlu memodenkan prasarana dan memantapkan pentadbiran dan institusi kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom bersyukur selain Serom ini harum, wangi eh, Serom juga mempunyai sumber-sumber dalaman yang seiring dengan perancangan Kerajaan Negeri dan Serom berazam akan turut mengambil bahagian dan mengukuhkan ekonomi desa melalui pertanian lestari. Di mana hasil-hasil pertanian selain dari getah, sawit, padi dan hasil kebun, iaitu hasil masuk seperti durian, duku, langsat, rambutan, pisang, pisang banyak, pisang tanduk, pisang kapas sebagainya, keladi, ulam-ulam dan sebagainya dan kita lihat meskipun suasana pasaran global yang menurun bermula awal tahun ini iaitu harga getah diikuti suasana cuaca musim hujan sekarang ini, dan di mana ada juga tidak menggalakkan aktiviti pertanian diusahakan tapi Serom percaya dalam suasana ini jika kita bermuafakat dan sentiasa bekerja, semua pihak akan dapat mencapai kejayaan.

Serom mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini terutama sekali agensi yang terlibat di bawah pertanian dan industri asas tani seperti RISDA, FELDA, MARDI dan Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Lembaga Perikanan Negeri, Pertubuhan Peladang, koperasi-koperasi yang berkaitan dengan pertanian. Sewaktu harga getah turun, kerajaan telah mengambil inisiatif dan memberikan bantuan. Dalam waktu ini agensi-agensi terlibat seperti RISDA dan Jabatan Pertanian, Serom melihat berhempas pulas mencari ikhtiar membantu mereka. Beberapa alternatif atau program dibuat untuk menambahkan atau memberikan peluang, ruang, pendapatan alternatif. Mereka itu digalakkan dan dibekalkan dengan benih-benih tanaman sayur-sayuran yang boleh ditanam di kawasan sekeliling rumah umpamanya. Selain daripada hasil tanaman itu mereka boleh menjimatkan kos untuk pembelian sayur-sayuran yang patut dibelanjakan. Dan ini akan menghasilkan sekurang-kurangnya pendapatan. Ada di antaranya difahamkan boleh menjana pendapatan RM30.00 hingga RM50.00 sehari.

Memang benar kita masih berdepan permasalahan di mana soal-soal harga pasaran, Serom sering dijelaskan oleh pengusaha-pengusaha di mana mereka menghadapi masalah membekalkan barang-barang ini di eksploitasi oleh orang-orang tengah. Jadi, diharap satu kajian perlu dibuat pada mereka-mereka yang terlibat dan usaha-usaha pertanian khususnya di mana kalau kita lihat anugerah-anugerah kecemerlangan, kejayaan pertanian petani-petani kita ini, tapi bila dua tiga tahun lepas tu hilang kejayaannya. Apabila ditanya disebabkan tak dapat mengawal harga. Ini ada perkara yang Serom lihat harus dikaji dan untuk makluman, kepada pesawah-pesawah padi di Serom seperti Pulau Penarik, Kundang, Telok Rimba, Kesang Tasik dan kesang Gate.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sawah di Kesang Tasik dan Kundang, Telok Rimba telah mengeluarkan hasil padi wangi yang digelar MRQ74 dan 76. Dipanggil beras wangi tempatan. Sekurang-kurangnya Serom akan dapat menyumbangkan dalam mengurangkan penggantungan import RM500 juta setahun. Melalui Rancangan ke-9 Negeri Johor, di mana Serom juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani bersama dengan Jabatan Pertanian dan MARDI, yang mana telah pun memilih kawasan Kesang Tasik dan Kundang, Telok Rimba untuk program tanaman padi wangi ini. Asasnya yang kita lihat bahawa harganya pada Dewan yang mulia ini, sangat menggalakkan iaitu berbanding yang harga biasa kita dapat RM1.55 berbanding dengan RM1.20, dan ini akan meningkatkan pendapatan pesawah sehingga ke paras 40%. Justeru itu, Serom mencadangkan agar satu kilang padi dapat dibina di kawasan ini yang mana kilang padi ini selain dapat membantu kawasan-kawasan sekitaran dalam Ledang, mungkin juga boleh mendapat bekalan-bekalan untuk diproses padi, proses di Negeri Melaka. Serom mencadangkan agar kilang padi dapat dibina di kawasan Serom nanti.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, iaitu mengenai nelayan yang mana seingat Serom pada awal perbahasan sulung pada tahun lepas iaitu kerajaan negeri dan peringkat kerajaan telah mengambil langkah-langkah berkaitan dengan langkah-langkah untuk kebajikan nelayan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat lebih kurang 400 keluarga nelayan yang terdiri daripada tekong-tekong dan awak-awak dan lebih 30 buah bot tekong tongkang yang saban hari mencari rezeki ke laut. Tambahan pula, tambah elaun nelayan yang dinaikkan melalui bajet ini, merupakan satu rezeki kepada nelayan dan, namun begitu ada beberapa perkara

yang diharapkan agar senarai ahli nelayan ini dapat ditambah dan disemak semula kerana terutama sekali kepada nelayan-nelayan sungai. Nelayan sungai ni kalau ikutkan pengamatan Serom lebih kurang 70 nelayan yang terlibat tapi dari segi rekod daripada Jabatan Perikanan hanya 3 orang sahaja nelayan. Jadi kita harap sebagai untuk memastikan mereka ini mendapat manfaat dari segi elaun sara hidup ini, elaun bantuan nelayan ini, semakan senarai ini dapat dibuat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom ingin menarik perhatian berkaitan dengan budaya inovasi, kreativiti dan keusahawanan kerana Serom mempunyai seluas sepanjang daripada Jambatan Muar tu hingga ke kawasan Serom lebih kurang 22.3 kilometer, yang mana di tebing sungainya ada pokok nipah. Jadi, mungkin Serom mencadangkan agar satu kajian, satu pemerhatian dapat dilihat, dapat diusahakan iaitu yang mana pokok nipah ini mempunyai potensi biotek. Kalau dengan izin, *based product fuel* iaitu minyak, *bio based and green chemical sugar, bio based and green material ethanol* dan dalam bidang *farmaseutikal* juga banyak manfaatnya, banyak boleh disumbangkan oleh pokok nipah. Jadi saya mencadangkan agar kajian dibuat untuk mencari potensi menjana hasil negeri kita.

Dalam strategi kesejahteraan hidup rakyat, sudah pastilah mengurangkan kemiskinan dan dengan peluang-peluang menjana pendapatan melalui hasil-hasil pertanian ini mampu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan daya beli dan daya berbelanja untuk keperluan utama. Dan soal-soal kediaman, soal-soal kesihatan, soal-soal keselamatan dan soal-soal pendidikan akan turut serta dapat menyumbang tenaga kerja untuk Negeri Johor. Serom ingin membangkitkan soal peluang pekerjaan di Johor ini termasuk dalam bidang *oil and gas* dan juga Serom ingin mengetahui berapa pekerja di Pine Wood Studio umpamanya. Saya difahamkan ini adalah usaha pihak kerajaan dalam melatih pekerja di dalam bidang kreatif, hospitaliti dan *oil and gas* dan saya percaya jumlah agensi kerajaan terlibat program latihan *human development capital*, dengan izin, untuk melatih pekerja dalam Dewan yang mulia ini. Serom ingin melihat keberkesanan program Kembara Kerjaya yang telah dianjurkan baru-baru ini. Sekurang-kurangnya sebahagian belia-belia Serom akan mendapat manfaatnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam memangkinkan kesejahteraan hidup rakyat, Serom melihat perpaduan masyarakat pelbagai kaum merupakan kunci ke arah kesejahteraan dan keamanan yang perlu difahami dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat, agar menjadi amalan dan ikutan secara berterusan. Pada hemat Serom, perpaduan masyarakat ini boleh direalisasi melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang menjurus ke arah pemupukan semangat kejiranan dan perpaduan masyarakat oleh kerajaan sejak dari dahulu lagi bagi mengeratkan perpaduan dan masyarakat pelbagai kaum.

YB Dato' Timbalan Speaker : Serom, sila gulung.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Sekejap, ada sikit. Dua tiga helai lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Selepas tahun 1969, usaha menyatukan masyarakat tertumpu kepada aspek keselamatan, kemudian selepas tahun 1980, tumpuan diberikan kepada aspek kejiranan dan seterusnya aspek pembangunan komuniti bagi melahirkan masyarakat yang progresif dalam usaha menyatupadukan masyarakat. Indeks ketegangan kaum, ketenteraman kaum digunakan dalam tahap keharmonian perpaduan rakyat. Alhamdulillah, DUN Serom keharmonian penduduk pada tahap

yang tertinggi yang Di maklumkan dan timbul rasa selamat, semoga seluruh negeri Johor juga begitu dan negara kita.

Dan soal perkara lain, Serom juga mengambil perhatian dengan Rukun Tetangga. Sebanyak 13 buah kawasan tetangga di DUN Serom, ini pasti dapat memupuk perpaduan rakyat dan meningkatkan interaksi melalui aktiviti yang dijalankan diperingkat akar umbi. Saya berpandangan bahawa penubuhan KRT hendaklah dilihat sebagai dengan izin *voluntary community organization* yang sihat dan membantu kerajaan memupuk elemen perpaduan dan integrasi. Badan komuniti sedia ada diperingkat akar umbi seperti JKK dan jawatankuasa surau, masjid. Tadi saya tengok imam-imam kata daripada Sungai Abong tadi suruh yang tua tu berhenti. Jadi, sebenarnya kalau kita faham kedudukan imam bukan senang. Nanti Sungai Abong semua masjid nanti, susah dia kena jadi imam. Soal imam ini kita biarkanlah kepada EXCO yang terlibat untuk melihat kebijaksanaannya.

Jadi, saya balik kepada contohnya Skim Rondaan Sukarela. Malaysia telah disenaraikan sebagai negara paling selamat dalam kelompok 19 buah negara berpendapatan sederhana tinggi oleh *World Justice Project Rule Of Law Index* dan negara paling selamat di Asia Tenggara dan ke-4 paling selamat di Asia Pasifik melalui pengiktirafan yang diberikan oleh Indeks Keamanaan Global Edisi Ke 5. Kita ucapkan setinggi tinggi tahniah kepada kerajaan yang mencapai tahap ini, mudah-mudahan akan bertambah lagi.

Dan soal Tabika Perpaduan juga saya masih dalam suasana, masih lagi dalam isu perpaduan masyarakat. Tabika Perpaduan berikan pendidikan awal sejak berumur 4 - 6 tahun, mereka menghayati hati nilai perpaduan hidup bermasyarakat serta persediaan ke alam persekolahan. Saya difahamkan dan ingin mencadangkan agar Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dapat menyerap guru-guru dan penolong guru dari jawatan kontrak kepada jawatan tetap.

Dan saya juga seterusnya ingin mengucapkan terima kasih kepada JKM Jabatan Kebajikan Masyarakat di DUN Serom tidak seperti di DUN Tangkak, di mana DUN Serom, JKM telah pun melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh cemerlang. Umpamanya pada situasi-situasi yang berlaku pada tahun 2014, di mana JKM sebenarnya kalau kita lihat JKM terlibat dalam banyak perkara Bantuan Kanak Kanak (BKK), Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik, Bantuan OKU, Bantuan Am, bencana ribut, bencana kebakaran, bencana banjir. Saya tak tahu yang 6 bulan tu saya tak tahu borang apa yang daripada Tangkak hantar.

Dan, tapi di Serom, Alhamdulillah saya harap JKM akan terus membantu dan saya juga ingin merakamkan dalam Dewan yang mulia ini, di mana kerjasama daripada Kementerian Pertahanan telah Serom terima. Baru-baru ini daripada bencana ribut di mana pihak tentera dan pihak keselamatan dan semua agensi-agensi kerajaan telah menumpukan perhatian terhadap 15 buah rumah yang dilanda ribut di Kundang, Teluk Rimba dan Alhamdulillah dengan berkat usaha dan kerja sama dalam tempoh 2, 3 hari kita telah dapat dalam bahasa Inggeris recover semua situasi...

YB Dato' Timbalan Speaker : Serom sila tutup, nanti Bukit Naning marah pulak.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Baik, jadi ada, Serom ingin mengambil sebelum tutup ini, Serom wajib mengatakan sesuatu berkaitan dengan soal Ketua Jemaah Wanita. Di mana saya harap EXCO yang berkaitan akan mempertimbangkan, kerana kita ada imam, kita ada bilal, tetapi bila kita menguruskan jenazah kaum wanita dan dalam hal-hal berkaitan dalam urusan wanita, di mana mereka ini ada kepimpinannya. Jadi mereka ini harus dipertimbangkan elaun seperti imam surau sekurang-kurangnya. Jadi, Serom juga ingin mengambil perhatian berkaitan dengan kenaikan elaun Ketua Kampung. Serom bersyukur kerana Ketua Kampung telah pun mendapat faedahnya. Namun begitu, Serom ingin mencadangkan agar Ketua Kampung ini ditambah faedahnya seperti faedah-faedah perubatan dan faedah-faedah yang boleh memotivasikan mereka. Kerana Ketua-Ketua Kampung inilah orang yang paling rapat dengan masyarakat, merekalah yang menguasai, merekalah yang melaksanakan tugas, merekalah juga yang dapat kita harapkan dalam mengambil apa jua perkara perkara untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat.

Jadi justeru itu, sekali lagi Serom ingin kepentingan nelayan di Serom, di mana nelayan yang kita sekarang ini selain daripada berhadapan dengan masalah cuaca tapi masalah yang berlaku di Serom ialah kehilangan barang-barang, enjin-enjin bot. Jadi Serom agar pihak Marin yang berada di Jeti Muar itu sentiasa mengunjung di kawasan-kawasan terutamanya jeti di Kesang Laut, jeti di Parit Karang agar dapat mengelakkan kecurian enjin-enjin bot.

Jadi seterusnya, sekali lagi Serom berterima kasih terhadap perhatian berkaitan dengan sekolah agama, di mana terdapat 13 buah sekolah agama dan 3,142 orang dan seramai 85 orang guru-guru yang terlibat dan ini menjadikan landskap pembelajaran yang berubah dan semua impaknya akan dikecapi dan dinikmati seluruh rakyat seluruh Malaysia, insya-Allah.

Dan, elaun-elaun Ketua Kampung tadi insya-Allah juga akan saya harap akan dapat di ambil perhatian yang sebaiknya.

Justeru itu, Serom sekali lagi mengucapkan terima kasih banyak dan mengharapkan agar kita bertemu pada sesi dan masa akan datang. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Waalaikumsalam. Diteruskan, sila Bukit Naning.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Bismillahirrahmaanirrahim. (bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada Bukit Naning untuk membahas rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kukup. Pertama sekali, marilah kita merakamkan setinggi kesyukuran kepada Allah ASWT dan kita niatkanlah mesyuarat ini adalah ibadat kepada Allah SWT dan sama-sama kitalah bermaafan sesama kita dan kita ambil kesempatan memohon keampunan kepada Allah SWT. Insya-Allah dengan keampunan yang diberikan kepada kita, insya-Allah Bajet 2015 Negeri Johor Darul Takzim, Membangunkan Johor Secara Inklusif akan Allah Taala permudahkan untuk dilaksanakan demi rakyat di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Naning mengucapkan tahniah kepada pasangan pengantin Diraja, Tengku Mahkota Johor, Duli Yang Amat Mulia Tuanku Ismail Ibni Sultan Ibrahim dengan Cik Puan Khaleeda Binti Bustamam semoga beroleh keberkatan dan berkekalan hingga ke akhir hayat.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker juga dan semua Yang Berhormat Ahli Dewan kerana memberi ucapan takziah dan mengirimkan surah al-Fatihah dan bertafakur kepada allayarham mantan ADUN Bukti Naning, allahyarham Tuan Haji Masiran Bin Alias yang telah meninggal dunia 2 minggu yang lepas. Sebagai ADUN Bukit Naning, Wakil Rakyat Bukit Naning dan keluarga wakil keluarga allahyarham ingin mengucapkan terima kasih kepada semua. Begitu juga marilah kita berdoa mudah mudahan Yang Berhormat Sedili ,Yang Berhormat Tuan Haji Rasman Ithnain cepat sembuh dan sentiasa diberi perlindungan oleh Allah SWT.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dapat membentangkan Bajet 2015 dengan begitu cemerlang dan mampan dan bervisi jangka panjang, sederhana dan juga pendek. Bagi mewujudkan Johor sebagai negeri yang mempunyai kuasa ekonomi baru di Malaysia dengan pertumbuhan lebih kurang 5.6 hingga 6.1 KNDK Johor, dengan membangunkan Johor secara inklusif walaupun kekangan ekonomi dunia persekitaran dalam keadaan tidak menentu.

Sungguhpun dalam keadaan sedemikian, tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dapat merencana pelbagai rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam usaha memakmurkan negeri. Hakikatnya, pelaksanaan pembangunan ekonomi talah melalui segala macam strategi yang disusun kemas lagi sistematik, jika tidak mana mungkin Johor sampai pada tahap yang ada pada hari ini. Ini adalah kejayaan kerajaan Barisan Nasional.

Cumanya, ramai yang tidak begitu sedar bahawa proses ini bukanlah satu kerja yang mudah, apatah lagi terjadi dengan semena-mena. Suka atau tidak suka dalam tempoh hampir dua tahun, ia menagih ikhtiar-ikhtiar yang cukup banyak meliputi rencana-rencana yang menyeluruh dengan segala jerih payah kepahitan terutamanya apabila wajarnya diambil ketetapan-ketetapan dan keputusan-keputusan yang tidak popular. Namun, semuanya itu perlu diperbuat dan diperlakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang bertanggungjawab dan berakauntabiliti demi mendahulukan kepentingan rakyat sejak dulu, kini dan selamanya. Tahniah kepada team Bajet 2015 yang diberikan khususnya kepada barisan EXCO kerajaan negeri dan seluruh kakitangan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Membangunkan Johor Secara Inklusif mestilah diterjemahkan, dizahirkan bersama-sama secara berhemah disemua peringkat supaya dapat diterjemahkan dan dirasai oleh seluruh rakyat di negeri Johor. Kita tidak mahu lihat dengan bajet ini, rakyat kebanyakan hanya sebagai penonton di mana kek kekayaan dimonopoli oleh pihak tertentu sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Bajet 2015, mengukuhkan ekonomi desa melalui pertanian lestari. Tahniah kepada EXCO Pertanian kerana diberi peruntukan sebanyak RM 29 juta. Dalam memajukan projek tanah terbiar, Bukit Naning ingin mencadangkan supaya diletakan di bawah satu agensi ataupun badan kerajaan

seperti LPP ini supaya ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat, menjana pendapatan pemilikan saham dan mengurangkan pengangguran.

Tahniah juga kepada Permodalan Johor Darul Takzim diberi peruntukan RM 20 juta untuk membeli tanah tanah Bumiputera daripada jatuh ke tangan orang lain. Tapi dalam keadaan ini satu mekanisme perlu dibuat kerana saya, walaupun saya tidak arif tapi dalam menentukan tukar milik tanah Melayu bebas ini banyak mengisi borang 14A di hadapan peguam dan didaftarkan di Pejabat Tanah sahaja. Jadi, perlukan satu mekanisme bagaimana untuk melihat keadaan ini berlaku.

Selain daripada itu juga, Permodalan Johor Darul Takzim perlu dibesarkan skopnya, jangan hanya ingin membeli tanah-tanah Melayu sahaja perlu diluaskan kepada pembelian rumah kedai, rumah-rumah ataupun rumah rumah yang mewah di bandar ataupun tanah-tanah yang ada di bandar supaya dapat diselamatkan kepada Bumiputera. Selain itu, kita belilah tanah-tanah orang lain bukan Melayu. Ada kemampuan kita beli. Kita beli, kita bangunkan, kita serahkan milik itu hak Bumiputera.

Selain, daripada itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, pagi tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar apabila tanah ini milik Melayu pindah kepada bangsa asing akan dirampas. Bukit Naning nak tanya, apakah tindakan yang akan dilakukan selain merampas tanah kepada tanah tukar milik Melayu dengan Melayu status bebas yang di ali babakan, begitu juga dengan saham-saham syarikat yang di ali babakan?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor ekonomi negara pertama adalah sektor pertanian dan kedua sektor perindustrian, ketiga perkhidmatan. Manakala sektor pertanian ini kurang diberi penekanan, meskipun sektor pertanian di negeri Johor mencatatkan pertumbuhan sederhana iaitu 2.9% dengan nilai RM 8.75 bilion. Johor kekal sebagai penyumbang kedua Sektor Pertanian Nasional dengan sumbangan 15.6% daripada jumlah KDNK Pertanian Malaysia.

Di sini, Bukit Naning mencadangkan supaya sektor pertanian perlu diperkasakan bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat di negeri Johor, untuk menjamin bekalan makanan negara. Jadi, bagaimana untuk memperkasakan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Naning mencadangkan supaya usaha yang dilakukan oleh Yang Berhormat EXCO di mana Agro Johor perlu diteruskan ataupun diperhebatkan.

'Road to Maha' juga perlu dibesarkan penyertaannya supaya penyertaan itu terus dibawa ke Maha di Kuala Lumpur dan insya-Allah akan dibawa ke luar Negara.

Selain daripada itu juga usaha-usaha melibatkan golongan muda dan wanita dan siswazah perlu ditiltikberatkan. Selain daripada itu juga jihad memerangi orang tengah mesti diperhebatkan dan rantaian nilai perlu dilakukan yakni konsep dari ladang hingga ke dapur mesti diusahakan oleh peladang, penternak dan nelayan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Speaker Jom Menanam, makan apa yang ditanam perlu diperkenalkan di Negeri Johor. Pasar-pasar tani, pasar-pasar ikan perlu ditambah dan pembukaan Agro Bazar di Singupura, Hong Kong dan juga Dubai pada suatu hari nanti adalah sebagai pemangkin meluaskan Pasaran Pra Agro Johor ke pasaran antarabangsa oleh usahawan-usahawan tani di negeri Johor.

Selain daripada itu, TKPM perlu di naik taraf infrastrukturnya dengan menyediakan bekalan air bersih, elektrik dan jalan berturap. Contohnya di Lubuk Bakul bekalan air perlu diberikan, Ulu Bakri elektrik Teluk Rimba elektrik dan sebagainya.

Selain daripada itu, faktor keselamatan Yang Berhormat Dato' Speaker, di ladang-ladang satelit dan juga TKPM kerap berlaku kecurian lembu dan juga kambing. Bukit Naning mencadangkan SRS atau Rukun Tetangga ataupun anggota Polis Bantuan diletakkan di sini dengan pertambahan sebanyak 1,100 tu, bolehlah diagihkan di kawasan-kawasan ini.

Dalam bajet yang lepas Yang Berhormat Dato' Speaker, Segamat dijadikan hab pertanian dan industri asas tani, jadi pada hari ini bajet saya lihat tidak menjurus ke arah itu. Jadi, Bukit Naning mencadangkan supaya Bajet 2015 ini mesti diperuntukkan untuk agenda ini. Misalnya, bajet mewujudkan zon tanaman sayur-sayuran, zon tanaman buah-buahan, zon ternakan daging lembu ayam ataupun tenusu, pusat penyembelihan halal dibina, zon ternakan ikan air tawar, zon industri berasaskan pertanian, mewujudkan pasar raya agro, pasar raya borong ataupun pusat-pusat pengumpulan hasil-hasil pertanian diwujudkan, zon agro pelancongan dan sebagainya. Dan zon bioteknologi perlu diwujudkan serta mewujudkan pasar lelongan ternakan hidup seperti lembu dan kambing di sini.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Speaker pelabuhan darat di Segamat perlu dinaiktarafkan bagi tujuan ini. Bajet RM29 juta yang diperuntukkan pada saya tidak mencukupi, DUN Naning cadangkan supaya bajet ini ditambah kepada Yang Berhormat EXCO Pertanian kepada satu jumlah yang mencukupi dalam usaha membangunkan industri pertanian dan asas tani khususnya hab pertanian di Segamat.

Selain daripada itu, dalam bajet 2015 ini Yang Berhormat Dato' Speaker Johor Jauhari Selatan dan destinasi pelancongan terbaik Malaysia. Tahniahlah, ada pusat persidangan antarabangsa dan sebagainya Festival Layang-Layang, Festival Zapin dan sebagainya. DUN Naning mencadangkan Pusat Setempat Makanan Malaysia Johor diadakan di negeri Johor ini supaya kalau Yang Berhormat Dato' Speaker nak pergi Sarawak nak makan apa, makanan Sarawak ada di Johor,nak makan nasi kerabu ada di Johor nak makan nasi dagang ada di Johor, semua ada di Johor, supaya ini adalah usaha menarik pelancong cinta pada Johor.

Dalam bajet berkaitan dengan mengurangkan kemiskinan, terima kasihlah Kerajaan Johor kerana memperuntukkan RM1000.00 kepada setiap nelayan pesisir pantai. Sebagaimana bajet Kerajaan Persekutuan, elaun sara hidup RM200.00 kepada RM300.00 telah dinaikkan kepada nelayan zon A, RM250.00 zon B dan C, nelayan darat sepenuh masa diberi RM200.00 sebulan. Manakala RM200..

YB Dato' Timbalan Speaker : Bukit Naning sila gulung..

YB Dato' Haji Saipolbahari Bin Haji Suib (Bukit Naning) : Manakala RM250 juta projek khas perumahan nelayan dan macam-macam lagi Kerajaan Barisan Nasional berikan kepada nelayan. Jadi DUN Naning melihat di sini ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri berikanlah sedikit bajet *touch point* dengan izin, kepada peladang dan penternak yang bukan pesawah padi dan nelayan ataupun nelayan darat kerana Yang Berhormat Dato' Speaker mereka ini adalah peladang yang

menumpang, memajak menyewa tanah, penoreh getah yang tidak ada kebun getah, penternak yang tidak ada tanah, penanam nenas yang menumpang ataupun yang menyewa, penanam sayur yang menumpang dan menyewa dan peladang yang mempunyai saiz kebun yang kurang dari satu ekar. Jadi rata-rata mereka ini kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mohonlah bajet untuk mereka ini dipertimbangkan.

Untuk menggulung ini Yang Berhormat Dato' Speaker berlindung, membina keluarga yang kukuh dengan pembinaan rumah-rumah, jadi Bukit Naning mencadangkan agar kos, kedai kos rendah jugak dibina. Jangan rumah rendah je dibina, kos kedai rumah, kos kedai rendah juga dibina, dan konsepnya reka bentuknya mestilah diubah. Contohnya, kalau kos rendah berbentuk flat dan pangsapuri kita DUN Naning mencadangkan tingkat bawah dijadikan ruang perniagaan tingkat 2 dijadikan ruang pejabat dan tingkat 3 dijadikan rumah kos rendah dan seterusnya, supaya aktiviti ekonomi dapat berputar di kawasan perumahan ini.

Dalam bajet memelihara budaya dan warisan, Bukit Naning mencadangkan dalam usaha pembugaran tulisan jawi, mencadangkan PBT dan Bandaraya papan-papan tanda, papan tanda jalan, kampung, pejabat kerajaan, swasta, iklan dan sebagainya mestilah diwajibkan penggunaan tulisan jawi ni kalau kita nak membugarkan. Selain daripada itu, cuti umum hari Jumaat dan Sabtu mestilah diseragamkan dipihak swasta dan kerajaan negeri. Kita ambil keputusan cuti Jumaat dan Sabtu.

Yang Berhormat Senai, di mana Bumi ini dipijak, di situlah langit dijunjung. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang lembu jangan berkokok macam YB Rengit dan juga YB Pemanis (Dewan bertepuk)..Yang Berhormat..

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, sila gulung Naning..

YB Dato' Haji Saipolbahari Bin Haji Suib (Bukit Naning) : Ok, saya gulung, Yang Berhormat Dato' Speaker 'lu lang e taichi, teo chi wai e taichi dengan izin. Untuk membangunkan masyarakat berilmu, Johor Corp memberikan peruntukan RM1.6 juta, tahniahlah, terima kasih kepada Johor Corp. Kalau boleh ditambah peruntukan ini dalam Sponsorship Programme dengan izin dan tambah lagi bidang, kalau boleh bidang perubatan dimasukkan dalam penajaan tadi.

Dan dalam membudayakan inovasi kreativiti dan keusahawan yang berdaya saing global, tahniah dan terima kasih kepada kerajaan negeri Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana membina Pusat Industri Kecil dan Sederhana di Air Hitam.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya mintak di Johor ini Air Hitam Kluang dan Air Hitam Bukit Naning, Air Hitam Muar, saya nak mintak jelasan nak dibina di mana?

YB Dato' Timbalan Speaker : Air Hitam, Kluang.

YB Dato' Haji Saipolbahari Bin Haji Suib (Bukit Naning) : Air Hitam, Kluang

YB Dato' Timbalan Speaker : Air Hitam Muar tu nanas je..

YB Dato' Haji Saipolbahari Bin Haji Suib (Bukit Naning) : Saya nak mintak penjelasan

YB Dato' Timbalan Speaker: Ok, YB Bukit Naning sila tutup

YB Dato' Haji Saipolbahari Bin Haji Suib (Bukit Naning) : Saya akan tutup dengan suasana yang ada Bukit Naning dan saya ini tidak mengarah, Yang Berhormat Dato' Speaker saya tidak mengarah, cuma saya ingin menumpang kasih. Saya ingin berteduh, saya...

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah besar-besar camtu, nak menumpang kasih lagi?

YB Dato' Haji Saipolbahari Bin Haji Suib (Bukit Naning) : Saya ingin belas ihsan daripada barisan EXCO yang ada. Kalau boleh tangki air Bukit Naning peruntukan RM2.1 juta yang diluluskan dua tahun lalu binalah tangki air itu. Kemudian, balai orang ramai di Kampung Parit Tengah mohonlah disegerakan, peruntukan tambahan RM300,000.00 mohonlah kerajaan negeri bantu. Selain dari itu, pembentung parit rumah ke rumah sepanjang 10 kilometer anggaran kos RM4 juta perlu dibina bagi mengelakkan banjir dan lampu syarat isyarat di simpang Parit Karim perlu dibina.

Selain daripada itu, ini serius Yang Berhormat Dato' Speaker, membina semula membina semula Surau Al -Maksum Parit Karim 2 kerana dah terbenam 3 kaki. Sebelah hadapan separuh dan saya khuatir akan menghempap jemaah nanti dan mungkin akan berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Selain daripada itu juga, menurap semula jalan Parit Haji Karim ke Parit No. 3 sejauh 15 kilometer. Dan, akhirnya menaik taraf menurap jalan masuk dari Simpang Batu 9 ke TKPM Ulu Bakri yang berlopak-lopak lebih kurang 10 kilometer.

Akhirnya, Bukit Naning menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kukup. Terima kasih. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih bukit naning. Kita teruskan. Sila, tiram.

YB Dato' Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Rupanya masih ada ruang dan peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Bajet 2015 ini. Walaupun peringkat awalnya macam saya tak bercakap, tapi nampaknya saya kena bercakap jugalah, kerana ada benda-benda yang menarik perhatian saya pada Persidangan kali ini Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tiram, ringkaskan eh. Dah nak pukul 6.00 ni.

YB Dato' Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Saya memang ringkaskan pasal masa saya 2 minit dah dicuri oleh Sungai Abong. (Dewan ketawa) Ini Yang Berhormat Dato' Speaker

YB Dato' Timbalan Speaker : Halal ke tak halal tu?

YB Dato' Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Dia patut 2 minit, tapi Yang Berhormat Dato' Speaker tambah lagi 15 minit. Tu yang dia panjang tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam sidang Dewan ini tadi ada rakan-rakan Wakil Rakyat kita ataupun Ahli Dewan kita yang mengibaratkan kerajaan ini macam kereta. Macam kenderaan. Ada yang nak jadi tukang lap, ada yang nak jadi tukang ketuk. Jadi yang tukang ketuk ini nampaknya tukang ketuk yang senior. Tukang ketuk yang saya boleh katakana mahirlah. Tapi saya tak nak jadi tukang lap, tukang ketuk Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya nak jadi tukang jaga kereta, tukang jaga kerajaan. Kalau diibaratkan kerajaan sebagai kereta, saya bimbang yang tukang ketuk ini, walaupun dia mahir tapi takut dia silap ketuk. Jadi, kalau dia silap ketuk kereta yang dah cantik tu, akan jadi tak cantik Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebab tu saya kena jaga. Begitu juga yang nak jadi tukang lap, yang nak jadi tukang lap ini saya bimbang. Saya tak nak bagi dia lap, pasal apa kain yang digunakan untuk lap itu kotor Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi kereta dah cantik, saya nak Yang Amat Berhormat Menteri Besar bawa kereta tu dalam keadaan kereta itu baik seperti yang ada pada ini hari Dato' Speaker.

Walaupun dulu saya duduk dalam kereta itu Dato' Speaker, tapi saya dah tak duduk dalam kereta, saya tukang jaga kereta saja Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah membentangkan bajet 2015 dengan tema Membangunkan Johor Secara Inklusif. Pertumbuhan ekonomi memberangsangkan dengan pelaburan tinggi yang masuk ke Johor memberi harapan kepada rakyat, baik yang berniaga, bekerja atau yang baru melangkah ke alam perniagaan dan pekerjaan. Bagi yang berniaga janganlah mendabik dada dan menyombong diri seolah-olah apa yang mereka perolehi adalah disebabkan kebolehan mereka berniaga semata-mata. Tidak mungkin iklim perniagaan menjadi baik, jika tiada peluang yang diwujudkan baik secara langsung atau tidak langsung oleh kerajaan. Bagi yang bekerja tidak mungkin wujud peluang pekerjaan itu jika tidak dirancang pembangunan seperti dengan pembukaan kawasan pertumbuhan ekonomi yang baru atau jika tiada pelaburan yang masuk ke negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tema bajet itu sendiri mencerminkan keikhlasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri dalam memastikan tidak ada golongan yang tertinggal dalam arus pembangunan yang berlaku di Johor bumi tercinta ini. Bajet lebihan dengan hasil yang meningkat dan dikembalikan semula kepada rakyat dalam bentuk pembangunan yang lebih besar, mencerminkan kecekapan pengurusan kerajaan. Tapi apa yang lebih menarik bagi saya Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah lebih 100 inisiatif dan *touch point*, dengan izin yang dapat dirasai oleh banyak golongan khususnya golongan berpendapatan rendah dan juga golongan sederhana rendah.

Saya penuh yakin Bajet 2015 yang digarab berlandaskan pandangan rakyat dan input dari pelbagai pihak melalui Pelan Suara Hati Rakyat Johor memberi impak dan kesan yang *significant* kepada golongan sasar. Termasuklah dalam soal menyediakan rumah murah dan rumah mampu milik di mana Johor kita mempunyai perancangan untuk membina 37,000 baik daripada pemaju swasta ataupun agensi kerajaan 37,000 rumah mampu milik dan juga rumah murah di negeri Johor dalam tempoh 2 3 tahun akan datang ini. Tapi yang membangkitkan soal perumahan yang mempertikaikan soal perumah di Johor ni, perumahan mampu milik yang datang dari sebelah sana, cuba tanya pada diri masing-masing. Di *Penang* sepanjang tempoh 6 tahun ni Yang

Berhormat Dato' Speaker, berapa agak kerajaan Pulau Pinang bina rumah murah di negeri tersebut? Sedangkan saya dapat makluman di sana PERDA sendiri yang nak buat rumah murah 3,000 unit rumah murah di Pulau Pinang sampai sekarang dah 3 tahun permohonan dibuat untuk mendirikan rumah murah tidak diluluskan oleh kerajaan negeri tersebut. Jadi itu perbandingan yang saya nak buat betapa seriusnya kerajaan negeri kita dibandingkan dengan kerajaan Pulau Pinang dalam usaha untuk tentukan bahawa rakyat semua lapisan tak kira sama ada berpendapatan tinggi ataupun berpendapatan rendah mampu untuk memiliki rumah di negeri ini Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya juga penuh yakin pihak pembangkang sekalipun walaupun mungkin ada yang tidak dizahirkan amat bersetuju bahawa bajet ini amat baik untuk rakyat. Sebab itulah oleh kerana tiada cacat celanya maka ada pihak mahu tidak mahu mencari ruang untuk mencerminkan seolah-olah mereka boleh buat lebih baik Yang Berhormat Dato' Speaker. Cuba mencari kesilapan sehinggakan tadi ada Ahli daripada Senai yang menyebut "janji besar, tindakan kecil". Saya pun tak faham apa maksud janji besar, tindakan kecil. Dia membangkitkan tentang pengangkutan awam yang telah pun kita bincang yang telah pun kita bahaskan dan telah pun dibentangkan oleh kerajaan sebelum ini. Janji besar, tindakan kecil sebenarnya tak berlaku di Johor. Kerana apa, apa yang kita janjikan kita tunaikan tapi saya nak ambil (Dewan bertepuk), saya nak ambil contoh-contoh di mana janji besar, tindakan kecil ini berlaku. Contoh pertama Yang Berhormat Dato' Speaker, di sebuah negeri bila dia belum perintah dia pergi ke sebuah kampung di Pulau Pinang kampung tersebut mungkin terpaksa dipindahkan dia kata dalam tempoh 100 hari kalau dia perintah dia akan selesaikan masalah Kampung Buah Pala. Itu janji besar tu. Tapi bila selepas dia dapat sahaja tampuk pemerintahan dalam 100 hari tak da tindakan untuk selesaikan. Itu maknanya tindakannya kecil. Bukan hanya tak selesaikan tapi nak roboh, terus roboh kampung tersebut. (Dewan bertepuk). Ha itu contoh "janji besar, tindakan kecil". Yang ke 2 saya nak ambil contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, berlaku di negeri Selangor dalam pilihan raya dia kata kalau dia menang dia akan selesaikan masalah bajet kerana selama ini kerajaan Barisan Nasional lah yang salah kerana banjir apa tu berlaku di kawasan tersebut. Dalam tempoh 3 bulan dia kata, dia akan selesaikan jika dia dapat perintah kerana yang salah ialah Barisan Nasional. Lepas sahaja dia dapat kuasa Yang Berhormat Dato' Speaker dalam tempoh 3 bulan, tak selesai bila hujan lebat berlaku apa alasannya Yang Berhormat Dato' Speaker. Oh, sebenarnya yang salah ialah hujan pasal hujan terlalu lebat maka masih lagi berlaku banjir. Jadi kalau salah semua kerajaan Barisan Nasional. Kalau dia salah, dia kata ini takdir. Hujan lebat sebab tulah banjir tak boleh selesai.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga tertarik dah 2 persidangan Dewan Yang Berhormat Dato' Speaker, ada ahli yang mungkin nak cari perhatian dengan cara dia sendiri. Peraturan Dewan jadi pertikaian. Kononnya nak menegakkan peraturan, tapi diri sendiri tidak menghormati peraturan. Saya ambil contoh, peraturan 47 ada menyebut yang membawa maksud mudah. Bahawanya, bahawa sekiranya Speaker bercakap maka seseorang ahli hendaklah berhenti bercakap dan duduk sebagai menghormati Speaker. Ini jelas namun ini tidak dilakukan ahli tersebut. Katanya hendak menegakkan peraturan, tapi peraturan yang mudah pun tak dapat dihormati. (Dewan Bertepuk). Speaker beberapa kali suruh duduk pun tak nak duduk Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi adakah ini strategi untuk mencuri perhatian daripada pihak media atau saja nak membuktikan seolah-olah dialah pejuang Yang

Berhormat Dato' Speaker. Jadi kalau memang tak faham peraturan atau belum faham peraturan, saya haraplah ahli tersebut sewajarnya jumpa pihak Jurutulis ataupun jumpa pihak Speaker lebih awal lagi supaya Dewan kemuliaan Dewan ini tidak tercemar Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Ha..dia mintak digunakan peraturan 50 tu. Untuk cari publisiti tapi Speaker orang yang vouge orang yang bijaksana eh. Jadi tidak menggunakan peraturan 50 untuk mengeluarkan ahli yang berkenaan.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Hah nampak ... ni contoh Yang Berhormat Dato' Speaker. Speaker cakap, saya duduk. (Dewan ketawa dan bertepuk). Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga Ahli Dewan yang kekurangan modal, tak merujuk kepada bajet yang dibentangkan sebagai rujukan perbahasan. Laporan audit dijadikan sandaran. Memanglah laporan audit Yang Berhormat Dato' Speaker amat penting untuk meningkatkan prestasi, kecekapan dan menambah perbaikkan menambah baikkan. Dan saya dengan penuh yakin semua ketua jabatan terlibat dah maklum dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap laporan tersebut. Ada ahli yang mempertikaikan pelaburan di luar negara sebagai contoh kenapa YPJ labur luar negara. Kalau pelaburan luar negara boleh menguntungkan apa salah kita melaburkan melabur di luar negara. Kerana pulangan kepada keuntungan yang diperolehi oleh YPJ dipulangkan untuk pendidikan anak-anak Johor Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bila ada juga ahli tersebut mempertikaikan dia kata kenapa kumpulan pendidikan YPJ ada kerugian terkumpul 26 juta ringgit dan sebagainya. Bila Syarikat Air Johor untung pun dia pertikaikan, bila KPYPJ rugi pun dipertikaikan maknanya untung salah, rugi pun salah. Memang pembangkang tak mahu kalah. Yang Berhormat Dato' Speaker saya tahu kenapa kumpulan pendidikan YPJ rugi, ini bukan YPJ. KPYPJ kena faham YPJ dan juga KPYPJ. KPYPJ rugi bukan kerana KPYPJ berbelanja mewah atau berlaku pembaziran malah saya penuh yakin dan percaya bahawa pensyarah dan kakitangan KPYPJ juga amat berdedikasi dan berkorban untuk kepentingan para pelajar. KPYPJ ialah kolej yang menawarkan peluang ke 2 kepada pelajar yang tak dapat tempat di IPTA. Yuran yang dikenakan adalah antara yang termurah jika dibandingkan dengan kolej-kolej swasta yang lain. Kalau nak untung memang senang Yang Berhormat Dato' Speaker, naikkan yuran setanding kolej lain. Dan adakah itu yang Bukit Batu nak cadangkan. Kalau yuran YPJ tinggi dari kebanyakan kolej yang lain saya rasa saya dan rakan-rakan dalam Barisan Nasional akan menentang perkara tersebut Yang Berhormat Dato' Speaker kerana YPJ adalah tempat di mana peluang untuk anak-anak kita menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan saya berharap KPYPJ tidak menaikkan yuran yang tinggi kepada para pelajar semata-mata kerana mengikut kehendak Bukit Batu agar KPYPJ untung besar. Yang Berhormat Dato' Speaker KPYPJ rugi atas kertas tapi jasa KPYPJ kepada rakyat Johor amat besar. Janganlah kita nafikan hak rakyat terutamanya dari golongan rendah dan sederhana rendah dapat peluang melanjutkan pelajaran dan saya yakin kerajaan negeri ada di belakang KPYPJ untuk tentukan KPYPJ agar terus beroperasi dan memberi sumbangan dalam bidang pendidikan kepada rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai penyokong kerajaan saya sememangnya amat gembira dengan pelaburan yang datang mencurah ke negeri Johor. Pelaburan

hartanah, perumahan, industri pembuatan dan perkhidmatan, pendidikan dan sebagainya. Namun begitu saya berharap kerajaan tegas dan buat penguatkuasaan agar semua pelabur mengikut ketetapan dasar kerajaan dengan memberi gaji minimum RM900.00 sebulan kepada pekerja dalam semua sektor. Saya difahamkan masih ada syarikat termasuk IKS yang belum member gaji minimum kepada pekerjanya. Tak kiralah sama ada ianya seorang pengawal keselamatan, seorang pembuat teh, seorang pencuci bangunan dan sebagainya, mereka berhak untuk mendapat gaji minimum tersebut dan saya minta kerajaan negeri buat 1 kajian dan laporan berapa banyak kah majikan yang masih gagal mengikut peraturan kerajaan ini. Kepada para peniaga keuntungan seharusnya dikongsi bersama dengan pekerja dalam bentuk pulangan gaji yang munasabah dengan industri dan keadaan semasa.

YB Tan Sri Speaker, pelaburan dalam sektor perumahan dan hartanah juga rancak di Johor Bahru yang sememangnya telah menjadi buah mulut di kalangan rakyat Johor. Minat warga asing untuk membeli hartanah di Johor Bahru juga amat tinggi sehingga di cadang untuk diwujudkan zon antarabangsa. Saya tidak menghalang malah menyokong cadangan tersebut. Kerana ianya boleh menyekat warga asing bersaing dengan warga tempatan untuk membeli rumah di Bandaraya Johor Bahru ini. Dengan terlaksananya zon antarabangsa, saya juga berharap kerajaan hanya membenarkan warga asing membeli rumah di dalam zon yang telah di gazetkan sebagai zon antarabangsa ini. Biarlah hartanah yang berada di luar zon ini dibeli oleh warga tempatan dengan harga yang lebih yang munasabah. Namun begitu saya juga berkongsi pandangan dengan rakan-rakan Ahli-Ahli yang lain di mana sepatutnya hartanah yang dijual pada warga asing ini hanyalah bertaraf pajakan dan bukan *free hold* dengan izin kerana implikasi di masa akan datang amat besar di mana tanah *free hold* ini kan dimiliki oleh warga asing selama-lamanya dan kerajaan hanya dapat mengutip cukai tanah dan pintu sahaja. Sekiranya tanah diberi taraf pajakan semasa tamat pajakan kerajaan berhak menyambung pajakan tersebut tetapi kerajaan dan kerajaan juga akan mendapat hasil daripada premium yang dikutip berdasarkan nilai pasaran pada ketika itu. Dan saya berharap selepas ini tidak ada lagi ada hartanah yang asalnya milik kerajaan diberi taraf *free hold* bagi tujuan pembangunan. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam masa terbatas ini, memang saya tak dapat mengulas kebaikan-kebaikan yang terdapat dalam bajet 2015 ini. Namun begitu walaupun kita tahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama pasukannya bertungkus lumus merancang pembangunan dan pentadbiran yang berkesan pada kesejahteraan rakyat masih adalah macam saya sebut tadi di kalangan ahli Yang Berhormat yang saya rasa menuduh agak keterlaluan, bercakap tidak berlandaskan bukti dan fakta, berhujah ikut sedap rasa saja Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada Ahli Yang Berhormat suka membuat tuduhan melulu. Saya dah perhatikan beberapa sesi ataupun sidang Dewan dan amat gemar menggunakan perkataan kroni dan sebagainya. Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita adalah orang yang amat baik Yang Berhormat Tan Sri Speaker walaupun telah beberapa kali tuduhan dibuat, dia tak jawab pun tuduhan melalut sebegitu. Saya juga orang baik Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapi dengan saya baik-baik. Jadi ada kala juga saya bersangka baik, tapi kalau cakap lebih saya rasa saya kena cakap balik. Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi saya nak sentuh sikit mengenai tuduhan tersebut. Sebagai sebuah kerajaan mesra pelabur dan mesra perniagaan dan ingin melihat pertumbuhan ekonomi berlaku dan pembangunan berterusan sudah tentulah kerajaan menerima pelbagai cadangan dari pelbagai pihak untuk memajukan negeri

dan negara kita. Cadangan yang diterima akan ditimbang oleh kerajaan berdasarkan merit dan kebolehupayaan serta pulangan yang akan di perolehi oleh kerajaan. Agak malang Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila mereka berkeupayaan berdaya saing berkemampuan mendapat peluang maka pembangkang akan sebut mereka ini sebagai kroni ataupun syarikat kroni. Kalau begitu tafsiran Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga nak mentafsirkan bahawa kerajaan Pulau Pinang merupakan pengamal *kronisem* yang begitu teruk. Kerana hendak mengurniakan projek terowong bawah tanah dari pulau ke tanah besar kepada kroni Ketua Menteri. Projek bernilai billion ringgit tersebut tidak ditender secara betul-betul terbuka oleh kerajaan negeri tersebut. Di Perak sendiri, satu ketika dahulu, diwaktu bukan Kerajaan Nasional memerintah selama 11 bulan, buat baju rasmi kerajaan pun diberi kepada syarikat yang ada kaitan dengan EXCO kerajaan negeri tersebut. Tak kroni namanya Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan di sebuah negeri,

YB Dato' Timbalan Speaker : Makaroni ye, bukan kroni?

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Di sebuah negeri, projek hutan balak pun diberi kepada syarikat bekas exco tersebut. Amalan *kronisem* tersebut berlaku amat berleluasa, walaupun baru perintah 3 negeri. Itu yang kita tahu. Yang kita tak tahu mungkin banyak lagi Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Dah tinggal sikit lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Walaupun kroni saya.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ringkaskanlah. Satu lagi saya nak sentuh. Tentang ada ahli yang membangkitkan, ada cadangan kononnya meminta kerajaan meminimumkan Ahli-Ahli Lembaga GLC yang berlatar belakangkan politik. Saya rasa di Johor ni Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin perlantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah orang-orang yang bertepatan dan tidak semua berlatar belakangkan politik. Di Pulau Pinang, syarikat Perbadanan Air Pulau Pinang, tak percaya pergilah cari maklumat. Semua Ahli Lembaga Pengarah orang politik. Kecuali Setiausaha Kerajaan Negeri. Pergilah, kalau tak percaya carilah maklumat tersebut. Maknanya, di Johor ni tak seperti yang dikatakan oleh rakan kita daripada sana. Sebab itulah, Johor ni menjadi sebuah negeri yang makmur, yang maju untuk rakyatnya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Spaker, itulah sebenarnya kesimpulannya cakap tak serupa bikin. Sebenarnya yang cakap tak serupa bikin bukan kita, bukan Kerajaan Negeri Johor, macam Mengkibol cakap. Yang cakap tak serupa bikin, mungkin Mengkibol tengok kawan-kawan dia cakap tak serupa bikin. Sebab itulah dia cakap. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap rakyat Johor tidak menggantikan kerajaan yang sedia ada ini dengan kerajaan yang kuat amalan *kronisem* seperti yang saya sebutkan tadi. Kepada yang berkenaan, ada serangkap pantun dua kerat yang saya karang sendiri. Pantun dia bunyi begini Yang Berhormat Dato' Speaker, "Khayal menari sehingga terlucut kain, kalau bercakap biarlah serupa bikin". Serangkap lagi pantun

yang dikarang oleh pujangga terdahulu, bunyinya "merata dulang paku serpih, mengata orang aku yang lebih".

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya pun ada pantun. "Asalnya jauhar dijadikan Johor, Tanjung Puteri ibu negerinya, hasrat MB nak jadikan Johor tersohor, akan kami dukung dan sokong sepenuhnya". Kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, "anak arab beli kobis, perbahasan saya dah habis". Sekian, wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Tiram. Kita teruskan. Sila Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor, salam Semarang. Membangun potensi memperkemas prasarana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberikan. Inilah yang dikatakan rezeki. Walaupun masa telah habis, namun masih ada lagi peluang. Syukur alhamdulillah kepada rakan-rakan yang menyokong untuk ditambah lagi masa perbahasan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada pepatah yang menyatakan dengan izin *if you are giving and all is not enough, you are probably giving it to the wrong person*. Dalam perkataan yang lain, kalau kita telah berikan segala-galanya apa yang kita ada, yang kita mampu, tetapi masih dia kata tak cukup jugo, mungkin kita memberi kepada orang yang salah, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada apa yang telah berlaku. Sebagai pembahas yang kebetulan yang terakhir, saya hairan bagaimana ada setengah pihak yang menyatakan bahawa kerajaan memberi maklumat yang mengelirukan, serta disyaki memberi maklumat sesat dalam perbahasan. Merujuk kepada belanjawan yang telah dibentangkan, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Besar, yang telah membuat satu ucapan yang mudah untuk difahami, dengan fakta dan juga fakta dan juga angka yang diberikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun walau apa pun tuduhan yang telah diberikan saya tak nak sebutlah sebut kroni Yang Berhormat Tiram telah terangkan, ada orang kata *lips service*. Apa pun lah, kepada mereka memang tak ada yang baik Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita terimalah jangan gundah gulana, kita teruskan apa yang telah kita ada ini, kerana niat kita adalah untuk membangun negeri yang tercinta ini. Kepada mereka memang sedaya upaya untuk menutup segala kebaikan yang ada, dan pencapaian kerajaan dan mereka ini jauh sekali untuk mengiyakan apa yang ada dan mereka juga jauh sekali untuk menceritakan tentang 102 *touch point* ataupun titik sentuhan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar kita. Sebenarnya merekalah yang paling risau kalau kerajaan ini berfungsi dengan baik dan beri manfaat yang terbaik kepada rakyat Johor, makanya mereka tidak berpeluang untuk merasa pemerintahan di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang kerajaan kaut daripada rakyat? Mereka kata kerajaan kaut dari rakyat. Apa yang dikaut? Mereka kata, sebenarnya

pembangkang ini sebenarnya tidak konsisten, defisit salah, lebihan salah, rizab fakta salah, takde rizab salah, semuanya salah belaka. Sebab itu makanya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita boleh dengar, pakai tak payah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang ada pula berbahas di Dewan yang salah, mereka menceritakan tentang perkara-perkara yang sepatutnya dibincangkan di Dewan Rakyat bukan di Dewan DUN dan mereka mengharapkan agar mereka menjawab kepada mereka-mereka ini. Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyatakan walaupun mereka menyatakan bahawa mereka berkhidmat untuk rakyat, saya minta berharap, saya berharap sekali lagi, saya pernah nyatakan di Dewan ini, jangan guna perkataan istilah, Pakatan Rakyat. Rakyat mana yang berpakat ni? Kita tak pernah berpakat pun. Jauh sekali berpakat dengan mereka, yang ada adalah Pakatan Pembangkang. Sengaja mereka menggunakan rakyat, agar menggambarkan ia adalah melalui denyut nadi rakyat di bawah. Sebenarnya tidak, itulah realitinya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan di sini, rakan di sebelah sana Pekan Nenas, eko kepada Skudai beriya-iya sangat, menyatakan satu perkara. Berkenaan dengan JCorp. JCorp ini Yang Berhormat Dato' Speaker ditubuhkan sebagai sebuah Perusahaan Awam dan Badan Berkanun melalui Enakmen Johor Corporation bilangan 4 1968, Pindaan Enakmen No 5 1995. Sebagai sebuah badan perlaburan negeri. Ini adalah institusi negeri dan kita mahu ia terus dipertahankan. Wah, beriya-iya sangat bahawa menyatakan bahawa JCorp tidak membentangkan laporan kewangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka kata tidak membentangkan laporan kewangannya untuk tahun 2013. Mereka silap Yang Berhormat Dato' Speaker. Ini dia, ini yang adalah laporan daripada JCorp, Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2014, Laporan Tahunan 2013 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini, dalam Mesyuarat Pertama bagi Penggal Persidangan Ke-dua Dewan Negeri Yang Ke-13 pada 29 Mei hingga 9 Jun 2014. Apa benda lagi?

Yang Berhormat Dato' Speaker, laporan inilah Yang Berhormat Dato' Speaker daripada muka 79 sampai 236. Balik, jangan buat bungkus nasi lemak pulak. Cuba tengok betul-betul. Dengan prestasi daripada 2008 sampai 2013, disahkan pula dengan Suruhanjaya, sumpah pula lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa lagi? Pesuruhjaya Sumpah sain dah. Saya tak payah sebut nama nanti kena marah, beralamaat No. 89, Jalan Trus, 80000 Johor Bahru pada 6 Mac 2014. Ini dia, Nenas, Pekan Nenas, nenas pulak. (Dewan ketawa). Mentang-mentanglah Pengerusi Nenas.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Jadi, samalah macam Yang Berhormat Tiram kata. Tengok-tengoklah dulu, sebelum nak cakap. Biarkan je. Kita diam bukan kita tak tahu, tapi kita nak tahu apa yang dia tak tahu kadang kala, tak cakap takut orang kata tak bijak, bila cakap *confirm* memang tak bijak. (Dewan ketawa)

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker memang ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat kita ni savvy IT, hebat,

Alhamdulillah, bagus. Ini adalah salah satu daripada cara *outreaching* dengan izin. Masyarakat di bawah sana, Mengkibol semalam lepas Dewan, dia pun buat *posting* dalam facebooknya, bukan main lagi menyatakan seolah-olahnya dia mengeluarkan verbatim. Ada pula orang yang boleh berucap sambil buat verbatim sendiri ni. Kalau betul tak apa, *you are* seorang macam berkata, orang kata *jump the gun*... verbatim belum keluar, dia dah keluarkan facebook. Buatlah *screenshot*, apa benda yang kat dalam melalui verbatim, dan pada masa yang sama membawa mesej yang salah. Saya tengok lima jam selepas ia dipostingkan. Berkenaan dengan apa yang telah diterangkan berkenaan ADUN daripada Kahang, berkenaan dengan isu SRS, dipendekkan cerita mesejnya tidak sama dan ini adalah contoh-contoh penyalahgunaan, yang boleh mengelirukan rakyat di luar sana, tapi realitinya inilah kerja-kerja mereka mengelirukan dan mengelirukan kepada rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harapkanlah pada rakan-rakan yang cerita berkenaan dengan rakyat, bercerita berkenaan dengan kepentingan agama dan bangsa, kenalilah musuh kita sebenarnya. Janganlah jadi pasangan hidup yang didera. Pasangan hidup yang didera. Dah pilih suka sama suka, hidup sebagai pasangan hidup namanya, tetapi didera. Dilempang, dimaki, dihina, disepak, disindir, di jerit tapi tak berani buat apa-apa. Hanya kerana kebergantungan dia kepada pasangan hidup yang satu lagi ni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pun seronok juga apabila rakan-rakan sebelah saya menyatakan ada yang nak jadi tukang ketuk, ada yang nak jadi tukang lap. Tiram nak jadi jaga kereta. Tapi pada saya begini Yang Berhormat Dato' Speaker, tak ada masalah, kita boleh naik. Mereka sebenarnya semua sanggup nak jadi apa-apa ni, kerana nak pastikan dapat duduk dalam kereta. Itu saja. Boleh, kita naik kereta, kita kereta besar, kereta bagus, selesa, Insya-Allah boleh duduk kerusi masing-masing, tak ada masalah. Tapi janganlah banyak aral. Janganlah banyak keletahnya. Tengah bawa kereta diam-diam. Jangan kacau *driver*, cabut kunci, geletek driver, cucuk jarum, bukak pintu, bahaya. Macam mana nak bawa kereta kalau *passenger* kacau *driver*. Boleh, *no problem*. Belum lagi nak masuk pasukan *racer*. Boleh, duduk satu pasukan, kerusi banyak. Tujuan sama, tapi kita banyak membahaskan tentang perkara-perkara remeh sedangkan yang *fundamental* kita tidak , kita telah ketepikan. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa ini, saya juga rasa terkejut apabila Skudai kata, boleh, berangan tu percuma. Boleh berangan, tak ada masalah. Beranganlah apa saja nak jadi, tak ada masalah. Tetapi pada masa sama, patut-patutlah, ikutlah logik, takut diketawakan dek orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang kita harapkan kalau dia orang kata, mereka menyatakan bahawa kalau mereka memerintah nak pusingkan biar orang *Singapore* naik motor pergi sini cari makan dekat Johor pula. Hebat. Kepada saya sebagai orang politik Yang Berhormat Dato' Speaker, saya lagi takut. Saya takut pemerintah pada waktu itu buka sempadan pula untuk orang sana masuk ke sana. Dan inilah yang menyebabkan, menambahkan tekad kita untuk mempertahankan Kerajaan Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jangan persoalkan taat setia kita kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Bukan kerana kita tak berada di penghujung majlis, kita tak hormat. Saya bagi pihak Backbenchers nak menjawab, nak terangkan sebenarnya kita berada sebagai tuan rumah di setiap perhentian yang ke bawah Duli Tuanku. Tapi

apakan daya, inter..... nya besar, laju. Sebagai tuan rumah kita menunggu, kita mengemas, basuh pinggan, padahal semua besar tu kat dalam semua tempat. Dan lebih daripada itu, kitalah sebenarnya orang yang mengaminkan doa setiap hari Jumaat. Belum tahu orang yang cakap tu buat macam itu. Sebab itu jangan pertikaikan kesetiaan kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Parit Yaani seronok apabila menceritakan soal, apabila mantan Perdana Menteri kita menegur parti, kepimpinan parti, UMNO khususnya. Ini UMNO parti kami. Kami hormati pandangan sesiapapun apatah lagi orang tua yang pernah berjasa kepada kita, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan pada masa yang sama Dato' Speaker, pemimpin silih berganti, tak ada masalah, kita tak ada masalah. Buatlah perbandingan bagaimana kita menangani masalah dengan *total* musyawarah. Bukan seperti di sebuah negeri, khususnya macam di Selangor. Nak tukar Menteri Besar sampai sanggah-menyanggah. Sampai buat fitnah memfitnah, sampai buat *roadshow* untuk menurunkan Menteri Besar. Kita kerajaan yang ada Barisan Nasional tak ada masalah, turun tak ada masalah. Tidak ada sampai bawa ke mahkamah, tak ada. Ini lah bezanya ktia Yang berhormat Dato' Speaker.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, soal menurunkan Menteri Besar ni bukannya kehendak rakyat. Tapi sebenarnya kehendak pakatan pembangkang itu sendiri yang nak menurunkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam dunia ni Yang Berhormat Dato' Speaker, memang ada pihak yang mahukan banyak kebajikan. Mereka mahukan kebajikan sebagaimana rakyat-rakyat orang di Negara Scandinavia, tapi mereka tak sanggup nak bayar cukai sampai 40%. Ada juga orang yang mengharapkan pelepasan cukai, tak ada cukai seperti di negara-negara teluk. Tak ada cuka, pelepasan cukai tak ada, huh, *best* betul. Tetapi dia tak tahu 95% bahan-bahan kegunaan harian mereka adalah diimport dan kerajaan mereka tak bagi satu sen pun subsidi kepada mereka. Maknya kita harus tahu tentang realiti ini. Kita tak boleh dapat semua. Ada masanya kita menyimbang dan kita harus berlaku adil kepada semua pihak. Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka mahu negara kaya tapi tanpa cukai. Ini adalah mustahil. Yang Berhormat Dato' Speaker, ini Johor. Ini Johor. Jangan bandingkan dengan tempat-tempat yang lain.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak ada luaskan kuasa?

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Luaskan kuasamu Johor. Bagus. Saya bagus, saya suka kalau ambil contoh-contoh di luar, ambil perbandingan, contoh-contoh teladan dari luar, yang baik kita ambil yang buruk kita pun tengoklah, jadikan sempadan. Yang Berhormat Tiram tadi dah nyatakan perkara-perkara yang berlaku. Nak saya nak sambung sikit. Ketua Menteri Penang kata mereka rugi RM500 juta kerana buat rumah mampu milik. Tiba-tiba EXCO dia pula dalam Dewan Negeri menyatakan bahawa mereka tak pernah buat pun rumah mampu milik. Eh, macam mana pulak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah contoh-contoh yang kita harus lihat, yang baik kita ambil yang tak baik tu, dan pada masa yang sama juga jangan perlekehkan apa yang Kerajaan bagi. Semalam, Parit Yaani menyatakan, bagus kasi RM1,000.00

Kerajaan melalui Yayasan Pelajaran Johor untuk anak-anak ke IPTA. Tetapi pada masa yang sama kata dia, Selangor dah kasi RM1,000.00 dah naik jadi RM3,000.00. Saya tanya adik saya dekat Selangor, tak adalah. Tak ada pulak. Saya tahu yang dimaksudkan dia ialah hadiah kepada pelajar bawah apa yang di katakan memasyarakatkan ekonomi Selangor. Tidak. Tak betul tu. Tak betul. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, jangan nafikan RM1,000.00, nah sekarang ini kita buatkan biasiswa diwujudkan RM16 juta daripada Jcorp buat pertama kalinya untuk biasiswa anak-anak Johor. Apa lagi? Untuk Jcorp Accountany RM7.2 juta. Tidakkah ini satu nikmat.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Semarang, sila tutup.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

YB Dato' Timbalan Speaker : Ada tanggungjawab...

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Insya-Allah. Yang Berhormat Dato' Speaker, masih lagi cerita GST. GST. Saya dah malas nak cerita fasal GST sedangkan pemimpin pakatan pembangkang sendiri menyatakan GST ini adalah sistem percukaian yang telus dan efisien. Dan mereka akan buat apabila mereka memerintah. Apa benda lagi? Yang dekat bawah nak banyak cakap apa fasal. Dan ada pula yang mencadangkan CGT, *Capital Gain Tax*. Yang Berhormat Dato' Speaker, *Capital Gain Tax* ini jangan dibahaskan. Nak dibincangkan jangan dia sampai dibezakan dengan GST. Nak dipendekkan cerita CGT ini adalah dengan GST ini serupa macam MRT dengan Air Asia, teksi dengan bas. Dua-dua adalah kenderaan, pengangkutan. Cuma objektifnya berbeza. Kita nak cerita macam mana, nak GST macam mana, nak CGT macam mana, capital gain yang macam mana? Nak macam Myanmar yang 40%, nak macam Indonesia yang 20%? Pilih. Cakap memang senang. CGT, GST. Ada tempat ada dua-dua. Maka, tak semudah apa yang kita kata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan rizab Melayu, syukur alhamdulillah. Yang Amat Berhormat tadi telah tekankan, yang dah terlepas akan rampas balik. Alhamdulillah, tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim. Selain daripada perlu memperbaiki sistem-sistem yang perlu diperbaiki, dengan data-data yang terperinci, insya-Allah kita akan jaga perkara 2, wasiat Raja-Raja Melayu yang telah ditandatangani pada 2 Ogos 1997 ini. Dan kita tapi kena ingat, saya nyatakan ni kerana apa, ramai sangat orang menyatakan bahawa kerajaan telah jual rizab tanah Melayu, gadaikan tanah rizab Melayu. Dulu tahun 1957, untuk 50% sahaja. Sekarang ini kita dah tambah dah, daripada 152,000 kepada 432,000 kenaikan 280,000 adalah 184% daripada 1997. Nak macam mana lagi? Dan pada masa yang sama, ini bersamaan 4,912 ekar hektar setahun. Nak macam mana lagi? In tak termasuk Yang Berhormat Dato' Speaker, 36 Rancangan FELDA dalam Negeri Johor, tak masuk lagi ni ada 31,000 hektar lagi tak masuk lagi. Jadi, tohmahan menyatakan kerajaan menggadaikan tanah-tanah rizab Melayu adalah sama sekali tidak benar Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato'Speaker, saya mengambil kesempatan di sini kita punya pembangunan yang besar, baik di Penawarnya, Pengerangnya, baik di Selatan Johornya dan insya-Allah di tempat-tempat yang lain juga. Yang kita harapkan Yang

Berhormat Dato' Speaker, kita lagi tak boleh berharap kepada *spill over* dengan izin, *by chance*, tak nak. Peluang, *spill over* nya *chance* jika kalau ada peluang, tak nak cerita lagi. Kita mahu *spill over by design*. Dengan erti kata yang lain, kita boleh merancang apa *spill over* yang boleh sampai kepada masyarakat tempatan. Kalau saya boleh bagi contoh, pertanian moden Ayer Hitam, apakah *spill over by design* untuk orang Ayer Hitam. Bukan sahaja peluang, nanti akan daripada peluang dapat kerja, besok ada peluang jadi *driver* bas, esok ada peluang jadi mandur, tak. *Design* daripada awal supaya rakyat dapat menikmati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya setuju keprihatinan semua pihak tentang kebanjiran pekerja-pekerja asing. Saya ingin menjurus khusus untuk Bandaraya Johor Bahru ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Senai ok. Di Johor Bahru ni, nampaknya kebanjiran pekerja-pekerja asing di Johor ini sewajarnya kita lihat daripada awal. Kita hanya bersedia untuk melihat bagaimana transformasi Bandaraya Johor Bahru kepada Metropolitan Johor Bahru di masa yang akan datang. Dan kita telah melihat perjalanannya. Tetapi mungkin kita terlepas fokus tentang impak di peringkat awalnya itu. Bayangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau ada belasan ribu pekerja-pekerja asing akan ditempatkan di tengah-tengah kawasan strategik dan juga sensitif dari segi keselamatan di Johor Bahru ini. Kita harapkan pihak yang berwajib, PBT baik dan juga agensi-agensi yang berkaitan melihat tentang perkara ini lebih baik dan kita mengharapkan ada satu yang *intergrated* di kalangan jabatan-jabatan untuk melihat perkara ini, dan saya percaya dengan iltizam politik daripada pihak kerajaan dan koordinasi di antara agensi ianya tidak akan menjadi masalah di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negeri Johor Alhamdulillah, hasil bertambah, potensi baik. Kita mempunyai kelebihan daripada yang lain. Kita kaya dari segi material, Insya-Allah. Serta pada masa yang sama YB Dato' Speaker, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk membuat suatu program yang dinamakan '*Program Heart of Gold*' berhati emas. Kita lihat kepada *good samaritan* dalam orang negeri Johor ramai... jadi orang baik-baik yang telah menyumbang kepada masyarakat atas sikap kesukarelawan ini, dan kita serlahkan negeri Johor ini di persada negara mahupun dunia dengan individu-individu, insan-insan berhati emas atau pun *man with the heart of gold*, dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita tengok tak kira bangsa Melayu, Cina ataupun India selagi ia menyumbang pada masyarakat dan boleh jadikan contoh kepada generasi akan datang bahawa dalam pada dikatakan orang mengejar materilalis menjadi materialistik, masih ada lagi insan-insan *with the heart of gold* ini dalam negeri Johor Darul Takzim.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan di sini, pengisian kepada Johor Jauhari Selatan. Kita berbangga dengan apa yang kita ada. Kita dulu seronok dengan Rumah Limas di Danga Bay, di Teluk Danga kita harap Rumah Limas ini akan menjadi kenyataan lagi sekali. Kita mahu ianya menjadi kebanggaan kita bersama, agar sekurang-kurangnya generasi akan datang akan melihat apa itu Rumah Limas, dan akan menjadi salah satu daripada tempat orang merakamkan peristiwa di situ sama ada secara berkeluarga ataupun masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terkemudiannya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak menyentuh sikit berkenaan dengan . . .

YB Dato' Timbalan Speaker : Banyak lagi, Semarang ?

YB Datuk Haji Samsol Bin Jamali (Semarang) : Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara tadi telah dibawakan Yong Peng, saya nak bagi tahu tetapi oleh kerana Tan Sri Speaker tak nampak saya, tak apa. Saya nak nyatakan, projek median untuk Jalan Parit Raja hingga ke Kluang ini, saya ingin perakukan bahawa jalan itu adalah seperti lagu Ekamatra, Pusara di Jalanan. . .

YB Dato' Timbalan Speaker : Lebuhraya. . .

YB Datuk Haji Samsol Bin Jamali (Semarang) : Lebuhraya, bukan di jalanan, Pusara Lebuhraya, ini dia. Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan saya meminta, satu bulan, tak lah berpuluh tetapi ramai orang yang menjadi janda, menjadi yatim piatu di kawasan tempat saya. Dan, jangan dikatakan kita tak usahakan, kita dah usahakan dah. Dan, saya nak maklumkan jangan pulak nanti ada orang kata dia memperjuangkan, kita dah perjuangkan daripada mula dah, dan Alhamdulillah sepertimana yang dinyatakan oleh Pengerusi Kerja Raya tadi, dia akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Alhamdulillah, kita sabar walaupun kita sakit, tetapi sabar juga ada hadnya Yang Berhormat Dato' Speaker. Mudah-mudahan kita dapat perjuangkan bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berterima kasih di atas peluang ini. Saya berterima kasih di atas toleransi dan juga keakraban kita bersama. Ayuh! kita majukan negeri Johor bersama. Saya mohon maaf jika keterlaluan dan pada masa yang sama kita berharap Allah permudahkan urusan kita untuk memajukan negeri ini. Seperti lambang kita di jata Johor, 'Kepada Allah Kita Berserah'.

Sekian, saya menyokong Kukup. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Semarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan pada hari ini, ke hari esok pukul 9:30 pagi, 19 November 2014.

Persidangan ditangguhkan pada jam 6:35 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEENAM	RABU, 19 NOVEMBER 2014	BIL. 6 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)
YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmaanirrahim. (Berselawat). Salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, selepas sahaja soalan-soalan lisan kita selesai pada pagi ini, kita akan memulakan jawapan daripada anggota kerajaan.

Jadi sama-samalah kita dengar bagaimana jawapan-jawapan daripada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat selama 3 hari perbahasan kita atas Rang Undang-Undang Bajet 2015.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Berapakah jumlah surau yang dibenarkan untuk solat Jumaat di negeri Johor? Apakah syarat-syarat yang membolehkan sesebuah surau dinaik taraf kepada sebuah masjid?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jumlah surau yang telah mendapat kebenaran solat untuk mendirikan solat fardhu Jumaat di negeri Johor setakat Oktober 2014 adalah sebanyak 88 buah surau.

Dan syarat-syarat yang membolehkan sesebuah surau itu diberikan kebenaran untuk mendirikan solat fardhu Jumaat:

1. Kepadatan penduduk – kepadatan penduduk yang mana ianya memerlukan untuk ahli qariah dari segi tuntutan kefardhuannya untuk mendirikan fardhu Jumaat;

2. Ia tidak menjejaskan jemaah daripada masjid-masjid yang berdekatan;

3. Kemudahan yang sempurna dan juga bentuk fizikal yang selesa;

4. Tanah ataupun tapak surau itu hendaklah telah pun diwakafkan ataupun sedia telah pun memang digazetkan sebagai wakaf;

5. Telah pun mendapat keputusan dan kebenaran. Yang pertama sekali, keputusan fatwa daripada Jabatan Mufti. Kemudian telah pun diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan seterusnya kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Soalan tambahan.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Kita sedia maklum bila sesebuah surau itu dibenarkan untuk solat Jumaat, maknanya dari segi tenaga imam dan bilal. Jadi adakah mereka ini juga diberikan keistimewaan dari segi elaun ataupun sebagainya sebagaimana yang dinikmati oleh imam ataupun bilal di masjid-masjid?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih kepada YB Machap. Sebagaimana yang kita sedia maklum, di dalam negeri Johor jumlah masjid sebanyak 897 buah. Manakala jumlah surau iaitu 1,958 buah. Dan, surau Jumaat yang sebagaimana yang saya maklumkan tadi sebanyak 80 buah surau. Surau yang diberikan kebenaran untuk mendirikan solat fardhu Jumaat itu masih lagi kekal tarafnya sebagai surau dan kebenaran itu boleh ditarik balik pada bila-bila masa apabila ada perkara-perkara yang menyebabkan ianya boleh dilakukan. Sebab itu, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebagaimana yang kita sedia maklum, apabila surau itu masih kekal sebagai surau dan cuma hanya diberikan kebenaran untuk mendirikan solat fardhu Jumaat, ianya masih tertakluk dengan peraturan dan juga peruntukan yang mana ianya hanya diberikan sebagai taraf surau.

Maknanya kalau kita lihat pada hari ini sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa ramai di antara imam-imam masjid dan juga bilal-bilal masjid yang mengatakan bahawa mereka ini telah pun, mereka ini telah pun diktiraf sebagai masjid. Tetapi mereka tersilap bahawa mereka *still* sebagai surau. Mereka tetap sebagai surau kerana yang diberikan kebenaran kepada mereka hanyalah untuk mendirikan solat fardhu Jumaat. Manakala syarat untuk mereka itu daripada surau yang diberikan taraf masjid itu tadi, untuk naik ke taraf masjid - yang pertama sekali iaitu hendaklah mereka ini mendapat kebenaran mendirikan solat fardhu Jumaat itu tadi, surau itu tadi telah pun melebihi 4 tahun. Kemudian sekiranya ada masjid-masjid yang berhampiran juga tidak menjejaskan ataupun ada keperluan daripada masjid yang berhampiran itu kerana terlalu ramai jemaah, tidak menjejaskan masjid yang berdekatan, kemudian dari segi kemudahan yang saya sebutkan tadi juga hendaklah selesa dan tanah kedudukannya juga telah pun diwakafkan. Dan yang terakhir sekali, hendaklah dirujuk dan dibawa kepada keputusan dan mendapatkan keputusan daripada Jawatankuasa Fatwa dan telah pun disembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan telah mendapat perkenan. Dan, seterusnya diberikan kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Johor.

Setiap perisytiharan untuk diisytiharkan sebagai surau untuk mendirikan solat fardhu Jumaat ataupun surau Jumaat yang dinaikkan taraf kepada masjid, hendaklah

diisytiharkan. Kebiasaannya perkara ini akan diisytiharkan oleh Tuan Kadi Daerah. Sekian Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap jemput.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk memulihara tapak-tapak sejarah terutamanya di dalam DUN Buloh Kasap, misalnya Jambatan Putus?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmaannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Norshida, ADUN Kawasan Buloh Kasap kerana setia untuk bertanya soalan tiap-tiap sesi Dewan Negeri, beliau menanyakan perkara yang sama. Tentang warisan, sejarah, belia kan. Jadi keprihatinan beliau ini mengenai sejarah negeri Johor, terutamanya beliau bertanya dengan saya, bagaimana perancangan atau kaedah untuk memelihara tapak-tapak sejarah yang ada dalam negeri Johor terutama di DUN Buloh Kasap? Yang Berhormat maksudkan iaitu jambatan putus. Sebenarnya terima kasihlah, secara tak langsung saya tahu wujudnya jambatan putus berada di daerah Segamat.

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor sebenarnya memandang serius usaha untuk melindungi tapak-tapak dan bangunan bersejarah di Johor, selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sewaktu keberangkatan Baginda pada 23 Mac tahun 2013. Saya sebenarnya daripada dulu lagi ketika saya memegang jawatan sebagai EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan, sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat tak kira daripada pihak Kerajaan ataupun pihak pembangkang untuk mencadangkan atau memaklumkan kepada pihak Yayasan Warisan Johor jika ada apa-apa maklumat tentang tapak, monumen untuk kita jalankan siasatan.

Usaha melindungi tapak-tapak dan bangunan-bangunan bersejarah ini sebenarnya melibatkan 3 proses utama iaitu:

1. Kita mengenal pasti;
2. Memelihara;
3. Memelihara warisan berkenaan agar ia terus kekal dan terpelihara

Ia perlu dilindungi dan diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan Tahun 2005 atau melalui Enakmen Yayasan Warisan Negeri Johor 1988. Ia ada 4 faktor kalau kita nak ambil kira, kita nak gazetkan sebagai apa... tapak warisan atau monumen sejarah:

1. Ia mempunyai signifikan sejarah;
2. Relevan dengan sejarah tempatan;
3. Tapak atau objek mempunyai nilai estetika tinggi; dan
4. Mempunyai bukti peninggalan sejarah

Kerajaan Negeri Johor sememangnya mempunyai perancangan dan strategi bagi memelihara tapak warisan negeri Johor dengan sasaran 5 tapak warisan diwartakan setiap tahun. Namun begitu, kita sedar usaha ini bukanlah satu usaha yang mudah kerana ia akan melalui proses-proses tertentu dan melibatkan banyak pihak.

Secara keseluruhannya, 9 tapak warisan telah diwartakan dan 167 tapak warisan dalam proses pewartaan. Bagi kes yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap, insya-Allah pihak Yayasan Warisan Johor akan menjalankan siasatan mengikut prosedur pewartaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 atau Enakmen Yayasan Warisan Johor 1988. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat... Buloh Kasap.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Soalan tambahan saya, berapakah jangkaan kos yang akan digunakan untuk membangunkan sesebuah tapak sejarah? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap, yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat kos untuk jambatan putus? Kalau untuk jambatan putus yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ADUN Buloh Kasap, insya-Allah pihak Yayasan Warisan Johor akan bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara bagi kita menjalankan siasatan dan juga menilai kos-kos yang diperlukan untuk kita memulihara jambatan putus tersebut. Kerana kalau kita lihat pada hari ini, sebenarnya untuk kita mewartakan suatu tapak warisan atau monumen sejarah sebenarnya perlu kajian yang lebih menyeluruh. Kerana kita khuatir pada masa lalu, terdapat mungkin desakan daripada pihak-pihak tertentu. Contoh yang boleh saya ambil kira di sini iaitu seperti Istana Tebing Runtuh. Di mana-mana orang bercakap bahawa Tebing Runtuh bangunan tersebut adalah istana lama. Kita mendengar daripada individu-individu orang-orang lama. Tetapi setelah kita membuat kajian melalui UEM Sunrise, bekerjasama dengan pihak pakar daripada USM yang memang pakar dalam bidang ini, telah menyatakan bahawa tidak wujud bukti sejarah yang menyatakan bangunan tersebut adalah istana.

Jadi untuk kita tidak membazir wang rakyat pada hari ini, saya menganggap bahawa setiap cadangan atau pandangan daripada Yang Berhormat ADUN-ADUN dalam negeri Johor, kita perlu mengadakan kajian awalan untuk kita memastikan bahawa monumen atau tapak warisan tersebut benar-benar memberi apa... signifikan kepada pembangunan negeri Johor pada masa akan datang. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Bukit Gambir jemput.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Pelbagai program-program kesihatan dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Johor bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat negeri Johor. Sila nyatakan sejauh mana program ini telah dapat membendung atau mengurangkan penyakit kritikal seperti demam denggi, batuk kering, viral hepatitis dan lain-lain?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penyakit denggi dan penyakit tuberculosis ataupun TB merupakan antara 5 penyakit berjangkit yang sering berlaku. Telah banyak diperjelaskan program-program kesihatan dalam menangani kejadian demam denggi di media massa. Ini adalah kerana penyakit tersebut menyerang individu dengan ganas dan ada yang berakhir dengan kematian. Namun, bagi penyakit yang gejalanya agak ringan, lanya kurang mendapat liputan. Sebenarnya bagi membendung penyakit batuk kering atau TB di kalangan rakyat negeri Johor, banyak program yang telah dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan dan swasta di bawah kawalan Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri.

Sehingga Oktober 2014, antara program kawalan penyakit TB yang dilaksanakan adalah:

1. Ujian saringan pengesanan awal penyakiti tuberculosis dengan kaedah Ujian Mantoux dan ujian imbasan dada. Ujian ini telah dilaksanakan di semua Klinik Kesihatan terpilih di seluruh negeri Johor. Seramai 98,806 penduduk Johor mempunyai risiko untuk dijangkiti penyakit TB ini telah disaring secara aktif. Daripada ujian saringan tersebut, seramai 400 daripada mereka didapati positif membawa kuman tuberculosis ataupun 0.4% daripada jumlah keseluruhan;

2. Promosi dan kempen kesedaran penyakit TB; dan

3. Penglibatan NGO dan fasiliti swasta dalam program kawalan TB juga dapat dilihat di seluruh negeri Johor terutamanya di daerah Johor Bahru.

Bagi Program Kawalan Denggi pula, berbagai program melibatkan masyarakat seperti Program Bebas Denggi di sekolah. Program Kesedaran Denggi dalam bentuk COMBI dan aktiviti-aktiviti promosi yang berterusan telah nyata dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat. Kajian *National Health and Morbiality Survey* ketiga yang dijalankan di seluruh negara dalam tahun 2006 menunjukkan sebanyak 83% penduduk tahu mengenai penyebab demam denggi dan sebanyak 90% tahu mengenai tanda-tanda demam denggi serta 80% dapat menyatakan tempat ataupun punca pembiakan nyamuk aedes.

Walau bagaimanapun, hanya separuh sahaja dapat memberi komitmen dalam aktiviti-aktiviti pemusnahan tempat pembiakan serta gotong-royong. 23% tidak pernah melibatkan diri dan 42% tiada aktiviti gotong royong dilakukan di tempat mereka. Masyarakat masih menganggap bahawa 100% tanggungjawab membendung penularan penyakit denggi, adalah terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Kesihatan 13% dan Majlis Tempatan 22%. Cabaran utama adalah pembentukan sikap yang positif di kalangan masyarakat. Amalan gaya hidup sihat masih memerlukan perhatian serius dari semua pihak. Peratusan masyarakat yang berpengetahuan adalah tinggi kerana mereka mampu mendapatkan dari pelbagai sumber. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Di antara faktor pertambahan penyakit-penyakit berjangkit seperti batuk kering, hepatitis ini adalah kerana kehadiran pendatang asing yang masuk ke negeri ini membawa penyakit-penyakit tersebut, walaupun mereka telah disaring di negeri asal. Sebab, dari pengalaman saya sendiri biasanya saringan itu walaupun dari segi laporan perubatannya bersih tetapi apabila disaring semula mereka didapati membawa penyakit berjangkit. Jadi soalan saya, adakah kerajaan menyaring semula kesihatan pendatang asing ini supaya penyakit berjangkit ini tidak menular kepada penduduk kita. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Maharani. Sebenarnya memang menjadi amalan kepada kerajaan untuk menyaring semula aspek kesihatan pendatang-pendatang atau pun pekerja yang merupakan warga asing apabila mereka tamat dari segi permitnya. Dan itu adalah merupakan prosedur biasa dan selalunya penyakit yang disumbangkan oleh warga asing ini adalah penyakit batuk kering.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Gambir.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandi (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya ingin bertanya apa yang saya difahamkan program-program kesihatan seperti mana kata YB Pengerusi tadi rata-rata berkaitan dengan Jabatan Kesihatan. Yang kita faham, ada juga program-program, adakah program-program dijalankan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan? Yang kita tahu ada Program Gerak Tumpu dan sebagainya. Sejauh mana program-program ini juga dapat membantu meningkatkan tahap kesihatan rakyat negeri Johor? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya kita mempunyai hubungan baik dan juga gabung jalin antara Jabatan Kesihatan dan juga PBT. Dan, selalunya program-program yang kita anjurkan itu selalunya membabitkan 2 jabatan ini. Cuma kadang-kadang Wakil Rakyat dia yang tak datang, Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan selalunya yang membuat kerja tu orang-orang Majlis Daerah, pekerja-pekerja atau pun *staff* kesihatan. Tetapi apabila kita buat gotong royong seperti katakan tadi, masyarakat pun tak keluar.

Jadi saya mintaklah Gambir beritahulah masyarakat kalau ada gotong royong yang dibuat oleh Jabatan Kesihatan dan juga PBT, keluar. Dan sebenarnya kita mempunyai hubungan yang baik. Jadi, kita haraplah Wakil-Wakil Rakyat bukan Gambir saja semua bantu usaha kerajaan negeri untuk membanteras denggi. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Penawar, jemput.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Apakah ada perancangan daripada JKR atau JPBD untuk memasukkan elemen perubahan cuaca (climate change) dalam sebarang garis panduan pembinaan atau pembangunan baru?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada DUN Penawar. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam mengalami elemen perubahan cuaca, *climate change* dengan izin dalam sesuatu pembangunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah mengambil kira aspek tersebut melalui 2 pendekatan.

1. Pendekatan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau ataupun GPP Kejiranan Hijau yang bermaksud kejiranan hijau merupakan salah satu konsep guna tanah yang penting dalam pembangunan hijau dengan izin *(green develapmet)* yang berasaskan kepada pertumbuhan hijau dengan izin *(green growth)*. Pelaksanaan pembangunan kejiranan hijau yang telah dilaksanakan di beberapa buah negara didapati telah berjaya membantu mengurangkan pengeluaran karbon, kesan pulau haba dan mewujudkan kualiti persekitaran hidup dan suasana yang lebih baik bagi kawasan berkenaan. Ini dibuat melalui perancangan reka bentuk pasif. Penyediaan lebih banyak kawasan atau ruang hijau, memanfaatkan sumber semula jadi dengan efektif dan pada yang sama menggunakan sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharui, mengguna pakai konsep 3R dengan izin *(reduce, reuse dan recycle) dalam aktiviti harian dan sebagainya.*

2. Monograf Geo-Bencana dalam perancangan guna tanah yang bermaksud dalam berhadapan dengan perubahan iklim dunia, JPBD Semenanjung Malaysia juga telah menjalankan kajian mengenai Geo-Bencana dalam Perancangan Guna Tanah dan disediakan dalam bentuk monograf bagi menerangkan berkenaan 3 jenis Geo-Bencana banjir, tanah runtuh dan kebakaran hutan yang perlu diambil kira dan dalam perancangan guna tanah. Secara umum Geo-Bencana dalam monograf ini bermaksud malapetaka jenis geologi atau hidrologi yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

3. Garis panduan dan monograf ini turut dijadikan sebagai salah satu bentuk kawalan pembangunan dalam Rancangan Pemajuan khususnya Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas bagi pembangunan sedia ada dan juga pembangunan baru dalam negeri Johor.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya.

YB Tan Sri Speaker : Penawar, Penawar.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bagaimanakah usaha ini penting kepada *stakeholder* merangka dan merancang sesuatau pembangunan di negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi terdapat 2 jenis usaha yang telah diambil dalam mengalami perubahan iklim dunia iaitu melalui penyediaan garis panduan rancangan hijau dan monograf Geo-Bencana dalam perancangan guna tanah. Garis Kejiranan Hijau dan monograf ini amat penting seperti kepada kerajaan negeri dalam membantu merangka dasar kaedah-kaedah tertentu dalam menggalakkan pembangunan Kejiranan Hijau serta strategi bagi mengurangkan risiko bencana di negeri Johor.

Dan, selain itu Pihak Berkuasa Tempatan ia menjadi asas dalam kita mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang atau KM serta penyediaan rancangan pemajuan. Dan, bagi pihak pemaju dia dijadikan asas dan panduan untuk mereka bentuk sesebuah Kejiranan Hijau dan mengenai isu berkaitan bencana khususnya banjir, tanah runtuh dan kebakaran. Manakala bagai pihak jabatan dan agensi kerajaan sebagai rujukan semasa merancang program ini mengikut keutamaan masing-masing.

Dan bagi pihak NGO dan pertubuhan profesional, kaedah ini digunakan sebagai asas untuk merangka suatu sistem penilaian pembangunan di samping pendekatan yang terbaik dan mampan. Garis panduan dan monograf tersebut dibaca bersama dengan undang-undang, peraturan, dasar persekutuan dan negeri, serta garis panduan yang telah disediakan oleh jabatan dan agensi-agensi teknikal berkaitan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senggarang, jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menempatkan setiap kawasan Dewan Negeri dengan sebuah Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB). Apakah perancangan setakat ini dan sejauh mana prestasi keputusan peperiksaan pelajar-pelajar di sekolah SRAB yang sedia ada di Johor ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri tidak bercadang untuk menubuhkan Sekolah Rendah Agama Bersepadu selepas pendaftaran 8 buah Sekolah Rendah Agama Bersepadu dengan Kementerian Pelajaran Malaysia pada Ogos 2012. Kerajaan negeri akan lebih menumpukan kepada pemerkasaan pengurusan dan prestasi Sekolah Agama Negeri Johor dengan menyediakan guru-guru yang lebih terlatih. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga akan lebih memfokuskan usaha untuk memajukan pendidikan peringkat menengah dan diharap akan menjadi laluan kepada pelajar sekolah-sekolah rendah untuk menyambung pelajaran mereka dalam bidang agama. Perancangan ini merupakan pemerkasaan sistem pendidikan darjah khas yang sedia ada, yang diharap dapat membawa pelajar dalam arus perdana pendidikan peringkat menengah dan seterusnya membuka ruang kepada mereka melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Selain daripada itu perancangan terus fokus untuk mewujudkan sekolah menengah tahfiz beberapa buah daerah terpilih serta Sekolah Rendah Agama yang diintegrasikan dengan kurikulum tahfiz. SRAB ataupun Sekolah Rendah Agama Bersepadu selepas pendaftarannya sebagai sebuah sekolah bantuan kerajaan dilihat berjaya menempatkannya dalam kelompok sekolah rendah yang disegani. Kurikulum agamanya tetap diurus dengan baik oleh Jabatan Agama bagi melahirkan pelajar yang seimbang untuk tuntutan duniawi dan ukhrawi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun di negeri Johor pada hari ini kita ada 8 buah yang mana lanya letak di setiap daerah, namun pihak Bahagian Pendidikan

juga telah memikirkan untuk menubuhkan di dua lagi daerah baru iaitu di Ledang dan juga Kulaijaya. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Senggarang, jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya adakah pihak Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Johor ingin setidaknya memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah ini. Saya rasa tak adillah kalau langsung tak diberikan bantuan kepada sekolah-sekolah SRAB ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sebagaimana perjanjian dia antara pihak kerajaan negeri dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu pentadbiran atau pun pengurusan Sekolah Rendah Bersepadu ini sama ada dari segi pentadbiran dan juga kewangan, Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini telah pun diambil sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun kerana komitmen kita kepada, sebagaimana yang saya sebutkan dalam jawapan kita tadi iaitu pihak kerajaan ingin memfokuskan kepada sistem atau pun pendidikan agama di peringkat menengah khususnya kepada pelajar-pelajar yang dah lepas daripada sekolah rendah, yang telah pun tamat darjah khas dan mereka mendapat keputusan yang cemerlang untuk kita buatkan, untuk kita wujudkan satu program iaitu Program Darjah Khas Lanjutan yang mana darjah khas lanjutan ini, insya-Allah akan dapat dimulakan pada awal 2016. Sekarang ini di peringkat kajian dari segi sudut kurikulumnya, bagi memperkasakan lagi pendidikan agama.

Sebab kalau kita lihat dari segi sudut keperluan dan juga sasaran kita, kita lebih memfokuskan kepada pengajian menengah di samping kita mewujudkan satu program integrasi sebagaimana di bawah Kementerian Pelajaran ada yang disebutkan sebagai Tahfiz Ulul Albab di mana kerajaan negeri juga ingin mewujudkan di beberapa buah tempat iaitu sekolah yang integrasi, di mana pendidikan agama itu terfokus kepada pengajian tahfiz. Maka dengan sebab itu yang saya ingin maklumkan tadi, banyak peruntukan kepada pendidikan agama ini telah pun terfokus kepada mengangkat atau pun mempertingkatkan lagi atau pun mempertinggikan atau pun mutu pendidikan sekolah agama di negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Pasir Raja, jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Pengerusi. Soalan saya berkenaan dengan SRAB ini berkaitan dengan sejauh manakah daripada jawapan EXCO berkaitan dengan prestasi pelajar-pelajar yang digelar sebagai Alumni ini, adakah mereka mencapai sasaran tujuan pembinaan SRAB ini, sama ada mereka dapat belajar ke peringkat lebih tinggi dan mencapai kejayaan dalam pekerjaan sepanjang mereka *bergraduate* daripada SRAB ini? Dan, adakah dengan adanya modal insan yang baik daripada SRAB ini memungkinkan kerajaan negeri Johor menubuhkan sebuah universiti yang berkaitan dengan alumni daripada SRAB ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Berkaitan dengan prestasi Sekolah Rendah Agama Bersepadu dari segi sudut kemasukan pelajar yang memohon untuk memasuki Sekolah Rendah Agama

Bersepadu ini, kalau dilihat dari segi kelayakan dulu untuk masuk ni, maknanya mereka ini telah pun melepasi satu ujian yang dibuat oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor. Dan, kalau kita lihat dari segi ramainya yang datang untuk memohon dan yang layak, kita hanya tapis dan kita tinggikan kedudukan tahap untuk melepasi layak untuk memasuki Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini. Oleh kerana dengan sebab itu, kita lihat dengan ramainya yang masih, yang mana yang menunggu, yang sanggup memohon, merayu untuk memasuki sekolah agama ini menunjukkan prestasi yang ditunjukkan oleh pihak, oleh sekolah SRAB ini menunjukkan bahawa sekolah SRAB ini mampu memberikan sebagaimana yang saya nyatakan tadi iaitu pendidikan duniawi dan ukhrawi. Maka dengan sebab itu, ramai ibu bapa yang memilih untuk memasukkan anak mereka namun apabila mereka tidak layak untuk masuk, mereka merayu berulang-ulang kali.

Dan, kalau kita lihat dari sudut prestasinya Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor diwujudkan dan pihak Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor akan mengambil pelajar-pelajar lepasan daripada Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini untuk diterima masuk ke Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor. Namun demikian, kita juga menerima daripada pelajar-pelajar sekolah biasa, aliran kebangsaan namun kita memberikan keutamaan kepada Sekolah Rendah Agama Bersepadu. Dan, apa yang kita lihat pada hari ini dari segi sudut prestasi yang ditanyakan tadi, bahawa lepasan daripada Sekolah Rendah Agama Bersepadu seluruh negeri Johor yang ada 8 buah tadi, adalah menunjukkan prestasi yang sangat baik. Dan, ada di kalangan mereka yang telah pun masuk ke Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor sebagaimana yang disebutkan tadi sasarannya hendak mewujudkan sebuah universiti selepas, maknanya pelajar-pelajar daripada SRAB ini boleh mereka memasuki pengajian yang lebih tinggi, kalau kita lihat di negeri Johor ini adalah tersusun. Wujudnya SRAB maka kita wujudkan juga Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor daripada Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor kita juga mewujudkan bagi pengajian tinggi iaitu Kolej Pengajian Tinggi Islam iaitu MARSAH yang dikenali hari ini sebagai MARSAH dan itu juga merupakan sebuah kolej.

Dan, kalau kita lihat dari segi sudut pengiktiratan dan begitu juga kalau kita lihat dari segi sudut kelayakan mereka ini dan salah satu di antara Kolej Pengajian Tinggi Islam di seluruh Malaysia yang mendapat pengiktirafan daripada, mendapat sijil MQA iaitu Kolej Pengajian Tinggi Islam MARSAH. Maka dengan sebab itu, kalau kita lihat prestasi pelajar-pelajar lepasan daripada SRAB ini sangat berpotensi di masa akan datang. Namun, kita lihat dari segi kekangan kita, dari segi untuk memperkasakan pendidikan sekolah agama, kita bimbang bahawa apabila kita memfokuskan sepenuhnya kepada Sekolah Rendah Agama Bersepadu, kita bimbang, kita ada lebih kurang 564 sekolah agama. Kita bimbang juga, keperluan dari segi sudut memantapkan pendidikan agama kepada mereka-mereka yang tidak dapat mengikuti pengajian agama di SRAB ini tadi akan tercicir maka dengan sebab itu, kita memikirkan tentang pemerkasaan di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Bukan kita meminggirkan SRAB. Tapi, itu yang saya katakan tadi Sekolah Rendah Agama Bersepadu Negeri Johor adalah sebuah sekolah yang hari ini rata-rata ibu bapa mahukan anak mereka masuk belajar di Sekolah Rendah Agama Bersepadu kerana mereka melihat bahawa di dalam SRAB ini ataupun Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini menerapkan nilai-nilai duniawi dan juga ukhrawi. Terima kasih Tan Sri.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tangkak, jemput.

YB Encik Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya nombor 6.

Adakah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor akan menyelenggara jalan pertanian kepada pekebun-pekebun di kebun sayur Kampung Solok Tangkak, jika ya, bila akan bermula? Jika tidak, kenapa?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, JPS tidak dapat menyelenggara jalan pertanian kepada pekebun-pekebun kecil di kebun sayur Kampung Solok Tangkak kerana ia berada di dalam lot tanah persendirian dan tidak diwartakan sebagai jalan pertanian. Di bawah peruntukan MARRIS hanya jalan pertanian yang diwartakan sahaja diberikan peruntukan penyelenggaraan. Pekebun-pekebun sayur atau pemilik-pemilik tanah perlu memohon atau menyerahkan hak milik tanah di atas jalan tersebut kepada kerajaan negeri untuk diwartakan sebagai rizab jalan pertanian bagi kegunaan orang awam. Buat masa ini tiada jalan alternatif yang boleh digunakan disebabkan tiada rizab jalan yang diwartakan di kawasan tersebut. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini soalan berkenaan dengan satu projek yang tengah dijalankan di Segamat untuk membina semula Jambatan Sungai Genuang dan didapati Jabatan JPS telah mendirikan satu jalan alternatif untuk membolehkan projek ini dilaksanakan. Tetapi, adakah kerajaan sedar bahawa baru-baru ini ada kemalangan yang telah berlaku di jalan alternatif tersebut dan jambatan ini telah ditutup? Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan masalah apa ni, sesak lalu lintas dan kekurangan berlakunya dan dari khususnya dari segi keselamatan jambatan alternatif itu, dipohon untuk memberi satu jawapan? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya soalan yang dikemukakan tu lari daripada soalan asal. Jauhkan daripada Tangkak sampai ke Segamat.

YB Tan Sri Speaker : Yalah, kalau nak jawab, jawablah kalau tak nak jawab tak apa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi, cuma saya nak cakap sikit, yang kita tutup hari itu adalah untuk tempoh percubaan untuk menilai dari segi tahap keselamatan. Setelah kita dalam tempoh 2 jam dan juga satu hari kita buka dan kita melihat ada beberapa kelemahan dan sebagainya maka kita tutup buat sementara dan kita perbaiki kelemahan-kelemahan yang ada. Namun kita minta Yang Berhormat Jementah untuk beritahu kepada masyarakat bahawa untuk mendapatkan keselesaan yang lebih baik maka kita harus berkorban.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tangkak, jemput.

YB Encik Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Terlebih dahulu terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO kerana sudi menjawab

soalan saya. Ok, memandangkan bukan sahaja kawasan kebun atau kawasan pekebun di Kampung Solok Tangkak sahaja tetapi saya percaya banyak lagi kawasan-kawasan kebun masih atas tanah swasta yang telah, yang seperti di cakap oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Adakah kerajaan akan memudahkan cara untuk memohon, untuk wartakan jalan rizab tersebut untuk memudahkan pekebun-pekebun mengangkutkan hasil-hasil kebun mereka? Dan juga berapa kosnya sekiranya pekebun-pekebun yang berusaha atas tanah swasta sekarang yang tidak mempunyai jalan rizab, berapakah kosnya untuk berbuat demikian? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri, selalunya kalau soalan tambahan ini cuma satu soalan sahaja tapi nampaknya ada 2, 3 dalam satu soalan. Cuma saya cakap, saya nak maklumkan di sini, bahawa kita di bawah JPS, kita telah menyelenggarakan lebih kurang 98,200 meter ataupun 98 meter jalan-jalan pertanian yang ada di Tangkak. Kalau tak rizab, tak ada rizab pergi Pejabat Daerah untuk dirizabkan. Selalunya, pejabat kerajaan ni memudahkan, cuma orang kampung aje dia takut nak bagi sebahagian daripada tanah dia kepada kerajaan untuk laluan awam. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 7.

Sila berikan kefahaman di antara makna 'kerjasama' atau 'perjanjian' dan 'tahaluf siyasi'. Pada masa ini masyarakat keliru dengan isu seperti contoh orang Islam kerjasama dengan orang bukan Islam.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker dan Tanjung Puteri. 'Tahaluf Siyasi', 'Tahaluf Siyasi' yang selalu hari ini disebut oleh ramai orang, mungkin ramai juga yang tak faham, disebut ramai tapi ramai yang tak faham, dari segi bahasa Arabnya 'Tahaluf' itu maksudnya perjanjian. Menurut kamus dewan, kerjasama, perjanjian kerjasama. Manakala kerjasama itu ialah kerja yang dibuat bersama-sama dalam keadaan suasana tolong-menolong, gotong-royong. Manakala perjanjian pula ialah satu bentuk kerjasama yang dibuat antara pihak-pihak yang memiliki syarat-syarat dan ikatan-ikatan yang tertentu. 'Tahaluf Siyasi' pula bermaksud perjanjian yang disepakati oleh pihak-pihak yang bertentangan tetapi hanya bersepakat pada beberapa perkara sahaja, tidak dalam semua perkara.

Daripada takrifan yang dikemukakan ini dapat diketahui bahawa istilah 'Tahaluf Siyasi' yang dibawakan oleh pihak-pihak tertentu tidak lebih ianya hanyalah istilah Arab yang bermaksud perjanjian pada beberapa perkara sahaja dan bukan dalam semua hal. Walhal, perkara yang seharusnya dibuat untuk membina perpaduan, permuafakatan dan persefahaman hendaklah berasaskan kepada kerjasama yang produktif bukannya selektif pada perkara-perkara yang hanya menguntungkan pihak-pihak tertentu. Tidak salah bagi orang Islam bekerjasama dengan orang bukan Islam, malah ianya dituntut oleh Islam, tetapi kerjasama ini seharusnya bersifat bersatu padu menyatukan ummah bukannya bersatu tetapi menguntungkan pihak-pihak tertentu sahaja ataupun ianya bersatu untuk tidak bersatu. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Tanjung Puteri, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli EXCO Agama yang menjelaskan kepada kita tentang makna ataupun kefahaman 'Tahaluf Siyasi' ini. Soalan tambahan saya, ada masa dahulu pihak PAS menuduh UMNO ini kafir, jadi saya nak tanyalah, kalau dari segi pentafsiran kafir itu sendiri dengan kerjasama ataupun apa yang Pengerusi EXCO, Pengerusi Agama tadi kata, perjanjian kerjasama, UMNO dengan MCA, MIC, Gerakan dan semuanya kita amalkan perkara-perkara seperti inilah. Jadi, saya nak bertanya, adakah kekeliruan ini yang telah dilakukan boleh diambil tindakan mahkamah dan apa tu, kalau-kalau, kalau di peringkat hukum hududnya, apakah yang patut kita kenakan dan juga kalau tak bertaubat dan minta maaf boleh ke orang-orang yang mengatakan kita begini ditafsirkan sebagai Ulama? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Soalan ini kena rujuk dengan Mufti bukan dengan saya. Terima kasih Tan Sri Speaker, namun saya berusaha untuk menjawab soalan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya telah nyatakan tadi bahawa 'Tahaluf Siyasi' ini dia perlu ada syarat-syarat dan juga peraturan-peraturan di antara kedua-dua pihak yang mengadakan 'Tahaluf Siyasi'. Kalau kita lihat, apa yang disebutkan oleh ADUN Tanjung Puteri tadi berkaitan dengan apa yang diusahakan oleh UMNO dalam Barisan Nasional berserta dengan MCA dan MIC, yang terikat dengan peraturan-peraturan. Maka dengan sebab itu, satu ketika dahulu memang saya sendiri pun pernah baca kenyataan itu yang menuduh bahawa 'Tahaluf Siyasi' itu syirik dan ada yang bukan setakat syirik lalu langsung mentakfirkan ataupun mengkafirkan pihak Barisan Nasional, UMNO, MCA dan MIC khususnya UMNO. Maka dengan sebab itu, kalau kita lihat dalam isu yang dibangkitkan tadi, persoalannya tadi maknanya hari ini kalau yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini dihukumkan kafir, bagaimana pula 'Tahaluf Siyasi' yang dibuat oleh pihak PAS, Pakatan Rakyat dan DAP. Maka dengan sebab itu, tuan-tuan dan puan-puan, banyak perkara di dunia ini apabila kita telah pun menghukumkan seseorang kerana kita yakin mungkin satu ketika nanti kita tak akan buat perkara itu namun, hari ini kita pula buat perkara itu, saya ingat kepada apa yang disebutkan oleh Nabi Muhammad SAW bah wa apabila kita menuduh seseorang itu kafir, sedangkan perbuatan yang tidak dilaksanakan itu menunjukkan kekufurannya, maka ia akan balik kepada diri dia.

Maka, dengan sebab itu saya tak perlu hukum, hukumannya dia ada apabila kita mengkafirkan orang, dengan tidak ada kebenaran bahawa orang itu melakukan perkara yang dikirakan kafir, sedangkan kita mengadakan Tahaluf Siyasi itu ada peraturan-peraturan. Kita tidak pernah menafikan dengan meletakkan Islam itu sebagai Agama Persekutuan. Kita tidak pernah melihat ada di antara kalangan kita ini hendak memperlekehkan di antara kita dan kita tidak mengambil tindakan dalam usaha-usaha itu. Bukan hanya dengan duduk berdiam diri apabila orang memperlekehkan Islam, kita bangkit, orang UMNO juga menentang perkara-perkara yang sedemikian. Hari ini siapa yang menganjurkan LGBT? Siapa yang menyokong

pluralisme? Siapa yang menyokong *liberalisme*? Dan siapa lagi yang menyokong perkara-perkara songsang yang diwujudkan di negara kita pada hari ini? (Dewan bertepuk).

Maka dengan sebab itu saya menyeru sahabat-sahabat saya di pihak sana, supaya dalam isu agama, kita jangan politikkan. Memang ada keharusan dalam politik ini, Islam itu politik, politik itu Islam. Tetapi hari ini kita lihat banyak perkara itu dipolitikkan, Islam itu demi kepentingan parti dan sebagainya. Islam itu adalah milik orang Islam, maka dengan sebab itu, kita umat kita menolak keprihatian dalam mempertahankan Islam ini maka kita hendak individu yang mengaku dirinya Islam, hendaklah dia mempertahankan Islam. Saya nyatakan tadi bahawa, tidak salah bagi orang Islam bekerjasama dengan orang-orang yang tertentu daripada kalangan orang bukan Islam. Malah, ianya dituntut. Boleh, tiada masalah, tetapi perlu ada syarat-syarat. Sebab itu Baginda Rasulullah SAW juga pernah konsep Tahaluf Siyasi ini di zaman pemerintahan Baginda Rasulullah SAW. Sebab itu, saya menyeru kepada sahabat-sahabat saya yang ada di sana, dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih, kerana semasa pindaan Enakmen kelmarin di bahaskan dan undian nampaknya sahabat-sahabat saya turut menyokong. (Dewan bertepuk). Saya berterima kasih, maknanya dalam hal Islam itu kita bersatu.
Tuan-tuan kena ingat, tuan-tuan pun kena tanya di hari akhirat saya terutamanya lagi.

YB Tan Sri Speaker : Tak ada tuan-tuan dekat sini. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tuan-tuan Yang Berhormat, maksud saya begitu. Kalau Yang Berhormat ditanya, saya apatah lagi. Jadi kalau kita tidak bersama dalam mempertahankan Islam sebagai Agama Persekutuan di negara kita, saya lihat, maknanya Tahaluf Siyasi yang diusahakan oleh kerajaan yang sedia ada pada hari ini ya.

Maka itu sebab contohilah Tahaluf Siyasi yang ada pada hari ini, di mana kita dalam suasana aman. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Asojan dan ucapkan tahniah juga dapat Datuk. Sebab kalau kita lihat, YB Datuk Asojan yang memperjuangkan sekolah integrasi, Sekolah Agama Islam Integrasi di Ledang. (Dewan bertepuk). Nampak tak Tahaluf Siyasi kita? Jelaskan? Maknanya tidak ada isu. Sebab kalau kita lihat dalam peranan Islam itu sendiri, Islam itu membawa kepada kesejahteraan. Bukan kepada berpecah belah, apatah sesama umat. Apatah dengan agama lain dan kita tahu di negara kita ini dengan kontrak sosialnya dalam masyarakat majmuk, kita kena tahu perkara-perkara itu, berbeza kita dengan negara-negara lain. Ada negara lain yang 99% penduduk Islam pun sendiri berbalah. Maka dengan sebab itu, saya rasa tidak payah tanya lagi soalan tambahan selepas ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama: Sebab rasanya macam dah kuliah pagi pula. Kuliah subuh ya? Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani): Terima kasih kepada Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Untuk keadilan. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani): Betul. Itu namanya keadilan. Pertama sekali ialah, saya ingin menjelaskan ataupun minta penjelasan daripada EXCO berkaitan dengan, ialah soalanlah ni. Ingin penjelasan daripada, penjelasan daripada EXCO, bila dan siapa yang kata PAS kata UMNO kafir, orang UMNO kafir? (Dewan bersorak). Ini adalah merupakan media. Media yang jelas telah menggambarkan kepada isu yang berkenaan. Sebab saya masih ingat lagi, dalam tahu 80-an, apabila isu ini digambarkan seolah-olahnya PAS menuduh dan ditubuhkan dua pertemuan untuk berdebat, dalam PAS dan UMNO. Di kalangan pemimpin PAS dan di kalangan pemimpin UMNO yang diwakili oleh ulama-ulama di kalangan PAS, di kalangan UMNO. Tetapi, tidak semena-mena belum bulan Ramadhan, belum raya, belum Raya Haji, datang Mohor Raja-Raja buat keputusan batalkan. Kenapa? Satu. Yang kedua, pernah pemimpin UMNO.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat sentuh, jangan sentuh Raja-Raja Yang Berhormat.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja): Peraturan Mesyuarat, minta tarik balik. Menyentuh Raja-Raja.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani): Ok. Tapi itu memang kenyataannya, itu kenyataan. Ok.

YB Tan Sri Speaker : Bukan soal kenyataan, tidak boleh sebut di sini.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani): Ok. Minta maaf, saya tarikh balik. Perkara yang kedua, isu apabila ada usaha bida' kerajaan, untuk mengharamkan nama Islam pada parti PAS dan pertubuhan-pertubuhan. Majlis Tertinggi Melayu, nak sebut tu tak boleh saya sebut Majlis Tertinggi Melayu ini menyebut, tak boleh, tak boleh dibuang, sebab inilah suatu kekuatan kepada orang Islam.

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat, ini dah bukan soalan. Ini dah perbahasan.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani): Yang ketiga, saya nak tanya. Terpaksa celah Datuk, Tan Sri.

YB Tan Sri Speaker : Ok, tak apalah, cukuplah, cukup, cukup. Cukup Yang Berhormat, faham. Sebab, ok.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani): Jadi soalan saya, Tahaluf Siyasi kalau dahulu di anggap perkara antara yang perlu kita faham, sebab itu dikatakan ada perkara-perkara yang disepakati. Ada perkara yang tidak disepakati. Jadi, itu Tahaluf Siyasi. Sebab itu PAS ambil tindakan.

YB Tan Sri Speaker : Ok, faham.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani): Dan, cuma persoalan saya tadi, bila siapa yang menuduh orang-orang tertentu kafir? Sekian.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan juga sahabat saya daripada Parit Yaani. Saya rasa perkara ini telah diketahui umum. Dah diketahui umum. Kalau saya nak detailkan masa dan sebagainya tidak perlulah. Sebab kalau rasa perkara ini tidak betul, saya rasa akhbar yang di salahkan tadi tu bolehlah kita saman dia bila-bila masa. Itu cara yang terbaik. Itu cara yang terbaik. Tetapi, saya lihat tidak ada satu saman pun yang dikeluarkan kepada kerajaan yang menuduh yang dikatakan tadi, yang dituduh tadi tu. Kalau katakan dia, menyatakan bahawa itu kenyataan berbentuk berunsur fitnah dan sebagainya, bolehlah saman kerajaan, saman UMNO dan sebagainya. Tapi itu sebab saya katakan tadi, berkaitan dengan Tahaluf Siyasi, saya setuju YB Parit Yaani. Saya setuju, betul, kerjasama. Apa yang penting, kerjasama. Tengok cerita dekat tv tu, apa yang penting, kerjasama.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat. Faham.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Nak merompak pun kalau tidak ada kerjasama, senang kena tangkap. Tiga hari, empat hari kena tangkap. (Dewan ketawa dan bertepuk). Nak mencuri pun begitu juga.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Lagi-lagi yang baik, sebab itu dalam Al Quran sebut (bacaan potongan Al Quran), itu jelas. Bertolong bantulah kamu perkara-perkara kebajikan yang membawa kepada pahala, yang beroleh pahala dan jangan kamu bertolong bantu kepada dosa dan permusuhan, ini jelas. Maka itu sebab, dalam Tahaluf Siyasi itu perlu ada syarat.

Maka dengan sebab apa yang Tahaluf Siyasi yang diwujudkan oleh UMNO, MCA dan MIC, kita ada syarat. Kita saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Kita, masing-masing kita hormat agama mereka, kita tidak sentuh apa pun. Kita tidak pernah berkata pun ya, dan mereka juga tidak pernah dan ada juga permohonan maaf kalau mereka mengata dan sebagainya mungkin kerana emosi mereka mengata, ya. Tidak tahulah kalau dia mengata belakang.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sebab itu, minta maaf Tan Sri Speaker, sebab ini macam dah panas dah ni. (Dewan ketawa). Bukan panas ya, maksud saya kita kena beri penjelasanlah kepada masyarakat di luar sana, ya. Sebab kalau perkara ini wujud, saya bukan berperanan bagaimana, sebab kita ini sebagai pemimpin selain daripada tugas kita sebagai pemimpin, kita juga kena fikirkan bahawa tugas kita ini adalah amanah Allah SWT.

Yang kedua, ini adalah fardhu kifayah kita. Yang ketiga, perlu kita ini sebagai dakwah kita, kita kena sampaikanlah, perkara-perkara ini. Jangan kita putar belit kenyataan-kenyataan. (Dewan bertepuk). Saya minta maaf sahabat saya, saudara Tuan Haji

Aminolhuda, Yang Berhormat Parit Yaani, kita kena fikirkan. Apa cara, kalau hari ini bagaimana pula katakan kalau PAS dan juga UMNO walaupun satu agama kita nak Tahaluf Siyasi pula. Saya nak tanya, boleh tak agak-agak bertahaluf siyasilah dengan kita? (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat jangan bertanyalah, terangkan sahaja. (Dewan ketawa). Cukuplah Yang Berhomat, cukup, cukup.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Nampak sahaja. Ok, terima kasih. Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Tahaluf Siyasi dengan Speaker sahajalah. Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya nombor 8.

Adakah terdapat dalam perancangan pihak kerajaan untuk menyediakan Doktor Pakar terutamanya Pakar Mata di Daerah Segamat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar: Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Hospital Segamat telah mempunyai seramai 20 orang Doktor Pakar bagi 9 perkhidmatan utama. Taburan Doktor Pakar tersebut adalah:

1. Kecemasan dan Trauma, 1 orang
2. Perubatan Am 3 orang
3. Pembedahan, Am 2 orang
4. O&G, 3 orang
5. Pediatrik, 3 orang
6. Ortopedik, 3 orang
7. Anestesiologi, 3 orang
8. Radiolgy PenGymejan Diagnostik, 1 orang
9. Psikiatri dan Kesihatan Mental, 1 orang.

Kerajaan sememangnya merancang untuk menempatkan seorang Doktor Pakar Mata di Hospital Segamat pada tahun 2015. Oleh yang demikian, sementara menunggu penempatan tersebut, terdapat Doktor Pakar Mata dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar yang datang dua kali sebulan, untuk melakukan lawatan pakar bagi memberikan perkhidmatan kepakaran kepada pesakit-pesakit mata di Segamat. Terima kasih.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Terima kasih Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap, sila.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bagaimanakah untuk kita mempertingkatkan mekanisme keperluan perubatan, yang mana kita tahu di Hospital Segamat hanya mempunyai satu daripada dua jawatan untuk menampung 10 klinik secara bergilir.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat.

YB Tan Sri Speaker : Faham soalan tadi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Tak berapa faham.

YB Tan Sri Speaker : Kalau tak faham, boleh Buloh Kasap ulang. (Dewan ketawa).

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Kita maklum bahawa di Hospital Segamat adalah kekurangan Doktor Pakar. Jadi, kita nampak bahawa satu daripada jawatannya, satu daripada pakar kena menampung dua jawatan di dalam satu hospital ataupun klinik kesihatan kecil. Bagaimanakah kaedah ataupun perlaksanaan daripada jabatan untuk meringankan ataupun mengurangkan isu-isu ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang ini baru faham. Sebenarnya, sememangnya di Hospital Segamat beban tugas itu memang terlalu tinggi. Dan, kita mengakui bahawa terdapat kekurangan dari segi Doktor Pakar. Dan sememangnya kita telah pun berusaha untuk memastikan bahawa dapat mengurangkan masalah beban kerja ini dalam masa-masa yang akan datang dengan kita melatih lebih ramai lagi doktor-doktor yang ada untuk menjadi doktor pakar. Dan bukan itu sahaja, di Hospital Segamat kita berusaha bukan sahaja untuk menambahkan Doktor Pakar tetapi untuk melebar luaskan lagi hospital, menaik taraf Hospital Segamat dengan menempatkan lagi beberapa disiplin yang lain. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang sempat kita jawab pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis: SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2015) TAHUN 2014.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula dengan penggulungan oleh Yang Berharmat Pengerusi-Pengerusi. Jemput Pengerusi yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar: Bismillahirahmannirahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Alhamdulillah, terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran terhadap Allah SWT yang masih memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk turut sama...

YB Tan Sri Speaker : Sila duduk dulu. Saya suka mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat di bawah Peraturan Bilangan 46(2) hanya dalam keadaan sekiranya berlaku perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli yang sedang bercakap, seorang Ahli yang lain tidak boleh mencelah. Maknanya, dalam penggulungan ini tidak dibenarkan mencelah kecuali kalau ada pelanggaran berkaitan dengan Peraturan Mesyuarat. Sila Yang Berhormat teruskan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri, ingatkan nak tangguhkan minum. Yang masih memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk turut sama di dalam perbahasan mesyuarat kedua Bajet 2015 bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang Ke-13. Sesungguhnya pembentangan bajet ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menggambarkan cita-cita dan hasrat kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk meneruskan agenda Johor bagi meningkatkan kejayaan dan kemakmuran negeri.

Ucapan bajet ini memperlihatkan iltizam dan komitmen untuk meneruskan kejayaan berdasarkan pengubahsuaian dasar memperkukuhkan bangsa asal dalam lingkungan kemajmukan. Pembentangan bajet ini tentunya mampu mendorong untuk kita bermuhasabah, menilai kekuatan dan kelemahan serta melakar strategi masa depan di samping merapatkan ukhwah menjalin persahabatan mengukuh silaturahim antara kaum untuk menjadikan Johor Darul Takzim sebuah negeri yang penuh kesejahteraan dan mendapat keampunan Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keadilan bukanlah bermaksud sama rata. Keadilan memberi erti meletakkan sesuatu kepada tempatnya. Keadilan juga tidak bermaksud untuk kita berkongsi ataupun memberikan hak yang ada pada kita kepada orang lain. Keadilan ini sepatutnya dilihat daripada perspektif yang lebih luas sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan negara dan keadilan ini haruslah kita pertahankan agar kejayaan yang telah kita kecapi sejak merdeka lagi membuktikan bahawa apa yang telah pun kita lakukan oleh kerajaan yang ada menepati akan aspek keadilan ini. Adakah apabila kita bercakap tentang keadilan maka kita harus memberikan apa sahaja kepada mereka yang tidak berhak hatta berkaitan tentang hak istimewa kita agama, iman dan taqwa. Maka perkongsian keadilan haruslah diselarikan dengan kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kepada rakan-rakan saya Maharani, Sungai Abong, Puteri Wangsa dan juga Parit Yaani, saya teringatkan satu buku yang ditulis oleh Sidney Sheldon dalam bukunya yang bertajuk *Bloodline* disebutkan *"never let a friendly fox into your hen house, one day its going to be hungry"*. Nampaknya telah berlaku di Selangor dan juga di Penang, padan muka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam bajet kali ini memperlihatkan kesungguhan kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi memperkukuhkan dan melebarluaskan perkhidmatan kesihatan dan pengurusan alam sekitar yang lestari. Pertama kalinya saya lihat persoalan kesihatan dan alam sekitar diberikan bajet yang tersendiri dalam usaha merealisasikan perkhidmatan kesihatan yang cekap dan berkesan. Dua fokus utama yang melibatkan portfolio di bawah jagaan saya iaitu fokus akses kepada kemudahan kesihatan yang bermutu dan cekap diterjemahkan melalui dua langkah penting :

1. Meningkatkan tahap penyediaan dan perkhidmatan kesihatan.

2. Mempergiatkan program meningkatkan kesihatan awam.

Dan saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan awam yang terlibat dalam sektor kesihatan di negeri Johor. Dari doktor hinggalah ke pemandu ambulan, daripada hospital besar ke klinik 1Malaysia kerana bekerja keras tanpa mengenal penat lelah demi memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat negeri Johor. Ingin saya maklumkan bahawa tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan kesihatan di klinik dan juga di hospital pada tahun 2014 adalah sebanyak 83%.

Fokus kedua menjurus kepada pengurusan alam sekitar yang lestari iaitu diasaskan kepada konsep *sustainable development*. Iaitu proses pembangunan yang tidak mengabaikan faktor kepentingan dan kelestarian alam sekitar. Beberapa inisiatif bagi menterjemahkan fokus ini menjadi kenyataan dengan melaksanakan beberapa cadangan yang dilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun akan datang iaitu :

1. Penubuhan Pelan Tindakan Alam Sekitar

2. Telah pun dilancarkan Pelan PEMADAM

3. Pelan Kajian Pusat *Sanctuary* Gajah Johor

4. Pelan Strategi Sungai Skudai (Skudai Water Blueprint)

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pelbagai isu dan permasalahan yang melibatkan portfolio di bawah jagaan saya. Yang Berhormat Paloh, Penggaram, Bukit Permai, Skudai juga membangkitkan yang berkaitan tentang *Skudai Water Blueprint*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ingin saya maklumkan bahawa kita tidak bercadang, kerajaan negeri tidak bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas di peringkat Dewan untuk mengkaji berkaitan tentang DEIA sepertimana yang dibangkitkan oleh Skudai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *Sungai Skudai Water Blueprint* adalah pelan tindakan daripada semua agensi jabatan dan agensi yang terlibat dalam usaha pemuliharaan dan pembersihan Sungai Skudai yang diurus setiakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). *Sungai Skudai Water Blueprint* adalah sebahagian daripada komponen program Satu Negeri Satu Sungai yang diwujudkan untuk mencapai objektif sungai bersih, hidup dan berdaya huni.

Selain itu, objektif utama program Satu Negeri Satu Sungai adalah untuk mencapai kualiti air kelas 2 menjelang tahun 2015. Menjadikan sungai dan persekitarannya sebagai kawasan rekreasi yang semula jadi dan memastikan sungai bebas daripada banjir dan sampah sarap. *Sungai Skudai Water Blueprint* ini juga bertujuan untuk memastikan perancangan, perlaksanaan, pemantauan yang dilaksanakan dalam usaha pemuliharaan dan pembersihan Sungai Skudai daripada semua peringkat adalah selari dengan strategi dan tindakan yang telah dipersetujui bersama. *Sungai Skudai Water Blueprint* ini mengandungi dua objektif utama :

1. Memastikan air yang bersih

2. Mempertingkatkan pemuliharaan sungai.

Penghasilan buku tindakan ini merupakan hasil usaha daripada agensi-agensi kerajaan yang terdiri daripada 5 jawatankuasa kecil dalam Program Satu Negeri Satu Sungai dalam Jawatankuasa Pembersihan Sungai Skudai iaitu :

1. Jawatankuasa Keceriaan dan Keindahan Sungai

2. Jawatankuasa Pencemaran Industri Haram, Bengkel-Bengkel

3. Jawatankuasa Pencemaran Pertanian, Penternakan dan Akuakultur

4. Jawatankuasa Pencemaran Sisa Makanan dan;

5. Jawatankuasa Program Pendidikan dan Kesedaran Masyarakat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu Bil.1 Tahun 2014, pada 30 Mac 2014 telah mencadangkan supaya Jawatankuasa-Jawatankuasa Pembersihan Sungai Skudai dibuat perubahan struktur dan ianya telah pun diperakukan dalam Mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri pada 12 Oktober 2014 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di mana pengerusi untuk jawatankuasa ini adalah Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar dan urus setianya kekal untuk Unit Perancangan Ekonomi dan juga JPS dan Pengerusi tetap Jawatankuasa Kecil adalah dilantik di kalangan Pengarah-Pengarah Jabatan-jabatan yang ada di seluruh negeri Johor.

Untuk pengetahuan semua, kualiti air Sungai Skudai sehingga Julai 2014 adalah indeksnya 64 ataupun kelas 3 dan kita bercadang untuk ditingkatkan pada tahun hadapan kepada kelas 2.

Yang Berhormat Bukit Permai membangkitkan tentang projek keindahan Sungai Skudai dari Tan Yoke Fong ke Tanjung Pertanian. Projek menaik taraf sungai dalam bandar, pemuliharaan rizab Sungai Skudai sepanjang 2 kilometer bermula dari Kampung Pertanian hingga ke Kampung Tan Yoke Fong, Kulaijaya telah dimasukkan di dalam permohonan Rancangan Malaysia ke-11, Kulaijaya dengan kos RM3 juta. Walau bagaimanapun, pihak JPS telah memohon sebahagian kos perlaksanaan projek di dalam program pembangunan JPS Johor untuk tahun 2015. Perlaksanaan projek akan dilaksanakan secara berfasa dan pembinaan fasa pertama akan dilaksanakan dalam tahun 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, YB Penggaram menyentuh tentang 8 batang sungai yang diumumkan sebagai sungai paling tercemar dan kotor di negeri Johor. Sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri soalan sama juga dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kulai di Dewan Rakyat. Sama juga, jadi satu klon.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sememangnya 8 batang sungai itu memang dikategorikan sebagai sungai yang tercemar dan ada beberapa sungai seperti Sungai Tukang Batu sebenarnya tidak boleh lagi dikatakan sebagai sebuah sungai. Kalau kita lihat sebenarnya Sungai Tukang Batu berupa seperti longkang yang menghimpunkan

segala influens daripada pelbagai industri masuk ke kawasan tersebut. Dan untuk pengetahuan Dewan yang dimuliakan, sebahagian besar daripada sungai-sungai ini telah pun berlaku peningkatan dari segi indeks kualiti air. Saya ambil contoh, kalau Sungai Ayer Baloi pada tahun 2011, 41 indeksnya tetapi pada tahun 2012 ianya telah pun meningkat kepada 50. Walaupun masih dalam kelas yang keempat kerana bagi kategori tercemar, indeks kualitinya adalah 0 hingga 59. Dan, kerajaan berusaha untuk memastikan bahawa dalam usaha untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat terutamanya untuk membekalkan air bersih, kerajaan cukup komited untuk memastikan bahawa sungai-sungai yang ada mempunyai kualiti air yang baik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penggaram juga menyebutkan tentang banjir kilat yang berlaku di beberapa kampung iaitu Kampung Merdeka, Setia Jaya, Taman Emas dan Taman Indah. Mukim Linau telah menerima hujan lebat 45mm sejam pada jam 4 petang, 14 November 2014 iaitu bersamaan dengan hari Jumaat. Hujan berterusan sederhana lebat sehingga 7 malam dan hujan renyai-renyai sehingga 12.30 malam. Kawasan-kawasan rendah telah mengalami banjir kilat terutamanya di kawasan Kampung Parit Lapis dan rumah-rumah kediaman kos rendah di Taman Emas. Kawasan ini berkedudukan bersebelahan. Kawasan di hulu telah pesat membangun dengan pelbagai taman perumahan dan kegiatan perniagaan. Akibat air larian dari kawasan ini dan pada masa yang sama berlaku fenomena air pasang, parit tanah sedia ada di Kampung Parit Lapis tidak dapat menampung kadar alir dan seterusnya melimpah membanjiri di kawasan kampung dan taman perumahan berhampiran. Kedalaman air ialah di antara 0.3 meter hingga 0.6 meter. Walaupun parit utama ini sedang di naik taraf tetapi ia hanya akan siap sepenuhnya dalam tahun 2016.

Maka tuan-tuan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun berlaku banjir, kerajaan telah pun melakukan usaha untuk memastikan bahawa kita dapat mengurangkan masalah banjir di kawasan ini. JPS akan terus memastikan parit tanah sedia ada di selenggara dengan baik dan pengurusan kerja menaik taraf parit utama Parit Lapis diuruskan mengikut piawai prosedur operasi yang telah ditetapkan bagi mengurangkan faktor risiko banjir.

JPS juga sedang mempertimbangkan penyediaan pam bergerak bagi mengurangkan risiko banjir kilat di Taman Emas serta memastikan pembangunan taman perumahan bersebelahan yang sedang dilaksanakan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan tidak akan memburukkan lagi keadaan.

Yang Berhormat Tangkak menyebutkan tentang masalah sistem perparitan dan *monsoon drain* yang berada di kawasan beliau. Sistem perparitan di Kg. Baru, Tangkak, Ledang adalah di kawasan penyelenggaraan Majlis Daerah Tangkak sebelum disalirkan ke Sungai Paya Mas di bawah senggaraan Jabatan Pengairan dan Saliran. Hujan lebat 44mm dalam tempoh 2 jam pada petang 5 November 2014, telah mengakibatkan banjir kilat berlaku disebabkan sistem perparitan di bawah penyelenggaraan Majlis Daerah Tangkak tersumbat akibat sampah sarap yang dibawa oleh aliran air perparitan. Maka tuan-tuan sekalian, ini sebabnya adalah sikap manusia, kerana kita tidak membuang sampah di tempat yang sepatutnya. Maka apabila berlaku banjir kita salahkan PBT, kita salahkan JPS, kita salah kerajaan. Tapi kita tidak pernah pun muhasabah diri bahawa mungkin ianya berlaku akibat daripada kesilapan kita. Hasil siasatan mendapati Sg. Paya Mas yang menerima air limpahan tersebut, masih dalam keadaan baik dan aras air di Sg. Paya Mas semasa banjir hanya

mencapai separuh daripada kapasiti yang mampu disalirkan oleh Sg. Paya Mas. Maka banjir yang berlaku pada 5 November itu adalah akibat sistem perparitan yang tersumbat bukan limpahan air dari Sg. Paya Mas.

Parit Yaani juga membangkitkan berkaitan tentang papan tanda, kekerapan tindakan bersih parit, longkang dan sebagainya. Penyelenggaraan parit-parit di peringkat daerah di laksanakan oleh dua pihak, iaitu JKK Kampung dan agensi kerajaan yang berkaitan seperti JPS, PBT ataupun JKR. Bagi penyelenggaraan parit oleh JKK Kampung, kadar harga pemeriksaan parit telah ditetapkan berdasarkan panjang parit yang perlu di senggara. Kos penyelenggaraan ini tidak melibatkan kos pengiraan papan tanda jadual penyelenggaraan yang dipacak di tepi parit tersebut. Namun demikian, skop penyediaan papan tanda jadual penyelenggaraan ini dapat dilaksanakan sekiranya mendapat kelulusan daripada PKN pada tahun 2015. Bagi parit-parit di bawah agensi kerajaan, JPS khususnya, akan berusaha untuk menyediakan papan tanda jadual penyelenggaraan ini berdasarkan aliran peruntukan tetap yang diperolehi.

Yang Berhormat Pekan Nenas membangkitkan tentang kawalan hakisan pantai di Tanjung Piai. Saya hairan juga, kerana yang membangkitkan tentang hakisan pantai ini sepatutnya Kukup, tetapi mungkin agaknya Pekan Nenas masalah dah selesai kat kawasan. Itu masalah gerai, masalah khinzir dah selesai. Maka dia ambil tugas Kukup, sedangkan Kukup sebenarnya pertama yang membawa kes ini dalam sesi yang lepas. Maka hasil daripada isu dibangkitkan oleh Kukup dalam sesi yang lepas, maka dalam usaha untuk mengawal hakisan pantai Tanjung Piai, untuk melindungi kawasan pokok bakau yang terhakis, dan kawasan Taman Negara Tanjung Piai, projek ini sebenarnya telah pun dilakukan dan dibahagikan pada 2 Fasa. Fasa I sedang dijalankan seperti yang dipohon oleh Kukup, yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dengan peruntukan RM30.0 juta. Kerja-kerja ini telah bermula 21 Julai 2014 dan dijangka siap pada 21, 2016. Sementara pihak IRDA pula akan membiayai projek hakisan pantai Tanjung Piai Fasa II. Kerja-kerja ini dijangkakan akan bermula pada tahun hadapan. Dengan siapnya kedua Fasa ini, masalah hakisan pantai yang serius ini diharapkan akan dapat diatasi.

Yang Berhormat Maharani, membangkitkan tentang pagar rosak, tumbang di belakang rumah teres dan juga mahkamah dan juga berlaku hakisan di Parit Perupok. Pagar ataupun railing ini adalah merupakan pagar u drain yang dibina oleh pihak JPS Muar bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Parit Perupok, dari Jalan Abdul Rahman hingga Kg. Kelantan *upstream*. Program projek ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2002 dengan jumlah panjangnya ialah 2,800 meter. Sebahagian pagar tersebut telah tumbang di berapa tempat dan juga disebabkan oleh bahagian sambungan skru *nut bolt* telah reput serta akibat pokok tumbang dan juga dilanggar kereta. Jadi Yang Berhormat tolong nasihatkanlah suruh kat situ janganlah langgar-langgar harta kerajaan. Jangan bawak laju, jadi kalau rosak nanti Yang Berhormat mintak lagi dengan kerajaan. Kerajaan boleh bagi setahun sekali, 2 kali je. Bagi memperbaiki keadaan ini pihak Jabatan akan mengambil tindakan pembaikan, serta mengecat semula pagar ini pada tahun 2015 yang akan datang.

Hakisan tebing di Pantai Perupok, siasatan jabatan mendapati berlaku hakisan tebing dalam lingkungan 5 hingga 10 meter panjang, di kawasan berhampiran sub station TNB Taman Cempaka, iaitu di antara Jalan Joned hingga Jalan Abdul Rahman. Jajaran

parit ini adalah termasuk dalam projek menaik taraf Parit Perupok kepada u drain di mana tender telah dipanggil dan ditutup pada 8 Oktober 2014 yang lalu. Pada masa ini penilaian tender sedang dijalankan oleh pihak JPS negeri Johor dan dijangka akan dimulakan kerja-kerja pembinaan pada awal 2015.

Sungai Abong membangkitkan tentang naik taraf beberapa jalan-jalan dan jambatan di Parit Wahid, Parit Hulu dan Parit Sari. Jalan-jalan di Parit Sari dan Pari Hulu sebenarnya merupakan rizab parit JPS, yang digunakan oleh jentera semasa kerja-kerja penyelenggaraan parit. Namun begitu jalan-jalan tersebut telah pun di naik taraf kepada jalan tar oleh Pejabat Daerah untuk memberikan kemudahan kepada masyarakat. Maka JPS tiada perancangan untuk menaik taraf ataupun membina semula jalan tersebut kerana ia sebenarnya merupakan jalan bagi kerja penyelenggaraan parit. Hasil siasatan di tapak mendapati jambatan Parit Sari adalah masih kukuh dan ia bertujuan untuk mengangkut keluar hasil pertanian. Bagi tujuan mengangkut keluar hasil pertanian tersebut, kelebaran jambatan adalah mencukupi. Tetapi sekiranya fungsi penggunaan jambatan ini hendak diperluaskan untuk kegunaan laluan trafik penduduk tersebut, maka jambatan ini di naik taraf untuk laluan dua hala dengan kos sebanyak RM150,000.00.

Bagi Bukit Naning yang berkaitan tentang kerja-kerja tebatan banjir di Bukit Naning bagi tahun 2013 hingga 2014, JPS telah mendapatkan peruntukan sebanyak RM7.0 juta bagi menyelesaikan masalah banjir di Ayer Hitam, sehingga ke sempadan Parit Sulong di Batu Pahat. Projek Fasa I yang berjumlah RM2.5 juta telah siap dan Fasa II yang berjumlah RM4.5 juta adalah setakat ini tahap status siapnya 85%.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Parit Yaani juga mintak jasa baik pihak JKM ataupun hospital sepertimana yang dibahaskan dalam beberapa hari lalu. Urusan membawa pesakit yang perlu mendapatkan rawatan susulan ke Hospital Sultanah Aminah adalah di luar skop penggunaan ambulan atau klinik ataupun hospital. Ambulan digunakan untuk membawa pesakit dalam keadaan kecemasan. Bagi urusan *follow-up* tersebut, pesakit boleh mendapatkan bantuan melalui Yang Berhormat sendirilah untuk membawa pesakit-pesakit kerana itu adalah merupakan sebahagian daripada tanggung jawab kita sebagai Ahli-Ahli Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan di Batu Pahat, kita mempunyai 5 buah ambulan dan 2 buah adalah untuk rujukan kes Sultanah Aminah dan Sultan Ismail serta Kuala Lumpur. Manakala baki 3 buah digunakan untuk panggilan kecemasan dan sebagainya.

Yong Peng sekali lagi bangun dan juga membangkitkan tentang isu kalau dulu Klinik Kesihatan sekarang dah berubah kepada hospital. Dia mintak kat Yong Peng hospital 100 katil. Dekat Kulaijaya baru 93 katil aja, dia nak mintak lebih. Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hasil daripada perjuangan Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional sebelum ini, you dapat ya, oleh Yang Berhormat sebelum ini, dan juga Ketua UMNO Bahagian Semarang, maka sebenarnya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor sedang dalam pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 Yong Peng untuk menampung keperluan kesihatan di kawasan sekitar Yong Peng. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia merasakan cadangan pembinaan sebuah hospital kecil tidak diperlukan pada masa ini. Kos bagi pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 Yong Peng adalah sebanyak RM22.5 juta.

Nusajaya membangkitkan tentang usaha, cadangan memperbanyakkan Klinik 1Malaysia. Konsep Klinik 1Malaysia mula diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Ucapan Bajet tahun 2010. Sejak dari itu, setiap tahun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meluluskan sejumlah Klinik Malaysia untuk dibina bagi keseluruhan negeri Johor. Bagi tahun 2015, negeri Johor menerima 3 buah tambahan Klinik 1Malaysia dan sehingga tahun 2014 terdapat 27 buah Klinik 1Malaysia telah diwujudkan. Pembinaan Klinik 1Malaysia akan ditambah secara berperingkat selari dengan kemampuan penambahan sumber manusia terlatih. Klinik 1Malaysia dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat dan Pembantu Perawatan Kesihatan. Kerajaan telah menetapkan agar pewujudan Klinik 1Malaysia ini boleh ditempatkan di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, sila duduk dan Yang Berhormat boleh sambung semula selepas kita berehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini hingga jam11:20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan disambung semula. Jemput EXCO yang berkenaan. Sila cepatkan sikit, masa tidak mencemburui kita ni ya. Jemput.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkaitan tentang Klinik 1Malaysia tadi, sebagai tanda penghargaan kepada Nusajaya, maka Jabatan akan menempatkan 1 Klinik 1Malaysia di Taman Nusantara.

Parit Semerah membangkitkan tentang pintu kawalan pasang surut Parit Ibrahim. Parit Ibrahim tidak mempunyai struktur pintu kawalan pasang surut. Namun begitu terdapat pintu pasang surut di parit bersebelahan iaitu di Parit Besar dan Parit Haji Abdul Salam. Air dari Parit Ibrahim akan mengalir melalui Parit kelling ini dan menuju kedua-dua pintu air bersebelahan tersebut dan kemudian dialirkan ke laut. Pembersihan JKK di Parit Ibrahim dilaksanakan 4 pusingan setahun, iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan November. Manakala kerja-kerja penggalian telah dilaksanakan oleh JPS pada bulan Oktober 2014 yang lalu dan aliran air kini adalah lancar. Penyelenggaraan di DUN Semerah, terdapat 79 parit di dalam DUN Semerah di bawah penyelenggaraan JPS. Pembersihan JKK di DUN Semerah dilaksanakan 4 pusingan setahun, iaitu pada Mac, Jun, September dan November. Manakala kerja-kerja penggalian oleh dilaksanakan Pihak JPS dengan kekerapan 2 kali setahun, 2 tahun sekali atau 1 tahun sekali bergantung kepada peruntukan semasa dan keadaan tapak.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya juga tertarik dengan pembentang Bajet 2015 kali ini, kerana ia menekankan aspek keperluan untuk masyarakat sedar tentang ancaman dadah, yang merupakan ancaman keselamatan bukan tradisional yang

perlu ditangani dengan berkesan. Sebagai orang yang dipertanggung jawabkan dan dilantik oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagai Pengerusi Penyelaras PEMADAM Negeri Johor. Komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar amatlah dipuji dalam usaha untuk menangani permasalahan dan ancaman dadah di dalam komuniti masyarakat di negeri ini, terutamanya usaha untuk memperkasa Pusat Pemulihan Dadah dalam masyarakat dan menggerakkan komuniti melalui Pertubuhan Bukan Kerajaan untuk dilibatkan secara bersama bagi menangani ancaman ini, dan saya menyeru rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, untuk turut sama memperkukuhkan PEMADAM dan AADK di kawasan masing-masing. Untuk tahun hadapan kita mencadangkan agar saringan air kencing dilaksanakan kepada 4 hingga 5,000 kakitangan awam negeri yang akan dimulakan pada tahun hadapan dan kita juga akan meminta Kerajaan untuk menempatkan ataupun meletakkan satu hari dalam tempoh 7 hari untuk SKT itu, untuk tujuan kursus kesedaran berkaitan tentang dadah.

Tangkak membangkitkan berkaitan tentang cara bagaimana dan juga program-program pencegahan dadah bagi pelajar dan masyarakat di kawasan DUN Tangkak, kerana masih didapati gejala ini berlaku dan merunsingkan penduduk setempat. Sepanjang 2014 hingga November, sebanyak 43 program pencegahan dan penyalahgunaan dadah bagi pelajar sekolah telah dilaksanakan oleh AADK dan PEMADAM di bawah DUN Tangkak yang mana program tersebut meliputi Minggu Anti Dadah, ujian saringan kencing, ceramah serta pameran anti dadah yang dilaksanakan oleh Pegawai AADK, berkaitan penyalahgunaan dadah. Program ini mengumpulkan para pelajar sekolah bagi mengenali bahaya dadah dan penyalahgunaannya. Dengan wujudnya program ini dapat memberikan maklumat yang berfaedah kepada pelajar agar tidak terjebak dengan penglibatan penyalahgunaan najis dadah. Selain itu, program-program bersama komuniti dalam masyarakat turut diadakan di bawah kawasan DUN Tangkak dengan sebanyak 38 program dilaksanakan sepanjang Januari hingga awal November 2014.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sepanjang bulan Januari hingga November 2014 seramai 609 pelajar dan penjawat awam bagi daerah Ledang telah dibuat saringan air kencing dan daripada jumlah itu, 4 orang didapati positif dadah syabu. Bilangan orang kena pengawasan pula seramai 55 orang di mana Melayu 50 orang, Cina 4 orang dan India 1 orang.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Projek *Forest City* adalah projek pembinaan 4 buah pulau buatan berhampiran dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Projek ini juga telah mula dihentikan sejak 12 Jun 2014, berdasarkan perbincangan pihak Jabatan Alam Sekitar dan di atas kerelaan pihak pemaju itu sendiri untuk sementara waktu sehingga kelulusan EIA terperinci diluluskan. Peratusan penambakan yang telah dilaksanakan semasa pemberhentian kerja adalah anggaran 40%. Laporan DEIA telah dihantar ke Jabatan Alam Sekitar Putrajaya untuk tujuan kelulusan pada Julai 2014. Sehingga kini Laporan DEIA masih di peringkat penilaian dan belum diluluskan. Laporan Kajian Hidraulik bagi kerja-kerja penambakan telah diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saluran Malaysia pada 7 Oktober 2014.

Bagi mengawal kesan serta serakan kelodakan dari aktiviti penambakan pasir, pihak pemaju telah memasang *double layered silk curtain* sepanjang 2,240 meter di kawasan projek. Siasatan terkini, bulan November 2014, mendapati tiada kerja-kerja penambakan dilaksanakan, kecuali kerja-kerja pembaikan *silk curtain* oleh pemaju.

Pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor juga menjalankan pemantauan kualiti air, dengan melaksanakan pensampelan analisa yang diperolehi bagi pensampelan pada bulan Julai, Ogos dan September 2014, menunjukkan ianya patuh di bawah garis panduan MWQCS iaitu 50 miligram per liter.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pelbagai permasalahan, pendapat dan cadangan di bawah portfolio saya. Saya amat menghargainya dan memohon maaf jika terdapat keciciran jawapan, terhadap persoalan yang memerlukan jawapan yang mungkin saya tidak dapat nyatakan pada hari ini. Insya-Allah, kita akan melihat kembali ucapan-ucapan perbahasan yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah portfolio saya dan kita akan memberikan jawapan yang berkaitan dan saya berdoa, moga Allah memberkati apa yang kita lakukan pada hari ini dan hari-hari yang seterusnya.

Yang Berhormat Tan Sri, saya mohon menyokong. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan. Sebelum kita teruskan, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mengalu-alukan kehadiran pemerhati daripada kawasan Kahang yang terdiri daripada Ahli JPMM DUN Kahang seramai 45 orang. Sila teruskan EXCO yang berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Salam Muafakat Johor, (Berselawat).

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang serta kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, di atas inisiatif yang telah diumumkan dalam Bajet Tahun 2015, terutama yang berkaitan dengan portfolio Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tahun ini sahaja, pada tahun 2014 merupakan tahun kecemerlangan bagi sukan di Negeri Johor. Pertamanya, dengan kejayaan demi kejayaan yang dikecapi oleh Pasukan Bola Sepak Johor Darul Takzim atau JDT dengan menjuarai Liga Super, naib juara Piala Malaysia dan kejayaan melangkah ke separuh akhir Piala FA. Ini membuktikan bahawa kebangkitan bola sepak Negeri Johor telah bermula. Ianya mengembalikan kegemilangan bola sepak Negeri Johor seperti yang pernah dikecapi pada pertengahan tahun 80 an, iaitu hampir 24 tahun yang lalu.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk ADUN Kempas, kerana telah memberi pujian atas kejayaan Pasukan JDT dan saya percaya, ianya bukan hanya dirasai oleh Yang Berhormat seorang tetapi majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga, sama-sama merasa bangga dan merasai kehangatan, aura Pasukan Bola Sepak Johor Darul Takzim. Tidak keterlaluan jika saya katakan, peningkatan mendadak Pasukan Bola Sepak Johor Darul Takzim ini, adalah

atas usaha serta komitmen yang tidak berbelah bahagi Duli Yang Amat Mulia, Tengku Mahkota Johor sebagai pencetus kepada fenomena ini, sehingga memberi kesan positif kepada kemeriahan dan juga persaingan bola sepak bukan sahaja di Johor, malah di seluruh tanah air.

Sebagai EXCO yang dipertanggungjawabkan dalam soal ini, saya tidak melihat kejayaan ini dari sudut ukuran luaran semata-mata tetapi sebaliknya. Kejayaan ini perlu dilihat dari sudut yang tersirat, di mana ia telah mampu mengangkat semangat berpasukan, jati diri, setia kawan, disiplin serta menjadi agen perpaduan yang mengikat muafakat segenap rakyat Johor baik yang tua mahupun yang muda tanpa mengira kaum.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di Negeri Johor pada hari ini, suka saya menyarankan agar setiap persatuan sukan yang berdaftar di bawah Majlis Sukan Negeri Johor, iaitu sebanyak 47 buah persatuan, sewajarnya mencontohi apa yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor.

Tahun 2014 juga, menyaksikan Johor berjaya mencapai kejayaan cemerlang dalam kejohanan sukan paling berprestij di Malaysia iaitu SUKMA. Kejayaan merangkul 23 emas, 32 perak dan 40 gangsa sebenarnya telah melebihi sasaran 20 pingat emas yang disasarkan yang juga peningkatan besar berbanding 17 pingat emas pada tahun 2012. Kejayaan ini disusuli pula dengan kecemerlangan kontinjen paralimpiad dengan pencapaian 29 emas, 17 perak dan 10 gangsa, melebihi 20 pingat emas yang disasarkan. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga, tidak ketinggalan untuk membantu menaikkan imej Negeri Johor, bila mana kontinjen Johor dalam pertandingan Karnival Kecergasan Peringkat Kebangsaan, juga telah berjaya menjadi johan pertandingan. Memperbaiki pencapaian tahun 2013 pada, di tempat dan ketika.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pencapaian atlet-atlet Negeri Johor juga cukup membanggakan. Kita berbangga bila 9 orang atlet Johor telah berjaya mewakili negara ke Sukan Komanwel dan 11 orang atlet pula di Sukan Asia. Ini membuktikan sistem latihan dan juga program pembangunan sukan di negeri ini, boleh diiktiraf antara yang terbaik di negara kita. Tahniah diucapkan kepada atlet, saudara Tan Wee Kiong yang telah berjaya memenangi pingat emas dalam acara beregu badminton dan saudara Eddy Chew yang merangkul emas dalam acara air *pistol* di Sukan Komanwel yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang. Tanpa usaha keras daripada semua pihak, tidak mungkin kejayaan atau kecemerlangan seperti ini, mampu untuk dicapai. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah menjadi sebahagian dari kejayaan ini. Kita tahu, wang ringgit bukan segalanya tetapi dengan usaha yang gigih, serta komitmen yang tinggi pasti ianya akan menghasilkan kejayaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Negeri Johor sebenarnya amat bertuah. Kita mempunyai pemimpin nombor satu yang cukup faham akan aspirasi penggiat dan peminat sukan Negeri Johor. Pada pembentangan Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan sejumlah peruntukan yang besar bagi tujuan:

1. Pembangunan Larkin Central Park, dengan kos keseluruhan sebanyak RM120 juta.

2. Pembinaan stadium bagi acara padang dan balapan di Taman Mount Austin dengan kos RM60 juta.
3. Membina 56 gelanggang serba guna dan 30 Gym Muafakat Johor dengan peruntukan melalui Pihak Berkuasa Tempatan, RM11 juta.

4. Menambahkan pusat rekreasi sedia ada.

5. Peruntukan untuk program pembangunan sukan yang memfokuskan sukan bola sepak, sepak takraw dan sukan padang dan balapan.

Saya percaya, melalui program pembangunan sukan yang tersusun dengan kemudahan infrastruktur yang selesa, kecemerlangan sukan di Johor akan mampu untuk dilonjakkan. Seterusnya, kita amat berharap Negeri Johor akan menjadi pencabar utama dalam SUKMA 2020, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, persoalan tentang belia memang tidak boleh dipisahkan pada masa kini. Sudah tentu golongan belia merupakan aset yang mampu memberi 40% sumber modal insan kepada negara. Golongan ini tidak boleh dianggap sebagai golongan penumpang atau diabaikan begitu sahaja. Sebaliknya, belia perlu digilap dan dibangunkan semaksima yang kita mampu kerana aset ini, cukup-cukup bernilai bagi mencorakkan kemajuan negara pada masa yang akan datang.

Bagi tahun 2104 ini sahaja, kerajaan negeri melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor serta Majlis Sukan Negeri Johor seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, peruntukan lebih RM1 juta untuk membantu persatuan belia dan persatuan atau kelab sukan melaksanakan program. Bantuan ini akan diteruskan bagi menggerakkan penglibatan belia dalam aktiviti sihat di peringkat akar umbi. Secara tidak langsung, peranan belia dalam masyarakat akan mampu memberi kesan dan akan lebih dirasai.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ADUN Tenggaroh ada mengatakan bahawa peruntukan sebanyak RM400,000.00 di bawah Bajet 2015 tidak mencukupi untuk aktiviti kesukarelawanan. Saya amat menghargai pandangan Yang Berhormat tetapi saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak akan membiarkan sukarelawan-sukarelawan bergerak sendirian. Jika pada masa depan jumlah sukarelawan yang berdaftar semakin bertambah dan pelbagai pengisian program diadakan, saya yakin, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak akan keberatan memberi pertimbangan sewajarnya. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang begitu prihatin kerana memberi peruntukan khusus untuk menggerakkan aktiviti kesukarelawanan di Johor secara lebih tersusun dan sistematik di bawah satu nama Sukarelawan Darul Takzim. Secara tidak langsung, melalui inisiatif kerajaan negeri ini, kita juga telah menyokong usaha kerajaan pusat bagi meningkatkan penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan melalui program sedia ada Kementerian Belia dan Sukan yang sentiasa diaturkan seperti IM4U, Rakan Muda, Program MyCop dan juga Anugerah Remaja Perdana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Sukarelawan Darul Takzim yang telah ditubuhkan kira-kira enam bulan yang lalu, kini sudah mempunyai lebih 13,000 ahli yang berdaftar. Kita akan terus memperluaskan usaha ini dengan kerjasama dan penglibatan dari jabatan serta agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Johor dan tidak lupa penglibatan dari *Government Link Company* iaitu GLC di Negeri Johor. Insya-Allah dengan penglibatan dan kerjasama strategik ini, ia dapat mengurangkan kos aktiviti yang dijalankan bertepatan dengan matlamat asal, menjadikan Sukarelawan Darul Takzim ini, bertindak sebagai pemudah cara, penyampai, pengelola dan pengantara bagi bantuan yang ingin disampaikan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, menurut ahli falsafah, Edward B Taylor, kebudayaan merupakan keseluruhan yang kompleks yang di dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat dan kemampuan-kemampuan lain yang di dapat oleh seseorang sebagai anggota masyarakat. Ada yang menyatakan, seperti kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Bajet itu hari, biar mati anak jangan mati adat. Bukanlah bermaksud anak itu tidak penting tetapi ia menggambarkan betapa sayangnya seseorang itu terhadap kebudayaan yang diwarisi. Terima kasih sekali lagi, saya rasa dah kali kelima, saya terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memberi peruntukan...

YB Dato' Timbalan Speaker : Cerah masa depan. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih, doa, Amin. Memberi peruntukan RM2.5 juta bagi membaik pulih Kompleks Yayasan Warisan Johor yang dulu kita kenali sebagai Kompleks MAWAR. Menjadi sebagai Pusat Warisan Johor, yang akan menyuburkan aktiviti-aktiviti kebudayaan untuk terus ditonton dan dihayati oleh generasi masa kini agar ia terus segar, tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan. Pusat ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, insya-Allah akan menjadi hab bagi program-program pengembangan seni budaya di Johor yang turut dilaksanakan di peringkat daerah seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Puan Sri ADUN Parit Raja, semalam ada menyentuh soal pembangunan, kebudayaan dan kesenian, cuma ada satu dia punya ayat itu, hampir saya tak boleh tidur malam. Tapi hari ini bila dia SMS saya, *i love u so much* itu oklah. Pasal semalam, saya khuatir bila Puan Sri, yang dalam usia yang cukup matang pada hari ini, sebenarnya, saya lihat bahawa masih mempunyai jiwa untuk melihat anak-anak muda bersama-sama mempertahankan kebudayaan dan kesenian Negeri Johor. Saya ucap terima kasih banyak-banyak.

Untuk makluman Yang berhormat Puan Sri, Negeri Johor mempunyai Yayasan Warisan Negeri Johor. Kita mempunyai Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negeri Johor, kita mempunyai Majlis Kebudayaan Negeri Johor di mana sehingga tahun ini sahaja, pelbagai program pengembangan seni dan budaya, dilaksanakan secara konsisten. Yang pertama, pengembangan tarian zapin. Mungkin ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak maklum, program-program yang saya ingin nyatakan di sini kerana program kita bukan kata kita menjurus pada satu tempat sahaja tapi daripada segi program pengembangan, kita telah turun ke hingga ke peringkat akar umbi.

1. Pengembangan tarian zapin, dengan 10 jurulatih setiap daerah yang akan mengajar di tiga buah sekolah.

2. Pengembangan seni muzik ghazal, melibatkan 17 buah sekolah dengan 23 jurulatih keseluruhan di Negeri Johor.

3. Program Permata JAUHAR, melibatkan 10 buah sekolah.

Insya-Allah, kalau dengan peruntukan yang lebih pada masa akan datang, kita akan perluaskan lagi, bagi kita melihat bahawa pengembangan seni dan budaya Negeri Johor dapat lebih kita perkasakan.

Program-program kebudayaan melibatkan penganjuran festival, persembahan, pementasan, pertandingan dan pengembangan akan terus diperbanyakkan bagi merancakkan serta mempromosi seni budaya Johor untuk tujuan meningkatkan jati diri di kalangan golongan muda. Ini bersesuaian dengan saranan yang diutarakan oleh ADUN Parit Raja iaitu menjaga kebudayaan dan kesenian negeri Johor. Untuk menjamin perlaksanaan berjalan lancar dan bagi mengukuhkan hubungan antara kerajaan negeri dengan NGO-NGO Seni yang ada di peringkat akar umbi, Majlis Kebudayaan Negeri johor telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan semula satu jawatan iaitu penyelaras kebudayaan di setiap daerah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ini adalah tujuan untuk membuktikan komitmen yang tidak berbelah Kerajaan Negeri Johor untuk mengiktiraf dan mengaktifkan semula peranan Majlis Kebudayaan di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai-pegawai Daerah dan akan dibantu oleh penyelaras kebudayaan yang akan dijangka dalam masa terdekat. Kita akan selesaikan masalah ini di setiap daerah untuk membantu Yang DiPertua Majlis Kebudayaan Daerah di setiap daerah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bila kita imbau pada ketika dulu di zaman tahun 70-an dan juga zaman 80-an. Waktu itu, anak-anak begitu riang dengan aktiviti permainan tradisional seperti congkak, gasing, sepak raga. Tetapi kini, permainan ini kian luput ditelan masa. Semakin hari bila negeri, negara semakin membangun, permainan tradisional semakin dilupakan. Kerajaan Negeri menyedari perkara ini. Oleh yang demikian, saya menyambut baik Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor iaitu sebanyak RM250,000.00 yang diperuntukkan bagi memperkasakan kembali permainan tradisional. Ianya akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan kita tahu kita tidak mampu untuk melaksanakan semuanya secara bersendirian. Dengan *Blue Ocean Strategy*, dengan izin, kita akan bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Johor melalui penganjuran kursus asas dan pertandingan di peringkat zon, daerah dan juga negeri melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Semoga inisiatif awal yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri Johor ini akan disambut oleh Kerajaan Persekutuan seterusnya mampu untuk menganjurkan pertandingan permainan tradisional di peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya amat memahami niat atau hasrat Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin terhadap golongan muda. Disentuh oleh

ADUN Bukit Permai yang membangkitkan mengenai gelanggang *Lawn Ball*, pentaque kebetulan di mana Yang Berhormat? Oh, tak masuk. Dia kebetulan, dia *chief de mission* untuk SUKMA Johor. Dan, juga ADUN Tenang yang membangkitkan tentang padang awam. Terima kasih atas keprihatinan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat ADUN Bukit Permai dan juga ADUN Tenang, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, penumpuan kita pada tahun 2015 lebih kepada pembinaan gelanggang terbuka dan juga Gym Muafakat Johor di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Latif bin Bandi yang mengusahakan untuk kita sama-sama merealisasikan pembangunan dan juga prasarana sukan dalam Negeri Johor.

Gelanggang terbuka ini, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dilengkapi dengan gelanggang bola jaring, sepak takraw dan juga badminton. Ini sudah pasti memberi peluang kepada kaum hawa untuk menjalankan aktiviti sukan utama mereka iaitu bola jaring yang selama ini agak terpinggir. Jika sebelum ini, Majlis Sukan Negeri Johor menganjurkan sukan bola jaring bagi umur di bawah 10 tahun dan 14 tahun, seperti yang diperkatakan oleh ADUN Penawar dengan adanya gelanggang serba guna ini, insya-Allah lebih banyak kejohanan dan penganjuran sukan bola jaring mampu untuk dilaksanakan seterusnya mengembalikan sukan bola jaring sebagai sukan utama kaum hawa yang perlu disegarkan kembali. Namun begitu, kita tidak akan meminggirkan fokus terhadap sukan-sukan lain. Kita akan terus membuat kajian termasuk cadangan Yang Berhormat ADUN Bukit Permai, ADUN Tenang untuk membangunkan kemudahan-kemudahan sukan yang lain pada masa akan datang kerana saya faham dan saya maklum, kita memerlukan kepelbagaian kemudahan dan prasarana di setiap daerah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, oleh kerana jawatan yang diberi ini kepada saya sebagai EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan adalah amanah daripada Allah SWT, saya amat insaf dan sedar setiap projek yang dilaksanakan perlu dikaji sedalam-dalamnya agar usaha ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh sebahagian besar masyarakat tanpa mengira kaum dan juga projek ini tidak menjadi projek gajah putih. Akhir sekali, saya mengambil masa yang agak singkat, kerana saya ucap terima kasih eh kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat walaupun hanya sebahagian yang menyentuh tentang dengan Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan kerana saya rasa dalam keadaan seperti ini masih ada lagi yang mengambil berat tentang pembangunan dalam portfolio saya. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada saya menggulung perbahasan berkaitan portfolio yang dipertanggungjawabkan di bawah saya pada Persidangan Dewan Johor pada kali ini. Saya sebenarnya ada pantun, tapi oleh kerana pantun ini saya nak tujukan kepada Yang Berhormat Tan Sri, tetapi sebagai Timbalan Speaker jadi saya rasa kalau Puan Sri boleh dengar eh, jadi saya, pantun saya ini saya sampaikan perlu dijawab, saya tak nak jawab lepas ini. Saya nak jawab di dalam Persidangan yang akan datang. Persidangan akan datang nanti kita jumpa saya harap Tan Sri akan jawab, ok. "Belia dan Sukan perlu direkayasa, terus membela kebudayaan dan warisan, kenali Tan Sri Speaker cukup berani dan gagah perkasa, apakah petua Puan Sri berikan". Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Belia dan Sukan. Kita teruskan, jemput ...

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrah maanirahim. (Doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana telah diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam sesi penggulungan Perbahasan Bajet 2015 Negeri Johor. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas beberapa pengumuman peruntukan khusus kepada pembangunan sektor Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor seperti mana berikut :-

1. Program Pembangunan Komuniti Bio-Ekonomi dengan kos pembangunan sebanyak RM8.9 juta yang akan melibatkan kerjasama di antara pembekal teknologi dari syarikat-syarikat bio-nice dan berasaskan bio dengan kumpulan-kumpulan komiti 100 kumpulan peserta daerah melalui *contract farming*, dengan izin atau perladangan kontrak.

2. Tambahan peruntukan sebanyak RM2 juta kepada RM4 juta untuk Program Galakan Usahawan, Jabatan Pertanian Johor bagi mempertingkatkan kebolehsaingan kumpulan usahawan dalam sektor pertanian.

3. Peruntukan sebanyak RM3 juta kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama Johor Corporation bagi program meningkatkan pengeluaran daging lembu berskala besar melalui Ladang Satelit di Kota Tinggi, Muar dan Segamat.

4. Peruntukan sebanyak RM2 juta melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia bagi membantu pengusaha tanaman nanas yang mempunyai keluasan kurang daripada 15 ekar bagi meningkatkan pengeluaran mereka.

5. Peruntukan sebanyak RM20 juta kepada Permodalan Darul Takzim untuk pembelian tanah-tanah pertanian ini dan ia akan disewakan kepada koperasi-koperasi, usahawan-usahawan Bumiputera terpilih di Negeri Johor untuk membangunkan aktiviti pertanian; dan

6. Bantuan sebanyak RM1,000.00 kepada 1,800 nelayan Selatan Johor yang mana kawasan aktiviti tangkapan mereka terlibat dengan projek pembangunan persisiran pantai. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM1.8 juta disediakan.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih dan keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil, yang telah dapat bersama-sama memberi idea, cadangan dan mengemukakan permasalahan serta isu-isu yang berkaitan dengan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' speaker, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sepanjang Sidang Dewan ini berlangsung. Kita mengakui akan usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga negeri untuk membantu golongan nelayan. Dalam ucapan Bajet Negara 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat prihatin terhadap kebajikan nelayan yang sentiasa menghadapi berbagai cabaran hidup dengan menaikkan

elaun sara hidup nelayan Zon A kepada RM300.00 daripada RM200.00 sebulan. Manakala bagi nelayan Zon B dan C elaun sara hidup dinaikkan kepada RM200.00 sebulan. Manakala bagi nelayan darat sepenuh masa, buat pertama kalinya mereka akan diberi elaun RM200.00 sebulan serta memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk mempergiatkan lagi aktiviti akuakultur seperti ternakan ikan, udang, kupang dan tiram dalam sangkar bagi mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan yang terjejas terutamanya di musim tengkujuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara pertama yang ingin saya sentuh adalah mengenai isu pembelaan nasib nelayan-nelayan yang terjejas pendapatan mereka akibat daripada aktiviti pembangunan dan penambakan yang dijalankan di kawasan persisiran pantai. Menyedari hakikat tersebut, di dalam Bajet 2015 Negeri Johor, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengumumkan bahawa dalam usaha membantu nelayan-nelayan yang terlibat, sebagai permulaan dianggarkan seramai 1,800 nelayan Selatan Johor yang telah disahkan kelayakannya oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan menerima bantuan sebanyak RM1,000.00 secara *one-off* dengan izin, pada tahun hadapan yang akan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.8 juta. Pemberian ini bukan gula-gula tetapi merupakan adalah untuk kita mengurangkan beban dan meringankan sara hidup para nelayan. Daripada data yang diperolehi daripada Lembaga Kemajuan Ikan, pecahan bilangan nelayan yang berdaftar mengikut kawasan khususnya di kawasan perairan Johor Selatan adalah seperti berikut: Tebrau seramai 217 orang, Pasir Gudang 266 orang, Johor Bahru 34 orang, Kulai 109 orang, Gelang Patah 431 orang, Pontian 2 orang, Tanjung Piai 775 orang. Memang seharusnya YB dari Kukup membela nasib nelayannya kerana terlalu ramai bilangannya. Berpandukan daripada data tersebut kita mendapati sebanyak 1,840 orang nelayan yang telah berdaftar dengan LKIM. Jumlah ini akan disemak semula bagi mengenal pasti nelayan-nelayan yang benar-benar masih aktif dan beroperasi supaya agihan bantuan dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama seperti mana yang diharapkan oleh YB dari Kukup, YB dari Pekan Nenas dan YB dari Bukit Batu. Untuk makluman juga, penyampaian bantuan ini akan disempurnakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong kerajaan di kawasan yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berikut adalah perancangan yang telah dirangka dan dilaksanakan dalam usaha untuk membantu pelbagai sumber ekonomi nelayan tradisi, Penubuhan Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Johor. Pembangunan yang pesat di kawasan persisiran pantai dan perairan Negeri Johor sedikit sebanyak telah menyebabkan nelayan-nelayan hilang mata pencarian mereka. Menyedari hakikat tersebut, kerajaan negeri ketika ini telah mewujudkan Tabung Pembangunan Nelayan dengan matlamat untuk membantu nelayan-nelayan yang terjejas dengan kerja-kerja penambakan laut khususnya di kawasan Selatan Johor sebagai permulaan. Penubuhan tabung ini adalah cetusan idea daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu sendiri. Jawatankuasa Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Johor ini terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor sebagai urusetia yang menguruskan Tabung ini, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, badan yang mengutip tuntutan, mengeluarkan surat tuntutan seterusnya disalurkan kepada tabung amanah. PBT, badan yang mengenal pasti tanah dan pengeluaran notis. LKIM dan Jabatan Perikanan, badan yang akan mengemaskinikan data nelayan, jumlah kutipan yang dikeluarkan serta pengagihan bantuan kepada nelayan-nelayan yang terlibat. Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri. Kita juga melibatkan Persatuan-persatuan nelayan yang terlibat dan juga lain-

lain Jabatan yang bersesuaian. Kerajaan Negeri akan kenakan caj sebanyak RM0.30 untuk setiap kaki persegi kepada pihak pemaju di atas setiap kerja-kerja penambakan yang dijalankan. Caj ini telah berkuatkuasa dari tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengenai penubuhan Tabung Pembangunan Negeri Johor pada April 2014. Wang tersebut akan disalurkan kepada Tabung Pembangunan Nelayan dan diharapkan lanya akan dapat membantu mengurangkan beban dan kerugian yang ditanggung oleh nelayan-nelayan yang berada di kawasan yang terlibat melalui program-program mempelbagaikan sumber ekonomi nelayan yang bersesuaian. Program Ternakan Ikan melalui teknologi yang bersesuaian dan eko-pelancongan adalah salah satu usaha yang akan diberi tumpuan untuk meningkatkan taraf hidup para nelayan. Kita masih memerlukan kudrat nelayan untuk, dalam mengeluarkan menghasilkan tangkapan nelayan dan ternakan ikan ini. Beberapa lokasi telah dikenal pasti untuk terus dimajukan termasuk Kampung Sungai Melayu, Nusajaya; Sungai Kongkong, Masai; Kampung Pasir Gudang Bahru, dan jika kita ambil pandangan dari DUN Kukup di lokasi yang sesuai di Daerah Pontian juga akan kita bangunkan.

Kita juga bercadang untuk mewujudkan perkampungan nelayan tersusun dan menggambarkan kehidupan nelayan yang merupakan salah satu warisan hidup dalam negeri ini. Di sebalik pelbagai pembangunan yang semakin rancak, kita mengalu-alukan usaha untuk mewartakan kawasan tertentu pantai bagi pengekalan hutan bakau dan menjaga khazanah negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara usaha-usaha dari pihak jabatan dan agensi untuk membantu para nelayan adalah seperti berikut. Yang pertama, melalui Jabatan Perikanan. Sejumlah RM1.5 juta akan diperuntukkan pada tahun 2015 untuk membantu nelayan pantai bagi meningkatkan dan menambah pendapatan melalui aktiviti ternakan kerang-kerangan. Setiap peserta akan menerima peruntukkan bernilai RM25,000.00 berupa kemudahan ternakan. Projek ternakan kerang-kerangan iaitu tiram, kupang dan kerang akan dibangunkan secara kluster yang terdiri daripada 25 orang peserta. Setiap kluster layak untuk menerima peruntukkan berjumlah RM50,000.00. Kluster ternakan kupang akan dilaksanakan di daerah Johor Bahru iaitu di Pulau Nenas dan Telok Kabung. Manakala daerah Batu Pahat pula iaitu di Sungai Ayam dikhaskan untuk ternakan kerang, Telok Sengat, Kota Tinggi pula adalah untuk ternakan tiram dan Sungai Lembam untuk ternakan kupang.

Kedua, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Berikut adalah merupakan rancangan yang telah disusun oleh pihak LKIM untuk dilaksanakan pada tahun 2015. Pertama, Pembinaan Pasar Nelayan. Yang terlibat Kampung Pendas Laut, Gelang Patah; Parit Botak, Batu Pahat; Parit Simen, Batu Pahat; Kompleks Sungai Musuh, Pengerang; Ayer Baloi, Pontian; Pengkalan Rinting, Johor Bahru yang nilai setiap satu RM200,000.00.

Manakala baik pulih rumah nelayan di setiap daerah yang terpilih melalui Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen melibatkan peruntukkan sebanyak RM6,010,000.00. Pemberian elaun sara hidup kepada 5,014 orang nelayan yang melibatkan peruntukkan sebanyak RM16 juta.

Selain dari itu, pihak LKIM juga ada mencadangkan supaya dilaksanakan projek-projek pembangunan seperti mana berikut dan pelaksanaannya adalah bergantung kepada kelulusan peruntukkan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini

adalah cadangan baru kita. Yang pertama, pembinaan jeti nelayan Sungai Arang, Gelang Patah; Sungai Punai, Pontian; Ayer Baloi, Pontian; Sungai Suluh, Batu Pahat; Kampung Muhibah, Batu Pahat; Parit Besar, Batu Pahat.

Seterusnya, Program *Touch Point* melibatkan seramai 20 orang nelayan yang berdaftar dengan e Kasih dengan kos RM20,000.00 diperuntukkan. Seterusnya, Majlis Perbandaran Pasir Gudang juga terlibat dengan membangunkan nelayan-nelayan kawasan nelayan dimana tumpuan diberikan kepada projek-projek menaik taraf pengkalan nelayan di kawasan Pasir Gudang seperti berikut iaitu, Pengkalan Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru. Cadangan membina jeti, tembok penahan di jeti, stor nelayan dan juga mesin memproses kupang iaitu Program Industri Kecil. Pengkalan Nelayan Perigi Acheh iaitu binaan jeti pelantar dan juga stor nelayan. Seterusnya Pengkalan Nelayan Kong Kong. Jeti pelantar dan juga stor nelayan.

Keempat, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Pihak IRDA juga menyedari bahawa kepesatan pembangunan di Wilayan Ekonomi ini perlu bergerak seiring dengan usaha-usaha mempelbagaikan dan memperkasakan ekonomi golongan sasar tersebut terutamanya di kalangan masyarakat nelayan yang menerima kesan terus daripada pembangunan dengan melaksanakan Program Kawan Iskandar Malaysia iaitu KIM dengan matlamat mempelbagaikan dan memperluaskan aktiviti para nelayan ke arah mendapatkan pulangan dengan hasil pendapatan yang lebih lumayan. Program KIM telah dilaksanakan di Kampung Sungai Melayu di Gelang Patah dan juga Kampung Kong Kong Laut, Pasir Gudang dengan aktiviti ekonomi berasaskan ekopelancongan seperti aktiviti ternakan ikan dalam sangkar, restoran asam pedas berasaskan hasil laut, aktiviti ternakan kupang, rumah persinggahan ataupun *homestay* sama ada di darat atau di atas air, aktiviti bot penambang, pengeluaran pelbagai makanan seperti belacan dan cencalok, penghasilan barangan cenderamata dan sebagainya.

Melalui program ini juga, seramai 300 orang peserta telah mendapat manfaat di kampung Sungai Melayu dan 50 orang peserta di Kampung Kong Kong Laut. Secara tidak langsung juga program ini telah berjaya menggamit peningkatan kunjungan pelancong tempatan dan luar negara termasuk dari Singapura, Jepun, Korea Selatan dan beberapa negara Eropah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dari segi infrastruktur usaha-usaha terus dilakukan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan seperti tandas dan *parking*, menaik taraf kemudahan jeti dan sebagainya menerusi kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan agensi-agensi yang berkaitan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Buloh Kasap dan juga Bekok mengenai daerah Segamat untuk dijadikan sebagai hab pertanian dan industri asas tani. Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa siri perbincangan dengan jabatan dan agensi yang berkaitan mengenai Pelan Pembangunan Pertanian Dan Industri Asas Tani Segamat telah pun diadakan. Di antara pihak yang terlibat dalam usaha ini adalah seperti UPEN Johor, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Johor Corporation, Perbadanan Bio Teknologi dan Biodiversiti Malaysia, JBio Tech serta beberapa jabatan kerajaan lain

seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SSI), Pejabat Daerah Segamat, Majlis Daerah Segamat, Pejabat Tanah Segamat, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, Jabatan Perikanan Negeri Johor, Pejabat Tanah Daerah Labis, Pertubuhan Peladang Negeri Johor, Lembaga Pertubuhan Peladang Johor, RISDA, FELCRA, Suruhanjaya Koperasi Cawangan Johor, FELDA Wilayah Johor Bahru dan juga TEKUN.

Pada dasarnya perancangan daripada jabatan dan agensi berkaitan telah pun disenaraikan. Cumanya disebabkan ada beberapa isu berkaitan dengan tanah yang masih di peringkat perbincangan. Maka, berlaku kelewatan dalam melaksanakan pelan tersebut. Tanah-tanah yang dicadangkan oleh SSI tidak sesuai dan terlibat dengan bencana banjir sebelum ini. Penentuan kawasan baru sedang dijalankan oleh SSI dan agensi yang terlibat.

Dalam pada itu, kerajaan negeri juga telah meluluskan pelaksanaan Program Rimbunan Kasih Negeri Johor di daerah Segamat iaitu di PTD 14559 Mukim Labis, Kampung Bukit Mambai, Labis. Lokasi tapak berkenaan dilihat amat sesuai kerana terletak di sebelah jalan utama Labis ke Segamat dan juga jarak yang dekat di kawasan penempatan yang mempunyai kemudahan asas yang diperlukan seperti klinik, sekolah dan lain-lain. Bagi program ini, Unit Penyelarasan Pelaksanaan ICU Jabatan Perdana Menteri telah dilantik sebagai penyelaras di peringkat kebangsaan manakala IRIS Corporation Berhad telah ditetapkan sebagai agensi pelaksana bagi program ini. Objektif program ini adalah untuk memperbaiki taraf kehidupan masyarakat dalam usaha untuk membasmi kemiskinan dan dijangka akan memberi manfaat kepada 100 orang yang berkelayakan. Insya-Allah, sebelum pelan pembangunan ini dimuktamadkan pandangan-pandangan daripada pemimpin setempat akan diambil kira dan dikongsi bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Pemanis ada menyatakan tentang definisi bioteknologi, bio ekonomi. Jadi saya akan cubalah kerana maklumatnya saya dapat daripada *internet*. Jadi, sebenarnya definisi bioteknologi ini menurut dasar teknologi negara bioteknologi digambarkan sebagai medium pemboleh untuk kemajuan dalam industri pertanian dan kesejahteraan serta memberi manfaat yang besar kepada negara. Melalui pembangunan kemahiran aktiviti-aktiviti nilai tambah dan meningkatkan kualiti pelbagai produk dan perkhidmatan. Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BioTech Corp) mendefinisikan bioteknologi dalam dua bentuk yang berbeza. Pertama, ia boleh bermaksud apa-apa teknik yang menggunakan organisma hidup untuk membuat atau mengubahsuai produk, meningkatkan produktiviti tumbuhan atau haiwan atau membangunkan mikroorganisma untuk kegunaan tertentu.

Yang kedua, maksudnya boleh didefinisikan dalam skop yang lebih saintifik, seperti bioteknologi baru nilai tinggi yang melibatkan DNA, gabungan sel dan teknik kejuruteraan *Novel Bio Process* seperti pemindahan gen dan juga manipulasi embrio. Lepas itu, katanya bio ekonomi pula, kepada Pemanis, bio ekonomi pula merujuk kepada semua aktiviti ekonomi yang berasal dari aplikasi komersil berteknologi berterusan. Ia merangkumi pengeluaran sumber-sumber biologi yang boleh diperbaharui dan penukaran sumber tersebut ke dalam makanan-makanan haiwan, bahan kimia, tenaga dan kesihatan, penjagaan kesihatan, produk melalui teknologi yang inovatif yang berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, YB dari Pemanis juga ada membangkitkan mengenai isu tindakan penamatan peserta dari projek TKPM Sekijang. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam mesyuarat khas TKPM Sekijang pada 6 November 2014 terdapat beberapa isu yang dibangkitkan seperti peserta tidak mengusahakan projek dan gagal membayar sewa, di samping isu lain seperti hakisan pada tebing dan juga kawasan tanah yang rendah dan dinaiki air. Oleh yang demikian, mesyuarat telah mengambil keputusan untuk membuat kerja-kerja pengukuran semula lot-lot tanah. Peserta akan dipilih semula berdasarkan temu duga dan hanya peserta yang sedia ada yang aktif diterima dan yang membayar sewaan akan diberi keutamaan. Berdasarkan status operasi penanaman TKPM Sekijang, sebelum ini daripada 72 hektar kawasan untuk tanaman hanya lebih kurang 7 hektar sahaja yang diusahakan dengan bilangan peserta seramai 9 orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Gambir juga ada menyentuh mengenai penglibatan kaum India dalam projek TKPM ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu komited untuk memajukan pengusaha pertanian di kalangan masyarakat India. Buat masa ini, terdapat 10 peserta dari kaum India yang ditempatkan di TKPM-TKPM sedia ada. Jabatan Pertanian ada perancangan untuk membuka kawasan TKPM baru di Mukim Jambi, Segamat. Dan kita akan cuba untuk menempatkan permohonan yang telah dimajukan oleh Yang Berhormat oleh Gambir di TKPM tersebut.

Berhubung dengan usaha untuk menaik taraf TKPM yang sedia ada, yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Bukit Naning, perkara ini telah kita senaraikan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 termasuk berkaitan pembangunan infra seperti bekalan air dan juga elektrik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Buloh Kasap dan Sungai Balang, buat masa ini kadar sewa untuk mesin tuai padi dan kenderaan membajak yang ditetapkan oleh PPNJ adalah RM130.00 dan harga ini termasuk insentif yang diberikan oleh kerajaan sebanyak RM40.00. Apa yang difahamkan Jawatankuasa Sawah atau Pekebun yang akan mengawal harga sewaan tersebut. Dalam hal ini, Jawatankuasa Sawah atau Pekebun perlu memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan pesawah bagi setiap urusan sawah ataupun kebun supaya harga sewaan bajak seperti harga sewaan bajak dan juga tuaian. Berkenaan kilang memproses padi, buat masa ini terdapat sebuah kilang padi di Muar iaitu Jelapang Selatan. Pengusaha sawah akan menghantar padi ke kilang tersebut atau kilang di negeri Melaka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Senggarang ada mencadangkan supaya Muzium Nanas ini di naik taraf dan menjadikan ladang nanas sebagai produk agro pelancongan. Berkenaan usaha untuk menaik taraf Muzium Nanas, saya akan mendapatkan pandangan daripada jabatan dan agensi yang berkaitan supaya satu peningkatan dapat diambil dalam merealisasikannya sebagai salah satu destinasi pelancongan di negeri Johor. Begitu juga dengan cadangan untuk mewujudkan muzium buah-buahan yang lain mengikut daerah. Mewujudkan agro pelancongan di ladang-ladang selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor untuk mempertingkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha dalam negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat juga, ladang nanas di Pusat Pembangunan Teknologi Tanaman Nanas di Alur Bukit boleh dijadikan destinasi agro pelancongan kerana di situ

terdapat pelbagai *variety* nanas, mini kilang, pusat pengumpulan buah nanas, makmal bioteknologi dan pada tahun 2015 akan dijadikan sebagai Pusat Latihan NATC MOA di samping ladang-ladang nanas berdekatan yang berpotensi untuk dijadikan tempat lawatan kepada pelancong-pelancong dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita amat menghargai usaha-usaha berterusan yang dijalankan oleh Yang Berhormat dari Sungai Balang di dalam merubah kawasan yang kaya dengan khazanah dengan menjadikannya sebagai pusat agro dan ekopelancongan. Cadangan dan kegigihan YB dari Sungai Balang tentunya disambut baik bukan sekadar merancang di dalam Dewan ini tetapi menyerahkan kepada saya kertas cadangan yang mengandungi aktiviti-aktiviti dan tempat cadangan.

Bak kata pepatah lama ada menyatakan, "Matlamat yang tidak ditulis adalah sekadar harapan". Oleh itu, pendekatan yang diambil oleh YB dari Sungai Balang menunjukkan yang beliau adalah komited dan mempunyai versi tersendiri untuk membangunkan kawasannya. Sehubungan dengan itu, kertas projek bersepadu yang dinamakan Laman Alam Jaya tersebut akan saya panjangkan untuk mempertimbangkan dan penilaian dari pihak Unit Perancang Ekonomi Johor supaya dapat dijayakan dan direalisasikan. Tahniah kepada YB.

Yang Berhormat Dato' Speaker, YB dari Serom ada membangkitkan mengenai isu kawalan harga sayur melibatkan pembelian melalui orang tengah dengan harga yang rendah. Bagi menangani isu, FAMA melalui Program Ladang Kontrak akan membantu petani untuk membeli hasil pertanian mereka mengikut harga pasaran berdasarkan kualiti hasil yang dikeluarkan. Selain dari itu, terdapat juga Program Pengukuhan Bekalan Ladang Terus kepada pengguna di mana pihak FAMA akan memadankan petani dengan pemasar sama ada peniaga pasar tani, peruncit dan lain-lain tanpa melalui orang tengah. Kadar ini memendekkan rantaian bekalan dan petani akan dapat harga yang lebih baik manakala pengguna akan dapat beli barangan pada harga yang berpatutan.

Berkenaan dengan cadangan pembinaan kilang padi di Serom, perkara tersebut didapati tidak bersesuaian kerana kilang yang berdekatan telah ada. Projek Sawah Padi di Kesang tempat YB Serom telah dicadangkan untuk Program Agro Pelancongan untuk Daerah Ledang. Pihak MARDI akan terus membantu serta memantau aktiviti pesawah di kawasan Sungai Kesang ini. Begitu juga dengan isu nelayan di Serom, isu yang dibangkitkan oleh Serom, isu nelayan sungai yang tidak berdaftar di kawasan Serom. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum ini seramai 503 nelayan darat sepenuh masa telah didaftarkan dengan Jabatan Perikanan. Walau bagaimanapun, setelah kerajaan mengumumkan Elaun Bantuan kepada Nelayan Sungai, Jabatan Perikanan sedang dan akan mengadakan semakan semula terhadap semua pendaftaran Nelayan berkenaan dengan mengambil kira syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Berkenaan isu kehilangan bot, memang tidak ada bantuan untuk menggantikan bot berkenaan. Namun, bagi nelayan berkenaan boleh mendapatkan pinjaman daripada TEKUN untuk membeli bot yang baru dan haruslah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bukit Naning yang selama ini menyokong penuh program-program berkaitan pertanian yang kerajaan negeri anjurkan. Berkaitan

cadangan agar Program Agro Johor dan pameran pertanian diperluaskan. Perkara tersebut memang ada di dalam perancangan dan kita bercadang untuk mengadakan di luar daripada Negeri Johor. Berkenaan cadangan supaya Program Tanah Terbiar diletakkan di bawah agensi seperti LPP. Suka saya menyarankan agar sekiranya mana-mana pertubuhan peladang kawasan yang memerlukan tanah untuk dibangunkan dengan projek pertanian bolehlah berhubung dengan Jabatan Pertanian untuk mendapatkan informasi tersebut.

Untuk kita mempromosikan IKS dan Produk Pertanian Negeri Johor, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa pada 22 November hingga 30 November, pameran MAHA akan diadakan di MAEPS Serdang. Dan kita di Johor, Kerajaan Negeri Johor telah memberi peruntukan dan kita terlibat sama dalam pameran di Pavilion Johor. Jadi saya jemput Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk berkunjung ke Rumah Johor yang telah kita terlibat sama dalam Program MAHA ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah penjelasan saya atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri di Dewan yang mulia ini sepanjang sekmen perbahasan. Saya memohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang dalam penjelasan saya. Sekian akhir kata, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya sudahi Assalamulaikum Warahmatullah hiwarabakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Pertanian dan Industri Asas Tani, kita teruskan sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahiramanirahim, Assalamulaikum Warahmatullah hiwarabakatuh, Salam sejahtera, Salam Muafakat Johor, Yang Berhormat Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta sidang Dewan sekalian. Sebelum saya mulakan pergulungan izinkan saya merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas Pembentangan Bajet 2015 dengan begitu baik sekali. Di dalam Bajet 2015 ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Johor telah merangkakan satu pelan kewangan dan pentadbiran yang begitu komprehensif serta sistematik.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tema Bajet 2015 Membangunkan Johor secara inklusif yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor jelas menunjukkan Kerajaan Negeri Johor yang dipimpin oleh Barisan Nasional begitu prihatin dan sentiasa mendengar suara hati rakyat. Buktinya menerusi Bajet 2015, Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan peningkatan penyediaan Rumah Mampu Milik Johor daripada 28,000 unit kepada 37,000 unit yang dijangka akan siap sebelum tahun 2018. Selain itu selaku Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang sentiasa berusaha untuk membantu mengurangkan bebanan rakyat utamanya bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk berpeluang memiliki rumah sendiri.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri begitu prihatin terhadap keperluan rakyat yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah, maka dengan itu

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan skim sewa beli dengan menyasarkan sebanyak 5000 unit bagi tahun 2015 melalui Majlis Agama Islam (MAIJ) serta syarikat-syarikat di bawah Kerajaan Negeri GLC. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga tidak terlepas pandang kepada penjawat-penjawat awam yang ingin memiliki rumah kediaman mereka sendiri. Justeru, di bawah Projek Perumahan Awam 1Malaysia (PP1M), Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah mensasarkan pembinaan 2000 unit rumah pada tahun hadapan. Dan dijangka akan siap pada tahun 2017. Bajet 2015 yang telah dibentangkan baru-baru ini juga telah tidak melupakan golongan berpendapatan pertengahan. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah meningkatkan had minimum kelayakan pendapatan isi rumah bagi pembelian rumah milik Johor dengan peningkatan RM6,000.00 kepada RM8,000.00 Manakala kedai kos sederhana dengan peningkatan daripada pendapatan RM7,000.00 kepada RM8,000.00 isi rumah.

Demi merasai bersama denyut nadi rakyat Johor, kerajaan negeri juga peka dan sedar akan kos yang terpaksa ditanggung oleh pembeli rumah mampu milik Johor. Maka, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif bagi mengurangkan beban kos pembelian rumah dengan memberi baucer bernilai RM1,000.00 kepada setiap pembeli yang mana baucer itu sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban kos persediaan awal untuk memiliki rumah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pembangunan bukan saja diukur dari segi aspek ekonomi, pendidikan, sosial, politik malah aspek persekitaran yang lestari juga merupakan pemacu sesuatu pembangunan yang mampan. Diriwayatkan dari Saad bin Abi Waqas dari bapanya dari Rasulullah S.A.W. sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala itu suka yang menyukai hal-hal yang suci. Dia maha bersih yang menyukai kebersihan. Dia maha mulia yang menyukai kemuliaan. Dia maha indah yang menyukai keindahan. Kerana itulah bersihlah tempat-tempatmu. Hadis riwayat Tarmizi. Kebersihan merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan harian kita. Kerajaan negeri Johor sentiasa berusaha untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan selesa untuk rakyat negeri Johor. Program Johor Bersih dan Lestari 2015 seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam pembentangan Bajet 2015 merupakan satu inisiatif pihak kerajaan negeri bagi mewujudkan satu perubahan persekitaran yang lestari serta kualiti kesihatan rakyatnya yang setanding dengan negara-negara maju serta mewujudkan budaya masyarakat Johor yang mencintai kebersihan. Namun, sesuatu kejayaan itu tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama dari setiap rakyat negeri Johor ini. Pelbagai pihak harus bersama menggalas tanggungjawab menjaga kebersihan di negeri Johor. Saya yakin dan percaya, Kempen Johor Bersih dan Lestari ini dapat dicapai jika kita bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran, sama ada di rumah, sekolah, pejabat mahupun di mana-mana.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor yang dipimpin oleh seorang yang menitikberatkan aspek kebersihan dengan memperuntukkan dana sebanyak RM5 juta, kerajaan negeri dapat memperbanyakkan program kebersihan seperti aktiviti gotong-royong, pendidikan kelestarian, kempen-kempen kesihatan dan lain-lain demi membangunkan negeri Johor yang bersih dan mampan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya melihat Bajet 2015 banyak membantu rakyat negeri Johor yang amat memerlukan bantuan dan sokongan daripada pihak kerajaan negeri. Inilah buktinya keprihatian kerajaan negeri Johor bukan saja diungkap dengan kata-kata malah melalui perbuatan serta pencapaian yang telah diperolehi sepanjang kerajaan Barisan Nasional pemerintah negeri Johor. Bukan ingin mendabik dada dan bermegah, namun kita ingin menunjukkan hasil yang dapat dinikmati oleh setiap rakyat Johor sepanjang kerajaan Barisan Nasional memerintah agar pihak pembangkang buka mata hati untuk mengakui bahawa selama ini kerajaan negeri sentiasa mendengar denyut nadi rakyat Johor dan menjaga kebajikan mereka demi kelangsungan generasi akan datang dengan semangat muafakatan Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas dan portfolio Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor sepanjang Mesyuarat Kedua Bajet 2015 Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-13 yang berkaitan dengan portfolio saya.

Pertama, izinkan saya menjawab perkara-perkara yang membangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkaitan isu perumahan. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Enakmen Lembaga Perumahan dan Harta Tanah Negeri Johor telah pun diluluskan pada sidang Dewan yang lepas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini enakmen tersebut sedang dalam tindakan untuk mendapatkan semakan berkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan sebelum pewartaan. Dari segi pewartaan pula, ianya telah pun dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan waran penjawatan. Pembangunan Sistem Persediaan Maklumat juga sedang dibangunkan dengan kerjasama Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor dan Pejabat SUK Perumahan. Insya-Allah sekiranya berjalan lancar Lembaga Perumahan dan Harta Tanah Negeri Johor akan mula berkuat kuasa sebelum pertengahan tahun 2015.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dengan adanya Lembaga Perumahan dan Harta Negeri Johor atau ringkasnya LPHJ, maka kita boleh menubuhkan satu anak syarikat di bawah LPHJ khusus membina rumah-rumah kos rendah dan rumah milik. Untuk itu, saya bersetuju dengan cadangan yang diusulkan oleh ADUN Kukup, mungkin juga boleh dicadangkan kepada kerajaan supaya kuota 40% pembinaan rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang disyaratkan kepada pemaju perumahan dan tanah-tanah tersebut diambil oleh anak syarikat LPHJ dan pemaju dikenakan juga bayaran sumbangan tertentu. Pembinaan rumah-rumah tersebut seterusnya akan dimajukan oleh syarikat LPHJ tersebut. Dengan cara ini, pemaju tidak dapat mengelak daripada tanggungjawab untuk membina rumah kos rendah dan mampu milik.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, permintaan rumah-rumah mampu milik sejak akhir-akhir ini telah meningkatkan secara mendadak. Ini adalah disebabkan oleh arahan-arahan yang giat dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan pemaju-pemaju perumahan tidak alpa dalam membina rumah mampu milik yang telah disyaratkan oleh kerajaan kepada mereka. Dengan adanya sistem pendaftaran rumah atas talian online atau E-rumah Johor telah merancakkan lagi permintaan ini. Berdasarkan permohonan yang telah berdaftar di SUK Bahagian Perumahan, permintaan terhadap rumah-rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah-rumah mampu milik terdapat di kawasan bandar,

pinggir dan juga luar bandar. Pendaftaran permohonan adalah mengikut zon-zon kawasan yang telah ditetapkan mengikut daerah.

Bagi pembangunan rumah-rumah kategori ini, kerajaan tidak pernah memikirkan dari segi pelaksanaannya di pinggir dan luar bandar. Kerajaan sedaya upaya mencari jalan bagi memastikan agar kawasan ini juga dibina rumah-rumah tersebut bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Kerajaan negeri dalam ucapan Bajet tahun 2014 telah mensasarkan pelan rumah-rumah mampu milik sebanyak 28,000 unit untuk tempoh hingga 2018. Walau bagaimanapun, dengan kerencatan permohonan terhadap perubahan kepada rumah mampu milik ini maka sasaran telah dipertingkatkan kepada 37,000 unit.

Kerjasama antara jabatan-jabatan yang terlibat amat perlu bagi memastikan dasar kerajaan untuk membina rumah mampu milik ini berjaya disasarkan. Dengan mengenal pasti pemaju di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang tapi belum membina rumah kos rendah dan rumah mampu milik. Pihak pemaju telah diarahkan agar segera membinanya. Terdapat juga inisiatif yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menandatangani MOU antara PBT dan juga pihak pemaju terhadap pelaksanaan pembinaan rumah mampu milik ini. Pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan dari Pihak Berkuasa Tempatan dapat membantu agar pemaju menyegerakan pembinaan rumah mampu milik ini. Selain daripada itu, pihak kerajaan juga sedang mengenal pasti tanah-tanah kerajaan, bukan sahaja di kawasan bandar malah di kawasan luar bandar yang sesuai untuk dibangunkan rumah mampu milik ini. Mana-mana tanah yang sesuai akan dibangunkan projek perumahan, sama ada secara penswastaan ataupun dibangunkan oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri. Selain bercadang untuk dibangunkan rumah mampu milik, ada juga cadangan agar dibina projek perumahan rakyat PPR untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sejurus pentadbiran kerajaan negeri Johor diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi dan SUK Perumahan telah mendapati sebanyak 180,000 unit rumah kos rendah mahupun rumah mampu milik yang gagal dibina oleh pemaju perumahan Negeri Johor. Justeru di bawah perjanjian pembangunan yang baru, kerajaan negeri telah mengambil insentif untuk memastikan pembinaan rumah kos rendah ini dibina selari dengan komponen rumah perumahan yang lain. Di dalam perjanjian tersebut Pihak Berkuasa Tempatan diberi kuasa tidak meluluskan sebarang bentuk permohonan pembinaan bangunan yang baru termasuk permohonan pelepasan lot bumiputera, kelulusan kebenaran merancang dan sebagainya. Langkah drastik ini diambil untuk membuktikan keseriusan pihak kerajaan dalam memastikan pemaju-pemaju yang gagal membina rumah kos rendah ini menjalankan tanggung jawab mereka. Inisiatif yang drastik ini sememangnya membuahkan hasil apabila terdapat beberapa pemaju yang terlibat telah menghantar permohonan untuk meneruskan pembangunan rumah kos rendah seperti yang dijanjikan. Manakala ada beberapa pemaju lain pula telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk menukar perancangan pembinaan kos rendah mereka kepada segmen pembinaan rumah mampu milik Johor.

Menerusi kadar ini, kerajaan telah menetapkan penalti kepada 2 jenis permohonan oleh pemaju. Pemaju-pemaju yang mohon untuk mengurangkan jumlah unit pembangunan rumah kos rendah kepada segmen rumah mampu milik Johor akan dikenakan penalti sebanyak 7,500 unit. Manakala bagi permohonan pemaju untuk tidak langsung membina rumah kos rendah seperti termaktub dalam kebenaran merancang sesuatu permohonan di mana untuk membayar bayaran gantian RM40,000.00 unit dan tanah permohonan diserahkan kepada kerajaan negeri untuk dibangunkan. Walau bagaimanapun, dengan dasar dan inisiatif baru yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri ini, kerajaan negeri telah menerima banyak permohonan untuk pemaju bagi meneruskan pembangunan rumah kos rendah mahupun menukarkan kepada segmen rumah mampu milik. Pemaju juga dikehendaki untuk menandatangani satu perjanjian 3 pihak antara kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju bagi mengikat pemaju untuk memastikan pembinaan perumahan rumah mampu milik Johor dibina selari dengan pembinaan komponen-komponen lain.

Justeru sehingga hari ini, jumlah kos rendah yang tidak dibina oleh pemaju menurun kepada 112,780 unit yang masih belum dibina oleh pemaju perumahan di Negeri Johor. Maka dengan itu, sasaran setiap rumah mampu milik sehingga ke hari ini telah meningkat daripada 28 kepada 37,000 unit. Kerajaan negeri percaya jumlah ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa hasil kerjasama dari pihak pemaju dan kerajaan Negeri Johor. Maka dengan itu, kerajaan negeri akan terus memantau memastikan permohonan rumah kos rendah dan rumah mampu milik ini bergerak sejajar dengan jumlah permintaan rakyat Johor yang ingin memiliki rumah sebanyak 52,779 permohonan. Mengikut data yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negeri Johor, sebanyak 1,289 unit akan siap dibina pada tahun 2014. 4,667 unit pula akan dibina pada tahun 2015, manakala pada tahun 2016 pula, sejumlah 5,191 unit perumahan akan siap dibina. Mengikut perancangan pada tahun 2013 hingga 2018 sebanyak 27,497 unit perumahan akan siap dibina yang menjadikan jumlah keseluruhan unit rumah yang dijangka siap adalah sebanyak 38,939 unit dan jumlah ini adalah ini selari dengan sasaran kerajaan negeri untuk menyediakan 37,000 unit rumah mampu milik menjelang tahun 2018.

Berkaitan dengan perkara yang diusulkan oleh pakatan pembangkang berhubung dengan fokus bagi penyelesaian pinjaman rumah mampu milik Johor. Kerajaan negeri sebenarnya telah sedia ada merangka dan menguatkuasakan satu bentuk dasar perumahan yang lebih bersesuaian dengan keperluan semasa rakyat dengan pelaksanaan di kawasan Iskandar Malaysia, pada 1 April 2014 dan diperluaskan di seluruh negeri Johor pada Januari 2014. Pada masa ini, hanya 40% keseluruhan unit perumahan dan harta tanah yang dibangunkan dikenakan syarat pembinaan perumahan mampu milik Johor. Manakala baki 60% pemaju dibenarkan melakukan penjualan berdasarkan pasaran terbuka dan pemaju lazimnya akan memperolehi keuntungan daripada penjualan perumahan sektor ini. Sebahagian daripada keuntungan ini akan digunakan bagi menampung subsidi pembinaan perumahan mampu milik Johor. Oleh yang demikian, tidak timbul isu pemaju perlu diberi sebarang insentif tambahan bagi melaksanakan perumahan mampu milik Johor. Tambahan pula, mulai dasar transaksi yang dibenarkan oleh pihak pemaju dibenarkan menyertai baru dasar ini dengan insentif tertentu, di dalam satu tempoh masa yang ditetapkan bagi menggalakkan pembinaan rumah mampu milik Johor yang didapati

sebahagiannya telah melebihi tempoh 10 tahun daripada tarikh yang sepatutnya dilaksanakan.

Melalui dasar baru ini juga setiap penetapan harga dan spesifikasi rumah di teliti bagi memastikan hasrat kerajaan negeri menyediakan rumah perumahan mampu milik yang kondusif dan mampu dimiliki tercapai. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Khas *task force* perumahan daerah dan negeri sentiasa memantau pelaksanaan rumah mampu milik Johor bagi mempastikan ianya dapat memenuhi sasaran kerajaan negeri bagi membina 37,0000 unit perumahan mampu milik dalam tempoh 5 tahun, 2014-2018.

Seterusnya ingin saya menarik perhatian Ahli-Ahli Dewan yang mulia berhubung dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berhubung dengan cadangan ADUN Skudai supaya PBT membina lorong khas bagi penunggang motorsikal, basikal di kawasan perumahannya bertujuan bagi mengurangkan kemalangan jalan raya. Pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah telah menyediakan perancangan untuk membina laluan pejalan kaki di dalam kawasan pentadbirannya secara berperingkat pada setiap tahun mengikut keutamaan. Bagi Jalan Sri Pulai, Taman Sri Pulai pembinaan laluan pejalan kaki telah dimasukkan dalam perancangan tahun 2015 yang melibatkan kos berjumlah RM200,000.00. Mengenai cadangan mewujudkan zon khas di kawasan perumahan dan perindustrian bagi meletakkan bas pekerja dan kenderaan berat, pihak majlis ada mensyaratkan penyediaan rizab tempat letak kenderaan berat semasa meluluskan permohonan kebenaran merancang. Untuk makluman pada tahun 2015, pihak MPJBT akan membina tempat meletak kenderaan berat di beberapa lokasi termasuk di Taman Sri Pulai, Taman Sri Orkid dan Taman Bukit Indah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh ADUN Parit Yani, mengenai masalah loji kumbahan di Taman Putera Indah yang masih belum berfungsi. Di maklumkan bahawa loji rawatan kumbahan ini telah diserahkan kepada pihak Indah Water Konsortium pada 16 Disember 2013. Kelewatan kerja-kerja pembaikan loji kumbahan ini adalah disebabkan projek ini terbengkalai dan pemaju asal Taman Putera Indah iaitu Jasa Vista Sdn Bhd telah digulung syarikatnya sejak bulan April tahun 2012. Kerja-kerja membaik pulih telah dibuat meliputi kerja-kerja pemulihan STP sedia ada. Kerja-kerja pemulihan dua *pumping station* sedia ada dan kerja-kerja pembaikan pembentungan utama. Bagi tujuan tersebut pihak Kementerian Bandar Perumahan Bandar dan Kajian Tempatan Malaysia (KPKT) telah melantik syarikat YMM Builders Sdn Bhd secara tender terbuka untuk membaik pulih STP termasuk paip-paip pembentung keseluruhan projek tersebut. Pihak KPKT dan pihak pemaju LBS Bina Sdn Bhd telah bersetuju untuk berkongsi pengurusan projek ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menjawab perkara yang dibangkit oleh YB ADUN Kempas. Adalah Di maklumkan bagi mengimbangi pembangunan yang semakin pesat di sepanjang kawasan persisiran pantai Selat Tebrau, kerajaan melalui beberapa agensi berkaitan telah melaksanakan kajian Pelan Induk Koridor Pembangunan Selat Tebrau dan Johor (KPSTJ) 2030. Kajian ini bukan

rangka kerja pembangunan kawasan Pantai Selat Tebrau dan Johor bagi tempoh 16 tahun bermula tahun 2014 hingga 2030. Kawasan koridor ini meliputi kawasan keseluruhan sempadan antarabangsa, pesisiran air yang berhadapan dengan negara jiran Singapura, bermula daripada Tanjung Piai hingga Pulau Juling di lembangan Sungai Johor dengan keluasan 166,544, 70 ekar. Rangka kerja permohonan ini juga adalah selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru, pengubahan RTDJB 2020 dan Rancangan Pembangunan Komprehensif CDP2 IRDA 2025. Kawasan KPGST ini menggabungkan pelbagai kategori guna tanah yang perlu dibangunkan selaraskan dengan strategi pengantarabangsaan Iskandar Malaysia. Bersesuaian dengan lokasi yang strategik kawasan ini akan dibangunkan menjadi sebuah koridor pembangunan persisiran air *waterfront* bertaraf antarabangsa yang merangkumi pelbagai pertumbuhan baru yang *vibrant* berasaskan sumber air dan alam sekitar. Konsep pembangunan *waterfront* KPSTJ di atas adalah selaras dengan konsep pembangunan mampan pesisiran air negara-negara maju seperti Singapura, China, Kanada dan Australia.

Antara elemen utama yang akan diadaptasikan dalam bidang pelan induk KPSTJ 2030 ini adalah konsep pembangunan persisiran air dan teknologi hijau, pembangunan bandar ekonik, pembangunan *centre* persisiran air, pembangunan *courses sensitive* alam sekitar dan pelabuhan hijau. Pada dasarnya pelan induk KPSTJ 2030 dirancang seiring dengan matlamat mengantarabangsakan dan pembangunan mampan Wilayah Iskandar Malaysia.

Di samping itu, pendekatan pembangunan KPSTJ akan menggariskan jadual guna tanah utama dan tujuh kawasan pembangunan khas, penekanan permohonan memfokuskan kepada perincian guna tanah utama dan tujuh kawasan pembangunan khas ataupun *Special Development Area*, SDA dengan izin, SDA tambakan, SDA Zon antarabangsa, SDA berketinggian tinggi, SDA reakrasi bertaraf wilayah, SDA perumahan mampu milik, SDA keselamatan, SDA utiliti bersepadu. Penyediaan pelan induk KSPSTJ 2030 ini adalah kesan daripada peningkatan institusi pembangunan di sekitar persisiran air Selat Tebrau dan Johor. Pelbagai isu telah dikenal pasti sekitar laporan projeknya berselerak dan tidak diintegrasikan dengan pembangunan bersebelahan.

Selain itu, berlaku beberapa isu kritikal pengurusan dan pengawalan pembangunan kawasan tanah penambakan di sepanjang kawasan persisiran Selat Tebrau Johor. Pembangunan projek mega dan penambakan kawasan persisiran selat secara besar besaran perlu menimbangkan kepentingan alam sekitar, hak rizab orang Melayu, hak orang awam kepada asis air dan lain-lain berdekatan pembangunan *spartial* lebih terkawal dan berintegrasi. Merujuk kepada isu dan senario pembangunan di atas adalah jelas satu perancangan strategik diperlukan untuk pembangunan guna tanah KPSTJ agar ia lebih terancang dan mampan. Jesteru, penyediaan pelan induk KPSTJ ini bermatlamat untuk mengawal permohonan koridor Selatan Tebrau, Selat Tebrau dan Johor secara komprehensif dengan tumpuan khusus kepada aktiviti tambakan di sepanjang pinggiran air dan lambangan sungai-sungai utama. Maka tumpuan kajian adalah menjurus kepada kawasan-kawasan tambakan yang terdapat sepanjang persisiran air dalam kawasan KPSTJ ini. Laporan kajian ini akan dijodikan garis panduan utama untuk menyelaras dan mengawal pembangunan semasa dan akan datang terutamanya bagi kawasan-kawasan tambakan di sepanjang persisiran pantai Selat Tebrau dan Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh ADUN Jorak berkaitan dengan penempatan pekerja warga asing, indek kebersihan tempat tinggal pekerja asing Di maklumkan bahawa senario pekerja asing ini bukanlah pekara baru dan sangat sinonim dengan kebanjiran pekerja asing di negara kita. Sama ada dengan atau tanpa izin. Terutamanya dalam sektor pembinaan dan perindustrian. Walaupun terdapat dasar kerajaan yang menekankan kepentingan penyediaan tempat tinggal yang bukan sahaja dapat memenuhi keperluan fizikal, mental dan spiritual kepada para pekerja, namun dasar ini seiring di ditepikan dan tidak dianggap memberikan memberi pulangan kepada majikan yang rata-rata lebih mementingkan keuntungan atau dengan izin, *profit oriented*. Akibatnya wujudlah pembangunan *seniti neighborhood* yang kadang-kadang tidak ubah seperti sebuah kem tahanan.

Di kawasan Majlis Perbandaran Muar, MPM, keadaan ini berlaku disebabkan kegagalan pihak majkan mengadakan kemudahan perumahan pekerja dengan ruang penghuni yang mencukupi, teratur, sihat, selamat untuk didiami. *Trend* permohonan terdahulu yang tidak mengambil kira perumahan kerja dalam sesebuah kawasan perindustrian telah mengakibatkan kawasan perindustrian yang hanya menempatkan premis-premis kilang sahaja. Manakala kediaman pekerja di tempat di mana-mana kawasan pinggiran yang tersedia. Kebanyakkan kediaman pekerja ini tidak dirancang dengan teliti, dibangunkan secara berperingkat dan hanya dianggap sebagai satu yang bersifat sementara tanpa usaha yang bersungguh-sungguh. Keadaan ini lebih buruk lagi, di kawasan-kawasan luar zon industri atau kilang haram yang menempatkan sub kontraktor kepada kilang induk dalam satu rangkaian industri yang dalam satu rangkaian industri. Pengambilan pekerja asing dibuat oleh kilang induk terbabit.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jangan gopoh sangat YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat tak faham nanti.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Pengambilan pekerja asing dibuat oleh kilang induk terbabit dan diagihkan kepada sub kontraktor yang beroperasi secara haram di kawasan pertanian dan kediaman. Oleh kerana kebanyakan mereka beroperasi di atas lot-lot tanah yang disewa dan saiz yang terhad, kemudahan pekerja tidak dapat disediakan dengan sewajarnya.

Untuk mengatasi masalah persediaan ruang tempat tinggal, mereka terpaksa membina pondok, rumah, kotai di atas industri tersebut atau dibenarkan tidur dalam bangunan kilang. Pengusaha kilang yang besar, *multinational* pula berusaha menyewa rumah-rumah, kedai-kedai untuk dijadikan asrama pekerja. Konflik nilai dan budaya sering mencetuskan masalah antara pekerja-pekerja ini dengan penghuni kawasan sekitar.

Untuk makluman juga, sehingga kini masih belum ada kayu pengukur atau garis panduan tahap kebersihan premis-premis penginapan warga asing. Walau bagaimanapun, MPM telah mengambil alternatif dengan mengadakan sesi taklimat

kebersihan bagi penginapan pekerja-pekerja kepada wakil pekerja dan wakil pengurusan kilang dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Muar pada 13 November 2013 bertempat di Klinik Kesihatan Parit Jawa. Usaha ini akan dipanjangkan secara berkala.

Selanjutnya, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Pasir Raja, mengenai peranan PBT dalam memberi kelulusan pemasangan struktur iklan luar. Di maklumkan, bagi setiap permohonan pemasangan struktur iklan luar, termasuk iklan di jejantas yang diterima ialah menyemak, memproses permohonan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan termasuk menyemak pelan struktur iklan-iklan beserta pengiraan borang A, iaitu borang perakuan daripada jurutera bertauliah untuk disemak daripada segi kekuatan struktur iklan tersebut sebelum sebarang kelulusan dikeluarkan. Dari segi kesesuaian lokasi yang dicadangkan, kebiasaannya Pihak Berkuasa Tempatan akan mengikut garis panduan papan iklan luaran GP 21 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, (JPBD). Pihak PBT tidak sewenangnya meluluskan suatu kawasan atau jejantas sekiranya lokasi yang dicadangkan tidak sesuai dan tidak mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan dan kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Kebiasaannya, bagi pihak bagi mana-mana papan iklan termasuk iklan jejantas yang tidak mempunyai lesen dan struktur iklan tidak selamat untuk digunakan, Pihak Berkuasa Tempatan berhak mengeluarkan notis meroboh struktur binaan kepada pemilik iklan tertakluk kepada Undang-Undang Kecil bagi setiap PBT. Dari segi penggunaan Bahasa Malaysia, terdapat papan iklan waran pula. Pihak berkuasa tempatan mengambil serius perkara ini demi memartabatkan Bahasa Malaysia yang merupakan bahasa kebangsaan dari segi prosedur. Salah satu syarat yang diperlukan dan sebelum kelulusan ialah setiap penggunaan visual dan perkataan yang dicadangkan, pihak pemohon dikehendaki mendapatkan pandangan dan pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka terlebih dahulu. Sekiranya pengesahan diperolehi dan kelulusan diberikan salah satu syarat PBT ialah penggunaan Bahasa Malaysia mestilah menjadi bahasa utama papan iklan dengan saiz mestilah 2 kali lebih besar dari lain-lain bahasa.

ADUN Pasir Raja juga, mencadangkan supaya kajian semula enakmen hiburan dan tempat-tempat hiburan. Di maklumkan bahawa kerajaan negeri sedang dalam proses mengkaji keperluan setiap lesen hiburan yang dikeluarkan dan tafsiran yang diguna pakai dengan mengambil kira pandangan jabatan atau agensi yang berkaitan seperti Pejabat Daerah, Polis Diraja Malaysia, PIHAK BERKUASA TEMPATAN dan juga NGO. Ini adalah kerana lesen khas bagi perjudian adalah berbeza dengan tafsiran lesen permainan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh ADUN Stulang, mengenai hak milik strata, rumah pangsa Stulang Laut. Adalah Di maklumkan Kompleks Zon Bebas Cukai merupakan projek penswastaan antara kerajaan negeri Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Kelana Megah Sdn Bhd yang telah ditandatangani pada 11 November 1992. Tanah di lot PTB 10707 dan PTB 10710 telah dipajak kepada pihak KMSB, bagi tempoh 99 tahun yang akan berakhir 30 Oktober 2092.

Pada 5 Jun 2012, pihak Pentadbir Tanah Johor Bahru memaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Hasil Bumi bertarikh 14 Mac 2012 telah bersetuju permohonan serah balik guna semula, SBKS, PTB 10710, HS (D) 19350 diluluskan dengan

pecahan berikut : Pecahan Lot 1, keluasan, 1.69 ekar pemilik MBJB, rumah pangsa 3 blok ; Lot 2, keluasan 4.61 ekar, pemilikan MBJB dipajakkan kepada Naluri Corporation. Lot 3, 0.285 ekar, pemilikan pada MBJB dipajakkan kepada Naluri Corporation. Rizab jalan 0.630 ekar, pemilikan dikembalikan kepada kerajaan negeri.

Di atas plot 1, terdapat 3 blok rumah pangsa kos rendah yang terdiri daripada 90 unit rumah. Rumah-rumah tersebut telah dijual dengan harga RM7,500.00 setiap unit dan bayaran dibuat secara ansuran selama 16 tahun 5 bulan dengan pembayaran pendahuluan RM1,567.00 pada tahun 1960 an. Sehingga kini pemilik rumah pangsa tersebut masih belum memiliki hak milik strata bagi tempoh yang dibeli oleh mereka. Permohonan serah milik kurnia (SBKS PTB 1071 SSD 19350) telah dikemukan kepada pihak kuasa negeri untuk perakuan semula atas sebab-sebab tertentu. Manakala permohonan hak milik strata untuk penduduk akan dapat dilaksanakan apabila kelulusan dan perakuan serah milik serah balik, SBKS diperolehi daripada pihak berkuasa negeri.

Seterusnya, bagi menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan pusat Bandaraya Johor Bahru, beberapa cadangan dikemukakan. Cadangan ini merupakan cadangan jangka pendek, jangka panjang serta merangkumi semua arah masuk ke pusat bandar raya Johor Bahru. Bagi langkah jangka pendek, cadangan pertama adalah penyewaan tempat letak kereta sebanyak 1,300 petak di bangunan terbelangkai Lot 1, penyewaan tempat letak kereta sebanyak 2,000 petak di tanah kosong persendirian seluas 6.5 ekar di Jalan Tebrau ataupun Jalan Tebrau, Jalan Serampang. Manakala bagi langkah jangka panjang pula, cadangan bagi membina tempat letak kereta bertingkat diperlukan bagi menampung jumlah kenderaan yang semakin meningkat pada masa hadapan. Justeru, beberapa lokasi dikenal pasti bagi pelaksanaan cadangan ini termasuklah di atas sebahagian tanah Penjara Air Molek, 8.215 ekar. Lot tanah kosong milik Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor di Jalan Khaled Abdullah, 0.8 ekar. Wisma Persekutuan Jalan Air Molek, 5.76 ekar. Tanah Majlis Bandaraya Johor Bahru di Jalan Ibrahim dengan keluasan 1.331 ekar serta tanah *Johor Corporation*, pusat Bandaraya Johor Bahru yang ada pada masa ini dijadikan tempat letak kereta berbayar bagi kegunaan UTC iaitu Pusat Transformasi Bandar Galeri Kotaraya. Cadangan lokasi tapak letak kereta bertingkat ini adalah dalam jarak yang mempunyai *asetbility* dengan laluan pengangkutan awam yang tinggi yang dapat menjamin keselamatan kepada pengguna. Selain itu, lokasi yang dicadangkan juga mempunyai kemudahan sokongan sedia ada yang perlu dinaik taraf seperti kemudahan menunggu, laluan pejalan kaki yang berhubung dengan lain-lain. Walau bagaimanapun, kesemua cadangan tempat letak kereta ini masih perlu diperhalusi dari setiap sudut bersama pihak kerajaan negeri UPENJ dan agensi lain berkaitan melihat secara terperinci.

Berkaitan isu keselamatan yang merupakan salah satu faktor untuk mengukur tahap kualiti hidup penduduk. MPJB dengan kerjasama PDRM sentiasa komited dan serius dalam memastikan keselamatan penduduk, pelawat dan pelancong yang berkunjung di bandar raya Johor Bahru. Ini telah dibuktikan dengan pelbagai projek-projek fizikal bandar selamat dan penubuhan bit polis telah dilaksanakan semenjak tahun 2010 sehingga kini, dengan sokongan dan bantuan peruntukan dari kerajaan persekutuan. Kategori jenis balai yang terdapat di kawasan MPJB adalah seperti berikut, IPD, 3; balai polis, 2; balai polis *functional*, 6; pondok polis, 3; pondok polis komuniti 4; pondok polis CCP IRDA, 6; pondok bit polis, 23; balai polis yang dibina oleh pihak swasta 8. Pihak

PDRM juga sentiasa mengenal pasti lokasi bit-bit polis baru dan juga menggalakkan pihak swasta seperti bank, hotel dan pasar raya bersama dengan menyediakan bit-bit polis di tempat sendiri untuk tujuan keselamatan. Selain daripada itu, usaha-usaha yang dijalankan oleh PDRM untuk memastikan keselamatan penduduk berada dalam selamat dengan membuat rondaan berkala di kawasan-kawasan tumpuan iaitu unit rondaan bermotosikal.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, isu yang dibangkitkan oleh ADUN Johor Jaya, perancangan penyediaan kemudahan awam adalah berdasarkan garis panduan yang perlu disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ia merangkumi semua aspek termasuklah keperluan teknikal, pembangunan, perancangan perumahan, perdagangan, perindustrian. Akan tetapi timbul masalah vandalisme yang sukar ditangani menjadikan kemudahan berkenaan tidak dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Setiap tahun sebanyak RM1 juta diperuntukkan di bawah belanja mengurus untuk menyelenggara kemudahan-kemudahan awam, untuk memastikan semua kemudahan awam dapat diguna dan dimanfaatkan sepenuhnya.

Untuk Medan Selera Taman Desa Harmoni, disebabkan faktor lokasi agak terpencil, turut mengalami situasi yang sama. Berbagai usaha telah dibuat untuk mempromosikan lokasi ini. Dan setakat ini, ianya masih kurang mendapat sambutan. Namun begitu, Majlis Bandaraya Johor Bahru tetap menyelenggara bagi mengekalkan nilai pembangunan tersebut. Langkah akhir yang dibuat ialah melalui program penswastaan penyewaan kepada NGO.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Majlis Bandaraya Johor Bahru sedia maklum berkaitan dengan aduan jambatan Kampung Melayu Pandan melalui Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Pasir Gudang setelah beliau menerima keluhan penduduk Kampung Melayu Pandan melalui UMNO cawangan. Pihak Majlis telah menyiasat ditapak keadaan struktur jambatan yang rosak dan telah mengenal pasti kerosakan jambatan di Sungai Pandan ini adalah di bawah kendalian pihak JPS. Demi ketelusan dan keprihatinan pihak Majlis kepada penduduk Kampung Melayu Pandan, MBJB telah mengeluarkan sebut harga kerja-kerja membaiki dan menaik taraf jambatan *light traffic bridge* kepada *medium trafic bridge* sepanjang 20 meter dengan kelebaran 9 meter. Kerja-kerja sebut harga dikeluarkan pada bulan Jun 2014 dalam skop kerja sebut harga pihak kontraktor dikehendaki melantik perunding bagi mereka bentuk dan pengesahan reka bentuk serta lukisan kerja daripada perunding jurutera bertauliah. Kontraktor telah dilantik pada bulan Oktober 2014 dan kerja-kerja dijangka akan disiapkan pada bulan Januari 2015 dengan mengambil kira pembinaan jambatan baru yang boleh menampung had muatan tidak melebihi 20 tan dan jambatan sedia ada dibaiki khas untuk pejalan kaki.

Seterusnya bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Rengit, berhubung dengan kuasa PBT ke atas premis yang menjalankan aktiviti perjudian. Sebagaimana sedia maklum, lesen hiburan raya atau keluarga diluluskan dikeluarkan oleh Pejabat Daerah. Pihak MPBP hanya mengeluarkan kelulusan lesen premis sahaja. Pihak MPBP tidak akan memberi pertimbangan kelulusan lesen permit ke atas mana-mana permohonan yang tidak mendapat kelulusan lesen hiburan dari Pejabat Daerah. Ini juga selaras dengan arahan kerajaan negeri berhubung pembekuan lesen hiburan keluarga berunsurkan perjudian yang mencetuskan pelbagai aktiviti dan gejala moral

dan perkara ini telah saya terangkan dalam soalan lisan dalam dua, tiga hari yang lepas.

Pada tindakan sita, kuasa menyitar adalah di bawah bidang kuasa pihak polis yang mempunyai anggota pakar bagi menentukan sesuatu mesin permainan itu berunsurkan perjudian atau sebaliknya. Pihak MPBP ada menjalankan operasi bersepadu kerjasama Pejabat Daerah dan PDRM. PBT juga telah mewujudkan saluran media alternatif seperti media sosial, *facebook, twitter* dan *whatsapp* aduan-aduan diseluruh PBT di negeri Johor. Terima kasihlah kepada ADUN Maharani kerana telah memaklumkan kepada sidang Dewan. Sebab tu wujudnya media sosial ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Pengerusi Perumahan penat? (Dewan ketawa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Sikit lagi, sikit lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila duduk. Bagi membolehkan Yang Berhormat Pengerusi Perumahan menyambung jawapan sebelah petang, saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan ke jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:10 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita sambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Pengerusi yang menjawab belum habis tadi meneruskan jawapan. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih, Tan Sri Speaker. Saya minta izin untuk mengulang balik sedikit ayat yang telah saya telah sebutkan tadi supaya memahamkan tentang isi sepenuhnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, PBT juga telah mewujudkan saluran media alternatif seperti media sosial iaitu *facebook, twitter* dan *whatsapp* aduan seluruh PBT negeri Johor. Inisiatif ini secara tidak langsung dapat memberi respon positif daripada rakyat dalam menyalurkan maklumat, pendapat, aduan mahu pun pandangan kepada PBT masing-masing. Hasilnya, pada bulan Oktober yang lalu, daripada aduan orang awam, melalui media PBT negeri Johor yang berdaulat ini telah berjaya menghalang penganjuran pesta arak *October Fiest*. Di samping itu, Pihak Berkuasa Tempatan melalui maklumat daripada orang awam, Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya dalam Wilayah Iskandar telah berjaya meningkatkan operasi serbuan ke atas premis-premis pusat hiburan keluarga berunsurkan perjudian. Oleh itu, saya berharap kerjasama semua pihak agar inisiatif kerajaan negeri Johor untuk merakyatkan PBT dapat dicapai secara langsung, melahirkan rasa sayang masyarakat terhadap Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Gambir, mengenai cadangan mewujudkan cadangan lokasi-lokasi *wifi* percuma. Adalah Di maklumkan projek *wifi* Johor bersama pihak Kementerian

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih lagi di peringkat perbincangan. Pada awal tahun lalu, pihak *vendor* KPKT telah melakukan lawatan tapak ke sepuluh lokasi yang dicadangkan oleh pihak Majlis Daerah Tangkak. Kebanyakan lokasi yang dipilih adalah merupakan gera-geral ataupun aset milik MDT dan kawasan tumpuan awam. Walau bagaimanapun, perkara ini masih diperhalusi lagi di antara MDT dan kerajaan negeri kerana kos utiliti dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungan Majlis Daerah Tangkak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Dewan berhubung isu yang dibangkitkan ADUN Senggarang mengenai tapak pelupusan Bukit Payung. Adalah DI maklumkan tapak pelupusan sanitari yang dibina di Bukit Payung akan menampung sisa pepejal dari daerah Batu Pahat, Labis, Yong Peng, Kluang, Muar, Tangkak dan Simpang Renggam. Sisa pepejal dari daerah Segamat juga akan dihantar ke Bukit Payung sebaik sahaja tapak pelupusan Buloh Kasap penuh dan tidak beroperasi. Sebagai kemudahan sokongan dan memastikan proses pengurusan sisa pepejal berjalan lancar, cadangan TS di atas tapak pelupusan sedia ada iaitu di Labis, Kluang, Bukit Bakri dan Simpang Renggam. Sisa pepejal ini dari daerah Segamat dihantar ke TS Labis dahulu sebelum dilupuskan di Bukit Payung. Sebaik sahaja tapak pelupusan sanitari Bukit Payung boleh beroperasi, TP di ladang CAP1, TP Bukit Bakri dan TP Moaki akan ditutup selamat. Apabila loji *waste to energy* (WTE) yang dicadangkan dibina di Bukit Payung beroperasi. Tapak pelupusan sanitari akan menerima abu daripada loji berkenaan. Jarak TPS Pagoh ke TP Bukit Bakri sejauh 44.8 kilometer dan jarak TPS Bukit Payung ke TP Bukit Bakri sejauh 38 kilometer.

JPSPN sedang menjalankan kajian secara menyeluruh mengenai perancangan *facility* di kawasan utara Johor. Kajian ini akan menilai kesesuaian teknologi dan cadangan lokasi, *facility* dan pendekatan secara wilayah. Kajian ini dijangka siap pada Mac 2015. Pemilihan opsyen-opsyen di atas adalah bergantung pada hasil kajian tersebut. Segala urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek hanya akan dilaksanakan selepas tarikh yang dinyatakan, yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya, mengenai cadangan pembinaan pagar digelanggang futsal dan gym rakyat dalam kawasan DUN Sungai Balang oleh ADUN Sungai Balang. Pihak MPM telah pun memajukan permohonan peruntukan kepada pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi pembinaan pagar Dewan Sarang Buaya dan gelanggang futsal di mukim Sungai Balang. Pelaksanaan projek tersebut akan dimulakan apabila peruntukan diperolehi. Manakala pihak MPM dalam perancangan untuk membina Gym rakyat sebagaimana yang dibangkitkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya ADUN Penggaram membangkitkan isu mengenai pengurusan sisa pepejal di kawasan kampung atau tanah persendirian. Di maklumkan bagi kawasan yang masih belum diserahkan kepada pihak PPSPA bagi tujuan kutipan sisa pepejal. Ianya adalah di luar kawasan perkhidmatan SWM atau kontraktor yang dilantik oleh PPSPA. Namun begitu, bagi sisa pepejal dikampung, peraturan skim sisa pepejal isi rumah menurut bahagian 3 Seksyen 10, Sub Peraturan 1, Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam iaitu skim bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah 2011 menyatakan bahawa, jika bekas sisa komunal atau tapak pelupusan tidak disediakan menurut sub peraturan 1, pemunya atau penghuni premis bertanah hendaklah menggali satu lubang yang mempunyai saiz yang mencukupi bagi pelupusan sisa

bakinya dan tidak boleh menerima sisa bakinya dari premis lain untuk dilupuskan ke dalam lubang itu kecuali diluluskan sellanya oleh perbadanan.

Mengenai Kempen Kesedaran Kebersihan Bermula Daripada Sekolah, ianya telah dilaksanakan oleh pihak BPSPA dengan penubuhan kelab kitar semula dengan program 3R dengan izin *Recycle, Reuse* dan *Reduce*. Sehingga kini, sebanyak 520 buah sekolah rendah dan menengah telah pun mengambil bahagian dalam kempen ini. Ini dapat memupuk kesedaran kebersihan dikalangan pelajar-pelajar di samping dapat manfaat daripada hasil kitar semula tersebut. Sasaran PPSPA akan memastikan semua sekolah di Johor iaitu sebanyak 1,274 sekolah rendah dan menengah akan menubuhkan kelab kitar semula. Kesedaran kepada pelajar ini juga sebenarnya telah pun bermula dari peringkat tadika lagi. Di mana Tadika KEMAS telah menyatakan komitmen untuk menubuhkan kelab kitar semula ini. Penubuhan kelab kitar semula ini juga melibatkan jabatan-jabatan kerajaan seperti bomba, komuniti seperti persatuan penduduk contohnya di Bandar Baru Uda yang menjalankan pengumpulan kita semula di Msjid UDA dan pasar raya contohnya di Tesco. Pihak PPSPA akan sentiasa memastikan kesedaran program 3R ini dapat dilaksanakan dengan efisien menjelang tahun 2020.

Mengenai isu pembangunan kemudahan pengangkutan awam di negeri Johor, Di maklumkan Perbadanan PAIM dengan kerjasama semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi berkaitan telah pun mengadakan perbincangan dengan kumpulan FGD bagi membincangkan isu berkaitan dengan liputan perkhidmatan pengangkutan awam bas. Laluan-laluan ini telah pun dipetakan untuk tindakan lanjut. Pasarannya oleh agensi seperti SPAD melalui program transformasi perkhidmatan bas henti-henti atau SBST yang akan dilaksanakan di seluruh negara. Hasil dari FGD tersebut, laluan perkhidmatan bas yang dirancang adalah seperti di Kluang, Segamat, Pontian, Muar, Mersing, Kota Tinggi, Batu Pahat di mana laluan sedia ada sejumlah 41. Laluan baru sejumlah 44 dan jumlah laluan bas 85 dan anggaran panjang laluan sebanyak 3,114 kilometer. Laluan-laluan ini dirancang dengan sasaran untuk mencapai 80% kawasan berpenduduk di semua daerah bandar dan luar bandar.

Proses mengenal pasti tahap kebolehsanaan perkhidmatan dilaluan-laluan yang dirancang telah pun disemak oleh pihak SPAD bersama dengan Perbadanan PAIM. SPAD sedang dalam proses untuk memuktamadkan laluan bagi program SBST dan masa pelaksanaannya masih belum dapat dipastikan. 3 jenis laluan dirancang iaitu *transfeder* dengan izin dan *city look* yang meliputi perjalanan antara bandar, pekan, taman-taman perumahan, institusi dan perkhidmatan dalam bandar yang menghubungkan tempat-tempat tumpuan rakyat.

Walau bagaimanapun, Perbadanan PAIM telah mengambil inisiatif lebih proaktif untuk menyediakan perkhidmatan dengan mengadakan beberapa perbincangan dengan pengusaha bas sedia ada terutamanya di Wilayah Iskandar Malaysia. Liputan kawasan perkhidmatan bas di Iskandar Malaysia misalnya telah diperluaskan dengan perkhidmatan bas Iskandar Malaysia menerusi dana dari kerajaan persekutuan. Kawasan liputan perkhidmatan telah mencapai 70% kawasan tepu bina. Masih terdapat beberapa kawasan yang masih tiada liputan, *missing link*, dengan izin, dan sebahagiannya telah pun diadakan perkhidmatan melalui perubahan laluan sedia ada yang dipohon oleh pengusaha bas.

Bagi daerah-daerah lain pula, perbincangan telah diadakan bagi pihak pengusaha perkhidmatan untuk menjalankan perkhidmatan yang berdaya maju di 44 laluan baru. Perkhidmatan ini akan menggunakan satu jenama yang akan direka bentuk oleh Perbadanan PAIM. Satu model perniagaan yang lebih baik akan diperhalusi yang memerlukan komitmen dari kerajaan negeri dan pengusaha perkhidmatan. Selain dari menyediakan perkhidmatan di laluan baru, satu skim penggantian bas sedia ada kepada bas-bas baru akan juga diperkenalkan. Bas-bas yang akan disediakan adalah mengikut permintaan dengan saiz yang berbeza.

Satu lagi perkhidmatan yang turut akan diperkenalkan adalah para transit. Perkhidmatan khas ini adalah bagi memberi kemudahan pintu-ke-pintu kepada golongan kelainan upaya (OKU), warga tua dan rakyat yang memerlukan perkhidmatan untuk ke hospital, pusat dialisis dan sebagainya. Perincian program ini telah pun disiapkan dan kerjasama dengan pihak pengusaha sedang dijalankan. Program ini juga telah dicadangkan kepada syarikat-syarikat besar sebagai Program Khidmat Sosial (CSR).

Program rasionalisasi perkhidmatan bas henti-henti seluruh negeri Johor ini telah dan sedang dilaksanakan oleh Perbadanan PAIM dengan kerjasama PBT dan agensi lain yang berkaitan. Daya maju pengusaha bas sedia ada diambil kira bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam dapat disediakan dengan pelbagai bantuan dana dari kerajaan persekutuan dan negeri. Penyediaan perkhidmatan seperti 'JB Dihatiku' oleh MBJB menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam menyediakan perkhidmatan yang selesa kepada rakyat.

Kerajaan negeri melalui agensi-agensi seperti Perbadanan PAIM sentiasa komited untuk terus menambah baik dan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan awam ke satu tahap yang boleh dipercayai oleh rakyat. Program-program bantuan, kesedaran dan promosi juga telah dijalankan secara berterusan sejak 2012.

Permohonan peruntukan yang lebih besar di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi sektor pengangkutan awam juga telah dikemukakan kepada kerajaan persekutuan. Semua inisiatif untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan awam bas akan dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11. Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor yang akan disediakan pada tahun 2015 akan menetapkan dasar-dasar dan tindakan-tindakan lebih pro-transit yang akan memberi manfaat kepada rakyat seluruh negeri Johor.

Di samping itu, PBT negeri Johor juga akan menubuhkan satu unit yang dikenali sebagai Unit Pengangkutan Awam di semua PBT pada tahun hadapan bagi menjadi satu unit yang akan bekerjasama dengan pihak SPAD dan agensi lain yang terlibat. Unit Pengangkutan Awam ini juga akan menjadi satu unit yang akan merancang bersama Perbadanan Pengangkutan Awam Iskandar Malaysia (PAIM) dalam pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negeri Johor yang akan merangkumi pengangkutan darat dan air. Unit ini juga akan membuat kajian kesesuaian laluan baru bagi pengangkutan awam juga pembinaan hentian bas dan terminal yang bersesuaian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adalah Di maklumkan bahawa pemasangan kotak papan iklan/banting di sekitar Batu Pahat adalah merupakan projek penswastaan antara pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan Syarikat Taiyo Media Sdn. Bhd. yang ditandatangani pada 1 Oktober 2014. Projek penswastaan ini melibatkan kerja-kerja memasang dan menyelenggarakan pemasangan banting/iklan di tiang-tiang lampu di dalam kawasan MPBP.

Projek penswastaan ini dilaksanakan bertujuan menyelaras pemasangan banting/iklan supaya lebih teratur dan kemas. Ia juga untuk memudahkan pihak MPBP mengawal,mencegah pemasangan banting/iklan yang tidak dibenarkan atau banting/iklan haram yang boleh merosakkan imej Bandar Penggaram.

Antara tanggungjawab pihak syarikat adalah menyediakan kekotak iklan di tiang-tiang lampu sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak MPBP dan setiap iklan yang dipamerkan juga perlu mendapat kebenaran MPBP. Pihak syarikat perlu membayar permit dan lesen iklan mengikut kadar yang ditetapkan dan pihak MPBP akan memperolehi 25% hasil daripada keuntungan syarikat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ekopelancongan merupakan satu kelebihan bagi satu-satu kawasan dan Labis merupakan salah satu lokasi yang mempunyai tarikan ekopelancongan dengan adanya Kolam Air Panas Labis. Pusat rekreasi ini sememangnya menjadi salah satu tarikan pelancong yang utama di Labis. Justeru, pelbagai inisiatif diambil oleh Majlis Daerah Labis bagi meningkatkan lagi perkhidmatan yang ada di Kolam Air Panas Labis. Antara penambahbaikan yang dirancang adalah seperti membaik pulih tandas dan kolam mandian, membaik pulih taman nadir dan kerja-kerja landskap dan pembersihan dijalankan sebagaimana jadual.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembangunan *Heritage trails*; berkenaan RM500,000.00 pada awal tahun ini, sememangnya untuk meningkatkan infrastruktur di lokasi pelancongan di kawasan bandar raya terutama menaik taraf khas untuk *heritage trails* yang melibatkan pemasangan, dengan izin, *'hoarding'* di Jalan Siew Nam, skim mengecat warna bangunan *heritage*, menaik taraf siar kaki di Jalan Meldrum, kerja-kerja cantasan dan pengindahan landskap di Jalan Siew Nam, kerja-kerja pembaikan penutup longkang di lorong belakang Jalan Pahang, kerja-kerja pembaikan kerusi dan kerosakan *fountain* di Jalan Ibrahim serta kerja-kerja memasang plak di bangunan *heritage* yang sedang dilaksanakan oleh pihak Majlis.

Manakala pengumuman Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi pembangunan produk *urban* dan *heritage trails* sebagai pelengkap dan menambah nilai produk pelancongan dengan memberi penekanan kepada kemudahan pelancongan di kuil kaca, membaik pulih bumbung peniaga barang antik dan lukisan bersebelahan *broadway*, menambah nilai pelancongan di bangunan *heritage* Keretapi Tanah Melayu Johor Bahru, pengisian Program JB Central berkaitan informasi pelancongan Johor serta kerja-kerja membaik pulih di lorong belakang Jalan Meldrum yang mana kerja-kerja HDD sedang dilakukan oleh kontraktor IRDA berkaitan pembangunan Sungai Segget.

Untuk makluman Yang Berhormat, brosur-brosur penerangan Johor bahru *heritage trail* telah tiga (3) kali dicetak oleh Majlis dan Jabatan Pelancongan negeri Johor. Melalui

Mesyuarat Teknikal JB Transformasi yang diadakan baru-baru ini, pihak IRDA telah mencadangkan penambahan dari 12 *trail* sedia ada kepada 18 trail, iaitu penambahan 6 trail baru. Sehubungan dengan itu, percetakan brosur kali ke-4 yang merangkumi perubahan *trail* terbaru akan dikeluarkan pada awal bulan Januari 2015 di mana semua brosur dan risalah boleh didapatkan di Majlis Bandaraya Johor Bahru, Jabatan Pelancongan Negeri, Tourism Malaysia Johor, Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Johor, (JTA) Johor Bahru, (MATTA) Johor Bahru (JTGA) Johor Bahru, (MAH) Johor Serta Senai Airport Johor Bahru.

Berkaitan nasib 83 orang penjaja di lorong belakang Jalan Meldrum iaitu 46 penjaja Cina, 4 penjaja India dan 34 penjaja Melayu, sememangnya dipantau dan diberi perhatian oleh semua pihak termasuklah Ahli Majlis Zon Bandar, yang telah mengadakan lawatan bersama agensi berkaitan pada 16 Jun 2014 baru-baru ini bagi menilai kerosakan yang telah berlaku di lokasi berkenaan, dengan memberi penekanan dalam aspek kebersihan, pemantauan dan laporan tapak sentiasa dipantau oleh pihak Majlis.

Sememangnya telah menjadi agenda utama untuk menyusun semula penjaja di lorong belakang apabila Sungai Segget siap sepenuhnya supaya satu transformasi penjaja yang berlaraf antarabangsa dapat dilaksanakan. Bahagian JB Transformasi, Jabatan Perancangan MBJB telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai *task force* bagi isu ini dan persekitaran dengan memberi perhatian serius selaras dengan usaha untuk memberi keselesaan kepada pengunjung, pelancong ke pusat bandar lebih-lebih lagi apabila usaha menjadikan "JB, Johor *Go Green*" dan "*Making* JB *Alive*" yang akan dilancarkan pada 30 November ini menandakan keprihatian MBJB dalam kesejahteraan bandar seperti yang diarahkan oleh kerajaan negeri.

Galeri Bandaraya telah beroperasi sejak tahun 2009 memainkan peranan sebagai pusat informasi pelancongan dan catatan sejarah. Peranan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam dan Bahagian Pelancongan MBJB akan diperkemaskan sebagai langkah untuk menyediakan panduan pelancongan seperti '*Tourist Guidance*'.

Kerosakan loji kumbahan di Pangsapuri Saujana dan pembinaan loji rawatan PTD 153805 Kawasan Pengkalan Rinting yang dibangkitkan oleh ADUN Pengkalan Rinting. Berkaitan loji Pangsapuri Saujana, kos pembaikan dianggarkan berjumlah RM350,000.00. Pada masa ini, penyelesaian dibuat oleh Perbadanan Pengurusan Pangsapuri dengan bantuan nasihat teknikal dari Jabatan Kejuruteraan MBJB. Pembaikan keseluruhan akan dibuat apabila peruntukan diluluskan kemudian. Perancangan juga sedang dibuat untuk menyerahkan pengurusan loji ini kepada pihak IWK.

Perletakan loji kumbahan bersepadu (STP) dengan kapasiti 400,000 pe di lot PTD 153805 belakang Kampung Pasir ini telah diluluskan dalam penyediaan Pelan Induk Pembetungan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KETTHA) pada 22 April 2008. Tapak seluas 18.23 ekar ini telah dipersetujui untuk dijadikan loji rawatan kumbahan berpusat peringkat wilayah merangkumi kawasan pembangunan Tasek Utara, Tampoi, Bandar Baru Uda, Kemas dan Teluk Danga.

Namun begitu, cadangan loji kumbahan ini telah menimbulkan kebimbangan, rungutan dan persepsi negatif masyarakat kerana ianya sering kali gagal diselenggara dengan baik sehingga menyebabkan pencemaran bau.

Satu taklimat kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Pulai dan Jawatankuasa Penduduk Kg. Skudai Kiri, Kg. Pasir, Kg. Telok Serdang, Kg. Sri Serdang, Kg. Sri Jaya, Kg. Usaha Jaya telah diadakan pada 11 Mei 2014 di bangunan MBJB oleh Tetuan Iskandar Waterfront Sdn. Bhd menerangkan dengan perincian konsep STP yang akan dibina dan langkah-langkah pengawalan yang akan diambil bagi mengurangkan impak terhadap persekitaran dan pencemaran.

Beberapa siri perbincangan yang telah diadakan oleh pemaju bersama penduduk; 12 buah rumah telah dirobohkan dan penduduk diberi pampasan oleh pemaju sebanyak RM10,000 setiap rumah. Hasil daripada taklimat tersebut, Yang Berhormat Ahli Parlimen Pulai telah bersetuju secara dasarnya dengan cadangan STP tersebut dengan kapasiti 400,000 pe berkeluasan 22 ekar. Tambakan 4.0 ekar tambahan diperlukan untuk merealisasikan projek STP ini. Sebagai tambahan, konsep pembinaan STP diwajibkan mematuhi spesifikasi ketat kerajaan dan mencapai piawaian yang diwajibkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keadaan cuaca yang tidak menentu di Malaysia amnya dan Johor khasnya telah mengakibatkan ketidakseimbangan ekosistem. Faktor geografi, paras laut sedikit sebanyak menyumbang kepada masalah banjir yang ditambah dengan keadaan hujan berlarutan.

Masalah banjir dan masalah banjir kilat merupakan antara fenomena yang berlaku bukan sahaja di Johor malahan di seluruh negara. Kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khasnya yang terlibat dengan masalah banjir kilat sentiasa mengambil pendekatan siap siaga bagi memastikan keadaan tidak menjadi semakin buruk.

Penambahbaikan ke atas sistem saliran dan pembersihan di longkang-longkang dan parit-parit yang terlibat sentiasa dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan PPSPPA dari masa ke semasa. Terdapat juga peruntukan yang boleh dipohon oleh pihak berkuasa tempatan melalui KPKT bagi mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita melihat Yang Berhormat di barisan pembangkang terlalu memandang rendah kepada perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor pada Persidangan Dewan kali ini. Namun, kenyataan ini bukanlah seperti yang disangkakan. Pihak Berkuasa Tempatan bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan negeri akan menangani setiap masalah yang dihadapi di negeri Johor.

Jika kita lihat pada tarikh 29 April 2014, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah berjaya mendapat pengiktirafan 5 bintang melalui satu keputusan rasmi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. (Dewan bertepuk). Majlis Bandaraya Johor Bahru memperolehi penarafan 5 bintang ini dengan markah sebanyak 90.19%. untuk makluman sidang Dewan hanya 2 PBT sahaja dalam Malaysia yang berjaya mendapat 5 bintang.

Bagi PBT negeri Johor yang mendapat 4 bintang ianya terdiri daripada Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Daerah Pontian. Manakala kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain memperolehi 3 bintang. Ini merupakan kejayaan yang telah dibawa oleh PBT negeri Johor. Namun kerajaan negeri akan berlitizam untuk meningkatkan prestasi PBT bagi memastikan semua PBT mencapai gred yang cemerlang. Penarafan bintang agensi sektor awam merupakan salah satu mekanisme pengukuran prestasi budaya kecemerlangan dalam perkhidmatan awam.

Selain itu, untuk pengetahuan sidang Dewan, sebanyak 10 PBT di negeri Johor telah diberi pengiktirafan Bandar Mampan. Anugerah Bandar Mampan merupakan suatu indikator yang menilai tahap kemampanan bandar dari aspek keselesaan, keselamatan dan kesihatan penduduk. Termasuk sama dalam menerima pengiktirafan tersebut adalah Majlis Perbandaran Muar. malah Majlis Perbandaran Muar juga telah dicalonkan di antara 3 bandar terbersih di Malaysia. (Dewan bertepuk).

Begitu juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor yang telah berjaya menubuhkan Yayasan PBT. Sesungguhnya penubuhan Yayasan PBT ini bertujuan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan melalui program bantuan kemiskinan, bantuan persekolahan, bantuan kesihatan, latihan, kemahiran dan sebagainya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon maaf sekiranya ada isu-isu yang tidak dapat saya jawab dalam Persidangan Dewan ini yang akan dijawab dalam jawapan bertulis. Natijahnya, teguran dan pandangan yang membina bagi menambah perkhidmatan awam untuk memperkasakan muafakat Johor, merakyatkan kerajaan dan pembangunan pro-rakyat negeri Johor .

Dengan itu, sekian terima kasih, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Agama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi memberkati lagi sesi Dewan yang mulia ini, sukalah saya memulakan ucapan penggulungan Mesyuarat Kedua Bajet 2015, Persidangan Dewan kali ini dengan menjunjung tinggi Kalamullah ayat suci al-Quran nur karim yang dipetik dalam Surah Al Baqarah ayat 172. (Bacaan ayat al-Quran). Yang bermaksud,"Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari rezeki yang baik-baik, yang Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika benar-benar kepadaNya kamu menyembah".

Alhamdulillah wassolatuwassalamu 'alarasulillah wa'alaalihi wassohbihi wamannassorohu wawala. Pertamanya ingin saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran saya ke hadrat Allah SWT, Tuhan Sekalian Alam kerana limpah inayah serta kurniaNya Yang Maha Luas dapat saya menyampaikan ucapan penggulungan pada Persidangan kali ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih,

terima kasih saya kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Ucapan Penggulungan Perbahasan Bagi Mesyuarat Kedua Bajet 2015 Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-13. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia ini di atas pandangan, cadangan dan juga pertanyaan yang diajukan berkaitan dengan Portfolio Jawatankuasa Agama sepanjang sesi soal jawab dan perbahasan pada kali ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tunku Mahkota Johor dan Cik Puan Khaleeda binti Bustamam yang telah melangsungkan perkahwinaan Diraja baru-baru ini. Dan saya iringi dengan doa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum jawab soalan-soalan yang dibangkitkan, saya dengan berbesar hati ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana berjaya membentangkan Bajet Negeri Johor dengan *surplus* RM3.82 juta yang bertemakan, "Membangun Johor secara Inklusif", dengan memberi penumpuan kepada 5 strategi yang dinyatakan dalam ucapan beliau. Jika kita rujuk kepada perkataan "Inklusif" itu sendiri yang membawa maksud syumul yang merangkumi hampir kesemua aspek kehidupan kita seharian tanpa mengira golongan, peringkat umur, darjat dan status sosio-ekonomi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Buloh Kasap telah menyentuh mengenai permasalahan kekurangan guru-guru agama di daerah Segamat di mana ianya merupakan masalah yang kritikal kerana ia melibatkan sesi pembelajaran anak-anak di sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Buloh Kasap, mengikut penempatan data guru agama di negeri Johor, daerah Segamat mengalami kekurangan guru agama seramai 12 orang. Perlu dinyatakan bukan di daerah Segamat sahaja yang mengalami masalah kekurangan guru agama ini, ianya turut berlaku di daerah-daerah yang lain. Pihak kerajaan akan memastikan agensi yang bertanggungjawab untuk menyegerakan pelantikan guru agama berjawatan tetap, Gred DGA29 untuk ditempatkan di daerah-daerah yang berkenaan. Bagi penyelesaian jangka masa pendek, pengambilan guru KAFA akan dilakukan pada awal sesi persekolahan tahun depan bagi mengisi kekosongan perjawatan tersebut. Bagi permasalahan pengambilan semula guru DB17 dan DG29, untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor telah mengambil langkah proaktif bagi mengatasi isu ini dengan pelantikan guru tetap gred DGA29 yang diambil terus dari lepasan Diploma Pendidikan Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor, iaitu MARSAH, khususnya dan yang setaraf dengannya. Mengikut perangkaan data guru kekurangan guru agama hanya dalam lingkungan 80 hingga 100 orang guru bagi seluruh negeri. Dengan pelantikan guru tetap ini, semua daerah akan mempunyai guru yang mencukupi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Buloh Kasap juga ada menyentuh mengenai status pembinaan Sekolah Agama Taman Yayasan dan Pusat Kegiatan Guru Agama yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, namun sehingga kini masih belum dapat dilaksanakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Buloh Kasap, projek pembinaan Sekolah Agama Taman Yayasan telah pun dimasukkan dalam perancangan pembinaan fasa 1 hingga fasa 4 pembinaan sekolah agama yang diusahakan oleh Mysys Development Sdn Bhd, namun pembinaannya mengalami masalah untuk diteruskan. Oleh yang demikian, bagi menangani masalah ini, kerajaan negeri telah pun meminda perancangan tersebut ke dalam projek pembinaan sekolah agama bagi fasa ke 5 yang akan dimajukan oleh pihak KPRJ di mana pada masa ini, pembinaan adalah lebih diutamakan kepada pembinaan sekolah atas faktor keperluan yang mendesak. Justeru itu, Pusat Kegiatan Guru Agama masih boleh beroperasi di bangunan Pejabat Kadi Daerah seperti sedia ada.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Gambir telah memberikan usul mengenai pembinaan Sekolah Rendah Agama Bersepadu ataupun sekolah agama Integrasi yang mana pembinaannya masih belum dibina lagi di daerah Ledang sedangkan 8 daerah lain sudah memiliki sekolah yang demikian.

Terima kasih di atas usul yang telah diberi oleh Yang Berhormat Gambir, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri tidak bercadang untuk menubuhkan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) setelah pendaftaran 8 buah SRAB dengan Kementerian Pelajaran Malaysia pada Ogos 2012. Kerajaan negeri akan lebih menumpukan kepada pemerkasaan pengurusan dan prestasi sekolah agama dengan menyediakan guru-guru yang lebih terlatih. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga akan lebih menumpukan usaha untuk memajukan pendidikan peringkat menengah yang diharap akan menjadi laluan kepada pelajar pendidikan menengah, sekolah rendah untuk menyambung pelajaran dalam bidang agama. Perancangan ini merupakan pemerkasaan sistem pendidikan darjah khas sedia ada yang diharap akan dapat membawa pelajar dalam arus perdana pendidikan peringkat menengah dan seterusnya membuka ruang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Selain daripada itu, perancangan tertumpu untuk mewujudkan sekolah menengah tahfiz di beberapa buah daerah terpilih serta sekolah rendah agama yang diintegrasikan dengan kurikulum tahfiz. SRAB ataupun Sekolah Rendah Agama Bersepadu selepas pendaftarannya sebagai SABK, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, dilihat berjaya menempatkannya dalam kelompok sekolah rendah yang tersohor dan disegani. Kurikulum agamanya tetap diurus dengan baik oleh Jabatan Agama Johor bagi melahirkan pelajar yang seimbang untuk tuntutan duniawi dan ukhrawi. Namun saya ingin maklumkan kepada Yang berhormat Gambir, bahawa dua daerah, iaitu daerah Ledang dan Kulaijaya, insya-Allah kita akan usahakan juga. Sebagaimana baru-baru ini, Pegawai Pendidikan Agama Daerah telah pun menghantar kertas kerja kepada saya untuk dibincangkan supaya diwujudkan juga Sekolah Rendah Agama Bersepadu di daerah Ledang dan juga Kulaijaya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Gambir juga ada mencadangkan untuk mewujudkan Sekolah Agama Islam Integrasi Johor atau SAIIJ yang selaras dengan kerangka PSHJ, Pelan Suara Hati Johor bagi memartabatkan Agama Islam, Sekolah Integrasi bermaksud gabungan kurikulum iaitu Kukurikulum Sepadu Sekolah Rendah (KSSR), Kukurikulum Bersepadu Sekolah Agama (KBSA), Kukurikulum Al-Azhari ataupun KAA, dan juga Kukurikulum Tahfiz, KT. Terima kasih dan penghargaan diberi kepada YB Gambir, sememangnya kerajaan negeri telah merancang untuk

memajukan sektor pendidikan sekolah agama secara menyeluruh. Hal ini boleh dilihat pada strategi yang ke 5 dalam Pembentangan Bajet Kerajaan Negeri Johor Tahun 2015 iaitu, 'Memodenkan Prasarana serta Mengukuhkan Kepercayaan Awam Terhadap Sistem Pentadbiran dan Institusi Kerajaan. Di antara fokus dalam strategi tersebut ialah melaksanakan transformasi sekolah agama di negeri Johor secara berperingkat melalui pelan strategik pendidikan Islam Johor. Cadangan untuk menubuhkan Sekolah Rendah Islam Integrasi yang menggabungkan kurikulum kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kurikulum Bersepadu Sekolah Agama Kerajaan Johor dan kurikulum tambahan dalam bidang hafazan Al-Quran dilihat sebagai satu cadangan yang bertepatan dengan hasrat murni kerajaan. Dengan itu, kerajaan akan melihat secara teliti dan serius mengenai cadangan ini untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa ada membangkitkan isu mengenai status pembinaan Sekolah Agama Taman Setia Indah, Sekolah Agama Puteri Wangsa dan Sekolah Agama Jalan Bacang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Puteri Wangsa, status kemajuan pembinaan ketiga-tiga buah sekolah tersebut adalah sebagaimana berikut :

1. Sekolah Agama Setia Indah, 70.35%
2. Sekolah Agama Jalan Bacang Kota Masai, 68.97%
3. Sekolah Agama Taman Puteri Wangsa, 68.75%

Diakui bahawa pembinaan ini terlewat daripada jadual yang sepatutnya. Menurut pihak kontraktor yang dilantik, faktor kelewatan adalah berkaitan dengan masalah hak milik tanah. Perkara ini telah pun dirundingkan segera oleh pihak kontraktor bersama Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mesyuarat yang diadakan secara berterusan bagi memastikan segala permasalahan yang timbul dapat diatasi dengan lebih produktif dan efisien.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa di dalam ucapan perbahasan beliau ada menyuarakan mengenai harapan beliau bahawa mengharapkan agar MARSAH ataupun Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor, dapat menyediakan program Ijazah dan Diploma yang lebih berkualiti kerana kebanyakan graduan lepasan MARSAH ini tidak seperti yang diharapkan dan tidak mendapat kelayakan yang dijanjikan.

Untuk maklumat Yang Berhormat Puteri Wangsa, kerajaan negeri telah mengadakan beberapa siri multaqa ulama yang bertujuan antara lain untuk melihat sejauh mana sumbangan yang boleh diberikan oleh kerajaan negeri dalam memakmurkan masyarakat berlandaskan syariah Islam yang diterap ke bidang-bidang profesional semasa. Tidak ketinggalan dalam bidang pengajian Islam, di mana resolusi multaqa menyatakan perlunya kerajaan negeri Johor, bagi negeri Johor menubuhkan sebuah Universiti Islam di negeri Johor.

Untuk itu, MARSAH telah menyusun strateginya menerusi perancangan dan hala tuju strategik MARSAH 2014-2020 yang telah mensasarkan MARSAH untuk dinaiktarafkan menjadi Kolej Universiti Islam menjelang tahun 2018. Usaha untuk mencapai cita-cita tersebut sedang giat dilakukan oleh MARSAH. Di antaranya iaitu mengadakan jalinan antarabangsa dengan universiti-universiti terkenal di luar negara, mengadakan jalinan

industri dalam bidang pendidikan dengan universiti-universiti tempatan dan luar negara, memperkasa pengurusan dalaman MARSAH, menubuhkan pusat bahasa Inggeris dan Bahasa Arab di MARSAH dan juga bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Tamil.

Mengenai para lulusan MARSAH pula, mereka mempunyai kelayakan yang setanding dengan lepasan mana-mana pusat pengajian tinggi yang lain di peringkat sijil atau diploma. Sebahagian daripada mereka ada yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda sama ada di universiti seperti Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa dan lain-lain mahupun di luar negara seperti di Jordan dan Indonesia. Sebahagian daripada mereka juga ada yang telah menjawat jawatan dalam kerajaan seperti Guru Agama Kerajaan Johor, Pegawai Hal Ehwal Islam dan lain-lain perjawatan yang berkaitan.

Yang berhormat Tan Sri Speaker, Yang berhormat Jorak telah mencadangkan demi menjayakan hab pendidikan antarabangsa aliran agama di Johor, seterusnya sehingga kewujudan atau lahirnya sebuah Universiti Islam Antarabangsa Johor sama ada Kolej Universiti atau universiti. Apakah usaha dan adakah wujud jawatankuasa yang khusus demi menjayakan hab ini dan sekaligus dapat melahirkan cendekiawan yang bertaraf antarabangsa tanpa perlu keluar negara untuk menguasai Bahasa Arab, Inggeris dan sebagainya dan hanya perlu belajar universiti dalam negeri Johor sahaja?

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara perancangan kerajaan negeri bagi memperkasa sistem pendidikan agama yang sekaligus akan memperlihatkan negeri Johor sebagai negeri yang prihatin dan berjaya memartabatkan sistem pendidikan agama negeri ialah dengan mencadangkan menjadikan negeri Johor sebagai Hab Pendidikan Antarabangsa Aliran Agama. Ini akan diperhalusi dalam Pelan Strategik Pendidikan Islam Agama Johor. Sehingga kini, kerajaan negeri telah pun mendapatkan beberapa maklumat awal seperti asas kajian dan penelitian bagi cadangan penubuhan hab tersebut. Kerajaan negeri berpandangan bahawa cadangan ini merupakan satu cadangan yang besar dan akan melebar luas serta mengindahkan lagi landskap pendidikan agama yang ada pada masa sekarang. Natijah yang diharapkan ialah untuk melahirkan ilmuan agama yang menguasai serta mahir dalam pelbagai bidang untuk memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dalam konteks yang luas yang nantinya akan memberi manfaat yang besar kepada ummah, negeri Johor dan negara.

Sudah tentu untuk mencapai hasrat yang setinggi itu, ianya memerlukan penglibatan semua pihak termasuk para cendikiawan, ahli akademik, ilmuan agama, pakar perancang dan pentadbiran. Sudah tentu juga ianya memerlukan satu tempoh masa yang bersesuaian untuk pihak kerajaan menyusun gerak kerja yang tersusun. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah kerajaan akan terus komited menggembleng usaha dan tenaga untuk melihat kejayaannya pada masa akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Nusajaya, ada mencadangkan agar diwujudkan sebuah Perkampungan Pendidikan Islam khususnya penempatan dan pembelajaran Islam dengan kerjasama universiti-universiti daripada Mesir atau Negara Timur Tengah dapat diusahakan sebuah Taman Islam yang meliputi pelbagai variasi

kehidupan seharian dari segi pendidikan, pekerjaan, perubatan mahupun makanan hab halal Islam sosial dan sebagainya.

Terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada Yang Berhormat Nusajaya di atas cadangan yang amat produktif ini. Untuk makluman Yang Berhormat Nusajaya, cadangan ini adalah sama konsepnya dengan Pelan Hab Pembangunan *International Islamic School*, dengan izin, yang dalam perancangan yang akan dibina di Gelang Patah yang masih dirangka oleh Bahagian Pendidikan dan akan dibawa bersama dengan jabatan-jabatan lain seperti PKN, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Majlis Agama Islam Negeri Johor serta universiti-universiti dari dalam dan luar negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyentuh mengenai isu pengurusan masjid dan surau, Yang Berhormat Puteri Wangsa ada menyentuh mengenai pengimarahan masjid dan surau untuk kebaikan masyarakat dan umat Islam khususnya. Maka bagi mengimarahkan, masjid hendaklah terbuka kepada semua lapisan masyarakat dan tidak wajar dimonopoli oleh sesuatu golongan sahaja dan mengimarahkannya dengan program yang diatur agar dapat memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Puteri Wangsa, program dan aktiviti pengimarahan masjid dan surau adalah meliputi perlaksanaan solat berjemaah di masjid dan surau serta apa jua bentuk aktiviti keagamaan yang matlamatnya adalah untuk bertaqwa kepada Allah SWT. Manakala ahli-ahli qariah masjid dan surau adalah sama-sama mempunyai peranan bagi mengimarahkan masjid dan surau sama ada sebagai peserta ataupun sebagai pengendali aktiviti.

Bagi tujuan program dan aktiviti dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah mengurniakan pelbagai jenis tauliah yang berkaitan dengan masjid dan surau kepada mana-mana orang yang berkelayakan. Tauliah-tauliah tersebut di antaranya ialah Tauliah Pegawai Masjid, Tauliah Khatib, Tauliah Mengajar Dan Memberi Syarahan Agama dan sebagainya. Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah melantik sebuah Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau mengikut Seksyen 104 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 bagi tujuan menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan masjid dan surau serta apa-apa jua perkara ke atas keagamaan di dalam kariahnya. Majlis Agama Islam Negeri Johor juga sentiasa membuka peluang kepada mana-mana orang yang ingin memberikan apa-apa bentuk sumbangan bagi tujuan pengimarahan masjid dan surau.

Semua sumbangan yang akan diberikan hendaklah mengikut peraturan dan saluran yang telah ditetapkan sebagaimana dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Tahun 2003. Begitu juga kaedah-kaedah masjid dan surau negeri Johor 1979 dan mana-mana panduan yang telah dikeluarkan secara rasmi oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Mufti Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dari masa ke semasa.

Cadangan agar semua aktiviti dijalankan di masjid dan surau agar dapat dirancang dan diatur dengan baik untuk memberi manfaat yang besar kepada masyarakat, kerajaan negeri Johor melalui Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah melaksanakan program anugerah masjid dan surau

cemerlang negeri Johor sejak tahun 2001 yang merupakan pengiktiratan pada mana-mana pengurusan masjid dan surau yang telah berjaya merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pengimarahan dengan berkesan dan memberikan manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat setempat. Di samping itu Jabatan Agama Islam Johor juga turut menganjurkan seminar dan kursus yang berkaitan dengan pengurusan masjid dan surau kepada ahli jawatankuasa pengurusan masjid dan surau bagi tujuan pendedahan kaedah pengurusan dan pengimarahan masjid dan surau yang baik dan berkesan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Sri Abong telah membangkitkan isu imam dan bilal yang telah berumur, seharusnya dipencenkan dan digantikan dengan yang lebih muda. Apakah tindakan Jabatan Agama Islam Negeri Johor mengenai perkara ini dan adakah disediakan suatu peruntukan yang tertentu sekiranya ingin menamatkan perkhidmatan mereka. Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, minta maaf. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Abong imam dan bilal merupakan jawatan yang penting dalam pelaksanaan aktiviti ibadah dan sebagainya di dalam sebuah masjid dan surau.

Perlantikan mereka berpandukan peruntukan undang-undang serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Seksyen 100 hingga 103 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003. Sebarang pelantikan dan penamatan jawatan tersebut mestilah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Bagi tujuan menamatkan mereka yang telah berumur, berumur lanjut maksudnya di sini, kalau muda pun ada umur juga, berumur lanjut.

Majlis Agama Islam Negeri Johor kebiasaannya akan memberi cadangan daripada jawatankuasa masjid terlebih dahulu, adanya cadangan daripada jawatankuasa masjid terlebih dahulu yang dibawa ke Bahagian Pengurusan Masjid. Mengenai perkara ini, jawatankuasa tersebut akan membuat laporan mengenai cadangan untuk menamatkan pegawai masjid tersebut dan dalam masa yang sama akan dibuat cadangan pengantinya. Cadangan tersebut akan disemak dan dipertimbangkan oleh Pejabat Kadi Daerah, seterusnya akan Di maklumkan kepada Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk tindakan selanjutnya.

Pelbagai perkara perlu diteliti dan disemak sebelum tindakan menamatkan mereka diambil. Di antaranya sebab-sebab yang munasabah untuk penamatan, calon pengganti untuk jawatan tersebut, pandangan jamaah dan ahli kariah dan sebagainya. Sungguh pun Majlis Agama Islam Negeri Johor mempunyai kuasa penuh untuk menamatkan mereka mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada tetapi, Majlis Agama Islam Negeri Johor mengambil pendekatan untuk mengambilkira perkara-perkara yang telah dinyatakan di atas.

Mengenai cadangan bayaran yang hendak diberikan kepada mereka sekiranya tindakan penamatan diambil sehingga kini pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor dan pihak Jabatan Agama Islam Johor tidak menyediakan sebarang peruntukkan tertentu bagi tujuan tersebut. Ini memandangkan mereka telah pun dibayar elaun sama ada melalui peruntukkan yang disalurkan melalui JAKIM, jika melibatkan imam masjid, manakala bilal masjid melalui sumber kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Serom ada bertanya adakah peruntukan elaun kepada pengurus jenazah wanita. Untuk makluman Yang Berhormat Serom, pada masa Jabatan Agama Islam Negeri Johor ada menyediakan khidmat pengurus jenazah sama ada daripada kalangan lelaki atau pun wanita. Mereka ini merupakan kakitangan awam yang berkhidmat sebagai pengurus jenazah. Namun begitu, ada juga pengurus jenazah dari kalangan sukarelawan masyarakat Islam yang kebiasaannya menabur khidmat bakti di masjid atau surau. Persatuan penduduk melalui Tabung Khairat Kematian. Mereka ini hanya menerima saguhati daripada ahli waris atau bayaran yang ditetapkan oleh tabung khairat kematian tersebut.

Pengurus jenazah ini tidak menerima apa-apa elaun khas atau pun imbuhan tetap daripada kerajaan atau masjid, surau dan kariah tempat mereka menabur khidmat bakti. Selain itu juga, ada di kalangan mereka yang memberikan perkhidmatan mereka kepada syarikat-syarikat swasta yang menjalankan perkhidmatan pengurusan jenazah ini. Dalam hal ini, bayaran yang mereka terima bergantung kepada caj perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Serom ada bertanya adakah peruntukkan elaun kepada pengurus jenazah wanita. Untuk maklumat Yang Berhormat Serom pada masa kini pihak Jabatan Agama Islam Johor ada menyediakan khidmat pengurus jenazah sama ada daripada kalangan lelaki atau pun wanita. Mereka ini merupakan kakitangan awam yang berkhidmat sebagai pengurus jenazah. Namun begitu, ada juga pengurus jenazah dari kalangan sukarelawan masyarakat Islam yang kebiasaannya menabur khidmat bakti di Masjid atau Surau. Persatuan penduduk melalui Tabung Khairat Kematian. Mereka ini hanya menerima sagu hati daripada ahli waris atau bayaran yang ditetapkan oleh tabung khairat kematian tersebut. Pengurus jenazah ini tidak menerima apa-apa elaun khas atau imbuhan tetap daripada kerajaan atau Masjid ,Surau dan Kariah tempat mereka menabur khidmat bakti. Selain itu juga, ada di kalangan mereka ini memberi perkhidmatan mereka kepada syarikat-syarikat swasta yang menjalankan perkhidmatan pengurusan jenazah ini. Dalam hal ini, bayaran yang mereka terima bergantung kepada caj perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang berhormat Kukup telah menyuarakan dalam ucapan beliau mengenai Program-program Dakwah yang dijalankan yang menjurus kepada al-makru bil makruf wan nahyu anil mungkar iaitu mengajak kepada kebaikan dan dakwah yang menjurus kepada wan nahyu anil mungkar iaitu mencegah kemungkaran masih terlalu sedikit.

Untuk makluman Yang Berhormat Dakwah yang dijalankan di negeri Johor ini meliputi semua peringkat umur. Pelbagai ceramah telah dilaksanakan di Jabatan-jabatan kerajaan negeri Johor, masjid-masjid dan surau-surau yang terdapat di negeri Johor. Program membudayakan Al-Quran turut dijalankan dengan membaca Al-Quran secara bertalaqi di antara guru dan para pelajar yang terdiri daripada kakitangan kerajaan.

Dengan adanya program-program ceramah, merupakan satu program amar makruf nahi mungkar yang mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran kepada pendengar yang hadir. Setiap minggu, kita sentiasa

menjalankan aktiviti sebaran Islam di jabatan-jabatan kerajaan, swasta, surau dan masjid di negeri Johor. Jumlah sebaran Islam yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 900 kali sebaran Islam dijalankan di seluruh negeri Johor, dengan menggunakan kepakaran daripada ustaz dan ustazah yang berkhidmat di Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Hal ehwal hidayah Allah itu adalah terletak pada Allah SWT, dan kita hanya hambanya hanya menyampaikan hidayah itu sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Kukup ada juga menyatakan mengenai pencegahan kemungkaran dan maksiat yang dianggap lemah sehingga tidak dapat menjaga kepentingan dan keharmonian rakyat. Ini disebabkan bilangan kakitangan penguatkuasa yang dikatakan tidak mencukupi. Nisbahnya pada hari ini seorang pengutkuasa 30,000 umat Islam.

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, bahagian penguatkuasa telah memohon lantikan pegawai bagi waran perjawatan yang sedia ada iaitu sebanyak 111 jawatan, hanya 80 jawatan sahaja diisi. Daripada jumlah tersebut hanya 74 orang sahaja pegawai penguatkuasa agama yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas penguatkuasaan. Kekosongan jawatan yang belum diisi adalah seramai 31 orang. Bagi memperlengkapkan, mempertingkatkan peranan jawatan yang belum diisi maka, bagi mempertingkatkan peranan Penghulu dan Ketua-ketua kampung dalam menjalankan tugas pencegahan amar makruf dan nahi mungkar, justeru penghulu diberikan kuasa oleh enakmen dalam menjalankan tugas tersebut.

Selain daripada itu, program jelajah ke daerah-daerah dalam memberi kefahaman kepada penghulu-penghulu dan ketua kampung telah dilaksanakan sejak tahun 2012. Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mesyuarat Jawatankuasa Perundangan telah bersetuju melantik imam-imam kerajaan sebagai Pegawai Penguatkuasa Agama dalam membantu bahagian penguatkuasaan menjalankan tugas-tugas operasi seramai lebih 80 orang imam telah dilantik. Bahagian penguatkuasaan juga sentiasa mempertingkatkan operasi secara berjadual dengan kerjasama jabatan-jabatan lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia begitu juga dengan KRT, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, pejabat daerah dan lain-lain.

Strategi yang pernah dilaksanakan iaitu susunan jadual kerja secara bergilir dan bagi tahun 2015, bahagian ini juga bercadang meningkatkan lagi strategi dengan melaksanakan penstrukturan semula bahagian penguatkuasaan iaitu :

1. Susunan semula pegawai-pegawai penguatkuasaan yang baru dan lama termasuk memenuhkan jawatan waran perjawatan.
2. Mempertingkatkan kerjasama dengan KRT dalam menjalankan operasi bersepadu terutama di taman-taman perumahan.
3. Program kerjasama di peringkat sekolah, kolej dan universiti dalam program pencegahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk memastikan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan agama Islam negeri Johor, adalah bertepatan untuk kita mengasingkan pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Johor dengan Majlis Agama Negeri Johor. Ini akan membolehkan kedua-dua jabatan ini lebih fokus dan efektif dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Justeru itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih semua kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah

menyokong pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (Pindaan) 2014 dan yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya telah berusaha untuk memberikan jawapan terbaik berdasarkan soalan yang dibangkitkan dan menerima teguran serta mempertimbangkan segala cadangan yang diberikan dengan ucapan ribuan terima kasih. Sekiranya ada perkara yang terlepas pandang akan diberi perhatian dan akan diambil tindakan susulan di atas perkara yang tersebut.

Saya menyeru kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya yang beragama Islam untuk mempertahankan Islam serta memartabatkannya untuk generasi yang akan datang. Jadi, saya menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, marilah kita berganding bahu dan bersama-sama merealisasikan hasrat kerajaan sebagaimana yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam pembentangan bajet 2015. Untuk akhirnya, terimalah serangkap pantun dari saya,

Layang-layang terbang melayang, terbang tinggi di Tanjung Belungkor; Liga super kita dah menang, ayuh, luaskan kuasamu Johor; Allah berkati Johor. Wabillahi taufiq walhidayah , wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Agama. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri Johor. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Muafakat Johor. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Sesi Penggulungan Perbahasan sesi belanjawan negeri johor tahun 2015 di Mesyuarat Kedua bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Pertamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan satu bajet yang begitu hebat bertemakan, " Membangunkan Johor Secara Inklusif."

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana memberi saya peluang menjawab serta menjelaskan perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-Ahli yang Berhormat dalam sesi perbahasan ini. Terima Kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubungkait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ingin menjelaskan berkenaan dengan isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Perpaduan dahulu. Antara isu yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Paloh ialah berkaitan dengan penubuhan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penubuhan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor adalah platform bagi mengenal pasti isu permasalahan dan pendekatan terbaik dalam mengurus kerencaman kepentingan pelbagai kaum di negeri ini.

Majlis ini akan memperjelas hala tuju konsep Muafakat Johor melalui percambahan idea akan memperjelas hala tuju konsep muafakat Johor melalui percambahan idea, perkongsian maklumat, perancangan bersama dan penyelarasan semua program

yang berkaitan dengan perpaduan kaum. Selain daripada peranan mengukuhkan perpaduan dan integrasi masyarakat pelbagai kaum di negeri Johor, majlis turut bertindak sebagai mekanisme pemantauan perhubungan sosial secara berterusan dan merupakan langkah pengesanan awal dalam pencegahan isu dan konflik di negeri johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor yang akan dilaksanakan di peringkat negeri ini di mana keahlian dalam majlis ini akan dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri melalui penyerahan watikah pelantikan secara rasmi pada awal pelaksanaan. Setiap peringkat pelaksanaan adalah berperanan dalam memastikan hala tuju dan pendekatan yang telah digaris pandukan dalam pelan tindakan tersebut.

Berdasarkan kepada pembentangan bajet negeri Johor tahun 2015 yang telah pun disampaikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kerana satu peruntukan telah pun diperuntukkan untuk pelaksanaan Majlis Permuafakatan Perpaduan serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti Muafakat Johor tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan KRT dan SRS yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Machap dan Serom. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di negeri Johor semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat, terutamanya penduduk di kawasan perumahan. Ini menunjukkan sambutan rakyat dalam membantu usaha kerajaan bagi mengwujudkan sebuah penempatan yang selesa, sejahtera dan selamat dengan melibatkan komuniti untuk bertanggungjawab serta menjaga keharmonian dan keselamatan kawasan sejiran.

Kerajaan pusat melalui Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional telah menyalurkan peruntukan bagi pelaksanaan bantuan peralatan dan perlindungan insuran dalam meningkatkan keberkesanan aktiviti sukarela ini. Namun kita sedar jumlah peruntukan yang diberi tidak mencukupi bagi menampung pelaksanaan aktiviti KRT dan SRS ini. Oleh itu, buat pertama kali di dalam Bajet 2015 kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberi peruntukan sebanyak RM900,000.00 untuk memperkasakan dan juga untuk memastikan KRT dan SRS di Negeri Johor terus aktif menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Selain untuk menggalak dan mendorong KRT dan SRS untuk bergiat aktif, pengagihan peruntukan ini juga merupakan usaha kerajaan dalam memperkasakan dan memperluaskan lagi penubuhan KRT dan SRS sebagai Agen Muafakat Johor, serta sebagai penghargaan atas sumbangan tenaga masyarakat yang telah ditunjukkan dalam memastikan hasrat permuafakatan, pembangunan Negeri Johor tercapai seperti pepatah mengatakan "Jiran sepakat, membawa berkat".

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin membangkitkan, menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan Sumber Manusia yang telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat, khususnya pada sidang kali ini berbagai isu berkaitan dengan kehadiran pekerja asing telah pun dibangkitkan.

Yang Berhormat dari DUN Jorak dan juga Kempas telah membangkitkan mengenai kehadiran pekerja asing yang begitu ramai di Negeri Johor dan juga penempatan pekerja asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menerangkan di sini, Jabatan Tenaga Kerja adalah bertanggungjawab ke atas aspek pengajian dan perburuhan, di mana pekerja asing yang digajikan secara sah, layak menikmati perlindungan dan faedah yang ditetapkan oleh Undang-undang Buruh Malaysia. Bagi penempatan pekerja asing untuk sektor perladangan dan perlombongan, Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 adalah terpakai. Peruntukan okta ini mewajibkan majikan menyediakan kemudahan perumahan termasuk menyediakan bekalan air dan elektrik mencukupi, kepada pekerja mengikut ketetapan undang-undang. Bagi industri dan sektor lain, perumahan pekerja hendaklah mengikut standard yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di mana perumahan itu berada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyedari kehadiran pekerja asing ini turut memberi impak kepada rakyat tempatan dari segi sosial. Ini adalah satu kenyataan yang tidak dapat kita nafikan. Maka, Kerajaan Negeri Johor kini sedang dalam usaha untuk meluluskan Garis Panduan Dan juga Piawaian Perancangan Penempatan Pekerja Asing. Objektif Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Penempatan Pekerja Asing adalah sebagaimana berikut:

a. Memastikan perancangan pembangunan penempatan pekerja asing, disediakan di lokasi yang bersesuaian dan strategik contohnya di kawasan Iskandar Malaysia,
b. Memastikan penempatan pekerja asing yang akan disediakan memenuhi keperluan minimum mengikut piawaian yang ditetapkan.
c. Menjaga kesejahteraan dan keselamatan pekerja asing.

Jadi, kita mengharapkan penubuhan lebih banyak, *foreign workers* dengan izin di kawasan Negeri Johor ini. Adalah diharap dengan adanya penempatan pekerja asing, secara khususnya akan dapat menempatkan mereka di persekitaran yang selesa dan mengurangkan kacau ganggu dalam kalangan rakyat tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menjelaskan disini bahawa perangkaan yang direkodkan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2014, menunjukkan seramai 209,889 pekerja asing diberi kelulusan iaitu untuk pas lawatan kerja sementara dalam pelbagai sektor. Permohonan pekerja asing oleh majikan, sebenarnya dibuat di Pusat Kelulusan Setempat, Kementerian Dalam Negeri. Wakil-wakil daripada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI), Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi (MPIC), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan beberapa kementerian lain akan bertugas di pusat ini untuk memproses permohonan pengambilan pekerja asing.

Penggajian pekerja asing adalah langkah sementara untuk menampung kekosongan yang tidak dapat di penuhi oleh rakyat tempatan. Majikan hendaklah memaklumkan kekosongan jawatan tersebut terutamanya kepada Jabatan Tenaga Kerja melalui pendaftaran di *Jobs Malaysia* bagi membolehkan pencari kerja rakyat tempatan yang

berdaftar, diberi keutamaan. Penggajian pekerja asing adalah untuk sektor perkilangan, pertanian, perladangan, pembinaan dan perkhidmatan. Pekerja asing adalah hanya dibenarkan bekerja selama 10 tahun sebagai tempoh maksimum, bagi semua sektor yang di benarkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menjelaskan tentang isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Senai mengatakan dengan kehadiran begitu ramai pekerja asing, ia sebenarnya mengurangkan peluang pekerja tempatan untuk mendapatkan pekerjaan, Yang Berhormat Dato' Speaker, keutamaan mendapatkan pekerjaan adalah untuk rakyat tempatan. Itulah isu yang pertama sekali. Pengajian pekerja asing adalah langkah sementara untuk menampung kekosongan jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor yang dikenal pasti. Majikan dikehendaki memaklumkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) melalui Pusat Jobs Malaysia terlebih dahulu supaya membolehkan pencari kerja rakyat tempatan yang berdaftar diutamakan untuk mengisi kekosongan jawatan dengan menghadiri temuduga yang dijalankan. Majikan dikehendaki memberi maklum balas hasil temuduga yang telah dijalankan. Setelah semua usaha untuk mendapat tenaga kerja tempatan tidak berhasil, atau jumlah yang diperolehi tidak memenuhi keperluan majikan, maka majikan boleh mendapat surat perakuan majikan yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk memohon bagi tenaga kerja asing.

Bilangan kerja asing diluluskan berdasarkan kepada kuota yang ditetapkan, mengikut sektor oleh Pusat Proses Setempat. Majikan yang menggaji pekerja asing tidak dibenar menggaji lebih daripada 50% pekerja asing dalam kategori pekerjaan dan jawatan yang sama. Langkah ini diambil bagi mempastikan rakyat tempatan diberi keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa rakyat tempatan tidak diberi peluang ataupun mengurangkan peluang rakyat tempatan adalah sesuatu yang sebenarnya tidak benar kerana untuk membantu rakyat tempatan, ialfu pencari kerja, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Jabatan Tenaga Kerja melalui Pusat *Jobs Malaysia* bertanggungjawab untuk mempermudahkan masyarakat industri mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang mampan dan memastikan peluang pekerjaan sentiasa terbuka. Intipati program dan aktiviti adalah selaras dengan matlamat kerajaan bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan menjamin hak pekerja, khasnya bagi rakyat Johor termasuk di seluruh kawasan-kawasan termasuk kawasan Senai.

Berikutan itu, banyak program-program telah dijalankan bagi memastikan peluang pekerjaan kepada anak tempatan Johor. Antara program yang dijalankan ialah Karnival Pekerjaan, yang mana sejumlah majikan dijemput untuk mengambil bahagian dengan menawarkan peluang pekerjaan di syarikat mereka. Pencari kerja pula berpeluang untuk menghadiri beberapa temuduga semasa program ini. Ini tentunya memberi peluang lebih besar untuk mendapat pekerjaan.

Sehingga kini, Yang Berhormat Dato' Speaker, seramai 1,447 pencari kerja telah memperolehi pekerjaan dalam program Karnival Pekerjaan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, seramai 10,892 pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan melalui aktiviti *client account* Jobs Malaysia. Aktiviti ini melibatkan pemadanan pekerjaan, *Jobs matching* dengan izin yang dilakukan secara atas talian

atau secara terus oleh pusat *Jobs Malaysia*, dengan mengambil kira waktu bekerja anjal, pencari kerja juga boleh bekerja secara separa masa.

Sehingga Oktober 2014, seramai 1,587 pencari kerja telah mendapat pekerjaan secara separa masa. Lain-lain aktiviti dan kaedah dan program yang di jalankan, bagi membuka ruang kepada penggajian pekerja tempatan dan anak Johor ialah:

1. Temuduga Terbuka seramai 3,177 pencari kerja telah berjaya di tempatkan.
2. Kerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan kebajikan Masyrarakat, JAKOA, AADK dan beberapa jabatan lain, telah berjaya membantu seramai 1,604 pencari kerja memperolehi pekerjaan.
3. Melalui portal *Jobs Malaysia* pula, seramai 442 calon pekerja telah berjaya di tempatkan dalam pekerjaan.
4. Bagi program HOPS atau *'Holiday Placement Scheme'* yang bertujuan memberi peluang kepada penuntut insitusi yang sedang bercuti semester untuk bekerja sementara, seramai 709 pelajar telah bekerja cuti semester mereka. Dan ini memberi pendedahan tentang alam pekerjaan dan pengalaman bekerja.
5. Bagi penempatan golongan khas pula, seramai 231 orang telah berjaya di tempatan dalam pekerjaan.
6. Bagi Program *'Employability'* atau kebolehpasaran yang melibatkan pencari kerja dimana mereka ini juga di latih untuk tatacara menyediakan *'Resume'* dan juga tatacara menghadiri temuduga, seramai 689 pencari kerja telah mendapat penempatan pekerjaan.

Sebagai rumusan, sehingga Oktober 2014 Yang Berhormat Dato' Speaker, seramai 20,778 pencari kerja khasnya anak Johor, berjaya mendapat pekerjaan dari aktiviti-aktiviti yang telah di jalankan oleh *Jobs Malaysia*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serom bahawa keberkesanan Program Kembara Kerjaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri dengan usahasama dari Jabatan Tenaga Kerja melalui Pusat Jobs Malaysia telah menganjurkan Program Kembara Kerjaya selama empat hari bermula 25 hingga 28 September 2014 yang lalu. Dan untuk makluman inilah pertama kalinya Program Kembara Kerjaya dilaksanakan bukan sahaja di Negeri Johor, malah inilah Program Kembara dilakukan di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebanyak 3,400 peluang pekerjaan ditawarkan kepada rakyat negeri ini dalam Program Kembara Kerja tersebut yang diadakan selama 4 hari yang menjelajahi 6 daerah iaitu Kota Tinggi, Mersing, Kluang, Batu Pahat, Muar dan Pontian. Program Kembara Kerjaya itu merupakan usaha Kerajaan Johor, dalam mengwar-warkan peluang pekerjaan dan latihan sijil kemahiran yang terdapat di negeri ini. Peluang pekerjaan yang ditawarkan melibatkan 24 majikan dari agensi kerajaan, swasta dan juga syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Program ini telah menarik minat seramai 17,745 orang pengunjung dan lebih daripada 4,000 orang pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 4 hari sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan juga ramai belia-belia juga telah pun mendaftar dan juga mendapat maklumat mengenai latihan-latihan kemahiran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin memaklumkan mengenai keresahan Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Tanjung Surat berkenaan dengan projek Pengerang yang dilaksanakan di kawasannya dan sama ada apabila projek ini dilaksanakan, rakyat tempatan akan diberi peluang pekerjaan ataupun tidak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman semua, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan rakyat Johor amnya dan penduduk di kawasan yang di majukan termasuk di kawasan Pengerang dan Kota Tinggi, mendapat impak maksimum dari pembangunan yang berlaku. Berikutan dari kemasukan pelaburan yang besar menerusi projek yang sedang dibangunkan itu, kerajaan menyedari perlunya usaha untuk menyeimbangkan sumber bekalan pekerja mahir bagi memenuhi keperluan industri itu, sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara usaha yang sedang giat dijalankan adalah mengadakan kursus dan latihan kemahiran dalam bidang minyak dan gas atau *oil and gas* dengan izin, di mana Penglibatan institut latihan seperti Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara dan lain-lain lagi mengambil peluang untuk membuat kursus-kursus yang berkaitan dalam bidang ini. Dan juga keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Johor khususnya di kawasan Pengerang dan Kota Tinggi. Kita juga akan pastikan bahawa rakyat Negeri Johor khususnya di kawasan Pengerang dan Kota Tinggi juga mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan daripada masa yang sama antara langkah yang diambil untuk memaklumkan kepada rakyat Johor terutamanya belia mengenai pembangunan dan peluang latihan dan pekerjaan yang diadakan di kawasan Pengerang telah dilaksanakan menerusi Program Kembara Kerjaya 2014 yang telah saya sebutkan tadi. Hasil daripada program ini, seramai 2,256 orang belia telah pun mendaftar untuk mengikuti kursus dalam industri minyak dan gas, *oil and gas* dengan izin Dato' Speaker.

Akhir sekali Dato' Speaker, saya juga ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tiram iaitu penguatkuasaan mengenai gaji minimum RM900.00 ke atas pekerja-pekerja di semua sektor. Dasar pembayaran gaji minimum adalah bertujuan untuk memastikan pekerja dapat memenuhi keperluan asas dan menyediakan suasana sesuai untuk industri dalam meningkatkan nilai rantaian pengeluaran mereka. Dasar tersebut adalah terkandung dalam Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, dan kadarnya tercatat dalam Perintah Gaji Minimum 2012 yang berkuatkuasa pada 16 hari bulan Julai 2012, iaitu RM900.00 sebulan bagi pekerja di Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan pembayaran gaji minimum telah pun dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 hari bulan Januari 2014. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah menjalankan tindakan penguatkuasaan mulai awal tahun ini. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2014, hanya sebanyak 255 aduan telah diterima yang melibatkan pembayaran gaji minimum dan sebanyak 255 daripada 207 kes telah pun dapat di selesaikan. Manakala bagi pekerja-pekerja yang tidak dibayar gaji minimum, tetapi tidak lagi bekerja dengan majikan tersebut, mereka telah pun memfailkan tuntutan Kes Buruh, di bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955. Jumlah kes yang difailkan ialah sebanyak 38 kes dan 25 kes telah dapat di selesaikan dengan jumlah perintah sebanyak RM94,967.86.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tindakan penguatkuasaan yang berterusan akan diambil untuk memastikan majikan mematuhi undang-undang baru ini bahawa mereka dikehendaki bayar gaji minimum kepada perkara mereka iaitu RM900.00.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Akhir sekali saya ingin Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya. Saya telah cuba untuk memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya. Yang Berhormat Dato Speaker, kukuh perpaduan demi 1Malaysia, tiada makna jika hati penuh kepalsuan; mencintai negara terus membara, salam perpaduan penuh keikhlasan. Sekian terima kasih. (Dewan bertepuk)

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri. Sekarang saya mempersilakan yang berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, dan dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Assalamualaikum. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang telah sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian bagi perbahasan di dalam Mesyuarat Kedua Bajet 2015 Bagi Penggal Persidangan kali ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli–Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Kerja Raya , Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Negeri Johor. Terlebih dahulu, izinkan saya merujuk kepada ucapan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan meletakkan strategik yang ke-5 dengan bertujuan memodenkan prasarana infrastruktur awam agar dapat tadbir dengan cekap dan sistematik. Sejajar dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Wakil-Wakil rakyat, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi menyelenggara rangkaian jalan – jalan negeri selain daripada memperuntukkan RM 50 juta untuk tujuan menaik taraf jalan dan menggantikan jambatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Berhubung dengan perkara yang di bangkitkan oleh ADUN Tangkak mengenai kemalangan yang kerap berlaku di Simpang Paya Emas, JKR Johor telah menerima peruntukan sebanyak RM 300 ribu untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan di kawasan tersebut dan kerja-kerja sedang dijalankan Manakala kerja-kerja menaik taraf persimpangan Jalan Bekoh, JKR Johor telah memohon peruntukan sebanyak RM 1.0 juta kepada Kementerian Kerja Raya. Merujuk kepada cadangan ADUN Tenggaroh yang meminta pembesaran jalan Tenggaroh ke Tanjung Leman, jalan *by pass* Mersing dan jalan dari Tenggaroh ke Jemaluang masih dalam peringkat perancangan JKR dan pihak JKR akan memohon semula projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Sementara cadangan pembinaan jalan dari Sekakap ke Tanjung Leman dan seterusnya Sedili Ianya akan dilaksanakan di bawah ECER. Reka bentuk jalan tersebut telah siap dilaksanakan. Merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Adun Parit Yaani berhubung dengan kerja-kerja pembaikan Jalan Sri Bengkal ke Parit Yaani. Jalan tersebut akan diturap semula pada tahun ini di mana kontraktor telah dilantik dan kerja-kerja bermula pada 16 November 2014 yang lalu.

dan dijangka siap pada 15 Mei pada tahun hadapan, dengan anggaran kos sebanyak RM 3.5 juta. Sementara kerja-kerja penurapan Jalan Parit Jalil akan dilaksanakan pada pula bulan November ini juga dengan anggaran kos sebanyak RM 3.8 juta. Permohonan pemasangan lampu isyarat di persimpangan Jalan Bindu akan dimasukkan dalam skop projek naik taraf Jalan Bindu ke Parit Haji Salleh yang akan dilaksanakan pada tahun 2015. Bagi cadangan pemasangan lampu isyarat di persimpangan Taman Putra ke Jalan Parit Jalil akan dibuat kajian kesesuaiannya. Masalah kerosakan jalan di Parit Lada Hitam akan di siasat untuk memastikan lanya diperbaiki oleh pemaju yang melaksanakan kerja –kerja pengorekan jalan tersebut.

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Adun Johor Jaya mengenai kelewatan projek menaik taraf Jalan Pasir Gudang telah mengalami kelewatan selama 85 hari yang disebabkan kelewatan kerja-kerja pengalihan utiliti, kerja-kerja cerucuk jambatan Sungai Tebrau, Sungai Plentong dan Sungai Masai. Pihak kontraktor telah diberikan amaran supaya mempercepatkan kemajuan projek dengan menambah jentera dan tenaga kerja supaya kerja-kerja supaya dapat disiapkan mengikut jadual. Berhubung dengan cadangan Adun Machap supaya jambatan Sungai Machap diganti dan dilebarkan lanya telah diambil perhatian oleh JKR di mana permohonan semula peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 akan dibuat. Bagi cadangan pemasangan lampu isyarat di hadapan surau Kampung Sari lanya akan dikaji oleh JKR sama ada ia sesuai di pasang di persimpangan tersebut dipasang lampu isyarat.

Berhubung dengan cadangan Adun Bekok mengenai pemasangan lampu isyarat di simpang Taman Labis, Taman Perwira dan Taman Gunung Emas lanya akan dikaji oleh Jalan Kerja Raya. Kesesuaiannya untuk mengelakkan berlaku kesesakan lalu lintas di Pekan Labis kesesuaiannya untuk mengelakkan berlaku kesesakan lalu lintas di Pekan Labis akibat terlalu banyak lampu isyarat di Pekan Labis.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pihak JKR sedia maklum mengenai keadaan jalan di antara Air Hitam dan Labis yang kurang memuaskan oleh kerana peruntukan yang diterima untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala seperti menurap semula permukaan jalan adalah terhad maka pihak JKR akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan secara jangka pendek dengan menampal lubang-lubang di atas permukaan jalan. Untuk makluman ADUN Yong Peng dan ADUN Bekok pihak JKR Johor telah memohon peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya sebanyak RM25 juta untuk memperbaiki permukaan jalan dari Air Hitam ke Labis pada tahun 2015, bagi mengatasi masalah kerosakan jalan tersebut.

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Tanjung Surat, pihak JKR akan memohon semula peruntukan di bawah Rancangan Malaysia yang Ke-11 untuk membina jambatan dari Tanjung Belungkor ke Tanjung Surat dengan memandangkan telah surut dari 100 orang tinggal 20 orang sahaja tapi oleh kerana adanya projek PIPC sebagai asas permohonan baru saya yakin ADUN Tanjung Surat akan dapat melihat jambatan beliau dapat dilebarkan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Tanjung Puteri mengenai cadangan kaedah baru perlaksanaan kerja penyelenggaraan jalan-jalan lanya tidak akan melibatkan pengurangan kakitangan JKR Johor kerana kakitangan JKR Johor sedia ada masih diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja pengawasan melalui penubuhan Unit Inspektorat. Unit Inspektorat, merupakan usaha menambahbaikan unit

selenggara yang sedia ada di Jabatan Kerja Raya Johor. Penyelanggaraan secara konsesi akan dibuat secara berperingkat-peringkat yang mana Jambatan Kerja Raya Johor masih menyelenggara jalan-jalan yang belum diserahkan kepada syarikat konsesi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Berhubung perkara yang dibahaskan oleh Adun Bukit Batu berkaitan isu harga air di Johor begitu mahal, perlu di tegaskan di sini bahawa struktur tarif bergantung kepada kos membekalkan air yang berbeza antara negeri. Struktur tarif bergantung atas beberapa faktor seperti amaun subsidi kerajaan, perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, liputan perkhidmatan bekalan air, kepadatan penduduk, keadaan muka bumi, kualiti air mentah dan lain-lain.

Faktor kepadatan penduduk dan keadaan muka bumi merupakan antara faktor yang penting terhadap kos pembekalan air. Merujuk kepada keadaan muka bumi dan kepadatan rakyatnya serta agihan bekalan air, pihak operator bekalan air di Johor mengoperasikan 44 loji rawatan air dengan kapasiti pengeluaran 1986 juta liter sehari. Pengeluaran itu meliputi loji rawatan air kapasiti di antara 1.82 sehari bagi loji yang kecil serta kurang ekonomik sehingga ke loji besar dengan kapasiti pengeluaran 318 sehari. Berbanding Pulau Pinang, terlanjur banyak rujukan telah dibuat pada Pulau Pinang. Pulau Pinang mempunyai 10 loji beroperasi dengan kapasiti pengeluaran yang besar sebanyak 1,386 juta liter. Di Pulau Pinang, setiap satu kilometer paip boleh menyalurkan bekalan air sehingga kepadatan hampir 400 pengguna manakala di Johor, untuk perkhidmatan yang baik, setiap satu kilometer paip hanya menyalurkan bekalan air kepada 171 pengguna sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sehingga ke Disember 2012 sejumlah 20,308 kilometer paip telah di pasang untuk memastikan rakyat mendapat bekalan air sewajarnya berbanding dengan 4,118 kilometer paip di Pulau Pinang. Faktor ini mengakibatkan negeri Johor terpaksa membelanjakan kos infrastruktur air yang tinggi berbanding Pulau Pinang dan sekaligus menyebabkan kos operasinya tinggi. Antara dua kos operasi pembekalan air yang besar pada masa ini ialah kos sewa-pajak kepada PAAB dan kos elektrik. Setiap tambahan aset bekalan air atau penambahbaikkan aset dan kapasiti bekalan air turut melibatkan kenaikan kepada nilai sewa-pajak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Salah satu tujuan transformasi industri air Negara ialah tarif air perlu bersifat berdaya maju ke arah kemampanan jangka panjang dan *full cost recovery*. Sesungguh pun demikian, ianya harus bersifat menggalakkan penjimatan, mengekang pembaziran dan membantu kemiskinan di negeri ini. Merujuk kepada statistik penggunaan air domestik yang dikeluarkan oleh Malaysia Water Industry Guide, penggunaan air oleh pengguna domestik di Johor bagi tahun 2013 adalah 223 liter, manakala Pulau Pinang pula menggunakan air sebanyak 285 liter perkapita sehari dan mencapai tahap tertinggi di Negara sehingga 302 liter perkapita sehari. Pulau Pinang menggunakan 100% peratus jumlah air kerana rakyat di negeri tersebut bermula bermula menggunakan air secara berlebihan. Pendekatan ini dilaksanakan sebagai langkah menggalakkan rakyatnya berjimat menggunakan air. Penggunaan air domestik harian secara berhemah oleh setiap penduduk adalah sangat penting untuk menjamin kemampanan bekalan sumber air yang berterusan pada masa akan datang. Sejak pelarasan tarif dilakukan pada tahun 2010 , rekod pembayaran bil SAJ menunjukkan 99.5 peratus pelanggan membayar bil air mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kerajaan Negeri Johor juga telah mengambil pendekatan yang berkesan dengan memberi kepada kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan dan yang tidak berkemampuan. Untuk golongan miskin dan miskin tegar pemberian air percuma atau rebat air diberi sebanyak 25 meter padu, telah dilaksanakan. Pelaksanaan pemberian air percuma pada kuantiti yang ditetapkan adalah bertujuan dengan m tanggungan kos kehidupan harian golongan sasar tersebut. Sungguhpun demikian, sebagaimana yang diwartakan oleh kerajaan persekutuan mengenai GST, pengguna bekalan air domestik di negeri adalah dalam kategori *'zero rated'* GST bermakna cukai sebanyak 6% tidak di kenaikan kepada pengguna.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu ADUN Tangkak air kekuningan pula merupakan isu yang timbul akibat daripada perubahan yang berlaku kepada air mentah yang berpunca daripada tindak balas semula jadi struktur tanah hasil aktiviti pertanian dan pembangunan setempat. Keadaan ini menyebabkan nilai PH semakin merendah dan menghasilkan bahan terampai yang boleh bertindak balas dengan proses rawatan air. Aduan air berwarna ini merupakan isu operasional yang berlaku terutama di penghujung sistem. Ketika Muar mengalami masalah kualiti air. Sungguhpun sedemikian tindakan *flushing* oleh pihak SAJ telah menyelesaikan masalah ini. Pemantauan berterusan terus dilakukan secara bersepadu oleh pihak Jabatan Kualiti Air SAJ dan juga pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan air yang diterima selamat untuk digunakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah kualiti bekalan air yang kotor dan berbau yang dialami di beberapa kawasan di Kluang adalah juga berpunca dari masalah pada kualiti air mentah di Empangan Semberong Barat yang mencatatkan pembiakan Alga yang tinggi sehingga menyukarkan proses rawatan di Loji Rawatan Air Semberong Barat.

Sungguhpun pembasmian mikrob sudah dibuat di peringkat awala lagi terutama ketika proses pengudaraan dan proses penklorian awal, namun loji itu tidak mampu untuk merawat dengan menggunakan kadar pengedosan yang begitu tinggi disebabkan pematuhan pada piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Untuk makluman, air terawat yang keluar dari loji adalah selamat untuk digunakan. Sungguhpun demikian, tindak balas kimia yang berlaku dalam sistem paip telah menyebabkan kandungan baki klorin semakin rendah dan keadaan ini boleh menggalakkan perkembangan mikrob dan seterusnya menghasilkan warna dan bau. Walau bagaimanapun untuk langkah jangka masa pendek, usaha-usaha *secondary chlorination* di lakukan untuk menghindari isu kekeruhan dab bau. Langkah ini sudah pun dilakukan di tiga tangki servis utama iaitu di Tangki Taman Kluang, Tangki Ladang Lambak dan juga Taman Sri Impian dan ia memperlihatkan hasilnya. Pemantauan berterusan di paip retikulasi pada sistem agihan loji rawatan air Semberong Barat merupakan langkah jangka sederhana yang tetap dilakukan. SAJ juga pada masa ini membelanjakan kira-kira RM1.25 juta bagi memasang alat baru iaitu *LG Sonic* sebagai pembasmi Alga di loji terbabit. Selain itu beberapa alat di loji itu dinaiktarafkan supaya mampu merawat ciri-ciri air yang sedang berlaku sebagaimana di Empangan Sembrong Barat. Penambah alat pembasmi Alga diharap dapat membantu untuk jangka masa panjang khususnya bagi sebuah loji yang baru diambil alih.

Yang Berhormat Tan Sri, sungguhpun demikian, keadaan ekstrem yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Adun Mengkibol berlakunya hanya di taman yang disebutkan ianya tidak menggambarkan keseluruhan Daerah Kluang sepertimana yang dibangkitkan. Pihak SAJ akan memastikan bekalan air yang sempurna diagihkan kepada penduduk di kawasan Yang Berhormat. Bagi inisiatif jangka panjang kajian sedang dilaksanakan untuk mendapatkan bekalan air dari Tangki Geriba di Batu Pahat dan perlaksanaan *in line pumping*.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyentuh kepada perkara yang di bangkitkan oleh Adun Senai, berkaitan projek komuter Iskandar adalah Di maklumkan....

Yang Berhormat Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, boleh sambung selepas kita minum air. Saya tangguhkan Persidangan 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada 4:05 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 5:15 petang.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita mengalu-alukan pemerhati daripada kawasan Johor Lama yang terdiri daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO Kota Tinggi dan Sekretariat KPMM Dun Johor Lama seramai 30 orang. Yang Berhormat Persidangan kita teruskan sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah: Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Menyentuh kepada perkara yang dibangkitkan oleh Adun Senai berkaitan projek komuter Iskandar dah Di maklumkan perkhidmatan train komuter KTM telah pun diperkenalkan untuk laluan Kulai Johor Bahru tetapi kurang mendapat sambutan. Projek landasan berkembar KTM dari Gemas ke Johor Bahru sedang di dalam proses menyiapkan dokumen tender bagi tujuan pelaksanaan. Oleh yang demikian, projek komuter Iskandar tidak dapat dilaksanakan sehingga pembinaannya siap sepenuhnya. Projek landasan berkembar hanya melibatkan dari Gemas, Kempas, Johor Bahru tanpa melibatkan laluan Nusajaya dan Pasir Gudang. Sehubungan dengan itu banyak kos yang diperlukan untuk membaik pulih landasan dan infrastruktur tersebut. Stesen Pasir Gudang dan Stesen Tanjung Kupang sememangnya Stesen Kargo. Selain daripada 5 stesen keretapi dalam perkhidmatan yang berada di Wilayah Iskandar. Kerajaan negeri melalui pelan induk pengangkutan awam Iskandar ada menerima beberapa cadangan untuk membangunkan sistem pengangkutan awam termasuklah sistem komuter menggunakan landasan kargo. Menyentuh mengenai isu peruntukan yang diberikan bagi melaksanakan pelan induk pengangkutan awam Johor proses pengumpulan data akan melibatkan kos yang tinggi. Sehubungan dengan itu, PAIM telah mula melaksanakan aktiviti pengumpulan data asas, trafik dan pengangkutan awam. Selain itu PAIM juga telah mengambil kira semua pandangan dan cadangan daripada pihak PBT berkenaan pelaksanaan pelan induk pengangkutan awam ini. Oleh itu, PAIM merasakan peruntukan yang disediakan dalam bajet 2015 adalah mencukupi. Berdasarkan pengumpulan data yang telah dijalankan dianggarkan 1.5 juta sahaja yang diperlukan untuk menyediakan induk pengangkutan awam Johor. Merujuk kepada perkara berkaitan projek sistem rel

berkelajuan tinggi, Kerajaan Negeri menerima baik cadangan pihak Kerajaan Persekutuan yang dijangka bermula dari Kuala Lumpur hingga Singapura.

Berkenaan jajaran koridor di negeri Johor, daerah yang akan dilalui ialah Muar, Batu Pahat, dan juga Nusajaya. Dicadangkan adalah berdasarkan kepada beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pihak SPAD. Dengan mengambil kira jarak yang bersesuaian dengan kaedah operasi serta populasi penduduk setempat. Bagi mengekalkan ketiga-tiga lokasi ini, pihak SPAD bersama beberapa jabatan peringkat negeri telah pun mengadakan beberapa siri bengkel dan perbincangan bagi memperhalusi lokasi ini. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan agar cadangan lokasi ini dapat dikekalkan dengan mengambil kira kedudukan serta limpahan impak ekonomi yang akan dinikmati bagi daerah dan kawasan sekitarnya dengan adanya projek ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Perbadanan PAIM sebagai agensi negeri yang menyelaras dan memudah cara semua hal berkaitan pengangkutan awam bagi negeri Johor telah bekerja sama dengan semua agensi tempatan di peringkat daerah bagi memperhalusi dan menetapkan lokasi terminal projek keretapi berkelajuan tinggi ini. Semasa bengkel ini diadakan di setiap daerah perbincangan bersama agensi berkepentingan terutamanya PBT melibatkan perancangan pembangunan dan guna tanah masa hadapan kesesuaian dan hak milik tanah dan sebagainya telah diambil kira. Impak terhadap sosial ekonomi penduduk setempat juga telah diperdebatkan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Adun Skudai, sejajar dengan dasar kerajaan bagi menggalakkan projek-projek penswastaan di Malaysia, Lebuhraya EDL juga merupakan salah satu contoh cadangan yang dikemukakan oleh pihak swasta bagi memperbaiki infrastruktur sistem perhubungan jalan raya sedia ada. Pihak PLUS mengutip tol bagi menanggung kos kerja-kerja penyelenggaraan dan operasi yang melibatkan laluan di Tambak Johor sahaja. Aspek-aspek lain yang dibangkitkan oleh Adun Skudai dan termasuk perkara-perkara dibangkitkan oleh Adun Tenggaroh dan Stulang, ketika ini pihak kami tidak dapat memberi maklum balas berhubung isu yang dibangkitkan. Memandangkan terdapat bantahan kes mahkamah ke atas penetapan tol bagi lebuhraya EDL yang telah dibawa ke mahkamah menerusi Writ Saman di Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Langkah ini bertujuan mengelakkan implikasi kepada kes tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan yang perkara yang dibangkitkan oleh Adun Tanjung Puteri berkaitan VEP adalah Di maklumkan bahawa pelaksanaan VEP sepatutnya bermula pada 1 Januari 2015. Namun begitu terpaksa ditangguhkan selewat-lewatnya Jun 2015 atas sebab-sebab berkaitan dengan urusan perolehan. Sehubungan itu jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan bagi pelaksanaan tersebut. Secara teknikalnya, urusan berkaitan pelaksanaan ini sedang giat dijalankan dan ianya diselia oleh Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Serta dibantu oleh agensi-agensi berkaitan dengan operasi tersebut. Terlebih dahulu Di maklumkan bahawa peruntukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Di maklumkan bahawa peruntukkan sebanyak RM 50.15 juta untuk negeri Johor yang disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi mempertingkatkan keberkesanan dan capaian prasarana awam di luar bandar.

Merujuk kepada projek lampu jalan kampung, secara dasarnya, pihak Kementerian memperuntukkan maksimum 30 pemasangan lampu pada tiang lampu sedia ada bagi sesebuah kampung. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor berperanan sebagai penyelarasan untuk mengenal pasti keperluan mengikut keutamaan bagi setiap daerah di negeri Johor.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedar lampu jalan kampung merupakan keperluan utama kepada masyarakat luar bandar untuk menjalankan aktiviti pada waktu malam. Sehubungan itu pemasangan lampu jalan kampung di kawasan kampung di negeri Johor akan diteruskan pada tahun 2015. Mengikut maklumat awal yang di terima daripada pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor, menyatakan bagi lampu jalan kampung yang di terima untuk negeri Johor adalah berjumlah 6,000 unit yang dianggarkan berjumlah 2.9 juta untuk lampu jalan kampung Fasa 7 bagi tahun 2015. Kerja-kerja pemasangan jalan kampung ini akan dilaksanakan oleh Tenaga Nasional yang di jadual bermula pada bulan Februari 2015 dan akan siap sepenuhnya sebelum 31Disember 2015. Pengagihan kuantiti pemasangan jalan kampung ini akan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri selepas dibincangkan di peringkat negeri. Mudah-mudahan dengan adanya peruntukan tersebut ianya akan dapat menerangkan kawasan-kawasan liputan supaya kegiatan ekonomi, sosial dan riadah dapat di jalankan pada waktu malam dengan selamat dan selesa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Adun Bukit Gambir, adalah Di maklumkan bahawa Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan 100 hotspot wifi percuma kepada rakyat Johor dilokasi awam dan tumpuan ramai di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan. Pelaksanaan *Proof Of Concept*, wifi Johor telah dibuat pada 1 Jun hingga 30 Jun 2014 dilokasi Hutan Bandar Johor Bahru, Terminal Bas dan Teksi Taman University Skudai, Kompleks Sukan Bandar Pasir Gudang dan Bangunan Arked Mara Kulai Jaya. Setelah penilaian dilakukan Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kos bagi cadangan perlaksanaan perkhidmatan wifi hotspot di 100 lokasi di negeri Johor perlu dibuat kajian yang terperinci bagi mengenal pasti kos sebenar yang bersesuaian dengan ketersediaan infrastruktur dan talian internet sesebuah lokasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paloh berkaitan kekerapan gangguan bekalan elektrik di kawasan beliau sejak akhir-akhir ini, sistem pembekalan tenaga elektrik di kawasan ini bersumberkan punca bekalan dari pencawang masuk utama Niyor yang jaraknya ke kawasan berkenaan lebih kurang 30km. Walau bagaimanapun dari sistem pembekalan TNB jarak kabel voltan tinggi secara umumnya sejauh 45km. Keseluruhan pencawang TNB di kawasan Paloh adalah sebanyak 49 buah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari analisa yang dibuat didapati punca utama gangguan pembekalan di kawasan Yang Berhormat adalah disebabkan oleh gigitan oleh tupai di talian sesalur voltan tinggi TNB.

YB Dato' Speaker : Kuat Tupai eh?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Tupai Yang Berhormat.

YB Dato' Speaker : Kalah TNB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Ke 2, kerosakan sambungan dan juga aktiviti korekkan oleh pihak ke 3. Tu punca-punca. Sehubungan itu, pelan tindakan jangka pendek dan juga pelan tindakan jangka panjang sedang diambil oleh pihak TNB. Dengan siapnya keseluruhan projek-projek pengukuhan sistem seperti di atas bekalan elektrik di kawasan Paloh akan bertambah stabil dan berdaya harap.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah sedikit sebanyak ulasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mana-mana jawapan yang kurang jelas jawapan secara bertulis atas permintaan akan dibuat untuk huraian lanjut seperti mana yang diharapkan. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya. Kita teruskan, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Selamat sejahtera, salam 1Malaysia dan salam Muafakat Johor. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan bagi sesi bajet negeri Johor bagi tahun 2015. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana berjaya membentangkan bajet 2015 pada 13 hari bulan yang lalu dalam Dewan yang mulia ini. Syabas kepada negeri Johor kerana sekali lagi mencapai surplus dengan izin, seterusnya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana banyak perkara khususnya soal pelancongan telah ditimbulkan semasa perbahasan tersebut dan saya akan memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap semua perkara serta berusaha melaksanakan cadangan sesuai yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apa-apa cadangan yang membina dan berniat baik pasti saya beri perhatian lebih dan apa-apa teguran yang diberikan juga saya terima dengan hati yang terbuka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tema bajet bagi tahun 2015 iaitu "Membangunkan Johor Secara Inklusif" amat bertepatan dengan matlamat dan agenda Kerajaan Negeri yang ingin memperbaik kan membaiki tahap sosial ekonomi dan memberikan pelbagai kesejahteraan hidup secara lebih adil, saksama dan menyeluruh setelah mendalami bajet ini saya yakin negeri Johor sedang berada di landasan yang betul dan berupaya untuk terus mara ke hadapan. Dalam beberapa sesi perbahasan ini, ramai Ahli Yang Berhormat telah berucap berkenaan dengan industri pelancongan negeri Johor sebelum ini industri pelancongan tidak banyak dibincangkan di Dewan yang mulia ini. Tetapi nampaknya sektor pelancongan telah mula memberi banyak sumbangan kepada ekonomi negeri Johor dan mendapat perhatian ramai Ahli yang Berhormat khususnya Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana yang berminat untuk menyentuh berkaitan sektor ini. Kemajuan sektor pelancongan pasti membawa kebaikan pelbagai aspek kepada semua pihak di negeri Johor tanpa mengira latar belakang politik. Apa yang pentingnya adalah sebagai rakyat Johor kita semua

seharusnya bekerjasama membantu menaikkan imej negeri Johor supaya dikenali di peringkat persada antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Beberapa tahun yang lalu, negeri Johor hanyalah menjadi laluan transit kepada pelancong dari Negara Singapura ke utara dan sebaliknya. Walaupun Johor merupakan pintu masuk ke Malaysia. Jumlah pelawat yang masuk ke Johor tidak boleh kita banggakan kerana mereka hanya singgah sebentar sahaja di negeri ini sebelum ke tarikan-tarikan pelancongan di negeri lain. Keadaan ini telah mula berubah apabila kita mula menawarkan tarikan pelancongan yang ikonik dan unik tanpa kita berlawan dengan negeri-negeri lain.
Salah satu kluster pembangunan pelancongan yang dikenal pasti di dalam Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor, iaitu kluster *'Family Fun'* dengan izin telah kita wujudkan dengan bantuan kerajaan persekutuan dan pihak swasta. Taman-taman tema telah menjadi sinonim dengan negeri Johor dengan adanya *Legoland Malaysia, Sanrio Hello Kitty Town, Little Big Club, Angry Bird Activity Club,*(dengan izin) dan banyak lagi taman-taman tema lain yang bakal dibuka di negeri kita.

Kini, bermalam satu malam di Johor tidak lagi mencukupi, dan dengan itu tempoh bermalam dan kadar penginapan pelancong di negeri Johor telah meningkat sepertimana yang telah saya sebut pada awal sidang dewan ini. Ini adalah satu pencapaian yang sangat baik bagi kita. Negeri Johor bukan sahaja menjadi tarikan pelancong, kita juga telah dapati pelancong yang datang ke negeri Johor adalah dari negara-negara yang sebelum ini tidak kebiasaannya melawat Johor, seperti dari Australia, Filipina, Indonesia, India, Hong Kong dan lain-lain negara serantau ini. Pelawat-pelawat ini bukan sahaja menyumbang terus kepada sektor pelancongan sahaja tetapi juga membawa impak ekonomi kepada industri hiliran dan sokongan yang lain seperti perhotelan, makanan, pengangkutan dan lain-lain bidang ekonomi.

Dengan itu juga, kita mula menyaksikan pembukaan pusat-pusat membeli belah seperti *Johor Premium Outlet, Komtar JBCC* dan banyak lagi pusat membeli-belah yang sedang dalam pembinaan yang juga akan menyumbang kepada ekonomi negeri melalui peluang perniagaan dan pekerjaan. Ini selaras dengan kluster *'Leisure Shopping'* dengan izin dalam Pelan Induk Pelancongan Johor.

Apabila kita berjaya menunjukkan kejayaan dalam bidang ini, terdapat pula pandangan yang menyatakan bahawa tarikan pelancongan ini tidak mampu dikunjungi oleh rakyat Malaysia. Kadar yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Johor Jaya sebenarnya adalah kadar biasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, hampir semua taman tema di negeri kita ini ada menawarkan kadar yang lebih rendah kepada rakyat tempatan. Sebagai contoh, *Hello Kitty Theme Park* dan *Little Big Club* (dengan izin) memberi diskaun kepada pemegang *mykad* dengan potongan sehingga 40% semasa *'low season'* dengan izin, pakej sekolah sehingga 60% lebih rendah dan pakej khusus untuk warga Johor. Kedatangan pelancong domestik pun telah menunjukkan ramai rakyat tempatan yang datang ke tarikan pelancongan ini. Mungkin Yang Berhormat Johor Jaya yang merupakan orang Johor haruslah melapangkan masa untuk berkunjung sendiri ke taman-taman tema yang popular ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dia nak pergi tak ada kawan, Yb (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Hah?

YB Dato' Timbalan Speaker : Dia nak pergi tak ada kawan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Ha ya, saya ajak. Tak payah menunggu kenaikan elaun sebab saya yakin Yang Berhormat mampu untuk beli tiket lagi atau apa yang Dato' Speaker cakap, mungkin izinkan saya untuk belanjakan YB pada suatu hari. (Dewan bertepuk)

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Boleh teman tak? Boleh bawa seluruh Dewan pergi. (Dewan ketawa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Boleh kan? Yang Berhormat. Bukan ini *open* punya tak ada hal, tak ada masalah (Dewan ketawa). Taman-taman tema tak ada masalah. Yang Berhormat Dato' Speaker, ramai juga merasakan bahawa kita terlalu banyak mempromosikan taman tema kita berbanding dengan tarikan yang lain. Perlu saya ingatkan bahawa usaha kerajaan di dalam perkara ini adalah bagi memperkuatkan status pelancongan negeri ini. Produk-produk bertaraf antarabangsa yang semakin banyak ini sebagai usaha kerajaan negeri untuk mencapai matlamat kita iaitu menuju ke arah destinasi pelancongan bernilai tinggi sepertimana yang dikatakan dalam Pelan Induk Pelancongan Johor. Kini, semakin ramai pengusaha industri pelancongan antarabangsa mula mengenali di mananya negeri Johor semasa kita mengadakan ekspo dan *'Travel Mart'* dengan izin di luar negara.

Pada masa yang sama, ia tidak bermaksud kita mengetepikan tarikan-tarikan yang lain seperti pelancongan warisan dan eko-pelancongan, tetapi sebaliknya kita meletakkan pelancongan warisan sebagai satu sektor yang membantu kluster *'Urban Heritage & Lifestyle'* dengan izin yang ada di selatan Johor dan memberikan penekanan kepada eko-pelancongan melalui peruntukan tinggi dalam bajet tahun depan.

Seperti Yang Berhormat Pengkalan Rinting dapat lihat, dengan adanya pelancong yang datang ke taman tema juga berkesempatan melawat ke produk-produk warisan di sekitar Bandar raya Johor Bahru. Tarikan warisan dan eko-pelancongan seperti di Kg. Sungai Melayu dan Kong Kong juga menunjukkan bagaimana pelancongan moden seperti taman tema dan pelancongan warisan adalah saling melengkapi.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senggarang, pelancongan warisan ini bukan sahaja tertumpu di Bandar raya Johor Bahru tetapi juga merangkumi bandar-bandar yang mempunyai sejarah yang begitu gemilang, termasuk Bandar Penggaram di Batu Pahat dan Bandar Maharani di Muar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bersempena dengan *Malaysia Year of Festival 2015*, dengan izin, negeri Johor telah mengenal pasti festival-festival mega berunsur warisan dan moden yang melibatkan pelbagai kaum. Ini termasuk Festival Layang-layang Sedunia, *Festival Chingay*, Festival Zapin Nusantara, *JB Arts Festival* dengan izin dan Festival Citrawarna Johor. Pengunjung-pengunjung yang menyertai festival-festival ini tidak perlu kos perbelanjaan yang tinggi.

Kerajaan Negeri juga terus mempromosikan tarikan pelancongan di Taman Negara dan Taman Laut, tetapi secara lestari dengan mematuhi tahap *'carrying capacity'* dengan izin kawasan tersebut, seperti yang dinyatakan di dalam ucapan bajet YAB Menteri Besar, prasarana ekopelancongan bagi Taman Negara Endau Rompin dan Taman Laut melalui konsep *'Rainforest to Reef'* dengan izin menunjukkan usaha kerajaan bagi meneruskan tarikan pelancong ke kawasan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Abong, stesen-stesen televisyen Eropah juga telah membuat penggambaran tahun demi tahun yang telah memperkenalkan Johor kepada rakyat negara luar terutama kepada warga Eropah yang lebih berminat dengan pantai, pulau dan hutan kita berbanding dengan taman tema di Iskandar Malaysia. Rancangan-rancangan ini, walaupun tidak disiarkan di televisyen kita, ia ditonton oleh rakyat Eropah di waktu utama, dan telah meningkatkan minat pelancong Eropah ke tapak-tapak eko-pelancongan di negeri ini.

Oleh yang demikian, strategi kerajaan negeri melalui Jabatan Pelancongan adalah berbeza bagi negara yang berbeza. Usaha kini ditingkatkan bagi pelancong rantau Asia terutama sekali negara-negara ASEAN, dengan menyertai negeri Johor buat pertama kalinya di ITB Asia, iaitu satu forum *business to business* dengan izin yang ulung di Asia. Ia akan diteruskan dengan penyertaan di dalam forum pelancongan Asia yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mulai 1 November tahun ini, kerajaan pusat telah menerima cadangan dan usaha kerajaan negeri untuk membenarkan kemudahan *Visa on Arrival*, VOA dengan izin untuk warga negara China dan India yang melalui *SecondLink* dengan izin melalui negara ketiga khususnya Singapura. Saya menyahut cadangan Yang Berhormat Gambir supaya Jabatan Pelancongan meningkatkan lagi promosi kepada dua sasaran ini, memandangkan kadar ketibaan pelancong yang tinggi dari negara ini walaupun sebelum adanya VOA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan adanya tarikan pelancongan yang lebih menarik, semakin banyak juga hotel-hotel yang dibina di negeri Johor. Hotel-hotel ini bukan sahaja melibatkan hotel berjenama dan lima bintang, tetapi juga hotel-hotel bajet. Ia menunjukkan kita bukan sahaja menerima pelawat berpendapatan tinggi, malah juga menerima *'backpackers'* dengan izin atau pelancong bajet.

Untuk makluman Yang Berhormat Johor Jaya dan Yang Berhormat Bekok, selain daripada kemudahan hotel bajet, kemudahan pengangkutan juga membolehkan pelancong bajet untuk melawat tarikan seperti Taman Negara Endau Rompin dengan menggunakan kereta api melalui Bekok, yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada Taman Negara tetapi juga bagi ekonomi di pekan kecil seperti Bekok.

Memandangkan bilangan bilik hotel semakin bertambah, kerajaan negeri kini berusaha untuk meningkatkan *MICE*, yang bukan sahaja menggalakkan pelawat ke negeri Johor untuk tujuan konvensyen, persidangan dan pameran, tetapi juga meningkatkan kadar penginapan sepanjang minggu. Ia akan membantu industri perhotelan untuk terus berkembang kerana pengunjung tidak terhad di hujung minggu dan di musim percutian sahaja. Pembinaan Pusat Konvensyen Puteri Harbour akan membantu mencapai hasrat ini, selain daripada pusat-pusat konvensyen sedia ada

seperti Persada Johor. Pengalaman Johor menjadi hos *World Islamic Economic Forum* dengan izin, pada Tahun 2012 menunjukkan kita mampu menjadi tuan rumah bagi persidangan antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan peranan Mersing sebagai laluan pelancong ke Pulau Tioman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenggaroh, saya berpendapat ia bukan lah satu perkara yang tidak baik. Bandar Mersing menerima banyak pulangan dengan memainkan peranan ini, terutama sekali di dalam sektor perhotelan, restoran, dan pengangkutan. Kerajaan terus membangunkan infrastruktur di kepulauan Mersing supaya dapat menerima lebih banyak pelaburan swasta dan lebih ramai pelawat yang datang dari Mersing. Selain melalui Mersing, Pulau Tioman juga boleh dikunjungi dari Lapangan Terbang Senai mulai bulan depan. Ia juga akan memberikan hasil kepada industri penerbangan di Senai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tangkak menyentuh tentang latihan kemahiran bagi pengusaha industri pelancongan. Latihan bagi meningkatkan kemahiran di dalam sektor pelancongan sentiasa diberi perhatian. Selain daripada kursus-kursus peningkatan kapasiti yang dijalankan oleh UPEN Johor, Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Johor, Jabatan Pelancongan Negeri dan *Tourism* Malaysia Negeri Johor telah mengadakan kursus-kursus asas pelancongan desa, kursus *"We are the Host"* dengan izin, kursus Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun, kursus pembangunan pakej *homestay* dengan izin dan lain-lain kursus bagi penggiat industri ini terutamanya dari luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang dibentangkan dalam bajet untuk menjadikan negeri Johor sebagai *"The New Economic Powerhouse"* dengan izin bagi Malaysia, sukacita Di maklumkan dengan prestasi pelaburan yang begitu positif, saya amat yakin pertumbuhan ekonomi negeri akan terus berkembang dengan pesat dan kukuh.

Menyentuh tentang hujah daripada Yang Berhormat Kukup, tidak dinafikan bahawa prestasi pelaburan yang masuk ke negeri Johor adalah amat memberangsangkan dan akhir-akhir ini telah menjadi topik perbualan oleh pelbagai pihak. Sebagaimana yang telah disuarakan oleh YAB Menteri Besar, negeri Johor telah menerima pelaburan dalam sektor pembuatan berjumlah RM18.7 bilion, bagi tempoh Bulan Januari sehingga Bulan Julai tahun ini. Ia bukanlah satu jumlah yang kecil dan prestasi ini telah melangkaui pencapaian pelaburan pada tahun lepas iaitu RM14.4 bilion.

Kerajaan negeri di bawah pimpinan YAB Menteri Besar sememangnya fokus dalam perancangan strategi dan secara konsisten dalam pelaksanaan dasarnya, membolehkan negeri Johor kini mendapatkan pengiktirafan daripada pelabur-pelabur yang berpotensi tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, prestasi pelaburan kita telah berturut-turut dua tahun menduduki tangga nombor satu dalam negara selepas PRU-13. hal ini sememangnya berkaitan dengan negeri lain yang kini jauh ketinggalan di belakang Johor. Sebelum PRU-13, mereka mendakwa bagaimana mereka begitu hebat dalam menarik pelaburan, meningkatkan tahap ekonomi dan membawa kemakmuran di negeri mereka tetapi kini selepas rakyat memberi mandat kepada mereka untuk mentadbir beberapa negeri, berdasarkan statistik MIDA, dengan jelasnya prestasi

pelaburannya merosot seperti negeri Pulau Pinang di nombor empat dan khususnya negeri Selangor yang kedudukan nombor lima. Maka, janganlah pandai bercakap di sini, tengok prestasi negeri dia orang memang cakap tak serupa bikin. Di negeri Johor sini, jumlah pelaburan yang masuk adalah besar, kita bercakap tentang statistik, kita juga bercakap tentang keyakinan, saya rasa rakan-rakan di sebelah sana faham apa yang saya cakap (Dewan bertepuk).

Statistik pelaburan ini menggambarkan bahawa pencapaian yang boleh diukur dapat menyatakan prestasi sebenarnya kerajaan negeri Johor di bawah YAB Menteri Besar kita yang ikhlas untuk memerintah negeri ini. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Johor sekarang ini mementingkan pembangunan negeri, mempergiatkan ekonomi seluruh rakyatnya, tanpa bergelut dengan isu-isu agenda kepentingan politik sendiri sehinggalah menjejaskan pertumbuhan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang saya cuba sampaikan ini adalah kestabilan politik dan masyarakat adalah penting untuk menerajui ekonomi sesebuah negeri. Prestasi ini turut menggambarkan bahawa negeri Johor adalah sebuah negeri tarikan para pelabur dari setiap tempat, sama ada secara domestik mahupun negara luar, untuk melabur dan menanam modal mereka di sini. Pelabur-pelabur ini sememangnya menjalankan kajian yang terperinci terlebih dahulu sebelum berkeputusan untuk melabur di sini.

Di samping itu, industri yang dibawa masuk ini berteknologi tinggi dan intensif buruh yang rendah, ini memudahkan para pelabur menggunakan keupayaan pemprosesan barang yang teknologi tinggi, yang baru dan dalam masa yang sama mengoptimumkan kepakaran pekerja dari rakyat tempatan. Sememangnya prestasi pelaburan cemerlang yang diterima oleh Negeri Johor pada masa kini, adalah hasil keprihatinan Kerajaan Negeri Johor yang peka kepada aspirasi rakyat untuk melihat pembangunan negeri bukan sahaja fizikal dan infrastruktur, malahan penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang boleh meningkatkan pendapatan rakyatnya. Semua faedah ini bukanlah semurah, umpama pembahagian gula-gula kepada kanak-kanak, tetapi ia hendaklah dinikmati oleh semua lapisan rakyat Johor secara saksama dan inklusif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangkak, perancangan untuk mewujudkan *Ledang Furniture Center* (LFC) dengan izin, sudah memasuki fasa akhir perbincangan pelaksanaan. Ini termasuklah dengan adanya kelulusan daripada pihak MITI, bantuan intensif fizikal dari MIDA dan Unit Kerjasama Awam, Swasta, UKAS, di bawah Jabatan Perdana Menteri, bagi permulaan kerja-kerja infrastruktur. Sememangnya pembangunan LFC ini, akan melonjak potensi daerah-daerah dan kawasan sekitarnya sebagai hab pengeluaran, hasil perbuatan perabot untuk dieksport. Inilah merupakan langkah terbaik Kerajaan Negeri sekarang ini. Untuk memastikan konsep pembangunan inklusif dan saksama bagi daerah utara Negeri Johor selepas Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa guna pasang pelita, jika tidak dengan sumbunya; apa guna bermain kata, kalau tidak dengan sungguhnya. Demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan pada hari ini. Dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu bawah portfolio saya, dalam

perbahasan mereka di Dewan yang mulia ini. Kalau ada perkara yang terlepas pandang, mohon tindakan susulan daripada jabatan-jabatan bawah portfolio saya. Akhir kata, marilah kita bekerjasama, bersama-sama. Mudah-mudahan Johor akan menjadi Jauhari Selatan dan destinasi pelancongan terbaik Malaysia. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Perdagangan dan Kepenggunaan. Kita teruskan perbahasan. Jemput.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Dato' Speaker, melati mekar, tepian..

YB Dato' Timbalan Speaker : Ada pemerhati ya?

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Melati mekar tepian muara, singgahan riang sekawan tempua; assalamualaikum memula bicara; Muafakat Johor pelengkap kata. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu terima kasih diucapkan di atas peluang yang telah diberikan kepada saya, untuk turut serta dalam penggulungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015), Tahun 2014. Tahniah, syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, di atas pembentangan bajet yang bertemakan "Membangunkan Johor Secara Inklusif".

Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Daun selasih pucuk ubi; dimakan orang majlis kenduri, terima kasih rakan YB, atas saranan, cadangan diberi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan permasalahan yang telah dibangkitkan oleh ADUN kawasan Tangkak, mengenai dengan aduan permohonan bantuan JKM, yang mengambil masa yang lama dan juga ada mereka yang bekerja mendapat bantuan lebih tinggi daripada tak bekerja bagi golongan OKU. Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, setiap permohonan bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat, diselaraskan melalui sistem berkomputer yang dinamakan sistem eBantuan. Sistem ini merekodkan semua data dan maklumat pemohon yang berdaftar, dan semua perkara berkaitan dengan keputusan permohonan, sama ada lulus atau gagal akan dicetak secara bersurat. Setiap permohonan yang lulus atau gagal akan di senarai berserta dengan alamat pemohon, yang akan dikirimkan melalui pos. Bagi kes-kes yang tidak menerima surat keputusan permohonan, dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, tempoh masa sebulan mengikut piagam pelanggan Jabatan, berkemungkinan besar pemohon telah memberikan maklumat yang kurang tepat dan alamat surat menyurat yang tidak lengkap. Untuk makluman, lebih 30% surat yang dikirimkan kepada pemohon, telah dikembalikan semula kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana alamat yang tidak lengkap selain

pemohon telah berpindah, tidak dapat dikesan atau pemohon tidak dikenali dan sebagainya. Bagi kes-kes yang terpencil dan memerlukan tindakan segera, pihak JKM akan menghubung terus sama ada melalui telefon atau hadir ke rumah pemohon untuk tindakan selanjutnya. Walaupun begitu, masih terdapat maklumat yang diberikan oleh pemohon tidak lengkap seperti nombor telefon yang salah, nombor yang tiada dalam perkhidmatan, alamat rumah yang tidak benar dan tersalah rumah. Dan, ini akan menyebabkan permohonan kepada bantuan kebajikan terpaksa dibatalkan.

Untuk makluman juga, permohonan yang gagal adalah sebabkan permohonan yang tidak menepati atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kadar bantuan kewangan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada mereka yang bekerja, atau tidak bekerja terutamanya kepada golongan OKU telah beberapa kali dinaikkan. Dan juga berapa skim bantuan baru, telah pun diperkenalkan. Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada golongan yang tidak berupaya dan memerlukan seperti penyediaan sebanyak RM300.00 sebulan kepada keluarga yang menjaga OKU terlantar. Elaun pekerja cacat ataupun EPC juga diberikan kepada OKU yang bekerja sebanyak RM300.00 sebulan, dengan syarat memperolehi pendapatan minimum gaji bulanan sebanyak RM1,200.00. Melalui Pembentangan Bajet Kerajaan Persekutuan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober 2014, yang digunapakai selepas pekeliling rasmi dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, kerajaan telah meluluskan untuk memberi kenaikan kepada beberapa jenis bantuan OKU seperti berikut:

1. Kenaikan kadar bantuan OKU bekerja EPC sebanyak RM50.00 sebulan daripada RM300.00 kepada RM350.00 sebulan.

2. Kenaikan kadar bantuan OKU tidak bekerja sebanyak RM50.00 sebulan daripada RM150.00 kepada RM200.00 sebulan.

Yang Berhormat ADUN Tangkak juga membangkitkan, mengenai syarat kelayakan penerima bantuan supaya dikaji semula, khasnya bagi pendapatan yang melebihi RM720.00. Pendapatan Garis Kemiskinan ataupun PGK yang diguna pakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah berdasarkan kepada PGK yang ditetapkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan ICU, Jabatan Perdana Menteri. Dan, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat masih mengekalkan PGK terdahulu iaitu RM720.00 di Semenanjung, RM830.00 di Sarawak dan RM960.00 di Sabah. Kajian semula kepada syarat-syarat bantuan kebajikan juga bergantung kepada PGK yang ditentukan oleh ICU Jabatan Perdana Menteri. Walaupun begitu, bagi menilai dan menentukan mereka yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu dengan berkesan, penilaian yang dibuat juga adalah berasaskan kepada kemampuan dan keperluan pemohon, lanya melihat kepada faktor-faktor lain seperti kawasan tempat tinggal sama ada di bandar ataupun di luar bandar, bilangan anak atau tanggungan yang tinggal bersama, ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, sokongan daripada ahli keluarga, keadaan dan kelengkapan rumah dan perkara lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon ataupun keluarga.

Skim bantuan yang diwujudkan adalah sebagai alat dalam proses menolong *client* ke arah pemulihan pencegahan, pembangunan dan perintegrasian, yang merupakan satu kaedah dalam kerja sosial. Proses pemberian bantuan kebajikan juga, mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari. Dan, kadar bantuan sedia ada dan kenaikan kadar yang dibuat, adalah berdasarkan kepada perkiraan semasa dan setelah ditetapkan, mengambil kira kecukupan peruntukan perbelanjaan optimum terhadap kewangan kerajaan serta keberkesanan dalam pelaksanaan bantuan kewangan kepada mereka yang benar-benar layak.

Yang Berhormat ADUN Parit Yaani meminta jasa baik pihak JKM atau pihak hospital menyediakan kenderaan ambulans untuk membawa pesakit terlantar yang memerlukan rawatan terutama daripada keluarga miskin. Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak menyediakan ambulans atau kenderaan secara sepenuh masa bagi membawa pesakit terlantar yang memerlukan rawatan di hospital atau klinik. Namun demikian, pihak JKM ada menyediakan kenderaan atau pengangkutan kepada warga emas dan OKU yang masih boleh bergerak dan mengurus diri sendiri untuk dibawa ke hospital atau klinik, bagi mendapatkan rawatan harian. Pengangkutan dari rumah ke rumah , *par way* dan tempat-tempat yang diperlukan bagi pelaksanaan program berkaitan. Dan, pengangkutan ini dinamakan Unit Khidmat Penyayang ataupun UKP yang merupakan sebuah kenderaan dengan 12 muatan dan terhad kepada Daerah Muar dan Kluang yang ditempatkan atau yang beroperasi di Pusat Aktiviti Warga Emas Parit Keroma, Muar dan juga Jalan Abd Manan, Kluang. Fungsi dalam UKP adalah terhadap kepada warga emas dan OKU yang boleh mengurus diri sendiri dan bukan berfungsi sebagai sebuah ambulans.

ADUN Buloh Kasap membangkitkan mengenai dengan pengwujudan kiosk-kiosk bagi menjana dana untuk PDK di pusat latihan dan juga program-program Sijil Kemahiran Malaysia kepada PDK ataupun petugas di PDK. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pemulihan Dalam Komuniti ataupun PDK merupakan satu strategi di dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi. Penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU. Ia hendaklah dilaksanakan melalui penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat serta menggunakan sumber tempatan. Dan Jabatan Kebajikan Masyarakat amat menggalakkan projek pemerkasaan ekonomi di PDK. Dan projek ekonomi yang dijalankan dilihat sebagai salah satu pemulihan yang diberikan kepada pelatih OKU. Walau bagaimanapun projek ekonomi yang dijalankan bergantung juga kepada kategori OKU pelatih di sesebuah PDK kerana PDK terbuka kepada semua OKU, terdiri daripada semua jenis ketidakupayaan dan semua peringkat umur dan juga jenis projek ekonomi yang dijalankan. Contohnya, sekiranya di PDK tersebut mempunyai ramai pelatih-pelatih *hyper* aktif, agak sukar untuk PDK tersebut menjalankan projek ekonomi dan PDK akan lebih fokus kepada pemulihan sahaja.

Pengendalian PDK adalah tanggungjawab jawatankuasa PDK, di mana ia dilaksanakan secara *multisextural collaboration* iaitu OKU, keluarga, komuniti, agensi kerajaan dan juga swasta dan ahli jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada komuniti setempat dan juga masyarakat aktif dalam kerja-kerja kesukarelaan. Oleh yang demikian, mewujudkan kiosk untuk jualan produk PDK dapat dilaksanakan hanya dengan menggunakan sumber tempatan sedia ada. Dan sekiranya kiosk hendak diadakan perlu juga diambil kira waktu PDK beroperasi iaitu bermula jam 8.00 pagi

hingga jam 2.00 petang. Dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2014 sebanyak 65 buah PDK dari 69 PDK seluruh Negeri Johor, telah pun mempunyai produk mereka sendiri. Dan, selain daripada itu, dalam menambahkan pendapatan PDK terutama produk-produk yang dikeluarkan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa memasarkan produk mereka melalui program-program yang dianjurkan oleh jabatan, sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat persekutuan melalui pameran dan jualan.

Bagi ADUN kawasan Machap, yang membangkitkan transformasi Sekolah Agama di Johor, termasuk cadangan melaksanakan Program IQFA dan fardu ain, memang sangat bertepatan dengan perkembangan dunia pendidikan terkini. Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat yakni KEMAS Negeri Johor, pada tahun 2014 telah melaksanakan Program IQFA iaitu Iqra dan fardu ain yang melibatkan 26 buah Tabika KEMAS di 26 buah Parlimen di seluruh Negeri Johor sebagai projek perintis. Seramai 607 orang kanak-kanak terlibat dalam usaha menguasai subjek iqra dan juga fardu ain dengan baik, sebelum mereka melangkah ke peringkat sekolah rendah. Dan sebenarnya program IQFA, adalah agronim dari Iqra dan juga fardu ain. Dan, program ini dilaksanakan selepas waktu kelas di dalam modul kokurikulum dan program ini akan menggunakan khidmat tenaga pengajar luar secara *out sourcing* yang mahir dalam bidang iqra dan fardu ain, dan masa yang diperuntukkan selama 4 jam seminggu dengan satu sesi adalah dalam durasi satu jam selepas waktu kelas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan pendidikan agama Islam wajib diserapkan semenjak di usia kanak-kanak kecil lagi. Dan, kanak-kanak perlu didedahkan dengan asas-asas agama, agar jiwa mereka sentiasa dekat dengan tuntutan agama seawal mungkin, agar mampu menjadi generasi rabbani yang mungkin sekadar cemerlang dari aspek akademik malah gemilang dalam aspek rohani dan juga spiritual.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Yong Peng membangkitkan mengenai dengan permasalahan penstrukturan pengagihan peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM150,000.00, bagaimana dapat digunakan dapat memberi bantuan kepada wanita yang berminat dalam keusahawanan. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor, memainkan peranan aktif dalam membangunkan usahawan wanita meneruti penyediaan pelbagai program latihan kemahiran dan latihan asas keusahawanan. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor, menyediakan latihan kemahiran dan bimbingan keusahawanan bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi, untuk menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Dan, antara program yang dijalankan adalah program inkubator kemahiran ibu tunggal iaitu I-KIT, yang menyediakan latihan kemahiran intensif dan bimbingan keusahawanan untuk ibu-ibu tunggal berpendapatan rendah dan inkubator Keusahawanan Wanita ataupun I-KeuNita yang menyediakan latihan kemahiran intensif dan bimbingan keusahawanan untuk wanita berpendapatan rendah.

Selain daripada itu, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor turut menjalankan program-program peningkatan kemahiran untuk wanita seperti latihan peningkatan kemahiran dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) di semua Parlimen di Negeri Johor melalui program 'Kraf Kreatif' yang dijalankan di 26 buah kawasan Parlimen yang melibatkan seramai 780 orang wanita.

Program pembangunan usahawan, iaitu Seminar Celik Minda Usahawan Wanita, 'U-Boleh' juga turut diadakan bertujuan membimbing Usahawan Wanita di negeri Johor seramai 150 orang peserta menyertai program ini.

Terdapat juga Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan yang turut disalurkan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan untuk melaksanakan program latihan kemahiran dan asas keusahawanan kepada wanita. Dan, menerusi program-program inilah, kemahiran dan keusahawanan inilah, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor dapat membantu wanita terutamanya yang berpendapatan rendah bagi menjana pendapatan mereka.

Merujuk kepada Bajet 2015 pembangunan Wanita kaum India di Negeri Johor, berdasarkan peruntukan untuk pembiayaan keseluruhan disediakan di bawah Amanah Iktiar Malaysia oleh Kerajaan Pusat untuk usahawan wanita India, Kerajaan Johor mensasarkan seramai 100 orang usahawan wanita India yang akan mendapat manfaat daripada pengagihan ini. Ia merupakan sasaran Kerajaan Johor kepada Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor untuk membangunkan Usahawan Wanita India yang jika dilihat dari segi penglibatan dan pencapaian mereka agak berkurangan berbanding dengan Usahawan Wanita Cina dan juga Melayu.

Bagi menggalakkan Ibu Tunggal dan Wanita berpendapatan rendah pula menjalankan perniagaan, Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim memberi bantuan berupa peralatan kepada golongan tersebut berdasarkan peruntukkan RM70,000.00 bagi tahun 2014 dan latihan kemahiran diberikan berdasarkan peruntukan RM50,000.00 bagi tahun 2014. Dan Sehingga kini, seramai 15 orang telah menerima bantuan peralatan dan 342 orang telah mengikut latihan kemahiran anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Yong Peng juga membangkitkan mengenai dengan mekanisme diadakan dan ditubuhkan pusat-pusat asuhan kanak-kanak di syarikat swasta serta pejabat kerajaan. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mewujudkan satu projek penyelidikan bagi mengkaji, mengumpul maklumat serta data mengenai masalah kekeluargaan dan isu sosial dengan tujuan mengenal pasti tindakan juga program bagi mengatasi masalah tersebut.

Dan, pada tahun 1999, satu kajian bertajuk "Permasalahan Wanita Johor" oleh Dr. Fatimah bte Abdullah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah dijalankan mendapati bahawa penglibatan serta peranan wanita dalam pembangunan negara semakin penting. Namun terdapat beberapa konflik yang membataskan kaum wanita untuk terus berjaya dalam arus pembangunan antaranya adalah masalah penjagaan anak ketika keluar bekerja.

Dan, rentetan daripada itu kerajaan negeri telah mengambil inisiatif membina dua buah Taman Asuhan Kanak-Kanak yang berdekatan dengan tempat bekerja iaitu satu, TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim di Bukit Timbalan dibuka pada 8 Mac 1999 dan TASKA YPKDT atau Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim di Wisma Persekutuan pada 1 Mac 2000. Dan, tujuan penubuhan ini sudah semestinya bagi membantu kakitangan pelbagai Jabatan kerajaan di kedua-dua

premis tersebut, bangunan tersebut, yang memerlukan perkhidmatan penjagaan anak yang berdekatan dengan tempat kerja.

Namun pada tahun 2010, TASKA Bukit Timbalan terpaksa ditamatkan perkhidmatan kerana perpindahan kakitangan ke pusat pentadbiran baru di Kota Iskandar. Walau bagaimanapun, selari dengan perpindahan ini kerajaan negeri amat prihatin dengan keperluan sosial kakitangan awam.

Dan, Pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim juga dalam perancangan membina sebuah TASKA di kawasan Kota Iskandar. Ini adalah berdasarkan satu kajian yang dilaksanakan oleh Yayasan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia, berkenaan keperluan TASKA dan TADIKA di kawasan Kota Iskandar pada tahun 2012, mendapati lebih 70% kakitangan awam yang bertugas di kota Iskandar bersetuju dan memerlukan pembinaan TASKA (77.7 %) dan TADIKA sebanyak (76%) di kawasan kota Iskandar. Manakala selebihnya memerlukan perkhidmatan hanya transit iaitu 67.4 %).

Sehubungan itu, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama antara PERMATA dan juga PUSPANITA Johor telah merancang untuk membina satu TASKA di dalam kawasan Kota Iskandar pada tahun 2015. Dan, Operasi TASKA akan diuruskan sepenuhnya oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim.

Dan bagi makluman Yang Berhormat, bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita juga menyediakan insentif kepada majikan swasta yang ingin membuka taska dengan memberikan potongan cukai sebanyak 10% bagi kos penubuhan selama 10 tahun tertakluk kepada syarat. Dan bagi majikan di pejabat-pejabat kerajaan pula akan diberikan geran sehingga tidak melebihi RM 200,000.00 untuk ubahsuai dan kelengkapan yang dipohon dan di salur ke kementerian ataupun jabatan masing-masing.

Ibu bapa juga turut mendapat bantuan yuran pengasuhan sebanyak RM180.00 bagi setiap orang kanak-kanak yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM5,000.00 sebulan bagi yang menghantar anak mereka di taska tempat bekerja.

Dan, bagi taska swasta, Taska Institusi, penubuhan Taska tersebut yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Johor juga amat menggalakkan dengan penubuhan lebih kurang 278 buah taska institusi. Dan Ibu bapa yang menghantar anak ke Taska Institusi akan mendapat insentif seperti berikut:

1. Bantuan Khas – RM100.00 kepada setiap orang anak-anak yang dihantar ke Taska, iaitu One off tidak mengira had pendapatan.

2. Subsidi Yuran Pengasuhan – RM 250.00 sebulan kepada setiap orang anak-anak yang dihantar ke Taska. Layak bagi pendapatan perkapita kurang daripada RM 900.00 sebulan.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab ADUN Kawasan Nusajaya, mencadangkan golongan 'warga emas' diberikan keistimewaan yang tertentu.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk menghargai golongan Warga Emas di negara ini, maka kerajaan telah mewujudkan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara. Berdasarkan kepada Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara yang telah digubal pada tahun 2012, Strategi ketiga, iaitu Memastikan Warga Emas Hidup Dalam Persekitaran Selamat dan Mesra Warga Emas telah menggariskan beberapa program atau tindakan termasuklah kerajaan akan mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan kaunter dan tempat duduk khas bagi warga emas di agensi kerajaan ataupun swasta, di stesen dan dalam pengangkutan awam, tempat letak kereta dan di taman rekreasi, pusat hiburan, pusat membeli belah dan sebagainya.

Bagi maksud ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun melaksanakan kaunter khas bagi OKU dan Warga Emas di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat di daerah-daerah untuk kemudahan dan keselesaan warga emas ini berurusan. Selain itu, bagi agensi kerajaan lain seperti hospital dan klinik kesihatan juga telah pun menyediakan kaunter khas bagi kedua-dua golongan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Saya juga berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberikan sokongan, pandangan dan teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio dan tanggungjawab saya demi kemajuan pembangunan Negeri Johor. Kembara Berjalan Mencari Gelliga, Dari Tanjung Puteri ke Johor Lama, Kesejahteraan rakyat hendaklah dijaga, Itulah peranan kita semua. Teguh Berdiri Pohon Cemara, Kalis Lantunan Gegak Gempita, Andai Tersasar Kata Bicara, Jemari ku susun maaf dipinta.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Wanita. Kita teruskan, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Selamat petang. Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ucap terima kasih kerana kesempatan untuk memberi ucapan penggulungan bagi pihak Kerajaan dalam Mesyuarat Kedua Bajet 2105 bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-13 yang berkaitan portfolio pendekkan, Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah dapat membentangkan Bajet Membangun Johor Secara Inklusif, yang saya percaya telah meliputi segala aspek keperluan rakyat Johor berdasarkan kepada Pelan Suara Hati Johor yang juga melibatkan soal-soal yang berkaitan keusahawanan dan pendidikan di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesempatan ringkas ini izinkan saya untuk memberikan maklum balas ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat.

Yang pertama, Yang Berhormat Penawar ada mencadangkan agar diadakan program penerangan kepada usahawan. Pusat Pembangunan Usahawan Negeri Johor ataupun *Entreprenuer Development Centre*, dengan izin, merupakan rujukan dan khidmat nasihat kepada usahawan-usahawan negeri Johor. Tempat ini sebagai pemudahcara bagi semua agensi di bawah Kementerian, sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri yang menjalankan atau melaksanakan Program Pembangunan Usahawan. Pusat Pembangunan Usahawan ini atau EDC baru 2 bulan beroperasi dan terletak di *UDA Bussiness Center*. Yang mana lokasinya sangat strategik, berada di tengah-tengah kawasan usahawan-usahawan, di kawasan berdekatan dengan Angsana. Dari segi promosi, EDC telah melakukan sebanyak 6 *roadshow* yang berkaitan Gerakan Usahawan sepanjang tahun 2014 iaitu di daerah yang terlibat iaitu Batu Pahat, Pontian, Segamat, Kulaijaya, Mersing dan Johor Bahru. Dalam masa yang sama, EDC juga menjalankan promosi tentang program-program yang diadakan melalui laman-laman *Twitter, Facebook* dan *Instagram* termasuklah juga laman web portal edcofjohor.gov.my yang pada ini sedang dikemaskinikan maklumat usahawan-usahawan dan juga perkara-perkara yang dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Bukit Batu ada membangkitkan tentang pelaburan Kumpulan YPJ di luar negara, dan malah mendakwa sebagai tidak fokus kepada pembangunan di dalam negeri Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelaburan dalam perniagaan bagi Kumpulan YPJ atau dipanggil Yayasan Pelajaran Johor dikendalikan oleh anak syarikat milik penuhnya iaitu YPJ Holdings Sdn Bhd. Sebagai sebuah entiti perniagaan, YPJ Holdings Sdn Bhd sentiasa mencari peluang-peluang perniagaan yang menguntungkan dan boleh menjana dana pendapatan bagi disalurkan kepada Yayasan Pelajaran Johor untuk membantu anak-anak kita dari segi pinjaman pendidikan.

Namun begitu, cadangan-cadangan pelaburan yang dibuat oleh YPJ Holdings ini biasanya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah YPJ Holdings untuk diluluskan dan kemudiannya dibawa juga ke Lembaga Pengarah Yayasan Pelajaran Johor. Proses ini saya percaya, Bukit batu merujuk kepada pelaburan di Indonesia di Syarikat PT Agritasari. Yang mana, pelaburan ini mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan untuk makluman sehingga hari ini Syarikat PT Agritasari ini memberi sumbangan dividen yang terkumpul sejak mereka melabur di sana berjumlah RM42 juta.

Yang Berhormat Bukit Batu juga membangkitkan mengenai soal status tanah di Tampoi yang dimiliki oleh Yayasan Pelajaran Johor. Tanah yang dirujuk ini adalah PN 11042 Lot 44807 seluas 24 ekar adalah merupakan sebahagian dari Fasa 2, Projek Taman Tampoi Utama. Projek ini dimajukan secara usahasama oleh Kemayan Riverview Sdn Bhd. Tapak tersebut telah dikurniakan oleh Kerajaan Negeri kepada YPJ Multi Ventures Sdn Bhd pada 19 Oktober 2014 yang lalu dan pada masa ini, proses pengeluaran hakmilik strata untuk kesemua pemilik premis di tanah tersebut sedang dilaksanakan dan

berada di peringkat permohonan pecah sempadan. Baki tanah yang belum diusahakan akan dibangunkan dengan unit-unit *service apartment*, dengan izin.
Yang Berhormat Bukit Batu juga membangkitkan tentang kerugian Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor. Walau bagaimanapun saya telah jawab dalam soalan bertulis seperti yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, bagi soalan yang berkaitan langkah-langkah pemulihan yang akan diambil, KPYPJ telah merangka perancangan strategik 5 tahun, 2015 hingga 2020 yang bertujuan bagi mengetengahkan reputasi akademia yang berkualiti menerusi pengiktirafan nasional dan antarabangsa. Pelan strategik yang dibangunkan ini menggariskan 6 tindakan utama;

1. Meningkatkan enrolmen pelajar sehingga kapasiti optimum dari 3,686 pelajar kepada 6,500 pelajar di kampus induk yang akan memulakan operasinya pada Jun 2015.
2. Meningkatkan program pengajian yang berkualiti dan diiktiraf dari 18 program diploma dan 11 program kemahiran kepada 26 diploma dan 4 ijazah.
3. Membudayakan kecemerlangan dan mengutamakan kualiti melalui urus tadbir korporat.
4. Penyusunan sumber manusia yang cekap dengan mengoptimumkan sumber yang ada.
5. Meningkatkan langkah-langkah perbelanjaan berhemah.
6. Penyusunan semula aktiviti bisnes syarikat subsidiari agar dapat menjana keuntungan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Gambir ada membangkitkan tentang tindakan yang akan diambil ke atas peminjam-peminjam YPJ yang langsung tidak membuat pembayaran balik.

Bermula daripada 1 Januari 2014 sehingga 31 Oktober 2014, kutipan bayaran balik pinjaman YPJ adalah berjumlah RM6.94 juta untuk tahun 2014 sahaja. Jumlah keseluruhan tunggakan bayaran pinjaman sehingga kini adalah sebanyak RM18.83 juta yang melibatkan seramai 5,200 orang peminjam. Jumlah tunggakan yang kian meningkat setiap tahun adalah kesan daripada peningkatan jumlah pinjaman pelajar yang diberikan oleh YPJ. Bagi mengurangkan jumlah tunggakan, YPJ telah mengambil inisiatif seperti menghantar surat-surat peringatan, notis tuntutan daripada peguam, memfailkan saman dan lain-lain lagi.

Oleh itu, saya menyeru kepada para peminjam-peminjam supaya menjelaskan bayaran pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan supaya dapat memberi peluang kepada anak-anak Johor yang lain bagi mendapatkan pinjaman. Bagi mereka yang berkemampuan, rebutlah peluang rebat 25% sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Bajet 2015.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini ada 708 orang peminjam tegar yang disenaraikan sebagai hutang ragu dengan jumlah pinjaman sebanyak RM3.2 juta. Jadi saya nak bagi amaran kepada peminjam-peminjam tegar ini, supaya melaksanakan tugas dia untuk membayar balik pinjaman mereka sekurang-kurangnya menghubungi pihak YPJ dengan YPJ sedia untuk menyusun semula bayaran balik dan kalau tidak ada usaha-usaha daripada peminjam tegar ini, maka mulai Januari 2015, pihak YPJ akan menyenarai hitamkan eh peminjam-peminjam tegar ini.

Dalam masa yang sama, ada juga peminjam-peminjam yang telah meninggal dunia atau pun mengalami kecacatan kekal yang mungkin mereka tidak dapat pekerjaan dan sebagainya. Oleh itu, YPJ bersedia untuk melupuskan baki pinjaman mereka-mereka yang berkenaan ini mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ahli Lembaga Pengarah YPJ. Yang Berhormat Bukit Permai telah menyuarakan bahawa tiada sekolah menengah di Bandar Putera sehingga menyukarkan sesi pembelajaran (batuk) anak-anak di kawasan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Pendidikan Negeri sebenarnya telah lama mengambil maklum tentang perkara ini dan cadangan ini telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Tetapi, masalahnya ialah tapak yang dicadangkan itu masih lagi atas nama pihak pemaju. So, pada masa ini pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor sedang menguruskan proses Serah Balik Kurnia Semula bagi pembinaan sekolah ini di atas tapak tersebut dan projek ini telah dimasukkan dalam senarai keutamaan untuk Rancangan Malaysia Ke-11.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Penggaram ada membangkitkan bagaimana untuk meningkatkan minat belajar...

YB Dato' Timbalan Speaker : Belum dapat lagi dah bertepuk.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : ... untuk meningkatkan minat belajar dengan menambah minat membaca di kalangan para pelajar.

Kita sedar bahawa pentingnya kemudahan membaca bagi melahirkan masyarakat yang berpengetahuan ditanam dan disemai semenjak di bangku sekolah.

Di peringkat Kementerian, antara yang dilakukan ialah, pemberian buku teks secara percuma kepada pelajar-pelajar di sekolah kerajaan dengan harapan mereka sekurang-kurangnya ada bahan-bahan bacaan ataupun rujukan untuk pembelajaran mereka.

Selain daripada itu, di peringkat jabatan ada program yang disebut sebagai Program Nadi Ilmu Amalan Membaca yang mana program ini menggalakkan pelajar-pelajar untuk meminjam buku- di perpustakaan dan membaca dan senarai buku-buku yang mereka baca direkodkan dari masa ke semasa termasuklah juga soal-soal yang berkaitan dengan pembacaan dan juga menceritakan semula bahan-bahan yang dibaca. So, antara pengisian program itu, program ada bicara buku, anotasi buku, jejak maklumat, bercerita dan sebagainya. Malah pelajar-pelajar yang aktif membaca tau membaca banyak buku ada, mereka berpeluang untuk diberi pengiktirafan sebagai Tokoh NILAM sama ada di peringkat sekolah, daerah dan juga negeri. Yang ketiga di peringkat kementerian ada program disebut sebagai Membaca 1Malaysia. Program ini adalah berdasarkan kepada bahan-bahan bacaan bukan hanya bercetak tetapi juga bahan-bahan yang didapati secara elektronik melalui akses internet dan sebagainya dengan bimbingan dan juga bantuan daripada guru-guru.

Di peringkat Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor, kempen-kempen yang berkaitan membaca sentiasa digerakkan, antaranya ialah:

1. Program Jom Baca Bersama 10 Minit yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 22 April 2014 yang lalu. Program ini telah

mendapat sambutan eh di peringkat negeri Johor di mana seramai 356,000 orang telah menyertai kempen program Jom Baca ini.

2. Selain daripada itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor juga telah melancarkan program "Sahabat Perpustakaan" yang mana Perbadanan Perpustakaan Awam Johor menggalakkan supaya rakyat atau masyarakat bersama-sama dengan perpustakaan dari sudut:

   i. Memberi sumbangan tenaga ataupun sebagai *volunteers* dengan izin dalam menjayakan program-program membaca.
   ii. Perkongsian ilmu dan kepakaran mereka-mereka yang mempunyai cerita-cerita ataupun bahan-bahan tertentu untuk dikongsi bersama sama ada dengan pelajar-pelajar sekolah dan sebagainya.
   iii. Menggalakkan masyarakat memberi sumbangan sama ada dalam bentuk kewangan ataupun peralatan bagi menjalankan program-program membaca di perpustakaan.

3. Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah mengumumkan tentang keahlian percuma di seluruh perpustakaan awam negeri Johor.
4. Perpustakaan Awam Johor juga telah ada kerjasama daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, pada tahun ini mengedarkan sebanyak 690 buah netbook kepada semua perpustakaan awam cawangan dan desa bagi menggalakkan rakyat menggunakan perkhidmatan internet untuk mendapatkan maklumat dan membaca.

5. Program *Kids For Nation* dengan izin iaitu program untuk menggalakkan yang budaya membaca dikalangan kanak-kanak dari keluarga yang berpendapatan rendah berumur 4 hingga 12 tahun tanpa mengira bangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Johor Jaya ada membangkitkan tentang kelulusan dan status pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Hwa 2. Jabatan Pendidikan johor memaklumkan bahawa ada dua masalah utama untuk projek ini:

Yang berkaitan dengan keadaan tanah kerana tapak pembinaan itu kena dilakukan kerja-kerja penambakan. So, untuk kerja penambakan ini memerlukan masa bagi tanah itu benar-benar mendap dan stabil sebelum dibangunkan bangunan sekolah itu.

1. Isu yang berkaitan dengan jalan masuk ke tapak, dan usaha-usaha telah dilakukan, rundingan antara pemaju dan juga pemilik tanah dan jalan masuk itu, telah dibina ke kawasan tapak pembinaan dan peruntukan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sebanyak RM5.5 juta masih lagi ada di dalam akaun lembaga Pengurusan Sekolah tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Yong Peng ada membangkitkan supaya peruntukan tetap diberikan kepada Sekolah Menengah Cina Swasta.

Saya nak minta Yong Peng dengar baik-baik supaya jangan dia keliru dan nanti keluar surat khabar cerita lain. Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, di bawah Akta Pendidikan tahun 1996, terdapat tiga kategori institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, iaitu:-

1. Institusi pendidikan kerajaan;
2. Institusi pendidikan bantuan kerajaan dan ;
3. Institusi pendidikan swasta.

Tafsiran "sekolah kerajaan" atau pun "institusi pendidikan kerajaan" ertinya sekolah atau pun institusi pendidikan yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menterin ataupun Kementerian Pendidikan. Tafsiran "sekolah swasta" atau "institusi pendidikan swasta" ertinya sekolah ataupun institusi pendidikan yang bukan sekolah ataupun institusi pendidikan kerajaan ataupun bantuan kerajaan.

Jadi maksudnya, Sekolah Menengah Persendirian Cina adalah di bawah kategori institusi pendidikan swasta ataupun sekolah swasta yang sama tarafnya seperti sekolah-sekolah swasta yang lain yang terdapat di negeri Johor seperti Sekolah Seri Ara, Sekolah Seri Utara, Sekolah Seri Omega, Sekolah Temasek dan lain-lain. So, di Johor ini ada 38 buah sekolah swasta termasuklah sekolah menengah persendirian cina. So, kesemua sekolah swasta di negeri Johor ini tidak ditubuhkan dan tidak di senggara sepenuhnya oleh Menteri ataupun kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia sejak diperkenalkan bantuan awal persekolahan RM100, dan Sekolah Menengah Persendirian Cina di Johor layak, murid-muridnya layak untuk menerima bantuan itu yang mana Sekolah Menengah Persendirian Cina ini menerima bantuan yang paling iaitu sebanyak RM1,952,500.00 iaitu sebanyak 19,525 muridnya-murid yang terlibat. Faham eh, Yong Peng? (Dewan ketawa) sebab Yong Peng dia suka keluar surat khabar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Senai ada mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menubuhkan lebih banyak institusi vokasional malah menyarankan agar Kerajaan Negeri tidak perlu menunggu daripada kerajaan persekutuan.

Ini pun, saya nak minta Senai dengar baik-baik. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sama sekali tidak perlu menunggu cadangan daripada Yang Berhormat Senai. Kerana kerajaan negeri telah lebih dahulu mengambil tindakan mewujudkan institusi latihan kemahiran sebagai platform membuka akses pendidikan kepada anak-anak Johor. Buktinya:

1. Kolej Komuniti YPJ.

   Pusat kemahiran ini merupakan usaha Kerajaan Negeri di bawah Yayasan Pelajaran Johor melalui anak syarikat YPJ, Kumpulan Pendidikan YPJ. Penubuhan Kolej Komuniti telah bermula pada Jun 1996 di Johor Bahru dan Muar, kemudian diikuti dengan Kolej Komuniti di Kota Tinggi, Batu Pahat, Segamat, Kluang, Pontian dan Mersing pada tahun 1997. Sehingga kini, Kolej-kolej Komuniti YPJ telah menjalankan sebanyak 18 kursus. Antara kursus yang ditawarkan adalah kursus Pembuatan Pakaian, Elektrik, Elektronik, Penyediaan Makanan, Kimpalan,

Percetakan, Dandanan Rambut. Semua Kolej Komuniti YPJ menjalankan persijilan kebangsaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Semua Kolej Komuniti YPJ telah diiktiraf sebagai Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Pusat Bertauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia di mana pelatih layak mendapat pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Pada tahun 2003, Kolej Komuniti YPJ telah mendapat pentauliahan daripada CIDB Malaysia bagi menjalankan sebanyak 4 kursus yang berasaskan pembinaan di mana pembiayaan latihan ditaja sepenuhnya oleh pihak CIDB. Dalam tempoh selama 18 tahun penubuhan Kolej Komuniti YPJ telah melahirkan seramai 13,572 orang pelatih.

2. Hab Kemahiran atau 'Johor Skill Hub'.

Di samping itu, kerajaan negeri Johor juga ingin menjadikan Johor sebagai pusat latihan kemahiran serantau di mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Bajet 2015, iaitu akan dilaksanakan di satu kawasan seluas 100 ekar di Jalan Kulai Kota Tinggi iaitu telah dikenalpasti bagi pembangunan Hab Kemahiran Johor ataupun 'Johor Skill Hub' dengan izin oleh Yayasan Pelajaran Johor yang mana Hab Kemahiran Johor ini akan menyediakan pengajian berbentuk kemahiran masa akan datang dengan kolaborasi dan juga pelaburan beberapa institusi kemahiran terkemuka di dunia. Antara bidang yang telah dikenalpasti dan akan ditawarkan adalah bidang yang berkaitan dengan minyak dan gas, pengangkutan, pelancongan, bioteknologi dan kesihatan.

3. *National Oil and Gas Academy (NOGA).*

Kerajaan Negeri Johor juga melalui anak syarikat Yayasan Pelajaran Johor iaitu YPJ Holdings Sdn Bhd telah menubuhkan *National Oil and Gas Academy* (NOGA) yang kini telah beroperasi di Kampung Aman, Larkin Jaya khusus untuk latihan kemahiran yang berkaitan dengan minyak dan gas.

Jadi, Yang Berhormat Senai jangan esok dalam persidangan akan datang dia *claim* pula penubuhan *Johor Skill Hub* dan juga *National Oil and Gas Academy* ini disebabkan oleh cadangan daripada Yang Berhormat. (Dewan Bertepuk). Sebelum Yang Berhormat cadang pun kerajaan dah laksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sahaja penggulungan saya pada petang ini. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan yang berkaitan dengan port folio Pendidikan, Penerangan Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Sekiranya ada perkara-perkara yang mungkin tak dapat saya beri maklum balas pada petang ini sila maklum kemudian dan insya-Allah saya akan memberikan maklum balas pada yang berkenaan. Jadi, terima kasih. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.(Dewan bertepuk)

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya, Yang Berhormat, maka berakhirlah penggulungan yang dibuat oleh Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa (Dewan batuk). Dengan sebab itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok 20 November 2014, jam 09:30 pagi.

Persidangan di tangguhkan pada jam 5:45 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (BAJET 2015)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETUJUH	KHAMIS, 20 NOVEMBER 2014	BIL. 6 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)
YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR
(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan Selawat). Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini kita akan menyambung Mesyuarat Kedua bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Yang Ke-13. Hari ini, hari penghabisan bagi Persidangan ini dan kita akan sambung pada suatu ketika nanti yang akan diberitahu.

Sukacita saya maklumkan bahawa selepas soal jawab, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan menggulung atas perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tan Sri Speaker untuk menghabiskan Dewan ini saya rasa seronok Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Berapa ramaikah pengusaha (usahawan Agro Preneur Muda) dari negeri Johor yang dapat dilahirkan oleh FAMA sejak dilancarkan dari 2013 hingga sekarang dan nyatakan produk potensi yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan daripada Yang Berhormat Pasir Raja yang bertanyakan tentang berapa ramaikah pengusaha iaini Usahawan Agro Preneur Muda dari negeri Johor yang dapat dilahirkan oleh FAMA sejak dilancarkan dari 2013 hingga sekarang, dan nyatakan produk potensi yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Raja, izinkan saya berkongsi dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang Program Agro Preneur Muda yang mana program ini adalah program yang baru diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Program Agro Preneur Muda ditubuhkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menarik golongan muda terlibat secara langsung dalam bidang Pertanian. Tujuannya adalah untuk melahirkan Agro Preneur Muda yang progresif, berdaya saing, kreatif, inovatif dan berpendapatan tinggi di dalam sektor pertanian.

Sehubungan dengan itu, setiap jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seperti FAMA, MARDI, LPP, Jabatan Pertanian dan sebagainya telah diberi peranan untuk menggalakkan penyertaan belia di bawah umur 40 tahun

dalam bidang keusahawanan tani. Hasrat kerajaan juga melalui program Agro Preneur Muda ini adalah untuk mewujudkan generasi pelapis dalam sektor pertanian melalui penyediaan program secara berpakej mencakupi aspek latihan, pembangunan perniagaan dan keusahawanan, penyediaan tapak projek, premis perniagaan, promosi dan pemasaran secara pembiayaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian ketika ini adalah sangat rendah iaitu sekitar 40% daripada 800 pengusaha pertanian. Kita percaya golongan muda ini mempunyai tenaga, idea dan semangat untuk menjayakan aktiviti ekonomi menerusi bidang pertanian. Oleh itu, kami di Portfolio Pertanian dan Industri Asas Tani berharap agar setiap golongan muda yang berumur 18 tahun hingga 40 tahun di luar sana untuk mengambil peluang untuk mendaftar di bawah Program Agro Preneur Muda. Pelbagai keistimewaan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan seperti latihan dan bimbingan secara percuma dalam aspek teknikal, kewangan, pembungkusan dan pemasaran oleh pihak jabatan dan agensi di bawah Kementerian. Selain itu mereka juga dijanjikan dengan pembiayaan mudah daripada Agro Bank dan TEKUN sehingga RM300,000.00. Geran dalam bentuk *in kind contribution*, dengan izin daripada Kementerian sebanyak 30% daripada kos projek akan diberikan kepada pemohon yang layak dalam bentuk peralatan dan input pertanian.

Sejak Program Agro Preneur Muda ini dilancarkan, sehingga kini pihak FAMA Negeri Johor telah mendaftarkan seramai 51 orang usahawan muda. Kebanyakan usahawan yang berdaftar di bawah FAMA adalah pengusaha-pengusaha Industri Asas Tani (IAT) seperti yang mengusahakan perusahaan makanan ringan, pembuatan biskut dan kek, perusahaan sejuk beku dan sebagainya. Usahawan-usahawan ini terdiri daripada kategori mikro iaitu nilai jualan tahunan mereka kurang daripada RM300,000.00 dan juga kategori kecil iaitu nilai jualan tahunan antara RM300,000.00 hingga RM15 juta. Dari jumlah tersebut terdapat 4 usahawan yang produk mereka telah mencapai tahap untuk menembusi pasaran luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, produk-produk yang berpotensi yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa adalah berbeza-beza mengikut negara pengeksport. Antara kategori produk asas tani yang mempunyai potensi adalah produk-produk seperti biskut, kek, makanan ringan, minuman, sejuk beku dan sebagainya. Sebagai contoh bagi negara China, produk-produk yang berasaskan durian kini mendapat perhatian yang amat baik di sana. Bagi negara Jepun pula, produk-produk berasaskan daging adalah dilarang sama sekali untuk dieksport namun produk-produk seperti biskut, serbuk kopi dan teh segera, makanan ringan mendapat permintaan yang baik.

Pada tahun 2012, nilai eksport bahan makanan Malaysia berjumlah RM20.6 bilion. Bagi kategori produk segar, antara buah-buahan yang mempunyai potensi untuk pasaran eksport adalah seperti buah durian, durian belanda, betik, mangga, *rock melon*, tebu, nenas, manggis dan banyak lagi buah-buahan. Antara negara pengeksport utama adalah seperti Singapura, Thailand, Netherland, Hong Kong, China, Indonesia dan sebagainya. Pada tahun 2012 sahaja, nilai eksport buah-buahan Malaysia berjumlah RM615 juta.

YB Tan Sri Speaker : Pasir Raja, jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Pengerusi. Program Usahawan Agro Preneur Muda ini baru, 2013, 2014. Sebab itu kita tanyakan soalan ini berkaitan dengan kemampuan usaha melahirkan Agro Preneur. Justeru itu, Tan Sri Pengerusi, kita cuma nak membincangkan berkenaan dengan konsistensi. Maknanya kalau dah ada kejayaan demi kejayaan dalam Agro Preneur, bagaimanakah kerajaan di bawah FAMA nak mengekalkan konsistensi pembekal, pemasaran terus berlaku. Nanti tiba-tiba gagal. Kita tak mahu gagal. Jadi nak tanya adakah benda ini boleh dilaksanakan berterusan dan justeru itu, kita nak tahu jugalah sama ada FAMA mewujudkan tempat-tempat atau pusat-pusat yang mana produk-produk yang nak hantar ke antarabangsa ini contoh; Tan Sri Pengerusi, saya difahamkan untuk negara Arab, dia nak kopi. Kopi dari Malaysia. Untuk negara Jepun, dia nak rempah. Ha, tadi dia beritahu China, durian. Pusat untuk *verified* produk ni supaya dia ni ada item setiap kolestrol dia, protein dia, *fat* dia, di mana di dalam negara yang FAMA berurusan dan boleh di *endorse* sebagai produk yang bertaraf tinggi. Itu saja Pengerusi.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Raja. Untuk memastikan usahawan kita terus berdaya saing dan juga untuk memastikan usahawan kita terus berada di dalam pasaran dan mempertingkatkan keluaran, jadi kita pihak FAMA dan juga agensi-agensi di bawah Pertanian, kita sentiasa memastikan, kita memastikan usahawan-usahawan ini terus dibantu dan juga kita terus memastikan usahawan ini diberi latihan secara intensif ataupun kita lihat jika usahawan ini memerlukan bantuan-bantuan di mana di bawah agensi-agensi Pertanian seperti MARDI boleh membantu menambahbaikan lagi produk usahawan ini yang mana kita tidak mahu sesuatu produk itu sekadar begitu sahajalah keluarannya. Tapi kita nak mempertingkatkan lagi mutu dan juga kualiti supaya setiap produk yang ingin dihasilkan dapat diteruskan lagi. Itu sebab pengusaha-pengusaha yang kita telah kenal pasti kita akan terus bimbing dan kita akan terus melahirkan lagi pengusaha-pengusaha yang lain untuk kita pastikan jumlah pengusaha yang terlibat dalam mengeluarkan makanan ini dapat kita pertingkatkan. Kerana kita lihat, semakin hari semakin banyak permintaan daripada luar negara untuk produk kita. Sehubungan dengan itu, agensi kena kata orang kerja lebih kuat lagi untuk kita memenuhi pasaran antarabangsa ini. Contohnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Dubai, baru-baru ini, permintaan terhadap makanan dan juga buah-buahan kita amat besar. Malangnya, kita menghadapi masalah kekurangan bahan mentah contohnya nenas. Kita masih lagi kekurangan walaupun di China, kita seboleh mungkin untuk memenuhi pasaran tapi di Timur Tengah masih ada lagi permintaan termasuklah tebu dan sebagainya.

Itu sebab pihak FAMA kita ada pusat-pusat pengumpulan. Kita ada agensi yang akan bantu macam mana untuk memenuhi kehendak produk ini untuk kita pertingkatkan. Jadi, saya tak ada halangan nanti Yang Berhormat kita boleh beri jawapan bertulis tentang lokasi untuk kita bantu para pengusaha untuk mereka dapat khidmat nasihat untuk mereka menghantar produk-produknya melalui FAMA. Memang kita menggalakkanlah pengusaha-pengusaha yang lain untuk sama-sama terlibat.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Dalam perbahasan yang lepas yang dibawa oleh sahabat saya daripada

Rengit telah memberitahu bahawa ada satu projek pertanian yang sangat menguntungkan tapi dia kedekut nak beritahu kita iaitu 1 ekar boleh menjana pendapatan hampir RM3,000.00 satu bulan. Jadi, soalan saya adakah pihak EXCO Pertanian maklum tentang projek ini untuk kita semua tahu dan kita kembangkan kepada petani ataupun usahawan-usahawan muda dan kalau tak maklum saya rasa Rengit jangan kedekut sangatlah. Kita pun nak tahu jugak.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ayam, ayam, ayam.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : (Ketawa). Kerana ini untuk kepentingan...

YB Tan Sri Speaker : Takut soalan ini lari daripada tajuk.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih. Itu aje. (Ketawa).

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sungai Abong, sebenarnya saya menunggu jabatan menghantar sepinggan ayam untuk saya dapatkan formula daripada Rengit. (Dewan ketawa). Jadi, belum ada lagi ayam sepiring untuk saya jumpa dengan Rengit untuk dapat ilmu itu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya insyo-Allahlah, kita akan rundinglah dengan Yang Berhormat daripada Rengit tentang produk baru inilah. Saya tak pastilah produk baru itu apa, tapi kalau tanya saya antara sektor pertanian yang melibatkan tanah yang tak besar tapi memberi pulangan yang banyak adalah Program Tanaman Secara Fertigasi. Ini yang rancak yang saya lihat di Batu Pahat eh, cukup banyak kawasan-kawasan yang telah dilibatkan dan saya lihat ramai orang muda yang terlibat dalam bidang ini. Kalau saya cerita tadi tentang FAMA hanyalah 51 orang. Sebenarnya kalau sektor lain, apa ni agensi lain sebenarnya kita dah lahirkan, saya lari daripada soalan YB eh. Kita sebenarnya daripada Pertubuhan Peladang kita telah lahirkan 245 orang peserta, Pertanian ada 65 peserta, MARDI ada 56 peserta dan juga Perikanan ada 19 peserta. Jadi, antara saya lihat di Batu Pahat ini dia popular dengan tadi program fertigasi dan pokok roselle. Saya rasa dua industri yang popular di Batu Pahatlah. Saya tak tahulah ada pokok lain lagi. Nanti, mungkin sidang Dewan akan datang kita boleh berkongsilah setelah saya berjumpa dengan Rengit. Dia bisik lagi, ayam, ayam kata dia. Nampaknya saya kena hantar sepinggan jugalah YB. Ok, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram): Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Johor menerima pelaburan asing yang tinggi pada tahun 2014. Mohon dijelaskan mengikut jumlah dan peratusan pelaburan yang diterima di dalam kategori industri berteknologi tinggi, pendidikan, hartanah dan lain-lain.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi negeri Johor untuk tempoh bulan Januari sehingga bulan Julai 2014,

jumlah pelaburan dalam sektor perindustrian atau pembuatan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ialah sebanyak RM18.7 billion. Jumlah ini merangkumi sebanyak 68% pelaburan tempatan (DDI) dan 32% pelaburan asing FDI dengan jumlah tersebut sejumlah 116 projek pembuatan telah diluluskan meliputi sejumlah 12,141 buah peluang pekerjaan yang diwujudkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelaburan asing yang diterima dalam tempoh ini adalah tinggi iaitu sebanyak RM5.95 bilion, semua projek pelaburan asing yang negeri kita terima dimasukkan dalam kategori industri berteknologi tinggi. Ia adalah selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk menarik projek-projek pelaburan yang bermoral dan berteknologi tinggi sahaja masuk ke negeri kita. Contoh, industri-industri pembuatan berteknologi tinggi ialah produk petroleum termasuk petrokimia, kimia dan produk kimia, testa dan produk berasas testa, produk logam dibentuk, pembuatan makanan, produk elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan, produk logam bukan mineral dan 10 lagi industri yang lain. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Dato' Speaker, industri berteknologi tinggi ini amat penting bagi negara kita untuk kita mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi kerana sudah tentulah dia menawarkan gaji, upah yang lebih tinggi kalau dibandingkan dengan industri elektronik. Dan, saya nak tanya, apakah tindakan susulan kerajaan negeri untuk pastikan bahawa kita terus mesra kepada pelaburan berteknologi tinggi ini bukan hanya kepada pelabur baru tetapi juga kepada pelabur yang sedia ada dalam negeri kita ini supaya negeri kita ini terus menjadi fokus dan tumpuan kepada pelabur-pelabur berteknologi tinggi ini.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagaimana langkah untuk mengawal pelaburan yang masuk ke negeri Johor adalah jenis pelaburan yang berkualiti tinggi, kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Johor ataupun *Johor Investment Committee (JIC)* dengan izin, satu jawatankuasa yang ulung kali di Malaysia yang menapis jenis-jenis pelaburan yang masuk ke negeri Johor hendaklah mengenal pasti syarat berkualiti tinggi sahaja. Selain itu, *JIC* juga merupakan platform untuk membincangkan isu-isu pelaburan yang memerlukan penyelesaian segera di peringkat atasan kerajaan negeri. *JIC* ini bersidang 4 kali setahun dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. *JIC* ini diselaraskan oleh Pejabat Pusat Pelaburan Negeri Johor *(JSIC)* dianggotai oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang memproses perihal permohonan pelaburan dan perindustrian seperti MITI dan MIDA serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk membincangkan isu-isu projek pelaburan yang di kawasan-kawasan Majlis berkenaan. Ini penting untuk menjadikan negeri Johor sebagai destinasi mesra pelabur di mana kita dapat mencari penyelesaian masalah bagi mengutamakan kepuasan hati pelabur kita. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senggarang, jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Di manakah kawasan perumahan yang telah dicadangkan dalam Daerah Batu Pahat bagi membina Rumah Mampu Milik serta jumlah yang ingin dibina mengikut kawasan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamnualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Terima kasih kepada DUN Senggarang. Mengikut rekod pendaftaran projek di SUK Bahagian Perumahan Negeri Johor hanya 2 projek Rumah Mampu Milik yang telah berdaftar bagi daerah Batu Pahat iaitu Bandar Putera Indah, Batu Pahat yang berharga RM150,000.00, dengan jumlah unit yang akan dibina adalah 612 unit dan Bukit Indah Mukim Sri Gading dengan harga RM140,000.00, sebanyak 17 unit. Manakala, bagi projek yang berdaftar bagi kategori rumah kos sederhana rendah, yang berharga RM50,000.00, projek-projek tersebut adalah Taman Rona sebanyak 100 unit, Taman Lot 5822 EMR 5560 Mukim Simpang Kiri sebanyak 15 unit, Lot 6672 EM 9411 Mukim Sri Gading sebanyak 100 unit, Taman Damai Jaya Mukim Tanjung Sembrong sebanyak 22 unit, Taman Mulia Indah Batu Pahat sebanyak 15 unit, Lot 1044 dan 1045 Mukim Tanjung Sembrong sebanyak 9 unit, Taman Melur Mukim Simpang Kanan sebanyak 24 unit. Bagi rumah kos sederhana rendah, berharga RM80,000.00, projek-projek yang berdaftar, Lot 6672 GM 941 Mukim Sri Gading sebanyak 2 unit, Taman Damai Jaya Mukim Tanjung Sembrong sebanyak 24 unit, Taman Mulia Indah Batu Pahat sebanyak 18 unit, Taman Melur Mukim Simpang Kanan sebanyak 24 unit, Taman Lot 5822 EMR 5560 Mukim Simpang Kiri sebanyak 15 unit.

YB Tan Sri Speaker : Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, berapakah jumlah permohonan untuk rumah kos rendah dan Rumah Mampu Milik di daerah Batu Pahat dan mohon diperincikan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Tan Sri Speaker, mengikut statistik SUK Bahagian Perumahan, jumlah permohonan setakat September 2014, bagi daerah Batu Pahat adalah sebanyak 4,694 permohonan di mana perinciannya membabitkan Bandar Penggaram, Semerah, Senggarang, Rengit, Tongkang Pecah, Sri Gading, Parit Raja, Peserai, Yong Peng, Parit Sulong, Sri Medan, Parit Yaani, Lam Lee, Kangkar Baru, Air Hitam, yang kita pecahkan kepada beberapa zon. Dan, untuk Senggarang, pecahannya agak banyak untuk satu-satu zon itu. Untuk Senggarang, kategori rumah RM42,000.00 sebanyak 122 unit, manakala kategori untuk RM80,000.00 116 unit dan kategori untuk RM150,000.00 sebanyak 18 unit.

Selain daripada itu, pihak kerajaan, jumlah keseluruhan untuk pecahan daripada zon-zon yang saya boleh maklumkan secara ringkas untuk daerah Batu Pahat, kategori RM42,000.00, memerlukan sebanyak 1,664 permohonan yang telah masuk dalam pendaftaran SUK Perumahan. Kategori untuk RM80,000.00, ke bawah sebanyak 1,286 unit. Manakala, kategori untuk RM150,000.00, permohonan sebanyak 1,744 unit yang dipohon untuk kawasan daerah Batu Pahat. Selain daripada itu, pihak kerajaan negeri melalui SUK Bahagian Perumahan, kita juga mengambil inisiatif untuk menggalakkan pendaftaran kepada penduduk di seluruh negeri Johor dengan kita mengadakan roadshow tujuannya supaya kita ingin masyarakat mengetahui, memahami, kadang-

kadang ada masyarakat yang tunggu rumah siap baru nak mendaftar. Jadi, ini menjadikan satu permasalahan kepada kita untuk kita menyusun di mana keperluan yang boleh kita membina rumah mampu milik berdasarkan kehendak rakyat Johor.

Jadi, dengan mengadakan galakan pendaftaran sekurang-kurangnya kita dapat mengetahui jumlah berdasarkan tahun ke tahun yang bertambah terutamanya generasi muda yang kita tahu baru masuk universiti dan 5 tahun lagi akan memerlukan perumahan. Jadi, jumlah ini akan sentiasa meningkat untuk kita perincikan berdasarkan keperluan mengikut daerah dan mengikut zon-zon yang kita tetapkan. Jadi, mudah-mudahan dengan pelaksanaan yang kita buat ni, kita dapat menumpukan kepada pihak-pihak pemaju supaya kita memberi, menetapkan mana kawasan-kawasan yang perlu kita bangunkan terutamanya dalam kita menyediakan Perumahan Mampu Milik Negeri Johor.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Perumahan. Perancangan ini penting Yang Berhormat, tapi yang lebih penting ialah pelaksanaan. Merancang mudah, tapi yang lebih, yang lebih, lebih mudah lagi Yang Berhormat dan yang lebih teruk orang lain mencadang, merancang tetapi orang lain *clean*, dialah yang merancang, hasil desakan dia. Pepatah Melayu sebut, *lembu punya susu, sapi punya nama*. Ini dah berlaku dalam Dewan ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Soalan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada 2004 hingga 2013, di Batu Pahat eh, rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang tak dibina ni, ini perancangan, kelulusan dah ada, perancangan dah ada, yang tak dapat dibina ni sehingga 2014 ni, Majlis Perbandaran Batu Pahat ada 9,702, Majlis Daerah Yong Peng ada 1,529 eh, yang tak dibina. Jadi, kita yakin sekarang ni, EXCO, kerajaan negeri, sedang menyusun inilah eh, memperbaiki, melihat kelemahan-kelemahan ni tapi yang saya nak tanya, daripada 2014, ini merancang ni, daripada 2014 hingga 2018, apa perancangan kerajaan negeri di Batu Pahat untuk Rumah Mampu Milik Johor di kawasan Batu Pahat? Itu soalan saya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada soalan tambahan daripada ADUN Rengit. Tan Sri Speaker, perancangan kita untuk Rumah Mampu Milik di Johor ini berdasarkan kepada permohonan selain daripada pemantauan yang kita laksanakan. Dan, kita memahami banyak pemaju cuba mengelak untuk melaksanakan rumah murah. Sebab itulah, dasar Rumah Mampu Milik Johor ini kita laksanakan untuk kita membantu pihak pemaju supaya berdasarkan faktor bila mengubah daripada RM42,000.00 harga rumah murah dengan kita menetapkan berdasarkan kepada peratusan yang berbeza dari 40% di mana RM42,000.00, RM80,000.00 dan RM150,000.00 boleh membantu pihak pemaju untuk menyusun semula dari segi kadar keuntungan supaya subsidi itu boleh diselaraskan untuk tidak menjadi beban kepada pihak-pihak pemaju. Dan, telah disambut baik oleh pihak pemaju untuk mengubah dasar kepada segmen Rumah Mampu Milik Negeri Johor.

Dan, kita memahami ada 9,000 permohonan ataupun rumah yang kita luluskan untuk rumah murah tidak dilaksanakan. Walau bagaimanapun, ada sejumlah 4,860 berdasarkan peratusan pemajuan yang perlu dilaksanakan oleh pihak pemaju dan kita dapati ini merupakan satu perkara yang wajib sepatutnya dilaksanakan oleh pihak pemaju. Dan, daripada 4,860 unit yang sepatutnya wajib dibuat ni, daripada 9,000 maknanya dia wajib berdasarkan pada peratusan itu dia ada 4,860. Jadi, daripada 4,860 kita dah panggil semua pemaju-pemaju ini berdasarkan faktor-faktor mereka tidak boleh lagi memohon untuk pembangunan baru, projek-projek baru, kita dah melaksanakan dari segi penguatkuasaanlah, maknanya amaran di Pihak Berkuasa Tempatan sendiri, kelulusan OSC kita tahan. Jadi, benda ini telah meningkat untuk mengubah kepada segmen Rumah Mampu Milik dan kita telah mendapat sejumlah 1,549 unit rumah yang akan dibina mengikut data yang kita perolehi daripada *Task Force* Perumahan Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Batu Pahat. Selain daripada Pihak PBT Batu Pahat memantau dari segi peratusan *progress* projek, di mana pecahan mengikut tahun yang saya boleh maklumkan dalam Dewan ini, 78 unit pada tahun 2014, 612 unit pada tahun 2015, 538 unit pada tahun 2016, 321 unit pada tahun 2017-2018. Ini jumlah yang terkini berdasarkan daripada pemantauan kita 4860. Tapi, kita jangkakan nilai ini akan bertambah untuk kita menetapkan sasaran berdasarkan kepada keperluan penduduk yang saya maklumkan tadi, sejumlah lebih kurang 4694 permohonan di daerah Batu Pahat.

Jadi isu... jadi seperti yang disebut oleh ADUN Rengit, kita di pihak Barisan Nasional ini, kita komitmen untuk menyediakan perumahan. Jadi janganlah sebelah pihak cuba putarkan benda ini, yang kelemahan disebabkan pelaksanaan rumah murah ini tidak kita laksanakan. Kita kena sama-sama nasihat kepada pihak-pihak pemaju, pihak-pihak yang terbabit dalam sektor perumahan ini supaya bersama dengan kita dalam melaksanakan rumah idaman rakyat ini. Ia membabitkan pelbagai isu, kenaikan harga bahanlah apa benda. Tapi kalau satu peringkat pemaju melaksanakan tanggungjawab memberikan, walaupun mendapat keuntungan tapi dalam satu-satu peringkat memberikan faktor diskaun yang sama berdasarkan perjanjian, maknanya bumiputera kalau dah 15%, kena 15%, tak ada lagi maknanya dasar yang berbeza. Nampak macam 15% tetapi ada pula dasar yang menurunkan harga untuk yang lain. Jadi ini benda-benda yang boleh mendatang impak kepada masyarakat itu sendiri. Jadi saya... saya mengharapkan daripada apa yang kita buat ini, kita dapat memenuhi sasaran kepada masyarakat keseluruhan negeri Johor untuk kita menyediakan rumah mampu milik negeri Johor dan idaman kepada masyarakat di negeri Johor ini.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Jorak jemput.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Kajian mendapati 604 pelatih Cina dan India (daripada 14,000) di 79 kem PLKN tidak boleh bertutur Bahasa Malaysia, sila jelaskan perkara ini dan langkah-langkah yang mesti diambil bagi mengatasinya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaratuh. Selamat salam

sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4 ini ialah soalan yang berkaitan dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara iaitu satu jabatan di Persekutuan dan Jabatan ini tidak ada di peringkat negeri. Jadi, saya jawab berdasarkan makluman atau maklumat yang saya perolehilah daripada Jabatan ini.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Jorak, Jabatan Latihan Khidmat Negara merujuk kepada pendedahan Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong, seorang Felo Penyelia Utama Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah dikeluarkan oleh akhbar Utusan Malaysia pada 25 Oktober 2014 yang bertajuk "604 Pelatih PLKN Tidak Boleh Bercakap Bahasa Melayu". Menerusi artikel ini, jelas kebimbangan beliau terhadap penguasaan bahasa Melayu yang lemah oleh kaum China dan juga India. Beliau juga turut mempersoalkan bagaimana pelatih-pelatih ini boleh lulus SPM, sekiranya mereka langsung tidak boleh bercakap atau memahami bahasa Melayu. Setelah saya...

YB Tan Sri Speaker : Bahasa Melayu itu bahasa kebangsaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Ya bahasa kebangsaan. Setelah saya berhubung dengan Profesor ini, sebenarnya beliau membuat kenyataan tersebut berdasarkan kepada artikel di dalam akhbar Star pada 27 Mac 2011 yang bertajuk '*Modul To Enhance An Extremist Language Skills*' dengan izin. Artikel ini mendedahkan dapatan, kajian Jabatan Latihan Khidmat Negara pada tahun 2010 ke atas 13,925 pelatih khidmat negara di 79 buah kem. Seramai 1,794 pelatih menghadapi kesukaran untuk membaca, menulis dan berkomunikasi dalam bahasa kebangsaan. 290 hanya menerima pendidikan asas serta 609 tidak boleh langsung berbahasa kebangsaan ataupun bahasa Malaysia.

Beliau kerap menggunakan artikel ini sebenarnya sebagai rujukan dalam ceramah-ceramah beliau. Namun beliau sendiri terkejut apabila isu ini tiba-tiba di*highlight* dengan izin dan menjadi hangat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, langkah yang telah diambil oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara adalah dengan memperkenalkan modul i-smart pada tahun 2011. Modul ini bertujuan bagi membantu pelatih Program Latihan Khidmat Negara yang gagal menguasai kemahiran 3M (membaca, mengira dan menulis), dengan harapan mereka dapat menguasai kemahiran tersebut dalam masa 85 hari mereka berada di kem latihan.

Modul ini telah diperkenalkan setelah Jabatan Latihan Khidmat Negara mengesan ada pelatih PLKN Kumpulan Ketiga Siri 7 2010 tidak boleh mengenal huruf, tidak boleh membaca dan ada yang tidak boleh menulis. *So*, Jabatan Latihan Khidmat Negara juga telah mengesan kira-kira 1,000 orang daripada 11,000 pelatih kumpulan yang ketiga Siri 7 2011, bukan sahaja tidak boleh membaca dan menulis, malah tak pandai menunaikan solat untuk pelatih-pelatih Islam.

Ekoran daripada itu, Jabatan Latihan Khidmat Negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia mewujudkan modul i-smart bagi membantu pelatih berkenaan supaya dapat membaca, menulis dan juga mengira setelah tamat latihan. Modul khas ini dilaksanakan dengan tidak mengganggu perjalanan keseluruhan modul sedia

ada di kem PLKN, memandangkan ia diajar hanya kepada pelatih yang dikesan menghadapi masalah 3M tadi dan dilaksanakan pada waktu rehat serta di bawah tanggungjawab seorang jurulatih khas di setiap kem.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Jorak.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita lihatkan kepada para pelajar yang tak boleh menguasai bahasa kebangsaan ini, tak boleh mengenal huruf, tak boleh baca, tak boleh tulis. Dia sebenarnya bermula daripada alam sekolah lagi. Antara kajian yang telah dilakukan terhadap pelajar yang gagal ini ialah pertamanya ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa kebangsaan di sekolah-sekolah secara umum, iaitu terutamanya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Guru yang mengajar bahasa kebangsaan tapi diajar dalam bahasa ibunda mereka. Ajar bahasa kebangsaan tapi dalam bahasa China atau bahasa Tamil. Macam manalah budak tu nak faham, nak belajar bahasa kebangsaan? Itu pertama. Kaedah mengajar bahasa kebangsaan, pengajaran dan pembelajaran. Yang keduanya ialah kerana sikap pelajar. Sikap pelajar yang sengaja memang tak mahu belajar bahasa kebangsaan. Tak nak buat kerja rumah, kadang-kadang ponteng dalam kelasnya dan sebagainya. Dia kata tidak ada nilai bahasa kebangsaan ni. Lebih baik kita kuasai bahasa Inggeris. Dia tak nampak bahawa pentingnya bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan.

Jadi, soalan saya ialah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adakah kerajaan bercadang untuk menjalankan satu peperiksaan khas untuk pelajar-pelajar yang gagal di peringkat sekolah? Dan kalau gagal mereka dalam bahasa kebangsaan ini, mereka dilucutkan kerakyatannya. Nampak lucu tetapi kalau dibiarkan mereka yang tidak boleh menguasai bahasa kebangsaan ini makin bertambah. Saya beri contoh jiran saya sendiri. Anaknya tak boleh cakap Melayu, tak tahu bahasa kebangsaan. Bapanya Melayu, emaknya Melayu, anaknya sekolah *international school*. Tak boleh cakap. Kalau kita cakap dengan dia, dengan anak ini dia ketawa aje.

YB Tan Sri Speaker : Melayu pun tak boleh cakap Melayu?

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Tak boleh. Dan bilangannya bertambah. Bukan saya hanya mengatakan bahawa kepada bangsa-bangsa lain tetapi bahasa, orang Melayu sendiri pun tak boleh menguasai bahasa kebangsaan. Ini serius.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Peraturan Tetap. Yang Berhormat Tan Sri Speaker... Peraturan Tetap 45.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Adakah kerajaan bercadang...

YB Tan Sri Speaker : Duduk Yang Berhormat... Ada peraturan. Ya jemput...

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Ini satu cadangan... saya tanya adakah kerajaan bercadang?

YB Tan Sri Speaker : Apa Mengkibol?

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Peraturan Tetap 45 faedah tetap, tepat, adalah menyalahi peraturan mesyuarat menggunakan kata-kata yang harus membangkitkan perasaan sakit hati atau permusuhan di antara berbagai-bagai kaum di dalam Persekutuan. Maka...

YB Tan Sri Speaker : Duduk... duduk Mengkibol. Mengkibol duduk, duduk, duduk, duduk. Jorak tak menyakiti hati, dia pun sebut orang Melayu tadi tak pandai cakap Melayu. Jemput. Jadi fahamlah Yang Berhormat.

Yang Berhormat EXCO kalau nak menjawab. Yang Berhormat... Habislah, lebih kurang kita fahamlah maksud dia (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol ini memang suka mengganggu, suka buat kacau ganggu walaupun dia tak faham pun dia cakap.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertama saya tidak dapat nak pastikan sama ada pelatih-pelatih yang terlibat yang tidak pandai berbahasa kebangsaan itu daripada sekolah jenis kebangsaan, sebab saya tidak ada data yang tepat.

Dan berhubung dengan cadangan yang kedua, buat masa ini Jabatan tidak ada cadangan, sebab itu adalah dasar di peringkat Kementerian tetapi mungkin daripada cadangan Yang Berhormat Jorak kita boleh bawakan cadangan itu melalui Jabatan.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Bukit Permai jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Soalan tambahan.

YB Tan Sri Speaker : Ya, Bukit Permai dulu saya jemput.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sebelum itu saya nak ucap terima kasih walaupun ada penerangan bahawa kurang produk FAMA yang boleh dieksport, tapi hari ini kita dapat nanas seorang sekotak. Tak tahu siapa bagi tapi dah sampai semua. Yang Berhormat Tan Sri...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat soalan ke tidak? Kalau nanas, tak ada kena mengena ni. (Dewan ketawa).

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Tak, nak ucap terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Itu sebab soalan ni tuju kepada perkara yang nak dibangkitkan. Ni bukan ceramah ataupun apa... (Dewan ketawa)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Jadi soalan saya...

YB Tan Sri Speaker : Saya tak boleh buang masa ni.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Soalan nombor 4 ni, dia punya maksud soalan dia yang utama dia ni, tak boleh bertutur bahasa Malaysia ataupun bahasa kebangsaan, isu dia. Bukan PLKN tapi tak boleh bertutur bahasa Malaysia.

YB Tan Sri Speaker : Di pusat-pusat anu...

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Dia...

YB Tan Sri Speaker : Pusat Latihan ni dia cerita...

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Bahasa Mandarin...

YB Tan Sri Speaker : Jangan, jangan larikan soalan di pusat-pusat latihan, ini soalan asal Jorak. Jangan, jangan ke mana-mana.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Tak dapat... dapat data ini daripada PLKN. Soalan dia, isu dia, tak boleh bertutur bahasa Melayu. Jadi saya ada beberapa soalan di sini. Bahasa Mandarin tulisannya China, bahasa Tamil tulisan Tamil. Yang ini, ada tak kerajaan, nak mencadangkan kalau orang dah tak minat, biarkan. Bahasa Malaysia ini ada tak cadangan kerajaan supaya kita menggunakan tulisan jawi sebagai perantaraan bahasa Melayu. Semua jabatan kerajaan, Kementerian, guna tulisan jawi. Ada tak cadangan daripada kerajaan nak buat macam gitu? Lagi mudah, senang urusan kita orang pun tak faham. Ni cadangan saya, soalan saya, ada tak cadangan Kerajaan?

YB Tan Sri Speaker : Ok. Yang Berhormat...

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : (Ketawa). Yang Berhormat Tan Sri Speaker, buat masa ini tak adalah cadangan yang sebegitulah.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Saya rasa pembelajaran itu adalah satu proses sepanjang umur. Kalau kita ada minat untuk membelajar apa-apa subjek pun termasuk bahasa Malaysia ke, bahasa Mandarin ke, Bahasa Inggeris. Kalau niat itu ada, determinasi itu ada, saya rasa bukan masalah. Yang perlu kita mengkaji sistem pendidikan kita sendiri itu, masa kita belajar bahasa kedua termasuk bagi kalangan besar kita bahasa kebangsaan adalah bahasa kedua atau ketiga, kita mempelajari bahasa kebangsaan dalam sekolah. Tetapi...

YB Tan Sri Speaker : Bahasa kebangsaan ialah bahasa utama Yang Berhormat. Dia tak boleh dikatakan Bahasa Kebangsaan kerana dia dah ada dalam Perlembagaan kita. Dia tetap menjadi bahasa utama, kita tak boleh kata dalam negara Malaysia ni bahasa kebangsaan itu bahasa kedua, tak ada. Kita tak boleh anu, jadi setiap warganegara harus menguasai bahasa negaranya. Negara ini bahasanya kebangsaan. Setiap warganegara mesti tentu menentukan bahawa dirinya pandai berbahasa kebangsaan. Bahasa-bahasa lain menjadi bahasa kedua, ketiga, keempat dan kelima.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tan Sri Speaker, saya hormatkan pandangan Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Tak, saya tak mahu dipesongkan istilah bahasa kebangsaan ini.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita juga mengutamakan Bahasa Kebangsaan kepentingannya, tapi yang sebenarnya saya nak bagi cadangan bahkan kita meningkatkan cara pembelajaran. Setakat ini kita belajar dalam bilik darjah sahaja satu bahasa tapi kerajaan belum ada program menggalakkan pertukaran, pertukaran belajar. Maksudnya kalau kita nak belajar Bahasa Inggeris, ibu bapa boleh belanja dan hantar budak kita ke Australia.

YB Tan Sri Speaker : Ok, ok YB.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi kita ada kampung, kampung-kampung berdekatan tapi belum ada satu inisiatif untuk menggalakkan pelajar bukan Melayu untuk, katanya ada satu program *homestay*,. Kita, Kementerian boleh bagi panduan. Kita hantar pelajar-pelajar yang lemah dalam bahasa itu ke kampung, duduk satu bulan, dua bulan masa cuti sekolah bersama dengan keluarga-keluarga Melayu. Itu satu cara jalan yang terbaik untuk mempelajari bahasa dan kita ada prasangka selebih saintifik yang lebih, bukan sahaja mempelajari satu bahasa. Yang belajar satu bahasa, yang penting itu kita mempelajari

YB Tan Sri Speaker : OK. Soalan, mana soalan.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...mempelajar budaya yang digunakan.

YB Tan Sri Speaker : Ok, ok, Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...di negara maju. Mereka kena belajar Sepanyol, Amerika Syarikat, mereka dengan cara *emotion*.

YB Tan Sri Speaker : Ya, kita fahamlah Yang Berhormat.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ... duduk dengan keluarga atau sekolah yang berbangsa, berbahasa Spanish, Sepanyol.

YB Tan Sri Speaker : Ok. Ini soal Yang Berhormat, soal kaedah bagaimana pembelajaran bahasa Melayulah lebih kurang begitu soalan daripada Skudai ini. Kaedah belajar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Saya ingat dia tak ada soalan Tan Sri.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan, kenapa kerajaan tak, tak, tak pakai kaedah yang saya cadangkan. Kita sudah, orang lain dekat negara lain sudah digunakan berpuluh tahun. Orang Amerika boleh berbahasa Sepanyol, Melayu atau dengan fasih...

YB Tan Sri Speaker : Ok, Skudai. Jemput, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ... kalau guna kaedah yang, yang, yang betul.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Kalau YB nak jawab, jawablah. Kalau tak, tak apa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini adalah soal di dasar di pihak Kementerian. Jadi apa pun yang dilaksanakan di peringkat Kementerian adalah seperti mana yang kita buat sekarang. Cuma mungkin saya lebih apa nama itu *refer* dengan izin, dengan cadangan daripada Jorak yang menyatakan bahawa isu dia sekarang hari ini ialah bila yang asas. Maknanya contohnya di sekolah-sekolah kebangsaan Cina yang mereka menghendakkan supaya guru-guru bahasa Melayu ini diajar oleh bukan guru-guru Melayu dan malah bukan, kalau pun daripada guru bahasa bangsa Cina, mereka adalah bukan pakar dalam bahasa kebangsaan ini. Jadi itu, saya, saya lebih *prefer* kalau itu ditambah baik supaya sekolah-sekolah Cina ini terima guru-guru pakar. Kalau pun dia cikgu bangsa Cina, dia mesti cikgu pakar dalam bahasa kebangsaan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat,

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya mohon bagi sikit pandangan.

YB Tan Sri Speaker : Saya bercakap, Yang Berhormat duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengalu-alukan pemerhati daripada kawasan Endau yang terdiri daripada JPMM DUN Endau seramai 20 orang. Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Masih berlaku kelewatan yang ketara terhadap elaun untuk jawatan imam, Bilal dan Noja. Adakah berlaku kelewatan dalam masalah pembayaran elaun tersebut?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalam warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Ahli Yang Berhormat Sungai Abong, berkaitan soalan masih berlaku kelewatan yang ketara terhadap, bukan terhadap kepada elaun untuk jawatan imam, bilal dan noja. Adakah berlaku kelewatan dalam masalah pembayaran elaun tersebut?.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya dah nyatakan semalam bahawa peruntukan yang diberikan, sumber untuk membayar elaun iman dan noja, bilal, dan noja adalah datangnya daripada peruntukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang mana jumlahnya hampir mencecah RM49 juta setahun termasuk untuk guru-guru Tahmir dan juga guru-guru KAFA. Saya tak dapat sahkan jumlah bagi imam dan bilal tapi jumlah yang diperuntukkan oleh JAKIM hampir RM49 juta.

Di samping itu juga, peruntukan daripada Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor. Dan, kaedah pembayaran bagi elaun kepada imam, bilal dan noja ini di mana kita sedia maklum bahawa, bahawa ini bukannya gaji tetapi ianya adalah elaun atau pun bayaran sagu hati. Maka dengan sebab itu kaedah pembayaran ini

perlu dituntut. Ianya dituntut bukan maknanya gaji itu tiap-tiap bulan kita dapat, tak tuntut pun kita dapat, yang penting kita kerja. Ada kerja ada gaji tapi imam ini kaedahnya ianya adalah elaun dan perlu dituntut.

Maka dengan sebab itu di Negeri Johor, terdapat sebanyak 897 buah masjid di mana imam 1, imam 2 dan juga bilal dapat elaun daripada JAKIM, manakala surau dapat elaun daripada pihak kerajaan negeri termasuk imam, bilal dan noja. Di antara punca kelewatan di mana kaedah saya ingin sebelum punca kelewatan itu, saya ingin sebutkan bahawa kaedah pembayaran elaun yang diberikan kepada iman-imam ini ialtu setiap 3 bulan sekali. Maknanya dalam setahun pihak kerajaan akan membayar sebanyak 4 kali. Di antara punca kelewatan, kalau dikatakan kelewatan itu ketara terhadap pembayaran elaun-elaun imam dan bilal dan juga noja itu tadi ialah, disebabkan kelewatan imam itu sendiri, bilal itu sendiri dan noja itu sendiri yang membuat tuntutan. Itu sebenarnya kelewatan yang punca yang ketara.

Dan, apabila dibangunkan sistem untuk pembayaran bagi setiap 3 bulan oleh Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Johor, terdapat imam-imam yang masih belum menuntut dan ada setengahnya memang mereka ini bila ditanya kenapa tidak menuntut? Dia kata, saya memang kata dia, ikhlas, tak nak dapat ganjaran apa-apa. Jadi, dengan sebab itu yang merencatkan atau pun menjadi punca kelewatan. Di samping itu juga, pembayaran elaun imam-imam ini, bilal dan noja ini dulu kalau kita lihat dari segi sejarahnya di mana pada ketika dulu dibayar secara tunai. Ada dulu suatu ketika dibayar dengan menggunakan cek dan pada hari ini kita dah gunakan terus ke dalam akaun bank. Dan, salah satu di antara puncanya, ada di antara kakitangan atau pun pegawai masjid ini terdiri daripada imam, bilal dan juga noja itu tadi, di antara mereka ini tidak mempunyai akaun bank. Bukan mereka, di antaranya mereka tidak mempunyai akaun bank.

Yang kedua, apabila mereka hendak buat akaun bank, mereka tak boleh buat dan ada mereka di kalangan mereka pula, ada akaun bank, akaun bank tapi mereka ini bukan mengikut bank yang kita cadangkan. Itu salah satu di antaranya sehingga kini, sehingga kini. Maka dengan sebab itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara-perkara ini telah pun banyak kali Bahagian Pengurusan Masjid, Unit Qariah khususnya memaklumkan kepada imam-imam. Begitu juga dalam taklimat Jawatankuasa Masjid dan Surau di peringkat negeri dan daerah. Kepada imam-imam, pegawai masjid ini untuk mereka menyediakan akaun dan sebagainya. Dan, ada di antara sekarang, sehingga sekarang ini ada di antara mereka imam-imam ini, yang pihak jabatan terpaksa membayar mereka itu dengan menggunakan cek. Kerana apa? Sehingga kini mereka tidak boleh buka akaun kerana mereka ini terlibat, apa yang disebut sebagai, kerana mereka tidak layak untuk membuka akaun. Itu di antara sebab-sebab kelewatan yang saya rasa menjadi punca sebenarnya.

Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui peruntukan JAKIM dan kerajaan negeri, tidak ada isu menyatakan kerajaan tidak mempunyai kewangan untuk membayar elaun masjid, elaun bilal, elaun imam, bilal dan noja sebab awal-awal tahun lagi pihak JAKIM setiap tahun akan menyalurkan bantuan, sumbangan yang saya katakan jumlahnya tadi itu, bukan hanya setakat elaun imam, bila dan noja malah guru-guru KAFA dan juga guru-guru Tahmir. Awal tahun lagi akan disampaikan sendiri oleh Yang Berhormat Dato' Seri Jamil Khir Baharom. Saya ingat lagi perkara ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebab itu tuan-tuan dan puan-puan, Yang

Berhormat Sungai Abong, saya ingin maklumkan supaya dapat maklumkan, kalau ada yang dikatakan di kawasan Yang Berhormat tadi, kita siasat dulu apa punca dia. Sebab pengalaman saya sendiri ya, saya melihat perkara ini, isu ini masih lagi berlaku sebenarnya, sebab kalau kita nak jumlah imam yang ada dengan pegawai masjid hampir mencecah 5,000 orang di seluruh negeri Johor termasuk masjid dan juga surau dan juga, imam, bilal, masjid, imam, bilal, noja, masjid, imam, bilal, noja, surau. Keseluruhannya mencecah 5,000 orang. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat dalam penerangan yang diberikan tadi. Pertama, kita ketahui bahawa ada janji-janji dan janji untuk diberikan elaun kepada bilal, imam dan noja di masjid-masjid kariah. Dan, kita diberitahu bahawa mereka ini sebenarnya adalah kakitangan yang berbentuk kontrak dan dikira elaun. Dan baru, baru saya tahu bahawa mereka ini perlu menuntut terhadap elaun-elaun yang dijanjikan itu. Kita, saya rasa satu masalah tentang imam, noja dan bilal ini di masjid-masjid kariah ini. Kalau kita beranggapan bahawa mereka ini adalah pekerja-pekerja *part timer* dengan izin, tapi sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bila saya beritahu kepada noja atau bilal-bilal atau imam-imam ini bahawa, awak ni kerjalah cari kerja lain. Oleh kerana kerja-kerja imam, bilal ini kerja-kerja yang separuh masa, tidak sepenuh masa, carilah kerja-kerja lain untuk menampung kerana ini adalah kerja-kerja dan imbuhannya taklah tinggi sangat. Imbuhan ini saya rasa dalam masih lagi dalam kadar kemiskinan. Yang ini masalah bagi mereka ini ialah mereka kata kami nak kerja apa? Kalau kami kerja sawit nak kena balik tengah hari, petang dah kena balik lagi, nak kena ini, buka masjid dan sebagainya, bukan boleh masa pergi masjid dengan bau baju menyawit dan sebagainya.

Jadi, mereka ini sebenarnya adalah pekerja-pekerja sepenuh masa. Oleh kerana kekangan masa nak pergi azan, nak buka masjid dan sebagainya. Jadi sebenarnya mereka ini menjadi suatu kelompok dalam masyarakat. Saya tak tahu di tempat lain. Sungai Abong ini mereka ini sedang menunggu-nunggu bantuan-bantuan. Kalau saya nak katakan bahawa mereka ini tak reti nak menuntut, mereka ini saya rasa kalau setakat nak menuntut, nak makan, tiap-tiap bulan pergi ke Jabatan Agama untuk mendapatkan peruntukkan ini. Mungkin saya rasa ini adalah kerana kita ini macam pandang ringanlah, pandang ringan atau pun...

YB Tan Sri Speaker : OK, ringkaskan Yang Berhormat.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : *Take for granted*. Jadi saya minta jaminan. Kalau kita dah tahu masalah-masalah yang berlakunya masalah ini, sebab penyebab-penyebabnya, saya nak jaminan. Selepas ini jaminan bahawa mereka-mereka ini mesti mendapat elaun tiap-tiap bulan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang boleh saya jamin pada hari ini, mereka akan dapat hak mereka. Mereka akan dapat jumlah, cuma mungkin masanya tadi yang saya maklumkan tadi, kerana punca kelewatan ini pun kita faham. Setiap tuntutan itu ada melalui kaedah seperti saya katakan tadi

melalui tuntutan yang dipohon oleh yang menuntut selepas itu dihantar kepada Pejabat Kadi Daerah untuk pengesahan dan dibawa terus kepada Bahagian Pengurusan Masjid. Tetapi saya mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Sungai Abong, ini masalah umat Islam kita akan cuba selesaikan. Sebagaimana masalah-masalah yang juga berlaku kepada beberapa jawatan-jawatan yang lain seperti elaun Hafiz, Tahfiz dan juga elaun guru-guru Tahmid tetapi kita akan selesaikan, kita akan usahakan.

Maka dengan sebab itu, kalau ikut kaedah yang saya difahamkan, bahawa apabila contoh, sebagai contoh, tuntutan dibuat daripada bulan 1, 2 dan 3 kita akan bayar dalam bulan 4. 4, 5, 6 kita akan bayar dalam bulan 7. 7, 8, 9 kita akan bayar dalam bulan 10. 10, 11, 12 kita akan bayar sampailah pada awal tahun. Kebiasaannya begitu, cuma kadang-kadang yang saya ingin maklumkan, bahawa tidak ada isu sebenarnya yang datangnya daripada pihak kerajaan ataupun dari segi pelaksana. Ianya cuma berpunca daripada itulah tadi saya katakan tadi, kaedah tadi tuntutan itu tadi. Dan, seperti yang saya Di maklumkan juga oleh Yang Berhormat Sungai Abong, dalam perbualan saya dengan beliau berkaitan dengan perkara ini sebelum ini, bahawa kalau kita lihat dari segi, maknanya yang disebut tadi Imam ini di kalangan mereka ini mengharapkan bahawa ini adalah punca rezeki, ya. Punca rezeki sebagai Imam, ya.

Maka dengan sebab itu, kalau kita lihat dari segi peranan kerajaan untuk membantu Imam-Imam ini, kalau dari segi dulunya, sebelum ini, Imam ini memang senang kata atas kerjanya, atas agama Allah memang tidak ada tuntutan apa-apa. Tetapi di atas inisiatif kerajaan melihat bahawa Imam, bilal dan noja ini adalah satu jawatan yang mana dilihat hari ini ada keperluan mereka ini diberikan sagu hati. Saya banyak menerima aduan-aduan seperti ini, dan ada juga di antaranya Imam-Imam yang telefon saya, dia kata Yang Berhormat bila sagu hati ini kata dia nak dapat? Saya kata sabar sikit lagi Imam, kata, kita tengah susun semua sekarang ini, sekaligus kita akan teruskan *online* boleh dapat. Ini tunggu lama-lama sagu hati ini, lama-lama saya sakit hati kata dia. Ini saya biasa dengarlah. Dan, bila diwujudkan jawatan Imam ini, berelaun, ini kena ingat, ya. Orang yang dulu, ya, tidak pernah dapat pun akan berkata, dulu saya jadi Imam satu sen pun saya tidak pernah dapat. Orang sekarang ini beruntung tuan-tuan, ya. Sampaikan boleh kira kata dia. Kalau satu hari itu ada berapa rakaat tu, dia boleh kira berapa dia punya elaun dia. Sembahyang tadi tu. Maknanya sampai begitu sekali kita berikan nilai tadi tu sehinggakan mereka boleh nilai kata dia. Kenapa perlu, ada pula di antaranya kenapa dia kata perlu Imam ini diberikan elaun? Saya kata kerana dia menjadi Imam maka dia tidak pergi mencari rezeki yang lain.

Maka dengan sebab itu, kalau kita lihat peranan Imam sebagaimana yang disebutkan dalam hadis Nabi Muhammad SAW (Bacaan Hadis). Sesungguhnya dijadikan Imam itu supaya dijadikan keutamaan untuk kita ikut dia. Maka itu sebab, peranan Imam itu perlu kita angkat. Dengan sebab itu elaun itu sendiri pun kita angkat, tak pernah kita kata elaun Imam di potong. Tidak pernah dengar. Elaun Imam kita tambahkan, Insya-Allah lagi mungkin, ya. Akan ada lagi tambahan-tambahan yang lain di masa akan datang. Tetapi itu saya kata tadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Abong, saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Agama, saya akan mengambil tindakan.

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Untuk dapat menyelesaikan isu ini dan mungkin ada mekanisma yang saya akan berbincang dengan Pegawai Kewangan Negeri, apa cara, kaedah yang mungkin kita dapat mudahkan lagi. Kalau ada yang kita boleh cari, kita berikan kemudahan supaya Imam-Imam kita ini, Bilal kita dan Noja kita dan seterusnya masjid itu akan imarah dengan kewujudan pegawai-pegawai masjid tersebut. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan kita pada hari ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan dalam soal jawab, belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : Soalan-soalan bertulis. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2015) TAHUN 2014.

YB Tan Sri Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' jemput.

YAB Dato' Menteri Besar: Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengambil kesempatan untuk terlebih dahulu menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Dewan, yang telah membahas, menyokong, memberi pandangan bernas dan idea-idea baru serta melontarkan kritikan-kritikan membina dalam Perbahasan sepanjang Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Saya yakin, semua perkara yang diperkata dan di bahaskan akan membantu pentadbiran Kerajaan Negeri agar kita dapat memastikan segala ikhtiar yang telah direncana akan dilakukan dengan cara yang terbaik dan berkesan. Sebelum saya teruskan saya ingin membuat beberapa kesimpulan. Berdasarkan apa yang telah saya dengar, amati dan fahami sepanjang sesi Perbahasan ini. Pertama, saya telah melihat peningkatan kualiti Perbahasan secara keseluruhan. Ahli-Ahli Dewan nampak bersedia, melakukan penelitian mendalam dan kelihatan konstruktif dalam perbahasan dan ulasan mereka terhadap Bajet Negeri Johor 2015. Segala maklum balas ini penting untuk membantu Kerajaan Negeri melaksanakan dengan lancar segala ikhtiar dan inisiatif yang disusun.

Kedua, saya melihat keyakinan yang tinggi di kalangan Ahli-Ahli Dewan, khususnya daripada Barisan Nasional, terhadap strategi dan inisiatif yang telah ketengahkan dalam Bajet Negeri Johor 2015. Ternyata Bajet ini bukan sekadar retorik politik, ia adalah pelan yang strategik dan pragmatik. Lebih penting, ia adalah rencana pembangunan yang realistik tetapi inklusif dan di yakini kerana kita boleh melaksanakannya mengikut kemampuan. Saya dan pentadbiran Kerajaan Negeri tidak akan merancang sesuatu yang di luar kemampuan kerajaan untuk melunaskannya.

Ketiga, perlu ditegaskan yang Bajet 2015 ini hanyalah sebahagian dari Pelan Pembangunan Negeri Johor. Ia bukan suatu pelan kemuncak dan tunggal, sebaliknya pelaksanaan dan kejayaannya akan turut bergantung dan melibatkan segala program dan pelan-pelan lain yang telah kita perkenalkan ataupun akan diperkenalkan sama ada di peringkat negeri mahu pun kebangsaan seperti Rancangan Malaysia Ke-10, Model Ekonomi Baru, Pelan Transformasi Nasional mahu pun Rancangan Malaysia Ke-11 dan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang sedang dirangka. Serta pelbagai lagi strategi pembangunan yang saling bersangkutan. Ini bermakna pastinya akan ada perkara yang tidak dinyatakan atau disentuh dalam dokumen Bajet 2015. Akan tetapi, perkara-perkara tersebut tidak bermakna sama sekali ditinggalkan. Sebaliknya, ia telah dimasukkan dan boleh di dapati dalam program-program dan pelan-pelan pembangunan yang lain. Apa yang lebih penting, kesemua ini telah dirangka untuk saling menyokong dan lengkap-melengkapi. Oleh yang demikian, kritikan yang menyatakan bahawa ada perkara yang tidak kita ditangani adalah pandangan yang saya kira bersifatkan mengelirukan dan berpandangan singkat. Kita tahu keutamaan kita, kita juga tahu ada perkara yang harus ditangani melalui pelan pembangunan khusus yang berbeza dan berasingan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya mengulas dan menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang sesi perbahasan Bajet Negeri Johor 2015 kali ini. Pertama, saya mengambil maklum tentang kebimbangan Yang Berhormat Buloh Kasap dan banyak pihak tentang pelaksanaan pelbagai inisiatif yang telah disarankan. Saya ingin menegaskan, bahawa pentadbiran saya adalah pentadbiran yang objektif, dan berdasarkan pencapaian. Kami faham pertanggungjawaban dan kepentingan mencapai prestasi yang telah disasarkan. Saya mentadbir antara negeri paling maju di Malaysia. Dengan rakyatnya yang sangat bermaklumat dan berfikiran maju. Oleh itu, orientasi dan sasaran segala perancangan, pelan dan inisiatif pentadbiran kerajaan negeri akan mempunyai ukuran kuantitatif dan indikator pencapaian yang tertentu. Saya ingin mengalu-alukan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kukup, Gambir dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, yang menyokong pendekatan baru dan pencapaian kerajaan negeri sehingga hari ini.

Sukalah saya untuk memberi penegasan pada Dewan yang mulia ini, bahawa kita komited dalam menilai prestasi dan pencapaian program-program pembangunan yang telah diperkenalkan dan ianya diukur menerusi agenda kerajaan berteraskan pencapaian yang berdasarkan tiga langkah berikut. Langkah pertama, memahami kedudukan semasa rakyat yang diterjemahkan melalui Pelan Suara Hati Johor. Langkah kedua, menetapkan visi dan fokus penambahbaikan yang berterusan. Selain sistem pemantauan sedia ada di peringkat jabatan dan agensi, Kerajaan Negeri telah mewujudkan sistem pemantauan dan pelaporan di peringkat Menteri Besar. Sebanyak 7 fokus utama di bawah Pelan Suara Hati Johor mempunyai Petunjuk Penilaian Prestasi ataupun KPI tersendiri yang diberikan kepada semua 10 Pengerusi Jawatankuasa Negeri ataupun EXCO. Inisiatif baru ini turut di dukung dengan penubuhan sektor Indeks Penilaian Prestasi ataupun IMPRES di bawah Permodalan Darul Ta'zim yang melapor terus kepada Menteri Besar. Langkah ketiga, yang paling mustahak, dan yang paling mustahak adalah pelaksanaan berdasarkan sasaran perancangan serta penyelesaian masalah yang menyeluruh melalui pelaporan KPI setiap suku tahun oleh setiap Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Negeri serta sesi pelaporan KPI secara individu, *One on One* dengan izin, dengan saya.

Kedua, saya ingin mengajak semua pihak untuk berfikiran lebih realistik. Bajet ini adalah pelan kita untuk tahun 2015. Ia menganjurkan banyak strategi yang baik, relevan dan progresif. Oleh itu, jika ada yang perlu diperbaiki tampilah mengemukakan pandangan yang mendukung. Tidak ada satu pun dari 104 perkara ataupun *touch point* dengan izin, yang telah kita kemuka dan sarankan mempunyai natijah yang memudaratkan rakyat dan Negeri Johor. Kesemuanya merupakan perkara yang bermatlamatkan kebaikan, kemakmuran dan kesejahteraan untuk semua. Maka, kepada mereka yang selalu berfikiran negatif terhadap usaha murni kerajaan sedarlah bahawa ini adalah era politik yang progresif. (Dewan bertepuk). Kritikan yang dilontar mestilah bersifat membina, konstruktif dan mesti mendukung yang baik agar ia menjadi lebih baik.

Sikap tertutup dan mengenepikan atau *dismisive* terhadap segala usaha kerajaan adalah warisan budaya politik mundur dan terkebelakang. (Dewan bertepuk). Pendekatan saya sangat terbuka, kita sedar era kerajaan tahu segala-galanya telah berakhir, dengan itu adalah menjadi tanggungjawab moral semua Ahli Dewan yang mulia ini, untuk sentiasa mencari dan membuka jalan bagi membantu pentadbiran negeri agar boleh memulangkan yang terbaik kepada rakyat.

Ketiga, saya ingin meyakinkan semua Ahli Dewan, bahawa pentadbiran saya telah beranjak dari kerajaan kepada tadbir urus ataupun dengan izin, *from government to governance*, ini jalan ke hadapan dan jalan kemajuan. Fokus saya adalah pada tadbir urus atau *governance* dan bukannya pada kuasa dan *authority*. Tiada yang gah tentang sesebuah pemerintahan jika tidak mendedikasikan segala keringat, upaya dan pemikiran untuk mengurus bangsa dan negara dengan amanah dan penuh kebaikan. Saya yakin inilah tugas sebuah kerajaan yang bertanggung jawab, yang insklusif dan demokratik. Kita juga menyedari wujudnya jurang urus tadbir atau *the governance gap* antara institusi kerajaan dengan sektor swasta. Mengurus jurang ini bukanlah perkara mudah. Pentadbiran saya adalah pemelihara kepada kemaslahatan awam atau *the custodian of public goods* dengan izin. Lalu saya harus mencari jalan bagi mengimbangi antara kepentingan awam dan kerancakan pembangunan serta kepesatan pembangunan ekonomi. Maka, tidak hairanlah jika salah satu strategi utama Bajet 2015 adalah mengukuhkan kepercayaan awam terhadap institusi kerajaan. Oleh itu, berilah ruang, masa dan sokongan padu kepada usaha melakukan perkara ini. Insya-Allah, usaha kita memodenkan kerajaan akan mewujudkan suatu sistem tadbir urus yang lebih telus, lebih baik, lebih maju dan lebih bermutu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jawaban khusus saya bagi segala isu spesifik, yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan adalah seperti berikut :-

Pertama, Tema Bajet 2015 adalah membangun Johor secara insklusif. Rata-rata Ahli Dewan ini bersetuju dengan tema ini. Namun ada juga pihak yang meragui komitmen kita, untuk memastikan pembahagian dividen kesejahteraan dapat dinikmati warga Johor secara keseluruhan. Malah ada yang mengambil jalan mudah membuat pelbagai andaian dan tohmahan bahawa Bajet ini hanya akan memberi manfaat syarikat-syarikat kroni dan pemaju-pemaju. Saya hanya ada satu jawapan untuk mereka ini. Bahawasanya pentadbiran kita tidak akan melayan mereka yang anti akal dan yang anti rasional. (Dewan bertepuk) Dewan yang mulia ini, bukanlah untuk

mereka yang anti akal dan anti rasional. Ingin saya tegaskan, kesemua 104 inisiatif yang telah saya kemukakan tujahannya ialah untuk merancakkan ekonomi. Memastikan keadilan sosial dan memberikan hidup yang sejahtera kepada rakyat Johor. Kepentingan semua pihak dalam negeri ini cuba kita fahami dan penuhi. Dari anak-anak sekolah, guru, golongan sederhana dan miskin, belia, nelayan, petani, pemodal, Pertubuhan Bukan Kerajaan, wanita, sehinggalah mereka yang telah berpulang semuanya kita berikan perhatian. Hanya mereka yang rasional, yang bertanggung jawab dan yang mendukung politik yang progresif sahaja yang mampu memahami betapa bersungguhnya kita dalam mencari jalan membangunkan negeri Johor dengan bertanggung jawab. (Dewan bertepuk).

Kedua, saya dapat memahami kerisauan tentang perlaksanaan GST dan kesannya ke atas peningkatan kos sara hidup. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bentayan, Tangkak, Bukit Batu dan Jementah. Saya suka menegaskan sekali lagi, bahawa perlaksanaan dan isu berhubung dengan GST adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Seperti yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Semarang di dalam hujah perbahasannya. Namun saya ingin menekankan sekali lagi, yang segala kerisauan dan kekhuatiran yang dibangkitkan berhubung dengan GST sebenarnya telah dijawab oleh Kerajaan Pusat dalam pelbagai forum, dokumen-dokumen awam dan sesi penjelasan. Perlaksanaan GST telah melalui proses *engagement* yang *extensive* dan kajian kebolehlaksanaan yang teliti. Tidak ada kerajaan yang rasional akan melaksanakan dasar yang memudaratkan bangsa dan negara. Namun dalam melakukan sesuatu yang betul dan benar kita selalu berhadapan dengan rasa curiga dan prejudis. Tetapi yakinlah, bahawa kerajaan ini sentiasa terbuka dalam mendengar dan mempertimbangkan apa jua saranan berkaitan GST, ia untuk kebaikan bangsa dan negara jua. Justeru, saya mohon agar apa sahaja isu berhubung dengan GST dipanjangkan kepada Wakil-Wakil Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan Parlimen di Johor untuk diajukan kepada di Parlimen untuk dijawab oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya juga mengambil maklum isu-isu peningkatan kos sara hidup yang telah diutarakan. Saya mohon menjelaskan satu perkara yang paling mendasar. Bahawa peningkatan kos sara hidup merupakan satu fenomena global. Ia bukan hanya di Johor, ia adalah isu nasional, isu serantau dan isu global. Ia bukan perkara yang mudah untuk dikawal. Kelmarin umpamanya Indonesia telah menaikkan sebanyak 30% kos harga bahan api akibat persekitaran ekonomi antarabangsa. Justeru, kita harus realistik, perkara ini mendapat perhatian yang serius oleh kedua-dua kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Malah Bajet kerajaan Persekutuan 2015, hampir secara keseluruhan agendanya adalah untuk meringankan beban kos hidup rakyat. Begitu juga bajet kerajaan negeri yang sangat menfokuskan kepada isu memastikan kehidupan rakyat dapat dilalui dengan kos yang munasabah dan berkualiti.

Oleh itu, dalam usaha kita untuk meningkatkan kos sara hidup yang kian meningkat, salah satu pendekatan yang boleh diguna pakai adalah dengan menyediakan peluang dan pilihan untuk rakyat terlibat sama dalam aktiviti ekonomi melalui instrumen koperasi. Seperti yang telah saya umumkan dalam Bajet 2015, koperasi Iskandar Malaysia akan ditubuhkan mulai 2015 yang akan terlibat dalam menubuhkan 150 buah Kedai Harga patut dalam masa 3 tahun di beberapa lokasi dalam Wilayah Ekonomi Iskandar. Koperasi ini juga akan terlibat dalam pembangunan rangkaian nilai untuk Kedai Harga Patut termasuklah pergudangan ataupun *warehousing*, dengan izin. Pemasaran dan penjenamaan, pengedaran, pembungkusan, dan lain-lain aktiviti

berkaitan. Pendekatan koperasi dilihat berkesan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup ini. Memandangkan keahlian Koperasi Iskandar Malaysia ini, adalah terbuka kepada semua rakyat berbilang kaum yang terdapat dalam kawasan Iskandar yang mana mereka akan menjadi sebagai ahli yang akan menikmati dividen daripada setiap keuntungan yang akan dijana oleh koperasi tersebut. Sebagai ahli koperasi pula, mereka akan memastikan peniagaan koperasi berkenaan berjaya dan dapat menjana keuntungan dengan mendapatkan barangan keperluan harian mereka dari Kedai Harga Patut milik Koperasi itu sendiri. Di samping penawaran barangan keperluan yang lebih kompetitif dan murah daripada harga pasaran semasa. Selain itu, pihak IRDA sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk merancang, memudah cara dan mempromosi penubuhan Koperasi ini. Dan Kerajaan Negeri telah pun bersetuju, bersetuju untuk menyediakan *matching grant* sehingga RM10 juta daripada Kumpulan Wang Projek Sosial IRDA untuk menjayakan usaha ini.

Ketiga, pembangunan luar bandar serta fenomena penghijrahan golongan muda ke bandar. Penghijrahan adalah lumrah dalam usaha manusia menjadi mandiri dan menjalani kehidupan yang lingkungannya lebih baik. Benar seperti kata Yang Berhormat Tenggaroh, kita sedang mendepani situasi desa yang semakin menyepi dek penghijrahan orang muda ke bandar-bandar besar dan metropolis. Beberapa kajian yang dibincangkan dalam *World Economic Forum* 2013 dan 2014. Menjangkakan menjelang tahun 2030 kira-kira 70% daripada penduduk dunia akan bekerja dan menetap di bandar. Ini akan mewujudkan *mega city*. Penghijrahan golongan muda ke bandar ini merupakan suatu fenomena global. Perkara ini disumbangkan oleh banyak perkara seperti tarikan kehidupan moden yang lebih terkini, mutu pekerjaan yang baik, kemudahan kesihatan dan pendidikan termaju, malah kegiatan hiburan yang bersesuaian dengan kehendak generasi mereka. Namun begitu, kita tidak akan hanya berpeluk tubuh menyaksikan fenomena global ini. Dalam Bajet 2015, saya telah meletakkan satu inisiatif khas untuk menganjur pendekatan-pendekatan melestarikan desa. Ini bertujuan agar golongan muda yang memilih untuk tinggal di luar bandar, tidak sama sekali terkecuali daripada menikmati kemudahan dan persekitaran hidup yang berkualiti. Pendek kata, kita tidak akan menyekat penghijrahan anak muda ke bandar. Namun kualiti dan kesejahteraan persekitaran hidup luar bandar akan kita tambah baik dan lestarikan.

Keempat, prestasi pencapaian dan pengurusan GLC. Banyak sekali soal pembentangan Laporan Tahunan Syarikat berkaitan kerajaan dibangkitkan. Sukalah saya menjelaskan satu perkara iaitu Syarikat Berkaitan kerajaan di Johor walau pun kebanyakannya dimiliki oleh Kerajaan Negeri, ada antaranya adalah merupakan syarikat awam. Secara umumnya prestasi GLC memang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Namun seperti yang kita ketahui, dan saya yakin Ahli Berhormat Skudai juga sedia maklum, bahawa selaku syarikat awam, segala operasi, pentadbiran dan status kewangannya adalah tertakluk kepada pelbagai peruntukan undang-undang dan kod urus tadbir korporat sama ada daripada Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti dan sesetengahnya Bursa Malaysia. Kesemuanya tertakluk di bawah satu reGym undang-undang dan kawal selia yang ketat lagi telus. Malah semua maklumat mengenai GLC termasuklah GLC milikan Johor, boleh didapati dalam segala laporan tahunan pendedahan dan makluman awam yang diterbitkan oleh mereka dari semasa ke semasa dan dokumen-dokumen boleh diakses secara terus oleh mana-mana pihak awam.

Kelima Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Skudai, Bukit Batu dan Bentayan membangkitkan mengenai pengurusan kewangan negeri dan peruntukan dalam Bajet 2015. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Bajet 2015 atau seperti yang dinyatakan sebagai kira-kira kewangan tahun dalam perkara 36(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor merupakan anggaran hasil dan anggaran perbelanjaan yang dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri sebelum awal tahun itu. Anggaran hasil untuk tahun berikut perlu mengambil pendekatan konservatif supaya peruntukan yang diagihkan adalah secara berhemah. Jika diteliti pembentangan Bajet 2015, terlalu anggaran hasil negeri sebenarnya meningkat jika dibandingkan dengan 2014. Ini kerana anggaran hasil bagi 2015 adalah sebanyak RM1.24 bilion berbanding anggaran hasil yang dibentangkan semasa Bajet 2014, iaitu sebanyak RM1.06 bilion sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 16.4%. Sebenarnya anggaran kutipan hasil 2014 ialah RM1.26 bilion yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Skudai itu adalah anggaran yang dipinda 2014 daripada Buku Bajet 2015 iaitu anggaran yang dibuat berdasarkan prestasi kutipan sehingga 15 November 2014. Angka ini hanya boleh dibandingkan dengan anggaran hasil dipinda 2015 yang akan dibentangkan dalam pembentangan Bajet 2016 kelak. Mengenai dakwaan kononnya bajet negeri 2015 tidak mengambil kira perbelanjaan pembangunan dalam menentukan bajet defisit atau bajet lebihan, ingin saya jelaskan bahawa dalam pembentangan bajet lalu, anggaran hasil adalah sebanyak RM1.239 bilion. Dan, belanja mengurus adalah sebanyak RM1.235 bilion. Manakala belanja, perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM366.196 juta. Tidak timbul soal berlakunya defisit kerana perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 366.196 juta telah dimasukkan di bawah belanja mengurus, di bawah peruntukkan B.28 yang merupakan sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun dengan peruntukan sebanyak RM 330 juta bagi tahun 2015.

Selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri, perbelanjaan pembangunan turut menerima peruntukkan daripada Kerajaan Pusat dengan anggaran bagi tahun hadapan adalah sebanyak RM 25 juta. Peruntukan pembangunan juga di sumbang melalui jualan aset modal yang dianggarkan berjumlah RM 11.696 juta. Untuk mendapat penjelasan terperinci mengenainya, saya sarankan kepada Yang Berhormat Bentayan supaya merujuk kepada Lampiran B dan juga muka surat 57 di dalam buku Bajet 2015.

Keenam, berhubung dengan isu kelestarian alam sekitar dan kesan pembangunan yang kita laksanakan seperti yang diajukan oleh Yang Berhormat Skudai dan Bukit Batu. Dasar Kerajaan Negeri Johor adalah untuk memastikan bahawa segala usaha mesti dilaksanakan untuk memelihara, melestari dan membangunkan alam sekitar bagi membolehkan ia menjadi warisan paling berharga untuk generasi pewaris. Inilah satu-satunya pilihan yang kita ada. Dan kita telah menterjemahkan komitmen ini dalam pelbagai inisiatif untuk memastikan hutan dan tanah lembap yang kita miliki, dan yang mempunyai kepentingan nasional dan antarabangsa, dipelihara dan dipulihara dengan sebaik mungkin. Hutan Simpanan Kekal tidak akan sesekali kita usik dan pembalakan haram akan dibanteras sekeras-kerasnya. Malahan bermula tahun 2015, kita akan membekukan sebarang aktiviti pembalakan di hutan simpan kekal (pengeluaran) di seluruh negeri Johor.

Namun pembangunan harus diseimbangkan dengan kelestarian alam sekitar. Ini realiti. Oleh kerana kita mempunyai kawasan hutan dan tanah lembap yang amat berharga

dan terhad, maka Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan aktiviti penambakan di beberapa kawasan persisiran pantai sebagai alternatif. Dan kerja-kerja penambakan ini adalah sesuatu yang berlaku di seluruh dunia termasuklah Singapura, Dubai, Doha dan beberapa negara lain. Jaminan saya ialah segala usaha akan dilakukan untuk memastikan bahawa segala kerja penambakan ini akan mematuhi segala peraturan dan perintah kualiti alam sekitar yang tegas. Ia akan dilakukan dengan bertanggungjawab dan bermoral.

Berhubung dengan aktiviti penambakan di Perairan Senibong yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu, Majlis Bandaraya Johor Bharu telah memulakan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 70A(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ke atas syarikat yang terlibat kerana menjalankan kerja-kerja tanpa mendapat kebenaran. Kini, proses prosiding dan tindakan undang-undang sedang dibawa oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Berhubung dengan pembangunan Tapak RAMSAR, saya amat terkejut dengan dakwaan tidak berasas Yang Berhormat Skudai, bahawa tapak ini akan disalah guna untuk membina litar F1 dan kasino. Hal ini tidak pernah berada dalam pelan Kerajaan Negeri. (Dewan bertepuk). Dan saya tidak pasti dari sumber manakah Yang Berhormat Skudai mendapat maklumat sedemikian? Kalau ye pun hendak memutar belitkan isu, biarlah yang logik dan diterima akal. (Dewan bertepuk).

Selain itu, saya sudah menjangkakan, sebagai warga Johor, kita akan sering dibanding-bandingkan dengan Singapura. Kita mengakui yang Singapura adalah sebuah negara maju. Namun, membandingkan Singapura dan Johor dari hanya sudut pembangunan dan pertumbuhan ekonomi semata-mata adalah tidak adil. Singapura ada kelebihannya tetapi Johor juga mempunyai kekuatan kedudukan dan kelebihan yang istimewa. Dan tugas Kerajaan Negeri adalah untuk terus membangunkan Johor dengan lebih pesat, lebih rancak dan lebih bertanggungjawab.

Kita akan terus gigih mewujudkan peluang kerja-kerja yang boleh dipenuhi oleh warga kita. Kita akan terus giat menjadikan Johor *'the new economic powerhouse for Malaysia'* dengan izin. Pilihan untuk sama ada penduduk Johor ingin bekerja di Johor atau Singapura adalah sesuatu yang kita sepatutnya raikan. Namun, berdasarkan segala inisiatif yang telah saya bentangkan, saya yakin Johor akan lambat laun mampu menyediakan kualiti hidup dan pekerjaan yang lebih sesuai dengan citra masyarakat.

Malah dalam hal ini, saya ingin maklumkan yang kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, sedang dalam proses penyediaan Kajian Pelan Induk Koridor Pembangunan Selat Tebrau dan Selat Johor. Kajian ini amat penting dalam merancang, mengawal, memandu hala tuju dan pelaksanaan pembangunan hartanah di kawasan Selat Tebrau dan Selat Johor.

Isu ketujuh adalah berkenaan dengan prasarana awam dan institusi kerajaan. Saya perhatikan antara perkara yang sering dibangkitkan adalah berhubung dengan kecekapan pengangkutan awam seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penggaram, Senai, Mengkibol dan Tanjung Puteri. Kerajaan negeri amat komited dalam memastikan setiap inisiatif yang digariskan di bawah sektor pengangkutan awam dapat dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat selain dapat

menyediakan infrastruktur yang lebih cekap dan sistematik bagi menyokong aktiviti pelaburan.

Selain daripada itu, bagi memastikan semua inisiatif transformasi pengangkutan awam Negeri Johor dapat dilaksanakan dengan berkesan, peruntukan yang lebih besar telah dikemukakan oleh kerajaan negeri dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11 kepada kerajaan pusat yang akan mula berkuatkuasa pada tahun 2016. Dengan sumbangan besar negeri Johor terhadap indikator ekonomi Malaysia terutamanya pelaburan baru, kerajaan negeri mengharapkan peruntukan yang besar yang kita pohon untuk pengangkutan awam itu, diluluskan oleh kerajaan persekutuan.

Menyentuh tentang isu kelapan, berkenaan keselamatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Stulang dan Kempas. Saya ingin meyakinkan semua Ahli Dewan bahawa Johor kini adalah sebuah negeri yang semakin sejahtera, semakin aman dan selamat. Kadar jenayah seperti yang saya nyatakan semasa mengusulkan Bajet 2015 lalu, jelas menunjukkan peratusan yang semakin menurun yang turut di zahirkan dengan peningkatan besar kadar kedatangan pelaburan asing. Kalau kadar jenayah kita tinggi, sudah tentulah kita tak akan dapat kedatangan pelabur yang banyak daripada negara asing, (Dewan bertepuk). Sekalipun begitu, Kerajaan Negeri akan terus mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap keselamatan kita bersama-sama dengan kerajaan pusat.

Yang terakhir, saya ingin menyentuh isu Tanah Rizab Melayu seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani dan juga Tenang. Ingin saya tegaskan sekali lagi, bahawa mempertahankan tanah Rizab Melayu akan kekal sebagai antara agenda utama kerajaan negeri di bawah pentadbiran saya sebagai Menteri Besar. Untuk itu, sudah semestinya, harapan untuk memastikan lebih banyak tanah Rizab Melayu di negeri ini akan terus menjadi sasaran utama kerajaan negeri.

Selari dengan matlamat tersebut, hari ini saya akan mengumumkan beberapa lagi langkah proaktif dan khusus yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam melindungi dan mempertahankan tanah Rizab Melayu. Antaranya:

Menukarkan status kesemua tanah peneroka FELDA seluas 145,970 hektar dan tanah FELCRA kepada Rizab Melayu. (Dewan bertepuk).

1. Mewujudkan Inventori Maklumat Tanah-tanah Rizab Melayu.

2. Pejabat Tanah dan Galian Johor akan menguatkuasakan arahan Pekeliling Bil. 2/83 kepada semua pentadbiran tanah di negeri Johor yang mengkehendaki supaya maklumat tanah-tanah Rizab Melayu dilaporkan kepada PTG setiap 6 bulan.

3. Bagi memastikan tanah-tanah Rizab Melayu yang diluluskan kurniaannya dipatuhi oleh pemilik untuk dijadikan sebagai Rizab Melayu, kerajaan negeri mensyaratkan agar hak milik tanah tersebut didaftarkan serentak dengan Kaveat Pendaftar yang akan bertindak sebagai satu halangan sekiranya ada percubaan untuk menjual tanah-tanah kurniaan ini kepada pihak yang bukan Melayu.

4. Seterusnya, bagi menjamin tanah-tanah Rizab Melayu ini kekal, kerajaan akan menguatkuasakan tindakan perampasan tanah yang didapati telah bertukar pemiliknya kepada bukan Melayu sama ada melalui pertukaran pegangan saham atau pengambilalihan syarikat. (Dewan bertepuk).

Tan Sri Speaker, secara kesimpulannya, saya percaya segala isu pokok dan penting telah pun dijawab. Segala kritikan, tohmahan dan andaian yang dilontar hanya berasaskan prejudis dan salah tanggap, saya kira sudah boleh kita tolak ke tepi. Kita tidak banyak masa melayan prasangka dan cubaan-cubaan menghalang agenda besar pembangunan yang memberi manfaat semua. Bak kata orang, sudah lumrah berjuang, pasti ada yang menentang. (Dewan bertepuk). Bijak pandai juga ada berkata, jika kita mampu bersyukur dengan apa yang kita ada, maknya syukur nikmat, kita tidak akan dengan apa yang bukan milik kita.

Jadi, sebelum berakhir, sekali lagi saya ingin mengajak semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama berganding bahu, bekerja keras dan melupakan segala perbezaan politik demi merealisasikan segala program dan inisiatif murni dalam Bajet 2015. Kesemuanya tidak lain hanyalah iltizam melahirkan sebuah negeri Johor yang membangun secara inklusif. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk)

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat. Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB Tan Sri Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM902,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.01, peruntukan sebanyak RM902,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM660,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM242,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM203,792,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan sebanyak RM203,792,000 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kerajaan bagi memaju dan meningkatkan taraf hidup rakyat Negeri Johor.

Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:Bahagian Pengurusan, RM21,141,000; Pelbagai perkhidmatan, RM77,272,000; Menteri Besar Johor RM15,538,000; Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, RM25,272,000; Pentadbiran Dewan Negeri, RM13,902,000; Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, RM6,412,000; Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor, RM15,641,000; Audit Dalam RM83,000,000; Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC), RM1,531,000; Pemberian kepada agensi RM27,000,000.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM19,392,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah: Tan Sri Pengerusi, bagi peringkat jawatankuasa B.03 bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan sejumlah RM19,392,000 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut: Kerajaan Tempatan RM8,736,000.00 Perumahan RM9,374,000.00 Landskap RM1,282,000.00.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM60 juta bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan. Jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan sejumlah RM60 juta disediakan bagi pelaksanaan aktiviti hal ehwal wanita dan keluarga.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini, ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM19,355,000.00, bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Tan Sri Speaker, peruntukan berjumlah RM19,355,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03,

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bagi program rakan muda dan kegiatan-kegiatan sukan negeri. Terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi :Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.
YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,778,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah: Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peruntukan...

YB Tan Sri Pengerusi : Yang Berhormat Pengerusi,

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah: Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, Peruntukan berjumlah RM2,778,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bagi aktiviti-aktiviti di bawah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ).

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan,yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM12,700,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor peruntukan sebanyak RM12,700,000.00 disediakan untuk pelaksanaan kegiatan-kegiatan kebudayaan, seni dan warisan negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,040,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor peruntukan sejumlah RM2,040,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Pelancongan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM17,881,000.00, bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Dato' Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi bagi maksud Bekalan B.04 peruntukan sebanyak RM17,881,000.00 diperlukan bagi pengurusan pentadbiran dan perbendaharaan negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM4,246,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM2,947,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM180,000.00 untuk pemilikan aset, RM4,875,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap dan baki RM5,633,000.00 untuk perbelanjaan pulang balik hasil dan hapuskira.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM19,467,000.00 Bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07 Jabatan Pertanian peruntukan yang disediakan bagi tahun 2015 berjumlah RM19,467,000.00 ianya adalah bagi menampung segala perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Pejabat-Pejabat Pertanian di seluruh negeri merangkumi perbelanjaan-perbelanjaan lain termasuk untuk melaksanakan tugas-tugas membimbing serta melatih petani-petani dan perbelanjaan emolumen anggota jabatan di bawah aktiviti pentadbiran am.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM76,539,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sr Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.08 Jabatan Pengairan dan Saliran peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM76,539,000.00. Sejumlah RM28,717,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, RM46,778,000.00 diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan termasuk pengendalian dan penyelenggaraan sungai-sungai, RM548,000.00 disediakan untuk pemilikan aset jabatan dan RM496,000.00 pula disediakan untuk kenaan dan bayaran tetap termasuk bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM9,294,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasas Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.10 Jabatan Perkhidmatan Veterinar peruntukan sebanyak RM9,294,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk emolumen kakitangan. Dan bagi melaksanakan tugas-tugas membantu dan melatih penternak-penternak serta menjaga kesihatan ternakan-ternakan di seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM7,544,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga DiRaja Johor; RM4,280,000.00 bagi maksud B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Bekalan B.12 peruntukan berjumlah RM7,544,000.00.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Kebun Bunga DiRaja Johor dan peruntukan sebanyak RM4,280,000.00.00 di bawah Maksud Bekalan B.13 adalah untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal serta penyediaan rancangan tempatan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah bagi Maksud B.19, Jabatan Perhutanan; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B. 19 peruntukan sebanyak RM14,027,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Perhutanan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM12,546,000.00 adalah diperuntukkan perbelanjaan emolumen. Manakala baki sebanyak RM1,481,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan, aset dan kenaan bayaran tetap.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM197,640.00.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21 Jabatan Agama Johor peruntukan sebanyak RM197,640,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan agama di dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam termasuk perbelanjaan pengurusan di bawah pendidikan

agama Islam serta bantuan kepada Sekolah-Sekolah Arab dan Sekolah Agama Rakyat, KAFA. peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti ialah sebagaimana berikut: Jabatan Agama pentadbiran am sebanyak RM47,327,000 pendidikan agama Islam sebanyak RM150,313,000.00.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM23,741,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi bagi Maksud Bekalan B.23 Kebajikan Masyarakat peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2015 ialah berjumlah RM23,741,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM3,738,000.00 diperlukan untuk bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM2,577,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan RM755,000 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM16,671,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat.

Ini termasuklah bantuan kepada penduduk-penduduk miskin, bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan bantuan malapetaka seperti banjir dan bantuan air di musim kemarau. Ianya juga melibatkan perbelanjaan pengurusan pusat perlindungan kanak-kanak yang diwujudkan sebagai tempat penempatan sementara kanak-kanak mangsa penderaan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah peruntukan wang berjumlah RM79,531,000.00 bagi Maksud B.24 Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang-Rang Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.24 Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2015 ialah berjumlah RM79,531,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM51,181,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan; RM27,113,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan; RM661,000.00 untuk pemilikan aset; RM560,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap; manakala baki sebanyak RM16,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain jabatan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,087,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor, dan RM330,000,000.00 bagi Maksud B.28, Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.26, Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak berjumlah RM3,087,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM2,227,000.00 adalah untuk perbelanjaan pentadbiran am dan bakinya sebanyak RM816,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada kakitangan Muzium. Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud B.28 pula, peruntukan sebanyak RM330,000,000.00 diperlukan untuk sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun. Jumlah tersebut diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM8,713,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah dan RM2,143,000.00 bagi Maksud B.32 Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, peruntukan sebanyak RM8,713,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah bagi tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,363,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, sebanyak RM4,090,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, sebanyak RM200,000.00 untuk perbelanjaan pemilikan aset dan sebanyak RM60,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Di bawah Maksud Bekalan B.32, peruntukan sebanyak RM2,143,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadiran bagi Jabatan Mufti.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM6,648,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM6,500,098.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM6,436,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM4,663,000.00 bagi Maksud B.44 Pejabat Daerah Pontian; RM5,508,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM4,669,000.00 bagi Maksud B.46 Pejabat Daerah Kluang; RM5,952,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM4,022,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM4,432,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya; RM4,071,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM6,648,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.42,

Pejabat Daerah Muar, diperuntukan sebanyak RM6,568,0000.00; di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM6,436,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM6,663,000.00; di bawah Maksud B.45, Pejabat Daerah SEgamat, diperuntukkan sebanyak RM5,508,000.00; di bawah Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM4,669,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM5,952,000.00; dan di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM4,022,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya, diperuntukkan sebanyak RM4,432,000.00; dan, di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang, diperuntukkan sebanyak RM4,071,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat daerah di seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM26,799,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor; RM5,556,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM4,723,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM5,622,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM3,040,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM3,806,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM3,584,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM3,733,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM2,503,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM2,566,000.00 bagi Maksud B.60 Pejabat Tanah Kulaijaya; RM2,817,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM26,799,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, di bawah Maksud B.53, Pejabat tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM4,723,000.00; dibawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM5,622,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM3,040,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM3,806,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM3,584,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM3,733,000.00; dan, di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM2,503,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM2,566,000.00; dan, di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang, diperuntukkan sebanyak RM2,817,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat tanah di seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 2 jadi dari sebahagian Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya, dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang Negeri Johor seperti berikut; Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2015) Tahun 2014 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2015.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2015.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2015 yang telah dibentangkan sebagai kertas mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2014 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Peruntukan yang diperlukan untuk peranggaran Pembangunan Tahun 2015 adalah berjumlah RM366,166,000.00. Di bawah 7 Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM148,257,000.00

2. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, RM20,860,000.00

3. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM39, 086,000.00

4. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM20,742,000.00.

5. Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor RM5,900,000.00

6. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, RM31,520,000.00

7. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor RM99,831,000.00

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM903,000.00 bagi maksud P49 Jabatan Perikanan, RM9,039,000.00 bagi maksud P50, RM10,800,000.00 bagi maksud P52 Veterinar dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud Pembangunan 49 Jabatan Perikanan peruntukan sebanyak RM903,000.00 disediakan bagi tahun 2015. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM93,000.00 untuk latihan perikanan dan Projek Pemuliharaan Penyu. RM550,000.00 disediakan untuk perlaksanaan Projek Pemusatan Pembangunan Akuakultur, manakala selebihnya sebanyak RM300,000.00 diperlukan khusus untuk pembinaan jeti. Di bawah maksud Pembangunan 50 Jabatan pertanian, peruntukan sebanyak RM9,039,000.00 disediakan untuk tahun 2015 bagi program-program latihan pertanian serta bantuan perkhidmatan pengembangan dan perundingan pertanian dan juga rancangan-rancangan lain yang bertujuan meningkatkan daya pengeluaran sektor pekebun kecil di luar bandar.

Akhir sekali, di bawah maksud Pembangunan 52, Jabatan Perkhidmatan Veterinar peruntukan sebanyak RM10,800,000.00 disediakan untuk perlaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk pembangunan industri ternakan lembu dan kerbau, kambing dan biri-biri khidmat kesihatan veterinar serta

kawalan pencemaran industri ternakan. Di samping itu. peruntukan juga disediakan bagi pengembangan keusahawan industri ternakan yang bertujuan memberi bimbingan kepada usahawa kecil supaya berjaya dalam industri ternakan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM31,520,000.00 bagi maksud P51 Jabatan Pengairan Dan Saliran dipersetujukan.

YB Pengerusi Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Pembangunan 51 Jabatan Pengairan dan Saliran, amaun sebanyak RM31,520,000.00 diperuntukkan untuk perlaksanaan projek-projek bagi tahun 2015. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,220,000.00 adalah bagi pembelian aset serta kerja-kerja bagi menaik taraf kemudahan asas jabatan dan sebanyak RM11,500,000.00 disediakan untuk projek-projek saliran bandar bagi mengatasi banjir di kawasan bandar. Sebanyak RM18,800,000.00 pula disediakan bagi perlaksanaan projek-projek saliran dan pengairan yang lain di seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM16,700,000.00 bagi Maksud P.53 Kerajaan Tempatan dan RM2,160,000.00 bagi maksud P54 Perumahan dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Pembangunan 53 Kerajaan Tempatan, peruntukan berjumlah RM16,700,000.00 disediakan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM6 juta disediakan sebagai geran keseimbangan kerajaan negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Geran ini berfungsi untuk perlaksanaan projek-projek pembangunan kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan kepada masyarakat seperti kerja-kerja pembersihan kawasan, pengangkutan sampah, pembiayaan, bil-bil lampu jalan dan lampu isyarat serta lain-lain lagi. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM1 juta sebagai sumbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk program-program pengindahan kawasan.

Di samping itu, peruntukan sebanyak RM500,000.00 disediakan untuk kerja-kerja tambahan di Zoo Negeri dan sebanyak RM200,000.00 untuk kerja-kerja membaiki kemudahan-kemudahan awam di kawasan air panas, Gersik. Peruntukan sebanyak RM9 juta juga disediakan sebagai bantuan kerajaan negeri untuk projek-projek pembangunan di kawasan penguasa-penguasa tempatan. Dan bagi maksud Pembangunan P.54 Perumahan, peruntukan berjumlah RM2,160,000.00 disediakan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM310,000.00 disediakan untuk kerja-kerja penyediaan tapak bagi projek-projek rumah awam kos rendah di samping subsidi ke atas faedah di bawah sistem jualan terus. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM400,000.00 untuk penggantian tangki-tangki air di rumah-rumah pangsa awam dan sebanyak RM350,000.00 disediakan untuk mengganti lif rumah-rumah

pangsa. Sebanyak RM1,100,000.00 pula disediakan untuk mengecat rumah-rumah pangsa kerajaan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM53 juta bagi maksud P55 Pejabat Daerah dan Tanah, RM88,500,000.00 bagi maksud P56 Pejabat Menteri Besar, RM6,257,000.00, bagi maksud P57 Jabatan Perhutanan dipersetujukan.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan : Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Pembangunan 55, Pejabat Daerah dan Tanah, sebanyak RM51 juta disediakan untuk melaksanakan projek-projek jalan dan jambatan kampung. Manakala sebanyak RM2 juta pula diperuntukkan untuk projek-projek kecil tali air di kawasan-kawasan kampung.

Bagi maksud Pembangunan P.56 Pejabat Menteri Besar, peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil pembangunan di seluruh negeri disediakan sebanyak RM57 juta. Sejumlah RM2 juta disediakan untuk rancangan penggalakan industri kampung dan sebanyak RM2 juta juga disediakan bagi rancangan meningkatkan penggunaan tanah terbiar. Manakala RM5 juta disediakan untuk perbelanjaan pengambilan balik tanah bagi tujuan projek-projek pembangunan. Sementara RM1 juta iaitu untuk pembaikan serta pengubahsuaian kompleks-kompleks Penghulu. Sebanyak RM5 juta telah dicadangkan sebagai geran pelancaran untuk rancangan membasmi kemiskinan. Peruntukan sebanyak RM5 juta disediakan untuk Tabung Pembangunan Keusahawanan. RM1 juta untuk melaksanakan program-program Industri Kecil dan Sederhana. RM5 juta disediakan bagi pembinaan Dewan Orang Ramai dan Dewan Serbaguna. Sementara sebanyak RM2 juta lagi diperuntukkan untuk pembinaan padang permainan di setiap mukim di seluruh negeri Johor. Baki sebanyak RM3,500,000.00 lagi sediakan untuk membiayai perlaksanaan infrastruktur pengangkutan awam negeri Johor.

Bagi maksud Pembangunan P57 Jabatan Perhutanan, peruntukan sebanyak RM2,414,000.00 disediakan untuk pengurusan dan pembangunan sumber hutan. Sebanyak RM1,500,000.00 disediakan untuk infrastruktur dan utiliti. Dan sebanyak RM900,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan hutan tipur dan eko-pelancongan.

Di samping itu juga, RM250,000.00 bagi penjagaan kualiti biji-biji benih dan bahan-bahan tanaman. Sebanyak RM150,000.00 untuk operasi dan penguatkuasaan. Sebanyak RM843,000.00 untuk pemeliharaan sumber serta pusat kecemerlangan hutan dan sebanyak RM200,000.00 pula lagi diperuntukkan untuk ICT, publisiti dan pengembangan perhutanan negeri johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM39,086,000.00 bagi maksud P58 Jabatan Agama dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud P.58 Jabatan Agama peruntukan sebanyak RM3 juta disediakan untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan di Pusat Islam Iskandar Johor. Dan, RM20 juta untuk pembinaan sekolah-sekolah agama di seluruh negeri Johor. Sebanyak RM2,500,000.00 diperuntukan untuk pembinaan dan pembaikan pejabat agama di daerah-daerah seluruh negeri Johor.

Dan, sejumlah RM2,586,000.00 lagi adalah untuk perlaksanaan kerja-kerja yang dirancangkan mengikut peringkat-peringkat bagi membina rumah pegawai dan kakitangan Masjid Jamek Kerajaan, membina rumah-rumah guru di kawasan LKTP yakni FELDA serta pembelian kenderaan dan hamparan bagi Masjid-masjid Jamek kerajaan. Peruntukan sejumlah RM2,800,000.00 lagi adalah bagi peruntukan dan kemudahan di tanah-tanah perkuburan.

Bagi peruntukan RM8,200,000.00 lagi adalah untuk membina dan memperelok Masjid-Masjid Jamek, bangunan-bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor, Kompleks Balai Cerap dan bangunan Jabatan Mufti Negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2 juta bagi maksud P.59 Jabatan Landskap dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Pembangunan 59 Jabatan Landskap peruntukan sebanyak RM2 juta disediakan pada tahun 2015 bagi perlaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Jabatan Landskap. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM140,000.00 disediakan untuk pembangunan taman awam sementara RM760,000.00 disediakan untuk kerja-kerja pembangunan landskap. Baki sebanyak RM1,100,000.00 disediakan untuk program-program pengindahan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM99,831,000.00 bagi maksud P60 Jabatan Kerja Raya dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud Pembangunan 60 peruntukan sebanyak RM50 juta diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan menaikkan taraf serta memperelokkan jalan dan jambatan negeri. Sebanyak RM400,000.00 untuk membina tembok tepi sungai dan pantai, dan RM500,000.00 bagi rancangan mengelakkan banjir. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM50,000.00 untuk kemudahan dan keselamatan bangunan Sultan Ibrahim dan sekitarnya. Sebanyak RM16,800,00.00 untuk kerja-kerja menambah dan memperelok bangunan-bangunan negeri dan RM900,000.00 lagi disediakan untuk kerja-kerja pembinaan dan ubahsuai bangunan pejabat kerajaan di daerah-daerah negeri Johor. Sebanyak RM1 juta diperuntukkan

untuk melebarkan jalan-jalan negeri di dalam kawasan Majlis Daerah. RM6 juta bagi melakukan kerja-kerja kecil dan RM15 juta diperuntukkan untuk memperelok dan memperbaiki bangunan-bangunan Istana Negeri Johor.

Akhir sekali, sebanyak RM500,000.00 diperuntukan penyelenggaraan bangunan dan keperluan workshop. Sebanyak RM1,500,000.00 untuk stor-stor JKR dan alat penghawa dingin, serta RM1,180,000.00 diperuntukkan untuk rumah-rumah buruh, alatan rumah kerajaan dan juga alat-alat ukur dan makmal dan RM 2 juta untuk pembelian kenderaan dan jentera, selebihnya iaitu berjumlah RM 1 juta disediakan untuk kerja-kerja kecil elektrik.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di bawah Jawatankuasa ini supaya peruntukan ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,900,000.00 bagi Maksud P61, Pelancongan dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Pembangunan 61, Pelancongan, peruntukan sebanyak RM5,900,000.00 disediakan bagi tahun 2015 untuk melaksanakan program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang ditetapkan bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di bawah Jawatankuasa ini supaya peruntukan ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P62, Wang Cadangan Belanja Mengejut dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, Wang Cadangan Belanja Mengejut pembangunan negeri berjumlah RM500,000.00 diadakan untuk membolehkan perbelanjaan dibuat ke atas keperluan-keperluan yang mendesak, di mana tiada peruntukan baginya di dalam Belanjawan Negeri. Di atas kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, perbelanjaan akan dilakukan sementara mendapat kelulusan daripada Dewan Negeri. Pendahuluan yang dikeluarkan di atas perbelanjaan-perbelanjaan begini akan dipelaraskan kepada peruntukan yang berkenaan apabila peruntukan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Negeri.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2014 telah pun selesai ditimbangkan. Maka, saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu Di maklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan Keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah menimbang dan meluluskan tanpa pindaan Maksud-Maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2014. Jadi itu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu, iaitu peruntukan wang berjumlah RM366,196,000.00 yang dicadangkan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan tahun 2015 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM366,196,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 2015 bagi menyempurnakan Maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat yang tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RUNDINGAN RUNDINGAN DENGAN TIDAK PAYAH DIBERITAHU.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu rundingan di bawah Peraturan Tetap Bilangan 32 (B), yang diakui mustahak iaitu pemilihan Ahli Dewan Negara oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebagaimana peruntukan yang sama, rundingan itu perlu disokong oleh 10 orang Ahli. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong sila bangun di tempat masing-masing. Oleh sebab terdapat lebih daripada 10 orang Ahli yang menyokong, rundingan ini saya terima.

Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI AHLI DEWAN NEGARA.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang biasa dilakukan pemilihan Ahli Dewan Negara ini adalah menurut Fasal 45, Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan dengan demikian tiap-tiap cadangan hendaklah disokong dan disertai dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh calon berkenaan menyatakan kesanggupannya berkhidmat jika dipilih dan cadangan itu tidak perlu di bahas. Yang Amat Berhormat sila kemukakan cadangan sekarang.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Encik Chia Song Cheng dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh 3 tahun. Untuk makluman Dewan yang mulia, Encik Chia Song Cheng telah dilahirkan pada tahun 1952, beliau telah berkahwin dengan Puan Cheng Geok Mooi dan dikurniakan dua orang anak.

Di awal kerjayanya, Encik Chia Song Cheng telah berkhidmat selama 26 tahun sebagai kakitangan awam di Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional bagi negeri Johor bagi tahun 1982 sehingga 2008.

Namanya sebagai pemimpin masyarakat sememangnya tidak asing lagi, terutama buat masyarakat Tiong Hua di negeri ini kerana aktif terlibat dalam aktiviti-aktiviti

Pertubuhan Bukan Kerajaan di negeri ini. Malah di atas jasanya kepada rakyat, beliau pernah dipilih menjadi Ahli Dewan Negeri di kawasan Pengkalan Rinting dari tahun 2008 hingga 2013.

Di dalam bidang politik pula, Encik Chia Song Cheng kini merupakan Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri sejak 2013. Di peringkat Bahagian juga, beliau merupakan Ketua Bahagian MCA Pulai dari 2013 hingga kini. Selain itu, beliau ialah Pengerusi MCA Cawangan Kampung Kempas Baru dari 1984 hingga ke hari ini. Dengan ketokohan dan pengalaman yang ada pada beliau, maka beliau dilihat sebagai individu terbaik untuk dicadangkan namanya sebagai Ahli Dewan Negara. Dan dengan ini saya serahkan pengakuan bertulis yang telah pun ditandatangani oleh calon yang saya cadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini telah menerima rundingan tersebut yang telah pun disokong. Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan, tidak bersetuju, cadangan itu dipersetujukan.

Dengan demikian saya isytiharkan bahawa Encik Chia Song Cheng adalah dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh selama tiga tahun (Dewan bertepuk).

Saya dan bagi pihak Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sebagai Encik Chia Song Cheng, semoga beliau dapat menumpukan khidmatnya kepada rakyat dan negeri sebagai Ahli Dewan Negara.

YB Pengerusi Jawtankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga semua yang bersama-sama bekerjasama menjayakan Persidangan kita kali ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya dengan ini mempersilakan semua Ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan untuk ke Dewan jamuan untuk jamuan tengah hari.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan hingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:15 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS

Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Penolong Jurutulis
Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Koordinator
Encik Omar bin Yasin

Setiausaha Pejabat
Puan Norliza binti Md. Aris
Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Am Pejabat
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Mohd. Norazri bin Kasim
Encik Mohd. Sapri bin Manan

Rakaman
Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Setiausaha Pejabat
Puan Rahimah binti Akhbar
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

Puan Zalinah binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Hairul Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Tim. Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Inson binti Abdul Wahab
Pejabat SUKJ Bahagian Pengurusan

Puan Liza Noor Asyikin binti Abdul Halim
Pejabat Jabatan Agama Johor (Bahagian Pendidikan)

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Fareza binti Musa
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Sarimah binti Said
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Jabatan Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Pejabat Pengairan dan Saliran Negeri Johor

Puan Norlydialina binti Isnin
Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor

Cik Nor Zamila binti Sapie
Pejabat Bendahari Negeri Johor

Puan Norazilawati binti Masri
Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru

Cik Sharifah Nur Asyikin binti Syed Omar
Pejabat Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor

Cik Nur Adeliah binti Abidi
Pejabat Badan Kawal Selia Air Negeri Johor

Puan Norhadiha binti Norudin
Pejabat SUKJ Bahagian Audit Dalam

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat SUKJ Bahagian Kerajaan Tempatan

Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Pejabat SUKJ Bahagian Landskap

Puan Zakiah binti Abd. Wahab
Pejabat Majlis Sukan Negeri Johor

Cik Nuraini binti Mohd. Alip
Pejabat Taman Negara Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Setiausaha Politik (Pejabat MBJ)

Puan Norhafizah binti Osman
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor

Puan Raihanah binti Ismail
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Norwahidah binti Elias
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI JOHOR

07 Disember 2014